

**ANALISIS HUKUM TAGHYIR KHALQILLAH DALAM FATWA  
PERUBATAN BADAN FATWA TERPILIH**

MOHAMMAD NAQIB BIN HAMDAN

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2018

**ANALISIS HUKUM *TAGHYIR KHALQILLAH* DALAM  
FATWA PERUBATAN BADAN FATWA TERPILIH**

**MOHAMMAD NAQIB BIN HAMDAN**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

UNIVERSITI MALAYA  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: MOHAMMAD NAQIB BIN HAMDAN

No. Pendaftaran/Matrik: IHA150067

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**ANALISIS HUKUM TAGHYIR KHALQILLAH DALAM FATWA PERUBATAN BADAN FATWA TERPILIH**

Bidang Penyelidikan: FIQH

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 18 OKTOBER 2018

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 18 OKTOBER 2018

Nama:

Jawatan

**ANALISIS HUKUM TAGHYIR KHALQILLAH DALAM FATWA PERUBATAN**  
**BADAN FATWA TERPILIH**

**ABSTRAK**

Perkembangan dunia perubatan pada hari ini telah memberikan pelbagai pilihan prosedur rawatan kepada para pesakit dan sebahagiannya memberi kesan kepada pengubahan fizikal pesakit, khususnya prosedur yang melibatkan pembedahan rekonstruktif, plastik dan kosmetik. Secara asas, pengubahan fizikal (*taghyīr khalqillāh*) dilarang oleh Allah SWT dan ia boleh dilihat menerusi surah al-Nisā', ayat 119 dan hadis larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*. Justeru, kajian ini akan menjelaskan konsep *taghyīr khalqillāh* menurut pandangan Islam berdasarkan analisis perspektif *mufassirīn*, *muḥaddithīn* dan *fuqahā'*. Pengkaji juga menganalisis teks resolusi dan fatwa semasa yang mempunyai perkaitan dengan *taghyīr khalqillāh*. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menggabungkan dua metode utama iaitu kajian dokumen dan kajian kes. Seramai 12 *mufassirīn*, 18 *muḥaddithīn* dan 18 fuqaha telah dipilih bagi kajian dokumen manakala kajian kes pula melibatkan 139 resolusi dan fatwa dari 10 badan fatwa utama dunia. Data yang dikumpulkan dianalisis kandungannya secara tematik. Hasil kajian mendapati para ulama menggunakan pertimbangan *maqāṣid* dalam penentuan sesuatu hukum. Ia dapat dikelaskan kepada tiga peringkat iaitu *taghyīr darūrī*, *ḥājī* dan *taḥsīnī*. Dalam kajian ini, pengkaji hanya membangunkan kriteria *taghyīr taḥsīnī* sahaja kerana *taghyīr darūrī* dan *taghyīr ḥājī* diharuskan oleh para ulama dalam ruang keperluannya sahaja. Sedangkan *taghyīr taḥsīnī* tiada panduan secara khusus. Analisis terhadap 139 teks resolusi dan fatwa perubatan berkaitan *taghyīr khalqillāh* mendapati 67% daripadanya menggunakan pertimbangan maqasid dalam penentuan hukum. Justeru, konsep dan kriteria *taghyīr khalqillāh* yang dicadangkan ini boleh dijadikan panduan oleh pihak pengurusan fatwa negeri dalam memutuskan fatwa dalam isu perubatan. Begitu juga para doktor dan pesakit juga boleh merujuk kepada panduan ini sebagai

pertimbangan ketika menentukan prosedur rawatan perubatan yang selari dengan petunjuk syariah.

**Kata kunci:** Ubah suai ciptaan, fatwa perubatan, *maqāṣid sharī‘ah*, pengubahan ciptaan Allah SWT, rawatan kosmetik

# **ANALYSIS OF THE RULING OF TAGHYIR KHALQILLAH IN FATWA ON MEDICINE BY SELECTED FATWA BODIES**

## **ABSTRACT**

The development of the medical world today provides a wide range of procedures for patients and partly affects the physical of patients, particularly in reconstructive, plastic and cosmetic surgery. Basically, *taghyīr khalqillāh* is prohibited by Allah SWT as found in surah al-Nisā', verse 119 and the prohibitions from the *hadīth* of *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*. Hence, this study will explain the concept of *taghyīr khalqillāh* according to Islamic views through analysis of the perspectives of *mufassirīn*, *muḥaddithīn* and *fuqahā'*. Researcher will also analyze the current resolutions and fatwa texts associated with the *taghyīr khalqillāh*. This study uses qualitative research method by combining document study and case study. A total of 12 *mufassirīn*, 18 *muḥaddithīn* and 18 *fuqahā'* were selected for document studies and 139 resolutions and fatwas from 10 major fatwa bodies for case studies. By using thematic analysis, this study found that the scholars use the concept of *maqāṣid* in determination of Islamic ruling by classifying *taghyīr* to three levels, ie. *taghyīr ḏarūrī*, *ḥājī* and *taḥsīnī*. In this study, only the criteria of *taghyīr taḥsīnī* being developed because *taghyīr ḏarūrī* and *taghyīr ḥājī* are allowed by the scholars in their necessary space. While *taghyīr tafsīnī* has no specific guidance. An analysis of 139 texts and medical fatwa related to *taghyīr khalqillāh* found that 67% of them use *maqāṣid* consideration in determining the Islamic ruling. Hence, the suggested concept and criteria of *khalqillah* can be a guidance to state fatwa bodies in deciding fatwa on medical issues. Doctors and patients may also refer to the guidance in determine medical treatment procedures allowed by shariah.

**Keywords:** Modification of Allah's creation, medical fatwa, shariah objective, alteration of Allah's creation, cosmetic treatment

## PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين. وبعد...

Puji syukur saya panjatkan ke hadrat Allah ‘Azza wa Jalla yang telah memberikan taufik dan hidayahNya, sehingga kajian ini dapat diselesaikan. Dalam kesempatan ini, saya ingin memberikan penghargaan kepada individu-individu yang telah memberikan sumbangan sehingga membolehkan saya melengkapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Dr. Mohd Anuar Ramli selaku penyelia yang telah memberikan banyak tunjuk ajar sepanjang perjalanan saya dalam menyiapkan tesis ini. Pelbagai tunjuk ajar, nasihat, sokongan, dorongan, kritikan, teguran, buah fikiran dan idea telah diberikan sehingga lengkap penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Dr. Luqman Hj. Abdullah dan barisan pensyarah yang dihormati di Jabatan Fiqh dan Usul. Tidak lupa juga kepada kakitangan akademik dan Ijazah Tinggi, staf pentadbiran dan perpustakaan, serta warga APIUM yang telah membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tidak lupa juga kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi atas bantuan biasiswa MyPhD yang diberikan.

Buat Ibu Bapa, Saodah Razali dan Hamdan Mokhtar, Ummi Abah, Fatimah A. Majid dan Wan Ali Wan Jaafar, doakan anakanda menjadi anak yang soleh dan mampu membimbang umat pada masa hadapan. Kepada Isteri tercinta, Wan Nur Deeni binti Wan Ali, terima kasih atas segala kasih sayang, dorongan, sokongan, kesabaran dan kesudian menjadi tempat luahan perasaan sepanjang penulisan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada adik beradik Fakhri dan Akmami, Afifah dan Amirul, Syazwani, Iqbal, Insyirah, Zuhaili, Hasan dan Salehah, Syamilah, Syahidah, Husin, Ilya dan Sirin, terima kasih atas sokongan dan doa kalian.

Akhir sekali, kepada semua sahabat, teman seperjuangan dan sesiapa sahaja yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung. Tanpa doa kalian, tidak mungkin kajian ini mampu sampai ke penghujung. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalaunya.

**Mohammad Naqib bin Hamdan,**  
No. 6, Lot 4012,  
Lorong Haji Said, Jalan Kebun,  
40460 Shah Alam,  
Selangor DE.

+6 011 2807 2356  
naqib.hamdan@gmail.com

## ISI KANDUNGAN

Abstrak .....	iii
Abstract .....	v
Penghargaan .....	vi
Isi Kandungan .....	vii
Senarai Carta dan Rajah .....	xi
Senarai Jadual .....	xii
Senarai Transliterasi .....	xv
Senarai Simbol dan Singkatan .....	xvi
 <b>BAB 1: PENDAHULUAN .....</b>	 <b>1</b>
1.1    Latar Belakang Kajian .....	1
1.2    Permasalahan Kajian .....	8
1.3    Persoalan Kajian .....	9
1.4    Objektif Kajian .....	9
1.5    Skop Kajian .....	10
1.6    Kepentingan Kajian .....	11
1.7    Sorotan Literatur .....	11
1.7.1    Konsep <i>Playing God</i> Menurut Sarjana Barat .....	12
1.7.2    Kajian Lepas Mengenai Konsep <i>Taghyīr Khalfillāh</i> Oleh Para Sarjana Islam .....	14
1.7.3    Kajian Lepas tentang Fatwa Perubatan .....	19
1.7.4    Kajian Lepas tentang <i>Taghyīr Khalfillāh</i> dalam Fatwa Perubatan .....	24
1.8    Metodologi Kajian .....	26
1.8.1    Kerangka Kajian .....	27
1.8.2    Pengumpulan Data .....	29
1.8.3    Analisis Data .....	33
1.8.4    Isu Kesahan dan Kebolehpercayaan .....	36
 <b>BAB 2: <i>TAGHYĪR KHALQILLĀH</i> MENURUT BAHASA, MUFASSIRĪN, MUHADDITHĪN DAN FUQAHĀ’ .....</b>	 <b>37</b>
2.1    Definisi <i>Taghyīr</i> .....	37
2.2 <i>Taghyīr Khalfillāh</i> Menurut <i>Mufassirīn</i> .....	40
2.2.1    Himpunan Tafsiran <i>Mufassirīn</i> Mengenai <i>Taghyīr Khalfillāh</i> Dalam Surah Al-Nisā’: 119 .....	41

2.2.2	Analisis Senarai Ulama yang Memberikan Tafsiran .....	60
2.2.3	Analisis Dalil yang Digunakan .....	67
2.2.4	Analisis Tafsiran <i>Mufassirin</i> mengenai <i>Taghyīr Khalqillah</i> .....	74
2.3	<i>Taghyīr Khalqillāh</i> Menurut <i>Muḥaddithīn</i> dan <i>Fuqahā'</i> .....	78
2.3.1	Pertama: Definisi <i>al-Waṣl</i> , <i>al-Washm</i> , <i>al-Namṣ</i> dan <i>al-Tafalluj</i> .....	91
2.3.2	Kedua: Perbincangan Mengenai Hukum <i>al-Waṣl</i> , <i>al-Washm</i> , <i>al-Namṣ</i> dan <i>al-Tafalluj</i> .....	95
2.4	Analisis .....	115
2.4.1	Analisis Latar Belakang Masa, Mazhab dan Buku <i>Muhaddithīn</i> .....	116
2.4.2	Analisis Latar Belakang Masa dan Mazhab <i>Fuqahā'</i> .....	118
2.4.3	Analisis Tokoh yang Mengemukakan ‘ <i>Illah</i> Larangan bagi <i>al-Waṣl</i> , <i>al-Washm</i> , <i>al-Namṣ</i> dan <i>al-Tafalluj</i> .....	122
2.4.4	Analisis Ketepatan ‘ <i>Illah</i> .....	127
2.5	Kesimpulan .....	131

### **BAB 3: TAGHYĪR KHALQILLĀH YANG DIHARUSKAN DAN DILARANG...132**

3.1	Pengenalan .....	132
3.2	<i>Taghyīr Khalqillāh</i> yang Diharuskan dan Dilarang .....	132
i.	Amalan fitrah berdasarkan hadis beliau yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA .....	133
ii.	Memakai hidung palsu dari emas .....	138
3.3	Mengkhususkan ‘ <i>Illah</i> Mengubah Ciptaan Allah SWT ( <i>Takhṣīṣ ‘Illah Taghyīr Khalqillāh</i> ) .....	146
3.3.1	Definisi <i>Takhṣīṣ ‘Illah</i> .....	147
3.3.2	<i>Takhṣīṣ ‘Illah</i> Menurut <i>Uṣūliyyīn</i> .....	149
3.4	<i>Taghyīr Khalqillāh Taḥṣīniyyah</i> .....	152
3.5	Panduan <i>Taghyīr Khalqillāh Taḥṣīniyyah</i> .....	163
3.6	Definisi Lengkap <i>Taghyīr Khalqillāh</i> .....	174
3.7	Kesimpulan .....	176

### **BAB 4: FATWA DAN RESOLUSI BADAN FATWA DUNIA MENGENAI TAGHYĪR KHALQILLĀH .....177**

4.1	Pengenalan .....	177
4.2	Kepentingan <i>Ijtihād Jamā‘ī</i> .....	178
4.3	Badan Fatwa Antarabangsa .....	180
4.3.1	Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah bi al-Azhar (MBI) .....	180

4.3.2 Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī – MFID (Akademi Fiqh Islami – OIC) .....	185
4.3.3 Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī (MFI) .....	192
4.3.4 Al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā’ wa al-Buhūth (MUIB) .....	197
4.4 Badan Fatwa Negara .....	203
4.4.1 Mesir .....	203
4.4.2 Jordan .....	209
4.4.3 Arab Saudi .....	214
4.4.4 Kuwait.....	218
4.4.5 Palestin .....	223
4.4.6 India .....	226
4.5 Kesimpulan .....	230

**BAB 5: ANALISIS FATWA PERUBATAN BADAN FATWA UTAMA DUNIA ISLAM .....** **231**

5.1 Pengenalan .....	231
5.2 Analisis Hukum dan ‘Illah Keharusan atau Larangan Transplan Organ .....	231
5.2.1 Transplan Anggota Badan atau Organ .....	232
5.2.2 Transplan Organ Bukan Muslim kepada Muslim .....	238
5.2.3 Transplan Sel Saraf, Sel Tunjang dan Sel Otak .....	238
5.2.4 Transplan Organ dari Janin .....	240
5.2.5 Transplan Organ Reproduktif .....	241
5.2.6 Transplan Rahim .....	242
5.2.7 Transplan Testis .....	242
5.2.8 Transplan Rambut .....	243
5.2.9 Transplan Jari .....	244
5.2.10 Transplan Kornea Mata .....	244
5.2.11 Transplan Jantung .....	247
5.2.12 Transplan Injap Jantung dari Khinzir ( <i>Xenotransplantation</i> ) .....	248
5.3 Analisis Hukum dan ‘Illah Keharusan atau Larangan Derma Organ .....	249
5.3.1 Derma Organ .....	250
5.3.2 Derma Kornea Mata .....	250
5.3.3 Derma Buah Pinggang .....	252
5.3.4 Derma Hati .....	254
5.3.5 Derma Sum-sum Tulang (Sel Tunjang) .....	255

5.4	Analisis Hukum dan ‘ <i>Illah</i> Keharusan atau Larangan Kejuruteraan Genetik dan Teknologi Perubatan .....	256
5.4.1	Diagnosis Genetik .....	256
5.4.2	Rawatan Sel Tunjang .....	258
5.4.3	Penyakit Genetik .....	260
5.4.4	Memilih Jantina dan Sifat Bayi .....	261
5.4.5	Bayi Tabung Uji .....	262
5.4.6	Pengklonan Manusia .....	264
5.5	Analisis Hukum dan ‘ <i>Illah</i> Keharusan atau Larangan Pembedahan .....	266
5.5.1	Transgender .....	266
5.5.2	Khitan Kanak-kanak Perempuan .....	269
5.5.3	Memotong Jari Tambahan ( <i>Polidaktily</i> ) .....	271
5.5.4	Membuang Rahim Wanita OKU ( <i>Histerektomi</i> ) .....	272
5.5.5	Mengembalikan Selaput Dara ( <i>Hymenoplasty</i> ) .....	274
5.5.6	Menyamakan Gigi yang Terlebih Panjang .....	276
5.5.7	Pemandulan Kekal dan Ikat Tiub Fallopio ( <i>Tubal Ligation</i> ) .....	276
5.5.8	Kembar Siam .....	279
5.6	Analisis Hukum dan ‘ <i>Illah</i> Keharusan atau Larangan Pembedahan Kosmetik .....	281
5.6.1	Pembedahan Kosmetik dan Pembedahan Plastik .....	281
5.6.2	Mencantikkan Gigi .....	284
5.6.3	Rekonstruksi Vagina .....	286
5.6.4	Mencukur Kening untuk Pembedahan .....	287
5.7	Kesimpulan .....	288
	<b>BAB 6: PENUTUP .....</b>	<b>295</b>
6.1	Pengenalan .....	295
6.2	Rumusan Kajian .....	295
6.3	Cadangan .....	299
6.4	Saranan Kajian Lanjut .....	301
	<b>RUJUKAN .....</b>	<b>302</b>
	Buku .....	302
	Tesis .....	315
	Artikel dan Jurnal .....	316
	Temubual .....	321
	Laman Sesawang .....	321

## SENARAI CARTA DAN RAJAH

Rajah 2.1:	Susunan Kata Kunci bagi <i>Taghyīr</i> , <i>Tabdīl</i> , <i>Taḥwīl</i> dan <i>Naql</i>	39
Rajah 2.2:	Konsep <i>Taghyīr Khalqillāh</i> berdasarkan <i>Mufassirīn</i>	77
Carta Alir 1.1:	Pembentukan Konsep/ Teori <i>Tagyīr Khalqillāh</i>	29
Carta Alir 1.2:	Metode Analisis Kandungan Secara Tematik	35
Carta Alir 6.1:	SOP <i>Taghyīr Khalqillāh Taḥsīniyyah</i>	300
Carta Pai 2.1:	Pecahan Kurun <i>Muḥaddithīn</i>	116
Carta Pai 2.2:	Pecahan Mazhab	117
Carta Pai 2.3:	Syarah kepada Buku Utama Hadis	117
Carta 3.1:	Pecahan <i>Taghyīr Khalqillāh</i> Berdasarkan Turutan <i>Maqāṣid</i>	146
Carta 3.2:	<i>Taghyīr Khalqillāh Taḥsīniyyah</i>	153
Carta 3.3:	<i>Taghyīr Khalqillāh Taḥsīniyyah</i> (Aspek Dalaman)	154
Carta 3.4:	<i>Taghyīr Khalqillāh Taḥsīniyyah</i> (Aspek Luaran)	159
Carta 4.1:	Carta Organisasi Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah	182
Carta 4.2:	Pengurusan dan Pentadbiran DIM	204
Carta 4.3:	Struktur Organisasi DIJ	212

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Statistik Pembedahan Kosmetik Lima Negara Tertinggi Jumlah Pembedahan Kosmetik dan Beberapa Negara Islam Tahun 2016	1
Jadual 1.2:	Permohonan dan Pertanyaan mengenai Pembedahan Plastik di Malaysia	3
Jadual 1.3:	Pecahan Tahun Pelanggan yang Membuat Permohonan dan Pertanyaan tahun 2016	3
Jadual 1.4:	Jumlah Resolusi dan Fatwa yang Diputuskan oleh Badan Fatwa Dunia	25
Jadual 2.1:	Definisi dan Kata Kunci bagi Perkataan <i>Taghyīr</i> , <i>Taḥwīl</i> , <i>Tabdīl</i> dan <i>Naql</i>	37
Jadual 2.2:	Latar Belakang Masa dan Akidah <i>Mufassirīn</i>	41
Jadual 2.3:	Latar Belakang Aliran Mazhab Fiqh dan <i>Mufassirīn</i> dan Jenis Tafsir	44
Jadual 2.4:	Analisis Pandangan Para Sahabat	61
Jadual 2.5:	Analisis Pandangan Para Tābi‘īn dan Tābi‘ī Tabi‘īn	63
Jadual 2.6:	Analisis Pandangan Ulama <i>Muta’akhirīn</i>	65
Jadual 2.7:	Analisis Dalil yang Digunakan mengikut Pecahan Buku	67
Jadual 2.8:	Ringkasan Dalil yang Digunakan dan Sumber Dalil Tersebut	70
Jadual 2.9:	Himpunan Asas Konsep <i>Taghyīr khalqillāh</i>	74
Jadual 2.10:	Latar Belakang <i>Fuqahā’</i> dan Buku Mereka	121
Jadual 2.11:	Senarai Tokoh dan ‘Illah Larangan <i>al-Waṣl</i> , <i>al-Namṣ</i> , <i>al-Wash</i> , <i>al-Tafalluj</i> atau <i>al-Washr</i> (mazhab <i>al-Šāḥabī</i> , <i>Tābi‘īn</i> , al-Laith dan al-Tabarī)	122
Jadual 2.12:	Senarai Tokoh dan ‘Illah Larangan <i>al-Waṣl</i> , <i>al-Namṣ</i> , <i>al-Wash</i> , <i>al-Tafalluj</i> atau <i>al-Washr</i> (mazhab Ḥanafī)	123
Jadual 2.13:	Senarai Tokoh dan ‘Illah Larangan <i>al-Waṣl</i> , <i>al-Namṣ</i> , <i>al-Wash</i> , <i>al-Tafalluj</i> atau <i>al-Washr</i> (mazhab Mālikī)	124
Jadual 2.14:	Senarai Tokoh dan ‘Illah Larangan <i>al-Waṣl</i> , <i>al-Namṣ</i> , <i>al-Wash</i> , <i>al-Tafalluj</i> atau <i>al-Washr</i> (mazhab Shāfi‘ī)	125
Jadual 2.15:	Senarai Tokoh dan ‘Illah Larangan <i>al-Waṣl</i> , <i>al-Namṣ</i> , <i>al-Wash</i> , <i>al-Tafalluj</i> atau <i>al-Washr</i> (mazhab Ḥanbalī)	126
Jadual 4.1:	Maklumat mengenai Muktamar yang telah dianjurkan oleh MBI	183
Jadual 4.2:	Senarai Persidangan MFID dan Isu yang Dibincangkan	187
Jadual 4.3:	Senarai Persidangan MFI dan Isu yang Dibincangkan	194
Jadual 4.4:	Senarai Persidangan MUIB dan Isu yang Dibincangkan	199

Jadual 4.5:	Senarai Fatwa DIM ( <i>al-Fataawa al-Islamiyyah</i> ) dan Isu yang Dibincangkan	206
Jadual 4.6:	Senarai Fatwa DIM ( <a href="http://www.dar-alifta.org">www.dar-alifta.org</a> ) dan Isu yang Dibincangkan	207
Jadual 4.7:	Senarai Resolusi Fiqh Perubatan DIJ	213
Jadual 4.8:	Senarai Fatwa berkaitan <i>Taghyīr Khalqillāh</i> HKU dan LDF	217
Jadual 4.9:	Senarai Fatwa Fiqh Perubatan HAF	219
Jadual 4.10:	Jumlah Keseluruhan Fatwa DIF 2007-2015	224
Jadual 4.11:	Senarai Fatwa Perubatan DIF	225
Jadual 4.12:	Senarai Persidangan MFIH dan Isu yang Dibincangkan	227
Jadual 5.1:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Organ dan Anggota Badan	232
Jadual 5.2:	Resolusi dan Fatwa Badan Fatwa Dunia Mengenai Transplan Organ	233
Jadual 5.3:	Ringkasan Hujah dan Syarat yang Diletakkan Berkaitan Transplan Organ	236
Jadual 5.4:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Organ Bukan Muslim kepada Muslim	238
Jadual 5.5:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Sel Saraf, Sel Tunjang dan Sel Otak	238
Jadual 5.6:	Hukum Berkaitan Transplan Sistem Saraf dan Sel Otak oleh MFID	239
Jadual 5.7:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Organ dai Janin	240
Jadual 5.8:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Organ Reproduktif	241
Jadual 5.9:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Rahim	242
Jadual 5.10:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Testis	242
Jadual 5.11:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Rambut	243
Jadual 5.12:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Jari	244
Jadual 5.13:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Kornea Mata	244
Jadual 5.14:	Hujah dan Syarat Transplan Kornea oleh DIM, HKU dan HAF	245
Jadual 5.15:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Jantung	247
Jadual 5.16:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Injap Jantung dari Khinzir ( <i>Xenotranplantation</i> )	248
Jadual 5.17:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Derma Organ Haiwan ke Manusia	250
Jadual 5.18:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Derma Kornea Mata	250

Jadual 5.19:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Derma Buah Pinggang	252
Jadual 5.20:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Derma Hati	254
Jadual 5.21:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Derma Sum-sum Tulang (Sel Tunjang)	255
Jadual 5.22:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Diagnosis Genetik	256
Jadual 5.23:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Rawatan Sel Tunjang	258
Jadual 5.24:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Penyakit Genetik	260
Jadual 5.25:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Memilih Jantina dan Sifat Bayi	261
Jadual 5.26:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Bayi Tabung Uji	262
Jadual 5.27:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Pengklonan Manusia	264
Jadual 5.28:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transgender	266
Jadual 5.29:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Khitan Kanak-kanak Perempuan	269
Jadual 5.30:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)	271
Jadual 5.31:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Membuang Rahim Wanita OKU (Histerektomi)	272
Jadual 5.32:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Mengembalikan Selaput Dara ( <i>Hymenoplasty</i> )	274
Jadual 5.33:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Menyamakan Gigi yang Terlebih Panjang	276
Jadual 5.34:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Pemandulan Kekal dan Ikat Tiub Fallopio ( <i>Tubal Ligation</i> )	276
Jadual 5.35:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Kembar Siam	279
Jadual 5.36:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Pembedahan Kosmetik dan Pembedahan Plastik	281
Jadual 5.37:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Mencantikkan Gigi	284
Jadual 5.38:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Rekonstruksi Vagina	286
Jadual 5.39:	Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Mencukur Kening untuk Pembedahan	287
Jadual 5.40:	Aplikasi <i>Maqāṣid Sharī‘ah</i> dalam Penentuan Hukum bagi Setiap Isu	289

## SENARAI TRANSLITERASI

### Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا ، ء	a, ' (Hamzah)	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	ه	h
خ	kh	ظ	ẓ	و	w
د	d	ع	‘	ي	y
ذ	dh	غ	gh	ة	h
ر	r	ف	f		

### Vokal

Vokal Panjang		Vokal Pendek	
Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ā	ā	(—) : Fathah	a
ū	ū	(—) : Dammah	u
ī	ī	(—) : Kasrah	i

### Diftong

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
أو	aw	إ	ī
أي	ay	وي	uww

## SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

DIF	Dār al-Iftā' al-Filasṭīniyyah, Palestin
DIJ	Dār al-Iftā' al-Urduniyyah, Jordan
DIM	Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, Mesir
FDA	Food and Drug Administration
HAF	Hai'ah al-'Ammah li al-Fatwā, Kuwait
HKU	Hai'ah Kibār al-'Ulamā'
ISAPS	International Society of Aesthetic Plastic Surgery
LDF	Lajnah al-Dā'imah li al-Fatwā, Arab Saudi
LLD	Leg Length Discrepancy
MBI	Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah, Kaherah.
MFI	Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, Mekah
MFID	Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwālī, Jeddah
MFIH	Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, India
MJFK	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam
MUIB	Al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā' wa al- Buhūth, Ireland
OIC	The Organization of Islamic Cooperation
RA	<i>Raḍiyallāh-hu ‘anhu/ ‘anhā</i>
SAW	<i>Sallallāh-hu ‘alaih-hi wa sallam</i>
SWT	<i>Subḥāna-hu wa ta‘āla</i>
w.____H	Wafat pada tahun Hijriah

## BAB 1: PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Dunia perubatan pada hari ini telah berkembang dengan pesat pada hari ini dan berjaya menghasilkan penemuan baru baru berkaitan ubat, virus, bakteria, mencipta alat rawatan terbaru selain prosedur rawatan yang lebih kompleks dan selamat berbanding kurun sebelumnya. Namun begitu, terdapat beberapa prosedur rawatan yang ada pada hari ini memberi kesan kepada pengubahan ciptaan Allah SWT. Antara prosedur rawatan yang popular yang membawa kepada pengubahan ciptaan Allah SWT adalah pembedahan plastik dan kosmetik. Berdasarkan statistik dari *International Society of Aesthetic Plastic Surgery* (ISAPS) yang dibuat pada tahun 2016 menunjukkan negara yang menjalankan pembedahan kosmetik pada payudara dan badan sepanjang tahun tersebut. Jadual 1 menunjukkan statistik berkaitan:

Jadual 1.1: Statistik Pembedahan Kosmetik Lima Negara Tertinggi Jumlah Pembedahan Kosmetik dan Beberapa Negara Islam Tahun 2016

No.	Badan			Payudara		
	Negara	Bilangan Prosedur	Peratus Sedunia (%)	Negara	Bilangan Prosedur	Peratus Sedunia (%)
1.	Brazil	501,490	16.2	USA	586,476	19.0
2.	USA	483,054	15.6	Brazil	434,775	14.1
3.	Mexico	167,746	5.4	Rusia	134,214	4.3
4.	India	135,880	4.4	Mexico	110,344	3.6
5.	Colombia	103,821	3.3	Jerman	102,113	3.3
9.	Turki	85,932	2.8	Turki	87,324	2.8
11.	Mesir	63,050	2.0			
13.				Mesir	37,384	1.2
16.	Iran	25,161	0.8			
18.				Iran	22,777	0.7
22.	Lubnan	11,887	0.4			
24.				Lubnan	7,318	0.2

Sumber: Laman Sesawang ISAPS<sup>1</sup>

<sup>1</sup> ASAPS, “ISAPS International Study on Aesthetic/Cosmetic Procedures Performed in 2016”, laman sesawang ASAPS, diakses pada 7 Mac 2018, [www.isaps.org](http://www.isaps.org)

Berdasarkan Jadual 1.1, lima negara teratas yang menjalankan pembedahan kosmetik bukan dari kalangan negara Islam, tetapi terdapat empat negara yang majoriti penduduknya beragama Islam berada pada tahap 25 negara tertinggi menjalankan pembedahan ini kosmetik sama ada pada payudara atau anggota badan iaitu Turki, Mesir, Iran dan Lubnan. Jumlah ini adalah sangat besar bagi sebuah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam.

Turki berada di tangga ke-9 bagi pembedahan kosmetik badan dan payudara dengan jumlah 85,932 bagi pembedahan badan dan 87,324 bagi pembedahan kosmetik payudara. Ini diikuti oleh Mesir yang berada di tangga ke-11 bagi pembedahan kosmetik badan dengan jumlah 63,050 dan tangga ke-13 bagi pembedahan kosmetik payudara dengan jumlah 37,384. Iran berada di tangga ke-16 bagi pembedahan kosmetik badan dengan jumlah 25,161 dan tangga ke-18 bagi pembedahan kosmetik payudara dengan jumlah 22,777. Seterusnya, Lubnan berada di tangga ke-22 bagi pembedahan kosmetik badan dengan jumlah 11,887 dan tangga ke-24 bagi pembedahan kosmetik payudara dengan jumlah 7,318.

Setakat ini, tiada lagi data rasmi mengenai statistik pembedahan kosmetik di Malaysia<sup>2</sup>. Namun begitu, terdapat tinjauan mengenai pertanyaan dan permohonan berkaitan pembedahan kosmetik terhadap laman sesawang *whatclinic.com*, sebuah laman sesawang antarabangsa yang menjadi tempat membuat tempahan dan mencari doktor pakar pembedahan plastik seluruh dunia. Tinjauan ini dilakukan oleh The Malay Mail Online<sup>3</sup>.

---

<sup>2</sup> Emma Mohamad dan Wan Chooi Han, “Komunikasi Pemimpin Pendapat dalam Isu Pembedahan Plastik: Suatu Analisis Kandungan dalam Instagram Selebriti Media Sosial Terpilih”, *Jurnal Komunikasi* vol. 33, no. 1 (2017), 261-279.

<sup>3</sup> What Clinic, “Plastic Surgery in Malaysia”, laman sesawang WhatClinic.com, diakses pada 7 Mac 2018, [www.whatclinic.com](http://www.whatclinic.com)

Jadual 1.2: Permohonan dan Pertanyaan mengenai Pembedahan Plastik di Malaysia

No.	Prosedur	2016	2015	Harga Prosedur (RM)
1.	<i>Liposuction</i>	1,201	1,757	7,833
2.	<i>Eyelid Surgery</i>	577	710	4,400
3.	<i>Fat Transfer</i>	563	434	8,736
4.	<i>Rhinoplasty</i>	550	720	8,778
5.	<i>Breast Implants</i>	511	694	14,011
6.	<i>Gynecomastia</i>	454	365	8,723
7.	<i>Laser Vaginal Rejuvenation</i>	300	103	2,575
8.	<i>Tummy Tuck</i>	246	282	16,996
9.	<i>Facelift</i>	233	279	16,162
10.	<i>Breast Reduction</i>	142	169	17,874
	Jumlah	4,777	5,513	

Sumber: Laman Sesawang Rasmi *WhatClinic.com*<sup>4</sup>

Jadual 1.3: Pecahan Tahun Pelanggan yang Membuat Permohonan dan Pertanyaan tahun 2016

Julat Umur	18-24	25-34	35-44	45-54	55-64	>65
Peratus (%)	18	43	20	11	6	3

Sumber: Laman Sesawang Rasmi *WhatClinic.com*<sup>5</sup>

Pembedahan plastik dan kosmetik ini membawa kepada pengubahan ciptaan Allah SWT. Pengubahan pada prosedur rawatan ini boleh dikelaskan kepada beberapa kategori. Pertama, pengubahan yang menghasilkan penambahan pada anggota badan atau pengurangan pada anggota badan. Sebagai contoh, pembedahan memanjangkan tulang kaki bagi pesakit yang dilahirkan dengan panjang kaki tidak sama. Penyakit ini dinamakan *Leg Length Discrepancy* (LLD) atau *Leg Length Inequality* manakala rawatan memulihkan kecacatan ini dinamakan *bone regeneration*. Pada hari ini, doktor mampu melakukan pembedahan menyamakan tulang kaki tersebut<sup>6</sup>. Manakala contoh pengubahan yang menghasilkan pengurangan adalah amalan fitrah sebagai muslim

<sup>4</sup> What Clinic, “Plastic Surgery in Malaysia”, laman sesawang WhatClinic.com, diakses pada 7 Mac 2018, [www.whatclinic.com](http://www.whatclinic.com)

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> James McCarthy and G. Dean MacEwen, “Management of Leg Length Inequality”, *Journal of the South Orthopaedic Association*, vol. 10(2) (2001), [https://www.medscape.com/viewarticle/423194\\_5](https://www.medscape.com/viewarticle/423194_5).

seperti yang disebutkan dalam hadis Nabi SAW iaitu; memotong misai, rambut, dan kuku, mencukur bulu ari-ari dan mencabut bulu ketiak<sup>7</sup>.

Kedua, pengubahan dari tidak normal kepada normal atau dari normal kepada tidak normal. Contoh pengubahan tidak normal kepada normal adalah pembedahan membentuk semula rahim yang tidak normal sejak lahir sehingga boleh menghalang kehamilan seseorang wanita. Keadaan ini dinamakan sebagai *biseptate uterus* dan para doktor mempunyai pelbagai cara bagi memulihkan keadaan rahim wanita ini sehingga boleh mengandung seperti wanita biasa<sup>8</sup>. Manakala contoh pengubahan normal kepada tidak normal adalah pengubahan fizikal manusia yang dilahirkan normal kepada haiwan kerana merasakan dirinya adalah haiwan, bukan manusia. Keadaan ini dinamakan sebagai *Species Dysphoria*<sup>9</sup>. Antara manusia yang melakukan pembedahan transformasi dari manusia kepada haiwan adalah Dennis Avner yang mengubah fizikalnya kepada kucing

---

<sup>7</sup> Hadis riwayat Bukhārī *Kitāb al-Libās, Bāb Qaṣṣ al-Shārib*, no. hadis 5889 dan Muslim dalam *Kitāb al-Tahārah, Bāb Khiṣāl al-Fiṭrah*, no. hadis 257.

Lihat: al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūllillah SAW wa Sunani-hi wa Ayyāni-hi*, ed. Muhibb al-Dīn al-Khaṭīb, Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī dan Quṣay Muhibb al-Dīn al-Khaṭīb (Kaherah: Maktabah al-Salafiyah, 1979), 4:72; al-Naisābūrī, Muslim bin a-Ḥajjāj al-Qushairī, *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtasar min al-Sunan bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adl ilā Rasūllillāh SAW (Ṣaḥīḥ Muslim)*, dicetak bersama al-Zabīdī, Muḥammad bin Muḥammad Murtadā, *Ghāyah al-Ibtihāj al-Muqtafī Asānīd Kitāb Muslim bin al-Ḥajjāj*, ed. Abū Qutaibah, Nazr Muḥammad al-Fāriyābī (Riyad: Dar Ṭibāh, 2006), 133-135.

<sup>8</sup> Alper Biler et al., “A Rare Uterine Malformation: Asymmetric Septate Uterus”, *Journal of Minimally Invasive Gynecology*, vol. 25(1) (Jan 2018), 28-29; Attilio Di Spiezio et al., “An Exceptional Case of Complete Septate Uterus With Unilateral Cervical Aplasia (Class U2bC3V0/ESHRE/ESGE Classification) and Isolated Mullerian Remnants: Combined Hysteroscopic and Laparoscopic Treatment”, *Journal of Minimally Invasive Gynecology*, vol. 23(1) (Jan 2016), 16-17; dan Rincon dan Chacin, “Treatment of Septate Uterus with Bipolar Electrode”, *Journal of Minimally Invasive Gynecology*, vol. 20(6) (2013), S110.

<sup>9</sup> Lupa, *A Field Guide to Otherkin* (Megalithica Books: 2007), 39; dan Christopher M. Earls dan Martin L. Lalumière, “A Case Study of Preferential Bestiality”, *Archives of Sexual Behavior*, vol. 38(4) (Ogos 2009), 605-609.

sehingga nama beliau tercacat sebagai manusia yang paling banyak melakukan pembedahan modifikasi fizikal<sup>10</sup>.

Ketiga, pengubahan dari baik kepada lebih baik. Kategori ini biasanya melibatkan pembedahan kosmetik untuk pesakit yang tidak berpuas hati dengan keadaan diri sedangkan tiada sebarang kecacatan pada fizikalnya. Contohnya, pembedahan membesarkan payudara dan pembedahan kosmetik mencantikkan muka. Namun, setiap pembedahan kosmetik akan berdepan dengan pelbagai risiko. Food and Drug Administration (FDA) dari Amerika Syarikat telah menyenaraikan 26 risiko yang mungkin menimpa wanita yang melakukan pembedahan membesarkan payudara. Antara risiko tersebut adalah payudara tidak sama besar, rasa sakit di kawasan payudara, implan yang ditanam pecah sehingga boleh membahayakan nyawa dan banyak lagi<sup>11</sup>.

Keempat, pengubahan yang melibatkan pembedahan atau bukan pembedahan. Kebanyakan contoh pengubahan yang disebutkan sebelum ini melibatkan pembedahan. Manakala contoh pengubahan yang tidak melibatkan pembedahan adalah pengubahan yang dilakukan melalui teknik urutan. Pesakit yang dilahirkan dengan tulang belakang bengkok (keadaan ini dinamakan sebagai *scoliosis*) boleh memilih untuk menjalani pembedahan meluruskan tulang belakang atau menggunakan terapi *chiropractic*. Kaedah *chiropractic* ini tidak memerlukan pesakit menjalani pembedahan dan hasil terapi ini juga memberangsangkan<sup>12</sup>.

---

<sup>10</sup> Daniel J Flynn, “Ooh Baby It’s a Wild World” dalam laman sesawang rasmi *The American Spectator* bertarikh 30 November 2012, diakses pada 5 Mac 2018, [https://spectator.org/34325\\_ooh-baby-its-wild-world/](https://spectator.org/34325_ooh-baby-its-wild-world/)

<sup>11</sup> FDA, “Risks of Breast Implants” dalam laman sesawang rasmi FDA, diakses pada 5 Mac 2018, <https://www.fda.gov/MedicalDevices/ProductsandMedicalProcedures/ImplantsandProsthetics/BreastImplants/ucm064106.htm#top>

<sup>12</sup> Brian Dvorany et al., “Results Of Chiropractic Scoliosis Rehabilitation Treatment At Two Years Post-Skeletal Maturity In Identical Female Twins”, *Journal of Bodywork and Movement Therapies*, vol. 19(4) (Okt 2015), 592-596; dan Mark W.Morningstar, “Outcomes For Adult Scoliosis Patients

Kelima, pengubahan yang dibuat dengan tujuan kecantikan atau rawatan. Pembedahan plastik dan kosmetik menepati kategori ini kerana bukan semua pembedahan plastik dan kosmetik dibuat semata-mata dengan tujuan kecantikan. Sebagai contoh, pembedahan membesar payudara yang normal termasuk dalam kategori pengubahan dengan tujuan kecantikan, namun terdapat juga pembedahan rekonstruksi payudara dibuat dengan tujuan rawatan. Pesakit yang telah kehilangan payudara disebabkan kanser boleh memilih untuk melakukan pembedahan rekonstruksi payudara atau tidak<sup>13</sup>. Begitu juga dengan pembedahan rekonstruksi muka bagi pesakit yang mengalami kehancuran muka disebabkan kemalangan.

Keenam, pengubahan yang melibatkan kos yang tinggi atau kos rendah. Kebanyakan contoh pengubahan yang pengkaji senaraikan di atas melibatkan kos yang tinggi manakala pengubahan yang melibatkan kos rendah adalah pengubahan yang dilakukan sendiri seperti memotong kuku, memotong rambut dan lain-lain amalan fitrah.

Ketujuh, pengubahan yang menghasilkan kesan positif atau negatif. Contoh pengubahan yang menghasilkan kesan positif adalah pembedahan yang dilakukan dengan tujuan rawatan dan mendapat pengesahan dari doktor. Manakala contoh pengubahan yang menghasilkan kesan negatif adalah pembedahan yang dilakukan tanpa melalui prosedur yang selamat seperti risiko kematian selepas pembedahan<sup>14</sup>.

---

Receiving Chiropractic Rehabilitation: A 24-Month Retrospective Analysis”, *Journal of Chiropractic Medicine*, vol. 10(3) (Sept 2011), 179-184.

<sup>13</sup> Al-Ghazal et al, “The Psychological Impact Of Immediate Rather Than Delayed Breast Reconstruction”, *European Journal of Surgical Oncology*, vol. 26 (2000), 17–19; dan Elisabeth Edström et al., “Quality Of Life And Patient Satisfaction In Breast Cancer Patients After Immediate Breast Reconstruction: A Prospective Study”, *The Breast*, vol. 14 (2005), 201–208.

<sup>14</sup> Tara Thiagarajan, “Australian Patient Gets Plastic Surgery in Malaysia, Dies in Less Than a Week”, dalam laman sesawang rasmi *World of Buzz* bertarikh 19 Disember 2017, diakses pada 5 Mac 2018, <http://www.worldofbuzz.com/australian-experts-warn-getting-plastic-surgery-malaysia-patients-death/>

Kelapan, pengubahan luaran atau dalaman. Pengubahan luaran adalah pembedahan yang dilakukan pada fizikal luaran pesakit seperti transplantasi kulit dan pembedahan menanam rambut<sup>15</sup>. Manakala contoh pengubahan dalaman adalah transplantasi organ seperti jantung<sup>16</sup>, buah pinggang<sup>17</sup>, hati<sup>18</sup>, pankreas<sup>19</sup> dan sebagainya.

Kesembilan, pengubahan yang menggunakan sumber dari manusia, haiwan atau peralatan. Contoh pengubahan yang menggunakan sumber dari manusia adalah transplantasi organ manusia. Terdapat juga saintis yang cuba menggunakan organ haiwan untuk ditransplan ke dalam badan manusia. Kaedah ini dinamakan *xenotransplantation*<sup>20</sup>. Mutakhir ini, satu lagi kaedah baru cuba dibangunkan oleh saintis adalah dengan ‘menanam’ dan ‘membiakkan’ organ manusia dalam tubuh haiwan. Antara cadangan haiwan yang akan dijadikan ‘ladang pembiakan’ organ manusia ini adalah khinzir. Hal ini disebabkan sifat genetik khinzir yang paling hampir dengan manusia berbanding haiwan lain<sup>21</sup>.

Berdasarkan sembilan kategori dan contoh-contoh yang diberikan, pengkaji mendapati keperluan untuk mewujudkan garis panduan syarak bagi setiap prosedur perubatan khususnya yang menyebabkan pengubahan pada badan manusia. Hal ini sangat

---

<sup>15</sup> Yoshiaki Kasai et al., “Successful Follicular Unit Extraction Hair Transplant For Bald Area After Skin Graft”, *An International Open Access Journal of Surgical Reconstruction* (2017), vol. 13, 71-76.

<sup>16</sup> Espeed Khoshbin dan John H. Dark, “Heart Transplantation”, *Surgery (Oxford)*, vol. 35(7) (Julai 2017), 360-364.

<sup>17</sup> Adam D. Barlow, “Kidney Transplantation”, *Surgery (Oxford)*, vol. 35(7) (Julai 2017), 378-384.

<sup>18</sup> Nick Butler dan Giles J. Toogood, “Liver Transplantation”, *Surgery (Oxford)*, vol. 35(7) (Julai 2017), 371-377.

<sup>19</sup> Simon Knight, Thomas Vogel dan Peter Friend, “Pancreas Transplantation”, *Surgery (Oxford)* (Julai 2017), vol. 35(7), 397-403.

<sup>20</sup> David K. C. Cooper, “A Brief History Of Cross-Species Organ Transplantation”, *Proceedings (Baylor University Medical Center)*, vol. 25(1) (Jan 2012), 49–57.

<sup>21</sup> Hiroshi Nagashima dan Hitomi Matsunari, “Growing Human Organs in Pigs—A Dream or Reality?”, *Theriogenology*, vol. 86(1) (Julai 2016), 422-426; dan Michael Le Page, “Give Animal-Human Chimeras A Chance”, *New Scientist*, vol. 231, Isu 3087 (20 Ogos 2016), 19.

penting kerana Allah *subḥānahu wa ta‘ālā* (SWT) telah melarang perbuatan mengubah ciptaan-Nya menerusi surah al-Nisā’, ayat 119. Istilah mengubah ciptaan Allah SWT turut disebut sebagai *taghyīr khalqillāh*. Namun, ayat tersebut terlalu umum dan membuka ruang yang luas untuk pelbagai tafsiran sedangkan pentafsiran hujah syarak hanya boleh dilakukan oleh pihak yang benar-benar layak, iaitu para ulama. Antara cara mendapatkan tafsiran para ulama adalah menerusi fatwa yang diputuskan sama ada secara individu atau berkumpulan. Namun, fatwa yang diputuskan secara berkumpulan adalah lebih baik kerana telah melalui sesi dialog dan perbincangan dari pelbagai pihak seperti yang dilakukan oleh beberapa badan fatwa di peringkat antarabangsa dan negara Islam.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Berdasarkan penelitian pengkaji pada resolusi dan fatwa pada isu-isu yang mempunyai perkaitan dengan *taghyīr khalqillāh*, khususnya isu perubatan, pengkaji mendapati keharusan sesuatu isu diputuskan berdasarkan keadaan keperluan sama ada pada peringkat *darūrah*, *hājāh* atau *taḥṣīnah*. Keharusan *taghyīr khalqillāh* pada peringkat *darūrah* dan *hājāh* kurang menjadi pertikaian dan dibenarkan pada ruang yang terbatas. Namun, keharusan atau larangan *taghyīr khalqillāh* pada peringkat *taḥṣīnah* pula kurang jelas kerana ketiadaan panduan yang khusus selain tiada klasifikasi *taghyīr khalqillāh taḥṣīnah* pada kategori atau bentuk tertentu. Selain itu, resolusi dan fatwa yang ada juga masih ketinggalan. Sebagai contoh, daripada contoh-contoh prosedur perubatan dalam sembilan jenis pengubahan yang telah pengkaji senaraikan, sebahagian besar masih belum ada respons hukum dari badan fatwa.

Justeru itu, pengkaji mendapati terdapat keperluan untuk mewujudkan panduan *taghyīr khalqillāh* secara umum dan *taghyīr khalqillāh taḥṣīnah* secara khusus. Pembentukan panduan ini bermula dengan analisis pada dua dalil utama yang menjadi asas dalam konsep *taghyīr khalqillāh* iaitu surah al-Nisā’, ayat 119 dan hadis larangan *al-*

*waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*. Huraian *mufassirīn* diteliti pada dalil al-Qur’ān dan huraian *muḥaddithīn* dan fuqaha diteliti pada dalil hadis. Seterusnya, pengkaji menambah perbincangan dari beberapa hadis lain sebagai sokongan seperti hadis berkaitan amalan fitrah, hadis ‘Arfajah menggunakan hidung emas palsu dan hadis *al-Ladūd*, di samping perbincangan fuqaha mengenai izin pesakit. Berdasarkan perbincangan tersebut, pengkaji membangunkan konsep *taghyīr khalqillāh* dan mencadangkan kriteria *taghyīr khalqillāh* yang dibenarkan. Konsep dan panduan ini digunakan untuk menganalisis tafsiran *taghyīr khalqillāh* oleh badan fatwa terpilih melalui resolusi dan fatwa perubatan yang diputuskan.

### **1.3 Persoalan Kajian**

- i. Apakah konsep *taghyīr khalqillāh* menurut perspektif hukum Islam?
- ii. Bagaimanakah tafsiran konsep *taghyīr khalqillāh* berlaku dalam resolusi dan fatwa perubatan?
- iii. Apakah kriteria *taghyīr khalqillāh* yang dibenarkan berdasarkan hukum Islam?
- iv. Bagaimanakah penggunaan tafsiran *taghyīr khalqillāh* oleh badan fatwa terpilih?

### **1.4 Objektif Kajian**

- i. Menjelaskan konsep *taghyīr khalqillāh* menurut perspektif *mufassirīn*, *muḥaddithīn* dan *fuqahā'*.
- ii. Mengenalpasti tafsiran *taghyīr khalqillāh* dalam resolusi dan fatwa semasa.
- iii. Menentukan kriteria *taghyīr khalqillāh* yang dibenarkan menurut perspektif Islam.

## 1.5 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada beberapa data untuk dianalisis:

- i. Data dari *mufassirin* yang menghuraikan surah al-Nisa', ayat 119 dihadkan kepada 12 orang *mufassirin* iaitu al-Tabarī, al-Jassāṣ, al-Zamakhsharī, Ibn al-'Arabī, Ibn 'Atīyyah, al-Rāzī, al-Qurṭubī, Abū Ḥayyān al-Andalūsī, Ibn Kathīr, al-Shawkānī, Muḥammad 'Abduh dan Muḥammad Rashīd Rīḍā.
- ii. Data *muḥaddithīn* yang menghuraikan hadis *al-wasl*, *al-washm*, *al-nams* dan *al-tafalluj* dikumpul melalui buku syarah hadis utama yang menghuraikan *Sunan al-Tis'ah*.
- iii. Data berkaitan resolusi dan fatwa perubatan pula dikumpul dari empat badan fatwa utama peringkat antarabangsa iaitu (i) *Majma' al-Buḥūth al-Islāmiyyah*, Mesir, (ii) *Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Duwālī*, Jeddah (OIC), (iii) *Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, Mekah dan (iv) *al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā' wa al-Buḥūth*, Ireland; dan enam badan fatwa negara Islam iaitu (i) *Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah*, Mesir, (ii) *Dār al-Iftā' al-Urduniyyah*, Jordan, (iii) *Hai'ah Kibār al-'Ulamā'* dan *Lajnah al-Dā'imah li al-Fatwā*, Arab Saudi, (iv) *Hai'ah al-'Āmmah li al-Fatwā*, Kuwait (v) *Dār al-Iftā' al-Filasṭīniyyah*, Palestin dan (vi) *Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, India. Pengkaji memfokuskan analisis pada ayat resolusi dan fatwa yang mempunyai perkaitan dengan *taghyīr khalqillāh* sahaja. Manakala tempoh resolusi dan fatwa yang dikumpulkan pula melibatkan fatwa seawal tahun 1937 sehingga tahun 2018.

Terdapat dua justifikasi pemilihan sepuluh badan fatwa ini berbanding badan fatwa yang lain. Pertama, himpunan resolusi dan fatwa mereka lebih tersusun, bersistematik dan berjadual. Segala resolusi dan fatwa terbaru dimuatnaik ke dalam laman sesawang rasmi atau dikumpulkan dalam buku himpunan mengikut jadual. Kedua,

resolusi dan fatwa sepuluh badan fatwa ini sering menjadi rujukan masyarakat islam, khususnya ahli akademik dan mufti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pengkaji tidak memilih skop kajian kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MJFK) atau fatwa negeri di Malaysia kerana kekangan untuk mendapatkan data di samping kurang perbincangan mengenai *taghyir khalqillah* dalam fatwa perubatan negeri dan kebangsaan<sup>22</sup>.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kepentingan hasil kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga jenis pihak. Pertama, kajian ini mampu menjadi panduan kepada masyarakat bagi mengetahui keharusan sesuatu perbuatan *taghyīr khalqillāh*, sama ada dibenarkan atau sebaliknya. Pihak berautoriti juga boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai panduan membuat peraturan berkaitan perbuatan *taghyīr khalqillāh*. Selain itu, pengamal perubatan juga boleh menggunakan hasil kajian ini untuk mendidik pesakit yang mahu melakukan pembedahan *taghyīr khalqillāh* yang dilarang.

## **1.7 Sorotan Literatur**

Sorotan literatur akan dibahagikan kepada empat aspek utama iaitu (i) konsep *taghyīr khalqillāh* dalam agama *samāwī* dan masyarakat barat (ii) kajian lepas mengenai konsep *taghyīr khalqillāh* oleh para sarjana Islam dan (iii) kajian lepas tentang fatwa perubatan dan (iv) kajian tentang *taghyīr khalqillāh* dalam fatwa perubatan.

---

<sup>22</sup> Berdasarkan pengumpulan pengkaji, terdapat 46 fatwa perubatan diputuskan oleh MJFK dari 1970 hingga 2015 dan hanya 14 sahaja fatwa berkaitan *taghyīr khalqillāh*, manakala 41 fatwa perubatan yang diputuskan oleh badan fatwa negeri (berdasarkan carian di laman sesawang e-smaf.islam.gov.my) dan hanya 11 sahaja fatwa berkaitan dengan *taghyīr khalqillāh*.

### 1.7.1 Konsep *Playing God* Menurut Sarjana Barat

*Taghyīr khalqillāh* adalah satu istilah yang disebutkan sendiri oleh Allah SWT di dalam al-Qur’ān ketika menjelaskan keinginan syaitan yang ingin menyesatkan manusia dengan melakukan perbuatan mengubah ciptaan Allah SWT. Keinginan syaitan tersebut boleh dilihat di dalam surah al-Mā’idah, ayat 119. Malah, Nabi SAW sendiri menggunakan istilah ini ketika melarang beberapa perbuatan yang dikategorikan sebagai perbuatan mengubah ciptaan Allah SWT.

Namun, konsep *taghyīr khalqillāh* ini turut wujud dalam agama *samāwī* lain iaitu Kristian. Istilah yang digunakan adalah “*alter God’s creation*” atau “*alteration of God’s creation*”. Menurut Kristian, Tuhan telah menjadikan manusia dalam keadaan terbaik dan sebarang usaha mengubah keadaan ini akan membawa kepada kemusnahan<sup>23</sup>. Malah, Don Hooser menambah adalah lebih baik manusia memakan makanan yang telah diciptakan Tuhan secara semulajadi, bukan makanan yang telah melalui perubahan bioteknologi. Disebutkan di dalam *Genesis*:

*So God created human beings in his own image. In the image of God he created them; male and female he created them [Genesis 1:27].*

*And God saw every thing that he had made, and, behold, it was very good [Genesis 1:31].*

Namun begitu, terdapat sebahagian tokoh Kristian berpandangan Tuhan tidak menghalang perbuatan manusia mengubah ciptaan-Nya kerana manusia adalah ‘wakil’ Tuhan yang menjalankan kerja Tuhan di muka bumi. Hal ini boleh dilihat dalam *Genesis* 1:26 yang menyebutkan “*Mankind is but a steward of God’s creation here on earth*”.

---

<sup>23</sup> Don Hooser, “We Can’t Improve on God’s Creation”, dalam laman sesawang rasmi United Church of God bertarikh 9 Disember 2007, diakses pada 4 Mac 2018, <https://www.ucg.org/members/united-news/food-we-cant-improve-on-gods-creation>.

Maka, perbuatan manusia mengubah makhluk Tuhan melalui teknologi seolah-olah mewakili kerja Tuhan<sup>24</sup>.

Selain istilah “*alter God’s creation*”, masyarakat barat turut menggunakan istilah *playing god* bagi merujuk perkara sama<sup>25</sup>. Konsep ini diperkenalkan oleh pakar moralis barat sebagai alasan menghalang dan menentang pembaharuan dalam bidang sains dan teknologi. Antara perkara yang tidak dipersetujui mereka adalah penggunaan anestetik untuk menghilangkan rasa sakit, pil perancang kehamilan, pembedahan transplan organ, konsep mati otak, pengklonan, terapi genetik dan lain-lain<sup>26</sup>. Menurut mereka, *playing god* adalah perbuatan manusia yang cuba mengambil peranan ‘tuhan’ dengan melangkaui sempadan manusiawi<sup>27</sup>. Sebarang usaha yang melangkaui sempadan manusiawi akan membawa kepada kesan mudarat yang tidak diketahui dan tidak mampu diatasi oleh manusia<sup>28</sup>.

Namun begitu, konsep ini masih menjadi perdebatan hangat dalam komuniti Barat. Hal ini kerana, terdapat kekaburan pada konsep ini. Pihak yang tidak bersetuju dengan konsep ini mempersoal kelayakan pihak yang boleh menentukan sesuatu perbuatan itu termasuk dalam kategori *playing god* atau tidak, di samping aplikasi konsep ini terhadap golongan yang tidak mempercayai tuhan (ateis)<sup>29</sup>. Sebahagian golongan ateis

---

<sup>24</sup> Abri Brancken, *Altering God’s Design: A Very Existence of Humanity is Under Threat* (USA: Lulu Publication, 2015), 49.

<sup>25</sup> William Grey, “Playing God”, *Encyclopedia of Applied Ethics* (2012), 468-473; dan Robert Winston, “Playing God?” dalam laman sesawang *nature.com*, diakses pada 4 Mac 2018, <https://www.nature.com/articles/426603a>.

<sup>26</sup> Peter Dabrock, “Playing God? Synthetic biology as a theological and ethical challenge”, *Systems and Synthetic Biology*, vol. 3, no. 1-4 (2009), 47-54.

<sup>27</sup> Clive Hamilton, *Earthmasters: the Dawn of the Age of Climate Engineering* (Connecticut: Yale University Press, 2013), 178.

<sup>28</sup> John Weckert, “Playing God: What is the Problem?” dalam Steve Clarke et al., *The Ethics of Human Enhancement: Understanding the Debate* (United Kingdom: Oxford Press, 2016), 87-99.

<sup>29</sup> William Grey, “Playing God”, dalam Ruth Chadwick, *Encyclopedia of Applied Ethics* (Edisi Kedua) (London: Academic Press, 2012), 467-473.

yang menentang revolusi dalam sains dan teknologi akan menggunakan hujah *naturalness* (kesemulajadian) atau *playing nature*. Penghujahan juga masih sama kerana menurut mereka kesemulajadian adalah keadaan terbaik bagi manusia dan sebarang perubahan pada keadaan ini boleh membawa padah<sup>30</sup>. Terdapat juga sebahagian sarjana muslim yang cuba menggunakan istilah *playing god* dengan merujuk kepada konsep *taghyīr khalqillāh* dalam Islam<sup>31</sup>.

### 1.7.2 Kajian Lepas Mengenai Konsep *Taghyīr Khalqillāh* Oleh Para Sarjana Islam

Para ulama klasik membincangkan konsep *taghyīr khalqillāh* dalam buku-buku mereka tanpa memisahkan dengan tajuk-tajuk yang lain. Sebagai contoh, *mufassirīn* membincangkan konsep *taghyīr khalqillāh* ketika mereka menghuraikan surah al-Nisā', ayat 119. *Muḥaddithīn* pula membincangkan konsep ini ketika mereka menghuraikan hadis yang melarang perbuatan *al-waṣl* (menyambung rambut), *al-washm* (mencacah tatu), *al-namṣ* (mencukur bulu kening) dan *al-tafalluj* (menjarakkan gigi). Manakala, fuqaha' membincangkan konsep ini secara terpisah dalam bab-bab yang berkenaan seperti perbincangan mengenai sepuluh amalan *fitrāh*, namun masih menggunakan hadis larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*. Perbincangan konsep *taghyīr khalqillāh* mula dibincangkan secara berasingan oleh ulama kontemporari. Antara penulisan terawal mengenai konsep ini adalah buku *Taghyīr Khalqillāh: Mafhūmu*,

<sup>30</sup> D. Neri, "Eugenics", dalam Ruth Chadwick, *Encyclopedia of Applied Ethics* (Edisi Kedua) (London: Academic Press, 2012), 189-199; dan Moraczewski, A.S., "The Human Genome Project And The Catholic Church (1)", *Journal International De Bioethique = International Journal Of Bioethics*, vol. 2 (4) (1991), 229-234.

<sup>31</sup> Noor Munirah Isa dan Muhammad Fakhruddin Hj Safian Shuri, "Ethical Concerns About Human Genetic Enhancement in the Malay Science Fiction Novels", *Science and Engineering Ethics* vol. 24(1) (2017), 109-127.

*Majālātuhu, Dawābiṭuhu wa Aḥkāmuḥu al-Shar‘iyah* (2007) yang ditulis oleh Zarwātī Rābiḥ, pensyarah di Fakutli Ilmu Islam, Universiti Bātnah, Algeria<sup>32</sup>.

Beliau telah membincangkan definisi dan konsep *taghyīr khalqillāh* menurut perspektif al-Qur'an dan juga hadis Nabi SAW. Namun begitu, rujukan beliau dalam menggambarkan konsep tersebut terhad kepada tiga buku tafsir iaitu *Jāmi‘ al-Bayān* oleh al-Ṭabarī, *Zād al-Muyassar* oleh Ibn al-Jawzī dan *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* oleh al-Qurṭubī; di samping lima buku hadis iaitu *Fatḥ al-Bārī* oleh al-‘Asqalānī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* oleh al-Nawawī, *al-Tamhīd* oleh Ibn ‘Abd al-Barr, *Sharḥ al-Zarqānī ‘alā al-Muwāṭṭā* oleh al-Zarqānī dan *Nayl al-Awtār* oleh al-Shawkānī. Namun begitu, metodologi beliau ketika menghuraikan konsep *taghyīr khalqillāh* kurang mendalam dan sekadar menukilkan pandangan ulama klasik tanpa analisis yang memuaskan.

Seterusnya, beliau membincangkan aplikasi konsep ini terhadap beberapa perbuatan mengubah ciptaan Allah SWT seperti menyambung rambut (*al-waṣl*), mencukur rambut, menipiskan bahagian tepi rambut (*al-qaza‘*), mewarnakan rambut, memotong misai, mencukur bulu kening (*al-namṣ*) dan mencacah tatu (*al-washm*). Beliau turut membincangkan aplikasi *taghyīr khalqillāh* dalam bidang perubatan, khususnya rawatan kosmetik; antaranya menindik telinga, memotong jari tambahan, mencantikkan hidung, membuang kedut di muka dan badan, mengubah jantina, menampal selaput dara, transplant organ, mati otak dan pengklonan.

Berdasarkan analisis beliau terhadap semua perbuatan tersebut, beliau berpendapat *taghyīr khalqillāh* bukanlah ‘illah yang tepat untuk melarang sesuatu perbuatan yang membawa kepada pengubahan ciptaan Allah SWT. Hal ini kerana,

---

<sup>32</sup> Zarwātī Rābiḥ, *Taghyīr Khalqillāh: Mafhūmuḥu, Majālātuhu, Dawābiṭuhu wa Aḥkāmuḥu al-Shar‘iyah* (Beirut: Dar Ibn Ḥazm, 2007).

perkataan (المغیرات خلق الله) dalam hadis riwayat Ibn Mas‘ūd tersebut bukanlah teks asal hadis Nabi SAW, sebaliknya tambahan dari Ibn Mas‘ūd. Maka, ‘illah paling tepat adalah penipuan (التدليس) dan mana-mana perbuatan yang membawa kepada penipuan dilarang sama sekali. Justeru, pengkaji merasakan terdapat keperluan menambah rujukan pada analisis konsep *taghyīr khalqillāh* tersebut kerana penulis sekadar merujuk kepada tiga buku *tafsīr* sahaja, serta penilaian semula pada kritikan penulis yang menolak *taghyīr khalqillāh* sebagai ‘illah larangan.

Penulisan kedua mengenai *taghyīr khalqillāh* bertajuk *Taghyīr Khalqillāh: Dawābiṭuhu wa Taṭbīqātuhu* (2009) yang ditulis oleh Ṣāliḥ Muḥammad al-Fawzān<sup>33</sup>. Penulisan ini adalah kertas kerja beliau yang dibentangkan dalam perbincangan ilmiah bertajuk *Dawābiṭ wa Qawā'id fī al-Libās wa al-Zīnah wa al-Tajammul* (Peraturan dan Kaedah Pemakaian, Perhiasan dan Kecantikan), anjuran laman sesawang *al-Fiqh al-Islāmī*. Sebenarnya, kertas kerja ini adalah sebahagian dari dapatan kajian beliau bagi pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD). Tajuk kajian PhD beliau adalah *al-Jirāḥah al-Tajmīliyyah: 'Ard Tibbī wa Dirāsah Fiqhiyyah Mufaṣṣalah* (Pembedahan Kosmetik: Kajian Terperinci menurut Perubatan dan Fiqh) (2007)<sup>34</sup>.

Menurut beliau, bidang yang paling banyak melibatkan *taghyīr khalqillāh* adalah bidang perubatan, khususnya pembedahan kosmetik. Oleh sebab itu, beliau telah membincangkan dengan mendalam hukum pembedahan kosmetik dalam tesis beliau

<sup>33</sup> Al-Fawzān, Ṣāliḥ Muḥammad, *Taghyīr Khalqillāh: Dawābiṭuhu wa Taṭbīqātuhu* (تغییر خلق الله : ضوابطه وتطبیقاته) dalam laman sesawang *al-Multaqā al-Fiqhī* bertarikh 12 November 2009, diakses pada 19 Mac 2018, [http://fiqh.islammassage.com/NewsDetails.aspx?id=1267#\\_ftnref1](http://fiqh.islammassage.com/NewsDetails.aspx?id=1267#_ftnref1).

<sup>34</sup> Al-Fawzān, Ṣāliḥ Muḥammad, *al-Jirāḥah al-Tajmīliyyah: 'Ard Tibbī wa Dirāsah Fiqhiyyah Mufaṣṣalah* (Riyad: Dār al-Tadmuriyyah, 2008).

melibatkan 39 pecahan pembedahan kosmetik. Beliau merumuskan empat peraturan *taghyīr khalqillāh*<sup>35</sup>:

1. Suruhan atau keizinan yang disebutkan dalam nas syarak terhadap sesuatu perbuatan tidak termasuk dalam *taghyīr khalqillāh* yang dilarang.
2. Dibenarkan merawat kecacatan pada anggota badan. Ini kerana, tujuan rawatan tersebut adalah menghilangkan mudarat pada pesakit sedangkan kecantikan datang sebagai pelengkap.
3. Pengubahan yang dibuat dengan tujuan kecantikan semata-mata dilarang.
4. Sebahagian ulama membenarkan pengubahan yang tidak memberikan kesan kekal seperti memakai celak dan berinai.

Berdasarkan empat peraturan ini, beliau memberikan definisi *taghyīr khalqillāh* yang dilarang iaitu:

إحداث تغيير دائم في خلقة معهودة

Terjemahan: Melakukan pengubahan kekal pada anggota normal.

Definisi ini melibatkan tiga perkara penting. Pertama, perkataan ‘pengubahan’ dalam definisi tersebut merangkumi perbuatan menambah atau membuang sesuatu pada badan. Kedua, perkataan ‘kekal’ membawa maksud pengubahan yang meninggalkan kesan yang lama seperti sebulan atau setahun, walaupun tidak kekal sepanjang hayat. Ketiga, perkataan ‘anggota normal’ menunjukkan pengubahan tersebut dilakukan dengan beberapa sebab seperti untuk menambah kecantikan (mencacah tatu dan menjarakkan gigi), menyeksa (memotong telinga haiwan) atau mengelakkan diri dari dikesan. Walaupun penulis ini telah menghuraikan konsep *taghyīr khalqillāh* dengan

---

<sup>35</sup> Beliau merumuskan enam peraturan namun pengkaji mendapati terdapat peraturan yang bertindih dan membawa kepada pengulangan makna. Maka, pengkaji telah menggabung peraturan tersebut menjadi empat peraturan sahaja.

menyenaraikan definisi dan beberapa syarat keharusan, pengkaji berpendapat keperluan menambah beberapa syarat di samping menyusun konsep tersebut dalam bentuk rajah dan carta yang lebih mudah.

Penulisan ketiga pula bertajuk *Taghyīr Khalqillāh bayn al-Fiqh wa al-Tibb* (2016) hasil tulisan Anas ‘Abd al-Fattāh Abū Shādī, Dekan di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Perubatan, Universiti al-Azhar<sup>36</sup>. Metodologi penulisan beliau berbeza berbanding dua penulisan sebelum ini kerana beliau telah membentuk kaedah *taghyīr khalqillāh* bagi empat mazhab fiqh utama. Beliau menggunakan kaedah *istiqrā’* terhadap perbincangan fuqaha setiap mazhab terhadap beberapa perbuatan *taghyīr khalqillāh*. Hasilnya, beliau merumuskan hukum asal bagi *taghyīr khalqillāh* menurut mazhab Hanafi adalah harus jika pengubahan yang dibuat dapat memberikan manfaat. Manakala baki tiga mazhab pula berpendapat, hukum asal *taghyīr khalqillāh* adalah haram melainkan terdapat dalil yang mengharuskan perbuatan tersebut.

Namun begitu, pengkaji mendapati rumusan yang dibuat oleh beliau terhadap kaedah *taghyīr khalqillāh* bagi setiap mazhab kurang mendalam kerana beliau hanya merujuk kepada beberapa ulama bagi mewakili mazhab tersebut. Sebagai contoh, kaedah mazhab Ḥanafī hanya diambil menerusi huraian Ibn ‘Ābidīn<sup>37</sup> terhadap hukum mencukur bulu kening, mengkasi haiwan, menindik telinga, pembedahan mengeluarkan bayi yang meninggal dunia dalam kandungan bagi menyelamatkan nyawa si ibu, atau pembedahan mengeluarkan bayi yang masih hidup sedangkan si ibu sudah meninggal dunia. Begitu juga dengan pembinaan kaedah *taghyīr khalqillāh* bagi mazhab Syafie yang diambil menerusi pandangan al-Nawawī<sup>38</sup> terhadap hukum menipiskan kening, mengkasi haiwan,

<sup>36</sup> Abū Shādī, Anas ‘Abd al-Fattāh, *Taghyīr Khalqillāh bayn al-Fiqh wa al-Tibb* (Kaherah: Penerbit Universiti al-Azhar, 2016).

<sup>37</sup> Rujukan terhadap buku beliau, *Hāshiyah Ibn ‘Ābidīn (Radd al-Muḥtār fī Sharḥ al-Durr al-Mukhtār)*.

<sup>38</sup> Rujukan terhadap buku *al-Majmu‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*.

berkhatan dan mencacah tatu, dan mazhab Ḥanbalī menerusi pandangan al-Sāfarīnī terhadap hukum memotong tanduk dan telinga haiwan<sup>39</sup>. Manakala mazhab Mālikī diambil menerusi pandangan tiga ulama iaitu al-Nafrāwī<sup>40</sup>, al-Dasūqī<sup>41</sup> dan al-Gharnāṭī<sup>42</sup> terhadap hukum menghilangkan bulu badan.

Anas turut membincangkan aplikasi *taghyīr khalqillāh* dalam perubatan seperti pembedahan kosmetik. Beliau membahagikan pembedahan kosmetik kepada tiga jenis berdasarkan tahap keperluan dalam syarak iaitu pembedahan pada tahap *darūriyyah*, *ḥājiyyah* dan *taḥsīniyyah*. Namun begitu, kesimpulan beliau terhadap ketiga-tiga jenis pembedahan ini berbeza berbanding beberapa ulama lain yang mengharuskan pembedahan *darūriyyah* dan *ḥājiyyah*, tetapi melarang pembedahan *taḥsīniyyah* melainkan dengan pengecualian tertentu. Anas pula mengharuskan ketiga-tiga jenis pembedahan tersebut dengan syarat wujud manfaat padanya.

Perbincangan mengenai aplikasi *taghyīr khalqillāh* perlu diperdalamkan lagi dengan menganalisis resolusi dan fatwa yang diputuskan oleh badan fatwa semasa, sama ada pada peringkat antarabangsa atau negara. Hal ini penting kerana keputusan badan fatwa ini telah melalui proses perbincangan yang mendalam.

### 1.7.3 Kajian Lepas tentang Fatwa berkaitan Perubatan

Kajian mengenai analisis fatwa telah dilakukan oleh pelbagai sarjana sama ada dari Timur atau Barat, sama ada dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Antara kajian mengenai fatwa perubatan adalah fatwa mati otak oleh Nikzad<sup>43</sup>, kajian oleh Zara

<sup>39</sup> Rujukan terhadap buku *Ghadhā' al-Albāb fī Sharḥ Maṇzūmah al-Adab*.

<sup>40</sup> Rujukan terhadap buku *al-Fawākiḥ al-Dawānī 'ala Risālah Ibni Abī Zayd al-Qayrawānī*.

<sup>41</sup> Rujukan terhadap buku *Hāshiyah al-Dasūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr*.

<sup>42</sup> Rujukan terhadap buku *al-Tāj wa al-Iklīl li Mukhtaṣar Khalīl*.

<sup>43</sup> Nikzad dan Jorsaraei, “Brain Death In Islamic Jurisprudence”, *Journal of Babol University of Medical Sciences*, vol.18 (7) (2016), 68-77.

Saeidzadeh yang melihat kesan fatwa keharusan transgender di Iran terhadap undang-undang negara dan kekeliruan masyarakat terhadap identiti seseorang selepas melakukan pembedahan transgender<sup>44</sup>, kesan fatwa Khomeini yang mengharuskan pendermaan embrio dari pihak ketiga sehingga mewujudkan undang-undang berkaitan pendermaan embrio<sup>45</sup>, tahap pengetahuan masyarakat Iran terhadap fatwa keharusan menderma organ dan kesediaan masyarakat untuk menderma organ oleh Afzal<sup>46</sup>, pertembungan antara etika dan fatwa Syiah yang mengharuskan ibu tumbang (*surrogate motherhood*)<sup>47</sup>, salah guna dan salah faham fatwa keharusan menampal dara (*hymenoplasty*) dalam kalangan wanita di Mesir<sup>48</sup> dan kesan fatwa Yusuf al-Qaradāwī yang mengharuskan bank susu kepada masyarakat muslim yang menetap di Barat oleh Muḥammad Ghālī<sup>49</sup>. Selain itu, terdapat juga kajian yang mengkritik fatwa sedia ada seperti kritikan Ghiath Alahmad terhadap Resolusi *Majma al-Fiqh al-Islāmī al-Duwālī* (MFID) mengenai kerahsiaan pesakit dan penyelidikan yang terlalu ringkas dan memerlukan kepada kajian lanjut yang lebih mendalam<sup>50</sup>.

Selain kajian mengenai fatwa perubatan di peringkat antarabangsa, terdapat juga kajian fatwa di Malaysia lebih menumpukan kepada aspek metodologi fatwa dengan

<sup>44</sup> Zara Saeidzadeh, “Transsexuality in Contemporary Iran: Legal and Social Misrecognition”, *Feminist Legal Studies*, vol.24 (3) (2016), 249-272.

<sup>45</sup> Ehsan Gooshki dan Neda Allahbedashti, “The Process Of Justifying Assisted Reproductive Technologies in Iran”, *Indian Journal Of Medical Ethics*, vol.12 (2) (2015), 57-96; dan Moinifar, “Gamete Donation And The Role Of Religious Leaders In Iran”, *Hawwa*, vol.8 (3) (2010), 247-273.

<sup>46</sup> Afzal Aghaee, “Awareness Of Religious Leaders’ Fatwa And Willingness To Donate Organ”, *International Journal of Organ Transplantation Medicine*, vol.6 (4) (2015), 158-164.

<sup>47</sup> K. Aramesh, “Iran’s Experience With Surrogate Motherhood: An Islamic View And Ethical Concerns”, *Journal Of Medical Ethics*, vol. 35 (5) (2009), 320-322.

<sup>48</sup> Lisa Wynn, “Like a Virgin’: Hymenoplasty and Secret Marriage in Egypt”, *Medical Anthropology: Cross Cultural Studies in Health and Illness*, vol. 35 (6) (2016), 547-559.

<sup>49</sup> Muhammad Ghaly, “Milk Banks Through The Lens Of Muslim Scholars: One Text In Two Contexts”, *Bioethics*, vol. 26 (3) (2012), 117-127.

<sup>50</sup> Ghiath Alahmad and Kris Dierickx, “What Do Islamic Institution Al Fatwas Say About Medical And Research Confidentiality And Breach Of Confidentiality?”, *Developing World Bioethics*, vol.12 (2) (2012), 104-112.

memberi penekanan kepada penggunaan hujah, *istidlāl* dari hujah tersebut dan teks fatwa yang digunakan tanpa memfokuskan kepada fatwa perubatan. Hal ini boleh dilihat dalam beberapa kajian fatwa seperti kajian mengenai fatwa zakat di Malaysia dari perspektif *maqāṣid al-sharī‘ah* oleh Azri Bhari<sup>51</sup>, analisis fatwa perubatan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) oleh Nor Fahimah<sup>52</sup>, kajian mengenai metodologi Majelis Ulama Indonesia (MUI) berkaitan fatwa fiqh muamalat MUI oleh Nafis<sup>53</sup>, analisis fatwa Negeri Kelantan berkaitan fiqh ibadat oleh Nabil<sup>54</sup> dan fatwa kepenggunaan di Brunei oleh Qayyum<sup>55</sup>.

Terdapat juga kajian yang menumpukan aspek-aspek tertentu dalam kajian fatwa seperti penumpuan pada aspek perubahan fatwa MJFK oleh Intan Zaleha<sup>56</sup>, aplikasi *maqasid al-shari‘ah* dalam fatwa MUI oleh Zakaria Syafie<sup>57</sup> dan aspek perubahan sosial dalam pengeluaran fatwa oleh Akram Dahaman yang membuat perbandingan fatwa antara MJFK dengan Singapura<sup>58</sup>. Kajian Akram ini menyentuh sedikit analisis berkaitan

---

<sup>51</sup> Azri Bhari, *Analisis Fatwa Zakat Di Malaysia Dari Perspektif Maqasid Syariah* (Kuala Lumpur: UM, Tesis PhD, 2016).

<sup>52</sup> Nor Fahimah Mohd Razif, *Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Mengenai Perubatan : Kajian Terhadap Fatwa-Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* (Kuala Lumpur: UM, Latihan Ilmiah, 2008).

<sup>53</sup> Cholil Nafis, *Fatwa Fiqh Muamalah Majelis Ulama Indonesia : Studi Analisis Ke Atas Pemikiran Hukum, Metode Istinbat Dan Penyerapannya Ke Dalam Peraturan Perundangan* (Kuala Lumpur: UM, Tesis PhD, 2010).

<sup>54</sup> Mohamad Nabil Mohamad Shukri, *Fatwa Negeri Kelantan Dalam Ibadat : Satu Analisis* (Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2006).

<sup>55</sup> Abdul Qayyum Aminuddin, *Analisis Fatwa-Fatwa Kepenggunaan Dari Tahun 2000 Hingga 2013 Di Negara Brunei Darussalam* (Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2015).

<sup>56</sup> Intan Zaleha binti Abdul Rahman, *Analisis Perubahan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia* (Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2016).

<sup>57</sup> Zakaria Syafei, “Tracing Maqaṣid al-Shari‘ah in the fatwas of Indonesian Council of Ulama (MUI)”, *Journal of Indonesian Islam*, vol.11(1) (2017), 99-124.

<sup>58</sup> Mohd Akram bin Dahaman @ Dahlan, *Pengaruh Perubahan Sosial Dalam Penetapan Fatwa Di Malaysia Dan Singapura: Kajian Terhadap Fatwa-Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) Dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)* (Kuala Lumpur: UM, Tesis PhD, 2012).

fatwa perubatan seperti isu berkaitan hukum sel tunjang antara Malaysia dan Singapura dengan fokus khusus kepada aspek perubahan sosial.

Selain itu, terdapat juga pengkaji yang memfokuskan kajian fatwa kepada isu-isu tertentu seperti isu fatwa *istibdāl* harta wakaf di Malaysia oleh Nur Zulfah<sup>59</sup>, isu Sisters in Islam oleh Nik Amirul yang mengecilkan skop kepada fatwa Selangor sahaja<sup>60</sup> dan isu Amanah Saham Bumiputera oleh Abdul Hadi yang melihat kepada punca perbezaan fatwa antara negeri<sup>61</sup>.

Pengkaji mendapati kajian mengenai analisis fatwa perubatan secara khusus dan terasing sangat sedikit berbanding kajian dalam bidang lain. Antara bentuk kajian berkaitan fatwa perubatan adalah penggunaan kaedah *Sadd al-Dharā‘i‘* dalam fatwa perubatan oleh Ahmad Tarmizi<sup>62</sup>, aplikasi kaedah *darūrah* dalam fatwa perubatan di Malaysia oleh Noor Munirah<sup>63</sup> dan *ijtihād* dalam fatwa perubatan di Malaysia oleh Basri Ibrahim<sup>64</sup>. Ketiga-tiga kajian ini menjadikan fatwa perubatan di Malaysia sebagai bahan kajian.

---

<sup>59</sup> Nur Zulfah binti Md Abdul Salam, *Analisis Fatwa Istibdal Harta Wakaf Di Malaysia* (Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2016).

<sup>60</sup> Nik Amirul Adzim bin Nik Aman, *Analisis Fatwa Jawatankuasa Fatwa Selangor Terhadap Sisters In Islam* (Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2016).

<sup>61</sup> Abdul Hadi Md Rofiee, *Analisis Perbezaan Fatwa Mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) Di Malaysia* (Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2014).

<sup>62</sup> Ahmad Tarmizi bin Mahmud, *Pemakaian Sadd Al-Dharai‘ dalam Pengeluaran Fatwa Perubatan* (Bangi: UKM, Tesis Sarjana, 2011).

<sup>63</sup> Noor Munirah Isa, “Darurah (Necessity) and Its Application in Islamic Ethical Assessment of Medical Applications: A Review on Malaysian Fatwa”, *Science and Engineering Ethics*, vol. 22 (5) (2016), 1319-1332.

<sup>64</sup> Basri Ibrahim et al., “Ijtihad In The Contemporary Fiqh Of Medicine From Malaysian Experians”, *Social Sciences (Pakistan)*, vol.11 (23) (2016), 5732-5742.

Selain kajian mengenai fatwa, terdapat juga kajian berkaitan dengan *manhaj* dan metodologi fatwa bagi tokoh-tokoh tertentu seperti seperti al-Shāṭibī<sup>65</sup>, al-Shawkānī<sup>66</sup>, Ibn ‘Āshūr<sup>67</sup>, Ibn Bāz<sup>68</sup>, ‘Abdullah bin al-Ḥājj Ibrāhīm (ulama Mauritania)<sup>69</sup>, Idrīs ‘Abduh (ulama Algeria)<sup>70</sup>, ‘Atīyyah Mas‘ūdī (ulama Algeria)<sup>71</sup>, ‘Abdullah bin Ḥumaid (ulama Arab Saudi)<sup>72</sup>, Muṣṭafā Ḥamzah (Mufti Maghribi)<sup>73</sup> dan ramai lagi. Selain kajian

---

<sup>65</sup> Darīd al-Zawāwī, *Manhajīyyah al-Fatwāfīl-Madrasah al-Mālikiyah al-Andalūsiyyah: al-Imām al-Shāṭibī Namūdhaj-an* (Tesis Sarjana, 2008).

<sup>66</sup> Boukerroucha, Halima dan Bouheraoua, *Manhaj al-Fatwā ‘inda al-Imām al-Shawkānī dalam Manhaj Pengeluaran Fatwa Dalam Fiqh Islam* (Nilai: USIM, 2008), 195-230.

<sup>67</sup> Al-Batul Ayt Samlal, “Metodologi Fatwa Shaikh Tāhir bin ‘Āshūr” (طاهر بن عاشور), dalam laman sesawang rasmi *alukah.net* bertarikh 31 Ogos 2016, diakses pada 5 Mac 2018, <http://www.alukah.net/library/0/107248/>

<sup>68</sup> Al-Sudais, ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-‘Azīz, *Bid‘ al-Tirāz fī Ma‘ālim Manhaj al-Fatwā ‘inda al-Imām Ibn Bāz* (Damshik: Dār al-Nawādir, 2014).

<sup>69</sup> Mūsā, Muḥammad Amīn bin Muḥammad, *Manhaj al-Fatwā wa al-‘Amal ‘inda Ibn al-Ḥājj Ibrāhīm: Qirā’ah fī Kitāb Tard al-Dawāl wa al-Ḥamāl ‘an al-Kurū‘ fī al-Hiyād Masā’il al-‘Amal*, Dirāsat, vol. 3(1) (2014), 21-44.

<sup>70</sup> Al-‘Ayd bin Zittah, “Metodologi Fatwa al-Shaikh Aḥmad Idrīs ‘Abduh” (إدريس عبد الله)، dalam laman sesawang peribadi penulis bertarikh 7 April 2015, diakses pada 5 Mac 2018, [http://laibenzetta.blogspot.my/2015/04/blog-post\\_7.html](http://laibenzetta.blogspot.my/2015/04/blog-post_7.html)

<sup>71</sup> Ḥamādī Nūr al-Dīn, “Metodologi Fatwa al-Shaikh ‘Atīyyah Mas‘ūdī” (أبي عطية مسعودي)، dalam laman sesawang *al-manhal*, diakses pada 5 Mac 2018, <https://platform.almanhal.com/Files/2/91977#>

<sup>72</sup> Ṣāliḥ bin ‘Abdullah bin Ḥumaid, “Metodologi Fatwa dan Kehakiman al-Shaikh ‘Abdullah bin Ḥumaid” (منهج الشيخ عبد الله بن حميد في الفتوى والقضاء) dalam ceramah yang disampaikan pada 21 Jamadil Awal 1439H di Universiti al-Imām Muḥammad bin Su‘ūd al-Islāmiyyah, <https://units.imamu.edu.sa/colleges/sharia/announcements/Pages/Ibnhomaid.aspx>

<sup>73</sup> Aḥmad al-Jibillī, “Metodologi Fatwa Dr. Muṣṭafā bin Ḥamzah” (منهج العلامة الدكتور مصطفى بن حمزة)، dalam laman sesawang rasmi OujdaCity bertarikh 8 Mac 2016, diakses pada 5 Mac 2018, <http://www.oujdacity.net/national-article-109094-ar/>

mengenai tokoh, terdapat juga kajian mengenai metodologi fatwa badan fatwa seperti al-Lajnah al-Dā’imah, Arab Saudi oleh ‘Abd al-Rahmān al-Jibrīn<sup>74</sup>.

#### 1.7.4 Kajian Lepas tentang *Taghyīr Khalqillāh* dalam Fatwa Perubatan

Isu perubatan adalah isu yang paling banyak melibatkan pengubahan ciptaan Allah SWT khususnya prosedur rawatan yang melibatkan pembedahan. Perkembangan teknologi dalam bidang perubatan telah menghasilkan pelbagai prosedur baru dalam bidang perubatan dan memerlukan respons hukum dari para ulama kontemporari. Namun begitu, sebelum sebarang respons hukum diberikan, mereka mestilah faham dan jelas dengan sebarang isu perubatan yang mahu diberikan respons hukum kerana kaedah menyebutkan:

الْحُكْمُ عَلَى شَيْءٍ فَرِعُ عَنْ تَصْوِيرِهِ

Terjemahan: Sesuatu hukum yang diputuskan ke atas sesuatu perkara adalah hasil dari gambaran yang jelas ke atas perkara tersebut<sup>75</sup>.

Justeru, melalui perbincangan secara kolektif, para ulama dapat berkumpul dan berbincang mengenai sesuatu isu termasuklah isu perubatan. Malah, mereka akan diberikan pencerahan dan input tambahan dari pakar perubatan yang akan menerangkan isu berkaitan secara tuntas. Terdapat sepuluh badan fatwa utama dunia yang sering menjadi rujukan, terdiri dari empat badan fatwa peringkat antarabangsa iaitu (i) Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah, Mesir, (ii) Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwālī, Jeddah (OIC), (iii) Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, Mekah dan (iv) al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā’ wa al-

<sup>74</sup> ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abdullah al-Jibrīn, *Manhaj al-Fatwā li al-Lajnah al-Dā’imah li al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ fī al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sū‘ūdiyyah: Dirāsah Uṣūlliyyah Taṭbīqiyyah Mūjazah* (Riyad: al-Jam‘iyyah al-Fiqhiyyah al-Sū‘ūdiyyah, t.t.).

<sup>75</sup> Ibn Ṣalāh, ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahmān *Adab al-Muftī wa al-Mustafī*, ed. ‘Abdullāh ‘Abd al-Qādir (Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam, 2002), 100; dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad bin Abū Bakr bin Ayyūb, *I'lām al-Muwaqqī'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, ed. Mashhūr bin Ḥasan dan Aḥmad ‘Abdullāh Aḥmad (Riyad: Dār Ibn al-Jauzī, 1423H), 2:165.

Buhūth, Ireland; dan enam badan negara Islam iaitu (i) Dār al-Iftā' al-Misriyyah, Mesir, (ii) Dār al-Iftā' al-Urduniyyah, Jordan, (iii) Hai'ah Kibār al-'Ulamā' dan Lajnah al-Dā'imah li al-Fatwā, Arab Saudi, (iv) Hai'ah al-'Āmmah li al-Fatwā, Kuwait (v) Dār al-Iftā' al-Filastīniyyah, Palestin dan (vi) Majma' al-Fiqh al-Islāmī, India. Berikut adalah senarai jumlah resolusi dan fatwa yang diputuskan termasuklah resolusi dan fatwa perubatan yang berkaitan dengan *taghyīr khalqillāh*.

Jadual 1.4: Jumlah Resolusi dan Fatwa yang Diputuskan oleh Badan Fatwa Dunia

No.	Badan Fatwa	Jumlah Resolusi dan Fatwa	Jumlah Resolusi dan Fatwa Perubatan	Peratus dari Jumlah Keseluruhan	Jumlah Resolusi dan Fatwa Perubatan Berkaitan <i>Taghyīr Khalqillāh</i>	Peratus dari Jumlah Keseluruhan
1.	Majma' al-Buhūth al-Islāmiyah li al-Azhar al-Sharīf, Kaherah.	97	1	1%	-	-
2.	Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Duwali, Jeddah.	216	29	13.4%	12	5.6%
3.	Majma' al-Fiqh al-Islāmī, Mekah	132	24	18.2%	11	8.3%
4.	Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā' wa al-Buhūth, Ireland.	128 resolusi 121 fatwa	8	3.2%	4	1.6%
5.	Dār al-Iftā' al-Misriyyah, Mesir.	Tiada data tepat	70	-	23	-
6.	Dār al-Iftā' al-Urduniyyah, Jordan.	249	26	10.4%	10	4.0%
7.	Hai'ah Kibār al-'Ulamā' dan al-Lajnah al-Dā'imah li al-Fatwā, Arab Saudi.	Tiada data tepat	388	-	19	-
8.	Hai'ah al-'Āmmah li al-Fatwā, Kuwait.	6882	176	2.6%	45	0.7%
9.	Dār al-Iftā' al-Filastīniyyah, Palestin.	257	26	10.1%	10	3.9%
10.	Majma' al-Fiqh al-Islāmī, India.	96	12	12.5%	5	5.2%

Jumlah

760

139

Berdasarkan Jadual 1.4, sebanyak 760 resolusi dan fatwa perubatan telah diputuskan manakala 139 daripadanya mempunyai perkaitan dengan *taghyīr khalqillāh*. Antara contoh resolusi dan fatwa berkaitan dengan *taghyīr khalqillāh* adalah pembedahan menukar jantina (transgender), pembedahan kosmetik untuk mencantikkan badan dan

muka, pembedahan menampal selaput dara dan banyak lagi. Namun begitu, kebanyakan resolusi dan fatwa ini berulang dan telah dibincangkan oleh badan fatwa lain. Justeru, konsep *taghyīr khalqillāh* akan dikaji menerusi keputusan resolusi dan fatwa yang telah diputuskan oleh badan fatwa ini.

## 1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggabungkan dua metode utama iaitu kajian dokumen (analisis kandungan) dan kajian kes. Kajian dokumen atau analisis kandungan adalah satu bentuk kajian yang menggunakan pendekatan pengkodan dan pengkategorian sistematik untuk meneroka maklumat tekstual yang banyak bagi melihat tren dan paten yang berhubungkait<sup>76</sup>. Sejarah metode analisis kandungan ini boleh dilihat seawal kurun ke-18 dan digunakan oleh sarjana di Scandinavia<sup>77</sup>, manakala penggunaannya di Amerika Syarikat pula hanya dikesan pada kurun ke-20<sup>78</sup>. Data yang digunakan pula terdiri dari pelbagai sumber seperti audio, video, dokumen, surat rasmi dan tidak rasmi, interview, soal selidik berkumpulan, pemerhatian dan sebagainya<sup>79</sup>. Bagi kajian ini, kajian dokumen atau analisis kandungan akan digunakan bagi mengkaji konsep *taghyīr khalqillāh* dalam Islam dengan merujuk kepada kitab rujukan utama dalam penyelidikan hukum Islam. Rujukan dibuat terhadap kitab yang ditulis oleh pakar bahasa Arab, *mufassirīn*, *muḥaddithīn* dan fuqaha.

---

<sup>76</sup> Carol Grbich, *Qualitative Data Analysis: An Introduction* (London: SAGE Publication, 2007), 112.

<sup>77</sup> Karl Erik Rosengren, “Advances In Scandinavia Content Analysis: An Introduction” dalam K. E. Rosengren (ed.), *Advances In Content Analysis* (Beverly Hills: Sage, 1981), 9-19.

<sup>78</sup> Francis Earle Barcus, *Communications Content: Analysis Of The Research 1900-1958 (A Content Analysis Of Content Analysis)* (University of Illinois, Urbana-Champaign: Tesis Doktor Falsafah, 1951).

<sup>79</sup> Hsiu-Fang Hsieh dan Sarah E. Shannon, “Three Approaches to Qualitative Content Analysis”, *Qualitative Health Research* 15 (2005), 1277-1288.

Kajian kes adalah satu metode yang digunakan oleh seseorang pengkaji untuk menguji data yang spesifik. Kebiasaannya, data dipilih dari sampel yang besar<sup>80</sup>. Selain itu, ia juga boleh digunakan untuk mengukuhkan ketepatan, kesahan dan kestabilan hasil penyelidikan dengan melihat persamaan dan perbezaan dalam pelbagai kes. Malah, generalisasi daptan kajian turut boleh dibuat melalui kajian kes ini<sup>81</sup>. Bagi kajian ini, pengkaji akan menjadikan resolusi dan fatwa perubatan dari sepuluh badan fatwa utama dunia sebagai bahan untuk kajian kes. Pengkaji akan meneliti persamaan dan perbezaan antara resolusi dan fatwa tersebut dengan konsep *taghyīr khalfillāh* yang pengkaji bangunkan dalam analisis kandungan.

### 1.8.1 Kerangka Kajian

Kajian bermula dengan pengumpulan data dari sampel terpilih, seterusnya data tersebut dianalisis dan ditukar ke kod tertentu. Kod tersebut disusun dalam kategori atau sub-kategori berdasarkan kesesuaian analisis pada data dan kod. Sampel kajian pula dikumpul berdasarkan kaedah persampelan teoritik (*theoretical sampling*) yang merupakan pemilihan sampel berdasarkan konsep atau teori yang ingin dibangunkan. Persampelan teoritik tidak bergantung kepada populasi sampel namun ia masih boleh menjadi wakil bagi sesuatu konsep atau kod. Sampel kajian juga boleh bertambah sepanjang kajian dijalankan kerana penemuan baru sepanjang kajian boleh menunjukkan keperluan untuk menambah sampel baru yang berkaitan. Ia berterusan sehingga tiada lagi data baru yang relevan, penyusunan kategori sudah lengkap dan hubungan antara beberapa kategori yang dihasilkan menunjukkan perkaitan antara satu sama lain<sup>82</sup>.

---

<sup>80</sup> Zaidah Zainal, “Case Study as a Research Method”, *Jurnal Kemanusiaan* 7 (2007), 1-6.

<sup>81</sup> Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Penerbit UM, 2018), 477.

<sup>82</sup> Berney Glaser dan Anselm Strauss, *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research* (New Brunswick dan London: Aldine Transaction, 1967), 45-78.

Terdapat beberapa jenis kod yang boleh digunakan seperti (i) pengkodan terbuka (*open coding*), (ii) pengkodan axial (*axial coding*), dan (iii) pengkodan terpilih (*selective coding*). Pengkodan terbuka merupakan proses konseptualisasi data yang besar dan banyak supaya pengkaji tidak sesat dalam lambakan data. Manakala pengkodan axial dan pengkodan terpilih adalah perincian selepas pengkodan terbuka. Penggunaan kod ini pula tidak statik sebaliknya boleh merentasi antara kod tersebut<sup>83</sup>. Terdapat juga sarjana yang menggunakan istilah lain seperti (i) pengkodan awal (*initial coding*) dan (ii) pengkodan berfokus (*focused coding*)<sup>84</sup>. Pengkaji melihat pengkodan awal ini sama dengan pengkodan terbuka, manakala pengkodan berfokus pula sama dengan gabungan pengkodan axial dan pengkodan terpilih. Justeru, pengkaji lebih cenderung menggunakan istilah kedua iaitu pengkodan awal dan pengkodan berfokus.

Metode analisis pula bermula ketika data dikumpulkan, khususnya bagi membentuk pengkodan terbuka atau pengkodan awal. Ia diteruskan dengan pengkodan berfokus dan pembentukan kategori sehingga pembinaan teori atau konsep. Pengkaji menggunakan metodologi analisis perbandingan yang berterusan (*constant comparative analysis*), khususnya antara kategori yang dibentuk selepas proses pengkodan<sup>85</sup>.

Akhir sekali, satu konsep atau teori akan dibina daripada metode analisis ini. Teori yang dibentuk ini berkemungkinan menjadi (i) konsep atau teori baru yang belum pernah disebutkan oleh mana-mana sarjana sebelumnya, (ii) memperluas teori sedia ada, atau (iii) mengabsahkan teori lama<sup>86</sup>. Dalam konteks konsep atau teori *taghyīr khalqillāh* bagi

<sup>83</sup> Andreas Bohm, “Theoretical Coding: Text Analysis in Grounded Theory” dalam Flick, Kardorff dan Steinke (eds.), *A Companion to Qualitative Research* (London: Sage Publications, 2004), 270-275.


<sup>84</sup> Kathy Charmaz, *Constructing Grounded Theory: A Practical Guide Through Qualitative Analysis* (London: Sage Publications, 2006), 42-66.

<sup>85</sup> Sharon Kolb, “Grounded Theory and Constant Comparative Method: Valid Research Strategies for Educators”, *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies* 3(1), 83-86.

<sup>86</sup> Glaser dan Strauss, *The Discovery of Grounded Theory*, 223-257.

kajian ini, ia berkemungkinan berperanan dalam memperluas teori *taghyir khalqillah* sedia ada atau mengabsahkan teori tersebut kerana sudah kedapatan sekurang-kurangnya tiga penulisan berkaitan *taghyir khalqillah*<sup>87</sup>. Konsep kerangka kajian boleh dilihat dalam Carta Alir 1.1.

Carta Alir 1.1: Pembentukan Konsep/ Teori *Taghyir Khalqillah*



Sumber: Adaptasi dari Kathy Charmaz, 2006.

### 1.8.2 Pengumpulan Data

Asas konsep *taghyir khalqillah* adalah dengan merujuk kepada surah al-Nisā', ayat 119. Justeru, pengkaji memulakan kajian dengan mengumpulkan semua data dari huraiān *mufassirīn* terhadap ayat ini. Pemilihan *mufassirīn* pula dibuat dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Justeru, seramai 12 orang

<sup>87</sup> Iaitu *Taghyir Khalqillah* oleh Zarwātī Rābiḥ, Sāliḥ al-Fawzān dan Anas ‘Abd al-Fattāḥ.

*mufassirīn* muktabar dari pelbagai latarbelakang masa, pegangan akidah, mazhab fiqh dan jenis tafsir dipilih. Kepelbagaiannya latar belakang *mufassirīn* ini dapat memberi data yang lebih mendalam dan luas. Malah, ia juga boleh menjadi salah satu bentuk kesahan kepada data dari *mufassirīn* lain.

Berdasarkan analisis kepada huraiān *mufassirīn*, pengkaji mendapat terdapat lima hadis telah digunakan oleh *mufassirīn* bagi menguatkan hujah mereka mengenai konsep *taghyīr khalqillāh* ini. Namun begitu, hanya hadis berkaitan hukum *al-waṣl*, *al-namṣ*, *al-washm* dan *al-tafalluj* sahaja yang dipilih kerana hadis tersebut lebih menepati perbincangan mengenai *taghyīr khalqillāh*. Hal ini penting supaya kajian ini tidak menjadi terlalu luas. Hadis ini ditakhrīj bagi memudahkan proses pengumpulan data dari *muḥaddithīn*. Seterusnya, kajian diteruskan dengan melihat huraiān *muḥaddithīn* dan fuqaha terhadap hadis ini.

Data *muḥaddithīn* dikumpul melalui buku syarah hadis utama yang menghuraikan *Sunan al-Tis‘ah*. Pemilihan *muḥaddithīn* pula menggunakan kaedah bola-salji (*snow ball*) kerana maklumat mengenai huraiān *muḥaddithīn* terhadap hadis tersebut diperolehi selepas proses *takhrīj* hadis dibuat. Maka, hanya buku *muḥaddithīn* yang menghuraikan hadis tersebut dipilih. Sebagai contoh, hadis tersebut diriwayatkan dalam *Sahīh al-Bukhārī*, maka hanya buku yang menghuraikan *Sahīh al-Bukhārī* sahaja yang dipilih seperti *Fatḥ al-Bārī* oleh al-‘Asqalānī walaupun sebenarnya al-‘Asqalānī mempunyai buku lain dalam bidang hadis juga.

Pemilihan fuqaha pula dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan pemilihan beberapa fuqaha yang menjadi rujukan utama bagi setiap mazhab. Pengkaji menggunakan perisian *Maktabah Shamela* dan enjin carian di laman sesawang *al-Maktabah al-Shamelah al-Hadīthiyah* ([al-maktaba.org](http://al-maktaba.org)) bagi mencari fuqaha yang menghuraikan hadis ini. Kata kunci yang dipilih adalah teks hadis tersebut.

Hasil carian dari *Maktabah Shamela* dan *al-maktabah.org*, beberapa senarai buku dan teks berkaitan akan dipaparkan.

Seterusnya, pengkaji akan memilih buku utama (الكتب المعتمدة) bagi setiap mazhab (Hanafī, Mālikī, Shāfi‘ī dan Ḥanbalī) yang membincangkan isu ini. Jika buku utama mazhab tidak membincangkan hadis ini atau hukum berkaitan *al-waṣl*, *al-namṣ*, *al-washm* dan *al-tafalluj*, pengkaji merujuk kepada buku lain yang kurang utama dalam mazhab tersebut.

Data bagi kajian kes dengan menganalisis fatwa perubatan pula diambil dari sepuluh badan fatwa utama dunia yang menjadi rujukan dunia Islam; terdiri dari empat badan fatwa peringkat antarabangsa manakala baki enam badan fatwa peringkat kebangsaan. Badan fatwa peringkat antarabangsa adalah:

- i. Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah, Mesir.
- ii. Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwālī, Jeddah (OIC),
- iii. Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, Mekah.
- iv. al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā’ wa al-Buhūth, Ireland.

Manakala badan fatwa lain pada peringkat kebangsaan iaitu:

- i. Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah, Mesir.
- ii. Dār al-Iftā’ al-Urduniyyah, Jordan,
- iii. Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’ dan Lajnah al-Dā’imah li al-Fatwā, Arab Saudi.
- iv. Hai’ah al-‘Āmmah li al-Fatwā, Kuwait.
- v. Dār al-Iftā’ al-Filasṭīniyyah, Palestin.
- vi. Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī, India.

Resolusi dan fatwa yang dipilih adalah berkaitan perubatan yang mempunyai perkaitan dengan konsep *taghyīr khalqillāh*. Manakala had tahun pula adalah antara tahun 1937 hingga 2018. Kaedah yang digunakan dalam pemilihan badan fatwa ini adalah persampelan bertujuan juga. Sepuluh badan fatwa ini dipilih kerana resolusi dan fatwa mereka menjadi rujukan utama dunia Islam dalam memutuskan fatwa di negera masing-masing.

Pengiktirafan terhadap sepuluh badan fatwa ini boleh dilihat menerusi beberapa kajian yang membincangkan isu *ijtihād jamā‘ī* iaitu ijtihad yang diputuskan secara kolektif dengan merujuk kepada sepuluh badan fatwa ini sebagai aplikasi kepada konsep ini. Antara kajian tersebut adalah tesis sarjana yang ditulis oleh Khālid ‘Alī Haṭbūl al-Farūkh bertajuk “Peranan Institusi Fiqh dan Badan Fatwa dalam Menselarikan fatwa”<sup>88</sup>, tesis sarjana Naṣr Maḥmūd al-Karnaz bertajuk “Ijtihad Kolektif dalam Aplikasi Semasa”<sup>89</sup>, tesis doktor falsafah oleh ‘Ārif ‘Izz al-Dīn Ḥāmid bertajuk “Metodologi Ijtihad dalam Fiqh Kontemporari”<sup>90</sup>.

Selain kajian kepentingan badan fatwa ini melalui tesis, terdapat juga kajian melalui buku yang ditulis oleh Ghānim Ghālib Ghānim bertajuk “Institusi Fiqh dan Kesannya kepada Ijtihad Kontemporari dan Kajian Beberapa Institusi Fiqh”<sup>91</sup> dan kajian

<sup>88</sup> Khālid ‘Alī Haṭbūl al-Farūkh, *Dawr al-Majāmi‘ al-Fiqhiyyah wa Majālis al-Iftā’ fī Dabṭ al-Fatwā*, seliaan oleh Khalūq Dayf Allāh Āghā (Gaza: Tesis Sarjana, 2017), 20-29.

<sup>89</sup> Naṣr Maḥmūd al-Karnaz, *al-Ijtihād al-Jamā‘ī wa Taṭbīqātuhu al-Mu’āşirah*, seliaan oleh Māhir Ḥāmid al-Hūlī (Gaza: Tesis sarjana, 2008), 97-142.

<sup>90</sup> ‘Ārif ‘Izz al-Dīn Ḥāmid, *Manāhij al-Ijtihād al-Fiqhī al-Mu’āşir*, seliaan oleh Muḥammad Ḥassān Abū Yaḥyā (Amman: Tesis Doktor Falsafah, 2005), 469-470.

<sup>91</sup> Ghānim Ghālib Ghānim, *al-Majāmi‘ al-Fiqhiyyah wa Atharuha fī al-Ijtihād al-Mu’āşir wa al-Taṭallu‘ātī Majma‘ Fiqhi Manshūd* (t.t.p.).

melalui artikel yang ditulis oleh Şâlih bin Hûmaid bertajuk “Ijtihad Kolektif dan Kepentingannya terhadap Isu Semasa”<sup>92</sup>.

Malah, keutamaan badan fatwa ini turut disebutkan dalam kertas kerja yang dibentangkan oleh tiga tokoh ulama dunia dalam pertemuan ke-20 (2012) Majma‘ al-Fiqh al-Islâmî al-Duwalî yang diadakan di Mekkah al-Mukarramah iaitu iaitu:

- i. Mufti Palestin Muhammad Aḥmad Ḥusain bertajuk “Peranan Institusi Fiqh dalam Memacu Perjalanan Institusi Kewangan Islam”<sup>93</sup>.
- ii. Wahbah al-Zuhailî yang membentangkan kertas kerja bertajuk “Ijtihad Kolektif dan Kepentingannya dalam Menghadapi Isu Semasa”<sup>94</sup>.
- iii. Aḥmad al-Raisûnî yang membentangkan kertas kerja bertajuk “Ijtihad Kolektif”<sup>95</sup>.

### 1.8.3 Analisis Data

Pengkaji menganalisis data dari sarjana Bahasa Arab, *mufassirîn*, *muḥaddithîn* dan fuqaha dengan menggunakan metode analisis tematik. Proses analisis bermula dengan pembahagian data tersebut kepada empat kod bagi mengkonseptualisasi data supaya analisis yang dibuat pada peringkat seterusnya lebih mudah. Peringkat ini dinamakan sebagai Pengkodan Awal. Empat kod tersebut adalah:

- i. Data dari sudut bahasa,
- ii. Data dari *mufassirîn*,

<sup>92</sup> Şâlih bin Hûmaid, *al-Ijtihâd al-Jamâ‘î wa Ahammiyatuhu fî Nawâzil al-‘Aṣr*, laman sesawang almoslim.net, diakses pada 8 Oktober 2018, <http://almoslim.net/node/266821>.

<sup>93</sup> Muḥammad Aḥmad Ḥusain, *Dawr al-Majâmi‘ al-Fiqhiyyah fî Tarshîd Maṣîrah al-Mu’assasât al-Mâliyyah al-Islâmiyyah: Āḥiyât wa Siyagh*, dibentangkan dalam pertemuan ke-20 pada tahun 2012.

<sup>94</sup> Wahbah Muṣṭafâ al-Zuhailî, *al-Ijtihâd al-Jamâ‘î wa Ahammiyatuhu fî Muwâjâhah Muškilât al-‘Aṣr*.

<sup>95</sup> Aḥmad al-Raisûnî, “*al-Ijtihâd al-Jamâ‘î: Aṣâlatuhu wa Darûratuhu*” laman sesawang *Maghris*, diakses pada 14 Oktober 2018, <https://www.magress.com/attajdid/50781>.

iii. Data dari *muḥaddithīn*,


iv. Data dari fuqaha

Seterusnya, empat kod ini melalui proses Pengkodan Berfokus dengan menumpukan analisis pada teks terpilih seperti buku tafsir al-Qur'ān, Syarah hadis dan fiqh empat mazhab. Hasil dari analisis ini, pengkaji akan membentuk konsep *taghyīr khalqillāh* bagi setiap kod ini seperti:

- i. *Taghyīr khalqillāh* dari perspektif bahasa.
- ii. *Taghyīr khalqillāh* dari perspektif *mufassirīn*.
- iii. *Taghyīr khalqillāh* dari perspektif *muḥaddithīn*.
- iv. *Taghyīr khalqillāh* dari perspektif fuqaha.

Terakhir, pengkaji merumuskan beberapa kategori tema yang boleh dihubungkait antara satu sama lain sehingga membentuk satu konsep atau teori *taghyīr khalqillāh* dari perspektif Islam. Kerangka analisis data boleh dilihat dalam Carta Alir 1.2.

Carta Alir 1.2: Metode Analisis Kandungan Secara Tematik



Sumber: Adaptasi dari Mohammad Rahim dan Ghazali et al.<sup>96</sup>.

<sup>96</sup> Mohammad Rahim Mohammed Abdul Rahman, *Persepsi Guru Terhadap Buku Teks Pendidikan Islam KBSR* (Universiti Malaya. Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, 2000); dan Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan*, 181.

#### **1.8.4 Isu Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Antara perkara penting dalam kajian kualitatif adalah aspek kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian. Bagi kajian ini, pengkaji membahagikan kepada dua sudut iaitu kesahan dan kebolehpercayaan pada data dan struktur metode yang dibangunkan.

Kesahan dan kebolehpercayaan data dalam analisis kandungan boleh dilihat melalui semua rujukan *mufassirīn*, *muḥaddithīn* dan fuqaha yang menggunakan dokumen bertulis daripada pihak yang berautoriti. Malah, buku-buku yang dipilih merupakan sumber primer dalam metodologi penyelidikan hukum Islam. Kepelbagaiannya sumber ini mampu meningkatkan tahap kesahan data-data yang dikumpul. Seterusnya, aspek kefahaman ke atas teks dokumen dalam Bahasa Arab turut menjadi keutamaan. Justeru, pengkaji telah menghadiri kursus terjemahan Bahasa Arab – Bahasa Melayu anjuran Institut Terjemahan dan Buku Malaysia. Malah, tempoh pengajian pengkaji selama lima tahun di Mesir turut membantu pengkaji memahami teks Bahasa Arab dengan baik.

Seterusnya, bagi aspek kesahan dan kebolehpercayaan struktur metode yang dibangunkan pula, pengkaji telah merujuk dan menemubual tiga orang pakar bagi mengesahkan metode yang telah pengkaji bangunkan. Tiga orang tokoh tersebut adalah Prof. Madya Dr. Siti Arni binti Basir dari Jabatan Siasah Syar‘iyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya<sup>97</sup>, Dr. Ghazali Darusalam dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya<sup>98</sup> dan Dr. Jamiah Manap dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>99</sup>.

---

<sup>97</sup> Temubual telah diadakan di Jabatan Siasah Syar‘iyyah pada 3 April 2018.

<sup>98</sup> Temubual telah diadakan di Fakulti Pendidikan pada 3 April 2018.

<sup>99</sup> Temubual telah diadakan di Fukulti Sains Sosial dan Kemanusiaan pada 5 April 2018.

## BAB 2: *TAGHYĪR KHALQILLĀH* MENURUT BAHASA, *MUFASSIRĪN*, *MUHADDITHĪN* DAN FUQAHĀ

### 2.1 Definisi *Taghyīr*

*Taghyīr* (تَغْيِيرٌ) merupakan perkataan Bahasa Arab yang merupakan kata terbitan dari kata kerja (غَيْرَ – يُغَيِّرُ). Terdapat tiga lagi perkataan dalam Bahasa Arab yang seerti dengan perkataan ini iaitu *taḥwīl* (تَحْوِيلٌ) yang merupakan kata terbitan dari kata kerja (– حَوَّلَ) dan *naql* (نقلٌ) yang merupakan kata terbitan dari kata kerja (– يَقْلُلُ). Jika dilihat pada definisi keempat-empat perkataan ini, ia akan membawa kepada definisi yang hampir. Setiap perkataan digunakan untuk menjelaskan maksud antara mereka. Berikut pengkaji menukilkan definisi tersebut dalam Bahasa Arab:

Jadual 2.1: Definisi dan Kata Kunci bagi Perkataan *Taghyīr*, *Taḥwīl*, *Tabdīl* dan *Naql*

Kata Kunci	Definisi	Perkataan
1. Mengubah bentuk bukan mengubah jisim asal [Bentuk]. 2. Menukar dengan benda lain [Benda].	التحويل، والنقل، والتبدل بكثرة. قال الراغب: يقال على وجهين: (١) لتبديل صورة الشيء دون ذاته، يقال: غير داره، إذا بناها غير الذي كان. (٢) لتبديله بغيره، نحو: غيرت غلامي وداتي، أبدلت بهما بغيرهما <sup>100</sup> .	غَيْرَ – يُغَيِّرُ – تَغْيِيرٌ

<sup>100</sup> Maḥmūd ‘Abd al-Raḥmān ‘Abd al-Mun‘im, *Mu‘jam al-Muṣṭalaḥāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah* (Kaherah: Dār al-Faḍīlah, 1999), 1:478.

<sup>101</sup> Rāghib al-Asfahānī, Abū al-Qāsim al-Husain bin Muḥammad *al-Mufradāt fī Ghārīb al-Qur’ān*, ed. Ṣafwān ‘Adnān al-Dāwūdī (Damshiq dan Beirut: Dār al-Qalam dan Dār al-Shāmiyyah, 1991), 619.

<p>1. Memindah tempat [Tempat].      2. Menukar dengan benda lain [Tukar].      3. Mengubah keadaan [Keadaan].      4. Menanam untuk suatu tempoh [Tanam].</p>	<p>١. (حَوْلَ) الشيء: غَيْرَهُ أو نقله من مكان إلى آخر.      ٢. (حَوْلَ) الشيء إلى غيره: غَيْرُهُ إلى شيء آخر.      ٣. (حَوْلَ) الشيء: غَيْرَهُ من حال إلى حال.      ٤. (حَوْلَ) الأرض: زراعتها حولاً وتركها حولاً للتفوية.</p>	<p>حَوْلَ - يُحَوِّلُ      تَحْوِيلٌ</p>
<p>1. Mengubah bentuk [Bentuk].      2. Menyeleweng kata-kata [Perkataan].      3. Menukar dengan benda lain [Benda].</p> <p><i>Tabdīl</i> boleh digunakan pada tempat <i>taghyīr</i>, walaupun <i>taghyīr</i> lebih umum dari <i>tabdīl</i>.</p>	<p>١. (بَدْلَ) الشيء: غَيْرُ صورته.      ٢. (بَدْلَ) الكلام: حَرْفُهُ.      ٣. (بَدْلَ) الشيءَ بغيره: اتَّخذه عوضاً له.<sup>103</sup></p> <p>الفرق بين التبديل والتحويل: وهو أن يجعل مكان الشيء شيء آخر، أو تحول صفتة إلى صفة أخرى. ومن هنا، يتبين أن هذه الألفاظ متقاربة في المعنى، إلا أن التحويل لا يستعمل في التبديل ذات ذات أخرى.<sup>104</sup></p> <p>التبديل يقع موضعه التغيير، وإن كان التغيير أعم منه.</p>	<p>بَدْلَ - يُبَدِّلُ      تَبْدِيلٌ</p>
<p>1. Memindah tempat [Tempat]      2. Menukilkan pandangan [Perkataan].      3. Menyalin buku [Salin].      4. Menterjemah [Terjemah].</p>	<p>١. (نَقَلَ) الشيء: حَوَلَهُ من مكان إلى آخر.      ٢. (نَقَلَ) الخبر أو الكلام عن قائله: رواه عنه.      ٣. (نَقَلَ) الكتاب: نسخه.      ٤. (نَقَلَ) الكلام أو الكتاب إلى لغة أخرى: ترجممه إليها.<sup>105</sup></p>	<p>نَقَلَ - يَنْقُلُ      نَقْلٌ</p>
<p>Berikut adalah ringkasan dari definisi bahasa keempat-empat perkataan tersebut:</p> <p>Set <i>Taghyīr</i> = {<i>Tabdīl</i>}</p> <p>Set <i>Tabdīl</i> = {Bentuk, Perkataan, Tukar}</p> <p>Set <i>Taḥwīl</i> = {Tempat, Tukar, Keadaan, Tanam}</p> <p>Set <i>Naql</i> = {Tempat, Perkataan, Salin, Terjemah}</p>		

<sup>102</sup> *Al-Mu'jam al-'Arabiyyah al-Asāsī*, cetakan pertama (Tunisia: *al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm*, 1989), 365-366, entri ح ول.

<sup>103</sup> Ibid., 138, entri ب د ل.


<sup>104</sup> Al-Mun'im, *Mu'jam al-Muṣṭalaḥāt*, 1:420-421.

<sup>105</sup> Abū Muhammad 'Abd al-Ḥaqq bin Ghālib al-Andalūsī, *Al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*, ed. 'Abd al-Salām 'Abd al-Shāfi'ī Muḥammad (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 2:114-115.

<sup>106</sup> *Al-Mu'jam al-'Arabiyyah*, 1227, entri ن ق ل.

Berdasarkan Jadual 2.1, terdapat beberapa kata kunci yang bertindih dan tidak bertindih. Kata kunci yang bertindih memberi maksud ia boleh digunakan untuk menggambarkan kedua-dua perkataan manakala kata kunci yang tidak bertindih memberi maksud ia hanya menggambarkan perkataan tersebut sahaja. Antara kata kunci yang bertindih adalah ‘tukar’ dan ‘perkataan’ yang bertindih antara *taghyīr*, *tabdīl* dan *taḥwīl*; dan ‘tempat’ yang bertindih antara *taḥwīl* dan *naql*. Kata kunci yang tidak bertindih pula adalah ‘bentuk’, ‘keadaan’, ‘tanam’, ‘salin’ dan ‘terjemah’. Rajah 2.1 menunjukkan susunan ‘kata kunci’ dan ‘perkataan’ dalam bentuk set dan subset.

Rajah 2.1: Susunan Kata Kunci bagi *Taghyīr*, *Tabdīl*, *Taḥwīl* dan *Naql*



Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan Rajah 2.1, terdapat satu persamaan antara empat perkataan tersebut iaitu suatu proses pengubahan atau pemindahan dari ‘asal’ ke ‘baru’, tidak kira pengubahan bentuk, tempat, benda, keadaan, bahasa dan perkataan. Bagi kajian mengenai

*taghyīr khalqillāh* ini, pengkaji berpendapat maksud *taghyīr* dalam istilah *taghyīr khalqillāh* adalah pengubahan bentuk.

## 2.2 *Taghyīr Khalqillāh* Menurut *Mufassirīn*

Perbincangan seterusnya akan menumpukan kepada tafsiran *mufassirīn* secara mendalam mengenai surah al-Nisā', ayat 119. Ini kerana, ayat ini adalah asas kepada konsep *taghyīr khalqillāh*. Firman Allah SWT:

وَلَا أُضِلُّنَّهُمْ وَلَا مُنِينَهُمْ وَلَا مُرْنَهُمْ فَلَيَبْتَكِنَ آذَانَ الْأَنْعَامِ وَلَا مُرْنَهُمْ فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذَ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرًا مُّبِينًا (١١٩)

Terjemahan: Dan sungguh, aku akan menyesatkan mereka, dan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan menyuruh mereka membelah telinga binatang ternak; dan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah. Dan sesiapa yang mengambil Syaitan menjadi pemimpin yang dita'ati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata (119).

[Surah al-Nisā': 119]

Majoriti ulama akan menggunakan ayat ini bagi merujuk kepada konsep dan hukum mengubah ciptaan Allah SWT. Perbincangan konsep *taghyīr khalqillāh* akan dimulai dengan mengumpul data-data dari *mufassirīn* yang menghuraikan atau membuat komentar terhadap ayat ini. Data-data ini diterjemahkan dan disusun di dalam jadual bagi memudahkan proses analisis. Setiap tafsiran akan diulas oleh pengkaji secara ringkas dan ringkasan tersebut boleh diletakkan dalam jadual yang sama.

Seterusnya, pengkaji akan menganalisis data tersebut. Analisis tersebut boleh pecahkan kepada empat sudut iaitu; (i) analisis taburan latarbelakang *mufassirīn*, (ii)

analisis tafsiran *taghyīr khalqillāh* dan dalil yang digunakan, (iii) analisis senarai ulama yang terlibat memberikan tafsiran dan (iv) analisis tafsiran *mufassirīn*.

### 2.2.1 Himpunan Tafsiran *Mufassirīn* Mengenai *Taghyīr Khalqillāh* Dalam Surah

#### Al-Nisā': 119

Sebanyak 12 orang *mufassirīn* telah dipilih bagi melihat tafsiran dan menganalisis konsep *taghyīr khalqillāh* (تغییر خلق الله). *Mufassirīn* ini terdiri dari pelbagai latarbelakang masa,

akidah, mazhab fiqh dan jenis tafsir<sup>107</sup>; merangkumi *mufassirīn* dari kurun keempat hijriah hingga kurun keempat belas hijriah; berakidah Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ), atau Muktazilah; bermazhab fiqh Ḥanafī, Mālikī, Shāfi‘ī atau lain-lain; dan tafsiran jenis *Tafsīr bi al-Ma’thūr*, *Tafsīr bi al-Ra’y al-Jā’iz*, *Tafsīr bi al-Ra’y al-Madhmūm*, *Tafsīr al-Fuqahā’* dan *Tafsīr al-‘Ilmī*.

Jadual 2.2: Latar Belakang Aliran Mazhab Fiqh dan *Mufassirīn* dan Jenis Tafsir

No.	Name	Aliran Mazhab Fiqh				Kategori Tafsir					
		Ḩanafī	Mālikī	Shāfi‘ī	Ḥanbalī	تفسير بالتأثر	تفسير بالرأي الحائز	تفسير المذموم	تفسير الفقهاء	تفسير الزيدية	تفسير العلمي
1.	Al-Tabarī (w.310H)					✓					
2.	Al-Jaṣṣāṣ (w.370H)	✓							✓		
3.	Al-Zamakhsharī (w.538H)	✓						✓			
4.	Ibn al-‘Arabī (w.543H)		✓						✓		
5.	Ibn ‘Atiyyah (w.546H)		✓			✓					
6.	Al-Rāzī (w.606H)			✓			✓				
7.	Al-Qurtubī (w.671H)		✓						✓		
8.	Abū Ḥayyān al-Andalūsī (w.745H)						✓				

<sup>107</sup> Penentuan latarbelakang para *mufassirīn* ini dibuat berdasarkan biodata yang ditulis oleh Muḥammad Ḥusain al-Dhababī, bekas Menteri Wakaf Mesir dan anak beliau, Muṣṭafā dalam buku bertajuk *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*.

Lihat: al-Dhababī, Muḥammad dan Muṣṭafā, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2012).

9.	Ibn Kathīr (w.774H)			√		√					
10.	Al-Shawkānī (w.1250H)									√	
11.	Muhammad ‘Abduh (w.1323H)										√
12.	Muhammad Rashīd Ridā (w.1354H)										√

Jadual 2.2 menunjukkan latar belakang para *mufassirūn* yang terdiri dari pelbagai latar belakang zaman, bermula dari kurun keempat hingga kurun keempat belas. Dari segi akidah pula, majoriti *mufassirūn* memegang akidah Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ) sebagai teras pegangan kecuali al-Zamakhsharī yang berpegang dengan pegangan Muktazilah. Manakala al-Shawkanī, walaupun terdapat sebahagian pihak cuba mendakwa beliau berpegang dengan pegangan Syiah Zaidiyyah, tetapi al-Dhahabi berpendapat beliau berpegang dengan pegangan ASWJ kerana beliau tidak mentakwilkan ayat al-Qur'an yang menyentuh mengenai Sifat Allah SWT. Hal ini boleh dilihat dalam buku beliau bertajuk *al-Taḥaffī bi Madhhab al-Salaf*<sup>108</sup>.

Taburan pegangan mazhab fiqh pula bercampur antara mazhab Hanafī (16.7%), Mālikī (25%), Syafie (16.7), dan lain-lain (41.6%) yang terdiri dari mazhab sendiri (al-Ṭabarī) dan Zāhiri (Abū Ḥayyān) manakala al-Shawkanī, Muhammad ‘Abduh dan Muhammad Rashīd Ridā pula tidak berpegang dengan mana-mana mazhab, sebaliknya berpegang dengan pandangan supaya berijtihad tanpa bertaqlid<sup>109</sup>.

Taburan jenis tafsir pula bercampur antara *Tafsīr bi al-Ma'thūr* (25%), *Tafsīr bi al-Ra'y al-Jā'iz* (16.7%), *Tafsīr bi al-Ra'y al-Madhūm* (8.3%), *Tafsīr al-Fuqahā'* (25%), *Tafsīr al-Zaidiyyah* (8.3%) dan *Tafsīr al-'Ilmī* (16.7%). Pemilihan *mufassirūn* yang pelbagai ini sekurang-kurangnya boleh melambangkan pandangan bagi setiap kategori.

<sup>108</sup> Al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, 2:249.

<sup>109</sup> ‘Abdullāh Nūmsūk, *Manhaj al-Imām al-Shawkānī fī al-'Aqīdah* (Riyad: Maktabah Dār al-Qalam wa al-Kitāb, 1994), 855.

Seterusnya, pengkaji akan menterjemah dan mentranskrip tafsiran dan komentar mereka terhadap surah al-Nisā', ayat 119 ini. Tidak semua teks tafsiran dan komentar yang diterjemah dan ditranskrip secara keseluruhan sebaliknya pengkaji mengambil isi-isi penting bagi setiap teks tafsiran tersebut seperti teks dari buku *Jāmi‘ al-Bayān* oleh al-Ṭabarī. Ini kerana, teks tafsiran oleh al-Ṭabarī terlalu panjang selain kedapatan maklumat yang berulang-ulang secara kerap disebabkan perbezaan sanad riwayat bagi maklumat tersebut. Terdapat juga tafsiran yang diterjemah secara keseluruhan kerana teks tafsiran yang ringkas seperti teks *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aṣm* oleh Ibn Kathīr dan *Tafsīr al-Manār* oleh Muḥammad ‘Abduh dan Rashīd Ridā.

Jadual 2.3: Tafsiran Berkaitan *Taghyīr Khalqillāh* Dari *Mufassirīn*

No.	Nama	Jenis Tafsir <sup>110</sup>	Tafsiran Ayat	Ulasan
1.	Al-Tabarī (w.310H) dalam <i>Jāmi‘ al-Bayān</i> <sup>111</sup>	<i>Al-Tafsīr bi al-Ma’thūr</i> التفسير بالمؤثر	<p>Al-Tabarī berkata: Para ulama berbeza pendapat mengenai tafsiran ayat ((وَلَا مِنْهُمْ فَلَيَغِيِّرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ)): </p> <p>Memandulkan: Ibn ‘Abbās, Anas bin Mālik, al-Rabī‘ bin Anas, al-Hasan, dan ‘Ikrimah.</p> <p>Menukar agama Allah SWT: Ibn ‘Abbās, Ibrāhīm, ‘Ikrimah, Mujāhid, Qatādah, al-Hasan, al-Qāsim dan al-Dāḥhāk.</p> <p>Mencacah tatu: al-Hasan, Ibrāhīm dan ‘Abdullah.</p> <p>Abū Ja‘far berkata: Pendapat yang lebih tepat adalah pendapat yang mengatakan maksud ((وَلَا مِنْهُمْ فَلَيَغِيِّرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ)) adalah ‘agama Allah’. Ini berdasarkan ayat lain yang membawa maksud yang sama [Surah al-Rūm: 30].</p> <p>Jika ini maksudnya, maka ia meliputi semua perkara yang dilarang oleh Allah SWT seperti memandulkan, mencacah tatu dan lain-lain perkara maksiat yang dilarang oleh Allah SWT. Ini kerana, syaitan menggoda manusia melakukan maksiat dan meninggalkan taat. Maka, mengajak manusia meninggalkan kewajipan adalah <b>mengubah ciptaan Allah SWT</b>.</p>	<p>Beliau telah mentarjihkan pendapatnya sendiri berdasarkan hujah-hujah tertentu. Ini merupakan salah satu metodologi beliau dalam penulisan buku ini, iaitu menukilkan pandangan para ulama sebelumnya dan membuat analisis bagi perbincangan tersebut.</p> <p>Malah, dalam beberapa keadaan, beliau akan memberikan pandangan peribadi dengan mentarjihkan pandangan tertentu atau memberikan pandangan yang lain.</p> <p>Ini kerana, beliau merupakan salah seorang dari <i>mujtahid muflaq</i> yang mampu berijihad terus dari nas al-Qur'an atau hadis Nabi SAW<sup>112</sup>.</p> <p>Dalam perbincangan ini, beliau telah mentarjihkan maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> adalah ‘mengubah agama Allah SWT’.</p>

<sup>110</sup> Pembahagian buku-buku tafsir ini dibuat menggunakan buku *al-Tafsīr wa al-Mufassirīn* oleh Muḥammad Ḥusīn al-Dhahabī dan anaknya, Muṣṭafā. Buku ini dipilih sebagai panduan kerana ia merupakan antara buku terawal yang membincangkan metodologi *mufassirīn* dalam penulisan buku-buku mereka.

<sup>111</sup> Al-Tabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āyī al-Qur’ān* (*Tafsīr al-Tabarī*), ed. Maḥmūd Muḥammad Shākir dan Aḥmad Muḥammad Shākir (Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah, t.t.), 9:215-223.

<sup>112</sup> Al-Dhahabī, Muḥammad Ḥusin, *al-Tafsīr wa al-Mufassirīn* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2005), 1:184 dan 191.

			Dalam ayat tersebut, Allah SWT telah menyebutkan larangan mengubah tubuh badan secara terperinci, maka ia sudah tidak perlu disebutkan secara umum.	
2.	Al-Jaṣṣāṣ (w.370H) dalam <i>Aḥkām al-Qur’ān</i> <sup>113</sup>	<i>Tafsir al-Fuqahā'</i> تفسير الفقهاء	<p>Diriwayatkan bahawa terdapat tiga pendapat mengenainya:</p> <p>Mengharamkan perkara yang halal dan menghalalkan perkara yang haram; Ibn ‘Abbās, Ibrāhīm, Mujaḥid, al-Ḥasan, al-Daḥḥāk, al-Suddā. Hujahnya adalah dari [Surah al-Rūm: 30].</p> <p>Memandulkan; Anas, Ibn ‘Abbās, Shahr bin Ḥawshab, ‘Ikrimah dan Abū Ṣāliḥ.</p> <p>Mencacah tatu; Ibn Mas‘ūd, Ibn ‘Abbās dan al-Ḥasan.</p>	<p>Perbincangan al-Jaṣṣāṣ mengenai ayat ini tidak mendalam dan beliau sekadar menukilkan pandangan sahabat dan tabi‘in mengenai ayat tersebut. Ini kerana, beliau memfokuskan perbincangan beliau pada bidang <i>fiqh</i> dan <i>Uṣūl al-Tawhid</i>.</p> <p>Hal ini boleh dilihat menerusi kenyataan beliau di dalam pengenalan (<i>muqaddimah</i>) buku ini. Tambahan pula, beliau telah menamakan bukunya dengan <i>Aḥkām al-Qur’ān</i> yang bermaksud ‘hukum hakam di dalam al-Qur’ān’. Buktinya, beliau telah melangkah 3 ayat ketika mentafsirkan surah al-Nisā’ ini, iaitu dari ayat 119 ini kepada ayat 123.</p> <p>Antara sebab beliau memfokuskan penulisan bukunya ini kepada dua bidang sahaja adalah kerana dua bidang ini merupakan bidang yang paling utama berbanding bidang lain.</p>
3.	Al-Zamakhshari (w.538H) dalam <i>al-Kashshāf</i> <sup>114</sup>	<i>Al-Tafsir bi al-Ra'y al-Madhmūm</i>	Mengubah ciptaan Allah SWT: (i) Menoreh mata unta dan mengecualikannya dari ditunggang. Diriwayatkan maknanya juga adalah (ii) memandulkan (ia dibenarkan pada haiwan ternakan dan diharamkan pada manusia), (iii) mengubah fiṭrah Allah SWT iaitu mengubah agama Islam, (iv) mencacah tatu berdasarkan hadis larangan mencacah tatu, (v) menyerupai jantina berlainan.	Beliau telah menukilkan pandangan tanpa menyandarkan kepada sesiapa melainkan dua pandangan dari Ḥasan al-Baṣrī dan Ibn Mas‘ūd. Ini kerana, Ḥasan al-Baṣrī diakui sebagai kelompok

<sup>113</sup> Al-Jaṣṣāṣ, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Ali al-Rāzī, *Aḥkām al-Qur’ān*, ed. Muḥammad al-Ṣādir Qamḥawī (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1992), 3268-269.

<sup>114</sup> Al-Zamakhsharī, Jārullah Abū al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar, *Al-Kashshāf ‘an Haqā'iq Ghawāmid al-Tanzīl wa ‘Uyān al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl* (*Tafsīr al-Zamakhsharī*), ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad dan Fatḥī ‘Abd al-Raḥmān Aḥmad Ḥijāzī (Riyad: Maktabah al-‘Ubaikān, cetakan pertama, 1998), 2:150.

		التفسیر بالرأي المذموم / التفسير المعترض		mereka seperti yang disebutkan oleh al-Murtadā, dan berada lapisan ketiga <sup>115</sup> .  Maka, al-Zamakhsharī banyak menukilkhan riwayat Hasan al-Basrī dan menyandarkan riwayat tersebut kepada beliau, berbeza dengan pandangan lain yang sekadar dinukilkhan secara ringkas tanpa <i>sanad</i> <sup>116</sup> .
4.	Ibn al-'Arabī (w.543H) dalam <i>Aḥkām al-Qur'ān</i> <sup>117</sup>	<i>Tafsīr al- Fuqaha'</i> تفسير الفقهاء	<p>Topik 2: Orang Arab telah melakukan apa yang disuruh oleh syaitan. Semua perbuatan itu menyakiti haiwan dan ia diharamkan, mengharuskan kezaliman dan perbuatan tanpa sebarang justifikasi dan hujah. Telinga haiwan adalah lambang kesempurnaan. Maka, syaitan menyuruh supaya manusia <b>mengubah ciptaan Allah SWT</b> yang akhirnya boleh membawa mereka kepada kufur. Nabi SAW menyuruh supaya memilih haiwan ternakan yang sempurna mata dan telinganya (tidak terpotong). Ini kerana, ia merupakan kesan hasutan syaitan.</p> <p>Topik 3: Diriwayatkan bahawa Nabi SAW menanda telinga kambing ternakan (dengan api). Perbuatan beliau ini seolah-olah satu tanda ia dikecualikan dari kategori <i>taghyīr khalqillāh</i>.</p> <p>Topik 4:</p>	<p>Beliau telah membahagikan perbincangan beliau berdasarkan topik-topik tertentu. Pembahagian seperti ini sering dibuat dalam penulisan <i>tafsīr al-fuqahā'</i>. Malah, al-Qurtubī juga menggunakan kaedah yang sama.</p> <p>Dalam topik 2, beliau berpendapat telinga dan mata haiwan dilarang mencacatkannya kerana ia adalah lambang kesempurnaan haiwan di samping ia boleh menyakiti haiwan tersebut.</p> <p>Namun, jika telinga ditanda dengan api untuk tujuan korban, ia dibenarkan dan tidak termasuk dalam larangan <i>taghyīr khalqillāh</i>.</p>

<sup>115</sup> Al-Murtadā, Aḥmad bin Yahyā, *al-Maniyah wa al-Amal fī Sharḥ Kitab al-Milal wa al-Nihāl*, ed. Thomas Arnold (Hyderabad: Maṭba‘ah Dā’irah al-Ma‘ārif al-Niẓāmiyyah, 1316H), 12.

<sup>116</sup> Al-Juwainī, Muṣṭafā al-Ṣāwī, *Manhaj al-Zamakhsharī fī Tafsīr al-Qur'ān wa Bayān I'jāz-hi* (Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, cetakan kedua, t.t.), 160.

<sup>117</sup> Ibn al-'Arabī, Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abdullah, *Aḥkām al-Qur'ān*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 1:629-632.

		<p>Nabi SAW mengalungkan dan menanda haiwan korban. Haiwan tersebut dibawa ke Mekah untuk dikorbanan. Perbuatan ini dikecualikan dari kategori <i>taghyīr khalqillāh</i>.</p> <p>Abū Ḥanīfah berkata: Perbuatan ini adalah <i>bid'ah</i>, seolah-olah beliau tidak pernah mendengarnya sedangkan ia terkenal di kalangan ulama.</p> <p><b>Topik 5:</b> Menanda unta dan haiwan tunggangan dengan api pada leher atau paha mereka tidak termasuk dalam <i>taghyīr khalqillāh</i>, sama seperti isu sebelum ini.</p> <p><b>Topik 6:</b> “Rasulullah SAW melaknat pencacahan tatu dan orang yang meminta dicacahkan tatu, orang yang mencukur bulu keping dan orang yang meminta dicukur bulu kepingnya, orang yang menjarakkan gigi dan orang yang meminta dijarakkan giginya. Mereka melakukannya untuk kecantikan, dan ia <b>mengubah ciptaan Allah SWT</b>”.</p> <p>Al-Ḥasan mengatakan semua perbuatan ini adalah <b>mengubah ciptaan</b> (<i>tabdīl</i>) dan <b>mengubah bentuk</b>, maka ia diharamkan.</p> <p>Ibrāhīm, Mujāhid dan lain-lain mengatakan <i>taghyīr khalqillāh</i> bermaksud mengubah agama. Namun, kami tidak mengatakan ia adalah maksud kepada ayat ini. Tetapi, ia juga adalah salah satu dari tipudaya syaitan yang mempengaruhi bapa supaya <b>mengubah</b> agama anak. Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, dan akhirnya berlaku <b>perubahan agama</b> disebabkan bapa, penjaga dan sahabatnya. Semua ini adalah ketentuan Allah SWT.</p> <p><b>Topik 7:</b> Sebahagian besar sahabat dan tabi'in seperti Ibn 'Abbās mengatakan maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> adalah mengkasi atau memandulkan. Ia</p>	
--	--	---	--

			<p>diharamkan pada manusia tetapi terdapat beberapa pandangan yang membenarkan kasi dilakukan pada haiwan.</p> <p>Topik 8:</p> <p>Diriwayatkan bahawa Ṭāwūs tidak menghadiri perkahwinan antara perempuan hitam dengan lelaki putih atau perkahwinan perempuan putih dengan lelaki hitam. Menurut beliau, ia termasuk dalam <i>taghyīr khalqillāh</i>.</p> <p>Walaupun ia mungkin termasuk dalam kategori <i>taghyīr</i> secara umum, namun telah ditakhsīskan dengan perkahwinan yang diaturkan oleh Nabi SAW antara Zaid yang berkulit putih dengan Ummu Usamah yang berkulit hitam. Perkahwinan ini mungkin tidak diketahui oleh Tawus.</p>	
5.	Ibn ‘Atīyyah (w.546H) dalam <i>al- Muḥarrar al- Wajīz</i> <sup>118</sup>	<i>Al-Tafsīr bi al- Ma’thūr</i>  التفسير بالمؤثر	<p>Para ulama berbeza pandangan dalam menafsirkan maksud <i>taghyīr khalqillāh</i>.</p> <p>Ibn ‘Abbās, Ibrāhīm, Mujāhid, al-Ḥasan dan Qatādah mengatakan maksudnya adalah ‘mengubah agama Allah SWT’. Mereka menggunakan hujah dari [Surah al-Rūm: 30]. <i>Tabdīl</i> dalam ayat tersebut digunakan pada tempat <i>taghyīr</i>, walaupun konsep <i>taghyīr</i> itu lebih umum dari <i>tabdīl</i>.</p> <p style="text-align: center;">[ التبديل يقع موضعه التغيير، وإن كان التغيير أعم منه ]</p> <p>Kumpulan kedua pula mengatakan <i>taghyīr</i> tersebut adalah tindakan orang kafir yang menyembah makhluk Allah SWT seperti matahari,</p>	<p>Walaupun buku <i>al-Muḥarrar al-Wajīz</i> ini diiktiraf sebagai <i>Tafsīr bi al-Ma’thūr</i>, beberapa metodologi <i>Tafsīr bi al-Ra’y</i> boleh dilihat menerusi penulisannya dalam buku ini. Malah, dalam pengenalan (<i>muqaddimah</i>) buku ini, beliau menegaskan keharusan memberikan pandangan dan ijtihad berdasarkan asas ilmu yang ada pada seseorang. Berikut adalah sebahagian teks pengenalan buku beliau:</p> <p>“Nabi SAW bersabda: Sesiapa yang memberikan pandangan peribadi mengenai al-Qur'an, maka dia telah melakukan kesilapan walaupun pandangan tersebut menepati kebenaran<sup>119</sup>.</p>

<sup>118</sup> Ibn ‘Atīyyah, *al-Muḥarrar al-Wajīz*, 2:114-115.


<sup>119</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Tirmidhī di dalam *Bāb Mā Ja’ a fī Alladhī Yufassir al-Qur’ān bi Ra’yi-hi*, *Abwāb Tafsīr al-Qur’ān*, no. hadis 2952.

Lihat: al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā bin Saurah, *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākir, Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī dan Ibrāhīm ‘Aṭwah (Kaherah: Maṭba‘ah al-Ḥalabī, 1975), 5:200.

		<p>api, batu dan lain-lain yang sepatutnya digunakan untuk berfikir mengenai-Nya dan mengambil manfaat daripadanya.</p> <p>Ibn ‘Abbās, Anas, ‘Ikrimah dan Abū Ṣalīḥ pula mengatakan <i>taghyīr khalqillāh</i> adalah memandulkan. Menurut mereka, memandulkan haiwan ternakan adalah dilarang, namun sebahagian pihak mengharuskan pemandulan haiwan ternakan jika boleh memberikan manfaat, sama ada manfaat pada pertambahan lemak atau lain-lain. ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz pula mengharuskan pemandulan kuda.</p> <p>Ibn Mas‘ūd dan al-Ḥasan pula mengatakan maksudnya adalah mencacah tatu atau apa-apa sahaja yang bertujuan kecantikan. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW [hadis larangan mencacah tatu].</p> <p>“Tafsiran ayat ini adalah setiap <b>pengubahan</b> yang memudaratkan dilarang dan setiap <b>pengubahan</b> yang bermanfaat dibenarkan”</p> <p>[وملاك تفسير هذه الآية: أن كل تغيير ضار فهو في الآية، وكل تغيير نافع  فهو مباح]</p>	<p>Hadis ini menggambarkan mengenai seorang lelaki yang ditanya mengenai al-Qur’ān lalu dia memberikan pandangan tanpa merujuk kepada pandangan ulama atau sokongan dari ilmu-ilmu asas syariat seperti Ilmu Nahū dan Usūl Fiqh.</p> <p>Maka, pakar bahasa yang menafsirkan al-Qur’ān berdasarkan ilmu bahasanya, pakar Nahū yang menafsirkan al-Qur’ān berdasarkan ilmu Nahūnya, dan fuqaha yang menafsirkan al-Qur’ān berdasarkan ilmu Fiqhnya, mereka tidak termasuk dalam celaan hadis tersebut”<sup>120</sup>.</p> <p>Jadi, berdasarkan metodologi beliau ini, pengkaji melihat dua poin penting yang diketengahkan oleh beliau dalam penafsiran ayat ini.</p> <p><b>Pertama</b>, beliau melihat dari aspek bahasa. Beliau telah membezakan antara dua perkataan seerti iaitu <i>tabdīl</i> dan <i>taghyīr</i>. Menurut beliau, konsep <i>taghyīr</i> lebih umum berbanding <i>tabdīl</i>. Maka, <i>taghyīr</i> adalah SET dan <i>tabdīl</i> pula adalah SUBSET kepada <i>taghyīr</i>.</p>
--	--	--	---

[قَالَ النَّبِيُّ (ص) : مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقَدْ أَخْطَأَ]

<sup>120</sup> Ibn ‘Atīyyah, *al-Muḥarrar al-Wajiz*, 1:41.

				 <p><b>Kedua,</b> beliau melihat dari aspek <i>maṣlaḥah</i> dari larangan <i>taghyīr</i> pada ayat tersebut. Menurut beliau, sebarang <i>taghyīr</i> yang memberikan manfaat dibenarkan dan sebarang <i>taghyīr</i> yang memberikan mudarat dilarang. Maka, hasil dari proses <i>taghyīr</i> yang perlu diberikan perhatian.</p>
6.	Al-Rāzī (w.606H) dalam <i>Mafātiḥ al-Ghayb</i> <sup>121</sup>	<i>Al-Tafsīr bi al-Ra'y al-Jā'iz</i> التفسير بالرأي الجائز	<p>Para <i>mufassirin</i> mempunyai dua pandangan mengenai maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> ini.</p> <p><b>Pandangan pertama</b>, maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> adalah mengubah agama Allah SWT. Ini adalah pandangan dari Sa'īd bin Jubair, Sa'īd bin al-Musayyib, al-Ḥasan, al-Daḥḥāk, Mujāhid, al-Suddā, al-Nakha'i dan Qatādah. Pandangan pertama ini boleh dibahagikan kepada dua skop;</p> <p>Allah SWT menjadikan manusia dalam keadaan fitrah ketika mereka dilahirkan. Mereka telah bersaksi bahawa Allah SWT adalah tuhan</p>	<p>Al-Rāzī telah menukilkkan dua pandangan mengenai <i>taghyīr</i> iaitu melibatkan aspek agama dan fizikal. Setiap pandangan pula dipecahkan kepada beberapa pecahan. Namun, tidak semua pecahan disandarkan kepada dalil dari al-Qur'an dan hadis. Ini kerana, beliau lebih memfokuskan penulisannya kepada huraiān secara akal dan falsafah<sup>127</sup>. Hal ini menjadikan buku tafsir beliau dikategorikan sebagai <i>al-tafsīr bi al-ra'y</i><sup>128</sup>.</p>

<sup>121</sup> Al-Rāzī, Muḥammad Fakhr al-Dīn ibn ‘Umar, *Mafātiḥ al-Ghayb* (*Tafsīr al-Rāzī*) (Beirut: Dār al-Fikr, 1981), 11:49-50.

<sup>127</sup> Sarkar et al., Muḥammad Ma‘ṣūm dan Muḥammad Arshad al-Ḥasan, *Aḍwā’ ‘alā Dirāsah al-Tafsīr al-Kabīr li al-Imān al-Rāzī: Ru’yah Manhajiyah li Istikshāf Ma‘ālim al-Madrasah al-‘Aqliyyah fī al-Tafsīr*, 6.

Lihat: <https://www.academia.edu/2565566>

<sup>128</sup> Al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, 1:248.

		<p>mereka dan beriman dengan-Nya. Sesiapa yang mengkufuri-Nya, maka dia telah menukar fitrah tersebut. Inilah maksud dari hadis Nabi SAW: “Setiap manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah”. Tetapi, ibu bapanya yang akan menjadikannya Yahūdī, Naṣrānī atau Majūsī. Skop kedua pula, maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> adalah menjadikan perkara halal sebagai haram, atau menjadikan perkara haram sebagai halal.</p> <p><b>Pandangan kedua</b> berpendapat <i>taghyīr</i> yang dimaksudkan adalah pengubahan pada perkara fizikal. Ia boleh dibahagikan kepada beberapa skop;</p> <p>Al-Ḥasan berkata: Maksud <i>taghyīr</i> adalah menyambung rambut dan mencacah tatu berdasarkan hadis “Allah SWT melaknat perempuan yang menyambung rambut dan mencacah tatu”. Ini kerana, mereka melakukan perkara tersebut untuk melakukan perzinaan. Diriwayatkan dari Anas, Shar bin Khawshab, ‘Ikrimah dan Abū Ṣalīḥ bahawa maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> adalah memandulkan haiwan, memotong telinga dan menoreh mata mereka.</p> <p>Ibn Zaid berkata: Maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> adalah <i>al-takhannuth</i> (التحنث). Saya berpendapat, ia mestilah merangkumi <i>al-sihāqāt</i> (السحاقات). Ini kerana, <i>al-takhannuth</i> bermaksud lelaki menyerupai perempuan, manakala <i>al-sahq</i> bermaksud perempuan menyerupai lelaki.</p> <p>Menurut al-Zujjāj pula, Allah SWT menciptakan haiwan (الأنعام) untuk ditunggangi dan dimakan, tetapi mereka melarang diri mereka dari menungganginya dan memakannya seperti <i>al-baḥā’ir</i> (البحائر)<sup>122</sup>,</p>	<p>Buktinya, selepas menukilkan semua pandangan dan pecahannya, beliau telah membuat kesimpulan mengenai <i>taghyīr khalqillāh</i> pada pandangan beliau.</p> <p>Menurut beliau, <i>taghyīr khalqillāh</i> adalah perubahan hati secara total sehingga lupa kepada Allah SWT dan tujuan manusia diciptakan. Pandangan beliau ini merupakan</p>
--	--	--	--

<sup>122</sup> Unta yang telah melahirkan lima anak. Orang Arab Jahiliah akan memotong telinga dan melarang dari digunakan sebagai tunggangan, tetapi mereka tidak melarangnya dari meragut rumput dan meminum air. Amalan ini adalah amalan masyarakat Arab Jahiliah dan telah dimansuhkan oleh Islam.

Lihat: Ibn Jawzī, ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī bin Muḥammad, *Talbīs Iblīs* (Beirut: Dār al-Fikr, 2001), 60.

		<p><i>al-sawā'ib</i><sup>123</sup> (السوائب) dan <i>al-waṣā'il</i> (الوسائل)<sup>124</sup>. Dia juga telah menciptakan matahari, bulan dan bintang untuk manusia mengambil manfaat darinya, tetapi mereka menyembah makhluk tersebut. Mereka telah <b>mengubah ciptaan Allah SWT</b>.</p> <p>Inilah pandangan <i>mufassirīn</i> dalam perbincangan ini. Jadi, saya terfikir satu perspektif lain dalam memahami maksud ayat ini kerana mudarat dan sakit (المرض) boleh dilihat dari tiga skop; kekeliruan (النُّقْصَان), pengurangan (التَّشُوُش) dan pemansuhan (الْبَطْلَان).</p> <p>Maka, syaitan berusaha mencampakkan manusia kepada penyakit dan mudarat agama menerusi:</p> <p>Kekeliruan = (وَلَا مِنِّيْنَهُمْ)</p> <p>Pengurangan = (وَلَا مِنْهُمْ فَلَيَبْتَكِنَ آذَانَ الْأَنْعَامَ)</p> <p>Pemansuhan = (وَلَا مِنْهُمْ فَلَيَغِيرُنَ خَلْقَ اللَّهِ). Ini kerana, <i>taghyīr</i> bermaksud memansuhkan sifat asal.</p> <p>Jadi, sesiapa yang masih mengharapkan nikmat sementara dengan menolak kebahagian hakiki, hatinya masih berkeinginan kepada dunia dan lupa pada Akhirat, sehingga <b>hatinya berubah secara total</b>, cintakan dunia dan langsung tidak ingat pada Akhirat, segala pergerakan, perkataan dan perbuatannya kerana dunia semata, maka dia telah <b>mengubah ciptaan</b> kerana manusia diciptakan di dunia</p>	
--	--	---	--

<sup>123</sup> Haiwan ternakan yang dibiarkan, ia tidak ditunggangi atau diperah susunya.

Lihat: Ibid.

<sup>124</sup> Kambing yang mengandung anak ke-7. Jika anak yang dilahirkan jantan atau betina, mereka tidak akan disembelih tetapi boleh digunakan oleh lelaki, bukan perempuan. Tetapi, jika ia mati, ia boleh dimanfaatkan oleh lelaki dan perempuan.

Lihat: Ibid.

			sebagai musafir yang menuju ke alam Akhirat. Jika dia lupa destinasi dan tertipu dengan dunia, maka dia telah mengubah ciptaan secara hakiki, seperti yang disebutkan oleh Allah SWT: “Janganlah kamu jadi seperti orang yang lupa kepada Allah SWT, lalu Kami pun lupa kepada mereka” <sup>125</sup> dan “Sesungguhnya mereka tidak buta mata, tetapi mereka buta hati” <sup>126</sup> .	
7.	Al-Qurtubī (w.671H) dalam <i>Al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān</i> <sup>129</sup>	<i>Tafsīr al-Fuqahā’</i> تفسير الفقهاء	<p>Para ulama berbeza pendapat mengenai maksud ayat ini ((وَلَا مِرْتَهِمْ)) ((فَإِنَّهُمْ لَا يَعْمَلُونَ بِمَا هُنَّا فِي الصُّدُورِ)):</p> <p>Kumpulan pertama mengatakan ia bermaksud memandulkan, menoreh telinga, dan memotong telinga haiwan ternakan. Pendapat ini diberikan oleh Ibn ‘Abbās, Anas, ‘Ikrimah dan Abū Ṣalih. Semua perbuatan ini menyeka haiwan, menghalalkan dan mengharamkan sesuatu tanpa hujah dan sandaran. Telinga haiwan ternakan adalah lambang kesempurnaan dan mempunyai manfaat. Begitu juga dengan anggota badan yang lain. Maka, syaitan menipu manusia supaya <b>mengubah ciptaan Allah SWT</b>.</p> <p>Kumpulan kedua pula berpendapat ia bermaksud mencacah tatu atau apa-apa perbuatan untuk mencantikkan badan. Pendapat ini diriwayatkan dari Ibn Mas‘ūd dan al-Hasan. Mereka menggunakan hujah dari hadis Nabi SAW yang melaknat mencacah tatu, menipiskan bulu kening dan menjarakkan gigi.</p> <p>Para ulama juga berbeza pandangan dalam menentukan sebab larangan perbuatan tersebut; (i) ia melibatkan penipuan (<i>al-tadlīs</i>) dan (ii) ia <b>mengubah ciptaan Allah SWT</b>. Pendapat kedua ini lebih tepat</p>	<p>Al-Qurtubi telah menukilkan beberapa pandangan ulama mengenai maksud <i>taghyīr khallqillāh</i>. Kebanyakan pandangan tersebut telah dibincangkan oleh <i>mufassirīn</i> sebelumnya.</p> <p>Namun, satu perbincangan menarik yang diketengahkan oleh al-Qurtubi adalah beliau membahagikan <i>taghyīr khallqillāh</i> kepada dua jenis, iaitu <b>pengubahan kekal</b> dan <b>pengubahan sementara</b>.</p> <p>Menurut beliau, larangan Nabi SAW dalam hadis tersebut adalah pada pengubahan kekal, bukan pengubahan sementara.</p> <p>Namun, pengubahan sementara juga boleh menjadi haram jika mempunyai tujuan negatif seperti untuk menipu orang lain.</p>

<sup>125</sup> ((وَلَا تَكُونُ كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنْسَاهُمْ أَنفُسَهُمْ))

<sup>126</sup> ((فَإِنَّهَا لَا تَعْمَلُ الْأَبْصَارُ وَكِنْ تَعْمَلُ الْقُلُوبُ الَّتِي نِي الصُّدُورِ))

<sup>129</sup> Al-Qurtubī, Abū ‘Abdillah Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr, *Al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* (*Tafsīr al-Qurtubī*), ed. ‘Abdullah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī dan Muḥammad Rīḍwān ‘Araqsūsī (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2006), 7:135-148.

		<p>mengikut pandangan Ibn Mas‘ūd kerana ia turut merangkumi sebab pertama.</p> <p>Menurut mereka lagi, larangan ini pada <b>pengubahan kekal</b>, barulah ia dikategori sebagai <i>taghyīr khalqillāh</i>. Bagi <b>pengubahan</b> yang sementara seperti perhiasan wanita dan celak, para ulama membenarkannya bagi wanita.</p> <p>Al-Qurṭubī turut menuliskan pandangan al-Tabarī dan al-Qādī ‘Iyād. Kumpulan ketiga pula, maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> adalah perbuatan orang kafir yang menyembah matahari, bulan, api dan batu. Ini kerana, Allah SWT telah menjadikan makhluk tersebut supaya manusia berfikir, sebaliknya orang kafir telah mengubah tujuan tersebut dan menyembahnya.</p> <p>Al-Zujjāj berkata: Allah SWT telah mencipta haiwan untuk dimakan dan ditunggang, tetapi mereka tidak mahu menunggang atau memakannya. Begitu juga Allah SWT mencipta matahari, bulan dan batu untuk manusia sebaliknya mereka menjadikannya sebagai tuhan. Jadi, mereka telah mengubah tujuan satu-satu makhluk diciptakan.</p> <p>Sebahagian <i>mufassirin</i> seperti Mujāhid, al-Dahhāk, Sa‘īd bin Jubair, Qatādah, Ibn ‘Abbās, al-Nakha‘ī dan al-Tabarī menafsirkan ayat ini sebagai <b>mengubah agama Allah SWT</b>. Jika tafsiran ini digunakan, ia akan merangkumi semua perbuatan maksiat tadi seperti memandulkan haiwan, mencacah tatu dan lain-lain.</p> <p>Menurut Mujāhid, maksud <b>mengubah ciptaan Allah SWT [al-Nisā’: 119]</b> adalah mengubah fitrah manusia yang telah diciptakan oleh Allah SWT. Maksudnya, semua bayi telah dilahirkan dalam Islam lalu syaitan telah <b>mengubah agama mereka</b>.</p> <p>Ibn al-‘Arabī berkata: Diriwayatkan bahawa Ṭāwūs tidak akan menghadiri majlis perkahwinan perempuan hitam dengan lelaki putih, atau lelaki hitam dengan perempuan putih. Beliau menggunakan hujah larangan <i>taghyīr khalqillāh</i> tersebut.</p>	
--	--	---	--

			<p>Namun, al-Qādī menjawab Nabi SAW pernah mengahwinkan hambanya, Zaid dengan Ummu Usāmah yang berkulit gelap. Berkemungkinan hadis ini tidak sampai kepada Tāwūs.</p> <p>Malah, Nabi SAW pernah mengahwinkan Usāmah dengan Fātimah binti Qays yang berkulit putih. Begitu juga dengan Bilāl yang telah mengahwini adik perempuan ‘Abd al-Rahmān bin ‘Auf, Zuḥriyyah.</p>	
8.	Abū Ḥayyān al-Andalūsī (w.745H) dalam <i>Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ</i> <sup>130</sup>	<i>Al-Tafsīr bi al-Ra'y al-Jā'iz</i> التفسير بالرأي الجائز	<p>Ibn ‘Abbās, Ibrāhīm, Mujāhid, al-Ḥasan, Qatādah dan lain-lain mengatakan maksud ayat tersebut adalah (i) <b>mengubah agama Allah SWT</b>. Mereka menguatkan pendapat mereka dengan hujah dari [الرَّبُّ الَّذِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ] [al-Rūm: 30], maksud <i>khalqillāh</i> adalah agama Allah SWT, maksud <i>tabdīl</i> dalam ayat tersebut adalah mengubah (<i>taghyīr</i>), walaupun maksud <i>taghyīr</i> lebih umum dari <i>tabdīl</i><sup>131</sup>.</p> <p>Pihak yang pula seperti al-Zujjāj pula mengatakan ia adalah (ii) perbuatan orang kafir yang menyembah makhluk sedangkan ia bertentangan dengan tujuan makhluk tersebut diciptakan; seperti matahari, api, batu dan sebagainya.</p> <p>Ibn Mas‘ūd dan al-Ḥasan pula mengatakan ia adalah (iii) mencacah tatu atau apa-apa perbuatan untuk mencantikkan. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW:</p> <p style="text-align: center;">لَعَنَ اللَّهِ الْوَآشِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ، وَالنَّامِصَاتِ وَالْمُنَنِّصَاتِ، وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقَ اللَّهِ، وَلَعَنَ الْوَاصِلَةِ وَالْمُسْتَوْصِلَةِ .</p> <p>Ibn ‘Abbās, Anas, ‘Ikrimah, Abū Ṣalīḥ, Mujāhid dan Qatādah juga mengatakan maksudnya adalah (iv) memandulkan. Memandulkan manusia diharamkan, tetapi Anas mengatakan makruh memandulkan haiwan ternakan. Sebahagian pihak yang lain pula membenarkan</p>	<p>Berbeza dengan buku <i>tafsīr bi al-ma'thūr</i>, beliau telah menukilkan pandangan secara terperinci. Malah, beliau satu-satunya <i>mufassirīn</i> yang telah menukilkan maksud <i>taghyīr</i> kepada 11 maksud <i>taghyīr</i>.</p> <p>Tindakan beliau yang menukilkan maksud <i>taghyīr</i> sebanyak 11 maksud ini disebabkan metodologi beliau yang menggabungkan pandangan antara ulama <i>salaf</i> dan <i>khalaif</i>, berbanding buku <i>tafsir</i> sezaman dengannya, iaitu <i>Tafsīr Ibn Kathīr</i> yang sekadar menukilkan pandangan <i>salaf</i>.</p> <p>Buktinya, beliau telah menukilkan pandangan al-Zamakhsharī yang telah wafat pada 534H.</p> <p>Selain itu, lima maksud <i>taghyīr</i> yang terakhir dinukilkan tanpa disandarkan pandangan tersebut kepada mana-mana ulama, sama ada dari golongan <i>salaf</i> atau <i>khalaif</i>.</p>

<sup>130</sup> Muhammad bin Yūsuf, *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd dan ‘Alī Muḥammad Mu’awwad (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), 3:368-370.

<sup>131</sup> Seolah-olah beliau memetik pandangan ini dari Ibn ‘Aṭiyyah.

			<p>memandulkan haiwan ternakan bagi menambahkan lemak. ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz membenarkan memandulkan kuda.</p> <p>Menurut al-Zamakhsharī (w.534H), maksudnya adalah (v) menoreh mata <i>al-hāmī</i> (الحامي) - iaitu unta yang telah mengandung anak yang ramai, sebelum kandungan ke-10) dan dilarang dari ditunggang. Ia juga menepati maksud larangan <i>al-tabtik</i> (memotong telinga) dalam ayat yang sama.</p> <p>Maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> juga adalah (vi) menggunakan perkara baik yang telah diciptakan oleh Allah SWT pada perbuatan buruk. Ini juga adalah perbuatan <b>mengubah ciptaan Allah SWT</b>. Maka, termasuk dalam definisi ini adalah Allah SWT telah menciptakan nafsu seks sebagai jalan untuk menambah keturunan manusia, lalu mereka (vii) menggunakan nafsu tersebut dengan melakukan liwat. Ini juga adalah <b>mengubah ciptaan Allah SWT</b>.</p> <p>Begitu juga dengan (viii) lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki. Mereka telah menghalalkan perkara yang diharamkan Allah SWT, dan mengharamkan perkara yang dihalalkan oleh Allah SWT [Surah Yūnus: 59].</p> <p>Termasuk juga dalam definisi <i>taghyīr</i> adalah (ix) mengubah nasab keturunan, sama ada dengan menyambung nasab atau menafikannya (النفي).</p> <p>Diriwayatkan juga maksudnya (x) orang tua yang menginai rambut, dan (xi) hakim yang menjatuhkan hukum kepada penjenayah dengan memotong telinga mereka.</p>	Oleh sebab itu, buku ini dikategorikan sebagai <i>Tafsīr bi al-Ra'y</i> <sup>132</sup> .
9.	Ibn Kathīr (w.774H) dalam <i>Tafsīr</i>	<i>Al-Tafsīr bi al-Ma'thūr</i> <i>التفسير بالمؤثر</i>	Maksud ayat ((وَلَا مِنْهُمْ فَلَيَغُرِّنَنَّ خَلْقَ اللَّهِ)) adalah memandulkan binatang. Pendapat ini diriwayatkan dari Ibn ‘Abbās, ‘Umar, Anas, Sa‘īd bin al-Musayyib, ‘Ikrimah, Abū ‘Iyād, Abū Sālih, Qatādah dan al-Thawrī.	Beliau sekadar menukilkan pandangan-pandangan yang pernah diberikan oleh para ulama sebelumnya. Malah, kebanyakannya nukilan yang dibuat oleh beliau bersumberkan pandangan <i>salaf</i> . Oleh sebab itu, ia dikategorikan sebagai <i>Tafsīr bi al-Ma'thūr</i> .

<sup>132</sup> Ibid., 1:272-273.

	<i>al-Qur'ān al-'Aẓīm</i> <sup>133</sup>		<p>Al-Ḥasan bin al-Baṣri pula mengatakan maksudnya adalah mencacah tatu. Diriwayatkan dalam <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i> bahawa Nabi SAW melarang mencacah tatu di muka. Lafaznya berbunyi:</p> <p>(( لَعْنَ اللَّهِ الْوَاسِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشَمَاتِ، وَالنَّامِصَاتِ وَالْمُتَنَمِّصَاتِ، وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقُ اللَّهِ )) .</p> <p>Dalam riwayat lain dari Ibn ‘Abbās, Mujaḥid ‘Ikrimah, Ibrāhīm al-Nakha‘ī, al-Ḥasan, Qatādah, al-Ḥakam, al-Suddī, al-Daḥḥāk dan ‘Atā’ al-Khurasāni, mereka mengatakan <b>mengubah ciptaan Allah SWT</b> bermaksud ‘mengubah agama Allah SWT’. Pendapat ini dikuatkan dengan hadis lain seperti:</p> <p>(( لَا تُبَدِّلُوا فِطْرَةَ اللَّهِ، وَدَعُوا النَّاسَ عَلَىٰ فِطْرَتِهِمْ )) .</p>	<p>Beliau juga tidak gemar memanjangkan perbincangan fiqh di dalam buku tafsirnya ini.</p> <p>Metodologi beliau dalam perbincangan fiqh sekadar menukilkan pandangan dan hujah yang pernah diberikan sahaja<sup>134</sup>.</p>
10.	Al-Shawkānī (w.1250H) dalam <i>Fath al-Qadir</i> <sup>135</sup>	<i>Al-Tafsīr al-Shī‘ī al-Zайдī</i> (Tafsir Syiah) التفسير الشيعي الزيدية	<p>Para ulama berbeza pandangan mengenai maksud <i>taghyīr</i> ini:</p> <p>Mengkasi haiwan, menoreh mata dan memotong telinga.</p> <p>Allah SWT telah menciptakan makhluk-Nya seperti matahari, bulan, batu, api dan sebagainya untuk manusia tetapi mereka menjadikan makhluk tersebut sebagai sembahannya. Ini adalah pandangan al-Zujjāj. Maksud <i>taghyīr</i> adalah mengubah fitrah manusia yang telah diciptakan oleh Allah SWT.</p> <p>Ketiga-tiga pandangan ini boleh digabungkan menjadi satu.</p> <p>Memotong anggota badan bukan disebabkan hukuman hudud. Ini adalah pendapat Abū ‘Umar bin ‘Abd al-Barr.</p> <p>Anas: Memandulkan atau mengkasi.</p> <p>Ibn ‘Abbās: Ubah agama Allah SWT.</p> <p>Al-Ḥasan: Mencacah tatu.</p>	<p>Al-Shawkānī sekadar menukilkan pandangan-pandangan <i>salafussoleh</i> sebelumnya. Malah, beliau meringkaskan pandangan tersebut tanpa disertakan dengan <i>sanad</i>.</p>

<sup>133</sup> Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qurashī, *Tafsīr al-Qur’ān al-'Aẓīm*, ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salamah (Riyad: Dār Ṭibāh, 1999), 2:415-416.

<sup>134</sup> Ibid., 1:213-214.

<sup>135</sup> Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Ali bin Muḥammad, *Fath al-Qādir al-Jāmi‘ bayn Fannai al-Riwyah wa al-Diryah min ‘Ilm al-Tafsīr*, ed. Yūsuf al-Ghush (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2007), 330-331.

11.	Muhammad ‘Abduh (w.1323H) dalam <i>Tafsīr al-Manār</i> <sup>136</sup>	<i>Al-Tafsīr al-‘Ilmī</i> الْتَّفْسِيرُ الْعِلْمِيُّ	<p>Sebahagian kecil <i>mufassirin</i> berpendapat maksud <i>taghyīr</i> adalah mengubah agama. <i>Mufassirin</i> lain pula mengatakan maksudnya adalah <i>al-Taghyīr al-Ḥissī</i>, <i>al-Taghyīr al-Ma’nawī</i> dan pihak yang menggabungkan kedua-duanya.</p> <p>Sebahagian besar dari mereka mengatakan maksudnya adalah mengubah fitrah manusia dari kebenaran dan kebaikan kepada kesesatan dan kejahanatan. Allah SWT telah menjadikan manusia sebaik-baik kejadian, tetapi mereka mengubah diri mereka dan merosakkan akal manusia.</p> <p>Pada pendapat saya, maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> adalah mengubah agama Allah SWT. Ini kerana, pandangan ini disandarkan kepada ayat “Maka hadapkanlah muka kamu kepada agama Islam”<sup>137</sup>.</p>	<p>Muhammad ‘Abduh telah mentarjihkan pandangan yang mengatakan maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> adalah <b>mengubah agama</b> dengan menggunakan hujah dari surah al-Rūm:30.</p> <p>Beliau juga telah membahagikan <i>taghyīr</i> kepada dua pecahan utama iaitu; <i>taghyīr ḥissī</i> (pengubahan fizikal) dan <i>taghyīr ma’nawī</i> (pengubahan metafizikal).</p>
12.	Muhammad Rashīd Rīḍā (w.1354H) dalam <i>Tafsīr al-Manār</i> <sup>138</sup>	<i>Al-Tafsīr al-‘Ilmī</i> الْتَّفْسِيرُ الْعِلْمِيُّ	<p><b>Mengubah ciptaan Allah SWT</b> terbahagi kepada:</p> <p><b>Pengubahan metafizikal (<i>al- taghyīr al-ma’nawī</i>)</b>, contohnya: Mengubah agama Allah SWT seperti yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās berdasarkan ayat “Fitrah Allah ke atas manusia”.</p> <p><b>Pengubahan fizikal (<i>al- taghyīr al-ḥissī</i>)</b>, contohnya: Memandulkan seperti yang ditafsirkan oleh Ibn ‘Abbās, Anas bin Mālik dan lain-lain.</p> <p>Mencacah tatu, menjarakkan gigi dan apa juu pengubahan dengan tujuan kecantikan berdasarkan hadis Nabi SAW: “Allah SWT melaknat pencacah tatu dan orang yang meminta dicacahkan tatu”.</p> <p>Berkemungkinan, perkara ini dilarang kerana ia menjadikan tubuh badan manusia kelihatan hodoh sehingga seluruh badan, khususnya bahagian muka dan tangan menjadi warna biru disebabkan tatu.</p>	<p>Pecahan <i>taghyīr</i> kepada dua juga telah digunakan oleh anak murid Muhammad ‘Abduh, iaitu Muhammad Rashīd Rīḍā.</p> <p>Namun begitu, Rashīd Rīḍā turut menambah, pengubahan yang dilarang adalah pengubahan yang menghasilkan natijah atau kesan buruk, seperti menjadikan tubuh manusia lebih buruk dari sebelumnya.</p>

<sup>136</sup> Muhammad Rashīd Rīḍā, *Tafsīr al-Manār*, dicetak bersama Muhammad ‘Abduh, *Tafsīr al-Qur’ān al-Hakīm* (Kaherah: Maṭba‘ah al-Manār, 1910), 5:428-429.

<sup>137</sup> Surah al-Rūm: 30.

<sup>138</sup> Ibid.

		<p>Namun, jika gigi disusun dengan sedikit sahaja, maka ia tidak termasuk dalam maksud <b><i>taghyīr</i></b>, sama seperti memotong kuku dan rambut.</p> <p>Maka, <b>pengubahan</b> yang dilarang adalah pengubahan bentuk (<i>al-taghyīr al-ṣūrī</i>) kepada bentuk yang lebih hodoh. Buktinya, berkhatan, memakai inai dan memotong kuku dikira sebagai <i>sunnah</i>.</p>	
--	--	--	--

Jadual 2.4 akan dianalisis menerusi tiga sudut iaitu; (i) analisis senarai ulama *salaf* (terdiri dari sahabat Nabi SAW, tābi‘īn dan tābi‘ tābi‘īn) dan *khalaf* yang memberikan tafsiran, (ii) dan analisis tafsiran *taghyīr khalqillāh* dan dalil yang digunakan (iii) analisis tafsiran *mufassirīn*.

### **2.2.2 Analisis Senarai Ulama yang Memberikan Tafsiran**

Berdasarkan penelitian pada Jadual 2.3, pengkaji merumuskan terdapat 14 maksud atau tafsiran *taghyīr khalqillāh* pada surah al-Nisā’, ayat 119, tetapi hanya 5 sahaja tafsiran tersebut disandarkan kepada dalil al-Qur'an atau hadis Nabi SAW. Manakala, baki 9 tafsiran lagi disebutkan tanpa sandaran dalil. Bilangan tokoh yang memberikan tafsiran pula adalah seramai 26 orang. Pengkaji juga membuat satu kotak bagi mengumpulkan tafsiran *taghyīr khalqillāh* yang tidak disandarkan kepada mana-mana tokoh. Perincian maklumat tersebut boleh dilihat dalam jadual selepas ini. Pengkaji akan membahagikan jadual kepada tiga bentuk analisis iaitu analisis pandangan para sahabat (Jadual 2.4), analisis pandangan para tabi‘īn (Jadual 2.5) dan analisis pandangan ulama *muta’akhirīn* (ulama selepas kurun ke-3 hijriah) (Jadual 2.6).

Jadual 2.4: Analisis Pandangan Para Sahabat

No.	Pandangan tokoh <i>taghyīr khalqillāh</i>	Mengubah Agama	Menyembah Makhluk	الرُّشْمُ، الرُّحْصُلُ، النَّمْصُ، تَنَافِيَعُ الْأَمْسَانَ	بَرْتُجُونَ كَيْفَيَّةً	مُنْكَرُ حَيَّانَةِ الْأَنْوَاعِ	<b>Jumlah pandangan</b>									
1.	Ibn Mas‘ūd (w.32H)														<b>1</b>	
2.	Ibn ‘Abbās (w.68H)	ط عط ح ك ش در		ط ح	ط عر عط ق ح ش رر	ط عر عط ق ح ش رر	ط عر عط ق ح ش رر	ط عر عط ق ح ش رر	ط عر عط ق ح ش رر	ط عر عط ق ح ش رر	ط عر عط ق ح ش رر	ط عر عط ق ح ش رر	ط عر عط ق ح ش رر	ط عر عط ق ح ش رر	<b>5</b>	
3.	Ibn ‘Umar (w.73H)															<b>1</b>
4.	Anas bin Mālik (w.93H)					ط عر عط رز ح ك رر	رز ق									<b>2</b>

Nota: Kod perkataan yang **dipekatkan** (**bold**) menunjukkan tafsiran tersebut mempunyai dalil sokongan.

Nama Penulis	Kod	Nama Penulis	Kod	Nama Penulis	Kod	Nama Penulis	Kod
al-Ṭabarī	ط	al-Jaṣṣāṣ	ح	al-Zamakhsharī	ز	Ibn al-‘Arabī	عر
Ibn ‘Atiyyah	عط	al-Rāzī	رز	al-Qurṭubī	ق	Abu Ḥayyān	ح
Ibn Kathīr	ك	al-Shawkānī	ش	Muhammad ‘Abduh	عب	Rashīd Ridā	رر

Jadual 2.4 menunjukkan analisis pandangan para sahabat Nabi SAW mengenai maksud *taghyīr khalqillāh*. Pandangan mereka terhadap maksud *taghyīr khalqillāh* merangkumi lima maksud berbanding jumlah keseluruhan dua belas maksud. Terdapat empat orang tokoh dari kalangan sahabat Nabi SAW yang menafsirkan maksud *taghyīr khalqillāh* tersebut. Mereka adalah Ibn Mas‘ūd, Ibn ‘Abbās, Ibn ‘Umar dan Anas bin Mālik. Keempat-empat sahabat tersebut adalah dari generasi *sighār al-ṣaḥābah* (صغار الصحابة), iaitu sahabat yang masih kecil ketika Nabi SAW masih hidup. Setiap tafsiran yang diberikan mereka disandarkan kepada dalil sama ada dari al-Qur'an atau hadis Nabi SAW kecuali tafsiran Anas bin Mālik mengenai 'mengkasi haiwan atau manusia' dan pandangan Ibn ‘Abbās mengenai '*al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *taflīj al-asnān*'.

Jadual 2.5: Analisis Pandangan Para Tābi‘īn dan Tābi‘ Tabi‘īn

No.	Pandangan tokoh <i>Maksud taghyîr khalqillâh</i>	Mengubah Agama	Menyembah Makhluk	الوشم، الوصول، النصوص، غنائم الأسنان Bertujuan kecantikan	Mengkasi haiwan atau manusia	Menoreh mata dan potong telinga haiwan termakan	Memotong anggota badan tanpa sebab melainkan qisas	Menggunakan perkara baik pada perkara buruk	Berzina dan melihat	Lelaki yang menyepai wanita dan sebaliknya	Mengubah hukum Allah SWT	Mengubah nasab keturunan	Orang tua yang mengimai rambut	Hakim menjatuhkan hukuman potong telinga	Lelaki hitam berkahwin dengan wanita putih atau sebaliknya	Jumlah pandangan
6.	Sa‘îd bin al-Musayyab (w.93H)	رز			ك											2
7.	Sa‘îd bin Jubair (w.95H)	رِزْقٌ														1
8.	Ibrâhîm al-Nakha‘î (w.96H)	ط عَرْ عَطْ رِزْقٌ ك														2
9.	Khârijah bin Zayd (w.100H)	ط														2
10.	Abû Ṣâlih (w.101H)				ط ح عَطْ رِزْقٌ ك	رِزْقٌ										2
11.	Al-Dâhhâk bin Muzaħîm (w.102H)	ط رِزْقٌ ك														2
12.	Mujâhid (w.103H)	ط عَرْ عَطْ رِزْقٌ ك			ح											3
13.	‘Ikrimah (w.105H)	ط ك			ط ح عَطْ رِزْقٌ ك	رِزْقٌ										3
14.	Tâwûs (w.106H)														عرق	1
15.	Qatâdah (w.110H)	ط عَطْ رِزْ ك			ح ك											2
16.	Al-Hasan al-Bâṣrî (w.110H)	ط ز عَطْ رِزْقٌ ك		ط ح عَرْ رِزْقٌ ك	ش	ط										4
17.	Shahr bin Ḥawshab (w.111H)					ح رز	رز									2
18.	Al-Qâsim bin Abû Bazzâh (w.114H)	ط														1
19.	Al-Ḥâkam (w.115H)	ك														1
20.	Al-Suddâ (السُّدَّى) (w.127H)	ط رِزْ ك														2
21.	‘Atâ’ al-Khurasânî (w.135H)	ك														1
22.	Al-Râbî‘ bin Anas (w.140H)					ط										1
23.	Sufyân al-Thawrî (w.161H)					ك										1

Jadual 2.5 menunjukkan analisis pandangan para tābi‘īn dan tābi‘īn mengenai maksud *taghyīr khalqillāh*. Pandangan mereka terhadap maksud *taghyīr khalqillāh* merangkumi tujuh maksud berbanding jumlah keseluruhan dua belas maksud. Seramai 19 orang tokoh tābi‘īn telah menafsirkan maksud *taghyīr khalqillāh* dan majoriti menyandarkan pandangan mereka kepada dalil lain sebagai sokongan melainkan beberapa orang sahaja. Hal ini kerana, terdapat kemungkinan tafsiran yang dibuat tanpa sandaran dalil merupakan ijtihad *mufassirīn* atau tokoh tersebut dalam mentakhsīskan ayat *taghyīr khalqillāh* yang bersifat umum.

Buktinya, Tāwūs (w.106H) telah membuat tafsiran *taghyīr khalqillāh* dengan mengatakan lelaki hitam dilarang berkahwin dengan wanita putih atau lelaki putih berkahwin dengan wanita hitam. Pandangan beliau telah dikritik oleh Ibn ‘Arabī<sup>139</sup> dan al-Qurṭubī<sup>140</sup>. Menurut mereka, Nabi SAW pernah mengahwinkan Zaid yang berkulit putih dengan Ummu Usāmah yang berkulit hitam, Usāmah yang berkulit hitam dengan Fātimah binti Qays yang berkulit putih dan Bilāl yang berkulit hitam dengan Zuḥriyyah, adik perempuan ‘Abd al-Rahmān bin ‘Auf yang berkulit putih. Malah, al-Qurṭubī telah mengambil pendekatan mengkritik yang lebih lunak apabila mengatakan Tāwūs mungkin tidak menjumpai hadis ini sepanjang hidupnya. Ini kerana, beliau satu-satunya tokoh tābi‘īn yang bersendirian memberikan ijtihad tersebut. Seorang lagi tābi‘īn yang turut bersendirian dalam menafsirkan maksud *taghyīr khalqillāh*, iaitu Khārijah bin Zayd (w.100H). Pada pandangan beliau, maksud *taghyīr khalqillāh* adalah lelaki yang menyerupai wanita (السَّخَنُّ) atau wanita yang menyerupai lelaki (السَّحَاقُ).

<sup>139</sup> Ibn al-‘Arabī, *Aḥkām al-Qur’ān*, 1:631-632.

<sup>140</sup> Al-Qurṭubī, *Tafsīr al-Qurṭubī*, 7:148.

Jadual 2.6: Analisis Pandangan Ulama *Muta'akhirīn*

No.	Pandangan tokoh	Mengubah Agama <i>Maksud taghyīr khalqillāh</i>	Mengubah Makhluk	Menyembah Makhluk	الوشم، الموصى، النصوص، تفاصيل إنسان	Bertujuan kecantikan	Mengkasi haiwan atau manusia	Menoreh mata dan potong telinga haiwan ternakan	Memotong anggota badan tanpa sebab melainkan qisas	Menggunakan perkara baik pada perkara buruk	Berzina dan meliwat	Lelaki yang menyerupai wanita dan sebaliknya	Mengubah hukum Allah SWT	Mengubah nasab keturunan	Orang tua yang menginai rambut	Hakim menjatuhkan hukuman potong telinga	Lelaki hitam berkahwin dengan wanita putih atau sebaliknya	Jumlah pandangan	
24.	Al-Zujjāj (w.311H)			رزق ح														2	
25.	Abū ‘Umar bin ‘Abd al-Barr (w.463H)																	1	
26.	Al-Zamakhsharī (w.538H)						ز	ز	جزء	جزء								1	
	Penulis sekadar menyebutkan pandangan tanpa disandarkan kepada sesiapa	ع	عطش	ر															

Jadual 2.6 menunjukkan analisis pandangan ulama *muta'akhkirin* mengenai maksud *taghyīr khalqillāh*. Pandangan mereka terhadap maksud *taghyīr khalqillāh* merangkumi empat maksud berbanding jumlah keseluruhan dua belas maksud. Keempat-empat pandangan ulama *muta'akhkirin* ini tidak disandarkan kepada dalil. Seterusnya, Abu Ḥayyān al-Andalūsī (w.745H) menjadi *mufassir* yang menukilkan paling banyak maksud *taghyīr khalqillāh* tanpa disandarkan kepada mana-mana tokoh dengan tujuh maksud, diikuti oleh al-Zamakhsharī dengan tiga maksud. Tafsiran ini dinukilkan dengan cara yang tidak kuat, iaitu menggunakan *ṣīghah tamrīd*<sup>141</sup>. Nukilan al-Andalūsi ini disebabkan metodologi beliau yang menggabungkan pandangan antara ulama *mutaqaddimīn* dan *muta'akhkirin*. Oleh sebab itu, al-Dhahabī telah meletakkan buku beliau dalam *Tafsīr bi al-Ra'y al-Jā'iz*.

Berdasarkan Jadual 2.4, Jadual 2.5 dan Jadual 2.6, tafsiran *taghyīr khalqillāh* yang menerima bilangan pemberi pandangan paling tinggi adalah ‘mengubah agama Allah SWT’ (14 orang), diikuti ‘mengkasi haiwan ternakan’ (13 orang), ‘mengubah hukum Allah SWT’ (7 orang), ‘menoreh mata dan telinga haiwan ternakan’ (6 orang) dan ‘*al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *taflīj al-asnān*’ (3 orang). Baki 9 tafsiran melibatkan seorang pemberi pandangan sahaja atau tidak disandarkan kepada mana-mana tokoh.

Seterusnya, pengkaji akan mengumpul dan meneliti setiap dalil yang digunakan sebagai sokongan kepada tafsiran mereka, sama ada dalil dari al-Qur'an atau hadis Nabi SAW. Semua dalil tersebut akan diteliti dan digabungkan jika terdapat persamaan dengan maksud walaupun lafaz yang digunakan berbeza, khususnya dalil dari hadis Nabi SAW. Hadis yang dikumpulkan akan *ditakhrīj* bagi memudahkan pengkaji merujuk huraian *muḥaddithīn* mengenai hadis tersebut. Ini kerana, setiap sumber utama hadis mempunyai huraian yang berbeza dari tokoh *muḥaddith* yang berbeza.

---

<sup>141</sup> Perkataan yang digunakan adalah (قُبْلَ) yang bermaksud, ‘dikatakan’.

### 2.2.3 Analisis Dalil yang Digunakan

Dapatan dari Jadual 2.3, Jadual 2.4, Jadual 2.5 dan Jadual 2.6 menunjukkan terdapat 5 sahaja tafsiran yang disandarkan kepada dalil lain iaitu; (i) mengubah agama, (ii) mencacah tatu (*al-washm*), menyambung rambut (*al-waṣl*), menipiskan bulu kening (*al-namṣ*), menjarakkan gigi (*al-washr* atau *taflīj al-asnān*) atau apa-apa pengubahan dengan tujuan kecantikan, (iii) mengkasi haiwan atau manusia, (iv) menoreh mata unta dan memotong telinga haiwan ternakan dan (v) mengubah hukum Allah SWT. Pengkaji menyusun dalil yang digunakan berdasarkan buku *mufassirin*. Perincian tersebut boleh dilihat dalam Jadual 2.7.

Jadual 2.7: Analisis Dalil yang Digunakan mengikut Pecahan Buku

No.	Nama Buku Tafsir	Dalil bagi Maksud <i>Taghyīr Khalqillāh</i>
1.	<i>Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āyāt al-Qur’ān</i> (al-Tabarī)	Al-Ṭabarī menukilkan dalil bagi dua maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> iaitu (i) mengubah agama dan (ii) <i>al-waṣl</i> , <i>al-washm</i> , <i>al-namṣ</i> , <i>al-washr</i> dan <i>al-tafalluj</i> . Dalil dari maksud pertama adalah: مجاحد : ((ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ)) الضحاك وابن زيد : ((فِطْرَةُ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلٌ لِحَلْقِ اللَّهِ)) Dalil dari maksud kedua adalah: ابن مسعود : ((لَعْنَ اللَّهِ الْمُتَفَلِّجَاتِ وَالْمُتَنَمِّصَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقِ اللَّهِ)) ((لَعْنَ اللَّهِ الْوَاشِرَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحَسْنِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقِ اللَّهِ))
2.	<i>Aḥkām al-Qur’ān</i> (al-Jaṣṣāṣ)	Al-Jaṣṣāṣ menukilkan dalil bagi maksud ‘mengubah hukum Allah SWT’: ابن عباس وإبراهيم ومجاحد والضحاك والسدى: ((لَا تَبْدِيلٌ لِحَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ))
3.	<i>Al-Kashshāf</i> (al-Zamaksharī)	Al-Zamaksharī menukilkan dalil bagi maksud ‘ <i>al-waṣl</i> , <i>al-washm</i> , <i>al-namṣ</i> , <i>al-washr</i> dan <i>al-tafalluj</i> ’: ابن مسعود : ((لَعْنَ اللَّهِ الْوَاشِرَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقِ اللَّهِ))
4.	<i>Aḥkām al-Qur’ān</i> (Ibn al-‘Arabī)	Ibn al-‘Arabī menukilkan dalil bagi maksud ‘ <i>al-waṣl</i> , <i>al-washm</i> , <i>al-namṣ</i> , <i>al-washr</i> dan <i>al-tafalluj</i> ’: الحسن: ((لَعْنِ رَسُولِ اللَّهِ الْوَاشِمَاتِ وَالْمُوْشَمَاتِ وَالنَّامِصَاتِ وَالْمُتَنَمِّصَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ الْوَاشِرَةُ وَالْمُسْتَوْشِرَةُ وَالْمُتَفَلِّجَاتُ لِلْحَسْنِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقِ اللَّهِ))
5.	<i>Al-Muḥarrar al-Wajīz</i> (Ibn ‘Atiyyah)	Ibn ‘Atiyyah menukilkan dalil bagi dua maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> iaitu (i) mengubah agama dan (ii) <i>al-waṣl</i> , <i>al-washm</i> , <i>al-namṣ</i> , <i>al-washr</i> dan <i>al-tafalluj</i> .

		<p>Dalil dari maksud pertama adalah:</p> <p>ابن عباس وابراهيم ومجاهد والحسن وقتادة: ((فِطْرَةُ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ))</p> <p>Dalil dari maksud kedua adalah:</p> <p>ابن مسعود والحسن: ((لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ الْوَالَّشَمَاتِ وَالْمَوْشَمَاتِ وَالْمَنَمَصَاتِ وَالْمَنْجَاجَاتِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقِ اللَّهِ))</p>
6.	<i>Mafātīh al-Ghayb</i> (al-Rāzī)	<p>Al-Rāzī menukilkan dalil bagi dua maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> iaitu (i) ‘mengubah agama’ dan (ii) <i>al-waṣl</i>, <i>al-washm</i>, <i>al-namṣ</i>, <i>al-washr</i> dan <i>al-tafalluj</i>.</p> <p>Dalil dari maksud pertama adalah:</p> <p>سعید بن جبیر وسعید بن المسیب والحسن والضحاک ومجاهد والسدی والنخعی وقتادة ((كل مولود يولد على الفطرة))</p> <p>Dalil bagi maksud kedua adalah:</p> <p>الحسن: ((لَعْنَ اللَّهِ الْوَالَّشَمَاتِ وَالْمَوْشَمَاتِ))</p>
7.	<i>Al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān</i> (al-Qurṭubī)	<p>Al-Qurṭubī menukilkan dalil bagi tiga maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> iaitu (i) <i>al-waṣl</i>, <i>al-washm</i>, <i>al-namṣ</i>, <i>al-washr</i> dan <i>al-tafalluj</i>, (ii) ‘mengkasi haiwan dan manusia’, (iii) ‘menoreh mata unta dan memotong telinga haiwan ternakan’.</p> <p>Dalil dari maksud pertama adalah:</p> <p>ابن عباس وأنس وعكرمة وأبو صالح: ((ولاني خلقت عبادي حنفاء كلهم وأن الشياطين أتتهم فاجتالتهم عن دينهم فحرمت عليهم ما حللت لهم وأمرتهم أن يشركوا بي ما لم أنزل به سلطانا وأمرتهم أن يغيروا خلقي))</p> <p>ابن مسعود والحسن: ((لَعْنَ اللَّهِ الْوَالَّشَمَاتِ وَالْمَوْشَمَاتِ وَالْمَنَمَصَاتِ وَالْمَنْجَاجَاتِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقِ اللَّهِ)); ((لَعْنَ اللَّهِ الْوَالَّشَمَةِ وَالْمَوْشَمَةِ وَالْمَنَمَصَةِ وَالْمَنْجَاجَةِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقِ اللَّهِ))</p> <p>Dalil dari maksud kedua adalah:</p> <p>ابن عمر: ((لَا تَحْصُوا مَا يَنْمِي خَلْقُ اللَّهِ))</p> <p>Dalil dari maksud ketiga adalah:</p> <p>ابن عباس وأنس وعكرمة وأبو صالح: عن أب الأحوص، هن أبيه قال: أتيت رسول الله (ص) وأنا قشف الهيبة، قال: ((هل لك من مال؟)). قال: قلت: نعم. قال: ((من أي المال؟)). قلت: من كل المال، من الخيل والإبل والرقى - قال أبو الوليد: والغم - قال: ((فإذا آتاك الله مالا، فليز عليك أثره)). ثم قال: ((هل تُنْتَجُ إِلَيْكُ قومٌ صاححاً آذانها، فتعمد إلى موسى، فتشقّ جلودها وتقول: هذه صُرُم، لتحرّمها عليك وعلى آهلك؟)). قال: قلت: أجل. قال: ((فَكُلُّ مَا آتاكَ اللَّهُ حِلٌّ، وَمُوسَى اللَّهُ أَحَدٌ مِّنْ مُوسَاكَ، وَسَاعِدُ اللَّهُ أَشَدُّ مِنْ سَاعِدِكَ)). قال: قلت: يا رسول الله، أرأيت رجلا نزلت به، فلم يَقُرِّني، ثم نزل بي، فأقرّيه أكافئه؟ فقال: ((بل أقْرَه)).</p>
8.	<i>Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ</i> (Abū Ḥayyān al-Andalūsī)	<p>Al-Andalūsī menukilkan dalil bagi tiga maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> iaitu (i) ‘mengubah agama’, (ii) ‘<i>al-waṣl</i>, <i>al-washm</i>, <i>al-namṣ</i>, <i>al-washr</i> dan <i>al-tafalluj</i>’, dan (iii) ‘mengubah hukum Allah SWT’.</p> <p>Dalil dari maksud pertama adalah:</p>

		<p>ابن عباس وإبراهيم ومجاحد والحسن وقتادة: ((فِطْرَةُ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ))</p> <p>Dalil dari maksud kedua adalah:</p> <p>ابن مسعود والحسن: ((لَعْنَ الْوَالِشَّمَاتِ وَالْمَسْتَوِشَمَاتِ وَالْمَنَمَصَاتِ وَالْمَنَجَلَجَاتِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقَ اللَّهِ))؛ ((لَعْنَ اللَّهِ الْوَاصِلَةِ وَالْمَسْتَوِصَلَةِ))</p> <p>Dalil dari maksud ketiga adalah:</p> <p>((قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَامًا وَحَلَالًا)) [يونس: ٥٩]</p>
9.	<i>Tafsīr al-Qur'ān al-'Ażīm</i> (Ibn Kathīr)	<p>Ibn Kathīr menukilkhan dalil bagi dua maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> iaitu (i) mengubah agama dan (ii) <i>al-waṣl</i>, <i>al-washm</i>, <i>al-namṣ</i>, <i>al-washr</i> dan <i>al-tafalluj</i>.</p> <p>Dalil dari maksud pertama adalah:</p> <p>ابن عباس ومجاحد وعكرمة وإبراهيم النخعي والحسن وقتادة والحكم والسدى والضحاك وعطاء الخرساني: ((فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلَّدِينِ حَنِيفًا فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ))؛</p> <p>((كُلُّ مُولُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفَطْرَةِ، فَإِذَا هُوَ يَهُودَانِهِ وَيَنْصَارَانِهِ وَيَمْجَسَانِهِ، كَمَا تُولَدُ الْبَهِيمَةُ بِهِيمَةٍ جَمِيعَهُ، هُلْ يَحْسُونُ فِيهَا مِنْ جَدَاءِ؟))</p> <p>((قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: إِنِّي خَلَقْتُ عَبْدَيْ حَنَفَاءَ، فَجَاءَتْهُمُ الشَّيَاطِينُ فَاجْتَالُوهُمْ عَنِ دِينِهِمْ، وَحَرَمْتُ عَلَيْهِمْ مَا أَحْلَلْتُ لَهُمْ))</p> <p>Dalil dari maksud kedua adalah:</p> <p>ابن مسعود والحسن: ((لَعْنَ اللَّهِ الْوَالِشَّمَاتِ وَالْمَسْتَوِشَمَاتِ وَالْمَنَمَصَاتِ وَالْمَنَجَلَجَاتِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقَ اللَّهِ))</p>
10.	<i>Fatḥ al-Qadīr</i> (al-Shawkānī)	<p>Al-Shawkānī hanya menukilkhan dalil bagi maksud ‘mengkasi haiwan dan manusia’:</p> <p>ابن عمر: نهى رسول الله (ص) عن خصاء البهائم والخيول.</p> <p>ابن عباس: نهى رسول الله (ص) عن صير الروح وإخصاء البهائم.</p>
11.	<i>Tafsīr al-Manār</i> (Muhammad 'Abduh)	<p>Muhammad 'Abduh tidak menukilkhan sebarang dalil bagi maksud <i>taghyīr khalqillāh</i>.</p>
12.	<i>Tafsīr al-Manār</i> (Rashīd Riḍā)	<p>Al-Rāzī menukilkhan dalil bagi dua maksud <i>taghyīr khalqillāh</i> iaitu (i) mengubah agama dan (ii) <i>al-waṣl</i>, <i>al-washm</i>, <i>al-namṣ</i>, <i>al-washr</i> dan <i>al-tafalluj</i>.</p> <p>Dalil dari maksud pertama adalah:</p> <p>ابن عباس: ((فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلَّدِينِ حَنِيفًا فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقِيَمُ))</p> <p>Dalil dari maksud kedua adalah:</p> <p>((لَعْنَ اللَّهِ الْوَالِشَّمَاتِ وَالْمَسْتَوِشَمَاتِ))</p>

Berdasarkan Jadual 2.7, terdapat dua sahaja dalil dari al-Qur'ān dan sembilan hadis yang digunakan sebagai sandaran dan sokongan walaupun lafaz hadis yang digunakan berbeza. Pengkaji akan mentakhrīj hadis tersebut dan menganalisisnya dengan merujuk buku-buku

*syarḥ* hadis berkaitan. Analisis tersebut akan diletakkan dalam subtopik seterusnya.

Berikut adalah dalil tersebut:

Jadual 2.8: Ringkasan Dalil yang Digunakan dan Sumber Dalil Tersebut dan Jenis *Taghyīr*

No.	Dalil	Sumber	Jenis <i>taghyir</i>
1.	فَأَقَمْ وَجْهَكَ لِلَّدِينِ حَنِيفًا فَطَرَ اللَّهُ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيْمُ	Surah al-Rūm: 30	<i>Taghyīr Ma'navī</i> (Pengubahan Metafizikal)
2.	فُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَامًا وَحَالًا	Surah Yūnus: 59	<i>Taghyīr Ma'navī</i> (Pengubahan Metafizikal)
3.	كل مولود يولد على الفطرة، فأبواه يهودانه وينصرانه ويعجسانه، كما تولد البهيمة بهيمة جماعه، هل يحسون فيها من جدعاء؟	Al-Bukhārī (1385) <sup>142</sup> , Muslim (2658) <sup>143</sup> , al-Tirmidhī (2138) <sup>144</sup> , Abū Dāwūd (4714) <sup>145</sup> , Ahmad (7181) <sup>146</sup> , Ibn Ḥibbān (130) <sup>147</sup> .	<i>Taghyīr Ma'navī</i> (Pengubahan Metafizikal)

<sup>142</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Janā'iz, Bāb Ma Qūlātī Awlād al-Mushrikīn*.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ a-Bukhārī*, 2:100.

<sup>143</sup> Hadis diriwayatkan oleh Muslim dalam *Kitāb al-Qadr, Bāb Ma 'nā Kullu Mawlūd Yūlad 'alā al-Fitrāh*.

Lihat: Muslim, *Saḥīḥ Muslim*, 4:2047.

<sup>144</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam *Kitāb al-Qadr 'an Rasulūllah, Bāb Mā Jā'ā Kullu Mawlūd Yūlad 'alā al-Fitrāh*.

Hadis ini dinilai *saḥīḥ* oleh Muḥammad Shākir.

Lihat: al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 4:447.

<sup>145</sup> Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dalam *Kitāb al-Sunnah, Bāb fī Dharrārī al-Mushrikīn*.

Hadis ini dinilai *saḥīḥ* oleh al-Arna'ūt.

Lihat: Abū Dāwūd, Sulaimān bin al-Ash'ath bin Isḥāq bin Bashīr bin Shaddād bin 'Amr al-Azdī al-Sijistānī, *Sunan Abū Dāwūd*, ed. Muḥammad Muḥyī al-Dīn 'Abd al-Ḥāmid (Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, t.t.), 4:229; Abū Dāwūd, Sulaimān bin al-Ash'ath, *al-Iḥsān fī Taqrīb Saḥīḥ Ibn Ḥibbān*, ed. Ibn Balbān dan al-Arna'ūt (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1988), 1:336.

<sup>146</sup> Hadis diriwayatkan oleh Aḥmad dalam *Musnad al-Mukthirīn min al-Ṣaḥābah, Musnad Abū Hurairah*.

Hadis ini dinilai *saḥīḥ* oleh al-Arna'ūt.

Lihat: Aḥmad, Abū 'Abdullah Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal bin Hilāl bin Asad al-Shaibānī, *Musnad Aḥmad*, ed. Shu'aib al-Arnā'ūt et al. (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2001), 12:106; 16:174.

<sup>147</sup> Hadis diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān dalam *Kitāb al-Wāḥy, Bāb Dhikr al-Khabar al-Mudhiṭ*.

<p>قال الله عز وجل : إِنِّي خَلَقْتُ عَبادِي حِنْفَاءَ، فَجَاءَتْهُمُ الشَّيَاطِينُ فَاجْتَالُوهُمْ عَنِ دِينِهِمْ، وَحَرَمْتُ عَلَيْهِمْ مَا أَحْلَلْتُ لَهُمْ</p> <p>قال الله عز وجل : إِنِّي خَلَقْتُ عَبادِي حِنْفَاءَ كُلَّهُمْ وَأَنَّ الشَّيَاطِينَ أَتَتْهُمْ فَاجْتَالُوهُمْ عَنِ دِينِهِمْ فَحَرَمْتُ عَلَيْهِمْ مَا أَحْلَلْتُ لَهُمْ وَأَمْرَتُهُمْ أَنْ يُشْرِكُوا بِي مَا لَمْ أَنْزِلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَمْرَتُهُمْ أَنْ يَغْيِرُوا خَلْقِي</p>	<p>Muslim (2865)<sup>148</sup>, Ahmad (17484)<sup>149</sup>, al-Nasā'ī (8017)<sup>150</sup></p>	<p><i>Taghyīr Ma'nawī</i> (Pengubahan Metafizikal)</p>
<p>عن أبي الأحوص، هن أبيه قال : أتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ (ص) وَأَنَا قَشْفُ الْهَمَّةِ، قَالَ : ((هَلْ لَكَ مِنْ مَالٍ؟)). قَالَ : قَلْتُ : نَعَمْ. قَالَ : ((مَنْ أَيُّ الْمَالِ؟)). قَلْتُ : مَنْ كُلُّ الْمَالِ، مَنْ الْخَيْلُ وَالْإِبلُ</p>	<p>Ahmad (15888)<sup>151</sup>, Abū Dāwūd (4063)<sup>152</sup></p>	<p><i>Taghyīr Hissī</i> (Pengubahan Fizikal)</p>

Hadis ini dinilai *sahīh* oleh al-Arna'ūt.

Lihat: Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān bin Aḥmad bin Ḥibbān bin Mu‘ādh bin Ma‘bad al-Tamīmī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, ed. Shu‘aib al-Arnā’ūt (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1993), 1:338; Ibn Balban, *al-Iḥsān*, 1:336.

<sup>148</sup> Hadis diriwayatkan oleh Muslim dalam *Kitāb al-Jannah wa Ṣifāt Na‘imihā wa Ahl-hā, Bāb al-Ṣifāt allatī Yu‘raf bi-hāfi al-Dunyā Ahl al-Jannah wa Ahl al-Nār*.

Hadis ini disebutkan dengan panjang di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Namun, lafaz hadis berbeza dengan teks di atas. Tiada lafaz ((وَأَمْرَتُهُمْ أَنْ يَغْيِرُوا خَلْقِي)) dalam hadis.

Lihat: Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4:2197.

<sup>149</sup> Hadis diriwayatkan oleh Ahmad dalam *Musnad al-Shāmiyyīn, Musnad ‘Iyād bin Ḥimār*.

Hadis ini dinilai *sahīh* oleh al-Arnā’ūt.

Lihat: Ahmad, *Musnad Aḥmad*, 29:32-34.

Hadis ini disebutkan dengan panjang di dalam *Musnad Aḥmad*. Namun, lafaz hadis berbeza dengan teks di atas. Tiada lafaz ((وَأَمْرَتُهُمْ أَنْ يَغْيِرُوا خَلْقِي)) dalam hadis.

<sup>150</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Nasā’ī dalam *Kitāb Faḍā'il al-Qur’ān, Qirā’ah al-Qur’ān ‘ala Kull Aḥwāl*.

Lihat: al-Nasā’ī, Abu ‘Abd al-Rahmān Aḥmad bin Shu‘aib bin ‘Alī al-Kurasānī, *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Ḥasan ‘Abd al-Mun‘im al-Shalabī (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001), 7:279.

Hadis ini dinilai *sahīh* oleh al-Shalabi.

Tambahan lafaz ((وَأَمْرَتُهُمْ أَنْ يَغْيِرُوا خَلْقِي)) disebutkan di dalam riwayat al-Nasā’ī.

Lihat komentar al-Turki di dalam al-Qurṭubī, *Tafsīr al-Qurṭubī*, 7:136-137.

<sup>151</sup> Hadis diriwayatkan oleh Ahmad dalam *Musnad al-Makkīyīn, ḥadīth Mālik bin Nadlāh Abū Abī al-Āḥwās*.

Menurut al-Arnā’ūt, hadis ini dinilai *sahīh* berdasarkan syarat Muslim.

Lihat: Ahmad, *Musnad Aḥmad*, 25:223-224.

<sup>152</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dalam *Kitāb al-Libās, Bāb fī Ghasl al-Thawb wa fī al-Khulqān* tetapi disebutkan sebahagian sahaja.

Hadis ini dinilai *sahīh* oleh al-Arnā’ūt.

Lihat: Abū Dāwūd, *Sunān Abī Dāwūd*, 4:51.

	والرقيق – قال أبو الوليد : والغنم – قال: ((فإذا آتاك الله مالا، فليئر عليك أثره)). ثم قال: ((هل تُنْتَجُ إِلَيْكَ قومكَ صاححاً آذانها، فتعمد إلى موسى، فتشقّ جلودها وتقول: هذه صرمٌ، لحرّمها عليك وعلى أهلك؟)). قال: قلتُ: أجلٌ. قال: ((فَكُلُّ مَا آتاك الله حِلٌّ، وموسى الله أَحَدٌ من موساك، وساعدُ الله أَشَدُّ من ساعدِكَ)). قال: قلتُ: يا رسول الله، أرأيت رجلا نزلت به، فلم يَقْرِنِي، ثم نزل بي، فأقْرِيبي أَكافعه؟ فقال: ((بل أَقْرِه)).	al-Tirmidhī (2006) <sup>153</sup>	
6.	عن ابن عمر: نهى رسول الله (ص) عن خصاء البهائم والخيل.	Al-Baihaqī (19794)(19795) <sup>154</sup>	<i>Taghyīr Hissī</i> (Pengubahan Fizikal)
	عن ابن عمر: لا تخصوا ما ينمي خلق الله	Al-Baihaqī (19790) (19792) (19793) (19796) <sup>155</sup>	
	عن ابن عباس: نهى رسول الله (ص) عن صبر الروح وإخفاء البهائم.	Al-Bukhārī (5931-5948) <sup>156</sup> , Muslim (2122-2127) <sup>157</sup> , al-Tirmidhī (1759) <sup>158</sup> ,	
7.	لعن الله الواقلة والمستوصلة والواشمة والمستوشمة	Al-Bukhārī (5931-5948) <sup>156</sup> , Muslim (2122-2127) <sup>157</sup> , al-Tirmidhī (1759) <sup>158</sup> ,	<i>Taghyīr Hissī</i> (Pengubahan Fizikal)
	لعن الله الواشمات والمستوشمات والنامضات والمتناضفات والمتفلجلات للحسن المغيرات خلق الله		

<sup>153</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam *Kitāb al-Birr wa al-Silah*, *Bāb Mā Jā'ā fī al-Iḥsān wa al-'Afāw* tetapi disebutkan sebahagian sahaja.

Hadis ini dinilai *sahīh* oleh al-Aḥmad Shākir.

Lihat: al-Tirmidhī, *Sunān al-Tirmidhī*, 4:364.

<sup>154</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Baihaqī dalam *Kitāb al-Sabq wa al-Ramy*, *Bāb Karāhiyah Khiṣā' al-Bahā'im*.

Lihat: al-Baihaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusain bin ‘Alī, *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 10:40-42.

<sup>155</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Baihaqī dalam *Kitāb al-Sabq wa al-Ramy*, *Bāb Karāhiyah Khiṣā' al-Bahā'im*.

Lihat: Ibid.

<sup>156</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Libās*, *Bāb al-Mutafallijāt li al-Husn*, *Bāb Waṣl al-Shi'r*, *Bāb al-Mutanammiṣāt*, *Bāb al-Mawṣūlah*, *Bāb al-Wāshimah* dan *Bāb al-Mustawshimah*.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 7:164-167.

<sup>157</sup> Hadis diriwayatkan oleh Muslim dalam *Kitāb al-Libās wa al-Zīnah*, *Bāb Taḥrīm Fi'l al-Wāsilah wa al-Mustawṣilah*, *wa al-Wāshimah wa al-Mustawshimah*, *wa al-Nāniṣah wa al-Mutanammiṣah*, *wa al-Mutafallijāt*, *wa al-Mughayyirāt Khalqallāh*.

Lihat: Muslim, *Saḥīḥ Muslim*, 3:1676-1680.

<sup>158</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Tirmidhī di dalam *Kitāb al-Libās 'an Rasūlillah SAW*, *Bāb Mā Jā'ā fī Muwāṣalah al-Shi'r*.

Hadis ini dinilai *sahīh* oleh al-Aḥmad Shākir.

		al-Nasā'ī (9320-9327) <sup>159</sup> , Abū Dāwūd (4169) <sup>160</sup> , Mālik (3487) <sup>161</sup> , Aḥmad (4343) <sup>162</sup> (8473) <sup>163</sup>	
--	--	--	--

Jadual 2.8 menunjukkan dalil-dalil yang telah dibahagikan berdasarkan jenis *taghyīr*, iaitu sama ada *Taghyīr Ma‘nawī* atau *Taghyīr Hissī*. Dalil dari nombor satu hingga nombor empat dikategorikan sebagai *Taghyīr Ma‘nawī* manakala dalil dari nombor lima hingga tujuh dikategorikan sebagai *Taghyīr Hissī*. Hujah dalil *Taghyīr Ma‘nawī* sudah jelas iaitu mengubah agama atau hukum Allah SWT. Maka, apa-apa sahaja perbuatan yang boleh menyebabkan manusia menukar agama atau hukum Allah SWT dilarang secara pasti. Namun, perbincangan mengenai dalil *Taghyīr Hissī* masih perlu dibincangkan secara mendalam kerana ia melibatkan isu fiqh yang luas dan boleh berubah berdasarkan situasi tertentu. Buktinya, walaupun Allah SWT mlarang manusia dari

---

Lihat: al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 4:236.

<sup>159</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Nasā'ī dalam *Kitāb al-Zīnah*, *Bāb al-Wāṣilah*, *Bāb al-Mu'taṣilah* dan *al-Mutanammiṣāt*.

Lihat: al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8:335-338.

<sup>160</sup> Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwūd di dalam *Kitāb al-Tarajjul*, *Bāb Ṣilah al-Shi‘r*, no. hadis 4169. Hadis ini dinilai *sahīḥ* oleh al-Arna’ūt.

Lihat: Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 4:77.

<sup>161</sup> Hadis diriwayatkan oleh Mālik dalam *Kitāb al-Shi‘r*, *Bāb al-Sunnah fī al-Shi‘r*.

Lihat: Mālik, Mālik bin Anas bin Mālik bin ‘Amīr al-Asbahī, *al-Muwaṭṭa*', ed. Muḥammad Muṣṭafā al-A‘ẓamī (Abu Dhabi: Mu’assasah Zayd bin Sultān, 2004), 5:1382.

<sup>162</sup> Diriwayatkan oleh Aḥmad dalam *Musnad al-Mukthirīn min al-Saḥābah*, *Musnad Ibn Mas‘ūd*. Hadis ini dinilai *sahīḥ* oleh al-Aḥmad Shākir.

Lihat: Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, 7:361.

<sup>163</sup> Diriwayatkan oleh Aḥmad dalam *Musnad al-Mukthirīn min al-Saḥābah*, *Musnad Abū Hurairah*. Hadis ini dinilai *sahīḥ* oleh al-Aḥmad Shākir.

Lihat: Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, 14:179.

menoreh mata dan memotong telinga haiwan, tetapi sebahagian ulama membenarkan penandaan haiwan dengan seterika panas bagi tujuan tertentu. Begitu juga dengan mengkasi haiwan, terdapat sebahagian ulama membenarkannya bagi tujuan membanyakkan daging. Justeru, perbincangan hadis-hadis tersebut akan diteruskan dengan melihat huraian *muḥaddithīn* mengenai tiga isu tersebut.

#### **2.2.4 Analisis Tafsiran *Mufassirīn* mengenai *Taghyīr Khalqillāh***

Berdasarkan Jadual 2.4, terdapat beberapa perkara penting yang boleh digunakan untuk membentuk konsep asas *taghyīr khalqillāh*. Perincian konsep ini akan diisi dalam analisis komentar *muḥaddithīn* terhadap dalil yang digunakan dan analisis fatwa dan pandangan fuqaha kontemporari dalam aplikasi *taghyīr khalqillāh* ini. Lima asas yang telah dibina bagi membentuk konsep *taghyīr khalqillāh* iaitu:

- (i) Pembahagian *Taghyīr khalqillāh*,
- (ii) Bentuk *Taghyīr khalqillāh*,
- (iii) Tujuan *Taghyīr khalqillāh*,
- (iv) Pertimbangan *Maqasid Taghyīr khalqillāh*,
- (v) Hasil Fizikal dari *Taghyīr khalqillāh*.

Jadual 2.9: Himpunan Asas Konsep *Taghyīr khalqillāh*

No.	Asas	Penulis	Teks dari Terjemahan Transkrip
1.	Membahagikan <i>taghyīr khalqillāh</i> kepada pengubahan fizikal ( <i>taghyīr ḥissī</i> ) dan pengubahan metafizikal ( <i>taghyīr ma‘nawī</i> )	Muhammad ‘Abduh	Sebahagian kecil <i>mufassirīn</i> berpendapat maksud <i>taghyīr</i> adalah mengubah agama. <i>Mufassirīn</i> lain pula mengatakan maksudnya adalah <i>al-Taghyīr al-Ḥissī</i> , <i>al-Taghyīr al-Ma‘nawī</i> dan pihak yang menggabungkan kedua-duanya.
		Rashīd Riḍā	Mengubah ciptaan Allah SWT terbahagi kepada: <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) <b>Pengubahan metafizikal (<i>al-taghyīr al-ma‘nawī</i>)</b>, contohnya:               <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Mengubah agama Allah SWT seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Abbās berdasarkan ayat “Fitrah Allah ke atas manusia”.</li> </ol> </li> <li>(ii) <b>Pengubahan fizikal (<i>al-taghyīr al-ḥissī</i>)</b>, contohnya:</li> </ol>


			<p>a. Memandulkan seperti yang ditafsirkan oleh Ibn ‘Abbās, Anas bin Mālik dan lain-lain.</p> <p>Mencacah tatu, menjarakkan gigi dan apa jua pengubahan dengan tujuan kecantikan berdasarkan hadis Nabi SAW: “Allah SWT melaknat pencacah tatu dan orang yang meminta dicacahkan tatu”.</p>
2.	Membahagikan bentuk <i>taghyīr khalqillāh</i> kepada ‘Pengubahan Sementara’ dan ‘Pengubahan Kekal’	Al-Qurṭubi	Menurut mereka lagi, larangan ini pada <b>pengubahan kekal</b> , barulah ia dikategori sebagai <i>taghyīr khalqillāh</i> . Bagi pengubahan yang sementara seperti perhiasan wanita dan celak, para ulama membenarkannya bagi wanita.
3.	Melihat tujuan seseorang melakukan <i>taghyīr khalqillāh</i>	Al-Rāzī	Al-Ḥasan berkata: Maksud <i>taghyīr</i> adalah menyambung rambut dan mencacah tatu berdasarkan hadis “Allah SWT melaknat perempuan yang menyambung rambut dan mencacah tatu”. Ini kerana, mereka melakukan perkara tersebut <b>untuk melakukan perzinaan</b> .
4.	Melihat kepada pertimbangan <i>maqāṣid</i> sesuatu <i>taghyīr khalqillāh</i> , sama ada memberikan manfaat atau mudarat	Ibn ‘Atīyyah	<p>Menurut majoriti ulama, memandulkan haiwan ternakan adalah dilarang, namun sebahagian pihak mengharuskan pemandulan haiwan ternakan jika boleh memberikan manfaat, sama ada manfaat pada pertambahan lemak atau daging, walaupun ia menyebabkan haiwan tersebut sakit.</p> <p>Pertimbangan <i>maqāṣid</i> di sini adalah antara kesakitan haiwan (<i>mafsadah</i> kepada haiwan) dengan pertambahan daging haiwan (<i>maṣlaḥah</i> kepada manusia).</p> <p>Tafsiran ayat ini adalah setiap <b>pengubahan yang memudarangkan</b> dilarang dan setiap <b>pengubahan yang bermanfaat</b> dibenarkan</p>
5.	Melihat kepada hasil fizikal dari <i>taghyīr khalqillāh</i>	Ibn al-‘Arabī	Semua perbuatan itu <b>menyakiti haiwan</b> dan ia diharamkan, mengharuskan <b>kezaliman</b> dan perbuatan tanpa sebarang justifikasi dan hujah.
		Rashīd Riḍā	Maka, pengubahan yang dilarang adalah <b>pengubahan bentuk</b> ( <i>al-taghyīr al-ṣūri</i> ) kepada bentuk yang lebih hodoh. Buktinya, berkhatan, memakai inai dan memotong kuku dikira sebagai <i>sunnah</i> .

Jadual 2.9 menunjukkan perincian asas konsep *taghyīr khalqillāh*. Asas pertama melihat dari sudut pembahagian *taghyīr khalqillāh* kepada *taghyīr ḥissī* dan *taghyīr ma‘nawī*. Namun, Ibn ‘Atīyyah pula membezakan antara *taghyīr* dan *tabdīl*. Hal ini boleh dilihat dalam kenyataan beliau: “*Tabdīl* dalam ayat tersebut digunakan pada tempat *taghyīr*, walaupun konsep *taghyīr* itu lebih umum dari *tabdīl*”.

Namun pembahagian Ibn ‘Atiyyah ini sekadar melihat sudut perbezaan bahasa kerana tiada perbezaan yang signifikan antara dua perkataan ini. Malah, jika dirujuk semula dalam perbincangan sudut bahasa antara dua perkataan ini, ia merupakan kata seerti dan digunakan untuk menggambarkan satu sama lain. Maka, pengkaji memilih asas pertama sebagai pembahagian *taghyīr khalqillāh* berbanding pembahagian Ibn ‘Atiyyah. Berdasarkan asas ini, empat belas maksud *taghyīr khalqillāh* tersebut boleh dikategorikan di bawah asas ini.

Asas kedua hingga kelima pula melihat *taghyīr* kepada beberapa asas. Menurut pengkaji, asas kedua hingga kelima merupakan sub kepada *taghyīr hissī* kerana *taghyīr ma‘nawī* tidak sesuai dipecahkan kepada dua sub ini. Berikut adalah konsep *taghyīr khalqillāh* mengikut pandangan *mufassirīn* berdasarkan lima asas ini.

Rajah 2.2: Konsep *Taghyīr Khalqillāh* berdasarkan *Mufassirīn*



### 2.3 *Taghyīr Khalqillāh* Menurut *Muḥaddithīn* dan *Fuqaha*

Analisis *muḥaddithīn* akan menyentuh beberapa aspek *taghyīr ḥissī* dan *ma‘nawī* secara ringkas sebelum pengkaji meneruskan perbincangan dengan lebih mendalam mengenai hadis larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ*, *al-washr* atau *al-tafalluj*. Hadis ini akan digunakan sebagai asas pembentukan konsep pandangan *muḥaddithīn* dan fuqaha mengenai *taghyīr khalqillāh*. Ini kerana, huraian terhadap hadis ini lebih banyak dan menyeluruh berbanding hadis lain. Pengkaji membezakan antara *muḥaddithīn* dan fuqaha kerana metodologi yang digunakan oleh dua kumpulan ini mempunyai perbezaan walaupun kedapatan persamaan dalam beberapa perkara. Hal ini boleh dilihat menerusi nukilan perbincangan sesuatu hadis yang ditulis oleh seseorang *muḥaddithīn*. Mereka menukilkan pandangan fiqh dari buku yang ditulis oleh *muḥaddithīn* lain yang hidup sebelumnya walaupun *muḥaddithīn* tersebut menulis buku mengenai fiqh.

Ini kerana, metodologi *muḥaddithīn* ketika membincang sesuatu isu fiqh (*fiqh al-muḥaddithīn*) berbeza dengan metodologi fuqaha (*fiqh al-fuqahā’*) ketika membincangkan isu yang sama. Sebagai contoh, al-Nawawi terkenal sebagai rujukan utama dalam mazhab Syafie dan pandangannya sering menjadi rujukan dalam menentukan pendirian mazhab Syafie. Namun, beliau juga merupakan seorang *muḥaddithīn* yang hebat dan terkenal dengan bukunya *al-Minhāj Sharḥ Saḥīḥ Muslim* yang menghuraikan *Saḥīḥ Muslim*. Para *muḥaddithīn* yang menukilkan pandangan beliau dalam menghuraikan isu fiqh akan merujuk kepada buku *al-Minhāj Sharḥ Saḥīḥ Muslim*<sup>164</sup> ini walaupun beliau menulis banyak buku fiqh yang lain seperti *al-Minhāj*, *Rawḍah al-Tālibīn*, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhaḍhdhab* dan lain-lain yang menjadi rujukan utama dalam mazhab Syafie.

---

<sup>164</sup> Lihat perbincangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dalam *Fatḥ al-Bārī* dan ‘Ali al-Qārī dalam *Mirqāh al-Mafātīh* ketika menghuraikan hadis larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*.

Hakikatnya, *fiqh al-muḥaddithīn* bukan sesuatu yang baru kerana ramai lagi *muḥaddithīn* lain yang mempunyai mazhab tersendiri. Malah, al-Bukhārī sendiri mempunyai mazhab sendiri dan pandangan fiqh beliau boleh dilihat menerusi *tarajum bab*<sup>165</sup> dalam buku *Saḥīḥ Bukhārīnya*<sup>166</sup>. Malah, Ibn Taimiyah turut mengiktiraf keintelektualan al-Bukhārī dan menggelarnya sebagai ‘Imam’ dalam fiqh dan mempunyai keahlian untuk berijtihad<sup>167</sup>. Antara perbezaan ketara bagi *fiqh muḥaddithīn* dan *fiqh fuqahā'* adalah kedalaman perbincangan sesuatu isu fiqh. *Fiqh muḥaddithīn* lebih ringkas berbanding *fiqh fuqahā'* yang mendalam dan melibatkan banyak ramalan atau turut dikenali sebagai *fiqh iftirādī*.

Berdasarkan *takhrij* yang pengkaji susun di Jadual 2.8, terdapat 9 hadis yang digunakan merangkumi 5 maksud *taghyīr khalqillāh*. Pengkaji akan merujuk buku-buku yang mensyarahkan hadis tersebut. Berikut adalah huraihan ringkas bagi setiap hadis tersebut:

### **Hadis 1: Hadis Berkaitan Kelahiran Setiap Manusia Dalam Keadaan Fitrah**

عن أبي هريرة رضي الله عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَإِبْرَاهِيمَ يُهُودَانِهِ وَيُنَصَّرَانِهِ، كَمَا تُولَدُ الْبَهِيمَةُ بَهِيمَةً جَمِيعًا، هَلْ تُحْسِنُونَ فِيهَا مِنْ جَدْعَاءِ؟

Terjemahan: Setiap manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka, ibu bapa yang akan menjadikannya Yahūdī, Naṣrānī atau Majūsī, sama seperti keadaan haiwan normal, adakah kamu mendapatinya melahirkan

<sup>165</sup> Iaitu nama tajuk bagi setiap bab.

<sup>166</sup> ‘Abd al-Majīd Maḥmūd ‘Abd al-Majīd, *Muḥādarāt fī Tārikh al-Fiqh al-Islāmī wa al-Madhāhib al-Fiqhiyyah* (Kaherah: Dār al-Hidāyah, 2011), 27.

<sup>167</sup> Ibn Taimiyah, *Taqiy al-Dīn Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin Taimiyah al-Harānī, Majmu‘ al-Fatāwa*, ed. ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Qāsim (Riyad: Majma‘ al-Malik Faḥd, 1995), 20:40.

haiwan cacat? (maksudnya, haiwan normal akan melahirkan haiwan normal juga)<sup>168</sup>.

Berdasarkan penelitian pada buku yang menghuraikan hadis ini, terdapat beberapa perkara penting yang dibincangkan oleh *muḥaddithīn*. **Pertama**, hadis ini digunakan oleh sebahagian pihak sebagai hujah bahawa kanak-kanak yang dilahirkan dalam keluarga bukan Islam akan dimasukkan ke dalam Syurga jika meninggal dunia sebelum *bāligh* walaupun tidak sempat mengucapkan kalimah *syahādah*<sup>169</sup>. **Kedua**, perkataan (كُلْ) mempunyai dua interpretasi; iaitu (i) maksud umum yang membawa maksud setiap kanak-kanak dilahirkan dalam keadaan fitrah, sama ada dilahirkan dalam keluarga muslim atau sebaliknya, atau (ii) maksud khusus yang hanya melibatkan kanak-kanak yang dilahirkan dalam keluarga bukan muslim<sup>170</sup>.

**Ketiga**, terdapat pelbagai maksud fitrah (الْفَطْرَةِ) di dalam hadis tersebut, antaranya; (i) Islam, (ii) suatu keadaan yang memungkinkan kanak-kanak tersebut mengenali Allah SWT apabila mencapai tahap *ma'rifah*, (iii) keadaan asal (الْخُلُقُ الْأُوَّلِيُّ)

---

<sup>168</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Janā'iz, Bāb Ma Qilāfī Awlād al-Mushrikīn*, no. hadis 1385.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ a-Bukhārī*, 2:100.

<sup>169</sup> Al-Anṣārī, Zakariyyā al-Miṣrī, *Minḥah al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, ed. al-‘Azamī, Sulaymān bin Durai’ (Riyad: Maktabah al-Rusdh, 2005), 3:460-461; dan al-Nawawī, Muhyī al-Dīn Yahyā bin Sharaf bin Murrī, *al-Minhāj fī Sharḥ Saḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj (Sharḥ al-Nawawī ‘alā Muslim)*, eds. (Amman dan Riyad: Beit al-Afkār al-Duwaliyyah, 2000), 1574-1575.

<sup>170</sup> Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Imām Abī ‘Abdillāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-Qādir Shaibah al-Ḥamad (Riyad: Amir Sultān bin ‘Abd al-‘Aziz Alī Su‘ūd, 2001), 3:260, 3:292-295, 10:349-355; dan al-‘Ainī, Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad, *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abdullāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 8:254-259.

yang tidak boleh berubah<sup>171</sup> (iv) bahagia dan derita<sup>172</sup>, (v) menerima atau menolak ketuhanan Allah SWT<sup>173</sup>, (vi) ciptaan asal yang kosong tanpa sebarang ikatan, sama iman atau kufur, dan pemilihan antara dua kepercayaan tersebut selepas *baligh*, (vii) permulaan Islam (*Muqaddimah Islām*), bukan Islam itu sendiri<sup>174</sup>, (viii) ciptaan asal yang bersedia menerima hidayah atau Islam, (ix) dan perkara yang dibolak balik oleh Allah SWT di dalam hati manusia berdasarkan kehendak-Nya<sup>175</sup>.

**Keempat**, maksud *jam‘ā* (جماعاء) adalah haiwan yang sempurna anggota badannya. Ia berasal dari kata kerja (جمع) yang membawa maksud ‘kumpul’ dan

digunakan pada haiwan yang sempurna anggota badannya. Maksud *jad‘ā* (جَدْعَاء) pula

---

<sup>171</sup> Al-Ubbī dan al-Sanūsī menghuraikan ‘keadaan asal yang tidak boleh berubah’ ini sebagai bahagia dan derita.

Lihat: al-Ubbī, Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Khalfah al-Wishtānī, *Ikmāl Ikmāl al-Mu‘lim*, dicetak bersama al-Sanūsī, Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Ḥusainī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 7:90-97

<sup>172</sup> Al-‘Asqalānī menghuraikan maksud ‘bahagia’ sebagai dilahirkan dalam keluarga muslim dan ‘derita’ sebagai dilahirkan dalam keluarga bukan Islam.

Lihat: al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 3:260, 3:292-295, 10:349-355.

<sup>173</sup> Menurut al-‘Asqalānī, sesiapa yang menolak dia akan dibangkitkan dalam keluarga bukan muslim dan sesiapa yang menerima dia akan dibangkitkan dalam keluarga muslim.

Lihat: al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 3:260, 3:292-295, 10:349-355.

<sup>174</sup> Pandangan ini merupakan *tarjīḥ* bagi Anwār al-Kashmīrī.

Lihat: al-Kashmīrī, Muḥammad Anwār, *Fayḍ al-Bārī ‘alā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dicetak bersama al-Mayrtāhī, Muḥammad Badr ‘Ālam, *al-Badr al-Sārī ilā Fayḍ al-Bārī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005), 3:66-71.

<sup>175</sup> Ibn Baṭṭāl, ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Mālik, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*, ed. Yāsir bin Ibrāhīm (Riyad: Maktabah al-Rushd, 2003), 3:366-372; al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 3:260, 3:292-295, 10:349-355; al-Kashmīrī, *Fayḍ al-Bārī*, 3:66-71; al-‘Ainī, ‘Umdah al-Qārī 8:254-259; al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1574-1575; al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr, *al-Daibāj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, ed. al-Athārī, Abū Ishāq al-Huwainī (Riyad: Dār Ibn ‘Affān, 1996), 6:21-25; al-Ubbī dan al-Sanūsī, *Ikmāl Ikmāl al-Mu‘lim* dan *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl*, 7:90-97; al-Qastallānī, Aḥmad bin Muḥammad bin Abū Bakr al-Qutaybī, *Irshād al-Sārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dicetak bersama Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amīriyyah, 1888), 2:470-471; dan al-Qādī ‘Iyād, Abū al-Faḍl ‘Iyād bin Mūsā bin ‘Iyād al-Yahṣabī, *Ikmāl al-Mu‘lim bi Fawā’id Muslim*, ed. Yahyā Ismā‘īl (Mansurah: Dār al-Wafā’, 1998), 8:146-152.

adalah haiwan yang terputus telinganya. Nabi SAW menyamakan (*tashbih* – تَشْبِيهٌ)

haiwan *jad'ā* dengan orang kekal berada dalam kufur sebagai simbolik kepada tindakan mereka yang ‘memekakkan’ telinga dari mendengar kebenaran Islam<sup>176</sup>. Kaedah ini adalah *tashbih al-ma'nawī bi al-hissī*<sup>177</sup>, dan sering digunakan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an<sup>178</sup>. **Kelima**, terdapat pelbagai cara yang dilakukan oleh ibu bapa bagi proses yahudisasi, kritianisasi atau majusisasi. Antaranya, (i) pengajaran atau didikan (التعليمُ),

(ii) galakan (التَّغْيِيبُ) dan (iii) ikutan (التَّبَعُ).

## Hadis 2: Hadis Berkaitan Larangan Mengubah Hukum Allah SWT

عَنْ عَيَاضِ بْنِ حَمَارِ الْمُجَاشِعِيِّ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ ذَاتَ يَوْمٍ فِي خُطْبَتِهِ أَلَا إِنَّ رَبِّيَ أَمْرَنِي أَنْ أُعْلَمُكُمْ مَا جَهَلْتُمْ، مِمَّا عَلِمْنِي يَوْمِي هَذَا، كُلُّ مَالٍ نَحْلَتُهُ عَدَّا حَلَالًّا وَإِنِّي خَلَقْتُ عِبَادِيْ حُنَفَاءَ كُلَّهُمْ، وَإِنَّهُمْ أَتَّهُمُ الشَّيَاطِينَ فَاجْتَأْتُهُمْ عَنِ دِينِهِمْ وَحَرَمْتُ عَلَيْهِمْ مَا أَحَلْتُ لَهُمْ وَأَمْرَتُهُمْ أَنْ لَا يُشْرِكُوا بِيْ مَا لَمْ أَنْزَلْ بِهِ سُلْطَانًا

Terjemahan: Dari 'Iyād bin Ḥimār al-Mujāshi'i, pada suatu hari, Rasulullah SAW berkhutbah: Sesungguhnya tuhanku menyuruhku mengajar kamu perkara yang kamu tidak tahu, antara perkara yang diajarkan adalah setiap harta yang Aku berikan kepada hamba-Ku adalah halal. Aku mencipta hamba-Ku dalam keadaan *hanif* lalu syaitan datang

<sup>176</sup> Al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 3:260, 3:292-295, 10:349-355; al-'Ainī, 'Umdah al-Qārī, 8:254-259; al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1574-1575.

<sup>177</sup> Iaitu menyamakan perkara metafizikal dengan unsur fizikal yang boleh dirasa dan disentuh. Sebahagian pakar Bahasa Arab kontemporari menggunakan istilah *al-tajsīd* atau *tashbih al-ma'qūl bi al-maḥṣūs* dan menyamakan kaedah ini dengan kaedah *prosopopoeia* yang digunakan dalam Bahasa Inggeris.

Lihat: Fādil 'Abbūd al-Tamīmī, *al-Tajsīd fī al-Dars al-Balāghī wa al-Naqd 'inda al-'Arab* dalam *Majallah al-Fatḥ*, bil. 29 (2007); 'Abd al-Qādir Ḥusain, *al-Qur'ān wa Ṣūrah al-Bayāniyyah* (Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1985), 54-56.

<sup>178</sup> Sebagai contoh, boleh rujuk surah al-Nūr: 39, Ibrāhīm: 18, al-A'rāf: 175-176; al-Rā'd: 14 dan lain-lain.

meringan-ringankan agama mereka<sup>179</sup>. Syaitan mengharamkan perkara yang Aku telah benarkan kepada mereka. Syaitan juga menyuruh mereka mensyirikkan aku dengan perkara yang tidak pernah Aku perintahkan<sup>180</sup>.

Hadis ini menjelaskan bahawa manusia diciptakan dalam keadaan *ḥanīf*. Para ulama berbeza pendapat dalam menentukan maksud *ḥanīf*, antaranya; (i) Islam, (ii) suci dari dosa, (iii) bersedia menerima hidayah, (iv) janji yang dibuat dengan Allah SWT ketika masih berada di alam ruh dan (v) fitrah<sup>181</sup>. Maka, hadis ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan hadis “setiap manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah” dan menjelaskan maksud yang sama. Namun, jika diteliti pada teks hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasā’ī, terdapat pertambahan teks iaitu (وَأَمْرُهُمْ أَنْ يَغْيِرُوا حَلْقَيْهِمْ)).

Berkemungkinan, *taghyīr khalqillāh* yang dimaksudkan dalam hadis ini merupakan *taghyīr ma‘nawī* berdasarkan perbincangan di dalam hadis tersebut yang menjelaskan hasutan syaitan untuk menyesatkan manusia supaya mengubah agama dan hukum Allah SWT.

Hal ini berbeza dengan *taghyīr khalqillāh* dalam surah al-Nisā’, ayat 119 yang merangkumi *taghyīr ma‘nawī* dan *taghyīr ḥissī* kerana ayat tersebut membincangkan

<sup>179</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1665-1667.

<sup>180</sup> Hadis diriwayatkan oleh Muslim dalam *Kitāb al-Jannah wa Ṣifāt Na‘imihā wa Ahl-hā*, *Bāb al-Ṣifāt allatī Yu‘raf bi-hāfi al-Dunyā Ahl al-Jannah wa Ahl al-Nār*, no. hadis 2865.

Lihat: Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4:2197.

<sup>181</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1665-1667; al-Sindī, Nūr al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Hādī, *Hāshiyah Musnad al-Imām Aḥmad*, ed. Nūr al-Dīn Tālib (Qatar: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Qatar, 2008), 3:387, 6:47-48, 14:483; al-Qanūjī, Ṣiddīq bin Ḥasan Khān al-Ḥusainī al-Bukhārī, *al-Sirāj al-Wahhāj min Kashf Maṭālib Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. ‘Abd al-Tawwāb Haikal (Doha: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam, 1994), 11:197-205; al-Sā’atī, Aḥmad ‘Abd al-Rahmān al-Bannā, *al-Fatḥ al-Rabbānī li Tartīb Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal al-Shaibānī* dan *Bulūgh al-Amānī min Asrār al-Fatḥ al-Rabbānī*, dicetak bersama Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Qawl al-Musaddad fī al-Dhab ‘an Musnad al-Imām Aḥmad* (Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 21:271; al-Qāḍī ‘Iyād, *Ikmāl al-Mu’lim*, 8:394-399; dan al-Suyūṭī, *al-Daibāj*, 6:199-205.

tipudaya syaitan yang ingin menyesatkan manusia dan menyuruh manusia memotong telinga haiwan<sup>182</sup>.

### Hadis 3: Hadis Berkaitan Larangan Mengkasi Haiwan

عَنْ أَبْنَىٰ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: نَهَىٰ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْخَصَائِصِ الْحَيْلِيِّ وَالْبَهَائِيِّ، وَقَالَ أَبْنُ عُمَرَ: فِيهَا تَمَاءُ الْخَلْقِ.

Terjemahan: Ibn ‘Umar RA berkata: Rasulullah SAW melarang dari mengkasi kuda dan haiwan ternakan. Beliau berkata: Padanya (anggota kelamin haiwan) ada perkembangan makhluk<sup>183</sup>.

Menurut Imam Mālik, Ibn al-‘Arabī dan al-Sindī, hadis ini tidak bersifat mutlak dengan melarang tindakan mengkasi haiwan secara total, sebaliknya larangan ini bergantung kepada **hasil** proses pengkasan tersebut. Pengkasan haiwan dibenarkan jika memberikan manfaat, lebih-lebih lagi jika ia mampu menggemukkan haiwan dan menjadikan daging lebih baik<sup>184</sup>.

Selain itu, aspek pertimbangan *maqāṣid* turut diambil kira dalam keharusan mengkasi haiwan ini. Pertimbangan *maqāṣid* di sini melibatkan penilaian antara *maslahah* kepada manusia menerusi pertambahan daging haiwan dan *mafṣadah* kepada haiwan tersebut kerana menyakitinya.

### Hadis 4: Berbuat Baik Kepada Makhluk Lain

عَنْ أَبِي الْأَحْوَصِ، عَنْ أَبِيهِ قَالَ: أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ (ص) وَأَنَا فَشِيفُ الْهَيْئَةِ، قَالَ: ((هَلْ لَكَ مِنْ مَالٍ؟)). قَالَ: قَلْتُ: نَعَمْ. قَالَ: ((مِنْ أَيِّ الْمَالِ؟)). قَلْتُ: مِنْ

<sup>182</sup> Ibid.

<sup>183</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Baihaqī dalam *Kitāb al-Sabq wa al-Ramy, Bāb Karāhiyah Khiṣā’ al-Bahā’im*, no. hadis 19794-19795.

Lihat: al-Baihaqī, Abū Bakr Ahmad bin al-Husain bin ‘Alī, *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 10:40-42.

<sup>184</sup> Al-Sā‘atī, *Fatḥ al-Rabbānī*, 14:135-136; al-Sindī, *Ḩāshiyah Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, 4:50; dan Ibn al-‘Arabī, Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abdullah bin al-‘Arabī al-Mu‘afirī, *al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik*, ed. al-Sulaymānī, Muḥammad bin al-Ḥusain dan ‘Āishah binti al-Ḥusain (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2007), 7:481-482.

كُلُّ الْمَالِ، مِنَ الْخَيْلِ وَالإِبْلِ وَالرَّقِيقِ – قَالَ أَبُو الْوَلِيدُ : وَالغُنْمُ – قَالَ : ((فَإِذَا آتَاكَ اللَّهُ مَالًا، فَلَيْسَ عَلَيْكَ أَثْرٌ)). ثُمَّ قَالَ : ((هَلْ تُنْتَجُ إِبْلٌ قَوْمَكَ صِحَاحًا آذَانُهَا، فَتَعْمَدُ إِلَى مُوسَى، فَتَسْقُطُ جُلُودُهَا وَتَقُولُ : هَذِهِ صُرُمٌ، لَتُحَرِّمُهَا عَلَيْكَ وَعَلَى أَهْلِكَ؟)). قَالَ : قَلْتُ : أَجَلُ. قَالَ : ((فَكُلُّ مَا آتَاكَ اللَّهُ حِلٌّ، وَمُوسَى اللَّهِ أَحَدٌ مِنْ مُوسَاكَ، وَسَاعِدُ اللَّهِ أَشَدُ مِنْ سَاعِدِكَ)). قَالَ : قَلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَرَأَيْتَ رِجَالًا نَزَلتْ بِهِ، فَلَمْ يَقُرِّنِي، ثُمَّ نَزَلْ بِي، فَأَقْرِبَهُ أَمْ أَكَافِعَهُ؟ فَقَالَ : ((بَلْ أَقْرِبُهُ)).

Terjemahan: Dari Abū al-Āḥwāṣ, dari bapanya berkata: Saya berjumpa dengan Nabi SAW dalam keadaan tidak terurus, lalu baginda SAW bertanya: “Adakah kamu mempunyai harta?” Saya menjawab: Ada. Tanya beliau lagi: “Harta yang mana?” Jawabku: Semua harta, terdiri dari kuda, lembu, hamba dan kambing. Kemudian, beliau menegur: “Jika Allah SWT telah memberikan kamu harta, maka perlihatkanlah kesan nikmat tersebut”. Beliau bertanya lagi: “Adakah kamu pernah dikurniakan unta yang sempurna telinga, lalu kamu memotong telinga dan melapah kulitnya supaya kamu dan keluarga kamu tidak memanfaatkan haiwan tersebut?” Saya menjawab: Ada. Lantas beliau bersabda: “Setiap perkara yang diberikan oleh Allah SWT kepada kamu adalah halal. Pisau Allah lebih tajam dari pisau kamu<sup>185</sup>, pembantu Allah lebih hebat dari pembantu kamu<sup>186</sup>”. Saya bertanya pula: Wahai Rasulullah, apa pendapat kamu mengenai lelaki yang saya ziarahi tetapi tidak melayanku dengan baik sebagai tetamu, tetapi apabila dia menziarahiku pula, adakah saya perlu melayannya atau membiarkannya? Jawab Nabi SAW: “Kamu perlu melayannya (sebagai tetamu)”<sup>187</sup>.

Hadis ini lebih banyak menyentuh aspek kebersihan dan berbuat baik kepada manusia, berbanding perbincangan mengenai *taghyīr khallqillāh*. Hal ini boleh dilihat menerusi tindakan Abū Dāwūd yang meletakkan hadis ini di dalam ‘Bab Membasuh

<sup>185</sup> Maksudnya, pemotongan Allah lebih cepat dari pemotongan kamu.

<sup>186</sup> Maksudnya, kuasa, kekuatan dan pelaksanaan Allah mengatasi kekuatan kamu.

<sup>187</sup> Hadis diriwayatkan oleh Aḥmad dalam *Musnad al-Makkīyīn*, *Hadīth Mālik bin Nadrah Abū Abī al-Āḥwas*.

Menurut al-Arnā’ut, hadis ini dinilai *saḥīḥ* berdasarkan syarat Muslim.

Lihat: Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, 25:223-224.

Pakaian’ (باب في الخلقان وفي غسل الثوب) dan al-Tirmidhī yang meletakkan hadis ini di dalam ‘Bab Berbuat Baik dan Memaafkan’ (باب ما جاء في الإحسان والعنف). Oleh sebab itu, pengkaji tidak menjumpai huraian *muḥaddithīn* terhadap hadis ini yang membincangkan tentang *taghyīr khalqillāh*<sup>188</sup>, sama ada aspek *taghyīr ḥissī* atau *taghyīr ma‘nawī*.

### **Hadis 5: Hadis Berkaitan Larangan *Al-Wasd*, *Al-Washm*, *Al-Namṣ*, *Al-Washr* Atau *Al-Tafalluj***

Hadis ini akan dijadikan sebagai asas pembentukan konsep *taghyīr khalqillāh* yang memfokuskan kepada *taghyīr ḥissī*. Berdasarkan penelitian pengkaji dalam buku hadis, hadis ini diriwayatkan oleh 7 orang perawi dari kalangan sahabat iaitu Abū Hurairah, Ibn ‘Abbās, Ibn Mas‘ūd, Ibn ‘Umar, Ma‘qil bin Yasār, Jābir bin ‘Abdullāh, Mu‘āwiyah bin Abū Sufyān dan 2 orang perawi dari kalangan sahabah iaitu ‘Āishah binti Abū Bakr dan Asmā’ binti Abū Bakr.

Terdapat teks hadis yang diriwayatkan bersama keterangan lain seperti peristiwa berkaitan sebelum hadis tersebut disebutkan oleh perawi sahabat atau huraian tertentu seperti penjelasan terhadap perkataan dalam teks hadis tersebut. Namun, terdapat juga hadis yang diriwayatkan tanpa sebarang keterangan tambahan. Keterangan tambahan ini penting khususnya dalam proses memahami teks hadis tersebut. Berikut pengkaji senaraikan hadis tersebut berdasarkan perawi sahabat diikuti perawi sahabah:

#### **Hadis 5.1: Hadis Abū Hurairah**

((لَعْنَ اللَّهِ الْوَاصِلَةَ وَالْمُسْتَوْصِلَةَ ، وَالْوَاشِمَةَ وَالْمُسْتَوْشِمَةَ))

<sup>188</sup> Antara buku syarah hadis yang telah dirujuk adalah *Badhl al-Majhūd* oleh al-Saharanfūrī, ‘Awn al-*Ma‘būd* oleh Ābādī, ‘Āriḍah al-Āḥwadhī oleh Ibn al-‘Arabī, *Hāshiyah Musnad al-Imām Aḥmad* oleh al-Sindī, *Tuḥfah al-Āḥwadhī al-Mubarakfūrī*, *Ma‘ālim al-Sunan* oleh al-Khaṭṭābī dan *Fatḥ al-Rabbānī* oleh al-Sā‘atī.

Terjemahan: Allah SWT melaknat perempuan yang menyambung rambut, perempuan yang meminta disambung rambut, perempuan yang mencacah tatu dan perempuan yang meminta dicacah tatu<sup>189</sup>.

### **Hadis 5.2: Hadis ‘Abdullāh bin ‘Abbās**

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَنَ الْوَاصِلَةِ وَالْمَوْصُولَةِ وَالْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ  
بِالنِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ.

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat perempuan yang menyambung rambut, perempuan meminta disambung rambut, lelaki yang menyerupai wanita dan perempuan yang menyerupai lelaki<sup>190</sup>.

### **Hadis 5.3: Hadis ‘Abdullāh bin ‘Umar**

لَعْنَ اللَّهِ الْوَاصِلَةِ وَالْمُسْتَوْصِلَةِ وَالْوَاشِمَةِ وَالْمُسْتَوْشِمَةِ.

Terjemahan: Allah SWT melaknat perempuan yang menyambung rambut, perempuan yang meminta disambung rambut, perempuan yang mencacah tatu dan perempuan yang meminta dicacah tatu<sup>191</sup>.

### **Hadis 5.4: Hadis ‘Abdullāh bin Mas‘ūd**

لَعْنَ اللَّهِ الْوَاصِلَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ ، وَالنَّامِصَاتِ وَالْمُتَنَمِّصَاتِ ، وَالْمُتَفَلِّجَاتِ  
لِلْحُسْنِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقَ اللَّهِ . قَالَ فِيْلَغُ ذَلِكَ امْرَأَةٌ مِنْ بَنِي أَسْدٍ . يَقَالُ لَهَا: أَمْ يَعْقُوبَ.  
وَكَانَتْ تَقْرَأُ الْقُرْآنَ . فَأَتَتْهُ فَقَالَتْ: مَا حَدِيثُ بَلْغَنِي عَنْكِ؟ أَنْكَ لَعْنَتِ الْوَاصِلَاتِ  
وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ وَالْمُتَنَمِّصَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقَ اللَّهِ . فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ:  
وَمَا لِي لَا لَعْنُ مِنْ لَعْنِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ وَهُوَ فِي كِتَابِ اللَّهِ . فَقَالَتِ  
الْمَرْأَةُ: لَقَدْ قَرَأْتُ مَا بَيْنَ لَوْحَيِ الْمَصْفُوفَ فَمَا وَجَدْتُهُ فَقَالَ: لَعْنَ كَنْتِ قَرَأْتِهِ لَقَدْ  
وَجَدْتَهُ . قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: <<وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا>>.

<sup>189</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Libās, Bāb Waṣl al-Shi‘r*, no. hadis 5933.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 7:165.

<sup>190</sup> Diriwayatkan oleh Aḥmad dalam *Musnad Bani Hāshim, Musnad ‘Abdullāh bin ‘Abbās*, no. hadis 3059.

Hadis ini dinilai *sahīḥ* oleh al-Arnā’ūt, tetapi *sanad* hadis ini *da’if* disebabkan kewujudan perawi bernama Ibn Lahī‘ah, manakala baki perawi *sanad* ini *thiqah*.

Lihat: Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, 5:177.

<sup>191</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Libās, Bāb Waṣl al-Shi‘r*, no. hadis 5937.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 7:165.

فقالت المرأةُ: فِإِنِي أَرَى شَيْئاً مِّنْ هَذَا عَلَى امْرأَتِكَ الْآنَ. قَالَ: اذْهَبِي فَانظُرِي. قَالَ فَدَخَلَتْ عَلَى امْرَأَةٍ عَبْدِ اللَّهِ فَلَمْ تَرْ شَيْئاً. فَجَاءَتْ إِلَيْهِ فَقَالَتْ: مَا رَأَيْتُ شَيْئاً. قَالَ: أَمَا لَوْ كَانَ ذَلِكَ, لَمْ نَجِمْعَهَا. وَفِي رَوَايَةٍ: الْوَاسِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشَمَاتِ. وَفِي رَوَايَةٍ الْوَاسِمَاتِ وَالْمُوْشَمَاتِ.

Terjemahan: “Allah SWT melaknat perempuan yang mencacah tatu, perempuan yang meminta dicacah tatu, perempuan yang mencukur bulu kening, perempuan yang meminta dicukur bulu muka<sup>192</sup> dan perempuan yang menjarakkan gigi untuk kecantikan kerana ia mengubah ciptaan Allah SWT”. Hadis ini sampai kepada seorang wanita dari Bani Asad bernama Ummu Ya‘qūb. Ketika itu beliau sedang membaca al-Qur’ān. Lantas beliau pergi menemui Ibn Mas‘ūd dan bertanya: “Adakah benar hadis yang sampai kepadaku bahawa engkau melaknat perempuan yang mencacah tatu, perempuan yang meminta dicacah tatu, perempuan yang mencukur bulu muka, perempuan yang meminta dicukur bulu muka<sup>193</sup> dan perempuan yang menjarakkan gigi untuk kecantikan kerana ia mengubah ciptaan Allah SWT”. Jawab ‘Abdullāh: “Aku melaknat orang yang dilaknat oleh Rasulullah SAW, sedangkan (arahan) ini ada dalam al-Qur’ān”. Wanita itu bertanya lagi: “Aku juga membaca al-Qur’ān tetapi tidak menemuinya (arahan tersebut)”. Jawab ‘Abdullāh: “Jika engkau membacanya semula, nescaya engkau akan menjumpainya. Firman Allah SWT: Apa sahaja yang disuruh oleh Rasulullah SAW, maka terimalah dan apa sahaja yang dilarang oleh Rasulullah maka jauhilah”. Jawab wanita tersebut: “Aku lihat kesan dari perbuatan ini pada isteri engkau sekarang”. ‘Abdullāh menyuruh: “Masuklah dan lihatlah sendiri”. Lalu wanita tersebut masuk menemui isteri ‘Abdullāh tetapi dia tidak menemui apa-apa pun. Wanita tersebut menemui ‘Abdullāh semula dan memberitahu: “Aku tidak menemui apa-apa pun”. Kemudian, ‘Abdullāh berkata: “Jika ia dilakukan oleh isteriku, aku tidak akan bersamanya”<sup>194</sup>.

<sup>192</sup> Sebahagian pihak menterjemah dengan ‘mencukur bulu kening’.

<sup>193</sup> Sebahagian pihak menterjemah dengan ‘mencukur bulu kening’.

<sup>194</sup> Sama ada maksudnya; “aku tidak akan menyetubuhinya” atau “aku akan menceraikannya”.

Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Libās, Bāb al-Mufallijāt li al-Husn*, no. hadis 5931.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 7:164.

Dalam riwayat ‘Abdullāh bin Mas‘ūd yang lain, terdapat tambahan pada teks hadis yang mengecualikan rawatan dari larangan tersebut, di samping larangan *al-wāshirah* berbanding *al-mutafallijāt*.

قالَ فِيْنِيْ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَىَ عَنِ النَّامِصَةِ وَالْوَاشِرَةِ وَالْوَاصِلَةِ  
وَالْوَاسِمَةِ إِلَّا مِنْ دَاءِ.

Terjemahan: ‘Abdullāh bin Mas‘ūd berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW melaknat perempuan yang mencukur bulu muka, meratakan gigi, menyambung rambut dan mencacah tatu, melainkan dengan tujuan rawatan<sup>195</sup>.

#### **Hadis 5.5: Hadis Jābir bin ‘Abdullāh**

أَنَّ أَبَا زُبِيرًّا سَمِعَ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ : زَجَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَصِلِّ  
الْمَرْأَةُ بِرَأْسِهَا شَيْئًا .

Terjemahan: Abū Zubair mendengar Jābir bin ‘Abdullāh berkata: Rasulullah SAW mengancam perempuan yang menyambung rambut dengan apa jua bahan<sup>196</sup>.

#### **Hadis 5.6: Hadis Mu‘āwiyah bin Abū Sufyān**

أَنَّ مُعاوِيَةَ قَالَ ذَاتَ يَوْمٍ : إِنَّكُمْ قَدْ أَحْدَثْتُمْ زَيْرَ سُوءٍ وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
نَهَىَ عَنِ الرُّورِ . قَالَ : وَجَاءَ رَجُلٌ بِعَصَانِيَ رَأْسِهَا خَرْقَةً . قَالَ مُعاوِيَةُ : أَلَا وَهَذَا الزُّورُ .  
قَالَ قَتَادَةُ : يَعْنِي مَا يُكْثِرُ بِهِ النِّسَاءُ أَشْعَارَهُنَّ مِنَ الْخِرْقِ .

Terjemahan: Pada suatu hari, Mu‘āwiyah berkata: “Sesungguhnya kamu telah mereka ‘pakaian buruk’, sedangkan Nabi SAW melarang dari

<sup>195</sup> Diriwayatkan oleh Aḥmad dalam *Musnad al-Mukthirīn min al-Šaḥābah*, *Musnad ‘Abdullāh bin Mas‘ūd*, no. hadis 3059.

*Sanad* hadis ini dinilai kuat oleh al-Arna’ūṭ walaupun terdapat kritikan ringan pada perawi hadis ini iaitu ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Aṭā’.

Lihat: Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, 7:58.

<sup>196</sup> Diriwayatkan oleh Aḥmad dalam *Musnad al-Mukthirīn min al-Šaḥābah*, *Musnad Jābir bin ‘Abdullāh*, no. hadis 14155.

Hadis ini dinilai *sahīḥ* oleh al-Arna’ūṭ berdasarkan syarat Muslim.

Lihat: Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, 22:60.

penipuan. Lalu, seorang lelaki telah datang membawa rambut palsu yang diletakkan di hujung tongkat. Mu‘awiyah memberitahu: “Inilah penipuan”. Qatādah menghuraikan: “Maksud ‘penipuan’ adalah rambut palsu yang dipakai oleh para wanita untuk menunjukkan rambut mereka banyak<sup>197</sup>.

### **Hadis 5.7: Hadis Ma‘qil bin Yasār**

أَنَّ رَجُلًا مِنَ الْأَنْصَارِ تَزَوَّجَ امْرَأَةً فَسَقَطَ شِعْرُهَا فَسُعِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْوِصَالِ، فَلَعْنَ الْوَاصِلَةِ وَالْمُوْصُولَةِ.

Terjemahan: Seorang lelaki Anṣār akan mengahwini seorang wanita yang mengalami keguguran rambut. Lelaki tersebut bertanya kepada Nabi SAW mengenai hukum menyambung rambut tetapi Rasulullah SAW melarangnya<sup>198</sup>.

### **Hadis 5.8: Hadis ‘Āishah binti Abū Bakr**

إِنَّ امْرَأَةً أَتَتْهَا فَقَالَتْ: إِنَّ ابْنَتِي عَرْوَسٌ مَرَضَتْ فَتَمَرَّقَ شِعْرُهَا، أَفَأَصِلُّ فِيهِ فَقَالَتْ: لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْوَاصِلَةِ وَالْمُسْتَوْصِلَةِ، أَوْ قَالَتْ: الْوَاصِلَةِ.

Terjemahan: Seorang wanita bertemu dengan ‘Āishah dan bertanya: “Anak perempuanku akan berkahwin tetapi mengalami keguguran rambut, adakah dibenarkan untuk aku menyambung rambutnya?”. Jawab ‘Āishah: “Rasulullah SAW melaknat perempuan yang menyambung rambut dan perempuan yang meminta disambung rambut”, atau dia berkata: “Perempuan yang menyambung rambut” (sahaja)<sup>199</sup>.

<sup>197</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Libās, Bāb Waṣl al-Shi‘r*, no. hadis 5932 dan 5938.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 7:165.

<sup>198</sup> Diriwayatkan oleh Aḥmad dalam *Musnad al-Baṣāriyyīn, Ḥadīth Ma‘qil bin Yasār*, no. hadis 20296.

Hadis ini dinilai *saḥīḥ li ghayri-hi* oleh al-Arna’ūt berdasarkan syarat Muslim.

Lihat: Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, 33:414.

<sup>199</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Libās, Bāb Waṣl al-Shi‘r*, no. hadis 5934.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 7:165.

## **Hadis 5.9: Hadis Asmā' binti Abū Bakr**

جَاءَتْ امْرَأَةٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ لِي ابْنَةً عَرِيبَسًا أَصَابَتْهَا حَصْبَةً، فَتَمَرَّقَ شَعْرُهَا، أَفَأَصْلُهُ؟ فَقَالَ: لَعَنَ اللَّهِ الْوَاصِلَةُ وَالْمُسْتَوْصِلَةُ.

Terjemahan: Seorang wanita bertemu dengan Nabi SAW dan bertanya: “Wahai Rasulullah, anak perempuanku akan berkahwin tetapi dia mengalami keguguran rambut, adakah aku dibenarkan menyambung rambutnya?”. Jawab Nabi SAW: Allah SWT melaknat perempuan yang menyambung rambut dan perempuan yang meminta disambung rambut<sup>200</sup>.

Berdasarkan sembilan hadis ini, pengkaji akan melihat beberapa isi penting perbincangan mengenai hadis tersebut, iaitu; (i) definisi *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*; (ii) pandangan para ulama mengenai kempat-empat perbuatan tersebut termasuklah mentaqyidkan ‘*umūm* hadis tersebut atau sebaliknya; (iii) menentukan ‘*illah* larangan setiap perbuatan tersebut menerusi teks huriaian *muḥaddithīn* di samping *ijtihād* para fuqaha mengenai ‘*illah* larangan sesuatu perbuatan.

### **2.3.1 Pertama: Definisi *al-Waṣl*, *al-Washm*, *al-Namṣ* dan *al-Tafalluj***

Definisi keempat-empat perbuatan ini disebutkan dalam kebanyakan buku syarah hadis namun kebanyakannya membawa maksud yang sama. Maka, pengkaji akan mengambil definisi terawal yang diberikan bagi perbuatan tersebut. Abū Dāwūd (w.275H) merupakan *muḥaddithīn* terawal yang memberikan maksud perbuatan tersebut. Malah, *muḥaddithīn* lain yang menulis buku utama hadis seperti al-Bukhārī dan Muslim turut tidak menyebutkan definisi ini. Namun, definisi beliau terhad kepada tiga perbuatan sahaja iaitu *al-wāṣilah*, *al-wāshimah* dan *al-nāniṣah*. Definisi *al-mutafallijāt* tidak disebutkan oleh beliau. Berikut adalah definisi yang diberikan oleh Abū Dāwūd:

---

<sup>200</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Libās*, *Bāb Waṣl al-Shi'r*, no. hadis 5935-5936.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 7:165.

الْوَاصِلَةُ: الَّتِي تَصِلُ الشِّعْرَ بِشِعْرِ النِّسَاءِ

*Al-Wāsilah*: Wanita yang menyambung rambut dengan rambut wanita lain<sup>201</sup>.

النَّامِصَةُ: الَّتِي تَنْقُشُ الْحَاجِبَ حَتَّى تُرَقَّ

*Al-Nāmisah*: Wanita yang menipiskan bulu kening<sup>202</sup>.

الْوَاشِمَةُ: الَّتِي تَجْعَلُ الْخَيْلَانَ فِي وَجْهِهَا بِكُحْلٍ أَوْ مِدَادٍ

*Al-Wāshimah*: Wanita yang membuat gambaran (tatu) di muka dengan celak atau dakwat<sup>203</sup>.

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Abū Dāwūd, pengkaji mendapati definisi yang dibuat oleh beliau menggambarkan pandangan peribadi beliau. Definisi *al-wāsilah* menunjukkan beliau telah mengikat (*taqyīd*) larangan menyambung rambut dengan rambut wanita sahaja. Hal ini seolah-olah satu pandangan beliau bahawa larangan Nabi SAW dalam hadis tersebut terhad pada menyambung rambut wanita sahaja, bukan rambut lelaki atau bulu haiwan. Al-Khaṭṭābī (w.388H) telah memberikan definisi yang lebih mendalam ketika menghuraikan hadis Abu Dāwūd ini. Menurut beliau, *al-wāsilah* adalah wanita yang menyambung rambut dengan rambut wanita lain supaya rambutnya kelihatan panjang dan menyebabkan orang lain menyangka rambut *al-wāsl* tersebut adalah rambut asal. Ia dilakukan oleh wanita yang rambut nipis atau wanita berambut perang yang menyambung rambutnya dengan rambut hitam<sup>204</sup>. Definisi yang diberikan oleh Abū

---

<sup>201</sup> Abū Dāwūd, Sulaimān bin al-Ash‘ath al-Sijistānī al-Azdī, *Sunan Abī Dāwūd*, dicetak bersama al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan*, ed. ‘Izzat ‘Ubaid al-Da‘ās dan ‘Ādil al-Sayyid (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1997), 4:256.

<sup>202</sup> Ibid.

<sup>203</sup> Ibid.

<sup>204</sup> Ibid.

[والوصلات : هن اللواتي يصلن شعورهن بشعور غيرهن من النساء بيردُن بذلك طول الشعر، يوهمن أن ذلك من أصل شعورهن، فقد تكون المرأة زعاء قليلة الشعر، أو يكون شعرها أصهب، فتصل شعرها بشعر أسود فيكون ذلك زوراً وكذباً، فنهى عنه]

Dāwūd dan al-Khaṭṭābī telah menjadi rujukan majoriti *muḥaddithīn* yang menghuraikan hadis ini seperti al-Baghawī (w.516H)<sup>205</sup>, Ibn al-‘Arabī (w.543H)<sup>206</sup>, al-Qurtubī (w.656H)<sup>207</sup>, al-Nawawī (w.676H)<sup>208</sup>, al-Kirmānī (w.786H)<sup>209</sup>, al-‘Asqalānī (w.852H)<sup>210</sup>, al-‘Ainī (w.855H)<sup>211</sup> dan al-Sindī (w.1138H)<sup>212</sup>. Namun, al-Sindi menambah satu lagi *taqyīd* iaitu ‘wanita yang menyambung rambut dengan rambut sendiri atau orang lain’, berbanding *muḥaddithīn* lain yang sekadar mengikat (*taqyīd*) dengan ‘rambut wanita lain’ sahaja<sup>213</sup>.

Definisi *al-nāniṣah* yang diberikan oleh Abū Dāwūd menunjukkan beliau menghadkan larangan pada bulu keping sahaja, bukan bulu di muka secara keseluruhan atau bulu di bahagian atas muka (dahi). Definisi yang dikemukakan oleh beliau ini turut menjadi pilihan *muḥaddithīn* lain seperti al-‘Asqalānī<sup>214</sup> dan majoriti al-Shāfi‘iyyah<sup>215</sup>. Namun, al-Khaṭṭābī memberikan definisi yang berbeza daripada Abū Dāwūd kerana

<sup>205</sup> Al-Baghawī, al-Ḥusain bin Mas‘ūd, *Sharḥ al-Sunnah*, ed. Shu‘aib al-Arnā’ut (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1983), 12:105.

<sup>206</sup> Ibn al-‘Arabī, Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Muḥammad al-Ma‘afirī, ‘Āriḍah al-Āḥwadhi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 7:262-263.

<sup>207</sup> Al-Qurtubī, Aḥmad bin ‘Umar bin Ibrāhīm, *al-Muḥim li-mā Ashkal min Talkhīṣ Kitāb Muslim*, eds. al-Sayyid dan Bazzāl, Aḥmad Muḥammad dan Maḥmud Ibrāhīm (Damshik: Dār Ibn Kathīr dan Dār al-Kalim al-Tayyib, 1996), 5:444-447.

<sup>208</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1338-1341.

<sup>209</sup> Al-Kirmānī, Muḥammad bin Yūsuf bin ‘Alī bin Sa‘īd, *al-Kawākib al-Darārī* (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī bi Sharḥ al-Karmānī*), (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1981), 21:126-133.

<sup>210</sup> Al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 10:384-393.

<sup>211</sup> Al-‘Ainī, ‘Umdah al-Qārī, 22:97-107.

<sup>212</sup> Al-Sindī, *Hāshiyah Musnad*, 6:47; dan al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, dicetak bersama al-Suyūṭī, *Sharḥ al-Suyūṭī* dan al-Sindī, *Hāshiyah al-Sindī*, eds. Maktab Taḥqīq al-Turāth al-Islāmī (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.), 7:521.

<sup>213</sup> Al-Sindī berkata:

[الواصلة هي التي تصل الشعر بشعر آخر سواء تصل بشعرها أو شعر غيرها]

<sup>214</sup> Al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 10:390. Beliau menambah, kebanyakan wanita yang mencacah tatu akan menulis nama kekasih, melukis ukiran bergambar atau bulatan.

<sup>215</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1339.

beliau meluaskan skop larangan *al-namṣ* pada bahagian atas muka, termasuk dahi. Jadi, beliau tidak menghadkan larangan *al-namṣ* pada bulu kening sahaja. Definisi beliau turut dipersetujui oleh *muḥaddithīn* lain seperti al-Qāḍī ‘Iyād (w.544H)<sup>216</sup>, al-Qurṭubī (w.656H)<sup>217</sup>, al-Nawawī (w.676H)<sup>218</sup>, al-Kirmānī (w.786H)<sup>219</sup> dan al-‘Ainī (w.855H)<sup>220</sup>, al-Suyūṭī (w.911H)<sup>221</sup> dan al-Qaṣṭallānī (w.923H)<sup>222</sup>.

Definisi *al-wāshimah* oleh Abū Dāwūd menggambarkan larangan mencacah tatu di muka sahaja kerana beliau menghadkan kawasan tatu pada muka. Seolah-olah beliau berpendapat larangan mencacah tatu hanyalah pada muka sahaja dan mencacah tatu di bahagian lain badan dibenarkan. Namun, al-‘Asqalānī menyebutkan bahawa tindakan Abū Dāwūd tersebut kerana muka adalah adalah kawasan yang sering dilukis tatu. Jadi, perkataan ‘muka’ dalam definisi tersebut bukanlah *taqyīd* kepada larangan *al-waṣl*, sebaliknya merangkumi larangan mencacah tatu di bahagian lain badan<sup>223</sup>. Maka, beberapa ulama lain yang mendefinisikan *al-wāshimah* telah menambah anggota badan lain bagi menggambarkan perbuatan *al-washm*, antaranya al-Khaṭṭābī yang menambah bahagian pergelangan tangan<sup>224</sup>, al-Bājī (w.494H) menambah lengan dan dada<sup>225</sup>, Ibn

<sup>216</sup> Al-Qāḍī ‘Iyād, *Ikmāl al-Mu‘lim*, 6:654.

<sup>217</sup> Al-Qurṭubī, *al-Mufhim*, 5:444.

<sup>218</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1339.

<sup>219</sup> Al-Kirmānī, *al-Bukhārī bi Sharḥ al-Kirmānī*, 21:129.

<sup>220</sup> Al-‘Ainī, ‘Umdah al-Qārī, 22:98.

<sup>221</sup> Al-Suyūṭī, *Sharḥ al-Suyūṭī ‘alā Sunan al-Nasa’ī*, 7:624. Beliau menambah, tujuan bulu dahi dicabut untuk menjadikan bahagian muka kelihatan lebih luas.

<sup>222</sup> Al-Qaṣṭallānī, *Irshād al-Sārī*, 8:477.

<sup>223</sup> Al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 10:385.

<sup>224</sup> Lihat: Al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan*, 4:256.

[الواشمات : من الوشم في اليد ، وكانت المرأة تغزز معصم يديها ببيرة أو مسلة ، حتى تدميه ثم تخشو بالكحل فيحضر]

<sup>225</sup> Lihat: Al-Bājī, Sulaymān bin Khalaf bin Sa‘d bin Ayyūb, *al-Muntaqā Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik*, ed. ‘Aṭā, Muḥammad ‘Abd al-Qādir Alḥmad (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 9:396.

[الوشم : النقش في اليد والذراع أو الصدر]

Baṭṭāl<sup>226</sup>, al-Nawawī<sup>227</sup> dan al-Qastallānī<sup>228</sup> menyatakan ia merangkumi keseluruhan badan wanita.

Abū Dāwūd tidak mendefinisikan *al-tafalluj* tetapi menurut al-Khaṭṭābī, maksud *al-mutafallijāt* adalah wanita yang menajam dan menjarakkan gigi<sup>229</sup>. Definisi al-Khaṭṭābī digunakan oleh majoriti *muḥaddithīn*. Namun, mereka menambah tujuan *al-tafalluj* dilakukan supaya kelihatan muda kerana gigi tajam dan renggang hanya ada pada kanak-kanak sahaja kerana gigi mereka masih kecil<sup>230</sup>. Sebahagian ulama pula menggunakan istilah *al-washr* berbanding *al-tafalluj*<sup>231</sup>, namun tiada sebarang perbezaan yang ketara kerana kedua-duanya menunjukkan pengubahan pada gigi. *Al-Tafalluj* adalah menjarakkan gigi, manakala *al-washr* menajamkan atau meratakan gigi<sup>232</sup>.

### 2.3.2 Kedua: Perbincangan Mengenai Hukum *al-Waṣl*, *al-Washm*, *al-Namṣ* dan *al-Tafalluj*

Seterusnya, pengkaji akan meneliti pandangan *muḥaddithīn* mengenai hukum keempat-empat perbuatan ini dan disusun berdasarkan tahun kewafatan mereka bagi melihat

<sup>226</sup> Lihat: Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 9:167.

[الواشمة: هي التي تشم بديها وذلك أن تغزز ظهر كفها أو غيره من جسدها ...]

<sup>227</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1339.

[الواشمة: وهي أن تغزز إبرة أو مسلة أو نحوهما في ظهر الكف أو المعصم أو الشفة أو غير ذلك من بدن المرأة ...]

<sup>228</sup> Al-Qastallānī, *Irshād al-Sārī*, 8:474.

[الواشمات: وهي أن تغزز إبرة ونحوها في البدن حتى يسيل الدم]

<sup>229</sup> Al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan*, 4:257.

<sup>230</sup> Al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 384-385

<sup>231</sup> Al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan*, 4:257.

<sup>232</sup> Al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 10:385.

[والتفلح أن دفريج بين المترافقين بالمرد ونحوه ... وتحديد الاسنان يسمى الوشر بالراء]

perkembangan pandangan terhadap satu-satu perbuatan. Pengkaji juga akan meneliti hujah yang digunakan, ketepatan sandaran pandangan tersebut kepada ulama dan kritikan ulama lain terhadap hujah yang digunakan. Pandangan fuqaha turut diteliti namun tidak melibatkan perbincangan fiqh yang mendalam, sebaliknya pengkaji memfokuskan *ijtihād* fuqaha dalam menentukan ‘illah’ disebalik setiap larangan perbuatan tersebut. Satu jadual yang mengumpulkan keseluruhan ‘illah’ akan dibentuk berdasarkan susunan tarikh kewafatan mereka dan aliran mazhab yang mereka pilih.

### **2.3.2.1 Hukum *al-Waṣl*:**

Para ulama berselisih pandangan mengenai hukum *al-waṣl* disebabkan perbezaan pandangan dalam menentukan ‘illah’ larangan Nabi SAW dalam hadis tersebut. Berikut adalah huraian perbincangan mereka:

#### Pandangan 1:

Ummu ‘Aṭiyyah berpendapat hadis ini melarang apa sahaja perbuatan menyambung rambut berdasarkan ‘*umūm* hadis ini. Pandangan ini turut disandarkan kepada al-Ṭabarī oleh Ibn Baṭṭāl<sup>233</sup> dan *jumhūr* oleh al-‘Asqalānī<sup>234</sup>, namun ‘illah’ larangan *jumhūr* dan al-Ṭabari berbeza. Al-Nawawī juga mentarjīḥkan pandangan ini ketika beliau menghuraikan hadis ini<sup>235</sup>. Menurut al-Ṭabarī, ‘illah’ larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-nams* dan *al-tafalluj* adalah mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyīr khalqillāh*) dan untuk menambah kecantikan. Hal ini boleh dilihat menerusi kata-kata al-Ṭabarī yang dinukilkhan oleh Ibn Baṭṭāl:

<sup>233</sup> Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 9:167-168, 172.

<sup>234</sup> Al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 10:389

<sup>235</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1338; dan Al-Harārī, Muḥammad al-Amīn bin ‘Abdullāh al-Urmī al-‘Alawī, *al-Kawkab al-Wahhāj wa al-Rawḍat-Bahhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*, ed. Mahdī, Hāshim Muḥammad ‘Alī (Jeddah dan Beirut: Dār al-Minhāj dan Dār Ṭawq al-Najāh, 2009), 21:494.

Hadis ini menunjukkan wanita tidak dibenarkan mengubah apa sahaja ciptaan Allah SWT pada badannya, sama ada menambah atau mengurang, berhias untuk suami atau orang lain, kerana ia mengubah bentuk asal badannya. Contohnya, jika seseorang wanita mempunyai kening yang bersambung, dia tidak boleh memutuskan kening tersebut atau menyambung kening yang tidak bersambung untuk kecantikan. Begitu juga jika giginya terlebih dari bilangan normal lalu dia mencabutnya, atau giginya panjang lalu dia memendekkan gigi tersebut untuk kelihatan cantik. Jika janggut, misai atau kumis tumbuh pada muka wanita, dia juga tidak dibenarkan mencukurnya. Semua ini dilarang kerana mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyīr khalqillāh*)<sup>236</sup>.

Namun begitu, pandangan al-Tabarī ini dikritik oleh Ibn Baṭṭāl kerana pandangan ini tidak konsisten. Beliau melarang wanita dari mencukur janggut dan misai sedangkan Islam membenarkan lelaki memotong janggut dan misai. Sepatutnya, wanita juga dibenarkan mencukur janggut dan misai sebagaimana mereka dibenarkan memotong rambut mereka<sup>237</sup>.

*Jumhūr* berpendapat ‘illah larangan *al-waṣl* adalah penipuan berdasarkan gabungan hadis yang melaknat perbuatan *al-waṣl* dengan hadis Jābir yang mengatakan

<sup>236</sup> Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 9:167-168.

[قال الطبرى : في هذا الحديث البيان عن رسول الله أنه لا يجوز لامرأة تغيير شيء من خلقها الذي خلقها الله عليه بزيادة فيه أو نقص منه التماس التحسن به لزوج أو غيره ، لأن ذلك نقض منها خلقها إلى غير هيئته ، وسواء فلجلت اسنانها المستوية البنية ووشرتها أو كانت لها أسنان طوال فقطعت طلباً للحسن ، أو أسنان زائدة على المعروف من أسنان بني آدم فقللت الزوائد من ذلك بغير عله إلا طلب التحسن والتجميل ، فإنها في كل ذلك مقدمة على مانعه الله تعالى عنه على لسان نبيه إذا كانت عالمة بالنهى عنه ، وكذلك غير جائز لامرأة خلقت لها حية أو شارب أو عنقه أن تخلق ذلك منها أو تقصه طلباً للتجميل ، لأن كل ذلك تغيير خلق الله ، ومعنى النص الذي لعن رسول الله فاعلته ]

<sup>237</sup> Rujuk hadis dari Abū Salamah yang diriwayatkan oleh Muslim:

(كان أزواج النبي يأخذن من شعورهن حتى يدعنه كهيئة الوفرة) والوفرة هي الشعر المجتمع على الرأس أو ما جاوز سحمة الأذن

Hadis diriwayatkan oleh Muslim dalam *Kitāb al-Hayd Bāb al-Qadr al-Mustahāb min al-Mā' fī Ghūsl al-Janābah*, no. hadis 3088.

Lihat: Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4:320.

*al-waṣl* sebagai satu penipuan seperti yang ditafsirkan oleh Qatādah. Hadis Mu‘awiyah juga menunjukkan beliau mempunyai pendapat yang sama. Antara fuqaha yang mengatakan ‘illah larangan *al-waṣl* adalah penipuan adalah Imam Mālik seperti yang dinukilkan oleh al-Qarāfi<sup>238</sup> dan al-Bahūtī<sup>239</sup> dari mazhab Ḥanbalī. Al-Qādī ‘Abd al-Wahhāb menambah ‘illah mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyīr khalqillāh*)<sup>240</sup>.

Namun, hujah *jumhūr* ini dikritik oleh al-‘Ainī. Menurut beliau, hadis Jābir bukan bersifat *muṭlaq*, sebaliknya *ditaqyīd* dengan ‘rambut sahaja’, tidak termasuk bulu haiwan dan rambut palsu. Al-‘Ainī berkata:

“Sebahagian ulama mengatakan hadis ini adalah hujah bagi *jumhūr* ulama yang melarang sebarang bentuk sambungan rambut, tidak kira dengan rambut atau bukan rambut. Mereka juga menguatkan hujah mereka dengan hadis Jābir RA bahawa Nabi SAW melarang sebarang bentuk sambungan pada rambut”.

<sup>238</sup> Al-Qarāfi, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs, *al-Dhakhīrah*, ed. Muḥammad Ḥajjī (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1994), 10:53.

[ (فَعَ ) قَالَ صَاحِبُ الْبَيَانِ يَمْنَعُ الْمُحْتَسِبَ مِنْ أَخْذِ الْحِجَامَ شَعْرَ النَّاسِ لِيَزُورُ النَّسَابَ بِهِ شَعْرَهُنَّ إِذَا لَمْ يَكُنْ لَهُنْ شَعْرٌ لَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ (ص) لَعَنَ الْوَاصِلَةِ وَالْمُسْتَوْصِلَةِ قَالَهُ مَالِكٌ ]

<sup>239</sup> Al-Bahūtī, Mansūr bin Yūnus bin Ṣalāh, *Daqā'iq Uli al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā* (*Sharḥ Muntahā al-Irādāt*) (Beirut: ‘Ālam al-Kutub, 1993), 1:46.

[ أَنَّ وَصْلَ الشَّعْرِ بِغَيْرِهِ لَا يَحْرُمُ ; لَأَنَّهُ لَا تَدْلِيسٌ فِيهِ، بَلْ فِيهِ مَصْلَحَةٌ مِنْ تَحْسِينِ الْمَرْأَةِ لِرَوْجَهَا مِنْ غَيْرِ مَضَرٍّ وَيُكَرِّهُ مَا زَادَ عَمَّا يُحْتَاجُ إِلَيْهِ . ]

<sup>240</sup> Al-Qayrawānī, Qāsim bin ‘Isā bin Nājī al-Tanūkhī, *Sharḥ Ibn Nājī al-Tanūkhī ‘alā Matn al-Risālah li ibn Zayd al-Qayrawānī*, ed. Aḥmad Farīd al-Muzaidī (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007), 2:461; ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī al-Tha’labī, *al-Ma‘ānah ‘alā Madhhab ‘Alīm al-Madīnah*, ed. Ḥumaish ‘Abd al-Ḥaqq (Mekah al-Mukarramah: al-Maktabah al-Tijāriyyah Muṣṭafā Aḥmad al-Bāz, t.t.), 725; dan Al-Muwaq, Muḥammad bin Yūsuf al-‘Abdarī, *al-Tāj wa al-Iklīl li Mukhtaṣar Khalil* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 1:305.

قال القيرواني : [ قوله صلى الله عليه وسلم "لعن الله الواصلة والمستوصلة والواشمة والمستوشمة" . قال عبد الوهاب : ومعنى ذلك أن فيه ضربا من الغرور وتغيير الخلق وذلك غير جائز ]

قال المواق : [ وَصَلْ الشَّعْرُ عِنْدَنَا مُنْوَعٌ لِقَوْلِهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : «لَعْنَ اللَّهِ الْوَاصِلَةِ وَالْمُسْتَوْصِلَةِ» قَالَ عَبْدُ الْوَهَابِ : لَأَنَّهُ غَرْرٌ وَتَدْلِيسٌ قَالَ مَالِكٌ : الْوَصْلُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُنْوَعٌ وَعِيَاضٌ : وَأَمَّا رَبْطُ نَوَاصِي الْحَرَبِ الْمُلُوَّنَةِ وَشَبَهَهَا مَمَّا لَا يَنْسَبُهُ الشَّعْرُ فَلَيْسَ هُوَ مِنْ الْوَصْلِ وَلَا هُوَ مَقْصِدُهُ وَإِنَّمَا هُوَ مِنْ التَّجَمُّلِ وَالتَّحْسِينِ كَمَا يُشَدُّ مِنْهُ فِي الْأَوَاسِطِ ]

Aku menjawab: Hujah yang digunakan oleh *jumhūr* tidak tepat kerana hadis Mu‘āwiyah yang digunakan oleh mereka tidak membawa maksud larangan secara *muṭlaq*, sebaliknya *ditaqyīd* dengan larangan menyambung rambut dengan rambut sahaja. Jadi, bagaimana hadis ini boleh dijadikan hujah oleh *jumhūr*?<sup>241</sup>.

Al-Qarāfī turut mengkritik ‘illah larangan *al-waṣl* yang dikemukakan oleh mazhab Mālikī dan Syāfie iaitu penipuan (التدليس والغور) kepada suami untuk mendapat nafkah yang lebih dan *taghyīr khalqillāh*. Ini kerana, beliau berpendapat isu penipuan pada suami melalui *al-waṣl* tidak timbul kerana suami sudah sedia mengetahui keadaan isterinya sendiri. Malah, ‘illah *taghyīr khallqillāh* juga tidak tepat kerana pengubahan untuk kecantikan tidak dilarang oleh syarak seperti berkhatan, memotong kuku dan rambut, dan menginai rambut dan jari. Namun, beliau tidak memberi sebarang pandangan peribadi<sup>242</sup>.

### Pandangan 2:

Wanita dibenarkan menyambung rambut dengan rambut palsu dari bulu haiwan. Hujah yang digunakan adalah hadis Mu‘āwiyah RA. Beliau telah menunjukkan rambut palsu ketika menyampaikan khutbah di Madīnah. Mereka juga mentaqyīd hadis Jābir dengan hadis Mu‘āwiyah. Pandangan ini diriwayatkan dari ‘Āishah RA (w.58H), Ummu Salamah RA (w.61H), Ibn ‘Abbās RA (w.68H), Sa‘id bin Jubair (w.95H), al-Laith bin

<sup>241</sup> Al-‘Ainī, ‘Umdah al-Qārī, 22:99-100.

<sup>242</sup> Al-Qarāfī, *al-Dhakhīrah*, 13:315.

قال القبوراني : [وَسَبَبُ الْمَنْعِ فِي وَصْلِ الشَّعْرِ وَمَا مَعَهُ التَّدْلِيسُ وَالْغُرُورُ قَالَ صَاحِبُ الْقَدْمَاتِ تَنْبِيهً لِمَ أَرَ لِلْفُقَهَاءِ الْمَالِكِيَّةِ وَالشَّافِعِيَّةِ وَغَيْرِهِمْ فِي تَعْلِيلِ هَذَا الْحَدِيثِ إِلَّا أَنَّهُ تَدْلِيسٌ عَلَى الْأَرْوَاجِ لِيَكُثُرَ الصَّدَاقُ وَيُشْكِلُ ذَلِكَ إِذَا كَانُوا عَالِمِينَ بِهِ وَبِالْوَسْمِ فَإِنَّهُ لَيْسَ فِيهِ تَدْلِيسٌ وَمَا فِي الْحَدِيثِ مِنْ تَغْيِيرٍ خَلَقَ اللَّهُ لَمْ أَفْهَمْ مَعْنَاهُ فَإِنَّ التَّغْيِيرَ لِلْجَمَالِ غَيْرُ مُنْكَرٍ فِي الشَّرْعِ كَالخِتَانِ وَقَصُّ الظُّفَرِ وَالشَّعْرِ وَصَبْغِ الْحِنَاءِ وَصَبْغِ الشَّعْرِ وَغَيْرِ ذَلِكَ ]

Sa‘d (w.175H), dan Aḥmad (w.241H)<sup>243</sup>. Al-Qādī ‘Iyād turut memilih pandangan ini selepas beliau menyenaraikan pandangan ulama berkaitan *al-waṣl*<sup>244</sup>. Abū Dāwūd meriwayatkan pandangan Sa‘id bin Jubair dan Aḥmad ketika beliau meriwayatkan hadis ini:

Sa‘id bin Jubair berkata: “Tiada masalah dengan *al-qarāmil* (sejenis rambut palsu yang diperbuat dari sutera, bulu atau bahan lain)”.

Abū Dāwūd: “Pandangan ini menunjukkan seolah-olah beliau berpendapat larangan *al-waṣl* adalah pada rambut wanita”.

Aḥmad juga berkata: “*al-Qarāmil* (rambut palsu) tiada masalah<sup>245</sup>”.

Jadi, mereka berpandangan ‘illah larangan Nabi SAW dilihat pada jenis bahan yang digunakan seperti yang disebutkan oleh Abū Dāwūd selepas beliau menukilkan pandangan Sa‘id bin Jubair. Jika bahan tersebut diambil dari rambut manusia, perbuatan *al-waṣl* dilarang sebaliknya jika rambut palsu yang digunakan, *al-waṣl* dibenarkan<sup>246</sup>.

<sup>243</sup> Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 4:258; Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 9:172; al-Qādī ‘Iyād, *Ikmāl al-Mu‘lim*, 6:652; al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1338; al-‘Ainī, ‘Umdah al-Qārī, 22:100.

<sup>244</sup> Al-Qādī ‘Iyād, *Ikmāl al-Mu‘lim*, 6:652.

<sup>245</sup> Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 4:258.

[عن سعيد بن جبیر قال : لا بأس بالقرامل . قال أبو داود : كأنه يذهب إلى أن المنهي عنه شعور النساء قال أبو داود كان أَحْمَد يقول القرامل ليس به بأس ]

Kata-kata Sa‘id bin Jubair ini dinilai sebagai *ṣaḥīḥ* oleh al-‘Asqalānī namun al-Albānī menilainya sebagai *da‘īf*.

Lihat: Al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 10:388 dan Ābādī, Muḥammad Ashraf bin Amīr bin ‘Alī bin Ḥaidar, ‘Awn al-Ma‘būd Sharḥ *Sunan Abī Dāwūd*; ed. al-Albānī dan al-Atharī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn dan Abū ‘Abdullāh al-Nu‘mānī (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2005), 1:1898.

<sup>246</sup> Ābādī, ‘Awn al-Ma‘būd, 1:1899.

Pandangan ini turut diberikan oleh Ibn Māzah<sup>247</sup> dan al-Mūṣīlī<sup>248</sup> dari mazhab Ḥanafī.

Namun al-Mūṣīlī menambah satu lagi ‘illah iaitu penipuan.

Al-Khaṭṭābī (w.388H) juga membenarkan wanita memakai rambut palsu, namun beliau memandang dari sudut yang berbeza. Menurut beliau, ‘illah larangan *al-wasl* adalah penipuan, mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyīr khalqillāh*) dan membawa kerosakan. Justeru, menggunakan rambut palsu tidak termasuk dalam ketiga-tiga ‘illah tersebut. Beliau berkata:

“Perkara ini dilarang kerana ia mengandungi penipuan dan perdayaan kerana jika ia dibenarkan akan membawa kepada penipuan dan kerosakan (*mafsadah*). *Al-Wasl*, *al-Nams*, *al-Washr*, *al-Washm* dan lain-lain dilaknat dengan berat kerana ia membawa kepada *taghyīr khalqillāh* dan menyebabkan ciptaan manusia bercampur dengan ciptaan Allah SWT. ‘Hukum sebahagian sama dengan hukum keseluruhan’. Maka, ia termasuk juga sebatian kimia yang menyebabkan percampuran dengan ciptaan Allah SWT. Maka, segala sebatian yang menyebabkan percampuran dengan ciptaan Allah sama sahaja hukumnya kerana membawa kepada kerosakan yang besar<sup>249</sup>”.

<sup>247</sup> Ibn Māzah, Maḥmūd bin Aḥmad bin ‘Abd al-‘Azīz, *al-Muḥīṭ al-Burhānī fī al-Fiqh al-Nu‘mānī*, ed. al-Jundī, ‘Abd al-Karīm Sāmī (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah 2004), 6:377.

[إِذَا وَصَلَتِ الْمَرْأَةُ شِعْرًا غَيْرَهَا بِشَعْرِهَا فَهُوَ مَكْرُوهٌ، قَالَ عَلَيْهِ السَّلَامُ: «لَعْنَ اللَّهِ الْوَاصِلَةُ وَالْمُسْتَوْصِلَةُ» هِيَ الَّتِي تَصِلُ شِعْرَ اِمْرَأَةً بِشَعْرِ اِمْرَأَةٍ، وَإِنَّمَا جَاءَتِ الرِّخْصَةُ فِي شِعْرِ غَيْرِ بْنِي آدَمَ، تَتَّخِذُهُ الْمَرْأَةُ]

<sup>248</sup> Al-Mūṣīlī, ‘Abdullāh bin Maḥmūd bin Mawdūd, *al-Ikhtiyār li Ta’līl al-Mukhtār*, ed. Maḥmūd Abū Daqīqah (Kaherah: Maṭba‘ah Ḥalabī, 1937), 4:164.

[قَالَ: (وَوَصَلُ الشَّعْرُ بِشَعْرِ الْآدَمِيِّ حَرَامٌ) سَوَاءٌ كَانَ شَعْرَهَا أَوْ شَعْرُ غَيْرِهَا لِقَوْلِهِ – عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ – : «لَعْنَ اللَّهِ الْوَاصِلَةُ وَالْمُسْتَوْصِلَةُ وَالْوَاسِمَةُ وَالْمُؤْشِرَةُ وَالنَّاِمَصَةُ وَالْمَتَّنَمَصَةُ» ؛ فَالْوَاصِلَةُ: الَّتِي تَصِلُ الشَّعْرَ بِشَعْرِ الغَيْرِ، أَوِ الَّتِي تُوَصِّلُ شَعْرَهَا بِشَعْرِ آخَرَ زُورًا]

<sup>249</sup> Al-Khaṭṭābī, Ḥamd bin Muḥammad, *A lām al-Hadīth*, ed. Muḥammad bin Sa‘īd Alī Su‘ūd (Mekah: Universiti Ummul Qurā, 1988), 3:2161-2164.

[إِنَّمَا نَهَىٰ عَنِ ذَلِكِ لِمَا فِيهِ مِنِ الْغَشِّ وَالْخَدَاعِ وَلَوْ رَحِّصٌ فِي ذَلِكَ لَا تَخْذُ وَسِيلَةٍ إِلَى أَنْوَاعِ مِنِ الْغَشِّ وَالْفَسَادِ، وَإِنَّمَا عَظَمَ الْوَعِيدَ فِي هَذَا بِاللَّعْنِ وَفِي النَّاِمَصَةِ وَالْوَاسِمَةِ وَنَحْوَهَا مَا تَقْدِمُ ذِكْرَهُ وَمُضِي تَفْسِيرِهِ قَبْلَ مَنْجَهَةٍ أَنَّ هَذِهِ الْأَمْوَارَ تَغْبِيرٌ / لِلْخَلْقَةِ وَتَعَاطِيٌ لِلْحَاقِ الصُّنْعَةِ مِنِ الْآدَمِيِّ بِالْخَلْقَةِ مِنَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَحُكْمُ الْجُزْءِ فِي ذَلِكَ حُكْمُ الْكُلِّ، وَلَعَلَّهُ قَدْ يَدْخُلُ فِي هَذَا الْمَعْنَى]

“Ulama membenarkan memakai rambut palsu kerana tidak berlaku penipuan. Ini kerana, orang yang melihat rambut palsu tersebut tahu ia bukan rambutnya yang asal<sup>250</sup>”.

Al-Nawawī juga menukilkan pandangan ulama *Shāfi‘iyyah* yang selari dengan pendapat ini, tetapi mereka juga menggunakan ‘illah yang berbeza dari ‘illah sebelum ini. Menurut mereka, *al-waṣl* dilarang bagi menjaga kehormatan manusia (*karāmah al-insān*). Berdasarkan ‘illah ini, mereka melarang apa sahaja perbuatan yang menjadikan anggota badan sebagai objek sambungan sama ada rambut, tangan, kaki, tulang dan sebagainya. Pandangan al-Nawawī ini turut dinukilkan oleh al-Shirbīnī<sup>251</sup>.

---

صنعة الكيمياء فإن من تعاطاها إنما يرور أن يلحق الصنعة بالخلقة وكذلك هو في كل مصنوع يشبه بمطبع و هو باب من الفساد  
عظيم]

<sup>250</sup> Al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan*, 4:256.

[فَإِمَّا الْقَرَامِلُ فَقَدْ رَخَصَ فِيهَا أَهْلُ الْعِلْمِ وَذَلِكَ أَنَّ الْغَرُورَ لَا يَقْعُدُ بِهَا لَأَنَّ مِنْ نَظَرِهِ لَمْ يَشْكُ فِي أَنَّ ذَلِكَ مُسْتَعْجَلٌ]

<sup>251</sup> Al-Shirbīnī, Muḥammad bin Aḥmad bin al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘āni Alfāz al-Minhāj*, dicetak bersama al-Nawawī, *al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 1:406.

[وَوَصَلَ شِعْرِ الْآدَمِيِّ بِشِعْرِ نَجَسٍ أَوْ شِعْرِ آدَمِيِّ حَرَامٌ لِلْخَيْرِ السَّابِقِ، وَلَأَنَّهُ فِي الْأَوَّلِ مُسْتَعْمِلٌ لِلنَّجَسِ الْعَيْنِيِّ فِي بَدَنِهِ، وَفِي الثَّانِيِّ مُسْتَعْمِلٌ لِشِعْرِ آدَمِيِّ، وَالْآدَمِيُّ يَحْرُمُ الْأَنْتِفَاعُ بِهِ وَيَسَّأِرُ أَجْزَائِهِ لِكَرَامَتِهِ، وَيَحْرُمُ بِغَيْرِ إِذْنِ زَوْجٍ وَسَيْدٍ وَصَلَ شِعْرٌ بِغَيْرِ هُمَا، وَكَالشِّعْرِ الْحِرَقُ وَالصُّوفُ كَمَا قَالَهُ فِي الْمَجْمُوعِ]

Selain al-Nawawī, beberapa ulama lain dari mazhab Ḥanafī turut menjadikan *karāmah al-insān* sebagai ‘illah larangan *al-waṣl* ini, seperti al-Marghīnānī<sup>252</sup>, ‘Abd al-Raḥmān Zādah<sup>253</sup>, Ibn Nujaim<sup>254</sup> dan al-Zaila‘ī<sup>255</sup>.

Walaupun Syāfi‘iyyah mengharuskan penggunaan rambut palsu, aspek kebersihan rambut palsu turut diambil perhatian oleh mereka. Jika rambut tersebut diambil dari haiwan najis, sama ada bulu tersebut diambil dari bangkai haiwan atau diambil ketika haiwan tersebut masih hidup, rambut palsu tersebut tetap tidak boleh digunakan kerana ia menjadikan pemakainya sentiasa dalam keadaan kotor sepanjang hari<sup>256</sup>. Al-Rāfi‘ī pula

<sup>252</sup> Al-Marghīnānī, ‘Alī bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Jalīl, *al-Hidāyah fī Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī*, ed. Ṭalāl Yūsuf (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 3:46.

[قال: ”ولا يجوز بيع شعور الإنسان ولا الانتفاع بها“ لأن الآدمي مكرم لا مبتدل فلا يجوز أن يكون شيء من أجزائه مهاناً ومبتدلاً وقد قال: عليه الصلاة والسلام: ”لعن الله الواصلة والمستوصلة“ الحديث]

<sup>253</sup> Shaikh Zādah, ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Sulaimān, *Majma‘ al-Anhār fī Sharḥ Multaqā al-Abhār* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 2:59.

[”ولا يجوز (بيع شعر الآدمي ولا الانتفاع به ولا شيءٍ من أجزائه) لأنَّ الآدمي مُكْرِمٌ غير مُبْتَدِلٌ فَلَا يَجُوزُ أَنْ يَكُونَ شَيْءٌ مِّنْ أَجْزَائِهِ مُهَانًا مُبْتَدِلًا وَقَدْ قَالَ – عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ – «لَعْنَ اللَّهِ الْوَاصِلَةُ وَالْمُسْتُوْصِلَةُ» الْحَدِيثُ]

<sup>254</sup> Ibn Nujaim, Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm bin Muḥammad, *al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, dicetak bersama al-Ṭūrī, Muḥammad bin al-Ḥusain, *Takmilah al-Baḥr al-Rā'iq* dan Ibn ‘Ābidīn, *Minḥāh al-Khāliq* (Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmi, t.t.), 6:88; dan Ibn Nujaim, ‘Umar bin Ibrāhīm bin Nujaim, *al-Naḥr al-Fā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, ed. Aḥmad ‘Azwu ‘Ināyah (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 3:428.

قال في البحر الرائق: [ـ (قوله وشعر الإنسان والانتفاع به) أي لم يجز بيعه والانتفاع به لأنَّ الآدمي مُكْرِمٌ غير مُبْتَدِلٌ فَلَا يَجُوزُ أَنْ يَكُونَ شَيْءٌ مِّنْ أَجْزَائِهِ مُهَانًا مُبْتَدِلًا، وقد قال النبي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ – لَعْنَ اللَّهِ الْوَاصِلَةُ وَالْمُسْتُوْصِلَةُـ]

قال في النهر الفائق: [ـ وقد لعن – صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ – الواصلة والمستوصلة، والأولى هي التي تصل الشعر بشعور النساء، والثانية هي المعمول بهذا برضاهما وهذا اللعن للانتفاع بما لا يحل الانتفاع به لا للتكتير]

<sup>255</sup> Al-Zaila‘ī, ‘Uthmān bin ‘Alī bin Mahjān, *Tabyīn al-Ḥaqā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*, dicetak bersama al-Shilbī, Aḥmad bin Muḥammad, *Hāshiyah al-Shilbī* (Kaherah: Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amīriyyah, 1313H), 5:51.

[قال (وشعر الإنسان) يعني لا يجوز بيع شعر الإنسان والانتفاع به؛ لأنَّ الآدمي مُكْرِمٌ فَلَا يَجُوزُ أَنْ يَكُونَ جُزُؤُهُ مُهَانًا، وقال – عليه السلام – لَعْنَ اللَّهِ الْوَاصِلَةُ وَالْمُسْتُوْصِلَةُـ، وإنما أعننا للانتفاع به لما فيه من إهانة المكرم ... قلنا: حُرمة الانتفاع به لكرامته لا لتجاسته]

<sup>256</sup> Malah, keizinan dari suami turut diambil perhatian oleh Syāfi‘iyyah. Keharusan memakai rambut palsu yang suci bergantung masih bergantung kepada keizinan dari suami.

berpendapat terdapat dua ‘illah larangan *al-waṣl* iaitu rambut palsu yang digunakan berasal dari najis atau rambut tersebut diambil dari lelaki atau wanita *ajnabi* yang tidak boleh dilihat oleh suami atau isteri tersebut. Al-Rāfi‘ī berkata:

“Rasulullah SAW bersabda: Allah SAW melaknat wanita yang menyambung rambut dan wanita yang meminta disambung rambut, wanita yang mencacah tatu dan wanita yang meminta dicacah tatu, wanita yang menajamkan gigi dan wanita yang meminta ditajamkan gigi”, ‘illah larangan menyambung rambut (*al-waṣl*) adalah rambut tersebut najis atau rambut dari lelaki atau wanita ajnabi yang tidak boleh dilihat (sama ada oleh wanita tersebut atau suaminya)<sup>257</sup>”.

Pandangan al-Rāfi‘ī ini turut selari dengan pandangan dari beberapa ulama lain dalam mazhab Shāfi‘ī seperti al-Juwainī<sup>258</sup> dan al-Ghazālī<sup>259</sup>. Namun al-Ghazālī menambah dua ‘illah lagi iaitu penipuan dan *taghyīr khalqillāh*. Ibn Qudāmah turut membenarkan penggunaan rambut palsu dengan syarat bahan yang digunakan untuk

---

Lihat: al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1338.

<sup>257</sup> Al-Rāfi‘ī, ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad, *Fatḥ al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz (al-Fatḥ al-Kabīr)* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 4:29.

[قال : الثانية قال صلي الله عليه وسلم : ( لعن الله الواصلة والمستوصلة والواشمة والمستوشمة والواشرة والمستوشرة ) وعلة تحريم الوصل أن الشعر إما أن يكون نجساً أو شعر أجنبي لا يحل النظر إليه ]

<sup>258</sup> Al-Juwainī, ‘Abd al-Malik bin ‘Abdullāh bin Yūsuf, *Nihāyah al-Maṭlab fī Dirāyah al-Madhab*, ed. ‘Abd al-‘Azīz Maḥmūd al-Dīb (Riyad: Dār al-Minhāj, 2007), 3:316-318.

[ثم أذكر تفصيل مذهب الأئمة، فقالوا: إن قلنا: إن الشعر نجس، فاستصحاب النجاسة في الصلاة حرام، ولا يتلقى من ذلك التحريم في غير الصلاة، وإن كان الشعر ظاهراً، نظر، فإن كان شعر آدمي، فهو أبزته لزوجها، وكان شعر امرأة، فذلك حرام؛ فإن النظر إلى عضو من أجنبية حرام. وإن كان شعر رجل، فنظرها إلى شعر أجنبي، ومسها إياه حرام. وهذا مأخذٌ .]

<sup>259</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad al-Ṭūsī, *al-Wasīt fī al-Madhab*, ed. Muḥammad Muḥammad Tamīr (Kaherah: Dār al-Salām, 1417H), 2:169-170.

[إِنْ كَانَ شَعْرَ اِمْرَأَةً أَجْنَبِيَّةً فَيُحْرِمُ لَاَنَّ زَوْجَهَا يَنْظُرُ إِلَيْهَا وَإِنْ كَانَ شَعْرَ رَجُلٍ حَرَمَ عَلَيْهَا النَّظَرُ فِيهِ عَلَى قَوْلِنَا بِتَحْرِيمِ النَّظَرِ إِلَى الْعُضُوِّ الْمَبَانِ وَإِنْ كَانَ شَعْرَ هِيمَةً فَإِنْ لَمْ تَكُنْ ذَاتُ زَوْجٍ فَهِيَ مَتَعْرِضَةٌ لِلتَّهْمَةِ فَيُحْرِمُ عَلَيْهَا وَإِنْ كَانَتْ ذَاتُ زَوْجٍ يُحْرِمُ لِلخَدَاعِ وَلِقَوْلِهِ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ الْمُتَشَبِّعُ بِمَا لَمْ يُعْطِ كُلَّابِسٍ ثَوْبِيَّ زُورٍ، وَإِنْ كَانَ بِإِذْنِ الزَّوْجِ فَوَجَهَهَا: أَحَدَهُمَا الْمَنْعُ لِعُمُومِ الْحَدِيثِ وَلَاَنَّ ذَلِكَ تَصْرِفُ فِي الْخَلْقَةِ بِالتَّغْيِيرِ، وَالثَّانِي الْجَوَازُ وَهُوَ الْقِيَاسُ إِذْ لَا مَعْنَى لِلتَّحْرِيمِ إِلَّا سَبَبُ التَّزْوِيرِ ]

membuat rambut palsu tersebut berasal dari sumber suci. Ini kerana, beliau berpendapat, ‘illah larangan *al-waṣl* adalah penipuan dan penggunaan bahan najis. Beliau berkata:

“Pengharaman *al-waṣl* adalah menyambung rambut dengan rambut kerana terdapat unsur penipuan dan menggunakan rambut yang tidak jelas status najisnya. Selain dari sebab ini, ia dibenarkan disebabkan maslahat wanita yang perlu berhias untuk suami selagi tidak memudaratkan”<sup>260</sup>.

Sebahagian fuqaha seperti al-Kāsānī juga menjadikan ‘illah kehormatan manusia sebagai larangan *al-waṣl*. Beliau berkata: “Larangan menjual tulang dan rambut manusia bukan disebabkan bahan tersebut najis tetapi disebabkan menghormati bahan tersebut kerana jual beli tulang dan rambut adalah penghinaan (pada tuan tulang dan rambut)”<sup>261</sup>.

### Pandangan 3:

Hadis tersebut menunjukkan Nabi SAW melarang ‘perbuatan menyambung rambut’ itu sendiri tanpa melihat kepada sumber rambut atau bulu yang digunakan. Jika wanita meletakkan rambut palsu di atas kepala tanpa sebarang ikatan atau sambungan pada rambut asal, ia dibenarkan. Pandangan ini diriwayatkan dari Ibrāhim al-Nakha‘ī (w.96H)<sup>262</sup>. Al-Nafrawī (w.1126H) dan al-‘Adawī (w.1189H) turut bersetuju dengan ‘illah ini. Beliau berkata:

<sup>260</sup> Ibn Qudāmah, Muwaffaq al-Dīn ‘Abdullah bin Aḥmad bin Muḥammad al-Maqdisī, *al-Mughnī Sharḥ Mukhtaṣar al-Kharqī*, ed. ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī dan ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Ḥalw (Riyad: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1997), 1:81; dan Ibn Qudāmah, *al-Sharḥ al-Kabīr*, dicetak bersama *al-Muqni‘* dan *al-Inṣāf*, ed. al-Turkī dan al-Ḥalw, ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin dan ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad (Kaherah: Hajar li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 1995), 2:263.

[وَالظَّاهِرُ : أَنَّ الْمَحْرُمَ إِنَّمَا هُوَ وَصْلُ الشِّعْرِ بِالشِّعْرِ ، لَمْ فِيهِ مِنَ التَّدْلِيسِ وَاسْتِعْمَالِ الشِّعْرِ الْمُخْتَلِفُ فِي نَجَاستِهِ ، وَغَيْرُ ذَلِكَ لَا يُحْرِمُ ، لِغَيْرِهِ مَعْنَى فِيهَا ، وَحَصْولِ الْمُصْلَحةِ مِنْ تَحْسِينِ الْمَرْأَةِ لِزَوْجِهَا مِنْ غَيْرِ مَضَرٍّ . وَاللَّهُ تَعَالَى أَعْلَمُ ]

<sup>261</sup> Al-Kāsānī, Abū Bakr bin Mas‘ūd bin Aḥmad, *Badā‘i al-Ṣanā‘ fī Tarīb al-Sharā‘* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1986), 5:142.

[وَأَمَّا عَظِيمُ الْآدَمِيِّ وَشِعْرُهُ ، فَلَا يَجُوزُ بَيْعُهُ لَا لِنَجَاستِهِ ؛ لَأَنَّهُ طَاهِرٌ فِي الصَّحِيفَةِ مِنَ الرَّوَايَةِ لِكُنْ احْتِرَامًا لَهُ وَالابْتِذَالُ بِالْبَيْعِ يَشْعُرُ بِالْإِهَانَةِ ، وَقَدْ رُوِيَ عَنِ النَّبِيِّ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ أَنَّهُ قَالَ : (عَنِ اللَّهِ الْوَاصِلَةُ ، وَالْمُسْتَوْصِلَةُ) ]

<sup>262</sup> Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, 9:172-173; al-‘Ainī, ‘Umdah al-Qārī, 22:100; al-Ubbi dan al-Sanūsī, *Ikmāl Ikmāl* dan *Mukammil al-Ikmāl*, 5:406.

“Apa yang difahami dari perkataan *al-waṣl* adalah rambut palsu yang tidak bersambung sebaliknya diletakkan sahaja di atas kepala harus digunakan seperti yang disebutkan oleh al-Qādī ‘Iyād. Maka, meletakkan rambut palsu di atas kepala tanpa menyambung pada rambut dibenarkan dan tidak termasuk dalam larangan ini, sebaliknya dianggap sebagai perhiasan yang dibenarkan bagi wanita”<sup>263</sup>.

“Kefahaman dari perkataan *al-waṣl* adalah wanita dibenarkan meletak rambut di atas kepala selagi tidak disambung pada rambut tersebut”<sup>264</sup>.

Selain mereka berdua, al-Ruḥāibānī juga mempunyai pandangan yang sama, namun beliau menggunakan hujah sifat umum yang ada pada lafaz hadis ini membawa maksud larangan pada perbuatan menyambung rambut<sup>265</sup>. Namun, al-‘Asqalānī telah mengkritik pandangan ini dan berpendapat ia perlu dikaji semula<sup>266</sup>.

#### Pandangan 4:

Larangan menyambung rambut dalam hadis tersebut tidak membawa maksud *ḥarām*, sebaliknya sekadar *makruh tanzīh*. Pandangan ini dinukilkan oleh al-‘Asqalānī tanpa sandaran kepada mana-mana ulama. Namun beliau mengkritik pandangan ini kerana

<sup>263</sup> Al-Nafrāwī, Aḥmad bin Ghānim bin Sālim bin Mahnā al-Nafrāwī al-Azharī al-Mālikī, *al-Fawā’ikh al-Dawāni ‘alā Risālah ibn Abī Zaid al-Qayrawānī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 2:314.

[ومفهوم "وصل" أنها لو لم تصله بأى وضعته على رأسها من غير وصل لجائز كما نص عليه القاضي عياض، لأنَّه حينئذ يمتزِّلةُ  
الخيوط الملوية كالعقوبات الصوف والحرير تفعله المرأة للزينة فلا حرج عليها في فعله فلم يدخل في النهي ويتحقق بتنوع الزينة]

<sup>264</sup> Al-‘Adawī, ‘Alī bin Aḥmad bin Mukram al-Sa‘idī, *Hāshiyah al-‘Adawī ‘alā Sharḥ Kifāyah al-Tālib al-Rabbānī*, ed. Yūsuf Muḥammad al-Biqā‘ī (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 2:459.

[قوله: عن وصل الشعر) قال ت: فهو من قوله وصل أنها لو جعلته على رأسها في الوقاية ولم تصله جاز .]

<sup>265</sup> Al-Ruḥāibānī, Muṣṭafa bin Sa‘ad bin ‘Abduh, *Maṭālib ‘Ulī al-Nuhā* (Beirut: al-Maktab al-Islāmi, 1994), 1:90.

[وفي خَبَرٍ آخرَ «لَعْنَ اللَّهِ الْوَاحِدَةِ وَالْمُسْتَوْشَمَةِ» أَيْ: الْفَاعِلَةُ وَالْمَفْعُولُ بِهَا، ذَلِكَ بِأَمْرِهَا، وَاللَّعْنَةُ عَلَى الشَّيْءِ تَدْلُّ عَلَى تَحْرِيمِهِ،  
لَأَنَّ فَاعِلَ الْمُبَاحَ لَا يَجُوزُ لَعْنَتُهُ . (ولَوْ كَانَ وَصَلُّ الْمُرْثَةِ لِشَعْرِهَا (بِشَعْرِ بَهِيمَةٍ، أَوْ إِذْنِ زَوْجٍ) لِعُومُمِ الْخَبَرِ .]

<sup>266</sup> Al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 10:390.

[إيقاع المنع على فعل الوصل لا عن كون الشعر نجسًا وفيه نظر]

laknat oleh Allah SWT dan Nabi SAW merupakan bentuk *dilālah* yang paling kuat bagi menunjukkan sesuatu perbuatan diharamkan, malah laknat merupakan tanda perbuatan tersebut dikategorikan sebagai dosa besar<sup>267</sup>.

#### Pandangan 5:

Menyambung rambut dengan rambut palsu dibenarkan jika tidak menyebabkan orang lain tertipu atau terpedaya. Namun, jika mereka menyangka rambut palsu tersebut adalah rambut sebenar, pemakaian rambut palsu tersebut dilarang. Ini kerana, ‘illah larangan *al-wasl* adalah penipuan. Pandangan ini dinukilkhan oleh al-‘Asqalānī tanpa disandarkan kepada mana-mana ulama. Beliau seolah-olah bersetuju dengan pandangan ini kerana mengakui kekuatan hujah yang digunakan oleh pandangan ini<sup>268</sup>.

#### Pandangan 6:

Menyambung rambut dibenarkan secara mutlak. Pandangan ini disandarkan kepada ‘Āishah RA menerusi kisah yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarī. ‘Atā’ (w.114H) juga seolah-olah mengambil pendapat ini kerana beliau mengharuskan mengambil manfaat dari rambut manusia. Justeru Ibn Baṭṭāl menyenaraikan pandangan ‘Atā’ ini selepas pandangan ‘Āishah RA. Pandangan ini berdasarkan jawapan ‘Āishah RA terhadap soalan yang diajukan oleh Ibn Awsha’:

أَلْعَنَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - الْوَاصِلَةَ؟ قَالَتْ: أَيَا سُبْحَانَ اللَّهِ، وَمَا بَأْسٌ  
بِالْمَرْأَةِ الرَّعْرَاءِ أَنْ تَأْخُذَ شَيْئًا مِنْ صُوفٍ فَتَصِلَهُ شَعْرَهَا تَتَرَبَّى بِهِ عِنْدَ زَوْجِهَا، إِنَّمَا  
لَعْنَ اللَّهِ الْمَرْأَةُ الشَّابَّةُ تَبْغِي فِي شَبَيْبِتِهَا حَتَّى إِذَا أَسْنَتْ هِيَ وَصَلَّتْهَا بِالْقِيَادَةِ

<sup>267</sup> Ibid.

[وهي حجة على من حمل النهي فيه على التنزيه لأن دلالة اللعن على التحرم من أقوى الدلالات، بل عند بعضهم أنه من علامات الكبيرة]

<sup>268</sup> Ibid, 10:388; dan al-Harārī, *al-Kawkab al-Wahhāj*, 21:494.

[وفصل بعضهم بين ما إذا كان ظاهرا، فمنع الأول قوم فقط لما فيه من التدلisis وهو قوي]

Terjemahan: “Adakah Rasulullah SAW melaknat wanita yang menyambung rambut?”. Jawab ‘Āishah: “*Subḥānallāh*, tiada masalah bagi wanita yang nipis rambut menyambung rambutnya dengan bulu haiwan untuk berhias kepada suaminya. Rasulullah SAW melaknat perempuan muda yang melacurkan diri ketika muda lalu dia menyambung rambut dengan *al-qiyādah* ketika umurnya bertambah.

Al-Ṭabarī, Ibn Baṭṭāl dan al-‘Asqalānī telah mengkritik kata-kata ini kerana mereka menganggap sandaran yang dibuat kepada ‘Āishah RA tidak tepat. Menurut mereka, Ibn Awsha‘ tidak pernah bertemu dan meriwayatkan hadis dari ‘Āishah RA<sup>269</sup>.

### **2.3.2.2 Hukum *al-Washm*:**

Para ulama berselisih pandangan mengenai hukum *al-washm* disebabkan perbezaan pandangan dalam menentukan ‘illah larangan Nabi SAW dalam hadis tersebut. Berikut adalah huraian perbincangan mereka:

#### Pandangan 1:

Majoriti ulama bersepakat *al-washm* adalah haram berdasarkan hadis ini, namun Ibn al-‘Arabi berpendapat larangan *al-washm* adalah *ijmā‘*<sup>270</sup>. Para ulama berbeza pendapat mengenai ‘illah larangan *al-washm*. Perbuatan ini dilarang kerana mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyīr khalqillāh*)<sup>271</sup>, namun al-Khaṭṭābī menambah dua lagi ‘illah larangan *al-washm* iaitu ia menyebabkan penipuan dan membawa kerosakan<sup>272</sup>. *Syāfi‘iyah* pula berpendapat, *al-washm* dilarang kerana kawasan cacahan tatu tersebut menjadi najis

<sup>269</sup> Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, 9:173 dan al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 10:390.

<sup>270</sup> Ibn al-‘Arabi, ‘Āriḍah al-Aḥwadhī, 7:262.

<sup>271</sup> Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 10:385; al-Ubbī dan al-Sanūsī, *Ikmāl al-Ikmāl* dan *Mukammil al-Ikmāl*, 5:407.

[قال الأَبِي دَاوُدُونْسُوِيْ : وَعَلَةُ النَّهَيِّ (أَيِّ الْوَشْمِ) مَا فِيهِ مِنْ تَغْيِيرٍ خَلْقَ اللَّهِ تَعَالَى]

<sup>272</sup> Al-Khaṭṭābī, *A'lām al-Hadīth*, 3:2161-2164.

dengan kesan darah beku. Malah, orang yang mempunyai tatu di badan wajib membuang tatu tersebut dan dia berdosa jika sengaja menangguhnya. Namun, jika dikhawatir berlaku mudarat selepas proses membuang tatu tersebut seperti menyebabkan kecacatan pada anggota badan, hilang fungsi anggota tersebut atau menghodohkan kulit yang terdedah, dia tidak wajib membuang tatu tersebut<sup>273</sup>. Al-Sindī pula bersetuju dengan ‘illah mengubah ciptaan Allah SWT tersebut, tetapi beliau mengikat ‘illah tersebut dengan perbuatan melampau (*al-takalluf*), manakala perbuatan yang tidak melampau dibenarkan seperti *al-washm* yang menggunakan inai<sup>274</sup>.

### Pandangan 2:

*Mālikiyah* berpendapat larangan *al-washm* terikat pada cacahan tatu yang menyebabkan kesan kekal dan *al-washm* yang tidak menyebabkan kesan kekal dibenarkan. Mereka *mentaqyīd* hadis ini dengan hadis Nabi SAW yang membenarkan memakai celak dan menginai rambut. ‘Illah ini disebutkan oleh al-Bājī (w.494H) dalam buku beliau *al-Muntaqā*, tetapi al-Qādī ‘Iyād dan al-Qurṭubī menyandarkan pandangan ini kepada Mazhab Mālikī<sup>275</sup>.

---

<sup>273</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1339.

[هذا الموضع الذي وشم بصير نحسا ، فإن أمكن إزالته بالعلاج وجب إزالته ، وإن لم يمكن إلا بالجحر ، فإن خافت منه التلف أو فوات عضو أو منفعته أو شيئاً فاحشاً في عضو ظاهر لم تجب إزالته ، وإذا تابت لم يبق عليها إثم ، وإن لم تخف شيئاً من ذلك ونحوه لزمهما إزالته ، وتعصي بتأخيره وسواء في هذا كله الرجل والمرأة ]

<sup>274</sup> Al-Sindī, *Hāshiyah al-Sindī*, 7:522.

[ووجه اللعن ما فيه من تغيير الخلق بتتكلف ... بخلاف التغيير بالخضاب ونحوه مما لم يحرمه الشارع لعدم التكليف فيه]

<sup>275</sup> Al-Bājī, *al-Muntaqā*, 9:396; Ibn al-‘Arabī, *al-Masālik*, 7:477; al-Qādī ‘Iyād, *Ikmāl al-Mu‘lim*, 6:655; al-Qurṭubī, *al-Mufhim*, 5:444.

[قال الباقي : وهذا فيما يكون باقياً وما كان لا يبقى وإنما هو موضع للجمال يسرع إليه التغيير كالكحل، فقد قال مالك : لا بأس بالكحل للمرأة إلا ثمد وغيره ]

### Pandangan 3:

Fuqaha *Hanafiyyah* pula berpendapat hukum *al-washm* sama seperti hukum memakai inai yang hanya perlu dibasuh sebanyak tiga kali. Jika masih terdapat kesan selepas tiga basuhan, kawasan tersebut dianggap bersih kerana Islam tidak memberatkan umatnya sehingga perlu disagat kulit atau melakukan pembedahan. Pandangan ini seolah-olah mengatakan ‘illah larangan *al-washm* adalah najis darah yang membeku selepas proses cacahan pada kulit. Ibn ‘Ābidīn berkata<sup>276</sup>:

“Hukum mencacah tatu sama seperti hukum memakai inai dari bahan najis. Jika tangan atau bibir dicacah tatu dengan celak atau nila supaya berwarna, celak tadi menjadi najis disebabkan percampuran dengan darah. Selepas darah membeku dan luka mengering, kawasan tadi menjadi berwarna. Selepas dibasuh, bersihlah kawasan tersebut kerana sukar menghilangkan sepenuhnya kesan tatu tersebut melainkan dengan disagat atau dibuang kulit. Kita tidak diberatkan untuk menghilangkan kesan tersebut melainkan dengan menggunakan air panas atau sabun sahaja kerana meringankan itu lebih baik”.

#### **2.3.2.3 Hukum *al-Namṣ*:**

### Pandangan 1:

Majoriti *muḥaddithīn* berpendapat *al-namṣ* adalah *ḥarām*, namun mereka berbeza pendapat dalam menentukan sempadan larangan tersebut, sama ada larangan mencukur

---

<sup>276</sup> Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn bin ‘Umar, *Radd al-Muḥtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992), 1:330.

[ يستفاد ما مر حكم الوشم في نحو اليد ، وهو أنه كالاختصاص أو الصبغ بالمنتجمس ، لأنه إذا غرزت اليد أو الشفة مثلاً ببيرة ثم حشى محلها بكحل أو نيلة ليحضر تنجس الكحل بالدم ، فإذا جمد الدم والثأم المحرج بقي محله أحضر ، فإذا غسل طهر ، لأنه أثر يشق زواله ؛ لأنه لا يزول إلا بسخن الجلد أو جرمه ، فإذا كان لا يكلف بإزالة الأثر الذي يزول بماء حار أو صابون فعدم التكليف هنا أولى ]

bulu di bahagian atas muka atau bulu kening sahaja. Hal ini disebabkan perbezaan pendapat dalam menentukan definisi *al-namṣ* itu sendiri. Menurut al-Khaṭṭābi, terdapat tiga ‘illah larangan *al-namṣ* iaitu penipuan (*al-ghish wa al-khidā’*)<sup>277</sup>, mengubah ciptaan Allah SWT<sup>278</sup> dan membawa kepada kerosakan. Bagi al-‘Ainī pula, ‘illah larangan *al-namṣ* adalah melampau (*al-takalluf*) dengan mencukur semua bulu di muka<sup>279</sup>. Seolah-olah, beliau membenarkan mencukur bulu kening sahaja kerana ia tidak termasuk dalam perbuatan *al-takalluf*.

Majoriti fuqaha juga mengatakan *al-namṣ* dilarang namun mereka berselisih mengenai ‘illah larangan *al-namṣ*. Menurut Ibn Nujaim<sup>280</sup> dan Ibn ‘Ābidīn, *al-namṣ* hanya dilarang jika wanita melakukannya untuk berhias kepada lelaki yang bukan mahramnya:

“*Al-Namṣ* adalah perbuatan membuang bulu di muka. Berkemungkinan larangan tersebut khusus kepada wanita yang melakukannya untuk berhias kepada lelaki *ajnabi*. Jika *al-namṣ* dilarang secara mutlak, para suami akan menjauhi isteri yang ditumbuh rambut atau bulu di mukanya dan menyebabkan larangan ini kurang tepat. Ini kerana, para isteri digalakkan berhias untuk suami melainkan jika dia berhias perkara yang tidak perlu atau dengan perhiasan yang menyakitkan”<sup>281</sup>.

---

<sup>277</sup> Al-Qurṭubī turut menyebutkan ‘illah ini.

Lihat: al-Qurṭubī, *al-Mufhim*, 5:444.

<sup>278</sup> Al-‘Asqalānī dan al-Qurṭubī turut bersetuju dengan ‘illah ini.

Lihat: Ibid., al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 10:385.

<sup>279</sup> Al-‘Ainī, ‘*Umdah al-Qārī*, 22:103.

[قلت: ليس كذلك، بل معناه التي تتكلف النماص وهو إزالة شعر الوجه]

<sup>280</sup> Ibn Nujaim, *al-Baḥr al-Rā’iq*, 6:88.

[ولَعَنَ فِي الْحَدِيثِ «النَّامِصَةُ وَالْمُنْتَمِصَةُ» وَالنَّامِصَةُ هِيَ الَّتِي تُنْقِصُ الْحَاجِبَ لِتُرِيَّنَهُ، وَالْمُنْتَمِصَةُ هِيَ الَّتِي يُفْعَلُ بِهَا ذَلِكَ.]

<sup>281</sup> Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muhtār*, 1:373.

Keharusan isteri melakukan *al-namṣ* turut disebutkan oleh al-Māwardī<sup>282</sup>.

Menurut beliau, ‘illah larangan *al-namṣ* adalah penipuan. Malah, beliau menguatkan pandangan beliau ini dengan hadis Nabi SAW yang melaknat wanita yang tidak berhias untuk suami mereka:

لِعْنَ السُّلْطَاءِ وَالْمَرْهَاءِ

Terjemahan: Nabi SAW melaknat wanita yang tidak memakai inai dan wanita yang tidak memakai celak<sup>283</sup>.

Al-‘Adawī pula berpendapat, larangan *al-namṣ* hanya terikat dengan wanita yang memang dilarang untuk berhias seperti wanita yang masih dalam tempoh berkabung disebabkan kematian atau kehilangan (*al-mafqūd*) suami<sup>284</sup>.

---

[النصص : نتف الشعر ومنه المنماض المنشاش اـهـولـله محمول على ما إذا فعلته لتنزيـن للأـجانـب ، وإـلاـ فـلوـ كانـ فيـ وجـهـهاـ شـعـرـ يـنـفـرـ زـوـجـهاـ عـنـهاـ بـسـبـبـهـ ، فـفـيـ تـحـريمـ إـزـالـتـهـ بـعـدـ ، لأنـ الـرـيـنةـ لـلـنـسـاءـ مـطـلـوـبـةـ لـلـتـحـسـينـ ، إـلاـ أـنـ يـحـمـلـ عـلـىـ ماـ لـاـ ضـرـورـةـ إـلـيـهـ لـاـ فيـ نـفـهـ بـالـنـمـاـضـ مـنـ الإـيـذـاءـ]

<sup>282</sup> Al-Māwardī, Abū al-Hasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb, *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī* (Beirut: Dār al-Kuub al-‘Ilmiyyah, 1999), 2:256.

[والضرب الثاني: أن تكون ذات زوج تفعل ذلك للزينة عند زوجها ، أو أمة تفعل ذلك لسيدها، فهذا غير حرام لأن المرأة مأمورة بأخذ الزينة لزوجها من الكحل، والخضاب، ألا ترى إلى ما روي عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال: لعن السلطة والمرهاء فالسلطة التي لا تختضب، والمرهاء التي لا تكتحل ، يربد من فعلت ذلك كراهة لزوجها ، فأمرها بذلك زينة له]

<sup>283</sup> Hadis ini disebutkan oleh Ibn Abī Ḥātim dalam ‘Ilal Akhbār Rūwiyat fī al-Nikāh, no. hahis 1262. Beliau menilai hadis ini sebagai *da‘īf*.

Lihat: Ibn Abī Ḥātim, ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Idrīs bin al-Mundhir al-Tamīmī, *al-‘Ilal*, ed. Sa‘d bin ‘Abdullāh al-Ḥumайд et al. (Riyad: Maṭābi‘ al-Ḥumaidī, 2006), 4:68-69.

[وسأـلـتـ أـبـيـ عـنـ حـدـيـثـ رـوـاهـ أـبـيـ فـدـيـكـ ، عـنـ يـحـيـيـ بـنـ أـبـيـ خـالـدـ ، عـنـ أـبـيـ سـعـدـ ، عـنـ أـبـيـهـ ، عـنـ النـبـيـ (صـ) أـنـهـ قـالـ : إـنـيـ لـاـ كـرـهـ الـرـأـةـ الـمـرـهـاءـ السـلـطـاءـ ، فـقـالـتـ عـائـشـةـ : بـأـبـيـ أـنـتـ وـأـمـيـ ! إـنـيـ لـاـ سـمـعـ مـنـكـ الـكـلـامـ ! فـقـالـ : أـنـاـ أـعـرـبـ الـعـربـ وـلـاـ فـخـرـ ! أـمـاـ الـرـأـةـ الـمـرـهـاءـ : فـأـلـتـيـ لـاـ كـحـلـ فـيـ عـيـنـيـهـاـ ، وـأـمـاـ الـرـأـةـ السـلـطـاءـ : أـلـتـيـ لـاـ خـضـابـ فـيـ يـدـيـهـاـ ؟ فـقـالـ أـبـيـ : يـحـيـيـ بـنـ أـبـيـ خـالـدـ مـجـهـولـ ، وـأـبـنـ أـبـيـ [ سـعـدـ مـثـلـهـ ، وـهـوـ حـدـيـثـ ضـعـيفـ ]

<sup>284</sup> Al-‘Adawī, *Hāshiyah al-Rabbānī*, 2:459.

[الـمـتـنـمـصـةـ وـهـيـ الـتـيـ تـنـتـفـ شـعـرـ الـحـاجـبـ حـتـىـ يـصـيرـ دـقـيقـاـ حـسـنـاـ ، وـالـنـهـيـ مـحـمـولـ عـلـىـ الـرـأـةـ الـمـنـهـيـ عـنـ اـسـتـعـمـالـ مـاـ هـوـ زـيـنـةـ لـهـ كـلـمـوـفـيـ عـنـهـاـ وـالـمـفـقـودـ زـوـجـهاـ فـلـاـ يـنـافـيـ مـاـ وـرـدـ عـنـ عـائـشـةـ مـنـ جـوـازـ إـزـالـةـ الـشـعـرـ مـنـ الـحـاجـبـ وـالـوـجـهـ]

## Pandangan 2:

Al-‘Asqalānī menukilkan pandangan *Hanābilah* mengenai *al-namṣ*. “Sebahagian *Hanābilah* berpendapat jika mencukur bulu keping merupakan tanda yang biasa dilakukan pelacur, ia dilarang. Jika tidak, hukumnya adalah *makruh tanzih*. Dalam pandangan lain, harus mencukur bulu keping dengan kebenaran dari suami selagi perbuatan ini tidak membawa kepada penipuan (*tadlīs*) yang diharamkan”<sup>285</sup>. Berdasarkan teks ini, mereka berpendapat ‘*illah* larangan *al-namṣ* adalah *tashabhuh* dengan pelacur dan penipuan. Antara fuqaha *Hanābilah* yang menyebutkan ‘*illah* ini adalah Ibn al-Jawzī seperti yang dinukilkan oleh Al-Mardawī dan al-Bahūtī<sup>286</sup>.

“Tiada masalah (membuang bulu di muka) jika terdapat keperluan seperti bulu yang terlalu lebat. Ibn al-Jawzī mengharuskan *al-namṣ* dan berpendapat ‘*illah* larangan adalah penipuan atau kerana *al-namṣ* adalah simbol pelacur”

### **2.3.2.4 Hukum *al-Tafalluj***

*Al-Tafalluj* biasanya dilakukan oleh wanita tua yang mahu kelihatan muda pada pandangan orang lain. Hal ini kerana, gigi kanak-kanak mempunyai renggang antara satu sama lain dan gigi tersebut akan membesar dan menutupi ruang antara gigi tersebut. Maka, tindakan wanita tua yang menjarakkan gigi akan menjadikan dirinya kelihatan

<sup>285</sup> Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 10:391.

[وقال بعض الحنابلة: إن النمس أشعر شعراً للفواجر امتنع وإلا فيكون تنزيهاً، وفي رواية يجوز بإذن الزوج وإن وقع به تدلیس فیحرم]

<sup>286</sup> Al-Mardawī, ‘Alī bin Sulaimān bin Aḥmad, *al-Insāf fī Ma‘rifah al-Rājiḥ min al-Khilāf*, ed. Muḥammad Ḥāmid al-Faqqāf (Kaherah: Maṭba‘ah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, 1956), 1:126; dan al-Bahūtī, Manṣūr bin Yūnus bin Ṣalāḥ al-Dīn ibn Ḥasan bin Idrīs, *Kashshāf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘* (Beirut: Dār al-Fikr, 1982), 1:81-82.

[قال المرداوي والبهوتى : [ولا بأس بما يحتاج إليه لشد الشعر، وأباح ابن الجوزي النمس وحده وحمل النهي على التدلیس، أو أنه شعار الفاجرات ]

lebih muda melalui gigi tersebut<sup>287</sup>. Majoriti *muḥaddithīn* melarang wanita melakukan *al-tafalluj* melainkan dengan tujuan rawatan. Hal ini berdasarkan hadis Nabi SAW tersebut yang mengikat *al-tafalluj* dengan tujuan kecantikan. Pengecualian ini disebutkan oleh al-Nawawī dan kata-kata beliau ini menjadi rujukan majoriti *muḥaddithīn* ketika menghuraikan hadis ini<sup>288</sup>. Kata beliau:

“المُتَفَلِّجاتُ لِلْحَسْنِ”  
membawa maksud wanita yang melakukan *al-tafalluj*  
dengan tujuan kecantikan. Hadis ini menunjukkan pengharaman *al-tafalluj*  
terikat dengan tujuan ‘kecantikan’. Jika dia melakukan *al-tafalluj*  
disebabkan kecacatan pada gigi, ia dibenarkan. *Wallaḥu’alām.*”<sup>289</sup>

Namun mereka berselisih pandangan dalam menentukan ‘*illah* disebalik larangan tersebut. Menurut al-Nawawī, terdapat dua ‘*illah* larangan *al-tafalluj* iaitu penipuan (*al-ghish wa al-khidā’*) dan mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyīr khalqillāh*) namun al-Khaṭṭābī, menambah satu lagi ‘*illah* iaitu membawa *mafsadah*, namun beliau tidak memperincikan *mafsadah* tersebut<sup>290</sup>. Bagi al-‘Ainī dan al-Sindī pula, mereka melihat ‘*illah* larangan menerusi *wazan* pada perkataan *al-mutafallijāt* tersebut. Menurut mereka, perkataan *al-mutafallijāt* dibina atas *wazan* (الْتَّفَعُل) yang biasanya merujuk kepada

<sup>287</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1340.

[وتفعل ذلك العجوز ومن قاربتها في السن اظهارا للصغر وحسن الاسنان لأن هذه الفرجة اللطيفة بين الاسنان تكون للبنات الصغار، فإذا عجزت المرأة كبرت سنها وتوحشت فتبردتها بالمرد لتصير لطيفة حسن المنظر وتزههم كونها صغيرة]

<sup>288</sup> Al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 10:385.

<sup>289</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1340.

[المُتَفَلِّجاتُ لِلْحَسْنِ] فمعنىاه يفعلن ذلك طلبنا

<sup>290</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1339-1340; al-Khaṭṭābī, *A’lām al-Hadīth*, 3:2161-2164.

قال النووي : [ويقال له ايضا : الوشر ومنه (لعن الواشرة والمستورثة)، وهذا الفعل حرام على الفاعلة والمفعول بها لينه الاحاديث،  
ولانه تغيير خلق الله تعالى، ولانه تزوير، ولانه تدلیس]

maksud berlebihan (الْتَّكَلُّفُ وَالْمُبَالَغَةُ)<sup>291</sup>. Maka, menjarakkan gigi dilarang jika ia dilakukan dengan melampau atau berlebihan, lebih dari kadar yang sepatutnya jika dia terpaksa melakukan *al-tafalluj* tersebut. Al-‘Ainī menambah, *al-tafalluj* turut dilarang kerana mengubah ciptaan Allah SWT.

Berdasarkan semua perbincangan ini, pengkaji akan menganalisis beberapa perkara; (i) analisis latar belakang masa, mazhab dan buku *muḥaddithīn* (ii) analisis latar belakang masa dan mazhab fuqaha, dan (iii) analisis tokoh yang mengemukakan ‘illah larangan bagi *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*. Semua analisis ini disusun dalam bentuk carta pai.


## 2.4 Analisis

Beberapa perkara akan dianalisis seperti (i) analisis latar belakang masa, mazhab dan buku *muḥaddithīn*, (ii) analisis latar belakang masa dan mazhab fuqaha, (iii) analisis tokoh yang mengemukakan ‘illah larangan bagi *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*, dan (iv) analisis ketetapan ‘illah.

<sup>291</sup> Al-Ḥamlawī, Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad, *Shadhā al-‘Arf fī Fann al-Ṣarf*, ed. Muḥammad bin ‘Abd al-Mu‘ṭī dan Aḥmad bin Sālim al-Miṣrī (Kaherah: Dār al-Kiyān, t.t.), 82.


#### 2.4.1 Analisis Latar Belakang Masa, Mazhab dan Buku *Muḥaddithīn*

Carta Pai 2.1: Pecahan Kurun *Muḥaddithīn*




Carta Pai 2.1 menunjukkan taburan latar masa *muḥaddithīn* yang dirujuk oleh pengkaji. Majoriti *muḥaddithīn* berada pada kurun 9 dengan 22% (4 orang). Mereka adalah al-Ubbī, Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, al-‘Ainī dan al-Sanūsī. Ini diikuti kurun 10 dengan 17% (3 orang). Mereka adalah al-Suyūtī, al-Qaṣṭallānī dan Zakariyyā al-Anṣārī. Seterusnya, kurun 5, 6 dan 7 dengan 11% (2 orang bagi setiap kurun) terdiri dari Ibn Baṭṭāl dan al-Bājī bagi kurun 4, Ibn al-‘Arabī dan al-Qādī ‘Iyād bagi kurun 5 dan al-Qurṭubī dan al-Nawawī bagi kurun 6. Baki kurun tersebut dari kurun 4 iaitu al-Khaṭṭābī, kurun 8 iaitu al-Kirmānī, kurun 11 iaitu ‘Alī al-Qārī, kurun 12 iaitu al-Sindī dan kurun 14 iaitu al-Sa‘ātī.

Carta Pai 2.2: Pecahan Mazhab



Carta Pai 2.2 taburan latar mazhab *muḥaddithīn* yang pengkaji rujuk merangkumi 4 mazhab utama dalam fiqh iaitu mazhab Ḥanafī, Mālikī, Syāfi‘ī dan Ḥanbalī. Majoriti *muḥaddithīn* bermazhab Mālikī dengan 39% terdiri dari Ibn Baṭṭāl, al-Bājī, Ibn al-‘Arabī, al-Qādī ‘Iyād, al-Qurṭubī, al-Ubbī dan al-Sanūsī. Ini diikuti *muḥaddithīn* dari mazhab Syāfi‘ī dengan 33% terdiri dari al-Khaṭṭābī, al-Nawawī, al-‘Asqalānī, al-Suyūtī, al-Qastallānī, dan Zakariyyā al-Anṣārī. Seterunya, *muḥaddithīn* dari mazhab Ḥanafī dan Ḥanbalī pula dengan 11% terdiri dari al-‘Ainī dan ‘Alī al-Qārī (mazhab Ḥanafī) dan al-Sindī dan al-Sa‘ātī (mazhab Ḥanbalī).

Carta Pai 2.3: Syarah kepada Buku Utama Hadis



Carta Pai 2.3 menunjukkan taburan latar belakang buku hadis yang pengkaji rujuk.

Buku hadis ini disusun berdasarkan syarahan kepada beberapa buku utama hadis. Majoriti buku hadis menghuraikan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan 33% dan *Ṣaḥīḥ Muslim* dengan 29%. Antara buku yang menghuraikan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* adalah *A‘lām al-Hadīh*, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*, *Al-Kawākib al-Darārī*, *Fatḥ al-Bārī*, *‘Umdah al-Qārī*, *Irshād al-Sārī* dan *Minḥah al-Bārī*. Manakala, buku yang menghuraikan *Ṣaḥīḥ Muslim* adalah *Ikmāl al-Mu‘lim bi Fawā’id Muslim*, *Al-Mufhim li-mā Ashkala min Talkhīṣ Kitāb Muslim*, *Al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, *Ikmāl Ikmāl al-Mu‘lim*, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl* dan *al-Daibāj*.

Seterusnya, diikuti oleh *Sunan al-Nasā’ī* dan *al-Muwaṭṭa’* dengan 9%. Antara buku yang menghuraikan *Sunan al-Nasā’ī* adalah *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī li al-Suyūtī* dan *Ḩāshiyah al-Sindī bi Sharḥ Sunan al-Nasā’ī*. Manakala, buku yang menghuraikan *al-Muwaṭṭa’* adalah *Al-Muntaqā Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik* dan *Al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik*.

Baki buku lain pula hanya mencapai nilai peratus 5% sahaja, iaitu satu buku menghuraikan satu buku utama hadis. Buku tersebut adalah *al-Fatḥ al-Rabbānī* yang menghuraikan *Musnad Aḥmad*, *Ma‘ālim al-Sunan* yang menghuraikan *Sunan Abī Dāwūd*, *Āriḍah al-Aḥwadhī* yang menghuraikan *Sunan al-Tirmidhī*, *Mirqāh al-Mafātiḥ* yang menghuraikan *Mishkah al-Maṣābīḥ*.

#### 2.4.2 Analisis Latar Belakang Masa dan Mazhab Fuqaha

Berdasarkan metodologi pengumpulan data, pengkaji telah menghuraikan kaedah pengumpulan data konsep *taghyīr khalqillāh* bagi fuqaha. Pengkaji menggunakan perisian Maktabah Shamela dan enjin carian di laman sesawang *al-Maktabah al-Shāmelah al-Hadīthiyyah* ([al-maktaba.org](http://al-maktaba.org)). Kata kunci yang dipilih adalah teks hadis

tersebut. Pengkaji akan memilih buku utama (الكتب المعتمدة) bagi setiap mazhab (Hanafī, Mālikī, Shāfi‘ī dan Ḥanbalī) yang membincangkan isu ini. Jika buku utama mazhab tidak membincangkan hadis ini atau hukum berkaitan *al-waṣl*, *al-namṣ*, *al-washm* dan *al-tafalluj*, pengkaji merujuk kepada buku lain yang kurang utama dalam mazhab tersebut.

Pencarian dalam mazhab Hanafi bermula dengan tiga buku utama dalam mazhab Hanafi iaitu *al-Mabsūt* oleh al-Sarakhsī, *Badā‘ al-Ṣanā‘* oleh al-Kāsānī dan *Radd al-Muḥṭar* oleh Ibn ‘Ābidīn. Hasil carian dalam *al-Mabsūt* mendapati beliau tidak membincangkan hadis ini manakala baki dua buku membincangkan isu ini. Seterusnya, pengkaji menambah rujukan kepada beberapa buku lain dalam mazhab Ḥanafī sebagai tambahan seperti *Tabyīn al-Haqā‘iq* oleh al-Zaila‘ī, *al-Naḥr al-Fā‘iq* atau *al-Baḥr al-Rā‘iq* oleh Ibn Nujaim, *Majma‘ al-Anhār* oleh ‘Abd al-Rahmān Zādah, *al-Hidāyah* oleh al-Marghīnānī, *al-Ikhtiyār li Ta‘līl al-Mukhtār* oleh al-Mūsīlī dan *al-Muḥīṭ al-Burhānī* oleh Ibn Māzah.

Huraian fuqaha utama dalam mazhab Mālikī tidak membincangkan hadis *al-waṣl*, *al-namṣ*, *al-washm* dan *al-tafalluj* berbanding buku utama mazhab lain. Perbincangan dalam buku *al-Taj wa al-Iklīl* pula sekadar menukilkan pandangan al-Qādī ‘Abd al-Wahhāb dan al-Qādī ‘Iyād. Antara buku utama yang telah dirujuk adalah *Mukhtaṣar Khalīl* oleh al-Jundī<sup>292</sup> beserta syarahan kepada buku ini seperti *al-Tāj wa al-Iklīl* oleh al-Muwāq<sup>293</sup>, *Mawāhib al-Jalīl* oleh al-Ru‘ainī<sup>294</sup>, *Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* oleh al-

<sup>292</sup> Al-Jundī, Khalīl bin Ishāq bin Mūsā, *Mukhtaṣar al-‘Allāmah Khalīl*, ed. Aḥmad Jād (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2005).

<sup>293</sup> Al-Muwāq, *al-Tāj wa al-Iklīl*.

<sup>294</sup> Al-Ḥaṭṭāb al-Ru‘ainī, Muḥammad bin Muḥammad al-Ṭarablīsī, *Mawāhib al-Jalīl fī Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* (Beirut: Dar al-Fikr, 1992).

Kharshī<sup>295</sup>, *Minaḥ al-Jalīl* oleh ‘Illīsh<sup>296</sup> dan *Sharḥ al-Zarqānī ‘alā Mukhaṣar Khalīl wa Hāshiyah al-Bannānī* oleh al-Zarqānī<sup>297</sup>. Sebaliknya, beberapa buku lain mazhab Mālikī telah dirujuk seperti *al-Dhakhīrah* oleh al-Qarāfī dan *Sharḥ al-Tanūkhī ‘alā Risālah al-Qayrawānī* oleh al-Tanūkhī.

Pengkaji telah memulakan pencarian pandangan fuqaha mazhab Shāfi‘ī dengan dua buku utama mazhab Shāfi‘ī yang ditulis oleh dua tokoh besar mazhab Shāfi‘ī iaitu buku *Nihāyah al-Muḥtaṭāj* oleh al-Ramlī<sup>298</sup> dan *Tuḥfah al-Muḥtaṭāj* oleh al-Haitamī<sup>299</sup>, namun tiada perbincangan mengenai hadis ini dalam dua buku tersebut. Maka, pengkaji menjadikan buku lain seperti *Fatḥ al-Azīz* oleh al-Rāfi‘ī, *Nihāyah al-Maṭlab* oleh al-Juwainī, *al-Wasīṭ fī al-Madhab* oleh al-Ghazālī dan *Mughni al-Muḥtaṭāj* oleh al-Shirbīnī sebagai rujukan.

Pengkaji merujuk beberapa buku utama mazhab Ḥanbalī dan mendapati kebanyakan mereka menyentuh isu ini. Antara buku yang dirujuk adalah *al-Sharḥ al-Kabīr ‘alā al-Muqni‘* dan *al-Mughnī* oleh al-Maqdīsī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt* dan *Kashshāf al-Qinā‘* oleh al-Bahūtī dan *Sharḥ Ghāyah al-Muntahā* oleh al-Ruhaibānī.

<sup>295</sup> Al-Kharshī, Muḥammad bin ‘Abdullāh, *Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* dicetak bersama al-‘Adawī, *Hāshiyah al-‘Adawi* (Beirut: t.tp).

<sup>296</sup> ‘Illīsh, Muḥammad bin Aḥmad, *Minaḥ al-Jalīl Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* (Beirut: 1989, tp.).

<sup>297</sup> Al-Zarqānī, *Sharḥ al-Zarqānī ‘alā Mukhtaṣar Khalīl*, dicetak bersama al-Zarqānī, ‘Abd al-Bāqī bin Yūsuf, *al-Fatḥ al-Rabbānī fī-mā Dhahala ‘An-hu al-Zarqānī*, ed. ‘Abd al-Salām Muḥammad Amīn (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002).

<sup>298</sup> Al-Ramlī, Muḥammad bin Aḥmad bin Ḥamzah, *Nihāyah al-Muḥtaṭāj ilā Sharḥ al-Minhāj*, dicetak bersama al-Shibrāmlīsī, *Hāshiyah al-Shibrāmlīsī* dan al-Maghribī al-Rāshidī, *Hāshiyah Aḥmad bin ‘Abd al-Razzāq* (Beirut: Dār al-Fikr, 1984).

<sup>299</sup> Al-Haitamī, Aḥmad bin Muḥammad ibn Ḥajar, *Tuḥfah al-Muḥtaṭāj fī Sharḥ al-Minhāj*, dicetak bersama *Hāshiyah ‘Abd al-Ḥamīd al-Sharwanī* dan *Hāshiyah al-‘Abbādī* (Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1938).

Jadual 2.10: Latar Belakang Fuqaha dan Buku Mereka

No.	Penulis dan Nama Buku	Kurun									Mazhab			
		5	6	7	8	9	10	11	12	13	Ḥanafī	Mālikī	Shāfi‘ī	Ḥanbalī
1.	Al-Māwardī (w.450H) <i>Al-Hāwi al-Kabīr</i>	✓												✓
2.	Al-Juwainī (w.478H) <i>Nihāyah al-Maṭlab</i>	✓												✓
3.	Al-Ghazālī (w.505H) <i>Al-Wasiṭ</i>		✓											✓
4.	Al-Kāṣānī (w.587H) <i>Badā’i’ al-Sanā’i’</i>		✓								✓			
5.	Al-Marghīnānī (w.593H) <i>Al-Hidāyah</i>		✓								✓			
6.	Ibn Māzah (w.616H) <i>Al-Muḥīt al-Burhānī</i>			✓							✓			
7.	Ibn Qudāmah (w.620H) <i>Al-Mughnī</i>			✓										✓
8.	Al-Rāfi‘ī (w.623H) <i>Fatḥ al-‘Azīz</i>			✓									✓	
9.	Al-Mūṣilī (w.683H) <i>Al-Ikhtiyār li Ta’īl al-Mukhtār</i>			✓							✓			
10.	Al-Zaila‘ī (w.783H) <i>Tabyīn al-Haqā’iq</i>				✓						✓			
11.	Al-Mardawī (w.885H) <i>Al-Insāf</i>					✓								✓
12.	Ibn Nujaim (w.970H) <i>Al-Naḥr al-Fā’iq/ al-Baḥr al-Rā’iq</i>						✓				✓			
13.	Al-Bahūtī (w.1051H) <i>Kashshāf al-Qinā’</i>							✓						✓
14.	‘Abd al-Rahmān Zādah (w.1078H) <i>Majma‘ al-Anhār</i>							✓			✓			
15.	Al-Nafrāwī (w.1126H) <i>Al-Fawā’ih al-Darāñī</i>								✓			✓		
16.	Al-‘Adawī (w.1189H) <i>Hāshiyah al-‘Adawī</i>								✓			✓		
17.	Ibn ‘Ābidīn (w.1198H) <i>Radd al-Muḥītār</i>								✓		✓			
18.	Al-Ruḥāibānī (w.1243H) <i>Sharḥ Ghāyah al-Muntahā</i>									✓				✓
	Jumlah	2	3	4	1	1	1	2	3	1	8	2	4	4
	Peratus	11%	17%	22%	5.5%	5.5%	5.5%	11%	17%	5.5%	44%	11%	22%	22%

Jadual 2.10 menunjukkan latar belakang fuqaha yang dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji, merangkumi kurun kelima hijriah hingga kurun ketiga belas hijriah. Terdapat empat fuqaha (22%) dari kurun ketujuh hijriah, diikuti tiga fuqaha dari kurun kedua belas hijriah, dua fuqaha dari kurun kelima dan sebelas hijriah. Manakala baki kurun kelapan, sembilan, sepuluh dan tiga belas diwakili seorang fuqaha sahaja.

Semua fuqaha ini berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan mempunyai taburan yang berbeza dari segi pegangan mazhab fiqh, dengan majoriti fuqaha terdiri dari mazhab Ḥanafī dengan lapan orang (44%), diikuti dengan mazhab

Shāfi‘ī dan Ḥanbalī dengan empat orang (22%) dan mazhab Mālikī dengan 2 orang sahaja (11%).

### 2.4.3 Analisis Tokoh yang Mengemukakan ‘Illah Larangan bagi *al-Waṣl*, *al-Washm*, *al-Namṣ* dan *al-Tafalluj*

Pengkaji memecahkan analisis tokoh yang mengemukakan ‘illah larangan bagi *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj* kepada lima berdasarkan pecahan mazhab tokoh tersebut; (i) mazhab *al-Saḥābi*, *al-Tābi‘īn*, al-Laith dan al-Ṭabarī, (ii) mazhab Ḥanafī, (iii) mazhab Mālikī, (iv) mazhab Shāfi‘ī dan (v) mazhab Ḥanbalī. Lima jadual ini akan menggabungkan tokoh dari kalangan *muḥaddithīn* dan fuqaha. Nama tokoh yang digelapkan adalah *muḥaddithīn* yang menjadi rujukan pengkaji dan baki tokoh lain yang tidak digelapkan merupakan fuqaha dari kalangan *salaf* atau mewakil mazhab tertentu.

Jadual 2.11: Senarai tokoh dan ‘illah larangan *al-waṣl*, *al-namṣ*, *al-wash*, *al-tafalluj* atau *al-washr* (mazhab *al-Saḥābi*, *Tābi‘īn*, al-Laith dan al-Ṭabarī)

Mazhab	Tokoh	<i>Al-Waṣl</i> (الوصل)			<i>Al-Washm</i> (الوشم)			<i>Al-Namṣ</i> (النمص)			<i>Al-Tafalluj</i> (التفلنج)																
		Mengubah ciptaan Allah SWT	Kecantikan	Penipuan	Melihat kepada bahan (rambut manusia tidak dibenarkan)	Membawa kepada nafsadah	Menjaga <i>karamah al-insan</i>	Kebersihan rambut (tidak dibenarkan jika rambut dari sumber najis)	Rambut dari <i>ajnabi</i>	Perbuatan ‘menyambung’ rambut	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membawa kepada nafsadah	Kawasan cacahan tatu menjadi najis	Kesan kekal dilarang	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membawa kepada nafsadah Berbebih-lebihan ( <i>al-takalluf</i> )	Berbias untuk <i>ajnabi</i>	Dilarang bagi wanita yang memang tidak dibenarkan untuk berbiasa	Syar’ pelacur (larangan <i>tasyabbhu</i> )	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membawa kepada nafsadah	Berbebih-lebihan ( <i>al-takalluf</i> )	Kecantikan	Jumlah
<i>Qawl al-Saḥabi</i>	‘Aishah RA (w.58H)			✓																				1			
	Mu’awiyah RA (w.60H)		✓																					1			
	Ummu Salamah RA (w.61H)			✓																				1			
	Ibn ‘Abbas RA (w.68H)			✓																				1			
<i>Qawl al-Tābi‘īn</i>	Sa’id bin Jubair (w.95H)			✓																				1			
	Ibrahim al-Nakha‘ī (w.96H)									✓														1			
Al-Laith	al-Laith bin Sa‘d (w.175H)			✓																				1			
Al-Tabari	Al-Tabari (w.310H)	✓	✓																					2			

Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan Jadual 2.11, terdapat lapan tokoh terdiri dari empat orang sahabat Nabi SAW, dua orang tābi‘in dan dua fuqaha bermazhab sendiri iaitu al-Laith dan al-

Tabarī. Semua fuqaha ini hanya mengemukakan ‘illah larangan *al-waṣl* sahaja. Majoriti mereka mengatakan ‘illah larangan *al-waṣl* bergantung kepada bahan yang digunakan sebagai rambut palsu. Larangan menyambung rambut terhad kepada rambut palsu yang diperbuat dari rambut manusia, manakala jika ia bukan dari rambut manusia, perbuatan tersebut dibenarkan. Pandangan ini dikemukakan oleh lima tokoh iaitu ‘Āishah RA, Ummu Salamah RA, Ibn ‘Abbās RA, Sa‘īd bin Jubair dan al-Laith bin Sa‘ad. Mu‘āwiyah pula berpandangan ‘illah larangan *al-waṣl* adalah penipuan manakala Ibrāhīm al-Nakha‘ī berpandangan perbuatan ‘menyambung rambut’ tersebut yang menjadi ‘illah larangan. Hanya al-Tabarī yang mengemukakan dua ‘illah larangan *al-waṣl* iaitu mengubah ciptaan Allah SWT dan kecantikan.

Jadual 2.12: Senarai tokoh dan ‘illah larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ*, *al-tafalluj* atau *al-washr* (mazhab Ḥanafī)

Tokoh	<i>Al-Wasl</i> (الوصل)			<i>Al-Washm</i> (الوشم)			<i>Al-Namṣ</i> (النمس)			<i>Al-Tafalluj</i> (التفالع)																
	Mengubah ciptaan Allah SWT	Kecantikan	Penipuan	Melibat kepada bahan (rambut manusia tidak dibenarkan)	Membawa kepada mafsadah	Menjaga <i>karamah al-insan</i>	Kebersihan rambut (tidak dibenarkan jika rambut dari sumber najis)	Rambut dari <i>ajnabi</i>	Perbuatan ‘menyambung’ rambut	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membawa kepada mafsadah	Kawasanan cacahan atau menjadi najis	Kesan kekal dilarang	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membawa kepada mafsadah	Berlebih-lebihan ( <i>al-takalif</i> )	Berbias untuk <i>ajnabi</i>	Dilarang bagi wanita yang memang tidak dibenarkan untuk berhas	Syar pelacur (larangan <i>tasyabkhah</i> )	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membawa kepada mafsadah	Berlebih-lebihan ( <i>al-takalif</i> )	Kecantikan
Ḥanafiyah		✓																								
Al-Kasani (w.587H)						✓																				
Al-Marghinani (w.593H)						✓																				
Ibn Mazah (w.616H)				✓																						
Al-Musili (w.683H)		✓	✓																							
Al-Zaila‘ī (w.743H)						✓																				
Al-‘Ainī (w.855H)					✓																					
Ibn Nujaim (w.970H)						✓																				
‘Abd al-Rahman Zadah (w.1078H)						✓																				
Al-Sindi (w.1138H)									✓																	
Ibn ‘Abidin (w.1198H)															✓											

Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan Jadual 2.12, terdapat sepuluh tokoh dari mazhab Ḥanafī yang mengemukakan ‘illah larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ*, *al-tafalluj* atau *al-washr*, terdiri dari dua tokoh *muḥaddithīn* iaitu al-‘Ainī dan al-Sindī manakala baki lapan tokoh adalah fuqaha. Al-‘Ainī merupakan tokoh yang paling kerap mengemukakan ‘illah

larangan dengan empat kali, diikut oleh al-Kāsānī, al-Mūṣilī, Ibn Nujaim, al-Sindī dan Ibn ‘Ābidīn dengan dua kali, manakala baki tokoh seperti al-Marghīnānī, Ibn Māzah, al-Zaila‘ī dan ‘Abd al-Rahmān Zādah dengan satu kali sahaja.

‘*Illah* yang paling dominan bagi setiap perbuatan tersebut adalah ‘*illah* ‘menjaga *karāmah insān*’ bagi *al-waṣl* yang dikemukakan oleh lima tokoh, ‘*illah* ‘kawasan cacahan tatu menjadi najis’ bagi *al-washm* yang dikemukakan oleh dua tokoh, ‘*illah* ‘berhias untuk *ajnabi*’ bagi *al-namṣ* yang dikemukakan oleh tiga tokoh dan ‘*illah* ‘berlebih-lebih (*al-takalluf*)’ bagi *al-tafalluj* yang dikemukakan oleh dua tokoh.

Jadual 2.13: Senarai tokoh dan ‘*illah* larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ*, *al-tafalluj* atau *al-washr* (mazhab Mālikī)

Tokoh	<i>Al-Wasl</i> (الوصل)			<i>Al-Washm</i> (الwashm)			<i>Al-Namṣ</i> (النمس)			<i>Al-Tafalluj</i> (الفالج)																
	Mengubah ciptaan Allah SWT	Kecantikan	Penipuan	Melibat kepada bahan (rambut manusia tidak dibenarkan)	Membaraya kepada mafsaadah	Menjaga <i>karamah al-insan</i>	Kebersihan rambut (tidak dibenarkan jika rambut dari sumber najis)	Membaraya kepada mafsaadah	Perbuatan ‘menyambung’ rambut	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Kawan cacahan tatu menjadi najis	Kesan kekal diarang	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membaraya kepada mafsaadah	Berlebih-lebihan ( <i>al-takalluf</i> )	Bertias untuk <i>ajnabi</i>	Dilarang bagi wanita yang memang tidak dibenarkan untuk berhias	Syar pelacur (larangan <i>zayabkhah</i> )	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membaraya kepada mafsaadah	Berlebih-lebihan ( <i>al-takalluf</i> )	Kecantikan	Jumlah
Malikiyyah			✓																							
Malik (w.179H)			✗																							
Qadi ‘Abd al-Wahhab (w.422H)	✓		✗																							
al-Bājī (w.494H)																										
Al-Qadi ‘Iyad (w.544H)				✓					✓					✓											3	
Al-Qurtubī (w.578H)														✓												1
Al-Nafrāwī (w.1126H)									✓																	1
al-‘Adawī (w.1189H)									✓																	2

Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan Jadual 2.13, terdapat tujuh tokoh dari mazhab Mālikī yang mengemukakan ‘*illah* larangan berkaitan *al-waṣl*, *al-washm* dan *al-namṣ* namun tiada tokoh yang mengemukakan ‘*illah* bagi *al-tafalluj*. Tujuh tokoh ini terdiri dari empat fuqaha iaitu Imām Mālik, Qādī ‘Abd al-Wahhāb, al-Nafrāwī dan al-‘Adawī manakala baki tiga tokoh dari *muḥaddithīn* iaitu al-Bājī, al-Qādī ‘Iyād dan al-Qurtubī. Tokoh yang paling kerap mengemukakan ‘*illah* adalah al-Qādī ‘Iyād dengan tiga kali, diikuti Qādī ‘Abd al-

Wahhāb dan al-‘Adawī dengan dua kali. Manakala baki empat tokoh sekadar mengemukakan ‘illah larangan sebanyak sekali sahaja.

‘Illah yang paling dominan bagi *al-waṣl* adalah ‘perbuatan menyambung rambut’ yang dikemukakan oleh tiga tokoh dan *al-washm* adalah ‘kesan kekal yang dilarang’ yang dikemukakan oleh tiga orang tokoh juga. ‘Illah larangan *al-namṣ* pula hanya dikemukakan sekali sahaja.

Jadual 2.14: Senarai tokoh dan ‘illah larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ*, *al-tafalluj* atau *al-washr* (mazhab Shāfi‘ī)

Tokoh	<i>Al-Waṣl</i> (الوصل)			<i>Al-Washm</i> (الوشم)			<i>Al-Namṣ</i> (النمس)			<i>Al-Tafalluj</i> (التفلج)																	
	Mengubah ciptaan Allah SWT	Kecantikan	Penipuan	Melihat kepada bahan (rambut manusia tidak dibenarkan)	Menjaga <i>karamah al-insan</i>	Kebersihan rambut (tidak dibenarkan jika rambut dari sumber najis)	Rambut dari <i>ajinabi</i>	Perbuatan ‘menyambung’ rambut	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membawa kepada mafasadah	Kawasan cacahan atau menjadi najis	Kesan kekal dilarang	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membawa kepada mafasadah	Berlebih-lebihan ( <i>al-takattyuf</i> )	Berhias untuk <i>ajinabi</i>	Dilarang bagi wanita yang memang tidak dibenarkan untuk berhias	Syar’ pelacur (larangan <i>tasyaribhish</i> )	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membawa kepada mafasadah	Berlebih-lebihan ( <i>al-takattyuf</i> )	Jumlah		
Syafi‘iyyah		✓																							✓	5	
Al-Khattabī (w.388H)	✓	✓		✓					✓	✓	✓			✓	✓	✓									12		
Al-Mawardi (w.450H)																										1	
Al-Juwainī (w.478H)									✓	✓																2	
Al-Ghazālī (w.505H)	✓	✓							✓	✓																4	
Al-Rāfi‘ī (w.623H)			✓						✓	✓																3	
Al-Nawawī (w.676H)																											2
Al-‘Asqalānī (w.852H)			✓																								1

Sumber: Analisi Pengkaji

Berdasarkan Jadual 2.14, terdapat tujuh tokoh dari mazhab Shāfi‘ī yang mengemukakan ‘illah larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*, terdiri dari empat fuqaha iaitu al-Māwardī, al-Juwainī, al-Ghazālī dan al-Rāfi‘ī, dan tiga *muḥaddithīn* iaitu al-Khaṭṭābī, al-Nawawī dan al-‘Asqalānī. Tokoh yang paling kerap mengemukakan ‘illah adalah al-Khaṭṭābī dengan dua belas kali, diikuti al-Ghazālī dengan empat kali, al-Rāfi‘ī dengan tiga kali, al-Juwainī dan al-Nawawī dengan dua kali. Al-Māwardī dan al-‘Asqalānī pula hanya mengemukakan ‘illah larangan sebanyak sekali sahaja.

Kekerapan ‘illah larangan bagi *al-waṣl*, *al-washm* dan *al-tafalluj* agak seimbang jika dibandingkan dengan mazhab Ḥanafi dan Mālikī. Terdapat tiga ‘illah larangan *al-waṣl* yang dikemukakan oleh tiga tokoh tanpa ada ‘illah larangan yang dominan iaitu penipuan, kebersihan rambut dan rambut dari *ajnabi*. Ketiga-tiga ‘illah ini dikemukakan sebanyak tiga kali. Begitu juga dengan ‘illah larangan *al-washm* iaitu mengubah ciptaan Allah SWT, penipuan dan membawa kepada *mafsadah* yang dikemukakan sebanyak sekali. Terdapat dua ‘illah larangan *al-tafalluj* yang dikemukakan sebanyak dua kali iaitu mengubah ciptaan Allah SWT dan penipuan.

Jadual 2.15: Senarai tokoh dan ‘illah larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-nams*, *al-tafalluj* atau *al-washr* (mazhab Ḥanbalī)

Tokoh	<i>Al-Waṣl</i> (الوصل)				<i>Al-Washm</i> (الوشم)				<i>Al-Nams</i> (النمس)				<i>Al-Tafalluj</i> (الفالج)										
	Mengubah ciptaan Allah SWT	Kecantikan	Penipuan	Melihat kepada bahan (rambut manusia tidak dibenarkan)	Membawa kepada mafsadah	Menjaga <i>karamah al-insan</i>	Kebersihan rambut (tidak dibenarkan jika rambut dari sumber najis)	Mengubah ciptaan Allah SWT	Membawa kepada mafsadah	Kawasan cacahan tatu menjadi najis	Kesank kekal dilarang	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membawa kepada mafsadah	Berlebih-lebihan ( <i>al-takallyf</i> )	Berhias untuk <i>ajnabi</i>	Dilarang bagi wanita yang memang tidak dibenarkan untuk berhias	Syar'i pelacur (larangan <i>tasyabbuh</i> )	Mengubah ciptaan Allah SWT	Penipuan	Membawa kepada mafsadah	Berlebih-lebihan ( <i>al-takallyf</i> )	Jumlah
Hanabilah	✓												✓					✓				✓	4
Ahmad (w.241H)			✓																				1
Ibn al-Jawzi (w.510H)													✓					✓					2
Ibn Qudamah (w.620H)	✓						✓											✓					3
Al-Bahuti (w.1051H)	✓																						1
Al-Ruhaibani (w.1243H)								✓															1

Sumber: Analisi Pengkaji

Jadual 2.15 menunjukkan senarai tokoh dan ‘illah larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-nams*, *al-tafalluj* atau *al-washr* dalam mazhab Ḥanbalī. Namun, tiada ‘illah larangan bagi perbuatan *al-washm* dan *al-tafalluj* direkodkan dari tokoh mazhab Ḥanbalī. Terdapat lima tokoh dari kalangan fuqaha yang mengemukakan ‘illah larangan *al-waṣl* dan *al-nams*, dan tiada tokoh dari *muḥaddithīn* bermazhab Ḥanbalī direkodkan. Tokoh yang paling kerap mengemukakan ‘illah larangan adalah Ibn Qudāmah yang mengemukakan

sebanyak tiga kali, diikuti Ibn al-Jawzī sebanyak dua kali, manakala Imām Aḥmad, al-Bahūtī dan al-Ruḥāibānī mengemukakan sebanyak sekali sahaja.

‘*Illah* larangan yang paling dominan bagi *al-waṣl* adalah ‘penipuan’ yang dikemukakan oleh dua tokoh dan *al-nams* adalah ‘syiar pelacur’ yang juga dikemukakan oleh dua orang tokoh.

#### 2.4.4 Analisis Ketepatan ‘*Illah*

Sebelum analisis ketepatan ‘*illah* dibuat, pengkaji akan merumuskan beberapa perkara penting mengenai ‘*illah* iaitu definisi ‘*illah*, syarat-syarat ‘*illah* dan cara mengenalpasti ‘*illah* (مسلک العلة). Para ulama berbeza pandangan dalam mendefinisikan ‘*illah*. Punca

perbezaan pandangan ini disebabkan perbezaan pandangan mereka dalam melihat skop ‘*illah* itu sendiri. Majoriti ulama al-Ashā’irah seperti al-Baiḍāwī dan sebahagian ulama bermazhab Ḥanafi berpendapat ‘*illah* berperanan sebagai pengenalan kepada hukum (العلة هي المعرف للحكم بوضع الشارع)<sup>300</sup> manakala majoriti ulama Muktazilah melihat

‘*illah* sebagai sifat yang memberi kesan kepada hukum (العلة هي الوصف المؤثر بذاته في)<sup>301</sup>

Majoriti ulama Ḥanafī, al-Āmidī dan Ibn Ḥājib pula mengatakan ‘*illah* adalah

<sup>300</sup> Al-Baiḍāwī, *Minhāj al-Wuṣūl*, dicetak bersama al-Isnawī, *Nihāyah al-Sūl* (*Sharḥ al-Isnawī ‘alā al-Minhāj*) dan al-Badakhshī, *Minhāj al-‘Uqūl Sharḥ Minhāj al-Wuṣūl* (Kaherah: Maṭba‘ah ‘Ali Ṣubaih, t.t.), 3:37; Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī, *Irshād al-Fuṣūl ilā Taḥqīq al-Ḥaqq min ‘Ilm al-Uṣūl* (Kaherah: Maṭba‘ah al-Ḥalabī, 1937), 207; al-Futūḥī, Taqiy al-Dīn Abū al-Baqā’, *Mukhtaṣar al-Taḥrīr aw Mukhtaṣar al-Mubtakir fī Uṣūl al-Fiqh al-Ḥanabilah* (*Sharḥ al-Kawkaṭ al-Munir*), ed. Muḥammad Ḥamīd al-Faqqāfī, al-Zuhailī dan Ḥammād (Kaherah: Maktabah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, 1953), 488; dan al-Zarkashī, Muḥammad, *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, no. manuskrip 101), 3:164.

<sup>301</sup> Al-Zarkashī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, 3:165; al-Isnawī, *al-Isnawi ‘alā al-Minhāj*, 3:39; dan al-Shawkānī, *Irshād al-Fuṣūl*, 207.

faktor yang membawa kepada hukum (العلة هي الباعث على الحكم)<sup>302</sup>. Terdapat juga definisi yang hampir dengan definisi ketiga ini yang menyatakan *maqāṣid* sesuatu hukum untuk mendapatkan *maṣlaḥah* عنده تخصيلاً للمصلحة (ما شرع الحكم عنده تخصيلاً للمصلحة)<sup>303</sup>. Namun begitu, pengkaji lebih bersetuju dengan gabungan antara definisi yang dikemukakan oleh Shaikh Muḥammad Abū Zahrah dan Dr. Wahbah al-Zuhaili:

“‘*Illah* adalah sifat zahir yang konsisten, sesuai dengan hukum, dan kewujudan hukum bergantung kepada kewujudan atau ketiadaan ‘*illah* (الوصف الظاهر المنضبط المناسب للحكم يبني الحكم وجوداً وعدماً)<sup>304</sup>.

Berdasarkan definisi ini, terdapat beberapa syarat penting yang perlu dipenuhi oleh ‘*illah* antaranya<sup>305</sup>:

- i. ‘*Illah* mestilah suatu sifat yang zahir dan bersifat fizikal. Namun, jika ‘*illah* bersifat batin (dalaman), suatu sifat zahir yang lain akan digunakan sebagai kayu ukur.
- ii. ‘*Illah* mestilah konsisten dan tidak bergantung kepada perubahan individu, keadaan dan suasana setempat.
- iii. ‘*Illah* mestilah sesuai dengan hukum. Perkaitan antara ‘*illah* dengan hukum mestilah jelas.

<sup>302</sup> Al-Āmidī, *Sayf al-Dīn*, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (Kaherah: Mu’assasah al-Ḥalabī, t.t.), 3:186; dan al-Taftāzānī, *Hāshiyah al-Taftāzānī ‘alā al-‘Aqād*, dicetak bersama al-Ījī, *Sharḥ al-‘Aqād al-Millah wa al-Dīn* dan Ibn Ḥajib, *Mukhtaṣar al-Muntahā al-Uṣūlī*, (Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, 1973), 2:213.

<sup>303</sup> Al-Zarkashī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, 3:165; al-Anṣārī, ‘Abd al-‘Alī bin Muḥammad Niẓām al-Dīn, *Fawā’id al-Raḥamāt Sharḥ Musallam al-Thubūt*, dicetak bersama al-Bahārī, Muhibbullah bin ‘Abd al-Shukūr, *Musallam al-Thubūt*, (Kaherah: Maṭba‘ah al-Amīriyyah, 1324H), 2:260; al-Isnawī, *al-Isnawī ‘alā al-Minhāj*, 3:39; al-Shawkānī, *Irshād al-Fuḍūl*, 207.

<sup>304</sup> Wahbah al-Zuhailī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Damshik: Dār al-Fikr, 2008), 1:617; Muḥammad Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1977), 216.

<sup>305</sup> Ibid.

- iv. ‘*Illah* mestilah boleh mempengaruhi perkara lain dan tidak hanya eksklusif pada hukum asal.
- v. Tiada dalil yang memansuhkan ‘*illah* tersebut.

Seterusnya, terdapat tiga cara untuk mengenalpasti ‘*illah* iaitu (i) melalui nas al-Qur’ān atau hadis Nabi SAW seperti larangan menyimpan daging korban supaya dapat dihidangkan kepada tetamu yang datang ke Madinah pada Hari Tasyrīk , (ii) melalui *ijmā'* seperti mendahuluikan adik beradik seibu sebapa berbanding adik beradik sebapa disebabkan kelebihan hubungan keibuan antara si mati dengan adik beradik seibu sebapa berbanding adik beradik sebapa, (iii) melalui *ijtihād* pada ulama seperti kaedah *Tanqīh al-Manāṭ*. *Tanqīh al-Manāṭ* adalah suatu proses penentuan ‘*illah* sesuatu hukum dengan cara menyenaraikan dan menilai semua perkara yang berpotensi menjadi ‘*illah*. Hanya ‘*illah* yang paling sesuai akan dipilih melalui proses ini<sup>306</sup>.

Contohnya, seorang lelaki telah bersetubuh dengan isterinya pada siang hari bulan Ramadan lalu beliau mengadu hal tersebut kepada Nabi SAW. Nabi SAW telah menyuruhnya menebus dosa tersebut dengan melakukan *kaffārah*. Terdapat beberapa perkara yang boleh menjadi ‘*illah* penebusan *kaffārah* ini seperti (i) pelakunya berbangsa Arab, (ii) dia bersetubuh dengan isterinya, (iii) dia mencemar kehormatan bulan Ramadan atau (iv) dia bersetubuh pada bulan Ramadan. Maka, selepas proses *tanqīh al-manāṭ*, ulama mazhab Shafi‘ī mengatakan ‘*illah* menebus *kaffārah* ini adalah bersetubuh pada bulan Ramadan manakala ulama mazhab Ḥanafi berpendapat ‘*illah* tersebut adalah berbuka puasa dengan sengaja pada siang bulan Ramadan<sup>307</sup>.

Berdasarkan definisi, syarat dan cara mengenalpasti ‘*illah* ini, pengkaji berpendapat ‘*illah* larangan bagi keempat-empat perbuatan ini adalah ‘mengubah ciptaan

---

<sup>306</sup> Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 222-225.

<sup>307</sup> ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2003), 86.

Allah SWT'. Ini kerana, '*illah* ‘mengubah ciptaan Allah SWT’ paling menepati syarat-syarat yang telah dinyatakan. Malah, '*illah* ini telah disebutkan di dalam hadis tersebut.

Menurut al-‘Asqalānī, lafaz (المغيرات خلق الله) adalah sifat kepada keempat-empat

perbuatan ini dan sifat boleh menjadi '*illah* menurut pandangan *uṣūliyyāt*. Al-‘Aini turut mengatakan lafaz tersebut sebagai '*illah* kepada lakan yang disebutkan oleh Nabi SAW<sup>308</sup>.

Sebagai contoh, salah satu dari '*illah* larangan keempat-empat perbuatan ini adalah penipuan dan membawa kepada *mafsadah*. Namun, '*illah* ini tidak konsisten kerana rasa tertipu dengan satu-satu perbuatan berbeza mengikut individu. Seseorang individu mungkin tertipu dengan pemakaian rambut palsu, namun individu lain mungkin tidak tertipu kerana tahu rambut tersebut adalah rambut palsu. Begitu juga dengan *mafsadah* yang berbeza penilaianya mengikut individu. Ia mungkin memberikan *mafsadah* kepada seseorang namun tidak memberi kesan orang lain pula. Malah, '*illah* penipuan ini tidak menepati syarat pertama yang menyatakan '*illah* mestilah bersifat *zāhir*. Penipuan adalah perkara dalaman dan bukan bersifat *zāhir*.

'*Illah* ‘menyambung’ rambut pada *al-waṣl* juga kurang tepat kerana '*illah* ini hanya eksklusif pada perbuatan *al-waṣl* sahaja tanpa boleh mempengaruhi perbuatan lain yang tidak melibatkan ‘penyambungan’. '*Illah* pengubahan kekal pada *al-washm* juga kurang tepat kerana pada hari ini, sudah kedapatan teknologi yang mampu membuang kesan cacahan tatu tanpa perlu melakukan prosedur pembedahan. Maka, '*illah* pengubahan kekal ini juga tidak konsisten dan berubah dengan perubahan masa dan keadaan. '*Illah* berlebih-lebihan (*al-takalluf*) pada *al-namṣ* dan *al-tafalluj* juga tidak konsisten dan bergantung kepada perspektif individu yang menilai satu-satu perbuatan.

<sup>308</sup> Al-‘Ainī, ‘Umdah al-Qārī, 22:103.

Pihak A mungkin berpendapat sesuatu perbuatan sebagai berlebihan, namun pihak B pula berpendapat sebaliknya.

Maka, ‘illah paling tepat bagi keempat-empat perbuatan ini; *al-waṣl*, *al-namṣ*, *al-wash*, *al-tafalluj* atau *al-washr* adalah mengubah ciptaan Allah SWT. Namun, baki ‘illah dalam jadual tersebut boleh digunakan untuk membentuk konsep *taghyīr khalqillāh* menurut *muḥaddithīn* dan *fuqaha*. Hal ini bertepatan dengan perbincangan *uṣūliyyūn* mengenai *takhṣīṣ ‘illah*.

## 2.5 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dalam Bab 2, pengkaji mendapati asas pembentukan konsep *taghyīr khalqillāh* adalah surah al-Nisā’, ayat 119 dan hadis larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-taffaluj*. Menerusi analisis pada huraian *mufassirīn* terhadap ayat tersebut, pengkaji mendapati *mufassirīn* membahagikan *taghyīr khalqillāh* kepada *taghyīr ma‘nawī* dan *taghyīr ḥissī*. *Taghyir ḥissi* pula dibahagikan kepada empat asas utama iaitu bentuk pengubahan, tujuan pengubahan, pertimbangan *maqāṣid* dan hasil fizikal pengubahan. Analisis pada huraian *muḥaddithīn* dan *fuqaha* terhadap hadis berkaitan, pengkaji mendapati mereka menepati tiga asas yang telah dibentuk oleh *mufassirīn* iaitu tujuan pengubahan, bentuk pengubahan dan pertimbangan *maqāṣid* pengubahan. Namun, mereka menambah satu lagi asas iaitu sumber bahan yang digunakan.

Seterusnya, Bab 3 akan membincangkan *takhṣīṣ ‘illah* secara ringkas dan proses pembentukan konsep *taghyīr khalqillāh* berdasarkan senarai ‘illah dalam Jadual 2.11 hingga Jadual 2.15. Pengkaji juga akan meneliti beberapa hadis Nabi SAW lain yang menyentuh perbuatan mengubah ciptaan Allah SWT seperti memotong kuku, memotong rambut, berkhatan, mencukur janggut, menipiskan misai dan menginai rambut. Selain itu, beberapa hadis lain akan turut dirujuk bagi menambah perbincangan mengenai ciri-ciri *taghyīr khalqillāh* yang dibenarkan atau dilarang.

## **BAB 3: TAGHYĪR KHALQILLĀH YANG DIHARUSKAN DAN DILARANG**

### **3.1 Pengenalan**

Bab 3 akan membincangkan tentang *taghyīr khalqillāh* yang diharuskan dan dilarang berdasarkan hadis yang membincangkan tentang amalan fitrah iaitu berkhatan, mencukur bulu ari-ari, memotong misai, memotong kuku dan mencabut bulu ketiak. Ini kerana, amalan fitrah ini membawa kepada *taghyīr khalqillāh* namun ia masih dibenarkan dengan ‘*illah* dan *maṣlaḥah* tertentu. Seterusnya, pengkaji akan menggunakan teori *takhṣīṣ ‘illah* bagi membentuk konsep *taghyīr khalqillāh* yang dibenarkan dan dilarang dengan melihat pertimbangan *maqāṣid* sebagai sandaran. Ini bermakna, tiga tahap keperluan manusia; *darūriyyāt*, *ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* akan diteliti. Pengkaji akan meneruskanuraian pada *taghyīr khalqillāh taḥsīniyyah* kerana *taghyīr* pada tahap ini masih menjadi pertikaian dalam kalangan ulama. Panduan *taghyīr khalqillāh taḥsīnah* akan dibina melalui gabungan beberapa lagi nas lain sebagai sandaran seperti keperluan mendapatkan keizinan dari pesakit, tiada unsur jual beli, doktor yang melakukan *taghyīr* mestilah doktor pakar dan lain-lain.

### **3.2 *Taghyīr Khalqillāh* yang Diharuskan dan Dilarang**

Sebelum meneruskan perbincangan mengenai *takhṣīṣ ‘illah*, pengkaji akan melihat perbincangan mengenai perbuatan *taghyīr khalqillāh* yang dibenarkan. Perkara yang akan diteliti adalah ‘*illah* atau *ḥikmah* keharusan semua perbuatan ini berdasarkan *ijtihād* fuqaha dan *muḥaddithīn*. ‘*Illah* keharusan ini akan diteliti dan dibanding dengan ‘*illah* larangan *taghyīr khalqillāh* bagi perbincangan sebelum ini. Terdapat beberapa perbuatan *taghyīr khalqillāh* yang dibenarkan oleh Nabi SAW iaitu:

i. **Amalan *fitrah* berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah RA:**

الْفِطْرَةُ خَمْسٌ: الْخِتَانُ وَالإِسْتِحْدَادُ وَقَصُّ الشَّارِبِ وَتَقْلِيمُ الْأَظَافِرِ وَنَتْفُ الْآبَاطِ

Terjemahan: Lima perbuatan *fitrah*: Berkhatan, mencukur bulu ari-ari, memotong misai, memotong kuku dan mencabut bulu ketiak<sup>309</sup>.

Hadis ini menunjukkan lima perkara *fitrah* yang sangat dituntut oleh Islam kepada penganutnya. Dalam riwayat lain, Nabi SAW menyebut sepuluh perkara *fitrah*, seperti hadis riwayat ‘Aishah RA:

عَشْرُ مِنْ الْفِطْرَةِ: قَصُّ الشَّارِبِ، وَإِعْفَاءُ الْلِّحْيَةِ، وَالسُّوَاكُ، وَالاسْتِنْشَاقُ بِالْمَاءِ، وَقَصُّ الْأَظَافِرِ، وَغَسْلُ الْبَرَاجِمِ، وَنَتْفُ الْإِبْطِ، وَحَلْقُ الْعَانَةِ، وَانْتِقَاصُ الْمَاءِ" يَعْنِي الْاسْتِنْجَاءُ

Terjemahan: Sepuluh perbuatan *fitrah*: Memotong misai, merapikan janggut, bersiwak, memasukkan air ke dalam hidung, memotong kuku, membersihkan ruas jari, mencabut bulu ketiak, mencukur bulu ari-ari dan beristinjak<sup>310</sup>.

Hakikatnya, terdapat banyak lagi perkara *fitrah* kerana bilangan ‘lima’ dan ‘sepuluh’ dalam hadis tersebut tidak membawa maksud *tahdīd*, iaitu tiada lagi perkara lain selain hadis tersebut. Pengkaji melihat perkara *fitrah* ini sebagai satu bentuk *taghyīr khalqillāh* yang dibenarkan oleh Islam. Menerusi hadis ini, pengkaji akan mengkaji hikmah dari suruhan melakukan perkara *fitrah* ini. Hanya dua jenis perkara *fitrah* yang akan dikaji. Pertama, berkhatan dan kedua perkara *fitrah* yang melibatkan bulu dan

<sup>309</sup> Hadis riwayat Bukhārī dalam *Kitāb al-Libās*, *Bāb Qaṣṣ al-Shārib*, no. hadis 5889 dan Muslim dalam *Kitāb al-Tahārah*, *Bāb Khiṣāl al-Fitrah*, no. hadis 257.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 4:72; al-Naisābūrī, *Saḥīḥ Muslim*, 133-135.

<sup>310</sup> Hadis diriwayatkan oleh Ibn Mājah, dalam *Kitāb al-Tahārah*, *Bāb al-Fitrah*, no. hadis 293. Hadis ini dinilai *saḥīḥ* oleh al-Arnā'ūt.

Lihat: Ibn Mājah, Muhammad bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Shu'aib al-Arnā'ūt et al. (Beirut: Dār al-Risalah al-‘Ālamiyah, 2009), 1:195-196.

rambut, seperti memotong misai, memotong bulu ari-ari, memotong rambut, mencabut bulu ketiak dan memotong bulu badan.

Secara umum, perkara *fitrāh* ini melibatkan *maṣlaḥah* dunia dan agama. *Maṣlaḥah* dunia dari perkara *fitrāh* ini adalah mencantikkan penampilan seseorang, membersihkan badan dan menjadikan manusia sekeliling selesa. Manakala, *maṣlaḥah* agama pula membolehkan muslim tidak menyerupai penganut agama lain dan mematuhi suruhan Allah SWT menerusi firman-Nya: “Dan Dialah yang menjadikan kamu dalam keadaan terbaik<sup>311</sup>”<sup>312</sup>. Selain aspek kebersihan, berkhatan juga mampu menjadikan hubungan seks lebih nikmat berbanding lelaki yang tidak berkhatan. Al-Zaila‘ī berkata:

“Hukum berkhatan adalah sunat berdasarkan hadis Nabi SAW. Ia juga merupakan salah satu dari syiar Islam. Manakala berkhatan bagi wanita adalah satu kemuliaan kepada lelaki. Ini kerana, berkhatan menjadikan hubungan seks lebih nikmat. Menyakiti manusia adalah haram melainkan terdapat *maṣlaḥah* untuknya dan berkhatan juga mempunyai *maṣlaḥah* kepada orang yang melakukannya<sup>313</sup>”.

Perkara ini turut disebutkan oleh al-Kharshī: “Berkhatan menjadikan hubungan seks lebih nikmat kerana kulit vagina yang bersentuhan dengan zakar akan menjadikan

---

<sup>311</sup> Surah Ghāfir, 3.

<sup>312</sup> Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 10:351.

قال العسقلاني : ويتعلق بهذه الخصال مصالح دينية ودنيوية تدرك بالتتبع ، منها تحسين الهيئة ، وتنظيف البدن جملة وتفصيلاً ، والاحتياط للطهارتين ، والإحسان إلى المخالط والمقارن بكف ما يتاذى به من رائحة كريهة ، ومخالفة شعار الكفار من المجروس واليهود والنصارى وعباد الأوثان ، وامثال أمر الشارع ، والمحافظة على ما أشار إليه قوله - تعالى - : صوركم فأحسن صوركم لما في المحافظة على هذه الخصال من مناسبة ذلك .

<sup>313</sup> Surah Ghāfir, 3.

<sup>313</sup> Al-Zaila‘ī, *Tabyīn al-Haqā’iq*, 6:226-227.

قال الزيلعي : والأصل أن الختان سنة كما جاء في الخبر ، وهو من شعائر الإسلام وخصائصه ... وختان المرأة ليس بسنة ، وإنما هو مكرمة للرجال لأنها أذى في الجماع ، وقيل سنة ، والأصل أن إيصال الآلم إلى الحيوان لا يجوز شرعاً إلأ مصالح تعود عليه ، وفي الختان إقامة السنة ، وتتعدد إليه أيضاً مصالحته .

hubungan kelamin lebih nikmat jika kulit tersebut lengkap (tanpa khatan). Maka, jika berkhatan menjadikan wanita hilang nikmat seks, dia tidak perlu berkhatan”<sup>314</sup>.

Pandangan ini selari dengan survei yang dibuat oleh Masood et al. terhadap 150 responden dan hanya 59% responden yang memberikan maklum balas terhadap soalan mengenai khatan. Hasil survei mendapati 69% responden mendapati sakit ketika hubungan seks berkurangan selepas berkhatan dan 38% responden nikmat seks bertambah selepas berkhatan<sup>315</sup>. Kajian Ming-Hsin Yang et al. pula mendapati berkhatan mampu meningkatkan keyakinan seseorang seterusnya memperbaiki hubungan seks. Malah, beliau turut menggalakkan pakar urologi supaya menasihati golongan muda berkhatan<sup>316</sup>.

Melalui perbandingan ini, pengkaji mendapati *maqāṣid* berkhatan berada pada tahap *ḥājjah* kerana ia menjadikan zakar lebih bersih di samping mampu meningkatkan kepuasan seks seseorang. Maka, Nabi SAW menggalakkan umatnya supaya berkhatan walaupun ia termasuk dalam *taghyīr khalqillāh*. Malah, *taghyir* yang berlaku pada zakar selepas berkhatan bersifat kekal. Maka, galakan berkhatan menunjukkan Islam membenarkan *taghyīr khalqillāh* jika terdapat *maṣlaḥah* di sebalik sesuatu perbuatan, walaupun *maṣlaḥah* tersebut tidak sampai ke tahap *darūrah*.

<sup>314</sup> Al-Kharshī, Muḥammad bin ‘Abdullāh, *Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, dicetak bersama al-‘Adawī, ‘Alī bin Aḥmad bin Mukram al-Sa‘idī, *Ḥāfiyyah al-‘Adawī* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 3:48.

قال الخرشي : وَأَحْظَى أَيْ أَلَدَّ عِنْدَ الْجَمَاعِ لَاَنَّ الْجِلْدَةَ تَشْتُدُّ مَعَ الذُّكُّرِ مَعَ كَمَالِهَا فَتَقُوَّى الشَّهْوَةُ لِذَلِكَ وَإِذَا لَمْ تَكُنْ كَذِلِكَ فَالْأَمْرُ بِالْعَكْسِ .

<sup>315</sup> Masood S, Patel H, R, H, Himpson R, C, Palmer J, H, Mufti G, R, Sheriff M, K, M, “Penile Sensitivity and Sexual Satisfaction after Circumcision: Are We Informing Men Correctly?”, *Urologia International* (2005), vol.75, 62-66.

<sup>316</sup> Ming-Hsin Yang, Chih-Wei Tsao, Sheng-Tang Wu, Feng-Ping Chuang, En Meng, Shou-Hung Tang, Guang-Huan Sun, Dah-Shyong Yu, Sun-Yran Chang, Tai-Lung Cha, “The Effect Of Circumcision On Young Adult Sexual Function”, *The Kaohsiung Journal of Medical Sciences* (2014), vol. 30 (6), 305-309.

Memotong bulu yang ada pada anggota badan seperti rambut, bulu ari-ari, bulu ketiak, misai dan janggut juga digalakkan oleh Islam. *Maqāṣid* utama adalah supaya muslim sentiasa berada dalam keadaan bersih. Pengkaji berpendapat, *maqāṣid* menjaga kebersihan ini berada pada turutan *taḥsīnah*. Menurut Mūsā Shāhin Lāshin:

“Sesungguhnya Allah SWT itu Cantik dan sukaan kecantikan. Islam adalah agama yang bersih dan sentiasa menyeru kepada kebersihan dalam pelbagai keadaan. Allah SWT telah menciptakan manusia dalam keadaan yang paling sempurna dan fizikalnya lebih cantik berbanding haiwan. Tetapi, Dia juga menjadikan pada diri manusia itu beberapa perkara yang perlu diubah dengan tangannya sendiri supaya dia boleh mendapat pahala dengan melakukannya.

Dia menyuruh manusia memotong kuku, mencabut bulu ketiak dan mencukur buku ari-ari. Kemudian, Dia menjadikan perkara ini sebagai satu fitrah bagi umat Islam. Malah, Dia juga menyuruh supaya menjauhi perkara yang boleh mendatangkan mudarat kepada dirinya, berhias dengan sebaiknya sebelum ke masjid, si isteri disuruh supaya berhias untuk suami dengan apa jua perhiasan, suami juga perlu berhias untuk isteri. Contohnya, mandi untuk menghilangkan bau-bau yang busuk pada badan, memakai pakaian yang cantik, memakai haruman yang wangi dan merapikan bulu-bulu yang tidak diperlukan.

Nabi SAW pernah bersabda: Sesiapa yang mempunyai rambut, maka muliakanlah ia<sup>317</sup>. Semua perkara ini tidak dikira sebagai mengubah ciptaan Allah SWT yang dilarang atau (pengubahan) yang akan diazab. Tetapi, jika semua perbuatan ini dilakukan untuk perkara yang haram, maka ia diharamkan. Hakikatnya, ia dilarang bukan kerana perbuatan itu sendiri yang berdosa, tetapi kerana tujuannya yang telah tersasar. Contohnya, wanita yang berhias bukan untuk suaminya, maka dia telah berdosa<sup>318</sup>.

<sup>317</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī dari Abū Hurairah RA, no. hadis 8485.

Lihat: al-Ṭabrānī, Sulaimān bin Alḥmad, *al-Mu’jam al-Awsāṭ*, ed. Ṭāriq bin ‘Iwaḍullāh dan ‘Abd al-Muhsin bin Ibrāhīm (Kaherah: Dār al-Ḥaramain, 1995), 8:229-230.

<sup>318</sup> Mūsā Shāhin Lāshin, *Fatḥ al-Mun‘im Sharḥ Saḥīḥ Muslim* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2002), 8:411-412.

Selain melihat aspek tujuan sesuatu perhiasan atau *taghyīr*, terdapat aspek lain yang perlu diambil kira iaitu aspek *tashabhu* dan aspek hasil fizikal. Ini kerana, walaupun Islam membenarkan umatnya memotong rambut, terdapat beberapa jenis potongan dan hiasan rambut yang dilarang seperti memotong rambut secara *qaza*<sup>319</sup>. Diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar bahawa Nabi SAW melihat rambut kanak-kanak yang dicukur sebahagian dan ditinggal sebahagian yang lain. Kemudian, beliau melarang perbuatan tersebut:

احلقوه كله أو اترکوه كله

Terjemahan: Cukur semuanya atau biarkan semuanya<sup>320</sup>.

Menurut al-Nawawī, para ulama bersepakat mengatakan melarang muslim memotong rambut secara *qaza*'. Beliau menambah, antara hikmah larangan *qaza*' adalah potongan ini menjadikan penampilan seseorang hodoh dan menyerupai Yahudi. Maka, melalui larangan *qaza*' ini, sebarang *taghyīr* yang ingin dilakukan mestilah tidak membawa kepada penampilan fizikal yang hodoh di samping tidak menyerupai orang kafir berdasarkan hadis Nabi SAW:

من تشبه بقوم فهو منهم .

Terjemahan: Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk sebahagian dari mereka<sup>321</sup>.

<sup>319</sup> Potongan rambut secara *qaza*' adalah mencukur sebahagian dan meninggalkan sebahagian yang lain.

<sup>320</sup> Hadis riwayat Abū Dāwūd dalam *Kitāb al-Tarajjul, Bāb fī al-Dhu’ābah*, no. hadis 4195, al-Nasā’ī dalam *Kitāb al-Zīnah, Bāb al-Rukhṣah fī Ḥalq al-Ra’s*, no. hadis 5063.

Lihat: Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 4:264; dan al-Nasā’ī, *al-Mujtabā*, 4:505.

<sup>321</sup> Hadis riwayat Abū Dāwūd dalam *Kitāb al-Libās, Bāb fī Lubs al-Shuhrah*, no. hadis 4031.

Lihat: Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 4:204.

Pentahqīq menukilkan kata-kata al-Sakhāwī, Ibn Taimiyyah dan Ibn Hajar mengenai status hadis ini. Al-Sakhāwī berkata: “Hadis ini terdapat kelemahan (*da’if*) namun mempunyai banyak sokongan lain (*shawāhid*”, Ibn Taimiyyah berkata: “*Sanad* hadis ini *jayyid*”, dan Ibn Hajar berkata: “*Sanad* hadis ini *ḥasan*”.

## ii. Memakai hidung palsu dari emas.

Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abd al-Rahmān bin Ṭarafah mengenai datuknya, ‘Arfajah, beliau berkata:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ طَرْفَةَ، أَنَّ جَدَهُ عَرَفْجَةَ بْنَ أَسْعَدَ أُصِيبَ أَنْفُهُ فِي الْجَاهِلِيَّةِ يَوْمَ الْكُلَابِ، فَاتَّخَذَ أَنْفًا مِنْ وَرِقٍ، فَأَنْتَنَ عَلَيْهِ، فَأَمَرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَتَخَذَ أَنْفًا، يَعْنِي، مِنْ ذَهَبٍ

Terjemahan: Hidung ‘Arfajah bin As‘ad terputus ketika perang al-Kulāb di zaman Jahiliyah. Beliau menggunakan hidung palsu dari perak, tetapi hidungnya membusuk. Lalu Nabi SAW menyuruh beliau menggunakan hidung palsu dari emas<sup>322</sup>.

Hadis ini menunjukkan keharusan kepada lelaki memakai emas jika berada pada tahap *darūrah*. Ini kerana, pemakaian emas bagi lelaki adalah haram dan hanya keadaan *darūrah* yang boleh mengharuskan perkara haram berdasarkan kaedah fiqh: (الضرورات)

الضرورات). Perkara ini selari dengan pandangan beberapa orang *muḥaddithīn* dan fuqaha. Al-Khaṭṭābī berkata: “Hadis ini menunjukkan keharusan kepada lelaki menggunakan emas pada kadar minimum dalam keadaan *darūrah* seperti memakai gigi palsu emas”<sup>323</sup>.

<sup>322</sup> Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dalam *Kitāb al-Khātim*, *Bāb Mā Jā’ fī Rab al-Asnān bi al-Dhahab*, no. hadis 4228.

Hadis ini dinilai sebagai *ḥasan* oleh al-Albānī.

Lihat: Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 4:279.

<sup>323</sup> Ābādī, Abū al-Ṭayyib Muḥammad Shams al-Ḥaqqa al-‘Aẓīm, ‘Awn al-Ma‘būd, dicetak bersama al-Jawziyyah, al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Ibn Qayyim, *Ta’līqāt Ibn Qayyim*, ed. ‘Iṣām al-Dīn al-Ṣabbabī (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2001), 7:299.

قال الخطابي : فيه استباحة استعمال اليسير من الذهب للرجال عند الضرورة .

Al-Marghīnānī al-Ḥanafī berkata: “Menurut Abū Ḥanīfah, hukum asal lelaki memakai emas adalah haram dan hanya menjadi harus dalam keadaan *darūrah*”<sup>324</sup>. Illīsh al-Mālikī berkata: “Dikecualikan (dari larangan memakai emas jika digunakan pada hidung) yang terputus. Maka, dibenarkan menggantikan hidung tersebut dengan emas atau perak. Sebahagian ulama mengutamakan (penggunaan) emas kerana ia mampu mengelakkan (hidung) membusuk”<sup>325</sup>.

Al-Shirāzī al-Shāfi‘ī berkata: “Saduran emas adalah haram sama ada pada kuantiti sedikit atau banyak berdasarkan hadis Nabi SAW mengenai emas dan sutera, ‘Dua barang ini haram ke atas lelaki tetapi halal bagi wanita’<sup>326</sup>. Namun, lelaki boleh menggunakan jika terdesak (*darūrah*) berdasarkan riwayat ‘Arfajah bin As‘ad yang menggunakan hidung palsu bagi menggantikan hidungnya yang terpotong ketika perang Kulāb. Hidung palsu dari perak yang beliau gunakan menyebabkan hidungnya membusuk

---

<sup>324</sup> Al-Marghīnānī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Abū Bakr, *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī*, dicetak bersama al-Laknawī, *Sharḥ al-‘Allāmah ‘Abd al-Ḥayy al-Laknawī*, ed. Na‘īm Ashraf Nūr Aḥmad (Karachi: Idārah al-Qur’ān wa al-‘Ulūm al-Islāmiyyah, 1997), 7:185.

قال المرغيناني : ولابي حنيفة أن الأصل فيه التحرم، والإباحة للضرورة .

<sup>325</sup> Illīsh, Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad, *Maṇḥ al-Jalīl Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, dicetak bersama *Ta‘līqāt min Tashil Maṇḥ al-Jalīl* (Beirut: Dār al-Fikr, 1984), 1:58-59.

قال عليش : (وحرم استعمال ذكر مُحَاجَى ... إلا المصطف والسيف والأنف ) الساقط، فيجوز تعويضه بأئنف من ذهب أو فضة وبعضهم خص الذهب لخاصية منع نتنه .

<sup>326</sup> Hadis diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam *Kitāb al-Libās, Bāb Lubās al-Ḥarīr wa al-Dhahab li al-Nisā'*, no. hadis 3595.

Hadis ini dinilai sebagai *saḥīḥ li ghayrihi* oleh al-Arnā’ūt.

Lihat: Ibn Mājah, *Sunān Ibn Mājah*, 4:595.

lalu Nabi SAW menyuruh ‘Arfajah menggantikan dengan hidung emas<sup>327</sup>’. Al-Nawawī turut bersetuju dengan pandangan ini<sup>328</sup>.

Al-Bahūtī al-Ḥanbalī berkata: “Harus menggunakan emas (contoh: hidung emas) jika terdapat keperluan *darūrah* walaupun masih boleh menggunakan perak berdasarkan kisah ‘Arfajah. Malah, harus juga menggunakan gigi emas seperti kisah al-Athram bin Abī Rafi‘, Thābit al-Bunānī dan ramai lagi<sup>329</sup>. ” Keharusan tersebut disebabkan *darūrah*, maka hukumnya sama seperti hidung emas<sup>330</sup>. Kisah yang diriwayatkan oleh al-Bahūtī disebutkan oleh Imām Aḥmad dalam *musnad* beliau, di samping beberapa lagi sahabat Nabi SAW yang lain seperti ‘Uthmān bin ‘Affān dan Anas bin Mālik. Menurut al-Sā‘atī:

“Semua hadis dan *athar* ini menunjukkan keharusan memakai gigi emas dalam keadaan *darūrah* dan aku tidak mendapati terdapat perselisihan mengenainya. Namun begitu, perbuatan sebahagian manusia pada masa ini yang memakai gigi saduran emas dengan tujuan perhiasan (تزيين), perbuatan mereka haram dan tidak dibenarkan kerana ia mengubah ciptaan Allah SWT. Malah, terdapat sebahagian pihak yang terlalu obses sehingga

<sup>327</sup> Al-Shīrāzī, Abū Iṣhāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Fayruz Ābādī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, dicetak bersama al-Rakbī, Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Baṭṭāl, *al-Nuzūm al-Musta‘dhab fī Sharḥ Ghariib al-Muhadhdhab*, ed. Zakariyyā ‘Umayrāt (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 1: 30-31.

قال الشيرازي: وأما المصيب بالذهب فإنه يحرم قليلاً وكثيرة، لقوله صلى الله عليه وسلم في الذهب والحرير: (( إن هذين حرام على ذكور أمتى حل لإنانتها )) . فإن اضطرر إليه جاز لما روي أن عرفجة بن أسعد أصيب أنفه يوم الكلاب فاتخذ أنفاً من ورق فانحن عليه ، فأنه صلى الله عليه وسلم أن يتخذ أنفاً من ذهب .

<sup>328</sup> Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn bin Sharaf, *al-Majmu‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*, ed. Muḥammad Najīb al-Muṭī‘ī (Riyad: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2006), 1:140.

<sup>329</sup> Al-Bahūtī, Maṇṣūr bin Yūnus bin Idrīs, *Sharḥ Muntahā al-Irādat: Daqā’iq Ulī al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā*, ed. ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2000), 2:268.

قال البهوي: (و) يباح له من ذهب (ما دعت إليه ضرورة، كأنف) ولو أمكن من فضة ... (و) كـ(شد سن) رواه الأثر عن أبي رافع وثبت البُناني وغيرهما، لأنها ضرورة، فأبيح كالأنف .

<sup>330</sup> Ibid.

sanggup mencabut gigi sihat dan menggantikannya dengan gigi saduran emas untuk tujuan berhias”<sup>331</sup>.

Melalui perbincangan keharusan memakai hidung dan gigi palsu dari emas, para ulama bersepakat mengatakan ia terikat dengan keadaan *darūrah*. Ini kerana, membiarkan hidung membusuk disebabkan unsur perak yang tidak serasi dengan badan manusia boleh menyebabkan kematian, lebih-lebih lagi kawasan hidung berada berdekatan dengan otak. Jangkitan kuman pada hidung boleh merebak ke otak dan akhirnya menyebabkan kematian. Maka, aplikasi *maqāṣid shari‘ah* untuk menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) diambil kira oleh Nabi SAW seterusnya mengharuskan pemakaian hidung emas.

Namun begitu, al-Fawzān menambah, selain menjaga nyawa, pemakaian hidung emas juga menunjukkan Nabi SAW sangat mementingkan aspek kecantikan fizikal seseorang<sup>332</sup>. Maka, kecantikan juga boleh berada pada tahap *darūrah* sebagaimana ia juga berada pada tahap *ḥājah* dan *taḥsīnah*. Kecantikan yang berada pada tahap *darūrah* dan *ḥājah* adalah kecantikan yang memberi kesan kepada keyakinan seseorang. Ini bermakna, ketiadaan hidung pada ‘Arfajah boleh menyebabkan beliau kurang berkeyakinan dengan penampilan fizikalnya. Mudarat seperti ini adalah mudarat kepada psikologi beliau. Menurut al-Fawzān, aspek psikologi pesakit yang mengalami sebarang kecacatan juga perlu diambil berat oleh Islam dan beliau meletakkannya pada tahap *darūrah* khususnya pada anggota zahir seperti muka. Beliau menguatkan hujahnya

<sup>331</sup> Al-Sā‘ātī, Aḥmad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Bannā, *Fatḥ al-Rabbānī*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb Buḥairā (Amman: Beit al-Afkār al-Duwaliyyah, 2004), 3:2911.

قال الساعاتي : وهذه الأحاديث والآثار تدل على جواز اتخاذ السن ونحوه من ذهب للضرورة ولم أعلم خلافا في ذلك ، أما ما يفعله الناس الآن من اتخاذ السن أو كسوته بالذهب لأجل الزينة فان ذلك حرام لا يجوز فعله ، لأن فيه تغييرا لخلق الله عز وجل ، وقد تغلى بعضهم في ذلك من رجال ونساء حتى صاروا يخلعون السن السليم الصحيح ويستبدلونه بسن من ذهب لأجل الزينة ، نسأل الله الهدایة والتوفیق إلى أقوم طريق .

<sup>332</sup> Al-Fawzān, *al-Jirāyah al-Tajmīliyyah*, 116-118.

dengan beberapa aplikasi *rukhsah* yang dibenarkan oleh para ulama jika sesuatu ibadah boleh membawa kepada kecacatan fizikal, iaitu keharusan *tayammum* bagi sesiapa yang khuatir ditimpa sakit atau melambatkan proses penyembuhan, ganti rugi penuh kepada mangsa yang rosak anggota fizikal khususnya muka dan keharusan membuang ketumbuhan atau bonjolan (السلعة) pada anggota badan.

(a) Keharusan *Tayammum* bagi Pesakit yang Khuatir Ditimpa Sakit atau Melambatkan Proses Penyembuhan

Fuqaha membenarkan *tayammum* kepada sesiapa yang khuatir penggunaan air ketika berwuduk boleh menyebabkan mudarat pada anggota fizikal, sama ada khuatir dijangkiti penyakit atau melambatkan proses penyembuhan luka. Menurut al-Nawawī, terdapat tiga jenis sakit, iaitu; (i) Pertama, sakit yang ringan dan penggunaan air tidak membawa kepada mudarat pada anggota badan atau melambatkan kesembuhan seperti pening kepala, demam atau sakit gigi. Keadaan ini tidak membenarkan *tayammum*. (ii) Kedua, penggunaan air ketika berwuduk berkemungkinan menyebabkan mudarat pada nyawa, anggota atau hilang fungsi sesuatu anggota. Keadaan ini mengharuskan *tayammum*. (iii) Ketiga, penggunaan air boleh melambatkan proses penyembuhan, menambah kesakitan sakit sedia ada atau merosakkan anggota fizikal. Keadaan ini juga mengharuskan *tayammum*<sup>333</sup>.

Pandangan ini turut selari dengan pandangan Ibn Qudāmah, beliau berkata: “Diriwayatkan dari Aḥmad, beliau tidak membenarkan *tayammum* melainkan khuatir berlakunya mudarat. Mazhab Ḥanbalī mengharuskan *tayammum* jika seseorang khuatir sakit, lambat sembah atau berlakunya sesuatu perkara buruk. Ini juga adalah pandangan

---

<sup>333</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū‘*, 2:329-331.

Mazhab Ḥanafī dan Shāfi‘ī. Mazhab Mālikī dan Zāhirī pula mengharuskan *tayammum* kepada orang sakit secara mutlak”<sup>334</sup>.

(b) Ganti Rugi Penuh kepada Mangsa yang Rosak Anggota Fizikal

Menurut al-Marghīnānī, seseorang yang mencederakan orang lain sehingga hilang fungsi sesuatu anggota badan atau menghilangkan kecantikan pada mangsanya, dia wajib membayar *diyāt* penuh<sup>335</sup>. Al-Nawawī pula membahagikan *diyāt* anggota badan kepada anggota luaran dan dalaman. Sebarang jenayah ke atas anggota luaran seperti mata, telinga, hidung bibir dan lain-lain sehingga menyebabkan anggota tersebut terputus atau hilang fungsi, maka penjenayah tersebut perlu membayar *diyāt* penuh<sup>336</sup>. Al-Nawawī berkata bahawa:

“Seseorang boleh didenda membayar banyak *diyāt* seperti dia memutuskan anggota dan manfaat anggota tersebut selagi tidak membawa kepada kematian; telinga dan fungsi mendengar, mata dan fungsi melihat, kelopak mata, hidung, bibir, lidah dan fungsi berkata-kata, gigi, tulang rahang, tangan, kaki, zakar, puting susu, bibir faraj, punggung, (deria) berfikir, mendengar, membau, bersuara, merasa, mengunyah, klimaks, mengandung, hilang nikmat seks, hilang nikmat memakan, wanita dirogol, dikasari, hilang kemampuan berjalan dan banyak lagi. Jika semua ini berlaku (pada seorang mangsa dalam keadaan dia masih hidup selepas

<sup>334</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 1:336.

قال ابن قدامة: فروي عن أحمد، لا يبيحه إلا خوف التلف. وهذا أحد قولي الشافعى . وظاهر المذهب أنه يباح له التيمم إذا خاف زيادة المرض أو تباين البرء أو خاف شيئاً فاحشاً أو ألمًا غير المحتمل، وهذا مذهب أبي حنيفة والقول الثاني للشافعى ... وحکي عن مالك وداود إباحة التيمم مطلقاً .

<sup>335</sup> Al-Marghīnānī, *al-Hidāyah*, 1:336.

قال المرغيناني : والأصل في الأطراف أنه إذا فوت جنس منفعة على الكمال أو أزال جمالاً مقصوداً في الآدمي على الكمال يجب كل الدية لإتلافه كل النفس من وجه وهو ملحق بالإتلاف من كل وجه تعظيمها للآدمي .

<sup>336</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dimashqī, *Rawḍah al-Tālibīn*, dicetak bersama al-Suyūtī, al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn, *al-Minhāj al-Ṣāwī fī Tarjumah al-Imām al-Nawawī wa Muṭaqā al-Yunbū'* fī-mā Zāda 'alā al-Rawḍah min al-Furū', ed. 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd dan 'Ali Muḥammad Mu'awwad (Riyad: Dār 'Alam al-Kutub, 2003), 7:133-164.

mengalami semua kecacatan ini), penjenayah perlu membayar semua *diyāt*. Namun jika dia mati, dia hanya perlu membayar satu *diyāt*<sup>337</sup>.

Pandangan al-Nawawī ini menunjukkan Islam bukan sahaja sangat menjaga fungsi *darūrah* anggota badan seperti akal fikiran dan nyawa, tetapi turut menjaga aspek fungsi *hājat* anggota badan seperti nikmat ketika makan dan seks.

(c) Keharusan Membuang Ketumbuhan atau Bonjolan (*السلعة*) pada Anggota Badan

Para fuqaha membenarkan pesakit membuang ketumbuhan atau bonjolan pada tubuh mereka kerana ia mencacatkan penampilan seseorang. Al-Nawawī berkata bahawa:

“Hukum membuang bonjolan dengan kerelaan diri sendiri terbahagi kepada dua; (i) bonjolan yang merbahaya, (ii) bonjolan yang tidak merbahaya, tetapi mencacatkan penampilan. Dia boleh membuangnya dengan sendiri atau orang yang membuang bonjolan tersebut tetapi setelah mendapat keizinan dari pesakit.

Jika bonjolan tersebut merbahaya dan membuangnya pula berisiko tinggi, dia tidak boleh membuang bonjolan tersebut. Namun, jika membiarkan bonjolan tersebut membahayakan pesakit, risiko pembedahan perlu dinilai.

Jika risiko pembedahan lebih besar berbanding risiko membiarkan bonjolan, dia tidak boleh membuang bonjolan. Tetapi, jika risiko membiarkan bonjolan lebih besar berbanding risiko pembedahan, dia

---

<sup>337</sup> Al-Marghīnānī, *al-Hidāyah*, 1:336.

قال النووي : فيجوز أن تجتمع في شخص ديات كثيرة، بأن تزال منه أعضاء ومنافع، ولا يسري إلى النفس، بل تندمل ، وهذا بيان الديات . الأذنان، أو إبطال إحساسهما، العينان أو البصر، الاجفان، المارن، الشفتان، اللسان أو النطق، الأسنان، اللحيان، اليدان، الرجالان، الذكر، الأنثيان أو الحلمتان والشفران، الآليان، العقل، السمع، الشم، الصوت، الذوق، المضغ، الامناء أو الأحبال، إبطال لذة الطعام، إبطال لذة الطعام، الأعضاء في المرأة، البطش، المشي، وقد يضاف إليها المراض وسائر الشجات، والجوائف والحكومات، فيجتمع شيء كثير لا ينحصر، فإذا اندملت هذه الجراحات، وجب جميع هذه الديات، وإن سرت فمات منها، وجب دية واحدة بلا خلاف .

boleh membuang bonjolan. Jika risiko membiar dan membuang bonjolan sama besar, dia boleh membuang bonjolan tersebut<sup>338</sup>.

Berdasarkan hadis ‘Arfajah tersebut, Nabi SAW membenarkan ‘Arfajah memakai hidung emas. Hal ini menunjukkan keharusan penggunaan *rukhsah* dengan melakukan perkara yang dilarang seperti mengubah ciptaan Allah SWT jika ia mampu membawa kepada kecantikan yang berada pada tahap *darūrah* kerana membiarkan hidung ‘Arfajah membusuk boleh membawa kepada kematian melalui jangkitan kuman pada kawasan tersebut. Namun begitu, keharusan membuang ketumbuhan atau bonjolan (السلعة) pada anggota badan menunjukkan Islam membenarkan *taghyīr khallqillāh* walaupun tidak mencapai tahap *darūrah*, sebaliknya cukup sekadar mencapai tahap *ḥājah*. Ini kerana, Islam masih membenarkan sesiapa yang mempunyai bonjolan untuk membuang bonjolan tersebut walaupun ia tidak membahayakan nyawanya dengan syarat pembedahan membuang bonjolan tidak berisiko besar. Keharusan *taghyīr khallqillāh ḥājiyyah* juga masih terikat dengan beberapa kaedah fiqh lain seperti keperluan dan kewajipan menjaga aurat, dan<sup>339</sup> (إذا ضاق الأمر اتسع وإذا اتسع ضاق).

Carta 3.1 menunjukkan pecahan *taghyīr khallqillāh* berdasarkan turutan *maqāṣid* menurut perspektif *muḥaddithīn* dan fuqaha. *Taghyīr khallqillāh* yang berada pada tahap


<sup>338</sup> Al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn*, 7:385-386.

قال النووي: الاستصلاح بقطع سلعة وبالختان وفيه مسائل : إحداها : في حكم قطع السلعة من العاقل المستقل بأمر نفسه ، والسلعة بكسر السين وهي غدة تخرج بين اللحم والجلدة نحو الحمضة إلى الجوزة فما فوقها ، وقد يخاف منها ، وقد لا يخاف ، لكن تشين ، فإن لم يكن في قطعها خطر ، وأراد المستقل قطعها لإزالة التشين ، فله قطعها بنفسه ، ولغيره بإذنه ، وإن كان في قطعها خطر ، نظر إن لم يكن في بقائها خطر ، لم يجز القطع لإزالة التشين ، فإن كان في بقائها خوف أيضا ، نظر إن كان الخطر في القطع أكثر ، لم يجز القطع ، وإن كان في الإبقاء أكثر ، جاز القطع على الصحيح ، وقيل : لا ؛ لأنه فتح باب الروح بخلاف الإبقاء ، وإن تساوى الخطر ، جاز القطع على الأصح ؛ إذ لا معنى للمنع مما لا خطر فيه .

<sup>339</sup> Muhammad al-Zuhailī, *al-Qawā'id al-Fiqhīyyah wa Ta'bīqat-hā fī al-Madhāhib al-Arbi'ah* (Damshik: Dār al-Fikr, 2006), 1:272.

*darūrah* dan *ḥājah* dibenarkan manakala keharusan *taghyīr khalqillāh* yang berada pada tahap *taḥṣīyyah* bergantung kepada beberapa ciri yang tertentu yang akan dibincangkan selepas ini.

Carta 3.1: Pecahan *Taghyīr Khalqillāh* Berdasarkan Turutan *Maqāṣid*



Sumber: Analisis pengkaji

### 3.3 Mengkhususkan ‘Illah Mengubah Ciptaan Allah SWT (*Takhṣīṣ ‘Illah Taghyīr Khalqillāh*)

Berdasarkan Carta 3.1, Islam mengharuskan *taghyīr khalqillāh* yang berada pada tahap *darūrah* dan *ḥājah* manakala keharusan *taghyīr khalqillāh* yang berada pada tahap *taḥṣīnah* bergantung kepada ciri-ciri yang akan dibincangkan selepas ini menerusi teori *takhṣīṣ ‘illah*. Ini kerana, melarang *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah* secara mutlak kurang tepat kerana terdapat beberapa bentuk *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah* yang dibenarkan oleh Islam seperti memotong kuku, memotong rambut mencukur bulu ari-ari dan sebagainya. Justeru, proses penentuan ciri-ciri *taghyīr khalqillāh taḥṣīnah* yang dibenarkan dan dilarang akan dibangunkan menggunakan teori *takhṣīṣ ‘illah* dengan rujukan pada Jadual 2.11 hingga Jadual 2.15.

### 3.3.1 Definisi *takhṣīṣ ‘illah*

Perbincangan definisi *takhṣīṣ ‘illah* perlu dilihat melalui dua skop iaitu definisi *takhṣīṣ* dari segi bahasa (literal) dan definisi *takhṣīṣ ‘illah* dari segi istilah yang digunakan oleh *uṣūliyyūn*. Secara literal, *takhṣīṣ* berasal dari kata kerja حَصَّ – يَحْصُّ – خَصًّا وَخُصُوصًا (الإِفْرَادُ بِالشَّيْءِ) yang bermaksud mengasingkan dengan sesuatu.<sup>340</sup>

Definisi *takhṣīṣ ‘illah* dari segi istilah pula bermaksud ‘ketiadaan hukum pada sebahagian keadaan yang mempunyai sifat [dan sifat tersebut] dianggap sebagai ‘*illah* disebabkan perkara yang mendarang’ تَخْلُفُ الْحُكْمِ فِي بَعْضِ الصُّورِ عَنِ الْوَصْفِ الْمُدَعَى (عَلَيْهِ لِمُعَارِضٍ).<sup>341</sup>

Berdasarkan definisi ini, terdapat tiga perkara penting yang perlu ditekankan. Pertama, ‘ketiadaan hukum’ (تَخْلُفُ الْحُكْمِ) terjadi dengan dua keadaan iaitu:

- (i) Melalui *ijmā‘* seperti *ijmā‘* yang mengecualikan pembunuhan tidak sengaja dari membayar *diyāt* sebaliknya ditanggung oleh ahli keluarga, sedangkan ‘*illah* membayar *diyāt* sudah wujud pada pembunuhan tersebut.
- (ii) Melalui *dalīl sharī‘ah* dari al-Qur’ān atau hadis Nabi SAW seperti memulangkan semula haiwan ternakan *al-muṣarrāh* (المُصَرَّأة)<sup>342</sup> beserta

<sup>340</sup> Al-Jawharī, Ismā‘īl, *al-Šīḥāḥ: Tāj al-Lughah wa Šīḥāḥ al-‘Arabiyyah*, ed. Aḥmad al-‘Aṭṭār (Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1984), 3:1037; dan Ibn Manzūr, Muḥammad, *Lisān al-‘Arab*, ed. ‘Abdullāh al-Kabīr, Muḥammad Hasabullāh dan Hāshim al-Shadhūlī (Kaherah: Dār al-Ma‘arif, t.t.), 2:1173.

<sup>341</sup> Al-Bukhārī, ‘Alā’ al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz bin Aḥmad, *Kashf al-Asrār*, dicetak bersama al-Bazdawī, Fakhr al-Islām ‘Alī bin Muḥammad, *Uṣūl al-Bazdawī* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1974), 4:32.

Lihat juga: al-Sarakhsī, Abū Bakr Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl, *Uṣūl al-Sarakhsī*, ed. Abū al-Wafā’ al-Afghanī (Hyderabad: Lajnah Ihyā’ al-Ma‘arif al-Nu‘māniyyah, 1993), 2:208.

<sup>342</sup> *Al-Muṣarrāh* adalah haiwan ternakan yang dibiarkan susunya.

segantang kurma<sup>343</sup> sedangkan hukum asal adalah memulangkan dengan jenis yang sama tanpa sebarang tambahan.

Kedua, perkataan (المعارض) lebih tepat berbanding (مانع) yang digunakan oleh sebahagian *uṣūliyyin*. Ini kerana, skop perkataan (المعارض) lebih luas merangkumi kehilangan syarat (فوات الشرط), kewujudan penghalang (وجود مانع), kedapatan ‘illah lain yang lebih *rājiḥ* atau dalil lain yang mengecualikan hukum asal<sup>344</sup>.

Ketiga, walaupun ‘illah tidak mempunyai sifat umum namun kewujudan pelbagai ciri pada ‘illah membolehkannya disifatkan dengan ‘umum’ (عام) yang akhirnya mengharuskan *takhṣīṣ* pada ‘illah tersebut. Maka, proses membuang ciri-ciri tertentu pada ‘illah dan meninggalkan ciri-ciri lain yang memberi kesan kepada ‘illah dinamakan *takhṣīṣ ‘illah*<sup>345</sup>.

---

<sup>343</sup> Hal ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah RA:

(( لَا تُصْرِّهُوا إِبِلَ وَالغَنَمَ، فَمَنِ ابْتَاعَهَا بَعْدُ فَإِنَّهُ بِخَيْرِ النَّظَرِينِ بَعْدَ أَنْ يَحْتَلِهَا: إِنْ شَاءَ أَمْسَكَ، وَإِنْ شَاءَ رَدَهَا وَصَاعَ تَمْرٍ ))

Terjemahan: Janganlah kamu membiarkan unta dan kambing tanpa memerah susu. Jika dia menjualnya, maka pembeli mempunyai dua pilihan selepas memerah susu; dia boleh membiar sahaja atau memulangkan haiwan tersebut di samping mendapat segantang kurma.

Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Buyūt*, *Bāb al-Nahy li al-Bā‘ an lā Yuḥaffil al-Ibil*, no. hadis 2148; dan Muslim dalam *Kitāb al-Buyūt*, *Bāb Taḥrīm Bay‘ al-Rajul ‘alā Bay‘ Akhī-hi*, no. hadis 1515.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 3:70; dan Muslim, *Saḥīḥ Muslim*, 5:4.

<sup>344</sup> Alī Faryān, ‘Abd al-Malik bin Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Rahmān, *Athar Takhṣīṣ al-‘Illah fī al-Furū‘ al-Fiqhīyyah* (Riyad: Dār Kunūz Ishbīliyyā, 2012), 32-33.

<sup>345</sup> Ibid., 34.

### 3.3.2 *Takhṣīṣ ‘Illah* Menurut *Uṣūliyyin*

Perbincangan mengenai *takhṣīṣ ‘illah* melibatkan banyak pandangan, malah al-Shawkānī menyenaraikan sehingga lima belas pandangan<sup>346</sup>. Namun begitu, sebahagian daripada pandangan ini mempunyai persamaan antara satu sama lain. Terdapat juga pandangan yang lemah tanpa sandaran hujah yang konkrit<sup>347</sup>. Pengkaji akan meringkaskan pandangan tersebut kepada tiga pandangan utama sahaja beserta dalil ringkas yang digunakan setiap pandangan.

Pandangan pertama mengharuskan *takhṣīṣ ‘illah* secara mutlak sama ada ‘illah tersebut disebutkan di dalam dalil (العلة المنصوصة) atau ‘illah tersebut terhasil dari *istinbāt* para ulama (العلة المستنبطة)<sup>348</sup>. Pandangan ini dikemukakan oleh al-Karkhī, al-Jaṣṣāṣ, majoriti *uṣūliyyūn* Muktazilah dan sebahagian *uṣūliyyūn* bermazhab Ḥanafī, Shāfi‘ī dan Ḥanbalī<sup>349</sup>. Hujah yang digunakan adalah berdasarkan firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ النَّاسَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ دِيَارِهِمْ لَأَوْلَى الْحَسْرِ مَا ظَنَنُتُمْ أَنْ يَخْرُجُوا وَظَنَنُوا أَنَّهُمْ مَانِعُهُمْ حُصُونُهُمْ مِنَ اللَّهِ فَأَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا وَقَدَّفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعبَ يُخْرِبُونَ بَيْوَهُمْ بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ فَاعْتَبِرُوا يَا أُولَى

<sup>346</sup> Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī, *Irshād al-Fuhūl ilā Taḥqīq al-Ḥaqq min ‘Ilm al-Uṣūl*, ed. Sāmī bin al-‘Arabī al-Aṭħarī (Riyad: Dār al-Faqihah, 2000), 2:929-933.

<sup>347</sup> Alī Faryān, *Athar Takhṣīṣ al-‘Illah*, 37.

<sup>348</sup> *Istinbāt* adalah suatu proses mencari maksud yang mendalam dari dalil syarak.

‘Illah al-Mansūṣah adalah ‘illah yang disebutkan secara jelas di dalam al-Qur’ān atau hadis Nabi SAW, manakala ‘Illah al-Mustanbaṭah adalah ‘illah yang diputuskan oleh para ulama melalui proses *istinbāt* dari nas syarak.

Lihat: Muḥammad Rawās Qa‘ājī dan Ḥāmid Ṣādiq Qunaibī, *Mu‘jam Lughah al-Fuqahā* (Beirut: Dār al-Nafā’is, 1988), 65.

<sup>349</sup> Al-Bukhārī, *Kashf al-Asrār*, 4:32; al-Jaṣṣāṣ, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Rāzī, *Uṣūl al-Jaṣṣāṣ al-Musammā al-Fuṣūl fī al-Uṣūl*, ed. Sa‘īd al-Qāḍī (Riyad: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1981), 145; dan al-Laknawī, Muḥammad bin Niẓām al-Dīn Muḥammad al-Sahāluwī al-Anṣārī, *Fawātiḥ al-Raḥamāt bi Sharḥ Musallam al-Thubūt*, ed. ‘Abdullah Maḥmūd Muḥammad ‘Umar (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 2:321.

الْأَبْصَارِ (٢) وَلَوْ أَنْ كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِمُ الْجَلَاءَ لَعَذَّبَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ  
عَذَابٌ أَنَّارٍ (٣) ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَمَنْ يُشَاقِ اللَّهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ  
(٤)

Terjemahan: Dialah yang telah mengeluarkan orang kafir di antara Ahli Kitab dari kampung mereka buat pertama kali mereka berhimpun hendak memerangi Rasulullah. Kamu tidak menyangka bahawa mereka akan keluar, dan mereka pula menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan dapat menahan mereka dari azab Allah. Maka Allah menimpakan (azab-Nya) kepada mereka dari arah yang tidak terlintas dalam fikiran mereka, serta dilemparkan-Nya perasaan takut ke dalam hati mereka, (lalu) mereka membinasakan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri dan tangan orang yang beriman. Maka insaflah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya (2). Dan kalaualah tidak kerana Allah telah menetapkan pengusiran terhadap mereka, tentulah Ia akan menyeksa mereka di dunia; dan mereka pula akan beroleh azab seksa Neraka pada hari akhirat kelak (3). Yang demikian, kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa yang menentang Allah, maka sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (4).

[Surah al-Hashr: 2-4]

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT menyebutkan balasan kehancuran bagi manusia yang menentang Allah SWT dan rasul-Nya, namun kehancuran tersebut tidak berlaku pada sebahagian manusia yang menentang Allah SWT dan rasul-Nya. Hal ini menunjukkan keharusan *takhṣīṣ ‘illah* kerana walaupun ‘illah kehancuran sudah wujud, Allah SWT masih tidak menghancurkan mereka<sup>350</sup>. Mereka juga mengqiyāskan *takhṣīṣ ‘illah* dengan *takhṣīṣ ‘ām* disebabkan persamaan *dilālah* antara ‘ām dan ‘illah. *Takhṣīṣ*

<sup>350</sup> Alī Faryān, *Athar Takhṣīṣ al-‘Illah*, 42.

‘am tidak mengeluarkan ‘ām dari peranannya sebagai dalil, maka *takhsīs illah* juga tidak mengeluarkan ‘illah dari peranannya sebagai ‘illah<sup>351</sup>.

Pandangan kedua mengatakan tidak dibenarkan *takhsīs illah* secara mutlak. Pandangan ini dikemukakan oleh al-Bāqillānī dan al-Rāzī<sup>352</sup>. Menurut mereka, penerimaan *takhsīs illah* akan membawa kepada perbezaan hukum yang ketara sedangkan hukum Allah SWT tidak boleh mempunyai perbezaan yang ketara berdasarkan firman Allah SWT<sup>353</sup>:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا (٨٢)

Terjemahan: Tidakkah mereka memikirkan isi Al-Qur'an? Kalau lahir Al-Qur'an itu bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya (82).

[Surah al-Nisā': 82]

Malah, *takhsīs illah* boleh membawa kepada tindakan menyamakan dalil al-Qur'an dan hadis Nabi SAW dengan pandangan ulama yang mentaksīs kan dalil tersebut<sup>354</sup>.

Pandangan ketiga hanya mengharuskan *takhsīs illah* pada ‘illah mansūrah, bukan pada ‘illah mustanbatah. Pandangan ini dikemukakan oleh *uṣūliyyūn* mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Shāfi‘ī, manakala al-Rāzī menisbahkan pandangan ini kepada *jumhūr*<sup>355</sup>. Mereka menggabungkan hujah pandangan pertama dan kedua. Hujah

<sup>351</sup> Ibid., 44.

<sup>352</sup> Al-Zarkashī, Badr al-Dīn Muḥammad bin Bahādīr, *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, ed. ‘Umar al-Ashqar, Muḥammad al-Ashqar, ‘Abdullāh al-‘Anī dan ‘Abd al-Sattār Abū Ghuddah (Kuwait: Kementerian Wakaf Kuwait, 1993), 5:136; al-Rāzī, *al-Maḥṣūl*, 5:237-259.

<sup>353</sup> Alī Faryān, *Athar Takhsīs al-Illah*, 45.

<sup>354</sup> Ibid., 47.

<sup>355</sup> Ibid.; Al-Bukhārī, *Kashf al-Asrār*, 4:32; dan al-Bājī, Abū al-Walīd, *Iḥkām al-Fuṣūl fī Aḥkām al-Uṣūl*, ed. ‘Abd al-Majīd Turkī (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmi, 1995), 2:660-664.

pandangan pertama digunakan untuk mengharuskan *takhṣīṣ ‘illah* pada ‘*illah manṣūṣah*, manakala hujah pandangan kedua digunakan untuk melarang *takhṣīṣ ‘illah* pada ‘*illah mustanbaṭah*<sup>356</sup>.

Pengkaji bersetuju dengan pandangan pertama yang mengharuskan *takhṣīṣ ‘illah* secara mutlak namun begitu perkara yang mentakhṣīskan ‘*illah* tersebut mestilah disebutkan dengan jelas. Antara sebab pengkaji memilih pandangan ini adalah kerana *uṣūliyyun* bersepakat mengharuskan *istithnā’* pada beberapa ciri yang ada pada ‘*illah*. Jadi, keharusan *istithnā’* pada ‘*illah* membawa kepada keharusan *takhṣīṣ ‘illah* kerana *istithnā’* adalah salah satu dari beberapa jenis *takhṣīṣ*<sup>357</sup>. Malah, pihak yang tidak menerima *takhṣīṣ ‘illah* tidak konsisten dalam aplikasi ‘*illah*. Sebagai contoh, mereka mengatakan ‘*illah qīṣāṣ* bagi pembunuhan adalah ‘membunuhan dengan sengaja’ (القتل).

العَدُوُان (العَمَد) tetapi jika pembunuhan tersebut adalah bapa mangsa, dia tidak dijatuhi hukuman *qīṣāṣ* kerana terdapat halangan tertentu (المانع) iaitu sifat ‘kebapaan’ (الأُبُوه).

Mereka tidak menamakan halangan ini dan perkara ini menunjukkan kelemahan dalam hujah mereka<sup>358</sup>.

### 3.4 *Taghyīr Khalqillāh Taḥṣīniyyah*

Berdasarkan Carta 3.1, hukum *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah* bergantung kepada beberapa ciri dan pengkaji akan menggunakan senarai ‘*illah* larangan *al-waṣl*, *al-namṣ*,


<sup>356</sup> Alī Faryān, *Athar Takhṣīṣ al-‘Illah*, 48.

<sup>357</sup> Ibid., 51.

<sup>358</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *al-Muṣṭaṣfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, ed. Ḥamzah bin Zuhair Ḥāfiẓ (Madinah: Universiti Madinah, t.t.), 706-713.

*al-washm*, dan *al-tafalluj* dalam Jadual 2.11 hingga Jadual 2.15. Pengkaji memecahkan *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah* kepada enam kategori iaitu bentuk, sumber, teknik, kesan, tujuan dan lain-lain seperti dalam Carta 3.2. Tiga kategori pertama diletakkan di bawah aspek dalaman manakala baki tiga lagi kategori diletakkan di bawah aspek luaran. Pecahan ‘aspek dalaman’ boleh dilihat dalam Carta 3.3 manakala pecahan ‘aspek luaran’ boleh dilihat dalam Carta 3.4.


Carta 3.2: *Taghyīr Khalqillāh Taḥṣīniyyah*



Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan Carta 3.2, kategori ‘bentuk’ dibahagikan kepada dua iaitu bentuk kekal dan sementara. Kategori ‘sumber’ dibahagikan kepada haiwan, manusia, tumbuhan dan buatan manusia. Kategori ‘teknik’ dibahagikan kepada menyamakan, membuang dan menambah. Kategori ‘kesan’ dibahagikan kepada positif dan negatif. Kategori ‘tujuan’ dibahagikan kepada kecantikan, rawatan dan mengembalikan fungsi. Kategori ‘lain-lain’ dibahagikan kepada proses *taghyir*, izin pesakit dan kelayakan doktor.

Carta 3.3: *Taghyīr Khalqillāh Taḥṣīniyyah* (Aspek Dalaman)



Sumber: Analisis Pengkaji

Carta 3.3 menunjukkan pecahan Aspek Dalaman *Taghyīr Khalqillāh Taḥṣīniyyah*.

Terdapat sebahagian pihak yang menggunakan ‘*illah* kekal sebagai larangan *taghyīr*.

Menurut mereka, *taghyīr khalqillāh* yang dilarang adalah *taghyīr* yang bersifat kekal seperti larangan mencacah tatu. Namun begitu, pandangan ini kurang tepat kerana terdapat perbuatan *taghyīr* kekal yang dibenarkan seperti keharusan berkhatan. Lelaki atau wanita yang dikhatah akan kekal dalam keadaan tersebut. Malah, kedapatan teknologi pada hari ini yang mampu membuang kesan cacahan tatu dengan menggunakan

laser<sup>359</sup>. *Taghyīr* sementara juga tidak boleh diharuskan secara mutlak kerana terdapat *taghyir* sementara yang dilarang seperti larangan mencukur bulu kening dan memotong rambut secara *qaza'*. Bulu kening yang dicukur dan rambut yang dipotong tidak kekal dalam keadaan tersebut, tetapi akan tumbuh selepas beberapa ketika.

Sebahagian ulama mengatakan antara ‘illah larangan menyambung rambut disebabkan sumber rambut yang digunakan diambil dari unsur najis. Kesannya, ibadah seperti solat dan haji yang dibuat tidak sah kerana terdapat najis pada badannya. Keharusan penggunaan najis pada badan hanya dibenarkan jika *taghyīr* tersebut berada pada tahap *darūrah* atau *ḥājah*. Buktinya, al-Nawawī mengharuskan penggunaan tulang anjing jika tiada tulang dari haiwan yang suci atau tulang dari haiwan suci tersebut tidak sesuai dengan pesakit tersebut<sup>360</sup>.

*Taghyīr Khalqillāh Tahsīniyyah* dibenarkan jika menggunakan sumber yang bersih seperti haiwan yang disembelih atau manusia. Sebahagian ulama membenarkan pemakaian rambut palsu dari bulu haiwan iaitu *al-qarāmil*, sejenis rambut palsu yang diperbuat dari sutera, bulu atau bahan lain<sup>361</sup>.

Transplant gigi sama ada dari jenazah manusia kepada manusia hidup atau menyambung semula giginya semula juga dibenarkan. Jika dia tidak mahu menggunakan gigi manusia atas sebab-sebab tertentu, penggunaan gigi haiwan suci yang disembelih dibenarkan. Al-Kāsānī berkata bahawa:

<sup>359</sup> Stefanie Luebberding dan Macrene Alexiades-Armenakas (2014), New Tattoo Approaches in Dermatology dalam *Dermatologic Clinics*, vol. 32(1), 91-96.

<sup>360</sup> Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf, *al-Majmū' Sharḥ al-Muhaḍdhhab*, dicetak bersama al-Subkī dan al-Muṭī‘ī, *Takmilah al-Majmū'* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 3:138.

إذا انكسر عظمه فينبعي أن يجبره بعظم طاهر ، قال أصحابنا : ولا يجوز أن يجبره لينجس مع قدرته على طاهر يقوم مقامه ، فإن جبره بنجس نظر إن كان محتاجاً إلى الجبر ولم يجد طاهراً يقوم مقامه فهو معدور

<sup>361</sup> Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 4:258.

“Jika gigi seseorang tercabut, dilarang baginya menggunakan gigi manusia yang telah meninggal dunia (untuk ditanam), malah Abū Ḥanīfah dan Muḥammad melarang menyambung semula gigi yang telah tercabut tersebut. Sebaliknya, dia boleh menggunakan gigi kambing yang disembelih dan menampal pada gigi yang tercabut tadi. Abū Yūsuf berkata: Tiada masalah menyambung giginya semula, larangan hanya terpakai pada penggunaan gigi orang lain kerana penggunaan anggota badan orang lain adalah suatu penghinaan sedangkan manusia adalah makhluk yang mulia. Unsur penghinaan ini tidak wujud jika dia menyambung semula giginya sendiri<sup>362</sup>”.

Al-Dasūqī berkata:

“Jika gigi seseorang tercabut, dia boleh menyambungnya semua dengan ikatan emas atau perak. Keharusan ini disebabkan jenazah manusia suci. Dia juga dibenarkan menyambung dengan gigi haiwan yang disembelih. Manakala, menyambung dengan gigi manusia yang telah meninggal dunia, terdapat dua *qawl*, pihak yang mengharuskan dan melarang. Menurut pandangan kedua, dia wajib mencabut gigi tersebut setiap kali bersolat selagi ia tiada sebab yang menghalangnya dari mencabut gigi tersebut. Jika terdapat halangan, dia tidak perlu mencabutnya<sup>363</sup>”.

---

<sup>362</sup> Al-Kāsānī, *Badā’ al-Ṣanā’i*, 5:132-133.

ولو سقط سنه يكره أن يأخذ سن ميت فيشدها مكان الأولى بالإجماع وكذا يكره أن يعيد تلك السن الساقطة مكانها عند أبي حنيفة و محمد رحمة الله ولكن يأخذ سن شاة ذكية فيشدها مكانها وقال أبو يوسف رحمة الله لا بأس بسنه ويكره سن غيره قال ولا يشبه سنه سن ميت استحسن ذلك وبينهما عندي فضل ولكن لم يحضرني . . . أن استعمال جزء منفصل عن غيره منبني آدم إهانة بذلك الغير والآدمي بجميع أجزائه مكرم ولا إهانة في استعمال جزء نفسه في الإعادة إلى مكانه (وجه) قولهما أن السن من الآدمي جزء منه فإذا انتحق الدفن كله والإعادة صرف له عن جهة الاستحقاق فلا تجوز وهذا لا يوجب الفصل بين سنه وسن غيره .

<sup>363</sup> Al-Dasūqī, Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Arafah, *Hāshiyah al-Dasūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr* (Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.), 1:63-64.

(قوله: أو سقط) أي فإذا سقطت السن جاز ردها وربطها بشرط من ذهب أو من فضة ، وإنما جاز ردها لأن ميّة الآدمي طاهرة وكذا يجوز أن يرد بدلها سنا من حيوان مذكى وأما من ميّة فقளان بالجواز والمنع ، وعلى الثاني فيجب عليه قلعها عند كل صلاة ما لم يتعدر عليه قلعها وإلا فلا

Keharusan penggunaan sumber berasaskan tumbuhan dan bahan mineral juga perlu diteliti dengan kategori lain. Contohnya, memakai inai yang diambil dari tumbuhan dan alat solekan yang menggunakan bahan campuran kimia tertentu, diharuskan bagi wanita namun jika dia memakai inai atau alat solekan tersebut sehingga sampai ke tahap *tabarruj* dan menarik perhatian lelaki ajnabi, keharusan tersebut perlu dinilai semula.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَبْرُجْنَ تَبْرُجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَئِيِّ

Terjemahan: Dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang Jahiliyah zaman dahulu.

[Surah al-Ahzab: 33]

Memakai inai dan alat solekan bagi lelaki pula dilarang walaupun bahan yang digunakan bukan bahan bernajis kerana Nabi SAW melarang lelaki menyerupai wanita dan wanita menyerupai lelaki di samping inai dan alat solekan tersebut adalah perhiasan khusus bagi wanita, bukan lelaki. Ibn ‘Abbas meriwayatkan hadis Nabi SAW:

كَعَنِ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Terjemahan: Allah SWT melaknat lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki<sup>364</sup>.

Abū Hurairah RA juga meriwayatkan hadis mengenai larangan lelaki memakai perhiasan yang khusus untuk wanita dan sebaliknya:

كَعَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرِّجَلُ يَلْبَسُ لِبْسَ الْمَرْأَةِ، وَالْمَرْأَةُ تَلْبَسُ لِبْسَ الرِّجَالِ

<sup>364</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Libās, Bāb al-Mutashabbihūn bi al-Nisā’ wa al-Mutashabbihāt bi al-Rijāl*, no. hadis 5885.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 4:71-72.

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat lelaki yang memakai pakai wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki<sup>365</sup>.

Terdapat tiga teknik dalam *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah* iaitu membuang, menyamakan atau menambah. Keharusan pelaksanaan *taghyīr khalqillāh* dari tiga cara ini bergantung kepada nilai lain seperti kesan yang terhasil dari teknik ini. Teknik tersebut mestilah selamat dan tidak membahayakan nyawa. Sahabat Nabi SAW, al-Miqdād bin al-Aswad pernah melakukan proses pembuangan lemak di badannya sehingga menyebabkan kematian. Karīmah binti al-Miqdād berkata:

“Al-Miqdād seorang yang berbadan besar. Beliau mempunyai seorang hamba berbangsa Rom. Hamba tersebut menawarkan kepada beliau: Aku membelah badan engkau dan membuang semua lemak sehingga engkau menjadi kurus. Lalu dia membelah badan Miqdād dan kemudian menjahit semula. Akhirnya, Miqdād meninggal dunia dan hamba tersebut milarikan diri<sup>366</sup>”.

Berdasarkanuraian pada Carta 3.3, pengkaji berpendapat aspek penentuan hukum *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah* ditentukan dengan aspek luaran seperti kesan dari *taghyīr khalqillāh*, tujuan *taghyīr* dilakukan, kadar kejayaan dari *taghyīr* tersebut, keizinan dari pesakit, kelayakan pihak yang melakukan *taghyīr*, terdapat dalil khusus

<sup>365</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Ḥākim dalam *Kitāb al-Libās, Bāb La‘n al-Nabī SAW al-Mar’ah Talbis Lubsah al-Rajul wa al-Rajul Yalbis Lubsah al-Mar’ah*, no. hadis 7492.

Hadis ini dinilai sebagai *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat Muslim namun hadis ia dikritik oleh Muqbil kerana terdapat perawi *kadhdhāb* iaitu Ahmad bin ‘Isā.


Lihat: al-Ḥākim, Abū ‘Abdullāh al-Naisābūrī, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥain*, dicetak bersama al-Wādi‘ī, Muqbil bin Hādī, *Tatabbu‘ Awhām al-Ḥākim allati Sakata ‘Alaihā al-Dhahabī* (Kaherah: Dār al-Haramain, 1997), 4:314.

<sup>366</sup> Al-‘Asqalānī, Ahmad bin ‘Alī bin Muḥammad ibn Ḥajar, *al-‘Isābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah*, ed. ‘Ādil Ahmad ‘Abd al-Mawjūd dan ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415H), 6:161

أخرج يعقوب بن سفيان، وأiben شاهين، من طريقه بسنده إلى كريمة بنت المقداد قالت: كان المقداد عظيم البطن، وكان له غلام رومي، فقال له: أشقي بطنه فأخرج من شحمه حتى تلطف، فشق بطنه، ثم خاطه؛ فمات المقداد، وهرب الغلام.

yang mengharuskan *taghyīr* dan menepati dalil umum yang mengharuskan sesuatu *taghyīr*. Ia disusun dalam bentuk carta seperti dalam Carta 3.4.

Carta 3.4: *Taghyīr Khalqillāh Tahsīniyyah* (Aspek Luaran)



Sumber: Analisis Pengkaji

*Taghyīr* yang membawa kepada kesan negatif seperti membahayakan nyawa atau kecacatan kekal dilarang secara total berdasarkan dalil dari al-Qur'an dan hadis Nabi SAW. Firman Allah SWT:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيهِكُمْ إِلَى التَّهْلِكَةِ

Terjemahan: Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.

[Surah al-Baqarah: 195]

Nabi SAW juga bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارٌ فِي الْإِسْلَامِ

Terjemahan: Tiada mudarat dan tidak memudaratkan dalam Islam (janganlah melakukan sesuatu yang boleh memberikan mudarat kepada diri sendiri atau orang lain)<sup>367</sup>.

Tujuan sesuatu *taghyīr* dibuat juga boleh mempengaruhi hukum. Jika sesuatu *taghyīr* dilakukan dengan tujuan baik seperti merawat kecacatan atau mengembalikan bentuk badan kepada bentuk normal, *taghyīr* tersebut dibenarkan. Namun, jika tujuan *taghyīr* dilakukan dengan tujuan yang buruk seperti pembedahan membuang zakar bagi lelaki kerana ingin menyerupai wanita, wanita yang mengambil hormon testosteron kerana ingin menjadi lelaki, *tashabuh* dengan pelaku maksiat atau orang kafir, pembedahan menukar wajah supaya dapat menipu pihak berkuasa, atau wanita yang berhias untuk ajnabi. Semua ini dilarang berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh ‘Umar al-Khaṭṭāb:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

Terjemahan: Setiap perbuatan bergantung kepada niat dan setiap orang diganjari berdasarkan niatnya<sup>368</sup>.

Sebahagian ulama menjadikan ‘illah larangan perbuatan *taghyīr* adalah kecantikan secara umum berdasarkan *taqyīd* dalam hadis *al-tafalluj*. Sebarang *taghyīr* yang bertujuan kecantikan adalah dilarang. Hakikatnya, ‘illah ini kurang tepat kerana

<sup>367</sup> Hadis diriwayatkan oleh Ahmad dalam *Musnad Ibn ‘Abbās*, no. hadis 2865.

Lihat: Ahmad, *Musnad Ahmad*, 5:55.

<sup>368</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitab Bad’ al-Waḥy*, *Bāb Kayfa Kāna Bad’ al-Waḥy ilā Rasūlillāh SAW*, no. hadis 1.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 1:13.

terdapat banyak lagi dalil lain yang menggalakkan muslim menjaga kecantikan dan rupa fizikal. Antaranya:

Hadis 1:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِّنْ كِبْرٍ، قَالَ رَجُلٌ : إِنَّ الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ ثَوْبَهُ حَسَنًا، وَنَعْلَمُهُ حَسَنَةً، قَالَ : إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ، الْكِبْرُ بَطْرُ الْحَقِّ، وَغَمْطُ النَّاسِ

Terjemahan: Orang yang ada sifat takabbur walaupun kecil di dalam hatinya, tidak akan masuk ke dalam Syurga. Sahabat bertanya: (Bagaimana pula dengan) Seseorang yang suka memakai pakaian dan selipar cantik? Jawab Nabi SAW: Sesungguhnya Allah SWT Cantik dan sukakan kecantikan, takabbur menyebabkan seseorang menolak kebenaran (iaitu suruhan Allah SWT) dan mencela manusia<sup>369</sup>.

Hadis 2:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَيُّهَا النَّاسُ ، إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا

Terjemahan: Abu Hurairah RA berkata: Nabi SAW bersabda: Wahai manusia, sesungguhnya Allah SWT baik dan sukakan amalan kebaikan (makanan halal dan bersih)<sup>370</sup>.

<sup>369</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam *Kitāb al-Birr wa al-Silah, Bāb Mā jā'a fī al-Kibr*, no. hadis 1999.

Hadis dinilai sebagai *sahīh* oleh al-Albānī.

Lihat: al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā bin Saurah, *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, 1996), 453.

<sup>370</sup> Hadis diriwayatkan oleh Muslim dalam *Kitāb al-Zakāh, Bāb Qabūl al-Šadaqah min al-Kasb al-Tayyib wa Tarbiyah-hā*, no, hadis 1015.

Terjemahan hadis dibuat berdasarkan huraian oleh Ibn Mulaqqan, al-Ṭūfī dan al-‘Abbād.

Lihat: Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1:450; Ibn Mulaqqan, Sirāj al-Dīn ‘Umar bin ‘Alī bin Aḥmad, *al-Mu‘īn ‘alā Tafahhum al-Arba‘īn*, ed. Daghsh bin Shubaib al-‘Ajamī (Kuwait: Maktabah Ahl al-Athar, 2012), 1:184-186; al-Ṭūfī, Sulaimān bin ‘Abd al-Qawī bin ‘Abd al-Karīm, *al-Ta‘yīn fī Sharḥ al-Arba‘īn*, ed. Aḥmad Ḥāfiẓ Muḥammad ‘Uthmān (Beirut: Mu’assasah al-Rayyān, 1998), 1:114-115; dan al-‘Abbād,

### Hadis 3:

قال أَبُو رَجَاءِ الْعُطَارِدِيُّ : خَرَجَ عَلَيْنَا عُمَرَانُ بْنُ حُصَيْنٍ وَعَلَيْهِ مَطْرَفٌ مِنْ خَزْلَمَ نَرَهُ عَلَيْهِ قَبْلَ ذَلِكَ، وَلَا بَعْدَهُ، فَقَالَ : إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ أَنْعَمَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْهِ نِعْمَةً، فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ أَنْ يُرَى أَتَرْ نِعْمَتِهِ عَلَى خَلْقِهِ .

Terjemahan: Abū Rajā' al-'Uṭāridī berkata: 'Imrān bin Ḥuṣain bertemu denganku sambil memakai *miṭraf* (sejenis pakaian seperti selendang yang sering dipakai oleh lelaki arab) yang tidak pernah kami melihatnya. Beliau berkata: Nabi SAW bersabda: Sesiapa yang dikurniakan nikmat Allah SWT, sesungguhnya Allah SWT Suka Melihat kesan nikmat (yang diberikan-Nya) pada hamba-Nya<sup>371</sup>.

### Hadis 4:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ كَانَ لَهُ شَعْرٌ فَلْيُكْرِمْهُ

Terjemahan: Sesiapa yang mempunyai rambut, hendaklah dia muliakan rambutnya<sup>372</sup>.

### Hadis 5:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : أَوْمَاتِ امْرَأَةُ مِنْ وَرَاءِ سِتْرِ بَيْدَهَا كِتَابٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَبَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ فَقَالَ : مَا أَدْرِي أَيَّدِ رَجُلٍ أَمْ يَدِ امْرَأَةٍ ؟ قَالَتْ : بَلِ امْرَأَةٍ . قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَوْ كُنْتِ امْرَأَةً لَعَيَّرْتِ أَظْفَارَكِ يَعْنِي بِالْحِنَاءِ .

Terjemahan: Dari 'Āisyah RA katanya: Seorang wanita menghulurkan buku kepada Nabi SAW dari sebalik tabir. Beliau mengambil buku

<sup>371</sup> 'Abd al-Muhsin, *Sharḥ al-Arba'īn al-Nawawiyah*, rakaman audio ceramah beliau yang ditulis semula oleh laman sesawang www.islamweb.net, 17:3-4.

<sup>372</sup> Hadis diriwayatkan oleh Ahmad dalam *Musnad al-'Asharah al-Mubashshirīn bin al-Jannah, Bāb Awwal Musnad al-Baṣriyyīn*: *Hadīth Imrān bin Ḥuṣain*, no. hadis 19934.

Hadis ini dinilai sebagai *sahīh* oleh al-Arna'ut.

Lihat: Ahmad, *Musnad Ahmad*, 33:159.

<sup>372</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī dari Abū Hurairah RA, no. hadis 8485.

Lihat: al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsat*, 8:229-230.

tersebut dan berkata: Saya tidak tahu sama ada tangan tersebut adalah tangan lelaki atau wanita? Jawabnya: Tangan wanita. Lalu Nabi SAW bersabda: Jika kamu seorang wanita, maka ubahlah jari kamu (maksudnya: memakai inai)<sup>373</sup>.

### 3.5 Panduan *Taghyīr Khalqillāh Taḥṣīniyyah*

Berdasarkan Carta 3.3 dan Carta 3.4, pengkaji mencadangkan beberapa peraturan yang boleh dijadikan rujukan bagi sesiapa yang ingin melakukan *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah*:

1. Perbuatan tersebut tidak dilarang secara khusus melalui dalil al-Qur'an atau hadis Nabi SAW. Contohnya, dalil yang melarang perbuatan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-washr*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*. Begitu juga dengan larangan Nabi SAW gaya potongan rambut secara *qaza'*, iaitu mencukur sebahagian rambut dan meninggalkan sebahagian rambut.
2. Perbuatan tersebut tidak bertentangan dengan kaedah umum dalam Islam seperti:
  - a. Tiada *tashabbuh* dengan pelaku maksiat.

Ini berdasarkan hadis Nabi SAW: *Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk dari kalangan mereka*<sup>374</sup>. Menurut al-Munāwī dan al-'Alqamī: Mereka adalah orang yang memakai pakaian yang menyerupai kaum tersebut (golongan yang ingin

---

<sup>373</sup> Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dalam *Kitāb al-Tarajjul*, *Bāb fī al-Khiḍab li al-Nisā'*, no. hadis 4166.

Lihat: Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, 4:255.

<sup>374</sup> Hadis: مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Hadis riwayat Abū Dāwūd dalam *Kitāb al-Libās*, *Bāb fī Lubs al-Shuhrah*, no. hadis 4031.

Lihat: Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 4:204.

ditiru), menjalani hidup seperti mereka, sama ada pada cara pemakaian atau perbuatan<sup>375</sup>.

Al-Qārī pula berkata: “Mereka adalah orang yang menyerupai orang kafir pada pakaian dan lain-lain, atau menyerupai orang fasik, orang jahat, ahli tasawwuf atau orang soleh, maka mereka akan mendapat dosa atau pahala seperti orang yang mereka ikuti<sup>376</sup>”.

b. Tiada *tashabuh* dengan orang kafir.

Nabi SAW bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ تَشَبَّهَ بِغَيْرِنَا ، لَا تُشَبِّهُوا بِالْيَهُودِ وَلَا بِالنَّصَارَى ، فَإِنَّ تَسْلِيمَ الْيَهُودِ  
الِّإِشَارَةُ بِالْأَصَابِعِ ، وَتَسْلِيمُ النَّصَارَى إِلَيْهِ شَفَاعَةٌ بِالْأَكْفَافِ

Terjemahan: Bukan dari kalangan kami sesiapa yang meniru orang lain, janganlah kamu meniru orang Yahūdī atau Naṣrānī, sesungguhnya orang Yahūdī memberi salam dengan isyarat jari manakala orang Naṣrānī memberi salam dengan isyarat tangan.<sup>377</sup>

Menurut Suhail Ḥasan, *tashabuh* dengan orang kafir boleh dibahagikan kepada dua jenis:

- (i) *Tashabuh ḥarām*; perbuatan yang khusus bagi agama kafir tersebut dalam keadaan dia tahu perbuatan tersebut dilarang. Namun, jika dia melakukan *tashabuh* tanpa pengetahuan mengenai larangan tersebut, dia tidak berdosa tetapi dia wajib belajar.

<sup>375</sup> Ābādī, ‘Awn al-Ma’būd, 2:1839-1840.

أَيْ تَرَبَّى فِي ظَاهِرِهِ بِزِيَّهُمْ ، وَسَارَ بِسَيِّرَتِهِمْ وَهَدَّهُمْ فِي مَلَبِّسِهِمْ وَبَعْضُ أَفْعَالِهِمْ اِنْتَهَى

<sup>376</sup> Ibid.

أَيْ مَنْ شَبَّهَ نَفْسَهُ بِالْكُفَّارِ مَثَلًا مِنْ الْلِبَاسِ وَغَيْرِهِ ، أَوْ بِالْفُسَاقِ أَوْ الْفُجُّارِ أَوْ بِأَهْلِ التَّصْوُفِ وَالصُّلَحَاءِ الْأَبْرَارِ ( فَهُوَ مِنْهُمْ ) : أَيْ فِي الْأُثُمِ وَالْخَيْرِ .

<sup>377</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam *Kitāb al-Isti’dhān wa al-Adab ‘an Rasūlillāh SAW, Bāb Mā Jā’ a fī Karāhiyah Ishārah al-Yadd bi al-Salām*, no. hadis 2695.

Hadis ini dinilai sebagai *da’if* oleh al-Tirmidhī.

Lihat: al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 607.

- (ii) *Tashabbuh* Harus; perbuatan yang bukan berpunca daripada agama tersebut tetapi mereka turut melakukan perbuatan tersebut. Perbuatan ini tidak dilarang malah berkemungkinan terdapat beberapa manfaat darinya.

Seterusnya, beliau menyenaraikan beberapa syarat keharusan *tashabbuh* dengan orang kafir pada perkara dunia:

- (i) Perbuatan tersebut bukanlah kepercayaan dan lambang agama mereka.
- (ii) Tiada dalil yang menyatakan perbuatan tersebut disyariatkan kepada mereka.
- (iii) Tiada dalil yang melarang dari melakukan perbuatan tersebut.
- (iv) Tidak bertentangan dengan perkara pokok dalam Islam<sup>378</sup>.

Terdapat sebahagian pihak berpandangan, walaupun larangan *tashabbuh* ini perlu diambil berat berdasarkan hadis Nabi SAW, namun aplikasi larangan ini pada *taghyīr* sukar ditentukan kerana setiap bangsa dan negara mempunyai orang muslim dan kafir, orang baik dan fasik. Kesannya, sangat sukar menentukan satu-satu *taghyīr* melambangkan agama atau golongan tertentu. Boleh jadi *taghyīr* menjadi simbol bukan muslim di negara A tetapi tidak di negara B, begitu juga *taghyīr* boleh menjadi simbol pelacur bagi negara A tetapi tidak di negara B<sup>379</sup>. Maka, penentuan *tashabbuh* menjadi sangat sukar ditentukan melainkan melalui penentuan oleh masyarakat setempat. Kaedah fiqh menyebutkan:

العادة ممحونة

<sup>378</sup> Suhail bin Hasan ‘Abd al-Ghaffār, *al-Sunan wa al-Āthār fī al-Nahy ‘an al-Tashabbuh bi al-Kuffār* (Riyad: Dār al-Salaf, 1995), 58-59.

<sup>379</sup> Al-Jubair, Hānī bin ‘Abdullāh bin Muḥammad, *al-Dawābiṭ al-Shar‘iyyah li al-‘Amaliyyāt al-Tajmīliyyah* dalam Proceeding Seminar *al-‘Amaliyyāt al-Tajmīliyyah bayn al-Shar‘ wa al-Tibb* (1436H), 19.

Terjemahan: Adat boleh menjadi kaedah dalam menjatuhkan satu-satu hukum<sup>380</sup>.

Malah, terdapat pecahan dari kaedah ini yang boleh digunakan dalam menentukan simbol *tashabhu* setempat iaitu:

التعيين بالعرف كالتعيين بالنص

Terjemahan: Penentuan dengan adat sama seperti penentuan dengan nas<sup>381</sup>.

Sebagai contoh dari aplikasi kaedah fiqh ini, sesiapa yang bersumpah tidak mahu memakan daging, maka dia tidak perlu menebus sumpah tersebut jika dia memakan ikan melainkan perkataan ‘daging’ di kawasannya merujuk ikan sebagai ‘daging’ juga<sup>382</sup>.

Pengkaji pula berpandangan larangan *tashabhu* tidak terhad kepada agama, sebaliknya boleh diluaskan kepada larangan menyerupai binatang. Hal ini kerana terdapat sebahagian manusia yang mengubah tubuh badannya supaya menyerupai binatang, antaranya Tom Leppard yang ingin menjadi harimau kumbang dan Denniv Avner yang ingin menjadi kucing. Kedua-dua mereka telah menjalani beberapa prosedur pembedahan supaya kelihatan seperti haiwan yang mereka inginkan khususnya di bahagian muka dan gigi<sup>383</sup>.

- c. Tidak membawa kepada kecelaruan jantina (lelaki menyerupai wanita atau sebaliknya).

<sup>380</sup> Al-Suyūtī, ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr, *al-Ashbah wa al-Naẓā’ir* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983), 89; dan Ibn Nujaim, Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm bin Muḥammad, *al-Ashbah wa al-Naẓā’ir ‘alā al-Madhab Abī Ḥanīfah al-Nu‘mān*, ed. Zakariyyā ‘Umayrāt (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 79.

<sup>381</sup> Muḥammad al-Zuḥailī, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 1:349.

<sup>382</sup> Ibid., 1:350.

<sup>383</sup> Frank Swain, *The People with Animal Powers*, dalam laman sesawang BBC, 18 November 2014. Dicapai pada 12 Julai 2017, <http://www.bbc.com/future/story/20140407-the-people-with-animal-powers>.

Hal ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh ‘Ikrimah RA: *Rasulullāh SAW melaknat lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki*<sup>384</sup>.

Menurut al-Ṭabarī: Larangan ini melibatkan pakaian dan perhiasan yang khusus bagi wanita atau lelaki. Al-‘Asqalānī menambah:

“Larangan juga termasuk larangan pada cara bercakap dan berjalan. Manakala konsep berpakaian berbeza mengikut adat setiap negara. Berkemungkinan sesebuah negara tidak membezakan cara berpakaian antara lelaki dan wanita, namun prinsip asas, wanita mestilah menutup kepala dan badan. Manakala larangan menyerupai cara bercakap dan berjalan, larangan ini khusus bagi orang yang sengaja melakukannya. Jika dia memang dilahirkan begitu, maka dia perlu meninggalkan perbuatan tersebut secara berperingkat. Dia hanya berdosa jika sengaja membiarkan keadaan tersebut tanpa sebarang usaha untuk mengubah cara berjalan dan bercakap dari menyerupai jantina lain”<sup>385</sup>.

Maka, lelaki dilarang melakukan *taghyīr* supaya menyerupai wanita atau terus menjadi wanita seperti melakukan pembedahan membuang zakar dan testis, implan payudara dan memakan hormon estrogen dan progesteron untuk mengubah bentuk fizikal dan emosi. Hormon ini akan memberi kesan seperti pembentukan payudara, kulit menjadi

<sup>384</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Libās, Bāb al-Mutashabbihūn bi al-Nisā’ wa al-Mutashabbihāt bi al-Rijāl*, no. hadis 5885.

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 4:71-72.

<sup>385</sup> Al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, 10:345.

قال الطبرى المعنى لا يجوز للرجال التشبه بالنساء في اللباس والزينة التي تختص بالنساء ولا العكس. قلت: وكذا في الكلام والمشي، فاما هيئة اللباس فتختلف باختلاف عادة كل بلد، فرب قوم لا يفترق زي نسائهم من رجالهم في اللبس، لكن يمتاز النساء بالاحتجاب والاستئثار، وأما ذم التشبه بالكلام والمشي فمحظى من تعمد ذلك ، وأما من كان ذلك من أصل خلقته فإنا يؤمر بتكليف تركه والإدمان على ذلك بالتدریج ، فإن لم يفعل وتمادي دخله الذم، ولا سيما إن بدا منه ما يدل على الرضا به ، وأخذ هذا واضح من لفظ المتشبهين.

lebih halus, rambut lebih lebat dan pengurangan otot. Malah, naluri seks juga boleh berubah dengan pengambilan hormon ini<sup>386</sup>.

Wanita juga dilarang melakukan *taghyīr* supaya menyerupai atau terus menjadi lelaki seperti transplan atau rekonstruksi zakar dan memakan hormon testosteron untuk mengubah bentuk fizikal dan emosi. Hormon ini menyebabkan kulit menjadi lebih kasar rambut lebih jarang, sedikit perubahan pada wajah seperti keping, pipi, hidung dan rahang<sup>387</sup>.

d. Tiada unsur tipudaya.

Kebanyakan buku fiqh klasik menjadikan penipuan sebagai ‘illah larangan *taghyīr* menggunakan contoh isteri yang melakukan *taghyīr* supaya kelihatan muda untuk mendapat nafkah lebih atau orang tua yang melakukan *taghyīr* supaya dapat mengahwini pasangan lebih muda. Pada pandangan pengkaji, ‘illah ini masih terpakai cuma contoh dan aplikasi terhadap ‘illah ini mungkin berubah. Sebagai contoh, pada hari ini, jarang terjadi perkahwinan yang dilangsungkan dalam keadaan pengantin tidak mengetahui umur pasangannya kerana semua maklumat seperti nama dan tarikh lahir perlu diberikan kepada pihak berkuasa yang menguruskan rekod perkahwinan. Malah, unsur penipuan dalam rumahtangga juga seolah-olah satu perkara yang kurang tepat kerana Islam sendiri menggalakkan supaya isteri berhias-hias untuk suami. Diriwayatkan bahawa Nabi SAW pernah menegur sahabat wanita (*sahābiyyah*) yang tidak memakai inai di tangannya<sup>388</sup>.

---

<sup>386</sup> [https://en.wikipedia.org/wiki/Hormone\\_replacement\\_therapy\\_\(male-to-female\)](https://en.wikipedia.org/wiki/Hormone_replacement_therapy_(male-to-female))

<sup>387</sup> [https://en.wikipedia.org/wiki/Hormone\\_replacement\\_therapy\\_\(female-to-male\)#Physical\\_changes](https://en.wikipedia.org/wiki/Hormone_replacement_therapy_(female-to-male)#Physical_changes)

<sup>388</sup> Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dalam *Kitāb al-Tarajjul, Bāb fī al-Khiḍab li al-Nisā'*, no. hadis 4166.

Lihat: Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 4:255.

Malah, ‘Aishah sendiri pernah menegur *sahābiyyah* yang tidak menjaga penampilan diri<sup>389</sup>.

Menurut al-Jubair, larangan penipuan sangat berkait dengan menyembunyikan hakikat sebenar. Sesuatu perbuatan dikira menipu dan dilarang jika melibatkan hak orang lain, namun jika tidak melibatkan hak orang lain, tiada larangan pada perbuatan tersebut sebaliknya hanya urusan peribadi sahaja<sup>390</sup>. Hal ini selari dengan pandangan sebahagian ulama yang mengharuskan penggunaan rambut palsu jika ia tidak membawa kepada penipuan kerana orang di sekelilingnya tahu rambut tersebut bukan rambut sebenar.

Maka, hal yang sama juga terpakai pada *taghyīr*. *Taghyīr* yang membawa kepada penipuan dan pencerobohan hak orang lain dilarang. Sebagai contoh, penjenayah yang melakukan prosedur pembedahan pada muka atau ibu jari supaya dapat meloloskan diri dari pihak berkuasa, atau pelacur yang melakukan prosedur menampal selaput dara (*hymenoplasty*) bagi menutup dosanya.

e. Mengikut konsep kecantikan yang dibenarkan oleh Islam.

Terdapat banyak dalil yang menunjukkan Islam adalah agama yang mengambil berat aspek kecantikan. Nilai kecantikan yang dituntut dalam Islam adalah kecantikan yang sederhana dan tidak melampau. Timbul persoalan, adakah seorang muslim yang dilahirkan dengan kecacatan pada wajah seperti gigi jongang, tahi lalat besar atau telinga tanpa cuping dilarang terus dari melakukan *taghyīr*? Atau muslim yang dilahirkan sempurna tetapi masih merasa dirinya hodoh dan menjadikan alasan tidak berkeyakinan untuk melakukan *taghyīr*?

---

<sup>389</sup> Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān, *Siyar A‘lām al-Nubalā’* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001), 2:188-189.

<sup>390</sup> Al-Jubair, *al-Dawābiṭ al-Shar‘iyyah*, 18.

Selain menjaga fizikal manusia dari sakit, Islam juga meraikan perasaan muslim kerana membiarkan perasaan manusia tanpa sebarang penyelesaian boleh memudaratkan emosi. ‘Abd al-Karīm Zaidān membuat komentar terhadap larangan al-Ṭabarī dari memotong jari tambahan:

“Berkemungkinan al-Ṭabarī melarang muslim dari memotong jari tambahan kerana permotongan tersebut boleh menyakitinya. Namun, saya berpendapat skop sakit perlu diluaskan kepada mudarat fizikal dan emosi (*al-Darar al-Ma‘nawī*). Maka, wanita dibenarkan mencabut gigi atau memotong gigi yang tumbuh secara tidak normal bagi menghilangkan kecacatan tersebut. Ini kerana, ia boleh menyebabkan mudarat emosi, walaupun membuang gigi tersebut membawa kepada kecantikan”<sup>391</sup>.

Namun begitu, mudarat emosi ini tidak boleh dijadikan alasan melakukan *taghyīr* secara mutlak, sebaliknya perlu dirujuk kepada pakar berkaitan. Ini kerana, terdapat kemungkinan perasaan tidak cantik berpunca dari sikap muslim tersebut yang tidak bersyukur dengan fizikal sedia ada atau tidak reda dengan rupa paras yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Maka, rawatan terbaik adalah dengan menanam rasa syukur di samping meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.

Selain itu, Islam juga meletakkan syarat terpenting dalam berhias iaitu tiada unsur *tabarruj*. *Tabarruj* adalah tindakan seorang wanita yang berhias dengan menunjukkan

---

<sup>391</sup> Zaidān, ‘Abd al-Karīm, *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1993), 3:408-409.

ولكن يلاحظ على استثناء الطيري الذي ذكره وحصره هذا الاستثناء في جواز قطع السن الزائدة أو شيء من طولها إذا كان بقاوهما يؤلمه، يبدو أنه حصر الألم المادي، ولكن أرى توسيع مفهوم الألم أو الضرر بالأذى أو الضرر المعنوي، وبالتالي يجوز للمرأة قلع السن أو قطع شيء من السن الطويلة لإزالة منظرهما غير الجميل الذي يسبب لها الألم المعنوي وإن حصل لها بذلك شيء من التحسين والتجميل .

sesuatu yang lebih baik ditutup dari lelaki *ajnabi*, di samping memakai perhiasan yang boleh menarik pandangan lelaki<sup>392</sup>.

- f. Tidak membawa kepada mudarat yang lebih besar

Kaedah fiqh menyebut:

إِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَتَانِ رُوعِيَ أَعْظَمُهُمَا ضَرَّاً بِأَخْفَقِهِمَا

Terjemahan: Jika bertemu dua mudarat, muslim perlu menjauhi mudarat yang lebih berat dengan memilih mudarat yang lebih ringan<sup>393</sup>.

Berdasarkan kaedah ini juga al-Nawawī melarang dari membuang bonjolan atau ketumbuhan di badan jika proses tersebut boleh membawa kepada mudarat yang lebih besar<sup>394</sup>. Aplikasi kaedah fiqh ini sering berlaku pada *taghyīr* yang melibatkan pembedahan kerana terdapat kebarangkalian untuk berlaku kesilapan ketika proses pembedahan. Malah, para doktor hanya melakukan pembedahan jika proses rawatan tanpa pembedahan tidak berkesan. Maka, keharusan *taghyīr* bergantung kepada penilaian dua mudarat ini. *Taghyīr* dibenarkan jika mudarat yang terjadi selepas proses *taghyīr* lebih ringan berbanding membiarkan pesakit dalam keadaan tanpa sebarang proses *taghyīr*.

- g. Menjaga hukum hakam aurat ketika proses *taghyīr*.

Aurat adalah kawasan pada badan muslim yang wajib ditutup dan tidak dibenarkan membukanya melainkan kepada *mahram* sahaja. Keharusan melihat aurat hanya dibenarkan dalam keadaan *darūrah* atau *hājrah*. Maka, keharusan *taghyīr* pada kawasan aurat hanya dibenarkan bagi *taghyīr darūriyyah* dan *taghyīr hājriyyah*. Ibn Qudāmah

<sup>392</sup> Kementerian Wakaf Kuwait, *al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* (Kuwait: Dhāt al-Salāsil, 1987), 10:61.

<sup>393</sup> Ibn Nujaim, *al-Ashbah wa al-Naẓā'ir*, 286-288.

<sup>394</sup> Al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn*, 7:386.

berkata: Para doktor dibenarkan melihat aurat pesakit berdasarkan keperluan rawatan<sup>395</sup>.

Menurut al-'Izz bin 'Abd al-Salām:

"Menutup aurat dan kemaluhan adalah wajib kerana ia adalah kawasan paling cantik pada tubuh badan, lebih-lebih lagi bagi wanita *ajnabi*, namun ia boleh dilihat dalam keadaan *darūrah* atau *hājah*. Contoh keadaan *hājah* adalah melihat aurat suami isteri, tuan melihat aurat hamba perempuannya, saksi melihat pesalah ketika proses pengadilan dan doktor melihat aurat ketika proses rawatan"<sup>396</sup>.

Namun begitu, keharusan melihat aurat tidak boleh dibiarkan secara mutlak, sebaliknya perlu diikat dengan kaedah lain iaitu:

الضرورة تقدر بقدّرها

Terjemahan: Keharusan *darūrah* diukur berdasarkan kadar keperluan *darūrah* sahaja<sup>397</sup>.

3. Perbuatan tersebut menepati ciri-ciri rawatan yang dibenarkan oleh Islam seperti:

a. Peratus kejayaan proses *taghyīr* yang tinggi

Sesuatu proses *taghyīr* yang dilakukan mestilah mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk berjaya. Jika tidak, *taghyīr* tersebut tidak dibenarkan kerana boleh memudaratkan manusia. Al-'Izz bin 'Abd al-Salam berpendapat bahawa:

<sup>395</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 9:498.

ويباح للطبيب النظر إلى ما تدعوه إليه الحاجة من بدنها ، من العورة وغيرها ، فإنه موضع حاجة

<sup>396</sup> 'Izz al-Dīn 'Abd al-'Azīz bin 'Abd al-Salām, *al-Qawā'id al-Kubrā* (*Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣālih al-Anām*), ed. Nazīh Kamāl Ḥammād dan 'Uthmān Jum'ah Damīriyyah (Damshik: Dār al-Qalām, 2000), 2:286.

ستر العورات والسوآت واجب وهو من أفضل المروءات وأجمل العادات، ولا سيما في النساء الأجنبية، لكنه يجوز للضرورات وال حاجات . أما الحاجات فنكتظ كل واحد من الزوجين إلى صاحبه، وكذلك نظر المالك إلى امرأته التي تحمل له ونظرها إليه، وكذلك نظر الشهود لتحمل الشهادات، ونظر الأطباء لحاجة المداواة

<sup>397</sup> Al-Suyūṭī, *al-Ashbah wa al-Naẓā'ir*, 83; dan Ibn Nujaim, *al-Ashbah wa al-Naẓā'ir*, 85.

“Mendapatkan *maṣlaḥah* dunia dan akhirat, dan menjauhi *mafsadah* bergantung kepada pertimbangan akal yang cenderung kepada sangkaan yang dominan (*ghalabah al-zann*). Kebanyakan manusia hidup berpandukan sangkaan dominan. Para peniaga sanggup bermusafir kerana mereka menyangka mampu meraih keuntungan, begitu juga dengan pesakit yang mendapatkan rawatan kerana menyangka mereka akan sembuh dari penyakit tersebut”<sup>398</sup>.

### b. Mendapat keizinan dari pesakit

Sebelum melakukan sebarang proses *taghyīr*, doktor yang merawat perlu mendapatkan kebenaran dari pesakit. Hal ini berdasarkan kisah Nabi SAW yang marah kepada sahabat yang tetap memberikan ubat kepada Baginda SAW walaupun telah dilarang sebelumnya.

‘Aisyah meriwayatkan:

لَدَنْاهُ فِي مَرَضِهِ فَجَعَلَ يُشِيرُ إِلَيْنَا أَنْ لَا تَلَدُونِي فَقُلْنَا كَرَاهِيَةَ الْمَرِيضِ لِلنِّدَوَاءِ . فَلَمَّا آفَاقَ ، قَالَ : ( أَلَمْ أَنْهَكُمْ أَنْ تَلَدُونِي ) . قُلْنَا : كَرَاهِيَةَ الْمَرِيضِ لِلنِّدَوَاءِ . فَقَالَ : ( لَا يَبْقَى فِي الْبَيْتِ أَحَدٌ إِلَّا لُدُّ ، وَأَنَا أَنْظُرُ إِلَّا الْعَبَّاسَ فَإِنَّهُ لَمْ يَشَهِدْ كُمْ ) .

Terjemahan: Kami menuapkan ubat ke dalam mulut Nabi SAW sedangkan Baginda SAW telah melarang perkara tersebut. Namun kami berpendapat ia mungkin disebabkan keadaan Nabi SAW yang sakit ketika itu sehingga Baginda menolak ubat. Ketika Baginda SAW tersedar dari pengsan, beliau marah: “Bukankah aku telah melarang kamu dari memberiku ubat”. Kami menjawab: (Boleh jadi) Kamu tidak mahu memakan ubat kerana sakit tersebut. Nabi SAW memberi arahan: “Semua orang dalam rumah ini mesti dibalas dalam keadaan saya melihatnya, kecuali al-‘Abbās kerana dia tidak melakukannya”<sup>399</sup>.

<sup>398</sup> ‘Izz al-Dīn, *al-Qawā'id al-Kubrā* 1:6-7.

الاعتماد في جلب معظم مصالح الدارين ودرء مفاسدهما على ما يظهر في الظنون ... فكذلك أهل الدنيا إنما يتصرفون بناء على حسن الظنون ، وإنما اعتمد عليها لأن الغالب صدقها عند قيام أسبابها ... فإن التجار يسافرون على ظن أنهم يستعملون بما به يرتفعون ... والمرضى يتداونون لعلهم يشفون ويفرون

<sup>399</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Tibb, Bāb al-Ladūd*, no. hadis 5709-5712.

Hadis ini menunjukkan keperluan mendapatkan izin rawatan dari pesakit dan larangan melakukan *taghyīr* melainkan berdasarkan permintaan pesakit. Malah, jika doktor melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak pesakit, pesakit boleh meng*qisās* atas perbuatan doktor tersebut.

c. Doktor yang melakukan *taghyīr* mempunyai kelayakan yang cukup.

Kelayakan doktor sangat penting sebelum melakukan sebarang *taghyīr*. Jika doktor yang melakukan *taghyīr* tiada kelayakan dan berlaku kesilapan ketika proses tersebut, dia perlu menanggung sebarang kesilapan dan kerugian yang terjadi. Al-Khaṭṭābī berkata: “Seseorang yang sengaja merawat tanpa ada kelayakan sehingga membawa kepada kecacatan, dia perlu menanggung kerugian dari kecacatan tersebut”<sup>400</sup>. Ibn al-Qayyim menambah: “Seseorang yang melakukan rawatan dalam keadaan tiada pengetahuan mengenai perubatan, dia mungkin menyebabkan kematian atau mudarat lain”<sup>401</sup>.

### 3.6 Definisi Lengkap *Taghyīr Khalqillāh*

Berdasarkan analisis pada pandangan *mufassirīn*, *muḥaddithīn* dan fuqaha, pengkaji berpandangan maksud *taghyīr khalqillāh* adalah seperti berikut:

---

Lihat: al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 4:38.

<sup>400</sup> Al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan*, 4:39.

لَا أَعْلَمُ خَلَافًا فِي الْمَعَالِجِ إِذَا تَعْدَى فَتْلُفُ الْمَرِيضِ كَانَ ضَامِنًا ، وَالْمَعَاطِي عَلِمًا أَوْ عَمَلاً لَا يَعْرِفُهُ مَتَّعِدٌ ، فَإِذَا تَوَلَّ مِنْ فَعْلِهِ التَّلْفُ  
ضَمِنُ الدِّيَةَ ، وَسُقْطَةُ عَنِ الْقَوْدِ – يَعْنِي الْقَصَاصِ – لَأَنَّهُ لَا يَسْتَبِدُ بِذَلِكَ دُونَ إِذْنِ الْمَرِيضِ

<sup>401</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Jāmi‘ al-Fiqh*, ed. Yusūr Sayyid Muḥammad (Mansurah: Dār al-Wafā’, 2000), 4:411. (*Kitāb al-Buyū‘, Bāb: Ḥājat al-Damān ‘alā al-Tabīb al-Jāhil*)

فَإِذَا تَعَاطَى عَلَمُ الطَّبِّ وَعَمَلَهُ وَلَمْ يَتَقدِّمْ لَهُ بِهِ مَعْرِفَةً ، فَقَدْ هَجَمَ بِجَهَلِهِ عَلَى إِتْلَافِ الْأَنْفُسِ وَأَقْدَمَ بِالْتَّهُورِ عَلَى مَالِمِ يَعْلَمُ  
فَيَكُونُ قَدْ غَرَرَ بِالْعَلِيلِ فَيُلَزِّمُهُ الضَّمَانَ لِذَلِكَ ، وَهَذَا إِجْمَاعٌ مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ

“Pengubahan dari suatu bentuk asal kepada bentuk baru, sama ada pengubahan fizikal atau maknawi, yang berpandukan kepada pertimbangan *maqāṣid*”.

Terdapat beberapa elemen penting dalam definisi ini iaitu:

Pertama, *taghyīr khalqillāh* mestilah melibatkan **pengubahan** kerana jika tiada pengubahan, maka ia tidak termasuk dalam *taghyīr khalqillāh*.

Kedua, pengubahan tersebut mestilah dari **bentuk asal** kepada bentuk baru. Bentuk asal pula boleh jadi dalam keadaan normal atau cacat manakala kecacatan pula boleh dibahagikan kepada dua aspek:

- i. Kecacatan yang melibatkan pengurangan pada anggota badan seperti bayi yang dilahirkan tanpa kaki atau penambahan pada anggota badan seperti bayi yang dilahirkan dengan jari tambahan (polidaktili).
- ii. Kecacatan yang sedikit seperti penyakit polidaktili atau kecacatan besar seperti skaliosis (tulang belakang bengkok).

**Bentuk baru** pula boleh dibahagikan kepada tiga iaitu (i) bentuk baru yang sama seperti bentuk normal atau hampir kepada normal (*near-normal*) seperti pembedahan membentuk semula muka (*face reconstruction*) yang telah rosak disebabkan kemalangan, (ii) penambahan pada anggota badan seperti transplant uterus atau rahim bagi wanita yang dilahirkan tanpa uterus tersebut atau (iii) pengurangan pada anggota badan seperti menderma satu buah pinggang.

Ketiga, pengubahan pula melibatkan **pengubahan fizikal** seperti contoh yang telah disebut dan **pengubahan maknawi** seperti mengubah hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Keempat, *taghyīr khalqillāh* yang dibuat pula berpandukan kepada **pertimbangan maqāṣid** iaitu *taghyīr ḥarūrī*, *taghyīr ḥājī* atau *taghyīr taḥsīnī*. *Taghyīr*

*darūrī* adalah pengubahan yang dilakukan dengan tujuan untuk menyelamatkan nyawa seseorang seperti transplan jantung dan buah pinggang. *Taghyīr ḥājī* pula adalah pengubahan yang dilakukan dengan tujuan mengeluarkan seseorang dari sebarang kesulitan yang sedang atau mungkin dihadapinya seperti pembedahan menyamakan kaki yang panjang sebelah (*Leg Length Discrepancy*). *Taghyīr taḥṣīnī* pula adalah pengubahan yang biasanya dilakukan bukan dengan indikasi perubatan, sebaliknya dilakukan semata-mata kerana mahu memenuhi kehendak diri sendiri seperti pembedahan plastik yang bertujuan kecantikan semata-mata.

### **3.7 Kesimpulan**

Menerusi Bab 3, pengkaji menggunakan teori *takhṣīṣ ‘illah* pada *taghyīr khalqillāh* untuk membentuk panduan bagi *taghyīr* yang dibenarkan dan *taghyīr* yang dilarang secara umum. Seterusnya, pengkaji menyusun panduan bagi *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah* kerana *taghyīr* pada tahap *taḥṣīniyyah* ini menjadi pertikaian dalam kalangan ulama berbanding *taghyīr* pada tahap *ḥājiyyah* dan *darūriyyah* yang dibenarkan dalam batasan keperluan tertentu. Pengkaji juga telah mencadangkan definisi *taghyīr khalqillāh* sebagai rumusan dari perbincangan dalam Bab 2 dan Bab 3. Bab 4 pula akan menganalisis aplikasi konsep dan panduan *taghyīr khalqillāh* ini dalam resolusi dan fatwa perubatan badan fatwa dunia.

## **BAB 4: FATWA DAN RESOLUSI BADAN FATWA DUNIA MENGENAI**

### ***TAGHYĪR KHALQILLĀH***

#### **4.1 Pengenalan**

Islam adalah agama yang benar dan syariat Islam yang diturunkan sesuai dengan peredaran masa, tempat dan manusia. Syariat Islam terdiri dari dua jenis iaitu hukum yang bersifat kekal (*al-thawābit*) seperti perkara asas dalam aqidah dan ibadah merangkumi rukun iman dan rukun islam, dan hukum yang bersifat fleksibel (*al-mutaghayyirāt*) seperti pecahan akidah dan fiqh merangkumi tatacara praktikal solat. Perkara *thawābit* tidak akan berubah sampai bila-bila manakala perkara *mutaghayyirāt* boleh berubah mengikut perubahan masa, tempat, keadaan dan manusia.

Kesan perubahan ini membawa kepada *khilāf* dalam agama. Perkara ini boleh dilihat dalam buku-buku klasik (*turāth*) dalam pelbagai cabang ilmu. Hal ini kerana, para ulama terdahulu cenderung *berijtiḥād* secara sendirian kerana kemampuan mereka menguasai pelbagai bidang ilmu yang diperlukan. Malah, kaedah fiqh turut menyebut: *Ijtihād tidak boleh membatalkan ijtiḥād yang lain*<sup>402</sup>, tidak kira *ijtiḥād* tersebut diputuskan oleh ulama yang sama, atau dua ulama berbeza.

Namun, keadaan pada hari ini sedikit berbeza berbanding zaman awal perkembangan ilmu Islam. Masyarakat Islam yang pelbagai di samping perkembangan dunia hari ini sama ada dalam bidang perbankan, sains, teknologi, pendidikan, perusahaan, perubatan, perindustrian, pemakanan dan lain-lain menjadikan para ulama kontemporari perlu *berijtiḥād* supaya setiap isu yang timbul dalam setiap bidang kehidupan mempunyai sandaran hukum Islam. *Ijtihād* yang diputuskan pula mestilah

---

<sup>402</sup> Al-Qarāfi, Aḥmad bin Idrīs, *al-Iḥkām fī Tamyiz al-Fatāwa ‘an al-Aḥkām wa Taṣarrufāt al-Qāḍī wa al-Imām*, ed. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (Beirut: Dār al-Bashā’ir, 1995), 1:262.

bersifat kolektif dengan meraikan pandangan pakar dalam setiap bidang supaya keputusan *ijtihād* lebih menghampiri kebenaran. *Ijtihād* secara kolektif turut dikenali sebagai *ijtihād jamā‘ī*.

Antara bentuk konsep *ijtihād jamā‘ī* yang diterapkan oleh ulama kontemporari adalah penubuhan badan fatwa sama ada bersifat antarabangsa atau negara. Badan fatwa ini akan membincangkan pelbagai isu dalam pelbagai bidang seterusnya memutuskan resolusi untuk dijadikan panduan hukum oleh masyarakat Islam. Keputusan atau resolusi hukum yang diputuskan oleh badan fatwa lebih terjamin berbanding fatwa individu yang mungkin terikat dengan faktor-faktor luar sehingga mempengaruhi ketepatan fatwa tersebut.

Justeru, bab 4 akan membincangkan konsep *ijtihād jamā‘ī*, sejarah ringkas beberapa badan fatwa antarabangsa dan negara terpilih, dan fatwa atau resolusi hukum yang diputuskan oleh mereka. Seterusnya, pengkaji akan mengasingkan fatwa dan resolusi hukum berkaitan isu perubatan sahaja untuk dikaji dan dianalisis.

#### 4.2 Kepentingan *Ijtihād Jamā‘ī*

*Ijtihād Jamā‘ī* adalah sebuah usaha dari sekumpulan ulama bagi mendapatkan hukum syarak melalui jalan *istinbāt* seterusnya mereka bersepakat pada sesuatu hukum atau hanya sebahagian sahaja yang bersepakat selepas proses perbincangan<sup>403</sup>. *Ijtihād Jamā‘ī* ini bukan satu perkara baru yang wujud pada kurun ini, sebaliknya ia sudah dipraktikkan

<sup>403</sup> Al-Sharafī, ‘Abd al-Majīd al-Sūsuwah, *al-Ijtihād al-Jamā‘ī fī al-Tashrī‘ al-Islāmī* dalam *Kitāb al-Ummah*, no. 62 (Zulkaedah 1418H), 46.

استفراغُ أغلب الفقهاء الجهدَ لتحصيل ظن بحكمٍ شرعيٍّ بطريق الاستنباط، واتفاقهم جميعاً أو أغلبهم على الحكم بعد التشاور

sejak zaman sahabat Nabi SAW lagi. Hal ini boleh dilihat menerusi perbuatan dua orang sahabat Nabi SAW iaitu Abu Bakr al-Šiddīq dan ‘Umar al-Khaṭṭāb ketika mereka memegang jawatan sebagai khalifah. Mereka akan melihat kepada al-Qur’ān jika timbul sesuatu isu, namun jika tiada jawapan diperolehi menerusi al-Qur’ān, mereka akan meneliti hadis Nabi SAW.

Jika masih gagal menjumpai jawapan dari al-Qur’ān dan hadis Nabi SAW, mereka akan mengumpul sebahagian sahabat yang pakar dalam hukum hakam bagi memutuskan jawapan terbaik menerusi jalan *ijtihād*<sup>404</sup>. Perbuatan mereka mengumpulkan sebahagian sahabat sahaja yang berada di sekitar Madinah dinamakan sebagai *ijtihād jamā‘ī* kerana mensyaratkan wajib mengumpulkan semua sahabat yang layak dari seluruh tanah Arab adalah sangat sukar<sup>405</sup>.

*Ijtihād jamā‘ī* sangat penting kerana beberapa sebab, antaranya (i) ia menerapkan konsep syura yang sangat ditekankan di dalam Islam<sup>406</sup>, (ii) keputusan dari *ijtihād jamā‘ī* lebih menepati kebenaran kerana telah melalui perbincangan yang mendalam, (iii) ia sebagai alternatif kepada konsep *ijmā‘* dalam Islam kerana kesepakatan secara keseluruhan adalah sukar diperolehi seperti yang disyaratkan dalam konsep *ijmā‘*, (iv) menyusun metodologi *ijtihād* menjadi lebih tersusun di samping mampu mengurangkan keadaan *tawaqquf* dari *ijtihād*, (v) mengurangkan risiko kesilapan ketika proses *ijtihād* melalui pemilihan ulama yang benar-benar layak untuk berbincang dan beri *ijtihād*, (vi) ia juga mampu diaplikasi dengan lebih meluas khususnya dalam isu-isu kontemporari

<sup>404</sup> Al-Dārimī, ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Raḥmān bin al-Faḍl, *Sunan al-Dārimī*, ed. Fawwāz Zamarlī dan Khālid al-Sab‘ (Kaherah dan Beirut: Dār al-Rayyān li al-Turāth dan Dār al-Kutub al-‘Arabī, 1987), 1:53; dan Ibn al-Qayyim, Muḥammad bin Abū Bakr, *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn* (Kaherah: Ṭab‘ah al-Munīriyyah, 1969), 1:62.

<sup>405</sup> ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *Uṣūl al-Fiqh*, 50.

<sup>406</sup> Lihat surah al-Shūrā, ayat 38 dan Āli Imrān, ayat 159.

seperti dalam perubatan dan perbankan, dan (vii) menjadi salah satu dari jalan penyatuan umat Islam<sup>407</sup>.

Justeru, menyedari kepentingan *ijtihād jamā‘ī*, para ulama telah menubuhkan pelbagai badan fatwa sama ada di peringkat kebangsaan (negara) atau antarabangsa bagi membincang pelbagai isu yang melanda umat Islam.

### **4.3 Badan Fatwa Antarabangsa**

Terdapat beberapa badan fatwa utama telah ditubuhkan diperingkat antarabangsa seperti Majma‘ al-Buḥūth al-Islāmiyyah, Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwālī, Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī dan al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā’ wa al-Buḥūth. Keempat-empat badan fatwa ini sering menjadi rujukan para ulama kontemporari kerana keabsahan resolusi hukum yang diputuskan oleh mereka. Ini kerana, keempat-empat badan fatwa ini dianggotai oleh ramai ulama muktabar pada hari ini.

#### **4.3.1 Majma‘ al-Buḥūth al-Islāmiyyah bi al-Azhar (MBI)**

Majma‘ al-Buḥūth al-Islāmiyyah ditubuhkan pada 1961 di Kaherah, Mesir. Ia dipengerusikan oleh Shaikh al-Azhar dan dianggotai oleh 50 ulama muktabar dari pelbagai negara, sama ada negara Islam seperti negara Arab dan Afrika atau negara bukan Islam seperti negara Eropah. Mereka juga mempunyai pelbagai latarbelakang pendidikan dan bidang kepakaran, di samping aliran mazhab yang berbeza. Penubuhan MBI adalah

---

<sup>407</sup> Al-Sharafī, *al-Ijtihād al-Jamā‘ī*, 77-92.

kesinambungan dari Akta 103 Mesir yang mahu penyusunan semula al-Azhar dan badan-badan yang berada di bawah kawalannya<sup>408</sup>. Seksyen 15 menyebutkan:

“MBI merupakan badan tertinggi kajian isu berkaitan Islam, berperanan mengkaji perkara berkaitan, memperbaharui *thaqāfah* Islam, dan membersihkannya dari kekotoran, kecacatan, taksub kepada politik dan mazhab, seterusnya menjadikan *thaqāfah* Islam suci dan tulen, di samping menyebarkan ilmu ke segenap peringkat dan negara, memberikan penyelesaian kepada isu berkaitan akidah, dan membawa risalah dakwah dengan berhikmah dan bijaksana”.

Antara objektif utama penubuhan MBI adalah seperti berikut<sup>409</sup>:

1. Menjadikan MBI sebagai rujukan tertinggi dalam kajian berkaitan hukum Islam.
2. Memperbaharui ilmu Islam, membuang kepalsuan dan menjadikannya asli semula.
3. Memperluas skop ilmu Islam yang sebenar ke semua peringkat dan negara.
4. Mencari penyelesaian terhadap isu mazhab dan masyarakat yang mempunyai perkaitan dengan akidah.
5. Memikul beban dakwah dengan hikmah dan nasihat yang baik.
6. Menerbitkan manuskrip lama Islam (*al-Turāth al-Islāmī*).


---

<sup>408</sup> Mannā‘ al-Qaṭān, *Tārīkh al-Tashrī‘ al-Islāmī: al-Tashrī‘ wa al-Fiqh fī al-Islām, Tārikhan wa Manhajan* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2009), 341.

<sup>409</sup> Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah, *Qarārāt wa Tawṣīyyāt al-Mu’tamarāt al-Sābiqah: Min al-Awwal ilā al-Tāsi‘* (Kaherah: Maṭba‘ah al-Azhar, 1985H), 12-13.

Majma‘ terbahagi kepada tiga sektor bagi melancarkan aktiviti iaitu *majlis majma‘*, *mu’tamar majma‘* dan *al-‘amānah al-‘āmmah li al-majma‘*. Perincian setiap sektor tersebut boleh dilihat dalam Carta 4.1 di bawah:

Carta 4.1: Carta Organisasi Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah



Rujukan: Laman sesawang rasmi Majma‘ al-Buhūth<sup>410</sup>, Ghānim Ghālib<sup>411</sup> dan al-Ashqar<sup>412</sup>.

<sup>410</sup> نبذة—تاريخية—عن—مجمع—البحوث—الإسلامي/ MBI, *Nabdah Tārīkhīyyah ‘an Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah*, diakses pada 15 Okt 2017, <http://www.azhar.eg/magmaa/details/>

<sup>411</sup> Ghanīm Ghālib Ghanīm, *al-Majāmi‘ al-Fiqhiyyah wa Athar-ha fī al-Ijtihād al-Mu‘āṣir wa al-Taṭallu‘āt li Majma‘ Fiqhī Manshūd*, ed. Muḥammad ‘Assāf, t.tp, 6-8.

<sup>412</sup> Al-Ashqar, ‘Umar Sulaymān, *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī* (Kuwait: Maktabah al-Falah, 1982), 211.

## Persidangan MBI

MBI telah mengadakan banyak muktamar dan seminar meliputi pelbagai aspek sejak penubuhannya pada tahun 1961. Namun begitu, berdasarkan carian pengkaji di laman sesawang rasmi MBI dan buku-buku berkaitan, pengkaji hanya berjaya memperoleh resolusi sepuluh muktamar sahaja sepanjang tahun 1964 hingga 1998. Jadual 4.1 menunjukkan maklumat lengkap mengenai tempat, tarikh dan isu yang dibincangkan dalam sepuluh muktamar tersebut.

Jadual 4.1: Maklumat mengenai Muktamar yang telah dianjurkan oleh MBI

Siri	Tempat	Tarikh	Isu yang Dibincangkan/ Resolusi
1	Kaherah, Mesir.	Syawal 1383H/ Feb 1964M	<ol style="list-style-type: none"> <li>Penjajahan</li> <li>Sumber Hukum dan <i>Ijtihād</i></li> <li>Zakat, Sumber Pendapatan dalam Islam dan Pemilikan Harta</li> <li>Kesatuan antara Masyarakat Muslim</li> </ol>
2.	Kaherah, Mesir.	Pertemuan 1: 12-21 Muhamarram 1385H/ 13-22 Mei 1965M	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kesatuan Negara Islam</li> <li>Pelaksanaan Dakwah</li> <li>Isu Palestin adalah Isu Umat Islam</li> </ol>
		Pertemuan 2: 25 Muhamarram – 16 Safar 1385H/ 26 Mei – 16 Jun 1965M	Isu Kewangan dan Ekonomi: <ol style="list-style-type: none"> <li>Takaful dan Insuran</li> <li>Perbankan</li> <li>Pelaburan</li> <li>Zakat dan Sedekah</li> </ol> Isu Kekeluargaan dan Pemuda: <ol style="list-style-type: none"> <li>Poligami</li> <li>Talak</li> <li><b>Perancangan Keluarga</b></li> <li>Pendidikan Pemuda</li> </ol> Isu Kemasyarakatan dan Ketamadunan <ol style="list-style-type: none"> <li>Perhambaan</li> <li>Kesan Ketamadunan Islam kepada Kemanusiaan</li> </ol>
3.	Kaherah, Mesir.	15 Jamadil Akhir – 13 Rejab 1386H/ 30 September – 27 Oktober 1966M	Pertemuan 1: <ol style="list-style-type: none"> <li>Palestin dan Zionis</li> <li>Pendidikan Islam</li> <li>Pengukuhan Individu, Masyarakat dan Politik</li> <li>Penubuhan Badan Penerangan mengenai Islam</li> <li>Penubuhan Tabung Penyebaran Islam</li> <li>Pembukaan Ensiklopedia Hadis Nabi SAW</li> <li>Membebaskan Masyarakat Islam dari Serangan Pemikiran dan Akhlak</li> <li>Pendidikan Bahasa Arab</li> <li>Membebaskan Negara dari Undang-undang yang Berlawanan dengan Hukum Islam</li> </ol> Pertemuan 2: <ol style="list-style-type: none"> <li>Kehujahan Hadis Nabi SAW</li> <li>Insuran</li> <li>Permulaan Bulan <i>Qamariah</i></li> <li>Sembelihan dan Korban</li> <li>Ekonomi dan Kemasyarakatan</li> </ol>

4.	Kaherah, Mesir.	Rejab 1388H/ September 1968M	<p>Pertemuan 1:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesatuan Islam</li> <li>2. Kesatuan Ekonomi Islam</li> <li>3. Memutuskan Hubungan dengan Israel</li> <li>4. Isu Palestin</li> <li>5. Berpegang dengan al-Qur'an dan Hadis</li> <li>6. Kewajipan Mempertahan Negara</li> </ol> <p>Pertemuan 2:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Al-Qur'an al-Karīm dan Hadis Nabi SAW</li> <li>2. Syariat Islam</li> <li>3. Ketamadunan dan Kemasyarakatan</li> </ol>
5.	Kaherah, Mesir.	Pertemuan 1: 22 -26 Zulhijjah 1389H/ 28 Februari – 4 Mac 1970M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Isu Hubungan Israel dengan Masyarakat Arab</li> <li>2. Isu Palestin</li> </ol>
		Pertemuan 2: 2 – 17 Muharam 1390H/ 10 – 25 Mac 1970M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dakwah Islam</li> <li>2. Peranan Masjid dan Imam terhadap Masyarakat</li> <li>3. Peranan al-Azhar terhadap Risalah Islam</li> <li>4. Islam dan Ilmu</li> <li>5. Islam dan Pemuda</li> <li>6. Syariat dan Undang-undang/Kanun</li> <li>7. Metodologi Memahami Ayat <i>al-Kawniyyah</i> dalam al-Qur'an al-Karīm</li> </ol>
6.	Kaherah, Mesir.	Pertemuan 1: 29 Muharam – 5 Safar 1391H/ 26 Mac – 1 April 1971M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penaklukan Israel ke atas Palestin</li> </ol>
		Pertemuan 2: 14 Safar – 2 Rabi'ul Awal 1391H/ 10-27 April 1971M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesatuan Islam</li> <li>2. Kehormatan/Kemuliaan Manusia</li> <li>3. Al-Qur'an al-Karīm</li> </ol>
7.	Kaherah, Mesir.	Pertemuan 1: 1-6 Sya'ban 1392H/ 9-14 September 1972M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Makluman</li> <li>2. Isu Palestin</li> <li>3. Mesir dan Libya</li> <li>4. Dakwah Islamiyah</li> <li>5. Ekonomi</li> <li>6. Masyarakat Islam yang Hidup di Negara Bukan Islam</li> <li>7. Soalan dari Austria</li> </ol>
		Pertemuan 2: 10-26 Sya'ban 1392H/ 18 September - 4 Okttober 1972M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Isu Palestin</li> <li>2. Pendidikan Islam dan al-Qur'an al-Karim</li> <li>3. Ijtihad dalam Sistem Kewangan Semasa</li> </ol>
8.	Kaherah, Mesir.	Pertemuan 1: 1-9 Zulkaedah 1397H/ 14-22 Oktober 1977M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Palestin dan Pencerobohan Israel</li> <li>2. Isu Lubnan</li> <li>3. Masyarakat Islam di Seluruh Dunia</li> <li>4. Syariat Islam</li> <li>5. Serangan Pemikiran</li> <li>6. Bahasa Arab</li> <li>7. Dakwah dan Daie</li> <li>8. Media Massa</li> <li>9. Akhlak dan Tarbiah</li> <li>10. Pendidikan Islam</li> <li>11. Kanak-kanak</li> <li>12. Pemuda</li> <li>13. Al-Qur'an al-Karim</li> <li>14. Permulaan Kurun ke-15 Hijriah</li> <li>15. Persekutaran</li> <li>16. Kepentingan Melaksanakan Resolusi</li> </ol>
		Pertemuan 2:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Syariat Islam</li> <li>2. Mengikut al-Qur'an dan Hadis Nabi SAW</li> </ol>

		13-27 Zulkaedah 1397H/ 25 Oktober – 8 November 1977M	3. Penubuhan Sekretariat untuk Menjawab Tuduhan Orientalis 4. Sains dan al-Qur'an 5. Dakwah Islamiyah
9.	Kaherah, Mesir.	Pertemuan 1: 3-9 Jamadil Akhir 1403H/ 18-24 Mac 1983M	1. Isu Afghanistan dan Lubnan 2. Isu Palestin 3. Isu Iran dan Iraq
		Pertemuan 2: 12-16 Jamadil Akhir 1403H/ 27-31 Mac 1983M	1. Al-Qur'an al-Karim 2. Penulisan <i>al-Tafsīr al-Wasīt</i> 3. Relevansi Islam Sepanjang Zaman 4. Isu Kontemporari berdasarkan Hukum Islam 5. Kepentingan Pandangan Ulama Islam dalam Isu Ekonomi, Sains, Astronomi dan Perubatan. 6. Galakan Menerbitkan Manuscrip Islam
10.	<b>Tiada Data</b>		<b>Tiada Data</b>
11.	Kaherah, Mesir.	15-19 Rejab 1408H/ 4-8 Mac 1988M	1. Penubuhan Pertubuhan Dakwah 2. Penubuhan Pertubuhan untuk Bantuan Kemanusiaan 3. Isu Muslim Minoriti di Dunia 4. Isu Semasa Umat Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Peperangan Iran – Iraq</li> <li>b. Jihad di Afghanistan</li> <li>c. Seruan untuk Rakyat Lubnan</li> </ul>

Sumber: MBI, *Qarārāt wa Tauṣīyyāt al-Mu'tamarāt al-Sābiqah*<sup>413</sup>.

Berdasarkan Jadual 4.1, sebanyak 97 resolusi telah diputuskan oleh MBI merangkumi pelbagai aspek, namun kebanyakan resolusi menumpukan isu politik semasa dunia Islam, khususnya peperangan di negara Arab seperti Palestin-Israel dan Iraq-Iran. Isu ekonomi dan dakwah turut disentuh namun hanya satu sahaja isu perubatan yang dibincangkan iaitu perbincangan mengenai ‘Perancangan Kehamilan’. Namun, isu ‘Perancangan Kehamilan’ tidak termasuk dalam fokus kajian ini mengenai *taghyīr khalqillāh*. Justeru, resolusi MBI tidak akan dikaji kerana tidak mempunyai resolusi yang selari dengan kajian ini.

#### 4.3.2 Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwālī – MFID (Akademi Fiqh Islami – OIC)

MFID adalah sebuah pusat kajian hukum fiqh yang berada di bawah seliaan Pertubuhan Kerjasama Negara Islam (OIC)<sup>414</sup>. Pejabat urusannya terletak di Jeddah, Arab Saudi.

<sup>413</sup> Ibid., 5-173.

<sup>414</sup> Ia turut dikenal sebagai *Organization of Islamic Cooperation – OIC* dalam Bahasa Inggeris dan *Munazzamah al-Mu'tamar al-Islāmī* (منظمة المؤتمر الإسلامي).

Penubuhan MFID bermula pada tahun 1981 sebagai suatu respons di atas resolusi yang diputuskan dalam Muktamar Negara Islam Ketiga yang diadakan di Mekah al-Mukarramah antara 19 hingga 22 Rabi'ul Awwal 1401H bersamaan 25 hingga 28 Januari 1981. Resolusi tersebut menyebutkan:

“Penubuhan *Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī* yang terdiri dari para fuqaha, ulama dan pemikir Islam dari pelbagai latar belakang akademik seperti fiqh, ilmu semasa, sains dan ekonomi, dari sekalian negara Islam bagi membincangkan isu kontemporari dan memutuskan *ijtihād* yang tulen dan berkesan. Objektif Majma‘ ini adalah mencadangkan penyelesaian berpandukan sumber dari khazanah dan tasawwur Islam”<sup>415</sup>.

Pengerusi OIC telah mengarahkan kerjasama dengan *Muslim World League* (*Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī*) bagi penggubalan peraturan dan undang-undang Majma‘. Tugas ini diserahkan kepada Muktamar Menteri Luar Negara Islam yang diadakan pada 3-7 Zulkaidah 1402H bersamaan 22-26 Ogos 1982M. Seterusnya, MFID ini dilancarkan secara rasmi dalam *Mu’tamar al-Ta’sīsī li Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī* (المؤتمر التأسيسي) pada 26-28 Sya‘ban 1403H bersamaan 7-9 Jun 1983, bertempat di

Mekah al-Mukarramah. Pelancaran ini disempurnakan oleh Raja Arab Saudi, Raja Fahad bin ‘Abd al-‘Azīz.

Pengerusi pertama Majma‘, al-Ustadh al-Ḥabīb al-Shaṭṭī kemudian menyeru para pemimpin negara Islam melantik wakil bagi negara mereka untuk menghadiri

<sup>415</sup> نبذة عن المجمع: تأسيس (”Sejarah Ringkas Penubuhan Majma‘“)، المجمع (الجمع)، diakses pada 16 Oktober 2017, <http://www.iifa-aifi.org/iifa>.

(إنشاء مجمع يسمى (مجمع الفقه الإسلامي) يكون أعضاؤه من الفقهاء والعلماء والمفكرين في شتى مجالات المعرفة من فقهية وثقافية وعلمية واقتصادية من أنحاء العالم الإسلامي لدراسة مشكلات الحياة المعاصرة والاجتهاد فيها اجتهاداً أصيلاً فاعلاً بهدف تقديم الحلول النابعة من التراث الإسلامي والمنفتحة على تصور الفكر الإسلامي لتلك المشكلات).

persidangan pertama yang akan dianjurkan pada 26 Safar 1405H bersamaan 19 November 1984M. Antara objektif penting penubuhan *Majma‘* ini adalah menyelesaikan isu yang melanda umat Islam menerusi aplikasi *ijtihād jamā‘ī*, menghapuskan taksub mazhab dan *ghuluw* dalam beragama, menjadikan *Majma‘* sebagai sumber utama hukum dalam kalangan masyarakat Islam dan mewujudkan toleransi antara fuqaha setiap aliran mazhab.

Keanggotaan *Majma‘* pula terdiri dari tiga jenis, pertama wakil negara Islam yang dipilih oleh pemimpin mereka, kedua pelantikan khas dari pengurusan tertinggi *Majma‘*<sup>416</sup>, ketiga negara Islam. Ini kerana, bukan semua negara Islam yang menjadi ahli dalam *Majma‘* telah menghantar wakil mereka sebagai ahli *Majma‘*. Bilangan negara Islam yang menjadi ahli *Majma‘* seramai 57 negara manakala bilangan wakil negara Islam pula seramai 45 orang. Maka, jumlah negara Islam yang masih belum menghantar wakil mereka adalah 12 negara<sup>417</sup>.

### Persidangan MFID

MFID telah menganjurkan beberapa siri persidangan bagi membincangkan isu-isu semasa. Sehingga tahun 2017, sebanyak 22 siri persidangan telah dianjurkan di pelbagai tempat. Jadual 4.2 menunjukkan senarai persidangan dan isu yang telah dibincangkan:

Jadual 4.2: Senarai Persidangan MFID dan Isu yang Dibincangkan

Siri	Tempat	Tarikh	Isu yang Dibincangkan/ Resolusi
1	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	26-28 Sya‘ban 1403H/ 19-22 November 1984M	Penubuhan MFID
2	Jeddah, Arab Saudi	10-16 Rabi‘ul Akhir 1407H/	1. Zakat Hutang 2. Zakat Sewa Bangunan dan Tanah

<sup>416</sup> Bilangan mereka adalah seramai 17 orang.

<sup>417</sup> Lihat laman sesawang rasmi MFID, *al-A‘dā’ al-Muntadibūn* (الأعضاء المنتدبون), diakses pada 17 Oktober 2017, <http://www.iifa-aifi.org/>; dan *al-Duwal al-A‘dā’* (الدول الأعضاء), diakses pada 17 Oktober 2017, <http://www.iifa-aifi.org/states>.

		22-28 Disember 1985M	<p>3. Soalan dari Institusi Pemikiran Islam Antarabangsa, (المعهد العالمي للفكر الإسلامي) 4. Agama Qādiyānī <b>5. Bayi Tabung Uji (Keputusan Ditangguhkan)</b> <b>6. Bank Susu</b> <b>7. Mesin Sokongan Hayat</b> 8. Soalan dari Bank Pembangunan Islam (البنك الإسلامي) (للتنمية) 9. Takaful dan Insuran 10. Berususan dengan Bunga Bank 11. Menyelaraskan Permulaan Bulan <i>Qamariah</i> (Keputusan Ditangguhkan) 12. <i>Letters of Gurantee</i> (خطاب الضمان)</p>
3	Amman, Jordan	8-13 Safar 1407H/ 11-16 Oktober 1986M	<p>1. Soalan dari Bank Pembangunan Islam (البنك الإسلامي) (للتنمية) 2. Zakat Saham Syarikat (Keputusan Ditangguhkan) 3. Melaburkan Harta Zakat <b>4. Bayi Tabung Uji</b> <b>5. Mesin Sokongan Hayat</b> 6. Menyelaraskan Permulaan Bulan <i>Qamariah</i> 7. Permulaan Ihram Haji dan Umrah bagi Orang yang Menaiki Kapal Terbang 8. Menggunakan Harta Zakat untuk Tabung Takaful Islam (Keputusan Ditangguhkan) 9. Hukum Duit Kertas dan Inflasi Duit (Keputusan Ditangguhkan) 10. Bon Pinjaman dan Pelaburan (Keputusan Ditangguhkan) 11. Soalan dari Institusi Pemikiran Islam Antarabangsa, (المعهد العالمي للفكر الإسلامي) 12. Projek Akademik <i>Majma'</i> 13. <i>Tauṣīyyāt</i></p>
4	Jeddah, Arab Saudi	18-23 Jamadil Akhir 1408H/ 6-11 Februari 1988M	<p><b>1. Transplan Anggota Badan atau Organ</b> 2. Menggunakan Harta Zakat untuk Tabung Takaful Islam 3. Zakat Saham Syarikat 4. Pelucutan Hak Milik untuk Maslahat Umum 5. Bon Pinjaman dan Pelaburan 6. Tebus Sewa (بدل الخلو) 7. Jual Entiti Syarikat dan Diskaun (Keputusan Ditangguhkan) 8. Sewa – Beli, Murabahah dan Inflasi (Keputusan Ditangguhkan) 9. Agama Bahai 10. Projek <i>Taysīr al-Fiqh</i> 11. Projek Ensiklopedia Fiqh 12. Projek Ensiklopedia <i>al-Qawā'id al-Fiqhiyyah</i> 13. <i>Tauṣīyyat</i></p>
5	Kuwait	1-6 Jamadil Awal 1409H/ 10-15 Disember 1988M	<p><b>1. Perancangan Keluarga</b> 2. Janji Beli (الوفاء بالوعد) 3. Murabahah (المربحة الأمر بالشراء) 4. Inflasi 5. Hak Intelektual 6. Sewa – Beli 7. <i>Al-Tamwīl al-'Iqārī</i> (Keputusan Ditangguhkan) 8. Penyelarasaran Keuntungan Perniagaan 9. <i>Al-'Urf</i> 10. Aplikasi Hukum Syariat Islam 11. Sekretariat Undang-undang Islam Antarabangsa (Keputusan Ditangguhkan)</p>
6	Jeddah, Arab Saudi	17-23 Sya'ban 1410H/	<p>1. <i>Al-Tamwīl al-'Iqārī</i> 2. Bayaran Ansuran 3. Jual Beli dengan Teknologi Komunikasi Semasa</p>

		14-20 Mac 1990M	4. <i>Al-Qabād</i> : Bentuk dan Hukumnya 5. <b>Transplan Sel Saraf dan Sel Otak</b> 6. Penggunaan Sel Embrio sebagai Bahan Kajian 7. Transplan Organ dari Janin 8. Transplan Organ Reproduktif 9. Transplan Anggota yang Dipotong Disebabkan <i>Qisāṣ</i> atau <i>Hudūd</i> 10. Pasaran Kewangan 11. Bon 12. Cadangan Tema Seminar 13. <i>Tauṣīyyat</i>
7	Jeddah, Arab Saudi	7-12 Zulkaedah 1412H/ 9-14 Mei 1992M	1. Pasaran Kewangan 2. Bayaran Ansuran 3. ‘Aqd al- <i>Istiṣnā</i> ’ (عقد الاستصناع) 4. <i>Bay‘ al-Wafā</i> ’ (بيع الوفاء) <b>5. Rawatan Perubatan</b> 6. Hak Kenegaraan 7. <i>Tauṣīyyat</i> : Serangan Pemikiran
8	Bandar Sri Begawan, Brunei	1-7 Muhamarram 1414H/ 21-27 Jun 1993	1. <i>Rukhsah</i> 2. Kemalangan Jalan Raya 3. <i>Bay‘ Urbān</i> (Deposit) (بيع العربون) 4. ‘Aqd al- <i>Muzāyadah</i> (عقد المزايدة) 5. Pembentukan Pasaran Kewangan Islam 6. Matawang 7. Sekitar Isu dalam Bank-bank Islam 8. Pelaburan Saham di Syarikat Ribawi (Keputusan Ditangguhkan) 9. Kad Kredit (Keputusan Ditangguhkan) <b>10. Kerahsiaan dalam Profesion Perubatan</b> <b>11. Etika Perubatan</b> <b>12. Perawatan Berlainan Jantina</b> <b>13. AIDS (Keputusan Ditangguhkan)</b> 14. Penyelarasan dan Penyerahan Kertas Kajian
9	Abu Dhabi, UAE	1-6 Zulkaedah 1415H/ 1-6 April 1995M	1. Perniagaan Emas dan <i>Hiwālah</i> 2. Jual Beli <i>Salam</i> dan Aplikasi Semasa 3. Akaun Bank 4. Pelaburan Saham (Keputusan Ditangguhkan) 5. Tender (Keputusan Ditangguhkan) 6. Isu Matawang (Keputusan Ditangguhkan) <b>7. AIDS</b> 8. Konsep <i>Taḥkīm</i> 9. <i>Sadd al-Dharā'i</i> (سد الذرائع)
10	Jeddah, Arab Saudi	23-28 Safar 1418H/ 28 Jun – 3 Julai 1997	<b>1. Perkara yang Membatalkan Puasa ketika Rawatan</b> <b>2. Pengklonan Manusia</b> 3. Sembelihan 4. Kad Kredit 5. Peranan Wanita Muslimah dalam Pembangunan (Keputusan Ditangguhkan)
11	Panama, Bahrain	25-30 Rejab 1419H/ 14-19 November 1998	1. Kesatuan Islam 2. Liberalisasi 3. Islam dan Modernisasi 4. <i>Bay‘ al-Dayn</i> , Bon dan Alternatif Islami 5. Jual Beli Matawang (Forex) 6. Kontrak Penyelenggaraan 7. Fatwa Kontemporari <b>8. Kejuruteraan Genetik dan DNA (Keputusan Ditangguhkan)</b> 9. Seminar Peranan Wanita Muslimah dalam Pembangunan (Keputusan Ditangguhkan)
12	Riyadh, Arab Saudi	25 Jamadil Akhir- 1 Rejab 1421H/ 23-28 September 2000	1. Tender dan Bekalan 2. Kad Kredit 3. Penalty/ Denda (الشرط الجزائي) 4. AITAB dan Pajakan 5. Pelaburan Harta Wakaf (Keputusan Ditangguhkan)

			<ol style="list-style-type: none"> <li>6. Pensabitan Jenayah dengan Qarinah dan Bukti (Keputusan Ditangguhkan)</li> <li>7. Hak Kanak-kanak dan Orang Tua</li> <li>8. Seminar Peranan Wanita Muslimah dalam Pembangunan</li> <li>9. Inflasi dan Matawang</li> <li>10. Terjemahan al-Qur'an</li> <li>11. Penubuhan Badan Rasmi berkaitan al-Qur'an al-Karim</li> <li>12. Isu al-Quds</li> </ol>
13	Kuwait	7-12 Syawal 1422H/ 22-27 Disember 2001	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelaburan Harta Wakaf (Keputusan Ditangguhkan)</li> <li>2. Zakat Tanaman</li> <li>3. Zakat Saham</li> <li>4. <i>Al-Mushārakah al-Mutanāqīshah</i> (Keputusan Ditangguhkan)</li> <li>5. Akaun Pelaburan di Institusi Kewangan</li> <li>6. Takaful dan Insuran Perubatan (Keputusan Ditangguhkan)</li> <li>7. Isu Palestin</li> <li>8. Hak Kemanusiaan dalam Islam</li> </ol>
14	Doha, Qatar	8-13 Zulkaedah 1423H/ 11-16 Januari 2003M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kad Diskaun/ Kupon</li> <li>2. Hak Kemanusiaan</li> <li>3. Kontrak Pembinaan Rumah</li> <li>4. Konsep Syarikat Moden</li> <li>5. Tanggungjawab Pemandu Kenderaan Awam (Keputusan Ditangguhkan)</li> <li>6. MoU</li> <li>7. Isu Kelewatan dalam Institusi Kewangan Islam</li> <li>8. <i>Al-'Amūlah</i></li> </ol>
15	Muscat, Oman	14-19 Muharam 1425H/ 6-11 Mac 2004M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Wacana Islami</li> <li>2. <i>Al-Mushārakah al-Mutanāqīshah</i></li> <li>3. <i>Sukuk al-Ijārah</i></li> <li>4. Manhaj Pengajaran Islam</li> <li>5. Kad Kredit</li> <li>6. Pelaburan Harta Wakaf</li> <li>7. Aplikasi <i>Masālih al-Mursalah</i></li> <li>8. <b>Ganti Rugi Perubatan</b></li> </ol>
16	Dubai, UAE	30 Safar - 5 Rabi'ul Awal 1426H/ 9-14 April 2005M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Syarikat Takaful</li> <li>2. Pertikaian Suami Isteri</li> <li>3. Sistem <i>'Aqilah</i> dan Aplikasi Moden</li> <li>4. Penyelewengan terhadap Kefahaman al-Qur'an dan Nas Syarak</li> <li>5. Harta Kerajaan</li> <li>6. Jaminan Perniagaan</li> <li>7. Insuran Kesihatan</li> <li>8. Islam dan Bukan Islam</li> <li>9. Muslim Minoriti</li> </ol>
17	Amman, Jordan	28 Jamadil Awal - 2 Jamadil Akhir 1427H/ 24-28 Jun 2006M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesatuan Umat Islam</li> <li>2. Fatwa: Syarat dan Etika</li> <li>3. Islam, Fanatik dan Fahaman Pengganas</li> <li>4. Hak Warganegara di Luar Negara</li> <li>5. <i>Şūkūk al-Mushārakah</i></li> <li>6. Janji dalam Akad</li> <li>7. Jual Beli Hutang</li> <li>8. Peranan Wanita menurut Perspektif Islam</li> <li>9. Hubungan Negara Islam dengan Negara Bukan Islam</li> <li>10. <b>Etika Kajian Perubatan</b></li> <li>11. <b>Puasa Pesakit Kencing Manis (Keputusan Ditangguhkan)</b></li> </ol>
18	Putrajaya, Malaysia	24-29 Jamadil Akhir 1428H/ 9-14 Julai 2007M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kembali kepada Ketamadunan Islam</li> <li>2. Pengurusan Sumber Manusia dalam Dunia Islam</li> <li>3. Memperkasakan Peranan Zakat dalam Memerangi Kemiskinan</li> <li>4. Fenomena Intimidasi dalam Islam</li> <li>5. Maqasid Syariah dan Peranannya dalam <i>Istinbat Hukum</i></li> <li>6. Umur <i>Balīgh</i></li> <li>7. Hak dan Tanggungjawab Wanita Muslimah</li> <li>8. Kontrak <i>Time Sharing</i></li> <li>9. Hak Milik Strata</li> <li>10. <b>Keizinan Pesakit ketika Rawatan Kecemasan</b></li> </ol>

			<b>11. Pembedahan Plastik</b> <b>12. Perkara yang Membatalkan Puasa ketika Rawatan (Keputusan Ditangguhkan)</b>
19	Sharjah, UAE	1-5 Jamadil Awal 1430H/ 26-30 April 2009M	1. Kebebasan Beragama 2. Kebebasan Bersuara 3. Perana Audit Syariah di Syarikat Kewangan Islam 4. <i>Sukuk Islāmiyyah (Tawriq)</i> 5. <i>Tawarruq</i> 6. Keganasan Rumah Tangga 7. Wakaf Saham, <i>Şukūk</i> dan Harta Intelek 8. Wakaf <b>9. Puasa Pesakit Kencing Manis</b> <b>10. Keizinan Pesakit ketika Rawatan Kecemasan</b> 11. Kelestarian Alam Sekitar
20	Oran, Algeria	26 Syawal - 2 Zulkaedah 1433H/ 13-18 September 2012M	1. Sistem Kawalan Harga dan Muflis dalam Islam 2. Takaful 3. <i>Al-Şukūk al-Islāmiyyah</i> 4. Kontrak Penyelenggaraan 5. Peranan Majma‘ Fiqh dalam Memandu Syarikat Kewangan Islam 6. Hak Banduan 7. Hukuman Mati <b>8. Kejuruteraan Genetik dan DNA (Keputusan Ditangguhkan)</b> 9. Pensabitan Jenayah dengan Bukti
21	Riyadh, Arab Saudi	15-19 Muharam 1435H/ 18-22 November 2013M	1. <i>Al-Tahawwut</i> (Hedging) 2. <i>Al-Şukūk al-Islāmiyyah</i> 3. Ganti Rugi Kemalangan Jalan Raya <b>4. Istihālah dan Istihlāk dalam Makanan dan Ubatan</b> 5. Lakonan Watak Nabi dan Sahabat dalam Filem (Keputusan Ditangguhkan) 6. Hukum dan Etika Takaful 7. Sembelihan Selepas Renjatan Elektrik 8. Dialog antara Mazhab Islam <b>9. Kejuruteraan Genetik dan DNA</b> 10. Peperangan antara Muslim (Keputusan Ditangguhkan)
22	Kuwait	2-5 Jamadil Akhir 1436H/ 22-25 Mac 2015M	1. Syura dan Demokrasi dalam Islam 2. Soalan <i>Ma ‘had al-Muwāṣifāt wa al-Maqāyis li al-Duwāl al-Islāmiyyah</i> 3. Jihad (Menyerang dan Bertahan) 4. Isu <i>Takfir</i> Sesama Muslim 5. Hak dan Tanggungjawab Rakyat Bukan Islam di Negara Islam <b>6. Istihālah dan Istihlāk dalam Makanan dan Ubatan</b> 7. Wanita dan <i>Wilāyah ‘Āmmah</i> 8. Jaminan Bank atas Kerugian Pelaburan 9. Hak Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam Islam 10. <i>Al-Ghalabah</i> dan <i>al-Taba’iyyah</i> dalam Kewangan Islam 11. Takaful 12. Menziarahi al-Quds

Sumber: *al-Dawrāt, Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwālī*<sup>418</sup>

Berdasarkan Jadual 4.2, MFID telah memutuskan 216 resolusi sepanjang 22 siri persidangan bermula dari persidangan pertama pada tahun 1984 hingga 2015. Resolusi yang diputuskan merangkumi pelbagai bidang seperti muamalat, perbankan, ekonomi,

<sup>418</sup> Lihat laman sesawang rasmi MFID, *al-Dawrāt* (الدورات), diakses pada 21 Oktober 2017, <http://www.iifa-aifi.org/cs>

perubatan, kemanusiaan, fatwa, *qawā‘id fiqh*, *maqāṣid al-sharī‘ah*, politik, ketenteraan, perbandingan mazhab, pemakanan, undang-undang dan lain-lain. Jumlah resolusi berkaitan perubatan yang diputuskan adalah 29 resolusi. Pengkaji akan memfokuskan kajian teks resolusi yang berkaitan dengan isu *taghyīr khalqillāh*. Berikut adalah resolusi yang berkaitan dengan isu tersebut:

1. Bayi Tabung Uji
2. Transplan Anggota Badan atau Organ
3. Transplan Sel Saraf dan Sel Otak
4. Transplan Organ dari Janin
5. Transplan Organ Reproduktif
6. Pengklonan Manusia
7. Kejuruteraan Genetik dan DNA (Diagnosis Genetik)
8. Pembedahan Plastik

#### 4.3.3 Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī (MFI)

MFI adalah sebuah badan berkecuali yang berada di bawah pengurusan Kesatuan Dunia Islam (رابطة العالم الإسلامي), terdiri dari gabungan ulama dan fuqaha dunia Islam. Idea

penubuhan MFI dicetuskan pada tahun 1964 dalam Muktamar Islāmī ke-2 yang berlangsung di Mekah al-Mukarramah. Antara resolusi muktamar tersebut adalah menubuhkan MFI. Pada tahun berikutnya, 1965, Jawatankuasa Penaja (*al-Majlis al-Ta’sīsī*) telah melantik 7 tokoh untuk menubuhkan MFI diketuai oleh Mufti Arab Saudi, *Samāḥah al-Shaikh* Muḥammad bin Ibrāhīm Ālī Shaikh. Baki enam ahli Jawatankuasa Penaja adalah:

- (i) Abū al-Ḥasan al-Nadwī
- (ii) Abū al-A‘lā al-Maudūdī
- (iii) Muḥammad bin ‘Alī al-Ḥarakān
- (iv) ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abdullāh bin Bazz
- (v) Muḥammad Maḥmūd al-Ṣawwāf

- (vi) Muḥammad al-Fāḍil bin ‘Āshūr.

Namun, disebabkan kelewatan penubuhan MFI, Jawatankuasa Penaja telah dilantik semula dengan penambahan beberapa tokoh menjadikan jumlah Ahli Jawatankuasa Penaja kepada 10 orang. Mereka adalah:

- (i) Abū al-A‘lā al-Maudūdī (Lama)
- (ii) Abū Bakr Jaumī (Baru)
- (iii) Hasanain Muḥammad Makhlūf (Baru)
- (iv) ‘Abdullāh bin Muḥammad bin Ḥāmid (Baru)
- (v) ‘Allāl al-Fāṣī (Baru)
- (vi) Mansūr al-Mahjūb (Baru)
- (vii) Muḥammad bin ‘Alī al-Ḥarakān (Lama)
- (viii) Muḥammad al-Shādhūlī al-Naifir (Baru)
- (ix) Muḥammad Maḥmūd al-Ṣawwāf (Lama)
- (x) Muḥammad Rāshidī (Baru)

Penukaran ini berlaku pada tahun 1973. Tiga tahun kemudian (1976), MFI ditubuhkan secara rasmi dengan keanggotaan 22 orang ulama dari 12 negara Islam terpilih; Jordan, Indonesia, Pakistan, Tunisia, Algeria, Arab Saudi, Iraq, Lubnan, Mesir, Mauritania, Nigeria dan India. Pada tahun 2001, jumlah keanggotaan MFI ditambah kepada 30 orang<sup>419</sup>. Antara objektif penubuhan MFI adalah:

- (i) Menjelaskan hukum syarak berkaitan isu semasa yang dihadapi umat Islam berpandukan sumber hukum yang diiktiraf oleh syarak.
- (ii) Membuktikan ketinggian hukum Islam berbanding undang-undang manusia, sifat kesempurnaan Islam dan relevansi Islam sepanjang zaman.

---

<sup>419</sup> MFI, *al-Ta‘rīf bi al-Majma‘ al-Fiqhī al-Islāmī bi Makkah al-Mukarramah* (Mekah: MFI, 2006), 9-11.

- (iii) Memperkasakan khazanah *turāth* Islam dan menjelaskannya dengan bahasa moden.
- (iv) Menggalakkan penerbitan kajian fiqh Islāmī.
- (v) Mengumpulkan fatwa dan pandangan fiqh dari para ulama dan badan fatwa berautoriti.
- (vi) Menjawab tohmahan yang dilontar berkaitan syariat Islam.

Pentadbiran MFI diuruskan oleh *Majlis al-Majma‘* dan *Amānah al-Majma‘*. *Majlis Majma‘* terdiri dari Pengerusi *Majlis*, Setiausaha Agung MFI merangkap Timbalan Pengerusi dan 27 anggota terdiri dari para ulama semasa pelbagai bidang seperti al-Qur‘ān al-Karīm, hadis Nabi SAW, fiqh dan uṣūl fiqh. *Amānah Majma‘* pula terdiri Setiausaha Agung MFI merangkap Pengerusi *Amanah*, para penyelidik dan kakitangan sokongan. *Amanah Majma‘* juga berperanan mengadakan kerjasama dengan badan fatwa lain seperti MFIK, *Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah* dan lain-lain.

### **Persidangan MFI**

MFI telah menganjurkan beberapa siri persidangan bagi membincangkan isu-isu semasa. Sehingga tahun 2017, sebanyak 22 siri persidangan telah dianjurkan di pelbagai tempat. Jadual 4.3 menunjukkan senarai persidangan dan isu yang telah dibincangkan:

Jadual 4.3: Senarai Persidangan MFI dan Isu yang Dibincangkan

Siri	Tempat	Tarikh	Isu yang Dibincangkan/ Resolusi
1	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	10-17 Sya‘ban 1398H/ 16-23 Julai 1978M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hukum Freemason</li> <li>2. Hukum Syiah</li> <li>3. Hukum Qādiyānī</li> <li>4. Hukum Bahai</li> <li>5. Insuran</li> </ol>
2	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	26 Rabi‘ul Akhir- 4 Jamadil Awal 1399H/ 26 Mac- 2 April 1979	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kepercayaan Wujudiyah</li> <li>2. Seruan Aplikasi Syariat Islam kepada Negara Arab</li> <li>3. Cetakan Kertas Kerja</li> </ol>
3	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	23-30 Rabi‘ul Akhir 1400H/ 11-18 Mac 1980	<b>1. Perancangan Keluarga</b>
4.	Mekah al-Mukarramah,	7-17 Rabi‘ul Akhir 1401H/	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melihat Anak Bulan</li> <li>2. Cetakan Buku: <i>al-Islām wa al-Harb al-Jamā‘iyyah</i></li> <li>3. Perkahwinan Berlainan Agama</li> </ol>

	Arab Saudi.	12-22 Februari 1981	4. Kajian ‘Penyebaran Ibu Segala Penyakit’ 5. Hukuman Rejam dalam Islam 6. Menyelarikan Permulaan Bulan <i>Qamariah</i>
5.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	8-16 Rabi‘ul Akhir 1402H/ 3-11 Februari 1982M	1. Bersumpah Menggunakan Kita Taurat atau Injil 2. Berniat Ihram di Jeddah 3. Waktu Solat di Kawasan Latitud Tinggi <b>4. Persenyawaan In Vitro dan Bayi Tabung Uji (Keputusan Ditangguhkan)</b> 5. Khutbah Jumaat Selain dari Bahasa Arab 6. Matawang 7. Hak dan Kewajipan dalam Akad
6.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	9-16 Rabi‘ul Akhir 1403H/ 24-31 Januari 1983M	1. Undian Pengerusi MFI yang Baru 2. Salah Tafsir Surah al-Ikhlas 3. Fenomena Keceluaran Kebenaran 4. Kajian Status Agama Raja Najasyi 5. “Surat kepada Shaikh al-Shi‘rāwī” 6. Edaran Percuma Mashaf al-Qur'an di Hotel
7.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	11-18 Rabi‘ul Akhir 1404H/ 15-22 Januari 1984	1. Pasaran Bursa Saham 2. Larangan Menukar Tulisan Muṣḥaf al-‘Uthmānī 3. Larangan Menukar Nombor Arab ke Latin 4. Hukum Mahar diberikan oleh Pihak Wanita <b>5. Persenyawaan In Vitro dan Bayi Tabung Uji</b>
8.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	28 Rabi‘ul Akhir- 7 Jamadil Awal 1405H/ 21-29 Januari 1985	<b>1. Transplan Organ</b> <b>2. Persenyawaan In Vitro dan Bayi Tabung Uji</b> 3. Ijtihad 4. Pengumpulan dan Edaran Zakat di Pakistan 5. Pengebumian Jenazah Muslim di Perkuburan Bukan Muslim 6. Larangan Melakonkan Watak Para Nabi
9.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	12-19 Rejab 1406H/ 23-30 Mac 1986	1. Azan Menggunakan Rakaman Kaset 2. Aplikasi Al-Qur'an dalam Komputer 3. Membina Masjid 4. Harta Intelek 5. Menggunakan Harta Zakat untuk Membina Sekolah dan Hospital 6. Waktu Solat dan Puasa di Kawasan Latitud Tinggi 7. Menggunakan Bahagian Aṣnāf <i>Fī Sabīlillāh</i> untuk Projek Kesihatan dan Pendidikan
10.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	24-28 Safar 1408H/ 18-22 Oktober 1987	1. Bedah Siasat Jenazah Manusia 2. Kematian dan Memberhentikan Mesin Sambung Hayat <b>3. Al-Mulākamah</b> 4. Sembelihan Haiwan dengan Bantuan Renjatan Elektrik 5. Kajian Mengenai Pandangan Islam Terhadap Institusi Kewangan 6. Jawapan Fatwa <i>Lajnah al-Ighāthah al-Duwaliyah al-Islāmiyyah</i> 7. Agihan Bantuan Kewangan 8. Rakaman Kaset al-Qur'an 9. <i>Khilāf Fiqhī</i> antara Mazhab dan Taksub Mazhab 10. Isu Afghanistan 11. Wakaf 12. Isu Palestin
11.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	13-20 Rejab 1409H/ 19-26 Februari 1989	1. Zakat Sewa Bangunan 2. Jawapan Terhadap Salman Rusydie <b>3. Pemindahan Darah</b> 4. Status Agama Rasyad Khalifah 5. Hukum Berwuduk Menggunakan Air Paip yang Ditapis <b>6. Transgender</b> 7. <i>Al-Qabd</i> dan <i>al-Qayd</i> 8. Penalti
12.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	15-22 Rejab 1410H/ 11-18 Februari 1990	1. Menulis Ayat Quran 2. Melarang Isteri Mendapatkan Rawatan <b>3. Bayi Tabung Uji</b> 4. Menggugurkan Janin Cacat
13.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	5 Sya‘ban 1412H/ 2 Februari 1992M	1. Jual Beli Matawang <b>2. Tali Pusat</b> 3. Cipta dan Jual Kiub Berbentuk Kaabah

14.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	20 Sya'ban 1415H/ 21 Januari 1995	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tanggungjawab Ibu Bapa dan Waris</li> <li>2. Racun Haiwan</li> <li>3. Kawasan Sa'ī Baru</li> <li>4. Membeli Saham Syarikat dan Institusi Kewangan</li> <li>5. Menetapkan Had Maksimum Keuntungan</li> <li>6. Tanggungjawab Pelabur dan Syarikat</li> <li>7. Loteri</li> <li><b>8. Peraturan Membuka Aurat ketika Rawatan</b></li> </ol>
15.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	11-15 Rejab 1419H/ 31 Oktober- 4 November 1998M	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Muslim dan Kejuruteraan Genetik (Keputusan Ditangguhkan)</b></li> <li><b>2. DNA</b></li> <li>3. Geletin dari Tulang Haiwan</li> <li>4. <i>Bay' al-Dayn</i></li> <li>5. Jual Beli <i>Tawarruk</i></li> <li>6. Pelaburan Harta Zakat</li> </ol>
16.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	21-26 Syawal 1422H/ 5-10 Januari 2002M	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Bay' al-Dayn</b></li> <li>2. Peranan Pusat Islam dalam Menjatuhkan Talak (Keputusan Ditangguhkan)</li> <li>3. Pelaburan di Institusi Kewangan</li> <li>4. Pencairan Harta</li> <li>5. Penglibatan Muslim dalam Pilihan Raya bersama Bukan Muslim</li> <li><b>6. Ubat yang Mengandungi Alkohol</b></li> <li><b>7. DNA</b></li> <li><b>8. Diagnosis Genetik</b></li> </ol>
17.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	19-23 Syawal 1424H/ 13-17 Disember 2003M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membetulkan Fahaman Melampau</li> <li>2. Tawarruk</li> <li><b>3. Ubat dari Sumber Najis</b></li> <li><b>4. Sel Tunjang (Stem Cell)</b></li> <li><b>5. Penyakit Genetik</b></li> <li>6. Kesesakan di Haji</li> <li>7. Hieroglifi Tafsir Quran</li> </ol>
18.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	10-14 Rabi'ul Awal 1427H/ 8-12 April 2006M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jual Beli Margin (<i>al-Mutājaraḥ bi al-Hāmish</i>)</li> <li>2. Kad Kupon/ Kad Diskaun</li> <li>3. Membatalkan Hutang dengan Hutang</li> <li>4. Keharusan Wanita Menuntut Cerai Secara <i>Khulu'</i></li> <li>5. Akad Perkahwinan Menggunakan Kaedah Moden</li> <li><b>6. Memilih Jantina Bayi</b></li> </ol>
19.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	22-27 Syawal 1428H/ 3-8 November 2007M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hiasan Menggunakan Ayat Quran</li> <li>2. Waktu Solat di Kawasan yang Latitud Tinggi</li> <li>3. Peranan Pusat Islam dalam Menjatuhkan Talak</li> <li>4. Alternatif kepada <i>Term Deposit</i></li> <li>5. Penglibatan Muslim dalam Pilihan Raya bersama Bukan Muslim</li> <li><b>6. Memilih Jantina Bayi</b></li> </ol>
20.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	19-23 Muharam 1432H/ 25-29 Disember 2010M	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Al-Taḥkīm</b> dalam Undang-undang</li> <li><b>2. Kembar Siam</b></li> <li>3. Pelaburan di Pasaran Saham</li> <li>4. Kecairan Harta dalam Kewangan Islam</li> </ol>
21.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	24-28 Muharam 1434H/ 8-12 Disember 2012M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Zakat Hutang Pelaburan</li> <li>2. Tempoh Menunggu Orang Hilang</li> <li>3. Perkahwinan dengan Kanak-kanak</li> <li><b>4. Tempoh Maksimum Kehamilan</b></li> <li>5. Tanggungjawab Wali ke atas Pesakit yang berada di Bawah Jagaannya</li> </ol>
22.	Mekah al-Mukarramah, Arab Saudi.	21-24 Rejab 1436H/ 10-13 Mei 2015M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Denda Kerosakan disebabkan Jenayah (Keputusan Ditangguhkan)</li> <li>2. Jual atau Sewa dengan Harga Berlainan</li> <li>3. Jual Beli Matawang</li> <li><b>4. Memberhentikan Rawatan terhadap Pesakit yang Tiada Harapan Kesembuhan</b></li> <li>5. Tidak Mahu Berihram Haji tanpa Sebab</li> <li>6. Tuntutan Harta Bekas Isteri</li> <li>7. Permulaan Waktu Solat Zohor (Keputusan Ditangguhkan)</li> <li>8. Kesan Perubahan Zaman kepada Hukum <i>Haḍānah</i></li> </ol>

Sumber: *Qarār al-Majma'*, *Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī*<sup>420</sup>

Berdasarkan Jadual 4.3, MFI telah memutuskan 132 resolusi sepanjang 22 siri persidangan bermula dari persidangan pertama pada tahun 1978 hingga 2015. Resolusi yang diputuskan merangkumi pelbagai bidang seperti muamalat, perbankan, ekonomi, perubatan, kemanusiaan, fatwa, *maqāṣid shari‘ah*, politik, ketenteraan, pemakanan, undang-undang dan lain-lain. Jumlah resolusi berkaitan perubatan yang diputuskan adalah 24 resolusi. Pengkaji akan memfokuskan kajian teks resolusi yang berkaitan dengan isu *taghyīr khalqillāh*. Berikut adalah resolusi yang berkaitan dengan isu tersebut:

- |  |                         |
|--|-------------------------|
| 1. Bayi Tabung Uji                     | 5. Diagnosis Genetik    |
| 2. Transplant Anggota Badan atau Organ | 6. Rawatan Sel Tunjang  |
| 3. Transgender                         | 7. Penyakit Genetik     |
| 4. DNA                                 | 8. Memilih Jantina Bayi |
|  | 9. Kembar Siam          |

#### **4.3.4 Al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā' wa al-Buhūth (MUIB)**

MUIB merupakan sebuah pertubuhan Islam berkecuali yang dianggotai sekumpulan ulama. Ia turut dikenali sebagai *European Council for Fatwa and Research*. Ibu pejabat MUIB terletak di Ireland dan ditubuhkan dalam persidangan pada 21-22 Zulkaedah 1417H bersamaan 29-30 Mac 1997 di London dengan kehadiran 15 orang ulama. Dalam

<sup>420</sup> Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī al-Majma’ al-Fiqhī al-Islāmī, *Qarārāt al-Majma’ al-Fiqhī al-Islāmī bi Makkah al-Mukarramah* (Mekah: Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī, t.t.); Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī, *al-Qarārāt al-Šadīrah ‘an al-Dawrah al-Tāsi‘ah ‘Asharah*, Majallah al-Majma’ al-Fiqhī al-Islāmī 23 (2010), 345-360; Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī, *Qarārāt al-Majma’ al-Fiqhī al-Islāmī bi Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī fī Dawratih al-‘Ishrīn*, Majallah al-Majma’ al-Fiqhī al-Islāmī 26 (2011), 389-403; Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī, *Qarārāt al-Majma’ al-Fiqhī al-Islāmī bi Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī fī Dawratih al-Hādiyah wa al-‘Ishrīn*, Majallah al-Majma’ al-Fiqhī al-Islāmī 29 (2013), 383-414; Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī, *Qarārāt al-Dawrah al-Thāniyah wa al-‘Ishrīn*, Majallah al-Majma’ al-Fiqhī al-Islāmī 33 (2015), 265-281.

satu slot *al-Shari‘ah wa al-Hayāh* bertarikh 11 Februari 2001, Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī menyebutkan faktor yang membawa kepada penubuhan MUIB. Beliau berkata:

“Kewujudan komuniti muslim di Eropah semakin berkembang tetapi masih minoriti. Perkembangan kesedaran Islam dalam kalangan komuniti Muslim Eropah menjadikan mereka mahu menunjukkan identiti mereka sebagai muslim yang akhirnya membawa kepada penubuhan masjid, pusat Islam, sekolah, kelab, pertubuhan dan organisasi. Keadaan ini bukan hanya berlaku kepada komuniti Muslim minoriti di Eropah, sebaliknya kepada umat Islam secara umum. Penubuhan semua institusi Islam ini menjadi lambang identiti muslim di Eropah. Namun begitu, antara institusi terpenting bagi komuniti Muslim di Eropah adalah *al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā’ wa al-Buḥūth* (MUIB) kerana ia merupakan rujukan utama dalam isu berkaitan hukum-hakam, khususnya isu terpencil yang hanya berlaku dalam komuniti minoriti muslim. Selain itu, MUIB juga menjadi penghubung antara komuniti minoriti muslim dengan masyarakat Eropah<sup>421</sup>.

MUIB diterajui oleh beberapa tokoh ulama dunia Islam antaranya, Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī sebagai Penggerusi, Dr. ‘Alī Muhyī al-Dīn al-Qurah Dāghī sebagai Naib Penggerusi 1, Dr. ‘Abdullāh Yūsuf al-Judai‘ sebagai Naib Penggerusi 2, Shaikh Ḥusain Muḥammad Ḥalāwah sebagai Setiausaha Agung dan dibantu oleh Dr. Aḥmad Jābullah sebagai Naib Setiausaha Agung<sup>422</sup>. Antara objektif penubuhan MUIB adalah<sup>423</sup>:

- (i) Menjadi medan pertemuan antara para ulama di Eropah dan menyatukan pandangan fiqh antara mereka.

<sup>421</sup> Al-Jazeera, *al-Shari‘ah wa al-Hayāh: al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā’ wa al-Buḥūth* (المجلس الشرعية والحياة : المجلس)، dalam laman sesawang rasmi al-Jazeera, bertarikh 4 Jun 2004, diakses pada 25 Mac 2018, <http://www.aljazeera.net/programs/religionandlife/2004/6/3/>.

<sup>422</sup> Ḥusain Muḥammad Ḥalāwah, *Ta‘rīf Mūjiz bi al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā’ wa al-Buḥūth*, dalam MUIB, *al-Qarārāt wa al-Fatāwā* (Ireland: MUIB, 2013), 15-19.

<sup>423</sup> Ibid.

- (ii) Memutuskan fatwa terhadap isu yang membelenggu komuniti muslim Eropah dan mewujudkan kesefahaman dengan masyarakat Eropah yang lain.
- (iii) Menerbitkan kajian hukum terhadap isu fiqh kontemporari.
- (iv) Menyebarluaskan kefahaman Islam yang betul dalam kalangan komuniti Muslim di Eropah secara umum dan para pemuda secara khusus.

### **Persidangan MUIB**

MUIB telah menganjurkan beberapa siri persidangan bagi membincangkan isu-isu semasa. Sehingga tahun 2017, sebanyak 26 siri persidangan telah dianjurkan di pelbagai tempat. Persidangan MUIB sedikit berbeza dengan MFI dan MFID kerana memutuskan dua bentuk keputusan, iaitu resolusi dan jawapan fatwa. Jadual 4.4 menunjukkan senarai persidangan dan resolusi yang telah diputuskan:

Jadual 4.4: Senarai Persidangan MUIB dan Isu yang Dibincangkan

Siri	Tempat	Tarikh	Isu yang Dibincangkan/ Resolusi
3.	Cologne, Jerman.	4-7 Safar 1420H/ 19-22 Mei 1999	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penetapan Permulaan Bulan <i>Qamariah</i></li> <li>2. Daging yang Dijual di Pasar dan Restoran Sekitar Eropah</li> <li>3. Jamak Solat Maghrib dengan Isya' Disebabkan Waktu Isya' Lewat atau Ketiadaan Matahari</li> <li>4. Solat Jumaat Sebelum Masuk Waktu atau Selepas Asar</li> <li>5. Pungutan dan Agihan Zakat Melalui Pertubuhan Kebajikan Islam</li> </ol>
4.	Dublin, Ireland.	18-22 Rejab 1420H/27-31 Oktober 1999	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dialog Antara Agama</li> <li>2. Membeli Rumah dengan Pinjaman Ribawi</li> <li>3. Kuasa Wanita untuk Berkahwin tanpa Makluman Wali</li> <li>4. Salah Guna Keharusan Poligami</li> <li>5. Perkahwinan dengan Wanita yang Dizina Olehnya</li> <li>6. Hak Suami Isteri</li> <li>7. Cuka dari Arak</li> </ol>
5.	Dublin, Ireland.	30 Muharam- 3 Safar 1421H/ 3-7 Mei 2000	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pewarisan antara Kaum Kerabat Bukan Muslim</li> <li>2. Wanita Menceraikan Diri Sendiri</li> <li>3. Kuasa Kadi Menceraikan Lelaki Bukan Muslim</li> <li>4. Aurat Wanita Muslimah di Hadapan Wanita Bukan Muslimah</li> <li>5. Wanita Bekerjaya</li> <li>6. Penangguhan Resolusi: Insuran, Bursa Saham, Isteri Muslimah dengan Suami Bukan Islam.</li> </ol>
6.	Dublin, Ireland.	28 Jamadil Awal – 3 Jamadil Akhir 1421H/ 26 Ogos – 1 September 2000M	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengabaikan al-Quds</li> <li>2. <b>Transplan Organ</b></li> <li>3. Mengucapkan Tahniah kepada Bukan Islam atas Perayaan Mereka</li> <li>4. Menghadiri Pengembumian Keluarga Bukan Islam</li> <li>5. Pengembumian Jenazah Muslim di Perkuburan Bukan Islam</li> <li>6. Menepati Janji dalam Akad Perniagaan</li> <li>7. Insuran</li> <li>8. Menuntut Cerai dari Suami Fasik</li> </ol>

			<p>9. Permulaan Bulan Ramadan dan Syawal 1421H</p> <p>10. Penangguhan Resolusi: Bursa Saham, Status Isteri Muslimah dengan Suami Bukan Islam, Insuran Nyawa, Isu Daging, Harta Intelek</p>
8.	Valencia, Sepanyol.	26 Rabi'ul Akhir – 1 Jamadil Awal 1422H/ 18-22 Julai 2001M	<ol style="list-style-type: none"> <li>Harta Intelek</li> <li>Insuran Nyawa</li> <li>Status Isteri Muslimah dengan Suami Bukan Muslim</li> </ol>
9.	Paris, Perancis.	3-7 Jamadil Awal 1423H/ 13-17 Julai 2002	<ol style="list-style-type: none"> <li>Peranan <i>al-Taḥkīm</i> dalam Pertikaian</li> <li>Penetapan Bulan Zulhijjah</li> <li>Hukum Solat di Gereja</li> <li>Hukum Tanam Jenazah Ramai dalam Satu Liang Lahad</li> <li>Penangguhan Resolusi: Bursa Saham, Waktu Solat, Bank Susu, Peranan <i>al-Taḥkīm</i></li> </ol>
10.	Dublin, Ireland.	19-26 Zulkaedah 1433H/ 22-26 Januari 2003M	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>Pengklonan</b></li> <li>Pengganas/ Teroris</li> <li>Penangguhan Resolusi: Waktu Solat Negara yang Tiada Waktu</li> </ol>
11.	Stockholm, Sweden.	1-7 Jamadil Awal 1424H/ 1-7 Julai 2003M	<ol style="list-style-type: none"> <li>Waktu Solat di Kawasan yang Tiada Waktu</li> <li><b>Pengklonan Antara Suami Isteri</b></li> <li><b>Eutanasia</b></li> <li>Peranan <i>al-Taḥkīm</i> dalam Pertikaian</li> <li>Islam di Zaman Globalisasi</li> <li>Jihad dan Perbezaannya dengan Pengganas</li> </ol>
12.	Dublin, Ireland.	6-10 Zulkaedah 1424H/ 31 Disember 2003M- 4 Januari 2004M	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kewajipan Hijab bagi Wanita Muslimah</li> <li>Waktu Solat dan Puasa di Kawasan yang Tiada Waktu (Kawasan Latitud Tinggi)</li> <li><b>Bank Susu</b></li> <li>Pasaran Saham</li> <li>Fiqh Minoriti</li> </ol>
13.	London, England.	20-23 Jamadil Awal 1425H/ 7-10 Julai 2004M	Tiada resolusi
14.	Dublin, Ireland.	14-18 Muhamar 1426H/ 23-27 Februari 2005M	<ol style="list-style-type: none"> <li>Sekufu dalam Perkahwinan</li> <li><b>Diagnosis Genetik</b></li> <li>Hak Wali dalam Perkahwinan</li> <li>Paksaan dalam Perkahwinan</li> <li>Wali Mengundur Diri</li> <li>Perkahwinan dengan Ahli Kitab</li> <li>Nafkah Isteri</li> <li>Keganasan Rumah Tangga dan Solusinya</li> <li>Solusi Menjauhi Pencereraian</li> <li>Mudarat Emosi Kesan dari Talak</li> <li>Surat Terbuka mengenai Wanita dan Kanak-kanak</li> </ol>
15.	Istanbul, Turki.	22-26 Jamadil Awal 1426H/ 29 Jun – 3 Julai 2005M	<ol style="list-style-type: none"> <li>Sekufu dalam Perkahwinan</li> <li>Niat dalam Perkahwinan dan Pencereraian</li> <li><i>Khulu'</i></li> <li>Saksi dalam Pencereraian</li> <li><i>Haḍāmah</i></li> <li>Penangguhan Tajuk: Berkahwin tetapi Berniat Talak, Guruan dalam Perkahwinan, Talak dan Rujuk, Perkahwinan mengikut Undang-undang, Tempoh Hadanah dan Nafkah, Talak disebabkan Mudarat</li> </ol>
16.	Istanbul, Turki.	7-13 Jamadil Akhir 1427H/ 3-9 Julai 2006M	<ol style="list-style-type: none"> <li>Komuniti Muslim di Eropah</li> <li><i>Walā'</i> di Eropah</li> <li>Menetap di Negara Bukan Islam</li> <li><i>Al-Mu'āmah</i></li> <li>Penglibatan dalam Politik di Eropah</li> <li>Membantu Mangsa Kezaliman</li> </ol>
17.	Sarajevo, Bosnia.	28 Rabi'ul Akhir – 2 Jamadil Awal 1428H/ 15-19 Mei 2007M	<ol style="list-style-type: none"> <li>Hak Kerakyatan</li> <li><i>Al-Indimāj</i></li> <li>Pembentukan Lajnah untuk Mengkaji <i>al-Indimāj</i></li> <li>Permulaan Bulan <i>Qamariah</i></li> </ol>
18.	Paris, Perancis.	27 Jamadil Akhir – 2 Rejab 1429H/ 1-5 Julai 2008M	<ol style="list-style-type: none"> <li>Hukum Muamalat di Negara Bukan Islam</li> <li>Bekerja di Syarikat Insuran</li> <li>Hukum Sewaan</li> </ol>

			4. Pinjaman Pelajaran di Eropah 5. Menulis Teks al-Qur'an Bukan dengan Huruf Arab
19.	Istanbul, Turki.	8-12 Rejab 1430H/ 30 Jun – 4 Julai 2009M	1. Takaful 2. Tawarruk 3. Permulaan Bulan Qamariah 4. Perjalanan Haji dan Umrah dalam Keadaan Penyebaran Wabak H1N1 5. <i>Bay' al-Ājil</i> (Keputusan Ditangguhkan) 6. Inflasi Matawang (Keputusan Ditangguhkan) 7. <i>Bay' al-Fawātir</i> (Keputusan Ditangguhkan) 8. Waktu Puasa yang Panjang di Eropah pada Musim Panas
20.	Istanbul, Turki.	12-15 Rejab 1431H/ 27 Jun 2010M	1. Wakaf 2. Insuran Kesihatan 3. Kadi Mewajibkan Suami Menerima <i>Khulu'</i> 4. <i>Al-Zawājī al-'Urfī</i> 5. Memberi Zakat ke Luar Kawasan 6. Nilai Zakat Fitrah di Negara Eropah 7. Perbezaan Waktu Puasa di Beberapa Negara Eropah 8. Wasiat (Keputusan Ditangguhkan)
21.	Dublin, Ireland.	27 Rejab – 1 Sya'ban 1432H/ 28 Jun – 2 Julai 2011M	1. Murtad dan Isu Berkaitan (Keputusan Ditangguhkan) 2. Pemakanan dan Ubatan (Keputusan Ditangguhkan)
22.	Istanbul, Turki.	6-10 Sya'ban 1433H/ 26-30 Jun 2012M	1. Memahami Kesan Sesuatu Perbuatan dalam Penetapan Hukum 2. Solat Isya dan Subuh di Kawasan yang Tiada Waktu
23.	Sarajevo, Bosnia.	16-19 Sya'ban 1434H/ 25-28 Jun 2013M	1. Sembelihan dan Makanan Ahli Kitab 2. Pemantauan Pertubuhan Islam terhadap Makanan dan Sembelihan 3. <i>Istiḥādah</i> dan <i>Istihlāk</i> 4. Membayar Zakat dengan Duit
24.	Istanbul, Turki.	20-23 Syawal 1435H/ 16-19 Ogos 2014M	1. Wanita dan Masjid 2. Wanita dan Politik 3. Merawat <i>Nusyūz</i> 4. <i>Khulu'</i> dalam Undang-undang Eropah 5. Nasab Bayi Luar Nikah <b>6. Perawatan Berlainan Jantina</b> <b>7. Pembedahan Kosmetik</b> 8. Muslim Minoriti dan Perubahan Fatwa 9. <i>'Uruf</i> Masyarakat Eropah dan kesan Terhadap Wanita Muslimah
25.	Istanbul, Turki.	22-26 Zulhijjah 1436H/ 6-10 Oktober 2015M	1. Hidup Toleransi 2. Pengamalan Islam di Eropah 3. Hak Muslim dan Bukan Muslim 4. Solat <i>Istisqā'</i> di Negara Bukan Islam 5. Penangguhan Resolusi: Memberi Zakat kepada Bukan Muslim, <i>Talāq Bid'ī</i> dan Talak Ketika Marah, Nilai <i>Fidyah</i> Puasa Ramadan
26.	Istanbul, Turki.	3-7 Muhamaram 1438H/ 4-8 Oktober 2016M	1. Jihad Menurut al-Qur'an dan Hadis 2. Kegelinciran Idealism dalam Kalangan Pemuda Muslim 3. Penganas menurut Neraca Syarak 4. Toleransi dan Kehidupan menurut Islam 5. Rujukan Beragama dalam kalangan Muslim Eropah

Sumber: *Qarār al-Majma'*, *Rābiyah al-'Ālam al-Islāmi*<sup>424</sup>

Berdasarkan Jadual 4.4, MUIB telah memutuskan 128 resolusi sepanjang 26 siri persidangan bermula dari persidangan pertama pada tahun 1999 hingga 2016. Namun,

<sup>424</sup> MUIB, *al-Qarārāt wa al-Fatāwā*, 23-183; MUIB, *Qarārāt al-Majlis*, diakses pada 30 Oktober 2017, <https://www.e-cfr.org/category/.%E2%80%A6-%D9%85%D8%AC%D9%84%D8%A7%D9%86/>.

terdapat tiga persidangan MUIB tidak memutuskan sebarang resolusi iaitu pada persidangan siri 1, 2 dan 13. Resolusi yang diputuskan merangkumi pelbagai bidang seperti ibadah, muamalat, perbankan, ekonomi, perubatan, kemanusiaan, politik, pemakanan, perundangan, kenegaraan, pendidikan, dialog antara agama, fiqh minoriti dan lain-lain. Jumlah resolusi berkaitan perubatan yang diputuskan adalah 8 resolusi. Selain memutuskan resolusi pada setiap persidangan, MUIB turut mengeluarkan fatwa bagi beberapa soalan yang dikemukakan kepada panel fatwa. Sepanjang 20 persidangan sehingga 2010, MUIB telah mengeluarkan 121 fatwa yang turut melibatkan pelbagai cakupan bidang<sup>425</sup>. Daripada 121 fatwa tersebut, 8 lapan fatwa menyentuh isu perubatan seperti (i) *kaffārah* pengguguran<sup>426</sup>, (ii) tandatangan doktor<sup>427</sup>, (iii) perubatan dari sumber janin<sup>428</sup>, (iv) sewa rahim<sup>429</sup>, (v) perancangan keluarga<sup>430</sup>, (vi) menggugurkan janin cacat<sup>431</sup>, (vii) membuka aurat<sup>432</sup>, dan (viii) penggunaan dadah<sup>433</sup>.

Pengkaji akan memfokuskan kajian teks resolusi dan fatwa yang berkaitan dengan isu *taghyīr khalqillāh*. Berikut adalah resolusi dan fatwa yang berkaitan dengan isu tersebut:

- |                     |                        |
|---------------------|------------------------|
| 1. Transplant Organ | 3. Diagnosis Genetik   |
| 2. Pengklonan       | 4. Pembedahan Kosmetik |

---

<sup>425</sup> MUIB, *al-Qarārāt wa al-Fatāwā*, 185-323.

<sup>426</sup> Ibid., 223 (No. Fatwa: 26).

<sup>427</sup> Ibid., 225 (No. Fatwa: 28).

<sup>428</sup> Ibid., 249 (No. Fatwa: 46).

<sup>429</sup> Ibid., 263 (No. Fatwa: 58).

<sup>430</sup> Ibid., 264 (No. Fatwa: 60).

<sup>431</sup> Ibid., 265 (No. Fatwa: 61).

<sup>432</sup> Ibid., 312 (No. Fatwa: 105).

<sup>433</sup> Ibid., 317 (No. Fatwa 114).

#### **4.4 Badan Fatwa Negara**

Setiap negara Islam mempunyai badan fatwa tersendiri yang menjadi rujukan rakyat negara berhubung isu setempat yang timbul di negara mereka. Namun, terdapat sebahagian badan fatwa negara Islam yang turut dijadikan rujukan oleh masyarakat Islam lain. Fatwa dan resolusi mereka tidak hanya terhad kepada penduduk negara mereka sahaja. Antara badan fatwa negara yang sering menjadi rujukan dunia Islam adalah Mesir, Jordan, Arab Saudi, India dan Palestin. Antara faktor utama yang menjadikan fatwa dan resolusi mereka sebagai rujukan dunia Islam adalah himpunan fatwa dan resolusi mereka dikumpulkan dengan baik dan proses mengakses kepada data tersebut sangat mudah.


##### **4.4.1 Mesir**

Badan fatwa rasmi di Mesir dikenali dengan nama Dārul Iftā' al-Miṣriyyah (DIM – دار

الافتاء المصرية) dan merupakan antara badan fatwa terawal negara Islam. DIM ditubuhkan pada tahun 1313H/1895M dan berperanan menjadi jurucakap masyarakat Islam di Mesir. Malah, peranannya tidak hanya terhad kepada masyarakat Mesir, sebaliknya dunia Islam secara umum. Hal ini boleh dilihat menerusi soalan-soalan yang diajukan kepada DIM kerana soalan tersebut datang dari pelbagai negara.

Pada awal penubuhan, DIM berada di bawah pengurusan Kementerian Kehakiman dan sering menjadi rujukan Mahkamah Agung Mesir sebelum menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada pesalah. Pada tahun 2007, DIM mengorak satu langkah dengan mengasingkan diri dari pengurusan Kementerian Kehakiman namun masih terikat dengan peraturan kementerian tersebut.

Carta 4.2: Pengurusan dan Pentadbiran DIM



Sumber: Laman sesawang DIM

Carta 4.2 menunjukkan pentadbiran dan pengurusan tertinggi DIM yang dibahagikan kepada 12 pusat utama iaitu; (i) fatwa (*amānah al-fatwā*), (ii) penyelidikan hukum syarak (*idārah al-abḥāth al-shar‘iyah*), (iii) latihan (*idārah al-tadrīb*), (iv) penerbitan (*idārah al-iṣdārāt*), (v) pentadbiran pejabat (*al-idārah al-‘āmmah li al-shu’ūn al-idāriyyah*), (vi) media (*idārah al-markaz al-i'lāmī*), (vii) laman sesawang (*idārah al-mawqi‘ al-iliktronī*), (viii) kewangan (*al-idārah al-‘āmmah li al-shu’ūn al-māliyyah*) (ix) audit (*idārah al-murāja‘ah*), (x) terjemahan (*idārah al-tarjumah*), (xi) teknologi maklumat (*idārat tīknología al-ma'lūmat*), dan (xii) perundangan (*al-idārah al-‘āmmah li al-shu’ūn al-qanūniyyah*).

Peranan DIM merangkumi urusan agama dan perundangan:

1. Urusan agama

- i. Menjawab soalan dan fatwa dalam pelbagai bahasa.
- ii. Memberikan penjelasan agama.
- iii. Menyediakan kajian ilmiah.
- iv. Menjawab tohmahan yang dilontarkan kepada agama Islam.
- v. Menetapkan permulaan bulan *qamariah*.
- vi. Melatih para pelajar memberikan fatwa.
- vii. Membentuk mufti pelapis.

2. Urusan Perundangan

- i. Bermesyuarat dengan Mahkamah Khas bagi isu hukuman gantung sampai mati.

DIM menggunakan pandangan dari empat mazhab fiqh utama iaitu mazhab Ḥanafī, Mālikī, Shafi‘ī dan Ḥanbalī namun tetap mengiktiraf mazhab lain seperti mazhab Ja‘farī, Zaidī, Ibādī dan Zāhirī selain turut merujuk pandangan mujtahid lain seperti al-Auza‘ī, al-Ṭabarī, al-Laith bin Sa‘ad dan ramai lagi. DIM juga menjadikan resolusi yang diputuskan oleh badan fatwa peringkat antarabangsa sebagai sandaran seperti resolusi yang diputuskan oleh MBI, MFI dan MFID. Jika jawapan bagi satu-satu isu tidak ditemui dalam semua rujukan yang disebutkan tadi, DIM akan merujuk terus kepada nas al-Qur’ān dan hadis Nabi untuk beristinbāt mengeluarkan hukum yang sesuai.

### **Fatwa DIM**

Fatwa DIM dikumpulkan dalam dua bentuk, secara cetakan buku fizikal dan melalui laman sesawang. Al-Majlis al-A‘lā li al-Shu’ūn al-Islāmiyyah di bawah pentadbiran Kementerian Wakaf Mesir telah menerbitkan himpunan fatwa para mufti Mesir dan Shaikh Azhar seperti Muḥammad ‘Abduh, Ḥasūnah al-Nawawī, ‘Abd al-Majīd Sālim,

‘Abd al-Rahmān Qarā‘ah, Muḥammad Bukhīt, Ḥasanain Makhlūf, Ḥasan Ma’mūn *rahimahumullāh* dan ramai lagi. Buku tersebut dicetak dalam 20 jilid bermula tahun 1980 sehingga tahun 1993 dan telah mengumpulkan sebanyak 3460 fatwa dalam pelbagai bidang fiqh<sup>434</sup>.

Manakala himpunan fatwa di internet dirujuk di laman rasmi DIM iaitu <http://www.dar-alifta.org/>. Ia turut mengumpulkan himpunan fatwa dalam pelbagai bidang fiqh, namun pengkaji tidak menemui bilangan tepat jumlah fatwa yang dikumpulkan. Jadual 4.6 dan Jadual 4.7 menunjukkan himpunan fatwa perubatan DIM bermula dari tahun 1937 sehingga 2016.

Jadual 4.5: Senarai Fatwa DIM (*al-Fatāwā al-Islāmiyyah*) dan Isu yang Dibincangkan

No. Siri	Tarikh Fatwa	Nama Mufti	Isu yang Dibincangkan/ Resolusi
211	12 Zulkaedah 1355H/ 25 Januari 1937M	‘Abd al-Majīd Sālim	Merancang Kehamilan
639	26 Sya‘ban 1356H/ 21 Oktober 1937M	‘Abd al-Majīd Sālim	Bedah Siasat Mayat
873	26 Rabi’ul Awal 1377H/ 20 Oktober 1957M	Ḥasan Ma’mūn	Merancang Kehamilan Tanpa Izin Suami
874	19 Ramadan 1370H/ 23 Jun 1951M	‘Allām Naṣṣār	<b>Khitān Kanak-kanak Perempuan</b>
1065	2 Zulhijjah 1378H/ 9 Jun 1959M	Ḥasan Ma’mūn	Pemindahan Darah antara Manusia
1084	26 Zulkaedah 1377H/ 14 Jun 1958M	Ḥasan Ma’mūn	Merancang Kehamilan Disebabkan Takut Miskin
1087	6 Syawal 1378H/ 14 April 1959M	Ḥasan Ma’mūn	<b>Transplant Mata Orang Mati kepada Orang Hidup</b>
1095	22 Mei 1968M	Aḥmad Ḥuraidī	<b>Memotong Jari Tambahan (Polidaktile)</b>
1097	26 Ogos 1968M	Aḥmad Ḥuraidī	Pengguguran
1199	14 Rabi’ul Awal 1399H/ 11 Februari 1979M	Jād al-Ḥaqq ‘Alī Jād al-Ḥaqq	Undang-undang Perancangan Keluarga
1200	26 Muharam 1401H/ 4 Disember 1980M	Jād al-Ḥaqq ‘Alī Jād al-Ḥaqq	Pengguguran
1201	22 Safar 1401H/ 29 Disember 1980M	Jād al-Ḥaqq ‘Alī Jād al-Ḥaqq	Perancangan Keluarga
1284	13 Rabi’ul Akhir 1399H/ 12 Mac 1979M	Jād al-Ḥaqq ‘Alī Jād al-Ḥaqq	Berubat dengan Arak
1287	26 Sya‘ban 1400H/ 6 Julai 1980M	Jād al-Ḥaqq ‘Alī Jād al-Ḥaqq	Ingkar dengan Nasihat Doktor
1288	25 Sya‘ban 1401H/ 27 Jun 1981M	Jād al-Ḥaqq ‘Alī Jād al-Ḥaqq	<b>Transgender</b>
1323	15 Muharam 1400H/	Jād al-Ḥaqq	<b>Transplant Organ</b>

<sup>434</sup> Zakariyya al-Barri et al. (eds), *al-Fatāwā al-Islāmiyyah* (Kaherah: Al-Majlis al-A‘la li al-Shu‘un al-Islamiyyah, 1980-1993), jilid 1-20.

	5 Disember 1979M	‘Alī Jād al-Ḥaqq	
3439	2 Zulhijjah 1378H/ 6 Jun 1956M	Hasan Ma’mūn	Pemindahan Darah
3445	29 Jamadil Awal 1389H/ 12 Ogos 1969M	Aḥmad Ḥuraidī	<b>Bayi Tabung Uji</b>
3452	5 Zulkaedah 1403H/ 14 Ogos 1983M	‘Abd al-Laṭīf Ḥamzah	Tempoh Minimum Kehamilan

Sumber: Zakariyyā al-Barrī et al. (eds), *al-Fatāwā al-Islāmiyyah*<sup>435</sup>

Berdasarkan Jadual 4.5, sebanyak 19 fatwa perubatan dikumpulkan dari 3460 fatwa enam orang mufti seperti ‘Abd al-Majīd Sālim (1928-1946), Hasan Ma’mun (1955-1964), ‘Allām Naṣṣār (1950-1952), Aḥmad Ḥuraidī (1960-1970), Jād al-Ḥaqq ‘Alī Jād al-Ḥaqq (1978-1982) dan ‘Abd al-Laṭīf Ḥamzah (1982-1985). Manakala fatwa yang menyentuh tentang isu *taghyīr khalqillāh* adalah seperti berikut:

1. Khitan Kanak-kanak Perempuan
2. Transplan Mata Orang Mati kepada Orang Hidup
3. Bayi Tabung Uji
4. Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)
5. Transgender
6. Transplan Organ

Jadual 4.6: Senarai Fatwa DIM ([www.dar-alifta.org](http://www.dar-alifta.org)) dan Isu yang Dibincangkan

No. Siri	Tarikh Fatwa	Nama Mufti	Isu yang Dibincangkan/ Resolusi
311	18 Ogos 2008	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Manfaat Sel Tunjang (Stem Cell) kepada Manusia dan Haiwan</b>
422	16 Mac 2005	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Peranan Imam Masjid dalam Menasihati Penyakit Genetik di Kalangan Kanak-kanak
445	22 Mei 2005	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Mengikat Tiub Fallopio (bilateral tubal ligation)</b>
503	7 Februari 2006	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayi Tabung Uji</li> <li>• Sewa Rahim</li> </ul>
518	7 Februari 2006	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)</b>
579	1 Jun 2005	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Transplan Sel Tunjang (bone marrow transplant)</b>
580	21 Jun 2005	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Mengikat Tiub Fallopio (bilateral tubal ligation)</b>
582	1 Jun 2007	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Gaji Doktor Pelatih
583	15 Ogos 2005	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Suami Enggan Melakukan Pemanian Beradas
621	12 Disember 1987	Muhammad Sayyid Ṭantawī	Kesilapan Doktor
627	14 Mac 2004	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Memakai Pendakap Gigi</b>
631	15 Februari 2005	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Pemindahan Darah
635	3 Januari 2006	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Menghentikan Bantuan Mesin Penyambung Hayat bagi Pesakit Kronik
636	12 Januari 2005	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Mengikat Tiub Fallopio (bilateral tubal ligation)</b>

<sup>435</sup> Ibid., 2:445-446; 4:1331-1333; 6:1981-1982, 1985-1986; 7:2495, 2546-2547, 2552-2554, 2569-2670, 2573-2574; 9:3087-3115; 10:3491-3492, 3498-3503, 3700-3713; 20:7754, 7766, 7778-7779.

639	9 Disember 2004	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Eutunasia
672	12 Ogos 1987	Muhammad Sayyid Ṭanṭāwī	Eutanasia Pesakit Kronik
673	Ogos 1987	Muhammad Sayyid Ṭanṭāwī	Menaikkan Harga Ubatan dan Rawatan
722	11 Ogos 2009	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Sewa Rahim
725	11 Mac 2010	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Transplan Injap Jantung dari Khinzir</b>
730	10 Februari 2008	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Memilih Jenis Janin
732	21 Disember 2005	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Menggugurkan Janin Cacat pada Usia 5 Bulan
734	11 September 2004	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Menolak Vaksinasi
735	1 Mei 2006	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Penggunaan Morfin bagi Mengurangkan Sakit
737	28 Februari 2004	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Memakai Tangan Palsu
738	7 Oktober 2003	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Keharusan Berbekam
739	22 Oktober 2003	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Transplan Organ</b>
741	18 Februari 2006	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Rawatan
750	1 Mac 2005	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Manusia sebagai Bahan Ujikaji
752	18 Mac 2007	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Transplan Testis</b>
863	13 Julai 2010	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Bedah Haiwan untuk Tujuan Pembelajaran Sains
875	26 Jan 2012	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Scan Bayi untuk Melihat Kecacatan
1892	8 April 2012	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Penggunaan Alkohol ketika Suntikan dan Pembedahan
1978	22 Mei 1968	Aḥmad Muhammad ‘Abd al-‘Al-Ḥuraidī	<b>Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)</b>
1983	28 Oktober 1947	Ḥasanain Muhammad Makhlūf	Tidak Bersalaman Disebabkan Wabar Kolera
1995	6 September 2005	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Transplan Jari</b>
2012	1 Mei 2007	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Mengikat Tiub Fallopio (<i>bilateral tubal ligation</i>)</b>
2448	20 Mei 2013	Amanah Fatwa	Pengguguran Selepas Usia Kandungan 6 Bulan
2452	16 Julai 2013	Shauqī Ibrāhīm ‘Allām	Memilih Jantina Bayi
2552	13 November 2013	Shauqī Ibrāhīm ‘Allām	<b>Transplan Kornea dari Orang Mati kepada Orang Hidup</b>
2772	6 Mei 2014	Shauqī Ibrāhīm ‘Allām	Menyimpan Janin untuk Suntikan
2898	20 April 2014	Fatwa Internet	Wanita Muslimah Mendapatkan Rawatan Doktor Lelaki
2904	8 Mei 2014	Fatwa Internet	Ubat dari Sumber Khinzir
2960	23 November 2014	Amanah Fatwa	Berbekam
3132	8 Jun 2016	Shauqī Ibrāhīm ‘Allām	<b>Membetulkan Hidung Bengkok</b>
3199	9 Julai 1980	Jād al-Ḥaqq ‘Alī Jād al-Ḥaqq	<b>Mengembalikan Selaput Dara (<i>hymenoplasty</i>) selepas Pembedahan</b>
3287	7 Oktober 2003	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Berbekam
3403	30 Januari 2008	Amanah Fatwa	Ujikaji Menggunakan Tisu Khinzir
3437	3 Disember 2003	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Menjual Ubat yang Mengandungi Dadah
3438	28 Disember 2003	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	<b>Mengembalikan Selaput Dara (<i>hymenoplasty</i>)</b>
3451	28 Mac 2004	‘Alī Jumu‘ah Muhammad	Menggunakan Ubat yang Bercampur dengan Najis
3728	20 September 2015	Amanah Fatwa	<b>Menggunakan Teknologi Sel Tunjang dalam Rawatan</b>

Sumber: Laman Sesawang DIM<sup>436</sup>

<sup>436</sup> DIM, *al-Fatāwā: al-Tibb wa al-Tadāwī*, diakses pada 1 November 2017, <http://www.dar-alifta.org/AR/ViewCategoryFatawa.aspx?MuftiType=0&ID=52>.

Berdasarkan Jadual 4.6, sebanyak 51 fatwa perubatan dikumpulkan dari 5 orang mufti seperti ‘Alī Jumu‘ah Muḥammad (2003-2013), Muḥammad Sayyid Ṭanṭāwī (1986-1996), Aḥmad Ḥuraidī (1960-1970), Ḥasanain Makhlūf (1946-1950; 1952-1954) dan Shauqī Ibrāhīm ‘Allām (2013-sekarang). Manakala fatwa yang menyentuh tentang isu *taghyīr khalqillāh* adalah seperti berikut:

1. Manfaat Sel Tunjang (*stem cell*) kepada Manusia dan Haiwan
2. Mengikat Tiub Fallopio (*bilateral tubal ligation*)
3. Bayi Tabung Uji
4. Memotong Jari Tambahan (*Polidactily*)
5. Transplan Sel Tunjang (*bone marrow transplant*)
6. Memakai Pendakap Gigi
7. Transplan Injap Jantung dari Khinzir
8. Transplan Organ
9. Transplan Testis
10. Transplan Jari
11. Transplan Kornea dari Orang Mati kepada Orang Hidup
12. Membetulkan Hidung Bengkok
13. Mengembalikan Selaput Dara (*hymenoplasty*) selepas Pembedahan

#### 4.4.2 Jordan

Dārul Iftā’ Jordan (DIJ) ditubuhkan pada tahun 1921 dan menjadikan mazhab Ḥanafī sebagai asas ketika memutuskan fatwa. Ini kerana, mazhab Ḥanafī adalah mazhab rasmi kerajaan Turki Uthmāniyah pada waktu tersebut dan Jordan berada di bawah pentadbiran mereka. Mufti akan memberikan fatwa dalam isu-isu berkaitan ibadah, muamalat dan perkahwinan di samping membantu kadi menyelesaikan isu berkaitan perundangan dan jenayah. Keadaan ini berterusan sehingga Shaikh Ḥamzah al-Arabī dilantik menjadi Mufti Negara pada tahun 1941<sup>437</sup>.

<sup>437</sup> DIJ, *Tārīkh Dā’irah al-Iftā’*, diakses pada 13 November 2017, <https://www.aliftaa.jo>ShowContent.aspx?Id=39#.WgILxrCZ21s>.

Pada tahun 1966, Undang-undang Wakaf digubal dan menyebutkan tentang penyusunan semula urusan fatwa di Jordan menjadikan Mufti Negara perlu bekerjasama dengan Menteri Wakaf. Ini kerana, bidang kuasa mufti mempunyai persamaan dengan tugas Kementerian Wakaf iaitu memberikan nasihat dan bimbingan kepada masyarakat.

Pada tahun 1986, Jabatan Fatwa ditubuhkan namun Mufti Negara masih perlu bekerjasama dengan Menteri Wakaf. Keadaan ini berterusan sehingga pemisahan pentadbiran DIJ dari Kementerian Wakaf pada tahun 2006 dan menjadikan kedudukan Mufti Negara sama dengan Menteri Wakaf<sup>438</sup>. Objektif penubuhan DIJ adalah seperti berikut<sup>439</sup>:

1. Menguruskan urusan kefatwaan di Jordan.
2. Memutuskan fatwa berdasarkan undang-undang.
3. Membuat penyelidikan berkaitan isu kontemporari.
4. Menerbitkan jurnal akademik dalam bidang syariah dan bidang lain yang berkaitan.
5. Bekerjasama dengan ulama di Jordan dan luar negara.
6. Memberikan pandangan dalam perkara yang dihadapi oleh negara.

Bermula tahun 2006, DIJ menjadikan mazhab Shāfi‘ī sebagai asas dalam memutuskan fatwa kerana<sup>440</sup>; (i) ia merupakan mazhab majoriti penduduk Jordan dan (ii) mazhab Shāfi‘ī menggabungkan dua *madrasah* utama iaitu *Madrasah al-Hadīth* dan *Madrasah al-Ra’y*. Namun begitu, ia tidak bermaksud DIJ akan bertaklid sepenuhnya

---

<sup>438</sup> Ibid.

<sup>439</sup> DIJ, “Objektif Utama Penubuhan DIJ” (الأهداف المؤسسية للدائرة), laman sesawang rasmi Dar al-Ifta’ al-Urduniyyah, diakses pada 25 Mac 2018, <https://www.aliftaa.jo>ShowContent.aspx?Id=165#.WrXGZNuY1I>

<sup>440</sup> DIJ, “Visi DIJ” (رسالتنا: الأهداف المؤسسية الرئيسية للدائرة), diakses pada 13 November 2017, <https://www.aliftaa.jo>ShowContent.aspx?Id=165#.WglMzbCZ21s>.

dengan mazhab Shāfi‘ī kerana DIJ masih menggunakan pandangan mazhab lain dalam beberapa keadaan seperti<sup>441</sup>; (i) perbincangan isu-isu kontemporari dalam ekonomi, perbankan, perubatan dan lain-lain yang memerlukan kepada pertimbangan *maṣlahah* dan *mafsadah* di samping aplikasi kaedah fiqh yang pelbagai, (ii) jika *ijtihād* dalam mazhab Shāfi‘ī tidak sesuai dengan perubahan zaman, tempat dan keadaan dan membawa kepada kesulitan dalam aplikasi *ijtihād* tersebut, dan (iii) isu kekeluargaan seperti perkahwinan, talak, *ḥadānah* dan sebagainya (*Aḥwāl Shakhṣiyah*) akan menggunakan Undang-undang Kekeluargaan Jordan (قانون الأحوال الشخصية الأردني).

Pengurusan DIJ pula diketuai oleh Mufti Negara dan dibantu oleh Setiausaha Agung. Setiap negeri di Jordan mempunyai pejabat mufti yang dikendalikan oleh mufti negeri. Terdapat juga beberapa jabatan dalam pengurusan tertinggi DIJ iaitu Jabatan Pengurusan dan Kewangan (مدیریة الشؤون الإدارية والمالية), Jabatan Penyelidikan and

مديريّة الافتاء (Kajian Islam, (مدیریة الدراسات والبحوث الإسلامية) Jabatan Fatwa Pusat (مدیریة البحوث الإلكترونية) dan Jabatan Fatwa Elektronik (المركزى). Struktur organisasi pengurusan DIJ boleh dilihat dalam Carta 4.3.

<sup>441</sup> DIJ, “Metodologi Fatwa DIJ” (منهج الفتوى المعتمد) , diakses pada 13 November 2017, <https://www.aliftaa.jo>ShowContent.aspx?Id=47#.WglMwbCZ21s>.

<sup>442</sup> DIJ, *al-Haikal al-Tanẓīmī*, diakses pada 13 November 2017, <https://www.aliftaa.jo>ShowContent.aspx?Id=40#.WglMvbCZ21s>.

Carta 4.3: Struktur Organisasi DIJ



Sumber: Laman Sesawang DIJ<sup>443</sup>

### Fatwa DIJ

Fatwa DIJ dikumpulkan melalui laman sesawang rasmi DIJ. Setakat Februari 2018, DIJ telah memutuskan 251 fatwa merangkumi pelbagai aspek seperti ibadah, muamalat, perkahwinan, perubatan dan lain-lain. Bentuk keputusan fatwa DIJ sebelum tahun 1984

<sup>443</sup> Ibid.

adalah sama seperti DIM yang menjadikan fatwa mufti negara sebagai rujukan rasmi, namun ia berubah pada tahun 1984. Semua keputusan fatwa DIJ diputuskan secara kolektif hasil dari perbincangan pelbagai pihak. Justeru, pengkaji akan memfokuskan perbincangan fatwa perubatan yang diputuskan selepas tahun 1984 sahaja.

Jadual 4.7: Senarai Resolusi Fiqh Perubatan DIJ

No. Siri	Tarikh Fatwa	Isu yang Dibincangkan
2	11 Ramadan 1404H/ 11 April 1984	<b>Hukum Pendermaan Kornea Mata</b>
5	25 Syawal 1404H/ 24 Julai 1984M	<b>Hukum Persenyawaan Luar Rahim (<i>in-vitro</i>)</b>
11	8 Zulkaedah 1408H/ 22 Jun 1988M	Bilakah Manusia Mati?
27	26 Jamadil Akhir 1413H/ 20 Disember 1992M	Hukum Penglibatan Pelajar Perubatan dalam Menyambut Kelahiran
35	23 Zulhijjah 1413H/ 13 Jun 1993M	Isu-isu Berkaitan Kehamilan dan Kelahiran
65	9 Jamadil Awal 1424H/ 9 Julai 2003M	Hukum Perancangan Keluarga
117	18 Ramadan 1427H/ 11 Oktober 2006M	Hukum Memberhentikan Mesin Bantuan Hayat dari Pesakit yang Tiada Harapan Kesembuhan
123	29 Zulkaedah 1429H/ 27 November 2008M	<b>Hukum Pendermaan Buah Pinggang</b>
128	1 Sya'ban 1430H/ 23 Julai 2009M	Gelatin dari Tulang dan Kulit Khinzir atau Bahan Naji yang Lain
151	2 Ramadan 1431H/ 12 Ogos 2010M	<b>Hukum Pendermaan Buah Pinggang</b>
152	2 Ramadan 1431H/ 12 Ogos 2010M	Hukum Mengikat Tiub Fallopio ( <i>bilateral tubal ligation</i> ) dan Menggugurkan Sebahagian Janin untuk Menjaga Janin Lain
165	22 Rabi'ul Akhir 1432H/ 27 Mac 2011M	<b>Hukum Pemindahan Jantung</b>
166	26 Sya'ban 1432H/ 28 Julai 2011M	<b>Hukum Pendermaan Hati</b>
187	25 Sya'ban 1434H/ 4 Julai 2013M	Peraturan Sel Tunjang ( <i>stem cell</i> ) Tahun 2013
189	27 Zulkaedah 1434H/ 3 Oktober 2013M	<b>Jenis-jenis Sel Tunjang dan Hukumnya</b>
194	7 Rabi'ul Awal 1435H/ 9 Januari 2014M	<b>Haram Membuang Rahim Wanita (<i>hysterectomy</i>) OKU dan Tanggungjawab Masyarakat Terhadapnya</b>
201	19 Ramadan 1435H/ 17 Julai 2014M	Hukum Menggunakan Jenazah Manusia untuk Tujuan Pembelajaran Perubatan
204	16 Zulkaedah 1435H/ 11 September 2014M	Hukum Menggugurkan Kandungan Mangsa Rogol
207	30 Zulkaedah 1435H/ 25 September 2014M	Hukum Mengambil Upah dengan Menjadi Bahan Ujikaji
211	6 Rabi'ul Awal 1436H/ 28 Disember 2014M	Tidak Dibenarkan Memindahkan Benih antara Madu bagi Suami yang Sama
215	21 Ramadan 1436H/ 8 Julai 2015M	<b>Syarat Keharusan Pendermaan Buah Pinggang</b>
230	22 Rabi'ul Awal 1438H/ 22 Disember 2016M	MOU Negara Arab bagi Penstrukturran Transplan Organ dan Tisu, serta Larangan Jualbeli
231	22 Rabi'ul Awal 1438H/ 22 Disember 2016M	MOU Negara Arab Melarang Pengklonan

237	27 Sya'ban 1438H/ 24 Mei 2017M	Mati Otak
245	2 Rabi'ul Akhir 1439H/ 21 November 2017	<b>Menukar Jantina Pesakit Keceluaran Gender</b>
248	2 Rabi'ul Akhir 1439H/ 21 November 2017	Hukum Membekukan Sel Ovum

Sumber: Laman Sesawang DIJ<sup>444</sup>

Berdasarkan Jadual 4.7, terdapat 26 resolusi berkaitan fiqh perubatan namun hanya sembilan sahaja resolusi yang berkaitan dengan isu *taghyīr khalqillāh* iaitu:

- 1. Hukum Pendermaan Kornea Mata
- 2. Hukum Persenyawaan Luar Rahim
- 3. Hukum Pendermaan Buah Pinggang (dua resolusi)
- 4. Hukum Pemindahan Jantung
- 5. Hukum Pendermaan Hati
- 6. Sel Tunjang dan Hukumnya
- 7. Membuang Rahim Wanita OKU
- 8. Syarat Keharusan Pendermaan Buah Pinggang
- 9. Menukar Jantina Pesakit Keceluaran Gender

#### 4.4.3 Arab Saudi

Arab Saudi mempunyai dua badan fatwa utama iaitu *Hai'ah Kibār al-'Ulāma* (HKU) dan *al-Lajnah al-Dā'imah li al-Fatwā* (LDF), tetapi LDF merupakan cabang kepada HKU. HKU ditubuhkan pada tahun 1971 dengan keanggotaan seramai 17 orang dan diketuai oleh Mufti Arab Saudi pada waktu tersebut iaitu Ibrāhīm Ālī Shaikh yang kemudiannya digantikan oleh 'Abd al-'Azīz bin Bāz pada tahun 1975.

Pada awal penubuhan HKU, mereka menjadikan mazhab Ḥanbalī sebagai asas dalam fatwa namun keadaan ini berubah dengan arahan dari Raja Fahad bin 'Abd al-'Azīz yang melantik tiga orang ulama mewakili setiap mazhab iaitu Muḥammad al-'Isā (mazhab Shāfi'i), Qais bin Muḥammad Alī Shaikh (mazhab Mālikī) dan Ya'qūb bin 'Abd

<sup>444</sup> DIJ, *Qarārāt Majlis al-Iftā'*, diakses pada 13 November 2017, <https://www.aliftaa.jo/Decisions.aspx>.

al-Wahhāb al-BāHusain (mazhab Ḥanafī)<sup>445</sup>. Terdapat dua peranan utama HKU iaitu (i) memberikan pandangan terhadap isu yang diajukan oleh pemerintah berdasarkan dalil syarak dan (ii) memutuskan resolusi berkaitan hukum hakam umum yang akan digunakan oleh pemerintah berdasarkan kajian dan penyelidikan<sup>446</sup>. Sehingga 2017, HKU mempunyai seramai 21 orang anggota dan diketuai oleh Mufti Negara sendiri<sup>447</sup>.

LDF juga ditubuhkan pada tahun 1971 dan anggotanya terdiri dari sebahagian anggota dalam HKU selepas mendapat perkenan dari Raja. Berbanding HKU yang berperanan dalam isu hukum yang melibatkan kepentingan awam, LDF berperanan memberikan fatwa dalam isu hukum yang lebih spesifik dan kecil seperti isu akidah, ibadah dan muamalat<sup>448</sup>. Sehingga 2017, LDF mempunyai keanggotaan seramai 5 orang diketuai oleh Mufti Negara juga<sup>449</sup>.

### Fatwa HKU dan LDF

Fatwa HKU dan LDF dikumpulkan dari buku dan laman sesawang. Antara buku yang mengumpulkan himpunan fatwa HKU dan LDF adalah *Fatāwā al-Lajnah al-Dā'imah li*

<sup>445</sup> *Al-Sharq al-Awsāṭ*, 17 Mac 2009, Kepelbagaiannya Mazhab dalam HKU: Satu Langkah ke Arah Keluasan (تنويع المذاهب في هيئة كبار العلماء السعودية.. خطوة للاستفادة من سعة الفقهاء في التيسير), diakses pada 14 November 2017, <http://archive.aawsat.com/details.asp?section=17&issueno=11067&article=511267#.WgqSj7CZ21s>.

<sup>446</sup> *Al-Amānah al-‘Āmmah, Hai’ah Kibār al-‘Ulāma* (هيئة كبار العلماء), diakses pada 15 November 2017, <http://www.ssa.gov.sa/>

<sup>447</sup> *Al-Amānah al-‘Āmmah, Anggota HKU* (أعضاء هيئة كبار العلماء), diakses pada 15 November 2017, <http://www.ssa.gov.sa/>

<sup>448</sup> *Al-Amānah al-‘Āmmah, al-Lajnah al-Dā'imah li al-Fatwā* (اللجنة الدائمة للفتاوى), diakses pada 15 November 2017, <http://www.ssa.gov.sa/>

<sup>449</sup> *Al-Amānah al-‘Āmmah, Anggota LDF* (أعضاء اللجنة الدائمة للفتاوى), diakses pada 15 November 2017, <http://www.ssa.gov.sa/>

*al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’* dihimpun oleh Aḥmad bin ‘Abd al-Razzāq al-Dāwīsh<sup>450</sup>, *Abḥāth Hai’ah Kibār al-‘Ulamā bi al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah*<sup>451</sup> dan *Raf‘ al-Lā’imah ‘an Fatwā al-Lajnah al-Dā’imah* dihimpun oleh Muḥammad bin Sālim al-Duwarsī<sup>452</sup>. Mereka turut mengumpulkan himpunan fatwa berdasarkan cabang fiqh tertentu seperti fatwa haji dan umrah<sup>453</sup>, fatwa musafir<sup>454</sup>, fatwa interaksi lelaki wanita<sup>455</sup> dan fatwa perubatan<sup>456</sup>.

Pengkaji akan menggunakan buku himpunan isu perubatan sebagai panduan iaitu buku *al-Fatāwā al-Muta‘alliqah bi al-Tibb wa Aḥkām al-Marḍā* menghimpunan fatwa yang diputuskan oleh dua orang mufti Arab Saudi iaitu Muḥammad bin Ibrāhīm Ālī al-Shaikh (1953-1969) dan ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abdullāh bin Bāz (1994-1999), dan dua badan fatwa utama di Arab Saudi iaitu HKU dan LDF. Buku ini dibahagikan kepada 18 bab berdasarkan cabang fiqh seperti:

- |                                      |                                     |
|--------------------------------------|-------------------------------------|
| i. <i>Tahārah</i> pesakit (24 fatwa) | vii. Ubatan (18 fatwa)              |
| ii. Solat pesakit (39 fatwa)         | viii. Hijab dan ikhtilat (41 fatwa) |
| iii. Zakat pesakit (2 fatwa)         | ix. Pembedahan plastik (14 fatwa)   |
| iv. Puasa pesakit (81 fatwa)         | x. Berkhatan (6 fatwa)              |
| v. Haji pesakit (5 fatwa)            |                                     |
| vi. Rawatan pesakit (20 fatwa)       |                                     |

<sup>450</sup> Al-Dawīsh, Aḥmad bin ‘Abd al-Razzāq, *Fatāwā al-Lajnah al-Dā’imah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’* (Riyad: Dār al-Mu’ayyid, 1990, 1992, 1995, 1996, 1998, 2003).

<sup>451</sup> Al-Amānah al-‘Āmmah li Hai’ah Kibār al-‘Ulamā, *Abḥāth Hai’ah Kibār al-‘Ulamā bi al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah* (Riyad: HKU, 2014).

<sup>452</sup> Al-Duwarsī, Muḥammad bin Sālim, *Raf‘ al-Lā’imah ‘an Fatwā al-Lajnah al-Dā’imah* (Mekah: Dār al-‘Ālam al-Fawā’id, 2001).

<sup>453</sup> ‘Abd al-‘Azīz et al., *Manāsik wa Fatāwā: al-Hajj wa al-‘Umrah*, dicetak bersama *al-Taḥqīq wa al-Īdāh li Kathīr min Masā’il al-Hajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah* (Kaherah: Dār Ibn al-Haitham, 2005).

<sup>454</sup> Ibn Bāz et al., *Fatāwā li al-Musāfirīn wa al-Mughtaribīn* (al-Dammam: Kementerian Multimedia, 1992).

<sup>455</sup> Al-Musnad, Muḥammad bin ‘Abd al-‘Azīz, *Fatāwā al-Naẓar wa Khulwah wa al-Ikhtilāṭ* (Riyad: Dār al-Qaṣim, 1994).

<sup>456</sup> Al-Fawzān, Ṣalīḥ bin Fawzān, *al-Fatāwā al-Muta‘alliqah bi al-Tibb wa Aḥkām al-Marḍā* (Riyad: al-Ri’āsah al-‘Āmmah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, 2014).

- xi. Kehamilan, pengguguran, khunsa dan perancangan keluarga (28 fatwa)
- xii. Pesakit kronik (9 fatwa)
- xiii. Transplant organ (12 fatwa)
- xiv. Darah (16 fatwa)
- xv. Penyakit jiwa dan sihir (40 fatwa)
- xvi. Bedah siasat (19 fatwa)
- xvii. Insuran nyawa (5 fatwa)
- xviii. Pelbagai (9 fatwa)

Jumlah fatwa perubatan yang telah dikumpulkan adalah 388 fatwa namun pengkaji hanya memilih fatwa berkaitan *taghyīr khalqillāh* untuk dianalisis.

Jadual 4.8: Senarai Fatwa berkaitan *Taghyīr Khalqillāh* HKU dan LDF

No. Siri	Tarikh Fatwa	Nama Mufti	Isu yang Dibincangkan/ Resolusi
62	25 Syawal 1398H/ 27 September 1978M	HKU	Transplant Kornea Mata
99	6 Zulkaedah 1402H/ 25 Ogos 1982M	HKU	Transplant Organ Manusia
176	17 Rabi'ul Awal 1413H/ 14 September 1992	HKU	Transgender
181	12 Rabi'ul Akhir 1417H/ 26 Ogos 1996M	HKU	Transplant Organ bagi Menjaga <i>Maslahah</i> Pesakit
563	-	LDF	Berkhatan bagi Wanita
1542	-	LDF	Transgender
4030	-	LDF	Menyamakan Sebahagian Gigi yang Terlebih Panjang
4285	-	LDF	Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)
5408	-	LDF	Pembedahan Plastik untuk Mengelincikan Hidung
5934	-	LDF	Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)
6457	-	LDF	Mengikat Tiub Fallopio ( <i>bilateral tubal ligation</i> )
6908	-	LDF	Pembedahan Plastik untuk Membuang Kecacatan
9204	-	LDF	Pembedahan Plastik untuk Mencantikkan Dada dan Muka
15375	-	LDF	Menempel Gigi Emas
18908	-	LDF	Mengikat Tiub Fallopio ( <i>bilateral tubal ligation</i> ) disebabkan Khuatir Anak Cacat
20888	-	LDF	Merapikan Gigi yang Tidak Tersusun
20913	-	LDF	Transplant Organ Bukan Muslim kepada Muslim
20963	-	LDF	Transplant Organ
21104	-	LDF	Menampal Gigi Palsu

Sumber: al-Fawzān, *al-Fatāwā al-Muta'alliqah bi al-Tibb*<sup>457</sup>

Berdasarkan Jadual 4.8, terdapat 19 fatwa perubatan berkaitan *taghyīr khalqillāh* dari HKU dan LDF. Namun, terdapat beberapa fatwa yang berulang seperti isu memotong jari tambahan (polidaktili) dan mengikat tiup fallopio (*bilateral tubal ligation*).

<sup>457</sup> Ibid.

#### 4.4.4. Kuwait

Badan fatwa rasmi di Kuwait adalah *Hai’ah al-‘Āmmah li al-Fatwā* (HAF), berada di bawah pentadbiran Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. Ia ditubuhkan pada tahun 1969 dengan keanggotaan seramai lima orang dan dipengerusikan oleh al-Shaikh ‘Abdullāh al-Nūri, seorang ulama tersohor di Kuwait. Nama asal HAF adalah *Lajnah al-Fatwā*. Pada awal penubuhan *Lajnah al-Fatwā*, tiada perjumpaan rasmi yang tersusun antara anggota bagi membincangkan isu yang timbul. Jawapan fatwa pula diberikan secara oral tanpa rekod. Selepas bergerak secara tidak sistematik selama hampir sembilan tahun (1969-1977), *Lajnah al-Fatwā* telah menetapkan hari Isnin setiap minggu sebagai hari perjumpaan rasmi<sup>458</sup>. Mereka juga memutuskan untuk merekodkan segala jawapan fatwa sebagai rujukan masyarakat<sup>459</sup>.

Lima tahun kemudian (1982), *Lajnah al-Fatwā* membuat pelantikan Pengerusi baru disebabkan kewafatan ‘Abdullāh al-Nūrī. Jawatan tersebut kemudiaannya disandang oleh al-Shaikh Badr al-Mutawallī ‘Abd al-Basīt. Setahun kemudian (1983), sebuah pejabat pengurusan (*Maktab al-Iftā*) ditubuhkan bagi mengawal selia hal ehwal pentadbiran dan pengurusan *Lajnah al-Fatwā*. Pada tahun yang sama, nama *Lajnah al-Fatwā* ditukar kepada *Hai’ah al-‘Āmmah li al-Fatwā*<sup>60</sup>. HAF tidak menjadikan mana-mana mazhab sebagai mazhab rasmi dalam berfatwa, namun mereka tidak akan keluar dari fatwa yang telah diputuskan oleh empat mazhab utama, iaitu mazhab Ḥanafī, Mālikī, Shāfi‘ī dan Ḥanbalī melainkan bagi meraikan *maṣlahah* tertentu yang lebih *rājiḥ*. HAF juga tidak berfatwa pada isu-isu yang melibatkan perundangan dan mahkamah melainkan

<sup>458</sup> Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Hai’ah al-Fatwā al-Shar‘iyah fī al-Kuwait* (2003, t.p), 51-53.

<sup>459</sup> Ibid., 67.

<sup>460</sup> Ibid., 54-59.

dengan permintaan secara rasmi dari mahkamah<sup>461</sup>. Keputusan fatwa juga tidak terikat dengan kehendak kerajaan atau mana-mana pengaruh politik<sup>462</sup>.

## Fatwa HAF

HAF telah membukukan semua fatwa mereka secara tersusun dalam bentuk cetakan buku bermula tahun 1977. Buku tersebut adalah *Majmu‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah*. Terdapat 21 jilid senarai fatwa HAF namun fatwa tersebut hanya berjaya diperolehi sehingga tahun 2005. Buku fatwa ini menggabungkan fatwa dalam pelbagai bidang fiqh merangkumi ibadah, muamalat, perkahwinan, jenayah, perubatan dan lain-lain. Justeru, analisis fatwa HAF hanya terhad sehingga tahun 1995 sahaja. Berikut adalah senarai fatwa tersebut:

Jadual 4.9: Senarai Fatwa Fiqh Perubatan HAF

No. Siri	Tahun Fatwa	Isu yang Dibincangkan		
646	1979	<b>Derma dan Transplan Organ</b>		
647	1984	<b>Transplan Organ Haiwan ke Manusia (Xenotransplantation)</b>		
648	1984	<b>Transplan Organ antara Pesakit dan Penderma Berlainan Agama</b>		
649	1980	<b>Transplan Kornea Mata dan Pemindahan Darah</b>		
650	1984	<b>Transgender Wanita kepada Lelaki</b>		
651	1984	Pengguguran Disebabkan Keadaan <i>Darūrah</i>		
652	1981	Pengguguran Sebelum atau Selepas 40 Hari Kehamilan		
653	1979	Menggugurkan Janin Cacat		
654	1984	Pemeriksaan Kesihatan Sebelum Perkahwinan		
655	1980	Pemeriksaan Kesihatan ke atas Pasangan Cacat dan Melarang Mereka dari Mengandung		
656	1984	Merancang Kehamilan		
657	1984	Menggunakan Herba untuk Merancang Kehamilan		
658	1984	Menggunakan Herba untuk Menghalang Haid		
659	1979	Menggunakan Herba untuk Menghalang Haid		
660	1978	<b>Persenyawaan Luar Rahim dengan Benih Suami Isteri</b>		
661	1984	<b>Bayi Tabung Uji</b>		
662	1984	Bentuk-bentuk Persenyawaan Luar Rahim		
663	1984	<b>Pemandulan Sementara</b>		
664	1984	Berubat dengan Bahan Najis		
665	1984	Berubat dengan Alkohol		
666	1984	Berubat dengan Bahan dari Haiwan		
667	1984	Membersihkan Gigi dengan Ubat yang Mengandungi Alkohol		
668	1980	Rawatan Pesakit Kronik		
669	1984	Eutanasia		
670	1984	Eutanasia		
671	1984	Kematian		
672	1984	Bedah Siasat Mayat		
673	1980	Ujikaji Terhadap Tubuh Badan Manusia		
674	1984	Ujikaji terhadap Haiwan dan Manusia yang akan Menjalani Hukuman Mati		
675	1984	<b>Pembedahan Kosmetik</b>		
676	1982	Membuka Aurat Disebabkan <i>Darūrah</i>		
1051	1986	Pengguguran Selepas 40 Hari Kehamilan		
1052	1986	Pengguguran Tanpa Izin Suami		
1053	1986	<b>Bayi Tabung Uji</b>		

<sup>461</sup> Ibid., 65-66.

<sup>462</sup> Ibid., 71-72.

1054	1986	<b>Transplan Organ</b>
1055	1985	<b>Menderma Organ</b>
1056	1986	Doktor Lelaki Melihat Aurat Pesakit Wanita
1057	1985	Onani bagi Mendapatkan Sperma untuk Rawatan Kesuburan
1058	1985	Membunuh Haiwan Berjangkit
1059	1986	Mengagihkan Mushaf al-Qur'an kepada Pesakit
1060	1986	Tayamum Pesakit
1061	1986	Kematian: Otak atau Jantung
1371	1987	Tidak Menerusikan Rawatan Terhadap Pesakit yang Tiada Harapan Kesembuhan
1372	1987	Merawat Sihir dengan Sihir
1373	1987	Lelaki Menyambung Kepakaran dalam Rawatan Sakit Puan
1374	1987	Pemindahan Ovum antara Madu
1375	1987	Pengguguran Janin disebabkan Penyakit Genetik (Talasemia)
1376	1987	Menggugurkan Janin Hasil dari Zina
1377	1987	Menggugurkan Janin Hasil dari Zina
1378	1987	Pengguguran oleh Doktor ketika Latihan
1379	1987	Menggugurkan Janin Cacat Tempoh Minimum Kehamilan
1705	1988	Jururawat Melihat Aurat dalam Keadaan <i>Darurah</i>
1706	1988	Doktor Bukan Muslim Melihat Aurat Pesakit Muslim
1707	1988	Menggunakan Alkohol dan Lemak Khinzir sebagai Ubat selepas Proses <i>Istiḥālah</i>
1708	1988	Membuat Ubat Kosmetik dari Lemak Khinzir
1709	1988	<b>Mencantikkan Anggota</b>
1710	1988	Pengguguran Selepas Ditiupkan Ruh
1711	1988	<i>Kaffārah</i> Pengguguran
1995	1989	Mengugurkan Janin Cacat
2253	1990	<b>Transplan Organ dan Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)</b>
2254	1990	Menggunakan Zakat untuk Perkhidmatan Perubatan dan Pendidikan
2546	1992	Menggugurkan Janin Kurang dari Empat Bulan Kehamilan
2792	1993	Buang Rahim ( <i>hysterectomy</i> )
2793	1993	<b>Bayi Tabung Uji</b>
2794	1993	<b>Bayi Tabung Uji</b> Bank Sperma
2795	1993	Membuka Aurat disebabkan Keadaan <i>Darūrah</i>
3166	1994	Berubat dengan Najis
3167	1994	Pesakit Enggan Berubat Sehingga Mati
3168	1994	Membekukan Sperma dan Ovum
3169	1994	Menyimpan Air Mani Suami untuk Digunakan pada Masa Akan Datang
3170	1994	Persenyawaan Ovum Isteri dengan Sperma Suami yang Diambil Sebelum Perkahwinan
3171	1994	<b>Bayi Tabung Uji</b>
3172	1994	Membiarakan Janin Mati dan Gugur Secara Semulajadi
3173	1994	Pengguguran bagi Menjaga Kesihatan Ibu
3174	1994	Menggugurkan Janin Cacat
3175	1994	<b>Persenyawaan Luar Rahim</b>
3176	1994	<b>Melakukan Persenyawaan Luar Rahim pada Bulan Ramadan</b>
3177	1994	Pengguguran Selepas Empat Bulan Kehamilan Melihat Jantina Bayi Menggugurkan Janin Disebabkan Kecacatan
3178	1994	<b>Menderma Sum-sum Tulang</b>
3179	1994	Pesakit Wanita Dirawat Doktor Lelaki
3556	1995	Menggugurkan Janin Cacat
3557	1995	Menggugurkan Janin Cacat
3558	1995	Menggugurkan Janin Selepas Empat Bulan Kehamilan
3559	1995	Pembedahan Plastik
3935	1996	Pesakit Enggan Mendapatkan Rawatan
3936	1996	Rawatan Rambut Gugur
3937	1996	Pengguguran pada Bulan Pertama Kehamilan
3938	1996	Menggugurkan Janin Cacat
3939	1996	Pengguguran Sebelum Janin Boleh Bergerak
3940	1996	Pengguguran Sebelum Peniupan Ruh
3941	1996	Pengguguran kerana Suami Tidak Mahu Anak
3942	1996	Pengguguran Sebelum 120 Hari Kehamilan
3943	1996	<b>Persenyawaan Luar Rahim antara Suami Isteri</b>
3944	1996	Kematian Manusia dengan Otak atau Jantung
3945	1996	<b>Wanita Melakukan Transplan Rambut</b>
3946	1996	Membuka Aurat Disebabkan <i>Darūrah</i>
3947	1996	Aurat antara Lelaki dengan Lelaki
3948	1996	Sempadan Aurat
3949	1996	<b>Transplan Organ dari Penderma Mati Otak</b>
4282	1997	<b>Transgender Wanita kepada Lelaki</b>
4283	1997	<b>Transplan Organ dari Orang Mati kepada Orang Hidup</b>

4284	1997	<b>Mengambil Organ Pesalah yang Telah Dijatuhki Hukuman Mati</b>	5851	2002	Berubat dengan Ruqyah dan Nama Allah ( <i>Asmā' al-Ḥusnā</i> )
4285	1997	<b>Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)</b>	5852	2002	<b>Pengklonan Manusia</b>
4286	1997	<b>Menanam (Transplant) Rambut bagi Lelaki</b>	5853	2002	Memaksa Pesakit Mendapatkan Rawatan
4287	1997	<b>Menyusun Gigi dan Mencantikkan Hidung</b>	5854	2002	<b>Syarat Menderma Organ</b>
4288	1997	Menggugurkan Janin Sakit	5855	2002	<b>Rekonstruksi Vagina</b>
4289	1997	Mengubah Bentuk Badan Haiwan	5856	2002	<b>Pembedahan Kosmetik Dada dan Perut</b>
4558	1999	Berubat dengan Ruqyah	5857	2002	Pengguguran Selepas Bulan Ke-4 Kehamilan
4559	1998	Percampuran Mayat Muslim dan Bukan Muslim	5858	2002	<b>Bayi Tabung Uji</b>
4560	1998	Menggugurkan Janin Mangsa Rogol	5860	2002	Usaha Doktor Menyelamat Bayi
4561	1998	Menggugurkan Janin Cacat	5861	2002	<b>Mengikat Tiub Fallopio (<i>bilateral tubal ligation</i>)</b>
4562	1998	Memilih Jantina Anak	6240	2003	Doktor Lelaki Merawat Pesakit Wanita
4563	1998	<b>Mengikat Tiub Fallopio (<i>bilateral tubal ligation</i>)</b>	6241	2003	Rawatan Menggunakan Harta Zakat
4564	1998	Menggugurkan Janin Cacat	6242	2003	Berubat di Negara Bukan Islam
4565	1998	<b>Pemandulan Kekal bagi Wanita Sakit</b>	6244	2003	Pengguguran untuk Menyelamatkan Nyawa Ibu <b>Bayi Tabung Uji</b>
4566	1998	Pesakit Kronik Enggan Berubat	6245	2003	Menggugurkan Janin Cacat
4850	1999	Berubat dengan Ubat yang Bercampur Alkohol	6246	2003	Pengguguran Disebabkan Takut Agama Bayi
4851	1999	Berubat dengan Ruqyah	6247	2003	Menjual Kondom
4852	1999	Menghentikan Bantuan Mesin Sokongan Hayat	6248	2003	Pengguguran
4853	1999	Menggugurkan Janin Cacat	6249	2003	<b>Wanita Mencantikkan Bibir</b>
4854	1999	Menggugurkan Janin Sebelum 40 Hari Kehamilan	6544	2004	<b>Transplan Rahim</b>
5200	2000	Menggugurkan Janin Sebelum 4 Bulan Kehamilan	6545	2004	Menggunakan Khidmat Doktor Bukan Muslim dalam Persenyawaan Luar Rahim
5201	2000	Merancang Kehamilan Bagi Mengelak Janin Cacat Pengguguran Sebelum 4 Bulan Kehamilan	6546	2004	Pengguguran Sebelum Janin Sempurna
5202	2000	Kelahiran pada Bulan Ke-7 Kehamilan	6547	2004	<b>Membuang Rahim Wanita OKU</b> <i>Syndrom Down</i>
5203	2000	<b>Menempel Selaput Dara (<i>hemenoplasty</i>)</b>	6548	2004	Menggugurkan Janin Cacat
5204	2000	Doktor Muslim Bersetuju dengan Pembakaran Mayat Bukan Islam	6549	2004	Pemindahan Ovum dan Sperma antara Madu
5205	2000	<b>Transplan Organ Reproduktif (Testis)</b>	6550	2004	<b>Pemandulan Kekal</b>
5206	2000	<b>Menderma Buah Pinggang</b>	6551	2004	Ibu Sengaja Melakukan Perkara yang Boleh Membawa kepada Keguguran
5506	2000	Menggugurkan Janin <i>Syndrom Down</i>	6875	2005	<b>Mencantikkan Hidung</b>
5508	2001	Memilih Jantina Janin Mengelak Penyakit Genetik	6876	2005	Menghentikan Mesin Sokongan Hayat bagi Pesakit yang Tiada Harapan Kesembuhan
5509	2001	<b>Menderma Organ Tetapi Penderma Turut Menanggung Risiko</b>	6877	2005	Pesakit Enggan Mendapatkan Rawatan Penting
5510	2001	Merawat Pesakit Kronik	6878	2005	Ganti Rugi Kesilapan Doktor
5849	2002	Berubat dengan Ubat yang Mengandungi Alkohol	6879	2005	<b>Enggan Mengandung Disebabkan Takut Penyakit Genetik pada Janin</b>
5850	2002	Makan Ubat Supaya Mendapat Anak Kembar	6880	2005	Pemindahan Ovum dan Sperma antara Madu
			6881	2005	Pemindahan Ovum dan Sperma antara Madu
			6882	2005	<b>Pengklonan Manusia</b>

Sumber: *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyyah*<sup>463</sup>

Sebanyak 6882 fatwa telah dikumpulkan dalam buku *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyyah* bermula dari tahun 1977 hingga 2005. Fatwa tersebut merangkumi pelbagai bidang fiqh seperti ibadah, muamalat, *munākahāt*, perbankan, perundangan, perubatan dan lain-lain. Semua fatwa ini diputuskan secara kolektif melalui *Lajnah Iftā’* atau *Hai’ah al-Fatwā al-Shar‘iyyah*. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 176 fatwa berkaitan isu fiqh perubatan telah dikumpulkan seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.9.

Penelitian pada Jadual 4.9 menunjukkan terdapat beberapa isu utama yang sering berulang-ulang saban tahun seperti isu pengguguran, merancang perkahwinan, bayi tabung uji, batas aurat antara pesakit dengan doktor, penggunaan ubat dari sumber najis, pembedahan kosmetik dan transplan organ. Seterusnya, terdapat 50 fatwa yang diputuskan mempunyai perkaitan dengan isu *taghyīr khalqillāh*, namun terdapat pertindihan dan pengulangan. Pengkaji senaraikan fatwa berkaitan *taghyīr khalqillāh* tersebut:

1. Derma dan Transplan Organ
2. Transplan Organ antara Pesakit dan Penderma Berlainan Agama
3. Transplan Organ Haiwan ke Manusia (*Xenotransplantation*)
4. Transplan Kornea Mata
5. Transgender Wanita kepada Lelaki
6. Bayi Tabung Uji
7. Membuang Rahim (*hysterectomy*)
8. Pembedahan Kosmetik
9. Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)
10. Menderma Sum-sum Tulang
11. Transplan Rambut
12. Transplan Organ dari Penderma Mati Otak
13. Menyusun Gigi dan Mencantikkan Hidung
14. Mengikat Tiub Fallopio (*bilateral tubal ligation*)

<sup>463</sup> Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyyah* (Kuwait: *Qīfā‘ al-Iftā’ wa al-Buḥūth al-Shar‘iyyah*) (1977-1984), 2:251-282; (1985-1986), 3:393-409; (1987), 4:379-392; (1988), 5:344-354; (1989), 6:330-332; (1990-1991), 7:278-280; (1992), 8:326-329; (1993), 9:255-261; (1994), 10:327-341; (1995), 11:343-345; (1996), 12:357-369; (1997), 13:312-322; (1998), 14:303-317; (1999), 15:293-298; (2000), 16:309-317; (2001), 17:288-296; (2002), 18:315-328; (2003), 19:363-373; (2004), 20:319-329; (2005), 21:287-293.

- |   |   |
|---|---|
| 15. Pemandulan Kekal bagi Wanita<br>Sakit dan Sihat | 21. Pembedahan Kosmetik Dada dan<br>Perut     |
| 16. Menempel Selaput Dara<br><i>(hemenoplasty)</i>  | 22. Wanita Mencantikkan Bibir                 |
| 17. Transplan Organ Reproduktif<br>(Testis)         | 23. Transplan Rahim                           |
| 18. Menderma Buah Pinggang                          | 24. Membuang Rahim Wanita OKU<br>Syndrom Down |
| 19. Pengklonan Manusia                              | 25. Mencantikkan Hidung                       |
| 20. Rekonstruksi Vagina                             | 26. Penyakit Genetik                          |

#### **4.4.5   Palestin**

*Dār al-Iftā' al-Filasṭīniyyah* (DIF) adalah badan fatwa tertinggi di Palestin yang menjadi rujukan agama. Ia ditubuhkan pada 16 Oktober 1994 dan mempunyai hubungan dengan Pihak Berkuasa Palestin (*al-Sultāh al-Wataniyyah al-Filasṭīniyyah*) yang menjalankan urusan pentadbiran di Palestin. DIF memberikan fatwa dalam pelbagai cabang bidang seperti ibadah, muamalat, akidah, akhlak, politik, kemasyarakatan dan sebagainya.

Sebanyak 15 cawangan DIF telah ditubuhkan antara 1994-2004. Pusat pentadbiran DIF terletak di bandar al-Quds. Anggota DIF terdiri daripada para ulama yang mempunyai pengalaman dalam memutuskan fatwa selain berkemampuan menjalankan penyelidikan ilmiah terhadap isu-isu fiqh. DIF menekankan proses pemutusan fatwa secara kolektif (*ijtihād jamā'i*)<sup>464</sup>. Pentadbiran DIF dipecahkan kepada 3 bahagian utama iaitu bahagian Pengurusan dan Kewangan (الإدارية العامة للشؤون الإدارية )

والمالية (الإدارية العامة للعلاقات العامة والإعلام) dan Hubungan Luar dan Media (ال الإعلام والاتصال).

---

<sup>464</sup> *Dār al-Iftā' al-Filasṭīniyyah, Muqaddimah: Man Naḥnu?*, diakses pada 27 November 2017, <http://www.darifta.org/aboutdar/intro.php>

Penyelidikan dan Strategi (الادارة العامة للبحوث والتحطيط). Antara objektif penubuhan DIF adalah<sup>465</sup>:

1. Menjawab persoalan berkaitan ibadah, kehidupan, akidah, muamalat, akhlak, hukum syarak, politik, ekonomi dan lain-lain bagi menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang merangkumi aspek keagamaan dan kehidupan.
2. Memberikan kefahaman fiqh kepada masyarakat muslim melalui fatwa dan ijtihad.
3. Menyebarluaskan kesedaran fiqh di Palestin dan sekitarnya.
4. Memberikan nasihat dan teguran agama.
5. Membekalkan ilmu agama yang bersesuaian dalam pelbagai bidang.

### Fatwa DIF

DIF membukukan semua fatwa mereka dalam 5 jilid buku bertajuk *Mukhtārāt Min Qarārāt Majlis al-Fatwā al-‘lāhī* (مختارات من قرارات مجلس الفتوى الأعلى) yang diterbitkan

oleh DIF sendiri. Jilid pertama dicetak pada tahun 2007, jilid 2 dicetak pada tahun 2008, jilid 3 dicetak pada tahun 2009, jilid 4 dicetak pada tahun 2012, jilid 5 dicetak pada tahun 2015. Setiap jilid menghimpunkan fatwa dari pelbagai aspek dan cabang fiqh. Berikut adalah ringkasan himpunan fatwa DIF bagi setiap jilid.

Jadual 4.10: Jumlah Keseluruhan Fatwa DIF 2007-2015

Cabang Fiqh/Jilid	Jilid 1 (2007)	Jilid 2 (2008)	Jilid 3 (2009)	Jilid 4 (2012)	Jilid 5 (2015)
Akidah			3 fatwa		
Ibadah	8 fatwa		11 fatwa	7 fatwa	11 fatwa
Kekeluargaan	14 fatwa (3 fatwa perubatan)	9 fatwa	6 fatwa (2 fatwa perubatan)	6 fatwa (2 fatwa perubatan)	4 fatwa (4 fatwa perubatan)
Muamalat	19 fatwa	17 fatwa	11 fatwa	23 fatwa	14 fatwa

<sup>465</sup> Ibid.

Undang-undang dan Jenayah		18 fatwa	4 fatwa		
Diyat			4 fatwa	5 fatwa	
Wakaf			2 fatwa		
Isu Semasa					14 fatwa (6 fatwa perubatan)
Pengurusan Jenazah					3 fatwa
Pelbagai	9 fatwa	6 fatwa (1 fatwa perubatan)	9 fatwa (3 fatwa perubatan)	12 fatwa (3 fatwa perubatan)	3 fatwa
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>50</b>	<b>50</b>	<b>58</b>	<b>49</b>
<b>Fatwa Perubatan</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>10</b>

Sumber: *Mukhtārāt Qarārāt*<sup>466</sup>

Berdasarkan Jadual 4.10, sebanyak 257 fatwa telah diputuskan dengan 24 daripadanya adalah fatwa perubatan, termasuk dua fatwa yang berulang. Selain dari buku *Mukhtārāt Qarārāt*, DIF turut memuatnaik himpunan fatwa mereka dalam laman sesawang. Berdasarkan maklumat di laman sesawang rasmi DIF, mereka telah mengadakan sebanyak 156 pertemuan bermula dari tahun penubuhan DIF sehingga tahun 2017. Jadual 4.11 menunjukkan senarai fatwa perubatan dari himpunan fatwa DIF:

Jadual 4.11: Senarai Fatwa Perubatan DIF

No. Siri	Tarikh Fatwa	Isu yang Dibincangkan/ Resolusi
4-2	13 Jun 1996	<b>Perseinyaawan Luar Rahim (Bayi Tabung Uji)</b>
12-1	29 Mei 1997	<b>Pengklonan</b>
15-1	20 Oktober 1997	Pembedahan dan Kesannya kepada Akal
20-3	4 Jun 1998	Derma Darah
23-2	3 Disember 1998	<b>Menghilangkan Kecacatan Badan</b>
49-1	5 Ogos 2004	<b>Transgender Khunsa kepada Wanita</b>
53-4	5 April 2005	Berubat dengan Tanah Laut Mati
56-1	10 Oktober 2005	Memilih Jantina atau Jenis Anak
58-2	19 April 2006	Rawatan Berlainan Jantina
61-2	14 Disember 2006	Menggunakan Janin untuk Kajian Makmal
61-3	14 Disember 2006	<b>Membuang Rahim bagi Pesakit Syndrome Down</b>
66-1	6 Januari 2008	Doktor Silap Memberikan Ubat kepada Pesakit Sehingga Membawa kepada Kematian
66-2	6 Januari 2008	Pengguguran Janin Cacat dengan Kesepakatan Doktor dan Ibubapa
81-1	3 Jun 2010	<b>Pembedahan Kosmetik Mencantikkan Hidung</b>
83-3	5 Ogos 2010	<b>Mencukur Kening untuk Pembedahan</b>
88-2	12 Mei 2011	Pengguguran Janin Mangsa Rogol

<sup>466</sup> Dār al-Fatwā wa al-Buḥūth al-Islāmiyyah, *Mukhtārāt min Qarārāt Majlis al-Fatwā al-A'lā* (Palestin: al-Sulṭah al-Waṭaniyyah al-Filastīniyyah, 2007, 2008, 2009, 2012 & 2015).

89-1	16 Jun 2011	Menghentikan Mesin Bantuan Hayat bagi Pesakit Mati Otak Hukum Etunasia
93-2	15 Disember 2011	Pengguguran Janin Disebabkan Penyakit Talasemia
102-2	7 Februari 2013	Pengguguran Janin Cacat
103-2	28 Mac 2013	<b>Persenyawaan Luar Rahim bagi Isteri Tahanan Penjara</b>
106-1	13 Jun 2013	<b>Transplan Organ dari Penderma Hidup dan Penderma Mati</b>
112-2	26 Disember 2013	<b>Pembedahan Plastik untuk Kecantikan</b>
116-1	17 April 2014	Peraturan Membuka Aurat di depan Doktor
120-2	18 September 2014	Kesan Penyakit Berjangkit ke atas Ikatan Perkahwinan
128-1	7 Mei 2015	Memberikan Morfin kepada Pesakit Kanser
156-1	26 Oktober 2017	Penubuhan Bank Organ

Sumber: *Mukhtārāt Qarārāt*<sup>467</sup> dan Laman Sesawang DIF<sup>468</sup>

Berdasarkan Jadual 4.11, terdapat 26 fatwa berkaitan fiqh perubatan namun hanya sembilan sahaja resolusi yang berkaitan dengan isu *taghyīr khallqillāh* iaitu:

1. Persenyawaan Luar Rahim
2. Pengklonan
3. Menghilangkan Kecacatan Badan
4. Transgender Khunsa kepada Wanita
5. Membuang Rahim bagi Pesakit *Syndrome Down*
6. Pembedahan Kosmetik Mencantikkan Hidung
7. Mencukur Kening untuk Pembedahan
8. Transplan Organ dari Penderma Hidup dan Penderma Mati
9. Pembedahan Plastik untuk Kecantikan

#### 4.4.6 India

*Majma‘ al-Fiqh al-Islām bi al-Hind* (MFIH) merupakan badan fatwa tertinggi di India menghimpunkan pelbagai sarjana dan ulama dari latarbelakang berbeza seperti pakar perubatan, psikologi, undang-undang dan ulama. Ia ditubuhkan pada tahun 1989 dan

<sup>467</sup> Ibid.

<sup>468</sup> *Dār al-Iftā’ al-Filasūniyyah, Min Qarārāt Majlis al-Iftā’ al-A‘lā*, diakses pada 28 November 2017, <http://www.darifta.org/majes2014/index.php>

menggunakan konsep *ijtihād jamā‘ī* sebagai asas pemutusan fatwa<sup>469</sup>. MFIH ditubuhkan bagi mencapai objektif berikut<sup>470</sup>:

1. Menyelesaikan masalah yang timbul disebabkan perubahan pada ekonomi, struktur masyarakat, politik, perindustrian dan teknologi semasa berdasarkan al-Qur'an, hadis Nabi SAW, pandangan para sahabat dan ulama *salafussoleh*.
2. Menyelesaikan isu kontemporari berdasarkan kaedah uṣūl fiqh.
3. Kajian terhadap sumber fiqh Islāmī, kaedahnya, *kulliyāt*nya dan *nazariyyāt*nya seterusnya aplikasi semasa.
4. Mempersembahkan fiqh Islāmī dalam bentuk moden.
5. Kajian khazanah fiqh berdasarkan keperluan semasa.
6. Mengumpulkan fatwa dan pandangan ulama kontemporari dan badan fatwa yang dipercayai.
7. Mewujudkan hubungan dengan semua pertubuhan Islam di India dan serata dunia.
8. Membuktukan soal-jawab Islam dalam bahasa moden.
9. Menggalakan ulama muda menjadi pengkaji yang berautoriti.
10. Menyediakan senarai rujukan fiqh.

### Fatwa MFIH

Sepanjang 28 tahun penubuhan MFIH, sebanyak 26 persidangan telah diadakan bagi membincangkan pelbagai isu fiqh kontemporari. Persidangan anjuran MFIH diadakan hampir setiap tahun. Jadual 4.13 adalah senarai persidangan MFIH dan isu-isu yang dibincangkan.

Jadual 4.12: Senarai Persidangan MFIH dan Isu yang Dibincangkan

Siri	Tempat	Tarikh	Isu yang Dibincangkan/ Resolusi
1.	New Delhi, India	1-3 April 1989	<b>1 (1/1) Perancangan Keluarga</b>

<sup>469</sup> Majma‘ al-Fiqh al-Islām al-Hind: Ta‘rīf, Ahdāf, Nashātāt (New Delhi: Universiti Nagar, 2017), 7.

<sup>470</sup> Ibid., 7-9.

2.	New Delhi, India	8-11 Disember 1989	<p>2 (1/2) <i>Badl al-Khalw</i>  <b>3 (2/2) Transplan Organ</b>          4 (3/2) Matawang Duit Kertas          5 (4/2) Faedah Bank dan Perbankan Ribawi          6 (5/2) <i>Tausīyyah</i>: Projek Sistem Perbankan Tanpa Riba          7 (6/2) <i>Tausīyyah</i>: Negara Islam dan Negara Kafir</p>
3.	Bangalore, India	8-11 Jun 1990	<p>8 (1/3) <i>Tausīyyah</i>: Perbankan Islam          9 (2/3) Produk <i>Murābahah</i>          10 (3/3) Pertubuhan Bantuan Bukan Ribawi          11 (4/3) Jual Beli Hak Cipta          12 (5/3) <i>Tausīyyah</i>: Pelajar Sekolah Agama dan Kerajaan</p>
4.	Hyderabad, India	9-12 Ogos 1991	<p>13 (1/4) <i>Tausīyyah</i>: Insuran          14 (2/4) <i>Taqrīr</i>: Perbankan Islam          15 (3/4) Cadangan Dr. Anas al-Zarqa          16 (4/4) Jual Beli Duit Kertas Secara Hutang/ Bertangguh</p>
5.	Azamgarh, India	30 Oktober – 2 November 1992	<p>17 (1/5) Insuran          18 (2/5) Keperluan Harian (<i>al-Hājah al-Asliyyah</i>)          19 (3/5) Zakat Hutang          20 (4/5) Zakat Bayaran Deposit          21 (5/5) Zakat Perhiasan          22 (6/5) Harta Pencen          23 (7/5) Biasiswa Pelajaran          24 (8/5) Ciri-ciri Pengetua Sekolah          25 (9/5) Harta Sekolah          26 (10/5) Caj Kutipan Zakat          27 (11/5) Zakat Harta Haram          28 (12/5) Maksud Istilah <i>Fī Sabīllillah</i></p>
6.	Umarabad, India	31 Disember 1993 – 3 Januari 1994	<p>29 (1/6) Sistem ‘Ushur dan Cukai dalam Islam          30 (2/6) Saham Syarikat dan Badan Kewangan</p>
7.	Brus, India	30 Disember 1994 – 2 Januari 1995	<p>31 (1/7) <i>Darārah</i> dan <i>Hājah</i>          32 (2/7) Sembelihan: Jenis dan Kaedah Moden</p>
8.	Aligarh, India	22-24 Oktober 1995	<p><b>33 (1/8) Etika dan Tanggungjawab Doktor</b>          34 (2/8) <i>Tausīyyah</i>: Penulisan Undang-undang Etika Doktor Menurut Perspektif Islam  <b>35 (3/8) AIDS</b>          36 (4/8) <i>Al-‘Urf</i> dan <i>al-‘Ādah</i> (Uruf dan Adat)</p>
9.	Jaipur, India	11-14 Oktober 1996	<p>37 (1/9) Saham Syarikat          38 (2/9) Jual Beli Ikan di Lautan          39 (3/9) Menjual Sebelum Menerima (<i>al-Qabd</i>)          40 (4/9) Sembelihan Menggunakan Peralatan Moden</p>
10.	Mumbai, India	24-27 Oktober 1997	<p>41 (1/9) Isu Wakaf          42 (2/9) Isu Haji dan Umrah          43 (3/9) Jualan Ansuran  <b>44 (4/9) Pengklonan Manusia</b>          45 (5/9) Iklan <i>al-Tađāmun al-Islāmī</i></p>
11.	Batna, India	17-19 April 1999	<p>46 (1/11) Sekufu dalam Akad Pernikahan          47 (2/11) Kuasa Wali dalam Perkahwinan          48 (3/11) Hukum Hadis <i>Da’if</i></p>
12.	Basti, India	11-14 Februari 2000	<p>49 (1/12) <i>Ikhtilāf</i> dalam Kalangan Para Imam          50 (2/12) Talak Orang Mabuk          51 (3/12) Akad Melalui Internet dan Alat Komunikasi Moden</p>
13.	Katoli, India	13-16 April 2001	<p>52 (1/13) Pertukaran Sifat Bahan (<i>Istiḥālah</i>)          53 (2/13) Pelaburan Harta Zakat          54 (3/13) Akad Melalui Alat Komunikasi Moden          55 (4/13) Kahwin Paksa          56 (5/13) Mahar yang Diberikan Pihak Wanita (الدُّوْلَة)          57 (6/13) <i>Tausīyyah</i>: Hukum Hakam Masjid</p>
14.	Hyderabad, India	20-22 Jun 2004	<p>58 (1/14) Hubungan Muslim dengan Bukan Muslim di Negara Bukan Islam          59 (2/14) Islam dan Keamanan Sejagat          60 (3/14) Unsur Gelatin</p>

			61 (4/14) Alkohol 62 (5/14) Wakaf
15.	Mysore, India	11-13 Mac 2006	63 (1/15) Kad Bank 64 (2/15) Insuran Kesihatan <b>65 (3/15) Diagnosis Genetik</b> <b>66 (4/15) DNA</b>
16.	Azamgarh, India	30 Mac – 2 April 2007	67 (1/16) Peluasan Tempoh Melontar Jamrah dan Hukum Berkaitan <i>Mabīt</i> di Mina <b>68 (2/16) Mati Otak</b> <b>69 (3/16) Etunasia</b> 70 (4/16) Multi-level Marketing (MLM)
17.	Burhanfur, India	5-7 April 2008	71 (1/17) Menjaga Alam Sekitar 72 (2/17) Pendidikan Seks sebagai Silibus Sekolah Rendah dan Menengah <b>73 (3/17) Kesan Rawatan Moden ke atas Puasa</b> 74 (4/17) Permulaan Jarak Musafir 75 (5/17) Hukum Hakam Tempat Kerja
18.	Madurai, India	28 Februari – 2 Mac 2009	76 (1/18) Hak Tawanian Penjara 77 (2/18) Pinjaman Pelajaran <b>78 (3/18) Pembedahan Kosmetik</b> 79 (4/18) Wanita Bekerja di Luar Rumah
19.	Hansot, India	12-15 Februari 2010	80 (1/19) Pencerayaan yang Dijatuhkan Hakim Negara Bukan Islam 81 (2/19) <i>Takyīf Fiqhī</i> bagi Matawang Kertas 82 (3/19) <i>Tawarruk</i> 83 (4/19) Tempat Sandaran Waktu Hari Raya Aidil Adha 84 (5/19) Perkongsian Anak dengan Bapanya dalam Perniagaan
20.	Rampur, India	5-7 Mac 2011	85 (1/20) Sistem Keluarga Kecil dan Bercampur 86 (2/20) Hukum Hakam Berkaitan Sumber Air 87 (3/20) Peluang Pekerjaan yang Pelbagai 88 (4/20) Pelancongan Menurut Syarak
21.	Indur, India	3-5 Mac 2012	89 (1/21) Sistem Takaful 90 (2/22) Fasakh Perkahwinan Disebabkan Pergaduhan Suami Isteri 91 (3/22) Dadah
22.	Amroha, India	9-11 Mac 2013	92 (1/22) Pilihan Raya 93 (2/22) Jual Beli Janji ( <i>Bay‘ al-Wafa’</i> ) 94 (3/22) Sukuk 95 (4/22) <i>Tauṣīyyah</i> : Menjaga Wanita
23.	Jambusar, India	1-3 Mac 2014	96 (1/23) Isu Berkaitan Hibah 97 (2/23) Isu <i>Mīrāth</i> dan Wasiat 98 (3/23) Akad Tempahan ( <i>Istiṣnā’</i> ) 99 (4/23) Isu Kerakyatan <b>100 (5/23) Sewa Rahim dan Pelacuran</b>
24.	Augure, India	1-3 Mac 2015	101 (1/24) Mencetak dan Menterjemah al-Qur'an 102 (2/24) Hak Kanak-kanak dalam Islam 103 (3/24) Halal dan Haram dalam Pengeluaran Makanan 104 (4/24) Syarat Pemberian Sijil Halal <b>105 (5/24) Derma Organ</b>
25.	Badarpur Assam, India	5-7 Februari 2016	106 (1/25) Isu Berkaitan Ahli Kitab 107 (2/25) Hak OKU dan Orang Tua 108 (3/25) Talak Ketika Marah 109 (4/25) Kesatuan Umat 110 (5/25) Dialog Antara Agama: Prinsip dan Adab
26.	Ujjain, Madhya Pradesh, India	4-6 Mac 2017	111 (1/26) Isu Berkaitan Jual Beli Emas 112 (2/26) Pencemaran Alam Sekitar dan Bunyi 113 (3/26) Ambil Peluang dari Projek Kerajaan 114 (4/26) Isu Berkaitan Jual Beli Rumah

Sumber: *Majma‘ al-Fiqh al-Islami al-Hind*<sup>471</sup>

<sup>471</sup> Ibid., 9-12; MFID, *Qarārāt wa Tausiyyat li Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Hind: al-Nadawāt 1-26, al-Qarārāt 1-114* (New Delhi: MFID, 2017), 41-350.

Berdasarkan Jadual 4.12, terdapat 96 fatwa telah diputuskan oleh MFIH sepanjang 26 siri persidangan dan 12 daripadanya adalah fatwa perubatan. Fatwa perubatan yang mempunyai perkaitan dengan isu *taghyīr khalqillāh* adalah:

1. Transplant Organ
2. Pengklonan Manusia
3. Pembedahan Kosmetik
4. Derma Organ
5. Diagnosis Genetik
6. DNA

#### **4.5 Kesimpulan**

Bab 4 menjelaskan secara umum latar belakang sepuluh badan fatwa yang akan dianalisis oleh pengkaji. Badan fatwa tersebut terdiri dari empat badan fatwa peringkat antarabangsa manakala baki enam badan fatwa adalah dari negara Islam. Pemilihan sepuluh badan fatwa ini adalah kerana resolusi dan fatwa mereka menjadi rujukan kebanyakan dunia Islam. Bab 5 pula akan menganalisis resolusi dan fatwa perubatan yang mempunyai perkaitan dengan isu *taghyīr khalqillāh*.

## **BAB 5: ANALISIS FATWA PERUBATAN BADAN FATWA UTAMA DUNIA ISLAM**

### **5.1 Pengenalan**

Bab ini akan mengumpulkan fatwa perubatan dari sepuluh badan fatwa utama dunia dan negara Islam yang mempunyai perkaitan dengan isu *taghyīr khalqillāh*. Sebanyak 131 fatwa berkaitan *taghyīr khalqillāh* telah dikumpulkan. Semua fatwa ini dikategorikan kepada lima bidang iaitu (i) transplan organ, (ii) derma organ, (iii) kejuruteraan genetik dan teknologi perubatan, (iv) pembedahan dan (v) pembedahan plastik dan kosmetik.

Setiap fatwa yang berulang antara badan badan fatwa tersebut disusun dalam jadual yang sama dengan maklumat tahun fatwa tersebut diputuskan. Perkara ini penting bagi melihat badan fatwa terawal membincangkan isu tersebut. Seterusnya, setiap fatwa tersebut akan dianalisis berdasarkan pandangan, dalil dan *istidlāl* yang digunakan serta syarat keharusan atau larangan sesuatu perbuatan. Di akhir bab 5, pengkaji akan melihat kesepadan antara konsep *taghyīr khalqillāh* menurut *mufassirīn*, *muḥaddithīn* dan fuqaha dengan hukum dan resolusi yang diputuskan oleh setiap badan fatwa.

### **5.2 Analisis Hukum dan ‘Illah Keharusan atau Larangan Transplan Organ**

Terdapat 13 resolusi dan fatwa berkaitan *taghyīr khalqillāh* yang diputuskan berada dalam kategori ‘Transplan Organ’ iaitu; (i) transplan anggota badan atau organ, (ii) transplan organ bukan muslim kepada muslim, (iii) transplan sistem saraf, sel tunjang dan sel otak, (iv) transplan organ dari janin, (v) transplan organ reproduktif, (vi) transplan rahim, (vii) transplan testis, (viii) transplan rambut, (ix) transplan jari, (x) transplan

kornea mata, (xi) transplan jantung, (xii) transplan injap jantung dari khinzir (*xenotransplant*), dan (xiii) transplan organ haiwan ke manusia.

### 5.2.1 Transplan Anggota Badan atau Organ

Jadual 5.1: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Organ dan Anggota Badan

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Anggota Badan atau Organ		1988	1985	2000	(1323) 1979 (739) 2003		(99) 1982 (181) 1996 (20963)	(646) 1979 (3949) 1996 (4283) 1997	(106-1) 2013	3(2/2) 1989

Sumber: Analisis Pengkaji

Terdapat 8 badan fatwa telah membincangkan isu transplan organ secara umum iaitu MFID<sup>472</sup>, MFI<sup>473</sup>, MUIB<sup>474</sup>, DIM (Mesir)<sup>475</sup>, HKU dan LDF (Arab Saudi)<sup>476</sup>, HAF (Kuwait)<sup>477</sup>, DIF (Palestin)<sup>478</sup> dan MFIH (India)<sup>479</sup>. Badan fatwa terawal yang membincangkan isu ini adalah Mesir dan Kuwait iaitu pada tahun 1979, diikuti oleh Arab

<sup>472</sup> MFID, *Qarārāt wa Tauṣīyyāt Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1998), 57-60.

<sup>473</sup> MFI, *Qarārāt al-Majma‘ al-Fiqhi al-Islāmī bi al-Makkah al-Mukarramah* (Mekah: MFI, t.t.), 157-160.

<sup>474</sup> MUIB, *al-Qarārāt wa al-Fatāwā al-Šādirah ‘an al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā’ wa al-Buḥūth* (Ireland: MUIB, 2013), 53-58.

<sup>475</sup> Ali Jumu‘ah, “Hukum Memindahkan Organ” (الحكم الشرع في نقل الأعضاء), 22 Oktober 2003, no. fatwa 739, diakses pada 7 Disember 2017, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11823&LangID=1&MuftiType=0>

<sup>476</sup> Al-Fauzān, *al-Fatāwā al-Muta‘alliqah bi al-Tibb wa Aḥkām al-Marḍā*, 336-337.

<sup>477</sup> HAF, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah* (Kuwait: HAF, 1984), 2:252-253; (1997), 13:315-316.

<sup>478</sup> DIF, *Mukhtārāt min Qarārāt Majlis al-Iftā’ al-A‘lā* (al-Quds: DIF, 2015), 5:84-87.

<sup>479</sup> MFIH, *Qarārāt wa Tauṣīyyāt Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī bi al-Hind* (India: MFIH, 2012), 30-32.

Saudi (1982), MFI (1985), MFID (1988), India (1989), manakala MUIB dan Palestin memutuskan fatwa setelah tahun 2000.

Semua badan fatwa ini mengharuskan transplan organ secara umum dengan meletakkan syarat-syarat tertentu, namun terdapat sebahagian badan fatwa menambah perbincangan mereka kepada beberapa aspek seperti:

- i. Keharusan transplan organ kepada jenis-jenis tertentu dan larangan pada jenis-jenis lain
- ii. Transplan organ dari penderma yang masih hidup atau sudah meninggal dunia
- iii. Wasiat penderma organ dan peranan wali
- iv. Turutan tertib organ transplan

Jadual 5.2: Resolusi dan Fatwa Badan Fatwa Dunia Mengenai Transplan Organ

Badan Fatwa	Isu	Hukum, Hujah dan Istidalal	Syarat
MFID	<p>Transplan dari penderma hidup kepada penerima hidup:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Transplan antara badan sendiri; kulit dan tulang</li> <li>- Transplan berlainan badan:           <ul style="list-style-type: none"> <li>o Organ yang melibatkan nyawa               <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Organ tunggal; jantung dan hati</li> <li>▪ Organ berpasang; paruparupu dan buah pinggang<sup>480</sup></li> </ul> </li> <li>o Organ yang tidak melibatkan nyawa               <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Organ yang berperanan besar; kornea mata</li> <li>▪ Organ yang boleh membiak; darah dan kulit</li> <li>▪ Organ yang membawa maklumat genetik; testis dan ovum</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>	<p>Harus</p> <p>Haram</p> <p>Haram</p> <p>Harus</p>	<p>Manfaat yang terhasil lebih tinggi dari risiko yang diambil.          (النفع أرجح من الضر)          Bertujuan mengembalikan fungsi organ yang rosak, membaiki kecacatan yang menyebabkan mudarat pada fizikal dan mental.</p> <p>Penderma cukup syarat mukallaf</p> <p>Harus membedah buang organ/ anggota badan yang sakit</p>

<sup>480</sup> Buah pinggang diletakkan di dalam kategori ‘organ yang melibatkan nyawa’ bukanlah bermaksud melarang menderma buah pinggang secara mutlak, sebaliknya larangan jika penderma menderma buah pinggang sehingga membahayakan nyawa penderma sendiri seperti menderma kedua-dua buah pinggang.

			Tiada unsur jual beli
	Transplan dari penderma mati kepada penerima hidup; mati otak dan mati jantung	Harus	Mendapat izin dari penderma ketika masih hidup, atau diberi izin oleh waris atau pemerintah jika penderma tersebut tiada pengenalan diri dan waris.
	Transplan dari janin:	Haram	Melanjutkan (pengecualian pada tiga keadaan ini): <ul style="list-style-type: none"> <li>- Janin gugur sendiri</li> <li>- Janin yang digugurkan (dengan sebab yang munasabah)</li> <li>- Lebih janin (sel) dari persenyawaan luar rahim</li> </ul>
MFI	Transplan dari penderma hidup kepada penerima hidup	Harus (Hujah: <i>Maṣlaḥah</i> , tidak bertentangan <i>karāmah</i> manusia, bantuan atas perkara kebaikan)	<p>i. Penderma tidak menerima mudarat kesan dari organ yang didermakan, kaedah fiqh: <i>Mudarat tidak boleh dihilangkan dengan mudarat yang sama atau lebih teruk</i> <i>(الضرر لا يزال بضرر مثله ولا يأشد منه)</i></p> <p>ii. Sukarela menderma</p> <p>iii. Tiada alternatif lain</p> <p>iv. Peratus kejayaan pembedahan yang tinggi</p> <p>Tambahan turutan tertib organ untuk transplantasi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Organ dari penderma mati; syarat: penderma mukallaf dan telah memberi izin.</li> <li>ii. Organ haiwan yang boleh dimakan; syarat: keadaan <i>darūrah</i> bagi penerima organ.</li> <li>iii. Organ dari badan sendiri.</li> <li>iv. Organ buatan seperti injap jantung mekanikal.</li> </ol>
MUIB	MUIB menggunakan resolusi yang telah diputuskan oleh MFID dan MFI namun mereka menambah syarat pada transplan organ.		<p>i. Jika penderma atau waris penderma meletakkan syarat tertentu pada penggunaan organ yang telah didermakan, maka syarat tersebut wajib dipenuhi.</p> <p>ii. Jika seseorang telah menulis kebenaran menderma organ selepas meninggal dunia, waris tidak boleh membantalkan keizinan ini kerana ia termasuk dalam hukum wasiat.</p>
DIM	<p>DIM mengharuskan transplan organ dengan hujah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saling membantu atas perkara kebaikan dan ketaqwaan.</li> <li>2. Mengurangkan sakit manusia.</li> <li>3. Termasuk dalam bab <i>iḥyā' al-nafs</i> (al-Ma''idah:32).</li> <li>4. Pengorbanan dan <i>īthār</i> dari penderma (al-Hashr:9).</li> <li>5. Sedekah jariah selepas mati.</li> <li>6. Mendahulukan <i>maṣlaḥah</i> orang hidup berbanding orang mati.</li> <li>7. Mendahulukan <i>maṣlaḥah</i> yang lebih utama</li> </ol> <p style="text-align: center;">تحمل الضرر</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>8. Pembedahan transplantasi tidak termasuk dalam perbuatan mencemar kehormatan manusia (al-Isra':70).</li> </ol> <p>[Hasan Ma'mūn menambah, mencemar kehormatan orang yang sudah meninggal dunia hanya berlaku jika pengambilan organ/kornea dilakukan bukan dalam keadaan <i>darūrah</i> atau <i>hājrah</i> yang bersanggatan].</p>		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keadaan <i>darūrah</i> atau <i>hājrah</i> yang bersanggatan (<i>الحاجة الماسة</i>).</li> <li>2. Tiada unsur bermain-main (<i>التلعب</i>).</li> <li>3. Pemantauan dan pembedahan oleh 3 orang doktor pakar.</li> <li>4. Mendapat persetujuan bertulis dari penderma dan penerima untuk menjalani pembedahan.</li> <li>5. Memberikan manfaat kepada pesakit.</li> <li>6. Tidak membawa kepada mudarat penderma (bagi penderma hidup) berdasarkan kaedah <i>لا ضرر ولا ضرار في</i> (الضرر لا يزال بالضرر) (<i>الإسلام</i>).</li> <li>7. Tiada unsur jual beli atau balasan hadiah kepada penderma.</li> </ol> <p>Syarat tambahan bagi penderma yang sudah meninggal dunia:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>8. Penderma sudah meninggal dunia secara pasti.</li> <li>9. Penderma memberi izin organnya diambil selepas kematian dalam keadaan waras dan tanpa paksaan. Malah, penderma tidak boleh menderma semua organnya sehingga menjadikan badannya kosong tanpa sebarang organ kerana ia termasuk dalam perbuatan mencemar kehormatan manusia.</li> <li>10. Mudarat yang menimpa pesakit lebih tinggi berbanding mudarat yang menimpa</li> </ol>

			penderma kornea yang telah meninggal dunia.
HKU dan LDF	Transplan organ dari penderma hidup muslim atau kafir zimmi Transplan organ dari penderma mati muslim atau zimmi	Harus	i. Jauh dari risiko ii. Wujud keperluan yang bersanggatan (الحاجة الماسة) atau keadaan <i>darūrah</i> .
HAF	Transplan organ dari penderma hidup - Organ utama yang melibatkan nyawa; jantung dan paru-paru - Anggota utama yang tidak melibatkan nyawa; tangan dan kaki - Organ yang tidak melibatkan nyawa; buah pinggang, darah, gigi. Transplan organ dari penderma mati	Haram Haram Harus	Mendapat izin penderma  i. Pesakit berada dalam keadaan <i>darūrah</i> atau <i>hājrah</i> . ii. Tiada alternatif lain. iii. Manfaat yang bakal diperolehi penerima organ diyakini. iv. Tiada pencemaran kehormatan pada penderma mati. v. Keizinan dari penderma ketika masih hidup, atau waris atau pemerintah. vi. Tiada unsur mempermudah (اللعل) vii. Tiada unsur jual beli atau perdagangan organ.
DIF	Transplan organ dari penderma hidup Transplan organ dari penderma mati	Harus Harus	i. Pesakit berada dalam keadaan <i>darūrah</i> , kaedah fiqh: (الضرورات تبيح المحظورات). ii. Larangan pada organ tertentu seperti: a. Organ utama yang melibatkan nyawa; jantung, hati <sup>481</sup> dan paru-paru. b. Anggota utama c. Memburukan bentuk fizikal manusia/penderma. d. Menyebabkan pemindahan maklumat genetik. iii. Penderma sudah mukallaf dan berakal iv. Sukarela menderma. v. Tiada unsur jual beli  i. Penderma sudah mati secara pasti. ii. Penerima berada dalam keadaan berisiko jika proses transplantasi tidak dilakukan. iii. Penderma telah memberikan wasiat dalam keadaan waras tanpa unsur jual beli. iv. Waris memberikan kebenaran, turutan waris berdasarkan bapa (الأب), anak-anak (البنوة), adik beradik (الأخوة) dan pakcik sebelah bapa (العمومة).
MFIH	Transplan organ penderma hidup	Harus	i. Pesakit memerlukan proses transplantasi dilakukan; berada dalam keadaan <i>hājrah</i> . ii. Tiada unsur jual beli, namun harus membeli organ dalam keadaan <i>darūrah</i> (tetapi masih haram menjual organ dalam keadaan <i>darūrah</i> ).

<sup>481</sup> Hati tidak membahayakan nyawa penderma jika pendermaan hati melibatkan sebahagian kecil dari hati penderma.

			<p>iii. Tiada alternatif lain</p> <p>Turutan tertib organ:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Organ buatan.</li> <li>Menggunakan organ haiwan yang halal dimakan.</li> <li>Menggunakan organ haiwan yang haram dimakan atau haiwan halal dimakan tetapi tidak disembelih dalam keadaan <i>darūrah</i>.</li> </ol>
	Transplan organ penderma mati	Haram  Transplan organ tidak boleh dijadikan wasiat, maka penderma yang mengizinkan organnya diambil selepas mati, tidak boleh diambil organnya.	

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 5.2 menunjukkan ringkasan atau teks fatwa setiap badan fatwa berkenaan isu transplan anggota badan atau organ. Setiap badan fatwa menggunakan hujah yang pelbagai sama ada dari hadis, *qawā'id fiqh*, hujah akal atau pertimbangan *maqāṣid* antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah*. Selain itu, pelbagai syarat diletakkan oleh lapan badan fatwa ini demi menjaga *maṣlaḥah* pesakit dan penderma. Pengkaji akan menggabung semua perkara tersebut dalam Jadual 5.3:

Jadual 5.3: Ringkasan Hujah dan Syarat yang Diletakkan Berkaitan Transplan Organ

<b>Hujah yang digunakan</b>	Al-Qur'ān	وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَانَمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعاً Surah al-Mā'idah: 32
		وَيُؤْتُرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ Al-Hashr: 9
	<i>Qawā'id Fiqh</i>	النفع أرجح من الضرر
		الضرر لا يزال بضرر مثله ولا يأشد منه
		لا ضرر ولا ضرار في الإسلام
		تحمل الضرر الأخف لجلب مصلحة يكون تفويتها أشد من هذا الضرر
		الضرورات تبيح المحظورات
	<i>Maqāṣid</i>	Menjaga <i>maṣlaḥah</i> pesakit, sama ada pesakit berada dalam keadaan <i>ḥājat</i> atau <i>darūrah</i>
		Mendahulukan <i>maṣlaḥah</i> orang hidup berbanding orang mati
	Akal	Membantu atas perkara kebaikan
		Sedekah jariah
		Tidak mencemar kehormatan manusia

		Mengurangkan sakit pesakit
<b>Syarat keharusan</b>	Tujuan	Bertujuan (i) mengembalikan fungsi dan (ii) membaiki kecacatan
	Syarat penderma	Jika masih hidup, penderma mestilah (i) <i>mukallaf</i> , (ii) menderma organ dengan sukarela tanpa paksaan.  Jika penderma sudah meninggal dunia, penderma mestilah (i) dipastikan sudah meninggal dunia, (ii) sudah menandatangani persetujuan semasa hidup, (iii) tidak boleh mendermakan keseluruhan organ kerana ia termasuk dalam perbuatan mencemar kehormatan penderma.
	Kuasa waris	Bagi isu kuasa waris untuk membatalkan persetujuan menderma organ oleh penderma yang sudah meninggal dunia, terdapat dua pandangan yang mengatakan waris mempunyai kuasa membatalkan persetujuan tersebut manakala pandangan kedua tidak membenarkan waris membatalkan persetujuan tersebut.  Terdapat juga ulama yang tidak mengiktiraf langsung wasiat untuk menderma organ selepas meninggal dunia.
	Elemen paksaan	Bagi ulama yang memberikan waris (wali) kuasa membatal keputusan penderma selepas dia meninggal dunia, berikut adalah turutan wali dalam membuat keputusan:  (ii) Bapa dan ke atas (الأب) (iii) Anak dan ke atas (البنو) (iv) Adik beradik dan ke atas (الأخوة) (v) Bapa saudara dan ke atas (العمومة)
	Elemen bermain-main (اللاعب)	Tiada unsur paksaan dalam proses transplan organ, khususnya kepada penderma
	Sumber organ	Keputusan melakukan pembedahan transplan organ mestilah dilakukan secara serius, bukan bermain-main atau bereksperimen.
	Unsur jual beli	(1) Organ tidak diambil dari sumber haram seperti (i) organ diambil secara paksa dari penderma, (ii) diambil dari janin yang masih hidup atau digugurkan dengan sengaja. (2) Organ yang didermakan tidak memindahkan maklumat genetik kepada pesakit yang menerima organ seperti testis dan ovum. (3) Organ bukan <i>aurāt mughallazah</i> seperti faraj dan zakar. Manakala keharusan pemindahan rahim berlaku <i>khilāf</i> antara ulama.
	Pengurusan risiko	Tiada unsur jual beli organ, namun dalam keadaan <i>darūrah</i> harus membeli organ namun hukum haram menjual organ walaupun dalam keadaan <i>darūrah</i> .
	Kelayakan doktor	Manfaat yang terhasil dari proses transplan organ lebih baik dari risiko yang akan dihadapi oleh pesakit semasa dan selepas proses pembedahan dilakukan.
	Turutan Organ	Doktor yang melakukan proses transplan mestilah berkelayakan di samping perlu mendapat pantauan dan pengesahan dari tiga orang doktor pakar  Terdapat dua pandangan mengenai turutan organ: (1) Organ diambil dari (i) penderma mati, (ii) organ haiwan, (iii) organ dari badan sendiri, dan (iv) organ mekanikal. (2) Organ diambil dari (i) organ mekanikal, (ii) organ haiwan halal dimakan, (iii) organ haiwan haram dimakan.
	Alternatif lain	Tiada alternatif lain selain pembedahan atau alternatif lain yang kurang berkesan berbanding pembedahan transplan organ.

Sumber: Analisis Pengkaji

## 5.2.2 Transplan Organ Bukan Muslim kepada Muslim

Jadual 5.4: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Organ Bukan Muslim kepada Muslim

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Organ Bukan Muslim kepada Muslim							(20913)	(648) 1984		

Sumber: Analisis Pengkaji

Isu transplan organ bukan muslim kepada muslim telah dibincangkan oleh *Lajnah al-Dā'imah li al-Fatwā* (LDF) dari Arab Saudi dan *Hai'ah al-'Āmmah li al-Fatwā* (HAF) dari Kuwait. LDI memutuskan supaya merujuk resolusi nombor 99 yang telah diputuskan oleh *Hai'ah Kibār al-'Ulamā* berkaitan hukum transplan organ secara umum<sup>482</sup>, manakala HAF mengharuskan transplan organ antara penderma dan penerima yang berlainan agama. HAF menolak pandangan yang cuba melarang proses ini berdasarkan ayat al-Qur'ān<sup>483</sup> yang mengatakan setiap orang kafir adalah najis sedangkan maksud ‘najis’ dalam ayat tersebut adalah najis syirik yang bersifat maknawi<sup>484</sup>. Justeru, perbezaan agama antara penderma dan penerima organ tidak memberi sebarang kesan kepada hukum transplan organ.

## 5.2.3 Transplan Sel Saraf, Sel Tunjang dan Sel Otak

Jadual 5.5: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Sel Saraf, Sel Tunjang dan Sel Otak

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Sistem Saraf, Sel Tunjang dan Sel Otak		1990			(579) 2005					

<sup>482</sup> Al-Fawzān, *al-Fatāwā al-Muta'alliqah bi al-Tibb wa al-Mardā*, 335-336.

<sup>483</sup> Lihat surah al-Tawbah: 28.

<sup>484</sup> Kementerian Wakaf Kuwait, *Majmū'ah al-Fatāwā al-Shar'iyyah*, 2:253-254.

Isu ini telah diputuskan oleh *Majma’ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwālī* (MFID) pada tahun 1990 dan Mufti Mesir, Dr. ‘Alī Jumu‘ah pada tahun 2005. Berdasarkan keputusan resolusi MFID, mereka memutuskan hukum transplan sel otak dan sistem saraf dengan melihat sumber sel tersebut.

Jadual 5.6: Hukum Berkaitan Transplan Sistem Saraf dan Sel Otak oleh MFID

Sumber	Hukum	Hujah dan <i>Istidlāl</i>	Syarat
Badan pesakit sendiri	Harus	Badan mudah menerima sel tersebut	
Janin haiwan	Harus		Kebarangkalian untuk berjaya tinggi. Tiada mudarat.
Janin manusia: Diambil dengan membunuh janin	Haram		
Janin manusia: Sumber janin yang gugur sendiri	Harus		[Lihat syarat yang telah diputuskan oleh MFID mengenai ‘Penggunaan Janin sebagai Sumber Transplan Organ’ no. 56 (7/6)]
Janin manusia: Janin digugurkan dengan kebenaran syarak seperti untuk menyelamatkan nyawa ibu	Harus		
Bayi tanpa otak dan lahir dalam keadaan masih hidup	Haram		
Bayi tanpa otak dan lahir dalam keadaan sudah mati atau mati selepas kelahiran	Harus		<ol style="list-style-type: none"> <li>Perlu dipastikan kematian bayi dengan melihat aktiviti sistem saraf.</li> <li>Mendapat izin waris/wali.</li> <li>Tiada alternatif lain.</li> <li>Keadaan <i>darūrah</i>.</li> </ol> <p>[Rujuk resolusi berkaitan ‘Transplan Organ dari Oran Mati’ no. 26 (1/4)]</p>

Sumber: *Qarārāt wa Tauṣīyyāt Majma’ al-Fiqh al-Islāmī*<sup>485</sup>

Selain melihat sumber sel otak dan sistem saraf, MFID turut melihat proses pembiakan sel otak tersebut. Menurut MFID, jika terdapat teknologi yang mampu membiakkan sel otak tersebut di dalam makmal pada masa akan datang, maka ia dibenarkan selagi sumber sel otak tersebut dibenarkan syarak<sup>486</sup>.

‘Alī Jumu‘ah juga mengharuskan transplan sel tunjang dengan mengqiyāskan prosedur tersebut dengan pendermaan darah. Hal ini kerana, kedua-dua sel ini iaitu sel tunjang dan sel darah akan membiak semula dalam badan penderma tanpa menjelaskan

<sup>485</sup> MFID, *Qarārāt wa Tauṣīyyāt Majma’ al-Fiqh al-Islāmī*, 115-116.

<sup>486</sup> Ibid.

kesihatan penderma. Selain itu, fungsi pendermaan darah dan transplan sel tunjang juga sama iaitu menyelamatkan pesakit selain mampu mempercepatkan proses kesembuhan<sup>487</sup>.

Kedua-dua fatwa ini bersetuju mengharuskan transplan sel saraf, sel tunjang dan sel otak jika sumber sel tersebut diambil melalui kaedah yang dibenarkan oleh syarak, di samping tujuan transplan tersebut sebagai rawatan.

#### **5.2.4 Transplan Organ dari Janin**

Jadual 5.7: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Organ dai Janin

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Organ dari Janin		1990								

Sumber: Analisis Pengkaji

Hukum transplan organ dari janin diputuskan dalam resolusi MFID, no. 56 (7/6). MFID tidak mengharuskan transplan organ dari janin kepada manusia lain melainkan dengan syarat berikut:

- i. Tidak boleh menggugurkan janin dengan sengaja bagi mendapatkan organ janin tersebut.
- ii. Jika janin mempunyai tahap peratus yang tinggi untuk hidup, rawatan perlu diberikan supaya janin tersebut selamat.
- iii. Jika janin tiada harapan untuk hidup, organ janin tersebut hanya dibenarkan mengambilnya selepas janin tersebut mati secara pasti.
- iv. Tiada unsur jual beli pada organ janin.

---

<sup>487</sup> ‘Ali Jumu‘ah, “Transplan Sel Otak dan Mendermanya” (عملية زرع التخاع والتبع به), diakses pada 24 Disember 2017, <http://www.dar-alifta.org/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11497&LangID=1&MuftiType=0>

v. Proses transplantasi mestalah dipantau oleh pakar perubatan yang dipercayai<sup>488</sup>.

Resolusi ini menunjukkan hukum transplan organ dari janin ditentukan melalui sumber organ tersebut, sama ada diambil melalui cara yang dibenarkan syarak atau sebaliknya seperti kewujudan unsur jenayah pengguguran atau jual beli organ. Selain itu, aspek kelayakan doktor dalam proses transplantasi turut diambil berat iaitu keperluan pemantauan dari pakar perubatan. Hal ini dapat mengurangkan risiko kegagalan dalam sebarang rawatan yang diberikan.

### **5.2.5 Transplan Organ Reproduktif**

Jadual 5.8: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Organ Reproduktif

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama				
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF
Transplan Organ Reproduktif		1990							

Sumber: Analisis Pengkaji

MFID memutuskan resolusi berkaitan transplan organ reproduktif pada tahun 1990 dan membahagikan organ reproduktif kepada dua iaitu melihat kepada (i) organ yang memindahkan maklumat genetik atau sebaliknya, dan (ii) organ yang menjadi aurat *mughallazah* atau sebaliknya. Organ yang memindahkan maklumat genetik seperti testis dan ovum, dan organ yang menjadi aurat *mughallazah* seperti zakar dan faraj, tidak dibenarkan transplantasi dalam apa-apa jua keadaan. Organ yang tidak memindahkan maklumat genetik dan bukan aurat *mughallazah* dibenarkan transplantasi dalam keadaan *darūrah* selain perlu menepati syarat transplan organ yang telah diputuskan oleh MFID

<sup>488</sup> MFID, *Qarārāt wa Tauṣīyyāt Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, 119-120.

dalam resolusi no. 26 (1/4)<sup>489</sup>. Justeru, perpindahan maklumat genetik dan status organ sebagai aurat *mughallazah* adalah ‘illah larangan transplan organ reproduktif.

### 5.2.6 Transplan Rahim

Jadual 5.9: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Rahim

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Rahim								(6544) 2004		

Sumber: Analisis Pengkaji

Hukum transplan rahim adalah haram menurut HAF (Kuwait) tanpa ada sebarang syarat<sup>490</sup>. HAF tidak membahagikan organ reproduktif seperti pembahagian MFID yang melihat perpindahan maklumat genetik dan aurat *mughallazah* sebagai kayu ukur. Mereka melakukan generalisasi larangan transplan terhadap semua organ reproduktif, termasuklah rahim walaupun rahim tidak memberi kesan kepada perpindahan maklumat genetik di samping kedudukan rahim bukan sebagai aurat *mughallazah*.

### 5.2.7 Transplan Testis

Jadual 5.10: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Testis

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Testis					(752) 2007			(5205) 2000		

Sumber: Analisis Pengkaji

Terdapat dua fatwa yang diputuskan berkaitan transplan testis iaitu HAF (Kuwait) pada tahun 2000 dan DIM (Mesir) pada tahun 2007. HAF dan Mufti Mesir, Dr. Alī Jumu‘ah

<sup>489</sup> MFID, “Resolusi Berkaitan Transplan Organ Reproduktif” (قرار بشأن زراعة الأعضاء التناسلية)، dalam laman sesawang rasmi MFID, bertarikh 20 Mac 1990, diakses pada 26 Mac 2018, <http://www.iifa-aifi.org/1803.html>

<sup>490</sup> Kementerian Wakaf Kuwait, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah*, 20:321.

melarang transplan testis dari penderma kepada penerima disebabkan perpindahan maklumat genetik penderma. Kesannya, anak yang dilahirkan oleh isteri penerima akan membawa maklumat genetik penderma dan isteri penerima seterusnya menyebabkan percampuran nasab antara tiga pihak. Malah, Dr. ‘Alī Jumu‘ah menambah, hukum ini kekal sehingga kedapatan hujah lain yang boleh menyangkal fakta perpindahan maklumat genetik ini<sup>491</sup>.

### 5.2.8 Transplan Rambut

Jadual 5.11: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Rambut

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Rambut								(3945) 1997  (4286) 1997		

Sumber: Analisis Pengkaji

Terdapat dua fatwa dari HAF (Kuwait) berkaitan transplan rambut dan kedua-dua fatwa diputuskan pada tahun yang sama, tetapi berbeza soalan. HAF memutuskan transplan rambut diharuskan syarak jika proses tersebut adalah keperluan (berada pada tahap *hājrah*), sama ada bagi lelaki atau wanita, sama ada sumber rambut tersebut dari pesakit sendiri atau milik orang lain<sup>492</sup>. Keharusan yang diputuskan oleh HAF melihat kepada pertimbangan *maqāṣid* yang tidak perlu sampai ke tahap *darūrah*, sebaliknya cukup keperluan tersebut berada pada tahap *hājrah*.

---

<sup>491</sup> Ibid., 16:316-317; ‘Ali Jumu‘ah, “Transplan Testis Penderma kepada Penerima” (زرع الخصبة من شخص آخر)، diakses pada 2 Disember 2017, <http://www.daralifta.org/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11848&LangID=1&MuftiType=0>.

<sup>492</sup> Kementerian Wakaf Kuwait, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyyah*, 13:318-320.

### 5.2.9 Transplan Jari

Jadual 5.12: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Jari

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Jari					(1995) 2005					

Sumber: Analisis Pengkaji

Berikut adalah teks fatwa yang diputuskan oleh Dr. ‘Alī Jumu‘ah mengenai hukum transplan jari dan memotong jari yang tidak berfungsi:

“Harus bagi doktor memindahkan jari lain ke tempat ibu jari jika ia memberikan *maṣlaḥah* kepada bayi. Harus juga memotong jari yang tidak berfungsi kerana ia hanyalah cebisan daging. Kedua-dua pembedahan ini tidak dikira sebagai *taghyir khalqillah*, malah termasuk dalam kategori pembedahan rawatan dan pengubahan yang dibenarkan kerana keperluan (*taghyīrāt ḥājiyyah*). Keadaan ini berbeza dengan perbuatan *taghyir* yang bertujuan kecantikan semata-mata atau untuk menipu orang lain”.

Berdasarkan kenyataan ‘Alī Jumu‘ah ini, beliau mengharuskan transplan jari kerana *maṣlaḥah* bayi yang berada pada tahap *ḥājrah*, bukan *darūrah* kerana ia tidak melibatkan nyawa bayi. Malah, keharusan tersebut seolah-olah disandarkan kepada hadis Nabi SAW menggalakkan umatnya mendapatkan rawatan berdasarkan tindakan beliau mengkategorikan transplan jari sebagai ‘pembedahan rawatan’. Maka, aspek tujuan pembedahan ini turut diambil kira.

### 5.2.10 Transplan Kornea Mata

Jadual 5.13: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Kornea Mata

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Kornea					(1087) 1959 (2552) 2013		(62) 1978	(649) 1980		

Sumber: Analisis Pengkaji

Mufti Mesir, Shaikh Ḥasan Ma'mūn<sup>493</sup> memutuskan fatwa berkaitan transplan kornea mata lebih awal berbanding badan fatwa lain, iaitu pada tahun 1959. Seterusnya, diikuti oleh HKU<sup>494</sup> (Arab Saudi) pada tahun 1978, HAF<sup>495</sup> (Kuwait) pada tahun 1980 dan Mufti Mesir terkini, Dr. Syauqī 'Allām<sup>496</sup> pada tahun 2013. Ketiga-tiga badan fatwa ini mengharuskan transplan kornea dari penderma hidup atau penderma yang sudah meninggal dunia kepada penerima hidup. Mereka bersetuju keharusan tersebut berdasarkan keadaan *darūrah* yang dihadapi oleh penerima kerana penglihatannya akan terganggu tanpa kornea. Kehidupan tanpa penglihatan yang baik akan menjadi sangat sukar. Berikut adalah perincian pandangan dan penghujahan setiap badan fatwa tersebut:

Jadual 5.14: Hujah dan Syarat Transplan Kornea oleh DIM, HKU dan HAF

<b>Badan Fatwa</b>	<b>Hujah</b>	<b>Syarat</b>
DIM	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saling membantu atas perkara kebaikan dan ketaqwaan.</li> <li>2. Mengurangkan sakit manusia.</li> <li>3. Termasuk dalam bab <i>iḥyā' al-nafs</i> (al-Mā'idah:32).</li> <li>4. Pengorbanan dan <i>īthār</i> dari penderma (al-Hashr:9).</li> <li>5. Sedakah jariah selepas mati.</li> <li>6. Mendahulukan <i>maslahah</i> orang hidup berbanding orang mati.</li> <li>7. Mendahulukan <i>maslahah</i> yang lebih utama تتحمل الضرر الأخف لجلب مصلحة يكون تفوتها (أشد من هذا الضرر).</li> <li>8. Pembedahan transplantasi tidak termasuk dalam perbuatan mencemar kehormatan manusia (al-Isrā':70). [Hasan Ma'mūn menambah, mencemar kehormatan orang yang sudah meninggal dunia hanya berlaku jika pengambilan organ/kornea dilakukan bukan dalam keadaan <i>darūrah</i> atau <i>hājrah</i> yang bersanggatن].</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keadaan <i>darūrah</i> atau <i>hājrah</i> yang bersanggat (الحاجة الماسة).</li> <li>2. Tiada unsur bermain-main (اللّاعب).</li> <li>3. Pemantauan dan pembedahan oleh 3 orang doktor pakar.</li> <li>4. Mendapat persetujuan bertulis dari penderma dan penerima untuk menjalani pembedahan.</li> <li>5. Memberikan manfaat kepada pesakit.</li> <li>6. Tidak membawa kepada mudarat penderma (bagi penderma hidup) berdasarkan kaedah لا ضرر ولا ضرار في (الضرر لا يزال بالضرر) (الإسلام).</li> <li>7. Tiada unsur jual beli atau balasan hadiah kepada penderma.</li> </ol> <p>Syarat tambahan bagi penderma yang sudah meninggal dunia:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>8. Penderma sudah meninggal dunia secara pasti.</li> <li>9. Penderma memberi izin organnya diambil selepas kematian dalam keadaan waras dan tanpa paksaan. Malah, penderma tidak boleh menderma semua organnya sehingga</li> </ol>

<sup>493</sup> Hasan Ma'mūn, "Transplan Mata Penderma yang Sudah Mati kepada Penerima yang Masih Hidup" (نقل عيون الموتى إلى الأحياء) dalam Zakariyya al-Barri et al. (eds), *al-Fataawa al-Islamiyyah*, 7:2552-2554.

<sup>494</sup> Al-Fawzan, *al-Fatāwā al-Muta'alliqah bi al-Tibb*, 341-342.

<sup>495</sup> Kementerian Wakaf Kuwait, *Majmū'ah al-Fatāwā al-Shar'iyyah*, 2:255-256.

<sup>496</sup> Shauqi 'Allam, "Transplan Kornea dari Penderma yang Sudah Meninggal Dunia" (نقل القرنية من المتوفى), diakses pada 3 Disember 2017, <http://www.dar-alifta.org/AR/ViewFatwa.aspx?ID=13256&LangID=1&MuftiType=0>

		<p>menjadikan badannya kosong tanpa sebarang organ kerana ia termasuk dalam perbuatan mencemar kehormatan manusia.</p> <p>10. Mudarat yang menimpa pesakit lebih tinggi berbanding mudarat yang menimpa penderma kornea yang telah meninggal dunia.</p> <p>11. Shaikh Hasan Ma'mūn mengharuskan kornea diambil dari penderma yang tiada waris ketika meninggal dunia. Manakala, penderma yang meninggal dunia dalam keadaan mempunyai waris, kebenaran transplan kornea mestilah diberikan oleh semua waris penderma tersebut.</p>
HKU	<p>1. Mendahulukan <i>maṣlaḥah</i> yang lebih utama (تحقيق أعلى المصلحتين وارتكاب أخف الضررين).</p> <p>2. Mendahulukan <i>maṣlaḥah</i> orang hidup berbanding orang mati (إيشار مصلحة الحي على مصلحة الميت).</p> <p>3. Perbuatan ini tidak termasuk dalam kategori <i>muthlah</i> (مُثْلَه) yang dilarang oleh Allah SWT.</p>	<p>1. Penderma kornea mestilah sudah mati secara pasti.</p> <p>2. Kadar kejayaan pembedahan transplan kornea yang tinggi.</p> <p>3. Tiada halangan dari para wali penderma.</p>
HAF	<p>1. Menghilangkan mudarat (دفع الضرر).</p> <p>2. Transplan kornea termasuk dalam kategori rawatan berdasarkan umum hadis yang menggalakkan rawatan.</p>	<p>1. Perlu dipastikan penderma sudah mati secara pasti.</p> <p>2. Tiada kaedah rawatan lain yang lebih kurang risiko.</p>

Sumber: Analisis Pengkaji.

Jadual 5.14 menunjukkan beberapa hujah dan syarat keharusan transplan kornea. Fatwa yang diputuskan oleh Mufti Mesir terkini, Syauqī ‘Allām sama dengan fatwa yang telah diputuskan oleh mantan Mufti Mesir, Dr. ‘Alī Jumu‘ah berkaitan hukum transplan organ secara umum. Malah, teks fatwa yang digunakan juga sama.

Ketiga-tiga badan fatwa ini bersepakat mengharuskan transplan kornea mata berdasarkan hujah berikut:

- i. Hadis Nabi SAW yang menggalakkan rawatan secara umum dan transplan kornea ini termasuk dalam galakan dalam hadis tersebut.
- ii. Keadaan *darūrah* pesakit dan transplan dibuat bagi menghilangkan mudarat yang dialami oleh pesakit. Malah, mengambil kornea mata dari penderma mati tidak dikira mencemarkan kehormatan jenazah manusia atau *muthlah*<sup>497</sup> kerana situasi *darūrah* yang dihadapi oleh pesakit.

<sup>497</sup> Menyeksa atau mencacatkan

iii. Mendahulukan *maṣlaḥah* orang hidup berbanding orang mati.

### 5.2.11 Transplan Jantung

Jadual 5.15: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Jantung

Isu	Antarabangsa					Negara Islam Utama				
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Jantung						(165) 2011				

Sumber: Analisis Pengkaji

DIJ tidak mengharuskan transplan jantung dari pesakit mati otak melainkan jika penderma tersebut sudah mati secara total, iaitu dengan terhentinya denyutan jantung dan pernafasan<sup>498</sup>. Ini kerana, walaupun otak sudah tidak berfungsi, tindakan memindahkan jantung ketika ia masih berdenyut seolah-olah membunuh pesakit tersebut<sup>499</sup>. Justeru, para doktor boleh menghentikan mesin sokongan hayat selepas mendapat pengesahan kematian otak pesakit tersebut dari tiga orang doktor pakar. Selepas denyutan dan nafas berhenti secara total, barulah pembedahan transplan jantung dijalankan. Berdasarkan situasi ini, pengkaji melihat DIJ berpendapat organ yang boleh menyebabkan kematian penderma tidak dibenarkan melainkan selepas kematianya secara total.

---

<sup>498</sup> DIJ, “Hukum Transplan Jantung dari Penderma Mati Otak kepada Penerima Hidup” حكم نقل القلب ( ), من شخص ميت سريريا إلى شخص آخر ( ), diakses pada 4 Disember 2017, <https://www.aliftaa.jo/DecisionPrint.aspx?DecisionId=167>

<sup>499</sup> DIJ, “Menguatkan Resolusi Lepas Berkaitan Mati Otak”، تأكيد قرار سابق في الوفاة الدماغية ( )، diakses pada 3 Disember 2017, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=529#.WiQ0RLT1WCQ>

### 5.2.12 Transplan Injap Jantung dari Khinzir (*Xenotransplantation*)

Jadual 5.16: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transplan Injap Jantung dari Khinzir (*Xenotransplantation*)

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Injap Jantung dari Khinzir ( <i>Xenotransplantation</i> )					(725) 2010					
Transplan Organ Haiwan kepada Manusia ( <i>Xenotransplantation</i> )								(647) 1984		

Sumber: Analisis Pengkaji

Mantan Mufti Mesir, Dr. ‘Alī Jumu‘ah tidak memberikan jawapan secara tuntas sebaliknya melihat isu penggunaan injap jantung khinzir dari perspektif *istihālah*, iaitu perubahan sesuatu unsur najis kepada unsur lain yang berbeza dari sifat asal seperti perubahan arak kepada cuka. *Istihālah* diterima oleh majoriti ulama. Menurut beliau, jika injap jantung khinzir yang digunakan dalam proses ini berubah menjadi unsur baru yang berbeza dengan sifat asal yang najis (*istihālah*), maka injap jantung khinzir tersebut boleh digunakan dalam apa-apa keadaan kerana telah menjadi bersih. Namun, jika injap jantung tersebut tidak mengalami *istihālah* pada sifat asalnya, maka injap jantung khinzir masih dalam keadaan najis dan hanya dibenarkan penggunaannya dalam keadaan *darūrah*, tiada alternatif lain dan risiko yang tinggi kepada pesakit jika proses transplantasi tidak dilakukan segera, seperti risiko kematian, kehilangan anggota badan, bertambah sakit atau berlaku kecacatan pada anggota badan<sup>500</sup>.

Pengkaji berpendapat, injap jantung khinzir yang digunakan dalam prosedur transplan ini tidak melalui sebarang *istihālah*. Hal ini berlaku pada semua jenis organ yang dipindah dari penderma kepada penerima. Selain itu, kewujudan alternatif lain pada

---

<sup>500</sup> ‘Ali Jumu‘ah, “Menggunakan Injap Jantung Khinzir” (استعمال واسترداد صمام القلب من أنسجة الخنزير), diakses pada 4 Disember 2017, <http://www.dar-alifta.org/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11808&LangID=1&MuftiType=0>

hari ini seperti injap jantung mekanikal yang tidak melibatkan unsur najis boleh digunakan sebagai ganti kepada injap jantung khinzir. Namun, pandangan doktor pakar perlu diambil kira kerana tidak semua pesakit sesuai dengan injap jantung mekanikal. Selain kesesuaian pada badan pesakit, kepakaran doktor juga perlu dilihat kerana tidak semua doktor mampu melakukan transplan injap jantung mekanikal ini.

HAF (Kuwait) pula memutuskan fatwa berkaitan *xenotransplantation* pada tahun 1984. Mereka mengharuskan transplan organ haiwan ke manusia (*xenotransplant*) jika ia mampu menyelamatkan nyawa pesakit dan membantu kesembuhan pesakit. Berikut adalah teks fatwa HAF:

Harus menggunakan anggota badan atau organ haiwan bagi menyelamatkan nyawa pesakit atau membantu proses kesembuhan walaupun haiwan tersebut adalah khinzir<sup>501</sup>.

Berdasarkan teks fatwa ini, pengkaji berpendapat HAF mengharuskan penggunaan organ haiwan kepada manusia dibenarkan pada tahap *darūrah* dengan merujuk kepada ‘menyelamatkan nyawa manusia’ atau tahap *hājah* yang bersanggatan (الحاجة الماسة) dengan merujuk kepada ‘membantu kesembuhan pesakit’.

### 5.3 Analisis Hukum dan ‘Illah Keharusan atau Larangan Derma Organ

Terdapat lima resolusi dan fatwa berkaitan *taghyīr khalqillāh* yang diputuskan berada dalam kategori ‘Derma Organ’ iaitu; (i) derma organ, (ii) derma kornea mata, (iii) derma buah pinggang, (iv) derma hati dan (v) derma sum-sum tulang (sel tunjang).

---

<sup>501</sup> Kementerian Wakaf Kuwait, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyyah*, 2:253.

### 5.3.1 Derma Organ

Jadual 5.17: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Derma Organ Haiwan ke Manusia

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Derma Organ								(1055) 1985		105(5/24) 2015

Sumber: Analisis Pengkaji

Terdapat dua negara telah memutuskan hukum derma organ iaitu HAF (Kuwait)<sup>502</sup> dan MFIH (India) namun fatwa yang diputuskan MFIH ketinggalan 30 tahun berbanding fatwa HAF. Malangnya, pengkaji tidak mendapati teks penuh fatwa MFIH kerana teks penuh fatwa MFIH dimuatnaik sehingga tahun 2012 sahaja. Berikut adalah teks penuh fatwa HAF mengenai derma organ:

Perbuatan ini (menderma organ) dibenarkan dan penderma akan mendapat pahala. Dibenarkan juga bagi pesakit (penerima organ) dan ahli keluarga memuliakan penderma dengan sesuatu yang menyenangkan jiwa dengan syarat ia tidak disebutkan sebelum penderma bersetuju menderma organnya<sup>503</sup>.

Justeru, berdasarkan teks fatwa ini, HAF bersetuju dengan derma organ tanpa ada unsur jual beli, sebaliknya dibenarkan memberikan hadiah kepada penderma.

### 5.3.2 Derma Kornea Mata

Jadual 5.18: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Derma Kornea Mata

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Derma Kornea Mata						(2) 1984				

Sumber: Analisis Pengkaji

<sup>502</sup> Ibid., 3:398-399.

<sup>503</sup> Ibid.

DIJ telah memutuskan fatwa pada tahun 1984 yang mengharuskan derma kornea mata berdasarkan beberapa hujah dengan meraikan beberapa syarat. Terdapat lima hujah yang digunakan oleh DIJ iaitu<sup>504</sup>:

- i. Menderma organ boleh menyelamatkan nyawa (termasuk dalam *daruriyyat al-khams*).
- ii. Menderma kornea mata dapat menghilangkan mudarat disebabkan buta dan ia termasuk dalam keadaan *darūrah* untuk menghilangkan mudarat ini. Kaedah fiqh menyebutkan لا (الضرورة تقدر بقدره), (الضرورات تبيح المحتظورات) (يذكر ارتكاب أخف الضررين).
- iii. Ia tidak termasuk dalam perbuatan *muthlah* (مُثْلَهٌ) kerana *muthlah* yang dilarang jika bertujuan menghina kematian jenazah tersebut.
- iv. Islam menggalakkan muslim mendapatkan rawatan dan menderma kornea dari penderma mati kepada penerima hidup termasuk dalam rawatan yang dianjurkan oleh Nabi SAW.
- v. Perbuatan menderma kornea mata termasuk dalam konsep sedekah yang dianjurkan oleh Islam.

Selain itu, DIJ turut menyenaraikan tiga syarat utama sebelum kornea mata diambil dari penderma<sup>505</sup>:

- i. Penderma telah mati secara pasti

---

<sup>504</sup> DIJ, “Hukum menderma kornea mata” (حكم التبرع بقرنية العين), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 2 November 2015, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=3>, diakses pada 25 Januari 2018.

<sup>505</sup> Ibid.

- ii. Doktor yakin dengan kejayaan dari proses ini
- iii. Penderma telah bersetuju mendermakan kornea mata sebelum meninggal dunia atau dibenarkan oleh waris penderma.

Berdasarkan hujah DIJ, pengkaji mendapati DIJ menyandarkan keharusan menderma kornea kepada hujah dari hadis Nabi SAW berkaitan galakan mendapatkan rawatan, kaedah fiqh berkaitan keadaan *darūrah*, pertimbangan *maqāṣid* dan hujah akal iaitu konsep sedekah. Melalui tiga syarat yang diberikan, pengkaji mendapati tiga perkara penting iaitu kadar risiko pembedahan, kelayakan doktor dan persetujuan waris dan penderma.

### 5.3.3 Derma Buah Pinggang

Jadual 5.19: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Derma Buah Pinggang

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Derma Buah Pinggang						(123) 2008  (151) 2011  (215) 2015			(5206) 2000	

Sumber: Analisis Pengkaji

DIJ mempunyai tiga resolusi berkenaan hukum derma buah pinggang iaitu resolusi bernombor 123 yang diputuskan pada 27 November 2008 (ketua: Dr. Nūh ‘Alī Salmān al-Quḍāḥ)<sup>506</sup>, resolusi nombor 151 yang diputuskan pada 27 Mac 2011 (ketua: Shaikh ‘Abd al-Karīm al-Khaṣāwanah)<sup>507</sup> dan resolusi nombor 215 yang diputuskan pada 8 Julai

<sup>506</sup> DIJ, “Hukum Menderma Buah Pinggang” (حُكْم التَّبَرُّع بِالْكَلِي), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 23 Mac 2014, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=125>, diakses pada 25 Januari 2018.

<sup>507</sup> DIJ, “Hukum Menderma Buah Pinggang” (حُكْم التَّبَرُّع بِالْكَلِي), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 2 November 2015, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=153>, diakses pada 25 Januari 2018.

2015 (ketua: Shaikh ‘Abd al-Karīm al-Khaṣāwanah)<sup>508</sup>. Keputusan dua resolusi awal DIJ menunjukkan mereka tidak bersetuju dengan pendermaan buah pinggang kerana:

- i. Risiko yang tinggi disebabkan hasil pembedahan yang tidak pasti
- ii. Kewujudan alternatif lain selain pembedahan iaitu penggunaan mesin dialisis.
- iii. Mendapatkan penderma selain dari ahli keluarga adalah bertentangan dengan undang-undang di Jordan.

Namun begitu, DIJ telah mengubah resolusi bernombor 123 dan 151 kepada mengharuskan derma buah pinggang dengan beberapa syarat:

- i. Penderma *mukallaf* dan dilakukan dengan sukarela tanpa paksaan.
- ii. Tahap kejayaan yang tinggi dan memberi manfaat kepada pesakit (penerima buah pinggang) dan jaminan keselamatan kepada penderma.
- iii. Tiada unsur jual beli
- iv. Tiada alternatif lain.

Berdasarkan syarat keharusan yang diletakkan oleh DIJ, penderma yang sudah *mukallaf* sangat penting supaya keizinan yang diberikan diiktiraf oleh syarak, selain risiko yang rendah dan tiada unsur jual beli. Manakala syarat ‘tiada alternatif lain’ boleh difahami sebagai keadaan *darūrah* yang dihadapi pesakit sehingga tiada rawatan lain yang mampu ditawarkan kepadanya.

---

<sup>508</sup> DIJ, “Syarat Keharusan Menderma Buah Pinggang” (شروط جواز التبرع بالكلى), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 9 Julai 2015, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=295>, diakses pada 25 Januari 2018.

### 5.3.4 Derma Hati

Jadual 5.20: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Derma Hati

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Derma Hati						(166) 2011				

Sumber: Analisis Pengkaji

“DIJ telah bersidang pada hari Khamis, 26 Sya’ban 1432H bersamaan 28 Julai 2011M dan berpendapat hukum menderma sebahagian dari hati kepada penerima yang memerlukan adalah harus jika ia menepati syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Malah, DIJ berpendapat jika penderma berniat melakukan *ihsān* kepada pesakit, penderma akan mendapat pahala. Firman Allah SWT: *Sesiapa yang menjaga kehidupan manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga manusia semuanya* [al-Mā’idah: 32]. Hati adalah organ yang boleh membiak semula. Berikut adalah syarat yang wajib dipatuhi:

- i. Penderma sudah *mukallaf*. [Izin pesakit]
- ii. Tiada mudarat pada penderma hati kerana kaedah syarak menyebutkan (الضرر لا يزال بضرر مثله). Justeru, perkara ini perlu disahkan oleh doktor pakar.
- iii. Tiada unsur jual beli.
- iv. Tiada alternatif lain.
- v. Kadar kejayaan yang tinggi bagi proses pendermaan dan transplantasi hati”<sup>509</sup>.

Berdasarkan teks resolusi di atas, DIJ menggunakan hujah secara umum berkaitan menyelamatkan nyawa dalam surah al-Maidah, ayat 32. Seterusnya, hujah akal berkaitan

<sup>509</sup> DIJ, “Hukum Derma Hati”, (حكم التبرع بجزء من الكبد), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 9 September 2015, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=169>, diakses pada 29 Januari 2018.

sifat hati yang boleh membiak semula. Syarat yang disertakan juga melibatkan lima ciri utama iaitu (i) izin pesakit, (ii) tiada mudarat, (iii) tiada unsur jual beli, (iv) tiada alternatif lain (sehingga menjadikannya berada pada tahap *darūrah*), (v) kadar kejayaan yang tinggi.

### 5.3.5 Derma Sum-sum Tulang (Sel Tunjang)

Jadual 5.21: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Derma Sum-sum Tulang (Sel Tunjang)

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Derma Sum-sum Tulang								(3178) 1994		

Sumber: Analisis Pengkaji

HAF diminta fatwa mengenai hukum pesakit menggunakan sel sum-sum tulang sebagai rawatan. Berikut adalah teks fatwa HAF:

“Jika penderma membenarkan sel sum-sum tulangnya diambil, proses pendermaan sel tersebut tidak menyebabkan kematian atau memberi mudarat kepada penderma dan kadar kejayaan yang tinggi dari proses ini, maka hukum pendermaan ini adalah harus dengan syarat tiada unsur jual beli”<sup>510</sup>.

Berdasarkan teks fatwa ini, terdapat beberapa syarat keharusan yang diletakkan oleh HAF iaitu:

- i. Izin dari penderma.
- ii. Tiada risiko kematian atau mudarat pada penderma.
- iii. Proses yang selamat.
- iv. Tiada unsur jual beli.

<sup>510</sup> Kementerian Wakaf Kuwait, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah*, 10:339-340.

## **5.4 Analisis Hukum dan ‘Illah Keharusan atau Larangan Kejuruteraan Genetik dan Teknologi Perubatan**

Terdapat enam resolusi dan fatwa berkaitan *taghyīr khalqillāh* yang diputuskan berada dalam kategori ‘Kejuruteraan Genetik dan Teknologi Perubatan’ iaitu; (i) diagnosis genetik, (ii) rawatan sel tunjang, (iii) penyakit genetik, (iv) memilih jantina bayi, (v) bayi tabung uji dan (vi) pengklonan manusia.

### **5.4.1 Diagnosis Genetik**

Jadual 5.22: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Diagnosis Genetik

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Diagnosis Genetik		2012 2013	2002 2003	2005						65(3/15) 2006

Sumber: Analisis Pengkaji

MFI merupakan badan fatwa pertama yang membincangkan isu ini pada persidangan ke-16, tahun 2002. Mereka tidak memutuskan sebarang resolusi pada tahun tersebut sebaliknya keputusan ditangguhkan<sup>511</sup>. Pada persidangan berikutnya, 2003, mereka memutuskan tindakan mewajibkan pasangan yang ingin berkahwin supaya melakukan diagnosis genetik adalah tidak tepat kerana syarat perkahwinan sudah ditetapkan oleh syarak dan tiada penambahan yang dibenarkan. Namun, kerajaan boleh menggalakkan pasangan yang ingin berkahwin supaya mereka melakukan diagnosis genetik<sup>512</sup>.

MUIB<sup>513</sup> dan MFIH<sup>514</sup> mengharuskan diagnosis genetik ke atas manusia bagi melihat penyakit dan rawatan yang sesuai. Pasangan yang ingin berkahwin atau sudah

<sup>511</sup> MFI, *Qarārāt al-Majma‘: al-Dawrah 1-16*, 347.

<sup>512</sup> MFI, *Qarārāt al-Majma‘: al-Dawrah 17*, 45.

<sup>513</sup> MUIB, *al-Qarārāt wa al-Fatāwā*, 128-129.

<sup>514</sup> MFIH, *Qarārāt wa Tawṣīyyāt MFIH*, 264-265.

berkahwin juga dibenarkan melakukan diagnosis genetik ini. Namun begitu, jika hasil keputusan diagnosis ini menunjukkan pasangan suami atau isteri akan dijangkiti penyakit, maka akad perkahwinan ini boleh dibubarkan menurut pandangan MUIB namun MFIH berpendapat sebaliknya.

MFID membincangkan isu diagnosis genetik dalam resolusi bertajuk “Kejuruteraan Genetik dan DNA menurut Perspektif Islam” (**الهندسة الوراثية والجينوم**)

(**البشري الجيني من المنظور الإسلامي**). Resolusi pertama pada tahun 2012 ditangguhkan untuk memberikan masa kepada panel pengkaji supaya meneruskan kajian dengan lebih mendalam<sup>515</sup>. Pada tahun 2013, MFID memutuskan resolusi berkenaan. Antara isi penting resolusi yang mempunyai perkaitan dengan diagnosis genetik adalah harus melakukan diagnosis genetik sebelum perkahwinan, sebelum proses penempelan zigot selepas persenyawaan luar rahim bagi sperma suami dengan ovum isteri, semasa kehamilan dan selepas kelahiran. Namun, jika diagnosis genetik digunakan untuk memilih sifat-sfat tertentu supaya bayi yang dilahirkan mempunyai ciri-ciri pilihan ibu bapa, maka perbuatan ini adalah dilarang kerana ia termasuk dalam *taghyīr khalqillāh* yang dilarang syarak dan perkara sia-sia (**الubit**), mencemarkan kehormatan manusia di samping tiada keperluan sama ada pada peringkat *darīrah* atau *hājrah*<sup>516</sup>.

<sup>515</sup> MFID, “Kejuruteraan Genetik dan DNA menurut Perspektif Islam” (**الهندسة الوراثية والجينوم البشري**), dalam laman sesawang rasmi MFID bertarikh 18 September 2012, <http://www.iifa-aifi.org/2362.html>, diakses pada 30 Januari 2018.

<sup>516</sup> MFID, “Kejuruteraan Genetik dan DNA menurut Perspektif Islam” (**الهندسة الوراثية والجينوم البشري**), dalam laman sesawang rasmi MFID bertarikh 22 November 2013, <http://www.iifa-aifi.org/2416.html>, diakses pada 30 Januari 2018.

Berdasarkan empat resolusi ini, hanya resolusi MFID yang relevan dengan perbincangan *taghyīr khalqillāh* iaitu isu memilih sifat dan ciri tertentu pada bayi yang ingin dilahirkan. Proses ini dilarang kerana tujuan diagnosis dilakukan tidak selari dengan tujuan yang dibenarkan syarak. Namun, jika diagnosis genetik dilakukan bagi melihat penyakit dan rawatan yang sesuai, atau melihat kesesuaian pasangan suami isteri, perkara ini dibenarkan oleh keempat-empat badan fatwa ini.

#### 5.4.2 Rawatan Sel Tunjang

Jadual 5.23: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Rawatan Sel Tunjang

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Rawatan Sel Tunjang			2003		(311) 2008  (3728) 2015	(189) 2013				

Sumber: Analisis Pengkaji

Rawatan sel tunjang merupakan salah satu bentuk rawatan yang dijangka mampu memberikan kesembuhan pada pelbagai jenis penyakit yang masih tiada penawar pada hari ini seperti Parkinson, Alzeimer dan juga kanser<sup>517</sup>. Malah, melalui penemuan sel tunjang ini juga, para saintis cuba menghasilkan organ manusia sendiri dalam makmal dikenali sebagai organ tiga dimensi<sup>518</sup>.

---

[ أما استخدام العلاج الجيني في اكتساب صفات معينة مثل: الشكل فلا يجوز ، لما فيه من تغيير الخلقة المنهي عنه شرعاً، ولما فيه من العبث ، وامتهان كرامة الإنسان ، فضلاً عن عدم وجود الضرورة أو الحاجة المعتبرة شرعاً].

<sup>517</sup> Hossam E. Fadel, “Development in Stem Cell Research and Therapeutic Cloning: Islamic Ethical Positions, A Review”, *Bioethics*, vol. 26(3) 2012, 128-135.

<sup>518</sup> Sean V Murphy and Anthony Atala, “3D Bioprinting of Tissues and Organs”, *Nature Biotechnology* vol. 32(8) 2014, 773-785.

MFI merupakan badan fatwa pertama yang memutuskan resolusi berkaitan sel tunjang iaitu pada tahun 2003<sup>519</sup>, diikuti Mesir pada tahun 2008<sup>520</sup> dan Jordan pada tahun 2013<sup>521</sup>. Pengkaji mendapati ketiga-tiga badan fatwa ini memutuskan keharusan rawatan sel tunjang diukur berdasarkan sumber sel tunjang. Terdapat tiga sumber sel tunjang iaitu sel tunjang embrionik manusia (*human embryonic stem cells*, hESCs), sel tunjang dewasa (*adult stem cell*, ASCs) dan sel tunjang berbalik (*induced pluripotent stem cells*, iPSCs)<sup>522</sup>.

Resolusi dan fatwa MFI, DIM dan DIJ mengharuskan rawatan sel tunjang yang diambil dari sumber sel tunjang dewasa seperti sel sum-sum tulang dan darah tali pusat. Manakala rawatan menggunakan sumber sel tunjang embrionik (hESCs) perlu diteliti secara terperinci kerana terdapat keadaan yang dibenarkan dan sebaliknya. Antara sumber hESCs yang dibenarkan adalah janin yang gugur dengan sendiri dan lebihan zigot dari persenyawaan luar rahim dengan syarat ia tidak digunakan untuk kehamilan, sebaliknya sebagai kajian atau rawatan. Sumber hESCs yang dilarang pula adalah janin yang digugurkan dengan sengaja, persenyawaan sengaja antara sperma dan ovum penderma bukan untuk tujuan rawatan kesuburan dan pengklonan terapeutik.

---

<sup>519</sup> MFI, *Qararat MFI al-Daurah* 17, 33-34.

<sup>520</sup> DIM, “Mengambil Manfaat dari Sel Tunjang Manusia dan Haiwan” حكم استخدام تقنية الخلايا الجذعية في (العلاج الطبيعي), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 20 September 2015, <http://www.dar-alifta.org/ar/ViewFatwa.aspx?ID=11343&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 31 Januari 2018; dan DIM, “Hukum Menggunakan Teknologi Sel Tunjang dalam Rawatan Perubatan” الاستفادة من الخلايا (الجذعية في الحيوان والإنسان), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 18 Ogos 2008, <http://dar-alifta.org,eg/AR/ViewResearch.aspx?ID=245>, diakses pada 31 Januari 2018.

<sup>521</sup> DIJ, “Jenis Sel Tunjang dan Hukumnya” (نوع الخلايا الجذعية وأحكامها), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 26 Mac 2014, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=237>, diakses pada 31 Januari 2018.

<sup>522</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), “Sel Stem” dalam laman sesawang *MyHealth* bertarikh 24 Jun 2015, <http://www.myhealth.gov.my/sel-stem/>, diakses pada 31 Januari 2018.

MFI, DIM dan DIJ melihat keharusan rawatan sel tunjang bergantung kepada sumber sel tunjang tersebut. Namun begitu, pandangan ini perlu diperhalusi dengan lebih mendalam supaya selari dengan perkembangan teknologi pada hari ini. Hal ini kerana, saintis pada hari ini sudah mampu menghasilkan hESCs tanpa melakukan pengguguran iaitu melalui kaedah iPSCs. Malah, terdapat kajian yang menyatakan para saintis pada hari ini sudah mampu menghasilkan sel sperma dari sel kulit<sup>523</sup> sehingga menimbulkan kebimbangan sebahagian pihak<sup>524</sup>. Justeru, selain dari melihat sumber sel tunjang, proses menghasilkan sel tunjang perlu diambil kira.

#### 5.4.3 Penyakit Genetik

Jadual 5.24: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Penyakit Genetik

Isu	Antarabangsa						Negara Islam Utama			
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Penyakit Genetik								(6879) 2005		

Sumber: Analisis Pengkaji

Jika diagnosis genetik antara suami isteri menunjukkan bayi yang mungkin dilahirkan akan mengalami penyakit genetik, maka suami isteri tersebut boleh merancang kehamilan bagi tempoh tertentu yang tidak bersifat kekal, tanpa memberi mudarat kepada isteri. Fatwa ini telah diputuskan oleh HAF pada tahun 2005<sup>525</sup>. Justeru, sebarang bentuk perancangan kehamilan lebih-lebih lagi yang melibatkan *taghyīr khalqillāh* yang bersifat kekal dilarang sama sekali.

<sup>523</sup> Charles A. Easley et al., “Gamete Derivation From Embryonic Stem Cells, Induced Pluripotent Stem Cells Or Somatic Cell Nuclear Transfer-Derived Embryonic Stem Cells: State Of The Art”, *Reproduction, Fertility and Development* 27(1) 2014, 89-92; dan Franklin D. West et al., “In Vitro-Derived Gametes from Stem Cells”, *Seminars in Reproductive Medicine* 31(1) 2013, 33-38.

<sup>524</sup> Siti Syairah dan Ruzianisra, “Risiko Ancaman Akidah dalam Isu Penciptaan Sel Gamet Manusia”, *Global Journal al-Thaqafah* vol.2(1) 2012, 43-53.

<sup>525</sup> HAF, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah*, 21:291.

#### 5.4.4 Memilih Jantina dan Sifat Bayi

Jadual 5.25: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Memilih Jantina dan Sifat Bayi

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Memilih Jantina Bayi		2012 2013	2007							

Sumber: Analisis Pengkaji

Komentar terhadap resolusi MFID tahun 2012 dan 2013 boleh dirujuk dalam perbincangan mengenai ‘Diagnosis Genetik’. Mereka melarang pemilihan sifat tertentu bagi bayi melalui diagnosis genetik, seperti memilih warna kulit, warna rambut, jenis mata dan sebagainya. Menurut mereka, perbuatan ini dilarang kerana termasuk dalam *taghyīr khalqillāh* yang dilarang syarak dan perkara sia-sia (العبث), mencemarkan kehormatan manusia di samping tiada keperluan sama ada pada peringkat *darūrah* atau *hājrah*<sup>526</sup>.

MFI pula mengharuskan usaha memilih jantina tertentu bagi janin dengan cara tabii seperti melalui pemakanan atau penyusunan waktu tertentu bagi persetubuhan. Namun, jika pemilihan jantina dilakukan dengan kaedah perubatan terkini, proses ini tidak dibenarkan melainkan dalam keadaan *darūrah* seperti penyakit genetik yang hanya menimpa bayi lelaki sahaja, atau sebaliknya. Keharusan ini juga mestilah selepas

---

<sup>526</sup> MFID, “Kejuruteraan Genetik dan DNA menurut Perspektif Islam” (الهندسة الوراثية والجينوم البشري )، (الجيني من المنظور الإسلامي)، dalam laman sesawang rasmi MFID bertarikh 22 November 2013, <http://www.iifa-aifi.org/2416.html>, diakses pada 30 Januari 2018.

[ أما استخدام العلاج الجيني في اكتساب صفات معينة مثل: الشكل فلا يجوز ، لما فيه من تغيير الخلقة المنهي عنه شرعاً، ولما فيه من العبث، وامتهان كرامة الإنسان، فضلاً عن عدم وجود الضرورة أو الحاجة المعتبرة شرعاً.]

mendapat persetujuan dari tiga orang doktor pakar selain keperluan untuk merujuk panel fatwa yang berautoriti<sup>527</sup>.

Justeru, beberapa aspek diteliti dalam melarang pemilihan jantina dan sifat bayi iaitu tujuan yang sia-sia dan tiada kesan yang signifikan kepada bayi, namun jika terdapat keperluan seperti penyakit genetik yang hanya menimpa bayi lelaki sahaja, maka keadaan termasuk dalam situasi *darūrah* dan memberi kesan signifikan kepada bayi.

#### **5.4.5 Bayi Tabung Uji**

Jadual 5.26: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Bayi Tabung Uji

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Bayi Tabung Uji			1982 1985 1984 1986		(3445) 1969 (503) 2006	(5) 1984		(660) 1978 (661) 1984 (1053) 1986 (2793) (2794) 1993 (3171) (3175) (3176) 1994 (3943) 1996 (5858) 2002 (6244) 2003		

Sumber: Analisis Pengkaji

DIM merupakan badan fatwa terawal yang memutuskan hukum berkaitan bayi tabung uji iaitu pada tahun 1969, diikuti HAF (1978), MFI (1982), DIJ (1984), MFID (1985) dan

<sup>527</sup> MFI, *Majallah al-Majma‘ al-Fiqhi al-Islāmi*, vol.23, 359-360.

terakhir DIF (1996). HAF pula merupakan badan fatwa paling kerap memutuskan fatwa berkaitan bayi tabung uji iaitu sebanyak 11 fatwa<sup>528</sup>, diikuti MFI dengan empat resolusi<sup>529</sup>, MFID (dua resolusi)<sup>530</sup>, DIM<sup>531</sup>, DIF<sup>532</sup> (dua fatwa) dan DIJ (satu resolusi)<sup>533</sup>.

Berdasarkan 20 fatwa dan resolusi berkaitan bayi tabung uji, semua badan fatwa ini bersetuju mengharuskan kaedah ini dengan beberapa syarat seperti (i) proses persenyawaan dilakukan dengan selamat berhati-hati supaya tiada percampuran sperma dan ovum yang bukan dari suami isteri, (ii) dilakukan oleh doktor pakar yang diyakini (terdapat badan fatwa yang mendahuluikan doktor pakar muslim berbanding dengan doktor pakar bukan muslim), (iii) proses dilakukan ketika ikatan suami isteri masih sah (jika salah seorang sudah meninggal dunia atau persenyawaan dilakukan selepas penceraian, ia tidak dibenarkan), (iv) mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak iaitu suami dan isteri.

Proses persenyawaan luar rahim bukanlah dibenarkan hanya apabila berada pada tahap *darūrah*, namun cukup sekadar pada tahap *ḥājah* seperti ibu bapa yang mahukan anak perempuan disebabkan sudah mempunyai anak lelaki yang ramai. Justeru,

---

<sup>528</sup> HAF, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah*, 2:267-268, 3:396, 9:258-260, 10:333,335-338, 12:364, 18:325-326, 19:367-368.

<sup>529</sup> MFI, *Qarārāt al-Majma‘: al-Dawrah 1-16*, 97, 148, 161 dan 275.

<sup>530</sup> MFID, *Qarārāt wa Tawṣīyat MFID*, 16-17 dan 34-35.

<sup>531</sup> DIM, “Mengambil Manfaat dari Sel Tunjang Manusia dan Haiwan” (الإخشاب الصناعي وأطفال الأنابيب )، dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 20 September 2015, <http://dar-alifta.org,eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 6 Februari 2018; dan DIM, *al-Fatāwā al-Shar‘iyah*, 20:7766.

<sup>532</sup> DIF, *Mukhtārāt min Qarārāt DIF*, 5:69 dan 1:49.

<sup>533</sup> DIJ, “Hukum Persenyawaan Luar Rahim” (حكم الشريعة في التلقيح الصناعي)، dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 26 Mac 2014, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=6>, diakses pada 6 Februari 2018.

berdasarkan syarat yang diletakkan, beberapa perkara penting yang diambil kira iaitu proses yang selamat, doktor pakar dan kerelaan sendiri tanpa paksaan.

#### 5.4.6 Pengklonan Manusia

Jadual 5.27: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Pengklonan Manusia

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Pengklonan Manusia		1997		2003				(5852) 2002 (6882) 2005	(12-1) 1997	44(4/10) 1997

Sumber: Analisis Pengkaji

Isu berkaitan pengklonan manusia telah dibincangkan oleh lima badan fatwa. Resolusi dan fatwa terawal berkaitan isu ini diputuskan pada tahun 1997 oleh tiga badan fatwa, iaitu MFID<sup>534</sup>, DIF<sup>535</sup> dan MFIH<sup>536</sup>. Seterusnya diikuti oleh fatwa HAF<sup>537</sup> pada tahun 2002 dan resolusi MUIB pada tahun 2003<sup>538</sup>. MUIB dan MFIH memutuskan untuk menjadikan resolusi MFID sebagai rujukan utama manakala HAF dan DIF memutuskan fatwa sendiri.

Secara keseluruhan, kelima-lima badan fatwa ini bersepakat melarang pengklonan manusia tetapi mengharuskan pengklonan haiwan dan tumbuhan jika boleh memberi manfaat kepada manusia. Antara alasan utama larangan pengklonan manusia adalah:

<sup>534</sup> MFID, *Qarārāt wa Tauṣīyyāt MFID al-Daurah 1-10*, 216-217.

<sup>535</sup> DIF, *Mukhtārāt min Qarārāt DIF*, 5:93-96.

<sup>536</sup> MFIH, *Qarārāt wa Tauṣīyyāt MFIH*, 189-190.

<sup>537</sup> HAF, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah HAF*, 18:320-321, 21:292-293.

<sup>538</sup> MUIB, *al-Qarārāt wa al-Fatāwā MUIB*, 87-93.

- i. Pengklonan mengubah fitrah kejadian manusia yang melibatkan percampuran sperma dan ovum antara suami isteri, maka ia termasuk dalam perbuatan *taghyīr khalqillāh*.
- ii. *Mafsadah* yang mungkin terhasil dari pengklonan ini sangat besar seperti:
  - a. Manusia klon yang dilahirkan akan mengalami percampuran nasab keturunan kerana dia dilahirkan dengan mempunyai genetik yang sama dengan penderma.
  - b. Manusia klon akan mempunyai sistem imunisasi yang lemah terhadap persekitaran.
  - c. Tahap dan peratus kejayaan yang sangat rendah.
  - d. Kebarangkalian menghasilkan janin cacat.

Walaupun semua badan fatwa ini melarang pengklonan manusia secara keseluruhan, terdapat teknologi dalam perubatan yang mampu mengklonkan organ sahaja iaitu teknologi cetakan tiga dimensi (*3D Printing*). Pada tahun 1999, saintis di Wake Forest Institute for Regenerative Medicine, Amerika Syarikat telah berjaya menghasilkan pundi kencing melalui kaedah cetakan tiga dimensi ini seterusnya mentransplan pundi kencing tersebut kepada pesakit<sup>539</sup>. Namun begitu, keharusan organ tiga dimensi ini hanya dibincangkan oleh MUIB sahaja manakala baki empat badan fatwa tidak menyentuh isu ini. Hal ini mungkin disebabkan teknologi ini masih belum wujud pada tahun 1997 ketika mereka memutuskan resolusi dan fatwa tersebut. Berikut adalah teks resolusi MUIB:

“MUIB berpandangan harus menggunakan teknologi pengklonan dalam bidang perubatan seperti penggunaan sel tunjang bagi menghasilkan organ sihat yang boleh digunakan untuk menggantikan organ rosak tanpa perlu

---

<sup>539</sup> Matthew Whitaker, “The History Of 3D Printing In Healthcare”, *The Bulletin*, vol.96(7), July 2014, 228-229; <https://doi.org/10.1308/147363514X13990346756481>.

menggunakan sumber sel tunjang dari janin yang berumur kurang 40 hari”<sup>540</sup>.

## 5.5 Analisis Hukum dan ‘Illah Keharusan atau Larangan Pembedahan

Terdapat lapan resolusi dan fatwa berkaitan *taghyīr khalqillāh* yang diputuskan berada dalam kategori ‘Pembedahan’ iaitu; (i) transgender, (ii) khitan kanak-kanak perempuan, (iii) memotong jari tambahan, (iv) membuang rahim wanita OKU, (v) mengembalikan selaput dara, (vi) menyamakan gigi terlebih panjang, (vii) pemandulan kekal dan ikat tiub fallopio, (viii) kembar siam.

### 5.5.1 Transgender

Jadual 5.28: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Transgender

Isu	Antarabangsa					Negara Islam Utama				
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transgender			1989		(1288) 1981	(245) 2017	(1542) (176) 1992	(650) 1984 (4282) 1997	(49-1) 2004	

Sumber: Analisis Pengkaji

Resolusi dan fatwa berkaitan transgender diputuskan oleh enam badan fatwa dengan Mesir menjadi negara terawal memutuskan fatwa berkaitan iaitu pada tahun 1981<sup>541</sup>.

<sup>540</sup> Berikut adalah teks asal resolusi MUIB:

[ثانياً: يرى المجلس الأوروبي للفتاوى والبحوث جواز الأخذ بتقنيات الاستنساخ في مجالات العلاج الطبي، باستخدام الخلايا الأربعية (الخلايا الجذعية *Stem Cells Cellule Souches*) لتكون أعضاء سليمة يمكن أن تحل محل الأعضاء المعيبة على ألا تؤدي ذلك إلى إتلاف جنين بلغ أربعين يوماً]

<sup>541</sup> DIM, *al-Fatāwā al-Shar‘iyah*, 10:2501-2503.

Diikuti oleh HAF (1984)<sup>542</sup>, MFI (1989)<sup>543</sup>, HKU (1992)<sup>544</sup>, HAF (1997)<sup>545</sup>, DIF (2004)<sup>546</sup> dan DIJ (2017)<sup>547</sup>. Fatwa Mesir diputuskan oleh Mufti Mesir pada waktu tersebut, Shaikh Jadul Haq. Terdapat tiga isu utama yang dibincangkan oleh semua badan fatwa ini iaitu:

- i. Transgender lelaki kepada perempuan dan perempuan kepada lelaki.
- ii. Transgender khunsa kepada jantina dominan.
- iii. Transgender pesakit kecelaruan gender.

Secara umum, semua badan fatwa ini bersetuju melarang pembedahan transgender lelaki kepada perempuan atau sebaliknya jika anggota kelamin mereka sempurna tanpa sebarang keraguan. Hujah yang digunakan adalah:

- i. Surah al-Nisā', ayat 119. Berdasarkan ayat ini yang melarang *taghyīr khalqillāh*, maka perbuatan mengubah jantina termasuk dalam perbuatan mengubah ciptaan Allah SWT yang dilarang.
- ii. Surah al-Shūrā, ayat 49-50. Ayat ini menyebutkan tentang jantina yang dijadikan oleh Allah SWT berdasarkan kehendak-Nya. Tiada sesiapa yang dibenarkan mengubah jantina ini.
- iii. Hadis Nabi SAW yang melarang lelaki menyerupai perempuan dan perempuan menyerupai lelaki.

---

<sup>542</sup> HAF, *Majmū'ah al-Fatāwā al-Shar'iyyah HAF*, 2:258.

<sup>543</sup> MFI, *Qarārāt al-Majma': al-Dawrah 1-16*, 262-263.

<sup>544</sup> Al-Fawzān, *al-Fatāwā al-Muta'alliqah bi al-Tibb wa Aḥkām al-Mardā*, 303-306.

<sup>545</sup> HAF, *Majmū'ah al-Fatāwā al-Shar'iyyah HAF*, 13:314-315.

<sup>546</sup> DIF, *Mukhtārāt min Qarārāt DIF*, 5:97.

<sup>547</sup> DIJ, "Rawatan Pesakit Kecelaruan Jantina" (علاج اضطراب الهوية الجنسية), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 3 Disember 2017, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=545>, diakses pada 13 Februari 2018.

- iv. Hadis larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*. Perbuatan transgender diqiyāskan dengan empat perbuatan ini yang dilarang kerana membawa kepada *taghyīr khalqillāh*.

Transgender khunsa kepada mana-mana jantina yang dominan pula dibenarkan secara kolektif oleh semua badan fatwa berdasarkan hujah (i) transgender khunsa ini termasuk dalam rawatan yang dibenarkan, (ii) ia tidak termasuk dalam *taghyīr khalqillāh* dan (iii) menjaga *maṣlaḥah* dan menolak *mafsadah* yang mungkin menimpa khunsa tersebut. Proses transgender khunsa boleh dibuat sama ada melalui pembedahan, penggunaan hormon berkaitan atau mana-mana rawatan yang sesuai. DIF meletakkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi iaitu (i) jantina dominan yang akan ditukar mestilah diputuskan oleh pakar perubatan bukan keinginan khunsa tersebut dan (ii) bilangan pakar perubatan mestilah tiga orang.

Manakala bagi pesakit yang mengalami kecelaruan jantina tetapi dilahirkan normal dengan anggota kelamin yang cukup sifat, pembedahan transgender dilarang bagi mereka. Ini kerana, perbuatan ini termasuk dalam *taghyīr khalqillāh* yang dilarang. Malah, rawatan bagi pesakit ini adalah khidmat kaunseling dan psikologi, bukan pembedahan transgender.

Justeru, pertimbangan *maqāṣid* bagi pembedahan transgender hanya berlaku pada pesakit khunsa, manakala bagi pesakit normal yang sekadar mengalami masalah psikologi kecelaruan jantina, pembedahan tersebut tidak boleh dinilai dengan pertimbangan *maqāṣid*. Hal ini kerana, terdapat dalil khusus yang secara jelas melarang perbuatan tersebut.

### 5.5.2 Khitan Kanak-kanak Perempuan

Jadual 5.29: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Khitan Kanak-kanak Perempuan

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Khitan Kanak-kanak Perempuan					(874) 1951		(563)			

Sumber: Analisis Pengkaji

Berkhatan termasuk dalam perbuatan mengubah ciptaan Allah SWT. Hal ini kerana, ia mengubah struktur kemaluan lelaki dengan membuang bahagian kulup sehingga menampakkan kepala zakar. Namun begitu, berkhatan bagi lelaki dibenarkan oleh para ulama. Begitu juga dengan berkhatan bagi perempuan. DIM<sup>548</sup> dan LDF<sup>549</sup> mengharuskan kanak-kanak perempuan dikhatan berdasarkan hadis Nabi SAW yang menggalakkan berkhatan iaitu:

- i. “Lima perkara fitrah: Berkhatan, mencukur bulu ari-ari, menipiskan misai, memotong kuku dan mencabut bulu ketiak”<sup>550</sup>.
- ii. “Berkhatan adalah sunat bagi lelaki dan kemuliaan bagi wanita”<sup>551</sup>.

<sup>548</sup> DIM, *al-Fatāwā al-Shar‘iyyah*, 6:1985-1986.

<sup>549</sup> Al-Fawzān, *al-Fatāwā al-Muta‘alliqah bi al-Tibb*, 270.

<sup>550</sup> Hadis riwayat Bukhārī *Kitāb al-Libās, Bāb Qaṣṣ al-Shārib*, no. hadis 5889 dan Muslim dalam *Kitāb al-Tahārah, Bāb Khiṣāl al-Fiṭrah*, no. hadis 257.

Lihat: al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 4:72; al-Naisābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 133-135.

عَنْ أَبِي سَلَيْمَانِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: وَقُتِّلَ لَنَا فِي قَصْ الشَّارِبِ، وَتَقْلِيمِ الْأَطْفَارِ، وَتَنْفِعِ الْإِبْطِ، وَحَلْقِ الْعَانَةِ، أَنْ لَا تُنْرُكَ أَكْثَرُ مِنْ أَرْبَعِينَ يَوْمًا

<sup>551</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh Ahmad dalam *Musnad al-Baṣriyyīn, Bāb Ḥadīth Usamah al-Hudhalī*, no. hadis 20719. Hadis ini dinilai sebagai *da‘īf* oleh al-Arna’ūt.

Lihat: Ahmad, *Musnad Ahmad*, 35:319.

Namun begitu, pandangan mengenai keharusan khatan bagi kanak-kanak perempuan menjadi polemik bagi masyarakat dunia sejak sepuluh tahun kebelakangan ini. Hal ini kerana, perbuatan ini dilaporkan boleh memberi mudarat kepada perempuan yang dikhatan. Mudarat ini termasuklah kesan pada fizikal dan juga emosi mereka. Antara bentuk mudarat fizikal adalah pendarahan, anemia, jangkitan kuman ketika kencing, *septicaemia*, *tetanus*, *gangrene*, *nectrotizing fasciitis* dan *endometritis*<sup>552</sup>. Oleh sebab itu, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah melarang khatan kanak-kanak perempuan pada 6 Februari 2018<sup>553</sup>. Malah, Mufti Mesir, telah melarangnya sejak tahun 2006 lagi. Mereka menambah, khatan bagi kanak-kanak perempuan adalah perkara yang diwarisi secara adat dan tidak terbina atas dalil syarak. Malah, perbuatan ini memberikan pelbagai kesan buruk menurut pandangan pakar kesihatan<sup>554</sup>. Umar al-Qadrī, Ketua Imam di Pusat Islam Ireland turut bersetuju dengan resolusi PBB dan fatwa Mufti Mesir yang melarang khatan bagi kanak-kanak perempuan. Menurut beliau, perbuatan ini dilarang kerana memberi mudarat kepada kanak-kanak tersebut selain ia termasuk dalam perbuatan *taghyīr khalqillāh* yang dilarang oleh Allah SWT<sup>555</sup>.

---

<sup>552</sup> Christos Lavazzo, Thalia Sardi dan Ioannis Gkegkes, “Female Genital Mutilation and Infection: A Systematic Review of the Clinical Evidence”, *Gynecology and Obstetrics* (2013), vol. 287 (6), 1137-1149; Dan Reisel dan Sarah Creighton, “Long Term Health Consequences of Female Genital Mutilation (FGM)”, *Maturitas* 80 (2015), 48-51; dan Jasmine Abdulcadir et al., “Care of Women with Female Genital Mutilation/Cutting”, *Swiss Medical Weekly*, 140 (2011), 1-8.

<sup>553</sup> Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), “International Day of Zero Tolerance for Female Genital Mutilation, 6 February” dalam laman sesawang rasmi PBB, diakses pada 13 Februari 2018, <http://www.un.org/en/events/femalegenitalmutilationday/>.

<sup>554</sup> Ahmad al-Buhairi, “Dar al-Ifta’: Khatan Kanak-kanak Perempuan adalah Haram menurut Islam dan Wajib Diperangi” (دار الإفتاء : «ختان الإناث» حرام شرعاً و يجب مواجهته) bertarikh 23 Jun 2013, dalam laman sesawang rasmi al-Masry al-Youm, diakses pada 13 Februari 2018, <http://www.almasryalyoum.com/news/details/224771>.

<sup>555</sup> Samantha Libreri, “Islamic Centre of Ireland Issues Fatwa Against FGM”, bertarikh 12 Februari 2018, dalam laman sesawang rasmi RTE News, diakses pada 13 Februari 2018, <https://www.rte.ie/news/2018/0212/940233-fgm/>.

Pandangan mengenai keharusan khatan bagi kanak-kanak perempuan telah berubah disebabkan penemuan-penemuan oleh pakar kesihatan yang menunjukkan risiko yang bakal menimpa kanak-kanak tersebut. Perkara penting yang menjadi pertimbangan dalam perubahan fatwa ini adalah aspek kesan dari proses khatan ini. Khatan bagi lelaki tidak dilarang malah digalakkan oleh doktor kerana kesan yang positif manakala khatan bagi perempuan dilarang kerana bukti perubatan menunjukkan kesan negatif yang mungkin terhasil dari perbuatan ini. Justeru, jika kaedah khatan kepada kanak-kanak wanita dilakukan dengan teknik dan kaedah yang betul tanpa memberikan mudarat kepada mereka, hukum khatan tersebut kekal harus.

### 5.5.3 Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)

Jadual 5.30: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Memotong Jari Tambahan (Polidaktili)					(518) 2006  (1978) 1968		(4285)  (5934)	(2253) 1990  (4285) 1997		

Sumber: Analisis Pengkaji

Isu ini telah dibincang oleh tiga badan fatwa utama dunia iaitu DIM<sup>556</sup>, LDF<sup>557</sup> dan HAF<sup>558</sup>. Ketiga-tiga badan fatwa ini mengharuskan pembedahan memotong jari

<sup>556</sup> DIM, “Hukum Memotong Jari Tambahan bagi Kanak-kanak” (حكم بتر الأصبع الزائد لمولود صغير), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 22 Mei 1968, <http://daralifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 14 Februari 2018; dan DIM, “Hukum Memotong Jari Tambahan” (حكم قطع الأصبع), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 7 Februari 2006, <http://daralifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 14 Februari 2018.

<sup>557</sup> Al-Fawzān, *al-Fatāwā al-Muta‘alliqah bi al-Tibb*, 256-258.

<sup>558</sup> HAF, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah* HAF, 7:279, 13:318.

tambahan dengan syarat ia tidak memberikan mudarat kepada pesakit. Antara alasan yang disebutkan oleh tiga badan fatwa ini adalah:

1. Perkara ini tidak termasuk dalam *taghyīr khalqillāh* kerana jari tersebut adalah anggota tambahan. Maka, pembedahan memotong jari tersebut berperanan mengembalikan kenormalan (rawatan) kepada pesakit.
2. Membiarakan pesakit dalam keadaan tersebut boleh memberikan mudarat kepadanya, sama ada mudarat fizikal seperti menyukarkan kehidupan dan pergerakan dan mudarat mental seperti menyebabkan tiada keyakinan diri.

Justeru, pembedahan membuang jari tambahan ini dibenarkan kerana memberi kesan positif kepada pesakit selain bertujuan mengembalikan kenormalan kepadanya.

#### **5.5.4 Membuang Rahim Wanita OKU<sup>559</sup> (Histerektomi)**

Jadual 5.31: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Membuang Rahim Wanita OKU (Histerektomi)

Isu	Antarabangsa					Negara Islam Utama				
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Membuang Rahim Wanita OKU						(194) 2014		(6547) 2004	(61-3) 2006	

Sumber: Analisis Pengkaji

Terdapat tiga badan fatwa yang memutuskan fatwa dan resolusi berkaitan isu ini. Fatwa paling awal diputuskan oleh HAF pada tahun 2004<sup>560</sup>, diikuti oleh DIF pada 2006<sup>561</sup> dan

<sup>559</sup> OKU yang dimaksudkan di sini adalah Orang Kurang Upaya berkaitan akal dan berfikir sehingga menyebabkan dia tidak mampu menguruskan dirinya sendiri. Namun, OKU dari jenis bukan melibatkan akal tidak termasuk dalam perbincangan ini.

<sup>560</sup> HAF, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah* HAF, 20:325.

<sup>561</sup> DIF, *Mukhtārāt min Qarārāt DIF*, 3:83-84.

terbaru diputuskan oleh DIJ pada 2014<sup>562</sup>. DIF mengharuskan pembedahan histerektomi bagi wanita OKU dengan menggunakan hadis (لا ضرر ولا ضرار) dan beberapa kaedah fiqh, antaranya:

- i. Mudarat perlu dihapuskan (الضرر يزال).
- ii. Mudarat yang berkemungkinan terjadi perlu dielakkan semampu mungkin (الضرر المتوقع يدفع بقدر الإمكان).
- iii. Mengelak mudarat lebih diutamakan berbanding mendapatkan *maslahah* (درء المفاسد مقدم على جلب المصالح).
- iv. Menghalang jalan ke arah keburukan (سد الذريعة المفسدة).
- v. Mendahulukan *maṣlaḥah* masyarakat berbanding *maṣlaḥah* wanita OKU (تقديم مصلحة الجماعة على مصلحة الفرد).

Menurut mereka, antara perkara mudarat yang mungkin menimpa terjadi adalah dia mungkin dirogol sehingga melahirkan anak tanpa nasab dan aspek kebersihan khususnya pengurusan darah haid. HAF dan DIJ pula tidak mengharuskan pembedahan ini dengan alasan tiada keperluan terhadap pembedahan ini seterusnya menjadikannya perbuatan *taghyīr khalqillāh* yang dilarang. Malah, HAF menambah pihak yang terlibat perlu dikenakan hukuman *qiṣāṣ* atau membayar *diyāt*.

---

<sup>562</sup> DIJ, “Haram Membuang Rahim Wanita OKU dan Tanggungjawab Masyarakat Terhadapnya” حرم (إزالة أرحام الفتيات ذات الإعاقة ومسؤولية المجتمع تجاهها), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 16 Mac 2014, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=243>, diakses pada 14 Februari 2018.

Pengkaji mendapati perbezaan pandangan ini berpunca dari perbezaan dalam aplikasi pertimbangan *maqāṣid* oleh kedua-dua pihak. Pihak yang mengharuskan histerektomi bagi wanita OKU ini menganggap mudarat yang mungkin terjadi perlu diambil kira manakala pihak yang tidak bersetuju menganggap mudarat tersebut tidak perlu diambil kira sebaliknya setiap ahli keluarga dan anggota masyarakat sekitar yang bertanggungjawab menjaga kebajikan dan keselamatan wanita OKU ini.

### 5.5.5 Mengembalikan Selaput Dara (*Hymenoplasty*)

Jadual 5.32: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Mengembalikan Selaput Dara (*Hymenoplasty*)

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Mengembalikan Selaput Dara ( <i>Hymenoplasty</i> )					(3438) 2003			(5203) 2000		

Sumber: Analisis Pengkaji

Terdapat dua badan fatwa yang memutuskan fatwa berkaitan isu *hymenoplasty* iaitu HAF pada tahun 2000<sup>563</sup> dan DIM pada tahun 2003<sup>564</sup>. HAF mengharamkan *hymenoplasty* secara mutlak dengan beberapa hujah:

- Pembedahan *hymenoplasty* termasuk dalam penipuan dan *tadlīs* kerana wanita tersebut menipu keadaannya yang sebenar. Nabi SAW bersabda: “Bukan dari kalangan kami sesiapa yang menipu kami”<sup>565</sup>.

<sup>563</sup> HAF, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah* HAF, 16:314.

<sup>564</sup> DIM, “Melakukan Pembedahan Menampal Selaput Dara (*Hymenoplasty*)” إِجْرَاء عَلَمِيَّةٍ لِإِعَادَة غُشَاءِ (البَكَارَةِ)، dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 28 Disember 2003, <http://daralifta.org,eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 16 Februari 2018.

<sup>565</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh Ahmad dalam *Musnad al-Makkiyyīn*, *Bāb Ḥadīth Abī Burdah bin Niyār*, no. hadis 15833. Hadis ini dinilai sebagai *ḥasan* oleh al-Arna’ūt.

Lihat: Ahmad, *Musnad Ahmad*, 26:155.

- ii. Bakal suami tidak mengetahui keadaan sebenar bakal isterinya.
- iii. Menjadikan wanita tersebut lebih mudah melakukan zina kerana dia boleh melakukan pembedahan *hymenoplasty* selepas itu.
- iv. Doktor akan melihat aurat wanita tersebut.

Manakala, DIM mengharuskan *hymenoplasty* bagi wanita yang tidak dikenali sebagai pekerja atau pelaku seks seperti wanita yang dirogol atau terpedaya melakukan hubungan seks. DIM menggunakan pandangan mazhab Hanafi yang mengatakan wanita yang berzina tetapi tidak sampai ke pengetahuan pemerintah atau mahkamah, dia kekal sebagai ‘anak dara’ secara *hukmī*. Alasan mereka, memaksa wanita tersebut mengaku berzina bertentangan dengan prinsip syarak yang menggalakkan muslim supaya menutup aib. Justeru, berdasarkan aplikasi *qiyās* pada situasi ini, DIM berpendapat pembedahan *hymenoplasty* dibenarkan kerana pembedahan ini mampu menyembunyikan aib wanita pelaku zina ini. Maka, pembedahan ini mampu mengelak *mafsadah* yang mungkin menimpa wanita ini. Namun, jika wanita tersebut terkenal sebagai pelaku atau pekerja seks, dia tidak boleh melakukan pembedahan *hymenoplasty*.

Justeru, pengkaji berpendapat HAF melarang pembedahan *hymenoplasty* kerana melihat tujuan pembedahan yang salah selain kesan negatif kepada suami dan juga anak-anaknya. DIM pula melihat isu ini melalui pertimbangan *maqāṣid* kerana mereka berpendapat membiar wanita tersebut tanpa pembedahan mampu memberikan *mafsadah* kepadanya.

---

عَنْ أَبِي بُرْدَةَ بْنِ نِيَارٍ، قَالَ: انْطَلَقْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى بَقِيعِ الْمُصَائِبِ، فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِي طَعَامٍ، ثُمَّ أَخْرَجَهَا فَإِذَا هُوَ مَغْشُوشٌ – أَوْ مُخْتَلِفٌ – فَقَالَ: لَيْسَ مِنَّا مِنْ غَشَّنَا.

Terjemahan: Dari Abu Burdah bin Niyar, beliau bercerita (bahawa pada suatu hari): “Saya berjalan bersama-sama dengan Nabi SAW ke Baqi’, lalu Nabi SAW memasukkan tangannya ke dalam makanan (yang dijual). Beliau mengeluarkan tangannya dan mendapati makanan tersebut basah (di bahagian bawah), lalu beliau bersabda: Sesiapa yang menipu maka dia bukan dari kalangan kami.

### 5.5.6 Menyamakan Gigi yang Terlebih Panjang

Jadual 5.33: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Menyamakan Gigi yang Terlebih Panjang

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Menyamakan Gigi yang Terlebih Panjang							(4030)			

Sumber: Analisis Pengkaji

Fatwa mengenai hukum menyamakan gigi yang terlebih panjang ini diputuskan oleh LDF yang diketuai oleh ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abdullāh bin Bāz di samping dua anggota lain iaitu ‘Abd al-Razzāq ‘Afīfī dan ‘Abdullāh Ghadyān. Mereka memutuskan fatwa tanpa menyebutkan hujah. Berikut adalah terjemahan teks fatwa mereka:

Jika gigi panjang tersebut menyakiti kamu, maka kamu boleh membuang bahagian yang menyakiti sahaja<sup>566</sup>.

Namun, pengkaji berpandangan mereka menggunakan pertimbangan *maqāṣid* menerusi aplikasi kaedah fiqh “sebarang mudarat perlu dinilai pada kadarnya sahaja” (الضرورة تقدر بقدره).

### 5.5.7 Pemandulan Kekal dan Ikat Tiub Fallopio (*Tubal Ligation*)

Jadual 5.34: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Pemandulan Kekal dan Ikat Tiub Fallopio (*Tubal Ligation*)

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Pemandulan Kekal dan Ikat Tiub Fallopio					(445) (580) (636) 2005  (2012) 2007		(6457) (18908)	(663) 1984  (4563) 1998  (4565) 1998		

<sup>566</sup> Al-Fawzān, *al-Fatāwā al-Muta‘alliqah bi al-Tibb*, 260.

								(5861) 2002		
								(6550) 2004		

Sumber: Analisis Pengkaji

Perbincangan mengenai pemandulan kekal telah dibincangkan oleh tiga badan fatwa utama di samping perbincangan mengenai salah satu dari bentuk pemandulan kekal iaitu kaedah mengikat tiub fallopio. Terdapat sebelas fatwa telah diputuskan berkaitan isu ini dengan HAF menjadi badan fatwa yang memutuskan fatwa paling banyak dengan lima fatwa<sup>567</sup>, diikuti DIM dengan empat fatwa<sup>568</sup> dan LDF dengan dua fatwa<sup>569</sup>. Terdapat beberapa perkara yang disentuh dalam semua fatwa ini iaitu;

- i. Mengikat tiub fallopio disebabkan proses mengandung boleh membahayakan nyawa ibu dan anak.
- ii. Pemandulan kekal kerana tidak mahu mengandung dan mendapatkan zuriat dari darah daging sendiri.
- iii. Mengikat tiub fallopio disebabkan khuatir anak yang dikandungkan mempunyai kebarangkalian untuk menjadi cacat.

Mereka bersetuju mengatakan keharusan mengikat tiub fallopio jika proses mengandung boleh membahayakan nyawa ibu. Hal ini berdasarkan pertimbangan

---

<sup>567</sup> HAF, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah HAF*, 2:270, 14:310-312, 18:327-328 dan 20:327-328.

<sup>568</sup> DIM, “مُنْكَرُ تِبْوَنَةِ الْفَالُوْپِيَّةِ كَلِّيَّاً” (عمليةربط النهائي للرحم)، dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 22 Mei 2005; DIM, “مُنْكَرُ تِبْوَنَةِ الْفَالُوْپِيَّةِ بِحَاجَةِ دَارُورَةِ طَبَّيَّةٍ” (مُنْكَرُ تِبْوَنَةِ الْفَالُوْپِيَّةِ بِحَاجَةِ دَارُورَةِ طَبَّيَّةٍ)، dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 21 Jun 2005; DIM, “مُنْكَرُ تِبْوَنَةِ الْفَالُوْپِيَّةِ بِحَاجَةِ دَارُورَةِ طَبَّيَّةٍ” (Melakukan Pembedahan Mengikat Tiub Fallopio Disebabkan Darurah)، dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 12 Januari 2005; DIM, “مُنْكَرُ تِبْوَنَةِ الْفَالُوْپِيَّةِ بِحَاجَةِ دَارُورَةِ طَبَّيَّةٍ” (Mengikat Dua Tiub Fallopio Disebabkan Arahan Doktor)، dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 1 Mei 2007, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 16 Februari 2018.

<sup>569</sup> Al-Fawzan, *al-Fatāwā al-Muta‘alliqah bi al-Tibb*, 286-288.

*maqāṣid* yang melihat keadaan *darūrah* yang dihadapi oleh ibu tersebut. Keharusan bagi mengikat tiub fallopio ini pula mestilah mendapat persetujuan dari doktor pakar muslim yang dipercayai. Namun begitu, jika pemandulan kekal dibuat kerana wanita tidak mahu mengandung tanpa sebarang preskripsi dari doktor, maka dia tidak dibenarkan melakukan proses pemandulan kekal. Hal ini kerana pemandulan kekal bertentangan dengan arahan syarak yang menyuruh muslim menjaga keturunan (حفظ النسب). Mencegah atau merancang kehamilan dengan kaedah yang tidak bersifat kekal pula dibenarkan oleh syarak.

Mengikat tiub fallopio disebabkan khuatir anak yang bakal dikandungkan menjadi cacat, DIM mengharuskan proses ini malah berpendapat ia boleh menjadi wajib berdasarkan kaedah fiqh: “Mengelak mudarat lebih diutamakan berbanding mendapatkan *maslahah*” (درء المفاسد مقدم على جلب المصالح). Mereka menambah, bayi yang dilahirkan akan menjadi beban kepada ibu bapa dan masyarakat.

Namun begitu, pandangan DIM ini tidak selari dengan fatwa oleh LDF dan HAF yang melarang wanita dari mengikat tiub fallopio disebabkan khuatir anak yang dilahirkan cacat. Hal ini kerana, kebarangkali bayi cacat tersebut tidak menafikan kebarangkalian bayi dilahirkan tidak cacat. Peranan ibu bapa adalah berdoa supaya bayi tersebut dilahirkan sihat<sup>570</sup>. Justeru, urusan ini sepatutnya diserahkan kepada Allah SWT dalam menentukan sama ada bayi tersebut cacat atau tidak. Mereka merujuk kepada firman Allah SWT:

وَمَا مِنْ دَبَابٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقْرَرُهَا وَمَسْتَوْدَعَهَا

---

<sup>570</sup> Surah Ghāfir: 60.

Terjemahan: Dan tiadalah dari makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan.

[Surah Hud: 6]

Berdasarkan fatwa DIM, LDF dan HAF mengenai isu mengikat tiub fallopio disebabkan khuatir anak cacat, pengkaji mendapati perbezaan pandangan mereka berpunca dari penggunaan hujah yang berbeza. DIM mengharuskan proses ini kerana melihat *maṣlaḥah* ibu bapa, masyarakat dan bayi itu sendiri, manakala LDF dan HAF tidak menggunakan pertimbangan *maqāṣid* kerana mereka berpandangan perbuatan ini bertentangan dengan dalil khusus dari al-Qur'an yang melarang pengguguran bayi yang dikhuatiri cacat. Maka, tiada keperluan menimbangnya dari sudut *maqāṣid*.

### 5.5.8 Kembar Siam

Jadual 5.35: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Kembar Siam

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Kembar Siam			2010							

Sumber: Analisis Pengkaji

MFI memutuskan resolusi mengenai kembar siam pada tahun 2010 dan tiada badan fatwa lain yang membincangkan mengenai isu ini<sup>571</sup>. Berikut adalah antara isi penting resolusi tersebut:

1. Penentuan sama ada pasangan kembar siam dikira sebagai dua individu atau satu individu ditentukan oleh doktor pakar.
2. Memisahkan pasangan kembar siam dibenarkan dengan beberapa syarat:

<sup>571</sup> MFI, *Qarārāt MFID al-Daurah 20*, dalam *Majallah MFI* no. 26, 395-397.

- a. Doktor pakar mengesahkan pembedahan tidak akan menyebabkan kematian kepada kedua-dua mereka atau salah seorang dari mereka, atau tidak memberi mudarat yang lebih buruk berbanding membiarkan mereka tanpa pembedahan.
  - b. Pembedahan dilakukan oleh doktor pakar.
  - c. Pasangan kembar memberi izin untuk menjalani pembedahan. Jika mereka masih belum baligh, keizinan diminta dari wali.
3. Antara *maṣlaḥah* yang dipertimbangkan dalam memberi keharusan pembedahan adalah:
- a. Memelihara nyawa mereka.
  - b. Memastikan mereka boleh melaksanakan kewajipan syarak secara berasingan.
  - c. Memberikan kehidupan peribadi kepada mereka tanpa terikat dengan pasangan kembarnya.
  - d. Menjaga aurat sendiri tanpa dilihat oleh pasangannya.
  - e. Mengurangkan beban keluarga untuk menjaga mereka.

MFI menggunakan kaedah fiqh مثله أو أكبر منه) (الضرر لا يزال بضرر مثله أو أكبر منه) dan pertimbangan *maqāṣid* antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah*. Berdasarkan pertimbangan MFI, keharusan pembedahan pasangan kembar siam lebih memberikan *maṣlaḥah* berbanding *mafsadah*. Selain itu, mereka turut meletakkan syarat kepakaran doktor dan keizinan dari pesakit sebelum pembedahan dilakukan.

## **5.6 Analisis Hukum dan ‘Illah Keharusan atau Larangan Pembedahan Kosmetik**

Terdapat empat resolusi dan fatwa berkaitan *taghyīr khalqillāh* yang diputuskan berada dalam kategori ‘Pembedahan Kosmetik’ iaitu; (i) pembedahan kosmetik dan pembedahan plastik, (ii) mencantikkan gigi, (iii) rekonstruksi vagina, (vii) mencukur kening untuk pembedahan.

### **5.6.1 Pembedahan Kosmetik dan Pembedahan Plastik**

**Jadual 5.36: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Pembedahan Kosmetik dan Pembedahan Plastik**

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Pembedahan Kosmetik dan Pembedahan Plastik		2007		2014				(675) 1984	(112-2) 2013	78(3/18) 2009
Pembedahan Membetulkan Hidung Bengkok, Mengecilkan dan Mencantikkan Hidung					(3132) 2016		(5408)	(4287) 1997	(81-1) 2010	
Pembedahan Plastik Membuang Kecacatan							(6908)		(23-2) 1998	
Pembedahan Plastik Mencantikkan Dada, Muka dan Perut							(9204)	(1709) 1988 (5856) 2002		
Wanita Mencantikkan Bibir								(6249) 2003 (6875) 2005		

Sumber: Analisis Pengkaji

Terdapat tujuh badan fatwa yang telah memutuskan resolusi dan fatwa berkaitan pembedahan kosmetik dan plastik iaitu MFID<sup>572</sup>, MUIB<sup>573</sup>, DIM<sup>574</sup>, LDF<sup>575</sup>, HAF<sup>576</sup>, DIF<sup>577</sup> dan MFIH<sup>578</sup>, merangkumi jumlah keseluruhan enam belas resolusi dan fatwa, melibatkan lima isu iaitu (i) pembedahan kosmetik dan plastik secara umum, (ii) pembedahan membetulkan hidung bengkok, mengecilkan dan mencantikkan hidung, (iii) pembedahan plastik membuang kecacatan, (iv) pembedahan plastik mencantikkan dada, muka dan perut, (v) wanita mencantikkan bibir. HAF merupakan badan fatwa yang memutuskan fatwa terbanyak berkaitan isu ini dengan enam fatwa, diikuti LDF dan DIF dengan tiga fatwa manakala baki badan fatwa lain hanya memutuskan satu resolusi atau fatwa sahaja.

Berdasarkan teks resolusi dan fatwa, pengkaji merumuskan semua badan fatwa ini menggunakan pertimbangan *maqāṣid* dalam memberikan keputusan selain beberapa syarat tambahan. Mereka membahagikan pembedahan kosmetik dan plastik kepada tiga tahap iaitu pembedahan *darūrah*, pembedahan *ḥājah* dan pembedahan *taḥsīniyyah*. Pembedahan *darūrah* dan pembedahan *ḥājah* adalah pembedahan yang bertujuan

<sup>572</sup> MFID, “Resolusi Berkaitan Pembedahan Plastik dan Hukumnya” (قرار بشأن الجراحة التجميلية وأحكامها), dalam laman sesawang rasmi MFID bertarikh 14 Julai 2007, <http://www.iifa-aifi.org/2283.html>, diakses pada 19 Februari 2018.

<sup>573</sup> MUIB, “Pembedahan Kosmetik” (الجراحة التجميلية), dalam laman sesawang rasmi MUIB bertarikh 17 Mei 2017, <https://www.e-cfr.org/>, diakses pada 19 Februari 2018.

<sup>574</sup> DIM, “Membetulkan Hidung Bengkok” (علاج تقوس في عضمة الأنف), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 8 Jun 2016, <http://daralifta.org,eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 19 Februari 2018.

<sup>575</sup> Al-Fawzān, *al-Fatāwā al-Muta‘alliqah bi al-Tibb*, 258-260.

<sup>576</sup> HAF, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyyah*, 2:281, 5:350-351, 13:319-320, 18:323-324, 19:373, 21:287.

<sup>577</sup> DIF, *Mukhtārāt min Qarārāt DIF*, 4:104-105, 5:91-92, ; DIF, “Membuang Kecacatan” (إزالة عارض), dalam laman sesawang rasmi DIF, <http://www.darifta.org/majles2014/showfile/show.php?id=47>, diakses pada 19 Februari 2018.

<sup>578</sup> MFIH, *Qarārāt wa Tauṣīyyāt MFIH al-Nadawāt 1-21 al-Qarārāt 1-91*, 306-307.

menyelamatkan nyawa pesakit, merawat pesakit, mengembalikan anggota badan yang cacat supaya hampir kepada bentuk normal. Maka, dua tahap pembedahan ini dilakukan bagi menghilangkan mudarat yang menimpa pesakit, sama ada mudarat yang bersifat fizikal seperti kesukaran kesan lecur akibat kebakaran atau rekonstruksi payudara selepas dibuang akibat kanser, atau mudarat yang bersifat emosi seperti hidung atau payudara yang terlalu besar berbanding saiz normal. Perbezaan ketara antara saiz hidung atau payudaranya dengan saiz normal menjadikannya malu dan tiada keyakinan diri untuk bertemu masyarakat. Justeru, semua badan fatwa ini membenarkan pembedahan kosmetik pada tahap *darūrah* dan *ḥājah*.

Namun terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi seperti (i) kelayakan doktor yang melakukan pembedahan, (ii) risiko kejayaan pembedahan yang tinggi, (iii) mendapat keizinan dari pesakit dan (iv) menjaga batasan aurat ketika proses pembedahan.

Pembedahan *taḥsīnah* pula adalah pembedahan yang dilakukan dengan tujuan kecantikan semata-mata tanpa sebarang indikasi perubatan. Sebagai contoh, menghilangkan kedutan pada wajah dan tubuh badan disebabkan peningkatan umur dilarang oleh syarak. Majoriti badan fatwa melarang pembedahan pada tahap *taḥsīnah* yang dibuat semata-mata dengan tujuan kecantikan. Namun, MUIB pula berpendapat sedikit berbeza dengan enam badan fatwa lain kerana MUIB membahagikan pembedahan *taḥsīnah* kepada dua iaitu pembedahan *taḥsīnah* yang dibenarkan syarak dan pembedahan *taḥsīnah* yang tidak dibenarkan syarak. Menurut MUIB, pembedahan *taḥsīnah* yang dibenarkan syarak adalah pembedahan mengembalikan anggota badan yang tidak normal kepada normal dan ketidaknormalan tersebut memberi kesan kepada emosi pesakit, manakala pembedahan anggota tidak normal yang memberi kesan kepada fizikal diletakkan dalam kategori pembedahan *ḥājah*. Pembedahan *taḥsīnah* yang dilarang syarak pula adalah pembedahan yang bertujuan kecantikan semata-mata. Hakikatnya,

pandangan MUIB ini hanya berbeza pada pengelasan sahaja kerana keputusan kedua-duanya masih sama kerana membenarkan pembedahan kosmetik bagi pesakit yang tiada keyakinan diri disebabkan perbezaan anggotanya berbanding bentuk normal.

Walaupun semua badan fatwa ini mengharuskan pembedahan plastik dan kosmetik bagi pesakit yang tiada keyakinan diri, pengkaji berpendapat kelonggaran ini tidak boleh dibiarkan terbuka luas tanpa peraturan yang mengikat. Hal ini dikhuatiri semua orang akan menggunakan alasan ini untuk melakukan pembedahan plastik atau kosmetik walaupun ketidaknormalan tersebut hanya sedikit sahaja dan pesakit tersebut hanya memerlukan khidmat kaunseling dan peningkatan iman berbanding pembedahan. Penetapan peraturan ini selari dengan kaedah fiqh:

إِذَا ضَاقَ الْأَمْرُ اتَّسَعَ ، وَإِذَا اتَّسَعَ ضَاقَ

Terjemahan: Jika keadaan menjadi terlalu sempit, maka jalan perlu diluaskan. Dan jika jalan menjadi terlalu luas, ia perlu disempitkan semula<sup>579</sup>.

Justeru, pengkaji berpendapat setiap pesakit yang menjadikan alasan tiada keyakinan bagi menjalani pembedahan plastik perlu menjalani khidmat kaunseling atau berjumpa dengan doktor pakar psikiatri bagi melihat tahap keperluan pembedahan tersebut. Hanya pesakit yang benar-benar tiada keyakinan diri sahaja dibenarkan menjalani pembedahan ini.

### **5.6.2 Mencantikkan Gigi**

Jadual 5.37: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Mencantikkan Gigi

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Memakai Pendakap Gigi					(627) 2004					

<sup>579</sup> Muḥammad al-Zuhailī, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 1:272.

Menempel Gigi Emas						(15375)		
Merapikan Gigi yang Tidak Tersusun						(20888)	(4287) 1997	
Menampal Gigi Palsu						(21104)		

Sumber: Analisis Pengkaji

Fatwa mengenai mencantikkan gigi mengandungi empat isu berkaitan iaitu (i) memakai pendakap gigi, (ii) menempel gigi emas, (iii) merapikan gigi yang tidak tersusun dan (iv) menampal gigi palsu. Fatwa berkaitan empat isu ini telah diputuskan oleh tiga badan fatwa iaitu DIM<sup>580</sup>, LDF<sup>581</sup> dan HAF<sup>582</sup>. Semua empat isu berkaitan mencantikkan gigi ini diharuskan oleh tiga badan fatwa ini dengan alasan rawatan berdasarkan hadis Nabi SAW yang menggalakkan umatnya mendapatkan rawatan ketika sakit. Rawatan yang dibenarkan merangkumi kesakitan fizikal pada gigi atau kurang keyakinan diri disebabkan kecacatan pada gigi. DIM pula menambah, keharusan ini berdasarkan kaedah fiqh “mudarat perlu dihilangkan” (الضرر يزال) <sup>583</sup>. Menurut DIM lagi, proses pemasangan pendakap gigi ini mestilah dilakukan oleh doktor pakar.

LDF dan HAF pula menggunakan pertimbangan *maqāṣid*. Menurut mereka, operasi merapikan gigi yang tidak tersusun dan menampal gigi palsu atau emas diharuskan kerana ia berada pada tahap *ḥajjah*. Berikut adalah teks dua badan fatwa ini:

[HAF] تقويم الأسنان . . . إن قصد به معالجة عيوب طارئة أو أصلية، تؤدي إلى تشوه الخلقة السوية، أو تسبب ألماً أو جرحاً نفسياً، أو إخلال بوظائف الأعضاء،

<sup>580</sup> DIM, “Memakai Pendakap Gigi” (تقويم الأسنان), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 14 Mac 2004, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 20 Februari 2018.

<sup>581</sup> Al-Fawzān, *al-Fatāwā al-Muta‘alliqah bi al-Tibb*, 260-263.

<sup>582</sup> HAF, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah*, 13:319-320.

<sup>583</sup> Al-Suyūtī, *al-Ashbah wa al-Naṣā’ir*, 86.

فهو جائز لما في ذلك من المصلحة الحاجية الغالبة، وإن كان لغير ذلك فلا يجوز  
لما فيه من تغيير خلق الله والتغريب.

Terjemahan: Mendakap gigi ... jika bertujuan merawat kecacatan sama ada kecacatan yang mendatang atau asli, yang membawa kepada bentuk fizikal yang buruk, atau menyebabkan kesakitan fizikal atau tekanan emosi, atau mencacatkan bentuk fizikal badan, maka ia dibenarkan berdasarkan (pertimbangan *maqāsid*) *maṣlaḥah ḥajīyyah* yang dominan. Jika terdapat tujuan lain (seperti untuk kecantikan semata-mata), maka ia tidak dibenarkan kerana membawa kepada *taghyīr khalqillāh* dan penipuan.

[LDF] يجوز للرجل ربط أسنانه بالذهب وتلبيسها به عند الحاجة.

Terjemahan: Lelaki diharuskan memakai gigi emas ketika *ḥajah*.

Justeru, mencantikkan gigi diharuskan dengan tujuan rawatan atau menghilangkan mudarat fizikal dan emosi. Dua tujuan ini menjadikan operasi mencantikkan gigi berada pada tahap *ḥajah* manakala operasi yang dibuat dengan tujuan kecantikan semata-mata dilarang kerana ia termasuk dalam perbuatan *taghyīr khalqillāh* yang dilarang.

### 5.6.3 Rekonstruksi Vagina

Jadual 5.38: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Rekonstruksi Vagina

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Rekonstruksi Vagina								(5855) 2002		

Sumber: Analisis Pengkaji

Hanya HAF sahaja yang memutuskan fatwa mengenai rekonstruksi vagina, iaitu pada tahun 2002<sup>584</sup>. Fatwa ini diputuskan selepas HAF mendapat soalan berikut:

<sup>584</sup> HAF, *Majmū‘ah al-Fatāwā al-Shar‘iyah*, 18:321.

“Kelahiran yang kerap menjadikan vagina longgar dan ramai wanita yang melakukan pembedahan menyempitkan vagina tanpa sebarang sebab perubatan. Semasa pembedahan dijalankan, wanita akan menerima ubat bius yang tinggi. Antara risiko pembedahan ini adalah pendarahan dan kegagalan pembedahan. Apakah hukum pembedahan ini? Adakah doktor dan pesakit yang menjalani pembedahan ini berdosa?”.

Menurut HAF pula, jika pembedahan ini berdepan dengan risiko kegagalan, maka ia tidak dibenarkan. Namun, jika tiada sebarang risiko ke atas nyawa, pesakit boleh melakukan pembedahan rekonstruksi vagina supaya kembali kepada bentuk asal sebelum kelahiran. Menurut HAF, keharusan ini diberikan kerana *maṣlaḥah* kepada pesakit tersebut. Namun, mereka tidak memperincikan bentuk *maṣlaḥah* pesakit. Namun, pengkaji berpendapat antara bentuk *maṣlaḥah* yang dipertimbangkan bagi pembedahan menyempitkan semula vagina adalah kepuasan seks bagi lelaki. Maka, hal ini termasuk dalam proses rawatan.

#### **5.6.4 Mencukur Kening untuk Pembedahan**

Jadual 5.39: Tahun dan Nombor Resolusi dan Fatwa Mencukur Kening untuk Pembedahan

Isu	Antarabangsa						Negara Islam Utama			
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Mencukur Kening untuk Pembedahan									(83-3) 2010	

Sumber: Analisis Pengkaji

Mencukur kening dilarang oleh Nabi SAW secara jelas di dalam hadis namun fatwa DIF pada tahun 2010<sup>585</sup> mengharuskan wanita mencukur bulu kening atas tujuan rawatan berdasarkan kaedah fiqh:

<sup>585</sup> DIF, “Mencukur Kening Perempuan untuk Menjalani Pembedahan Selepas Kemalangan” (الوشم مكان)، DIF, “Mencukur Kening Perempuan untuk Menjalani Pembedahan Selepas Kemalangan” (الوشم مكان)، dalam laman sesawang rasmi DIF, <http://www.darifta.org/majles2014/showfile/show.php?id=185>, diakses pada 27 Mac 2018.

- i. Keadaan *darūrah* mengharuskan perbuatan haram (الضرورات تبيح المحظورات).
- ii. Menghilangkan mudarat (رفع الضرر).

Selain itu, DIF menambah dua syarat yang mesti dipatuhi iaitu (i) tiada alternatif lain selain mencukur bulu keping dan (ii) tiada mudarat lain yang timbul selepas keping dicukur.

## 5.7 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dalam Bab 5 menerusi analisis pada resolusi dan fatwa perubatan yang berkaitan *taghyīr khalqillāh* dari sepuluh badan fatwa dunia, pengkaji mendapati resolusi dan fatwa yang diputuskan selari dengan konsep *taghyīr khalqillāh* yang pengkaji rumuskan dalam perbincangan Bab 2 dan Bab 3. Hal ini boleh dilihat menerusi penentuan hukum sesuatu prosedur rawatan dengan melihat tahap prosedur tersebut, sama ada berada pada tahap *darūrah*, *ḥājah* atau *tahsīnah*. Selain itu, aplikasi *maqāṣid sharī‘ah* menerusi pertimbangan antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah* turut digunakan.

Jadual 5.40: Aplikasi *Maqāsid Sharī‘ah* dalam Penentuan Hukum bagi Setiap Isu

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama						Hukum	Jumlah	
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH			
Transplan Anggota Badan atau Organ		1988	1985	2000	(1323) 1979  (739) 2003		(99) 1982  (181) 1996  (20963) 1997	(646) 1979  (3949) 1996  (4283) 1997	(106-1) 2013	3(2/2) 1989		Harus	13
Transplan Organ Bukan Muslim kepada Muslim							(20913)	(648) 1984				Harus	2
Transplan Sistem Saraf, Sel Tunjang dan Sel Otak		1990			(579) 2005							Harus	2
Transplan Organ dari Janin	1990											Harus jika sumber dibenarkan syarak	1
Transplan Organ Reproduktif	1990											Harus jika bukan aurat <i>mughallazah</i> atau memindahkan maklumat genetik	1
Transplan Rahim								(6544) 2004				Tidak harus	1
Transplan Testis					(752) 2007			(5205) 2000				Tidak harus	2
Transplan Rambut								(3945) 1997  (4286) 1997				Harus	2
Transplan Jari					(1995) 2005							Harus	1
Transplan Kornea					(1087) 1959  (2552) 2013		(62) 1978	(649) 1980					4
Transplan Jantung					(165) 2011							Tidak dibenarkan dari penderma hidup	1

Transplan Injap Jantung dari Khinzir (Xenotransplantation)					(725) 2010						Harus	1
Derma Organ							(1055) 1985		105(5/24) 2015		Harus	2
Derma Kornea Mata					(2) 1984						Harus	1
Derma Buah Pinggang					(123) 2008 (151) 2011 (215) 2015		(5206) 2000					4
Derma Hati					(166) 2011							1
Derma Sum-sum Tulang							(3178) 1994					1
Diagnosis Genetik		2012 2013	2002 2003	2005					65(3/15) 2006		Harus	6
Rawatan Sel Tunjang			2003		(311) 2008 (3728) 2015	(189) 2013					Harus	4
Penyakit Genetik							(6879) 2005			Harus merancang kehamilan jika khuatir anak yang dilahirkan cacat dengan syarat tidak bersifat kekal		1
Memilih Jantina Bayi		2012 2013	2007							Tidak harus, tiada keperluan		3
Bayi Tabung Uji		1985 1986	1982 1984 1985 1990		(3445) 1969 (5) 1984		(660) 1978 (661) (103-2)	(4-2) 1996			Harus	22

					2006			1984 (1053) 1986  (2793) (2794) 1993  (3171) (3175) (3176) 1994  (3943) 1996  (5858) 2002  (6244) 2003	2013				
Pengklonan Manusia		1997		2003				(5852) 2002  (6882) 2005	(12-1) 1997	44(4/10) 1997		Haram	6
Transgender			1989		(1288) 1981	(245) 2017	(1542) (176) 1992	(650) 1984  (4282) 1997	(49-1) 2004			Harus bagi khunsa tetapi haram bagi lelaki kepada wanita atau sebaliknya	8
Khitian Kanak-kanak Perempuan					(874) 1951		(563)					Harus	26

Memotong Jari Tambahan (Pilidaktili)					(518) 2006 (1978) 1968		(4285) (5934)	(2253) 1990 (4285) 1997			Harus	
Membuang Rahim Wanita OKU					(194) 2014			(6547) 2004	(61-3) 2006		DIF (Harus) HAF dan DIJ (Haram)	3
Mengembalikan Selaput Dara (Hymenoplasty)					(3438) 2003			(5203) 2000			Harus	2
Menyamakan Gigi yang Terlebih Panjang						(4030)					Harus	1
Pemandulan Kekal dan Ikat Tiub Fallopio					(445) (580) (636) 2005 (2012) 2007		(663) 1984 (4563) 1998 (6457) (18908)			Harus jika bertujuan untuk menyelamatkan nyawa ibu	11	
Kembar Siam		2010									Harus jika tidak berisiko	1
Pembedahan Kosmetik dan Pembedahan Plastik	2007		2014				(675) 1984	(112-2) 2013	78(3/18) 2009			5
Pembedahan Membetulkan Hidung Bengkok, Mengencilkan dan Mencantikkan Hidung					(3132) 2016		(5408)	(4287) 1997	(81-1) 2010		Harus jika berada pada tahap <i>darūrah</i> dan <i>ḥājah</i>	4
Pembedahan Plastik Membuang Kecacatan							(6908)		(23-2) 1998			2

Pembedahan Plastik Mencantikkan Dada, Muka dan Perut							(9204)	(1709) 1988 (5856) 2002					3
Wanita Mencantikkan Bibir								(6249) 2003 (6875) 2005					2
Memakai Pendakap Gigi					(627) 2004								1
Menempel Gigi Emas							(15375)						1
Merapikan Gigi yang Tidak Tersusun							(20888)	(4287) 1997				Harus kerana berada pada tahap <i>hajah</i>	2
Menampal Gigi Palsu							(21104)						1
Rekonstruksi Vagina								(5855) 2002				Harus	1
Mencukur Kening untuk Pembedahan									(83-3) 2010			Harus	1
Jumlah	0	12	11	4	23	10	19	45	10	5		139	
Berkaitan maqasid	0	7	4	3	16	7	17	28	8	3		93	

<i>Maslahah</i> dan <i>mafsadah</i>
<i>Darūrah</i>
<i>Hajah</i>
<i>Taḥṣīnah</i>

Berdasarkan Jadual 5.40, terdapat 93 isu dari keseluruhan 139 isu diputuskan berdasarkan aplikasi *maqāṣid sharī‘ah*, sama ada melalui pertimbangan antara *maṣlaḥah* dengan *mafsadah*, dan pengelasan kepada tiga tahap keperluan iaitu *darūrah*, *ḥājrah* dan *taḥṣīnah*. Perbincangan mengenai *maqasid sharī‘ah* boleh dilihat dalam beberapa pecahan seperti<sup>586</sup>:

- a) *Maqāṣid* yang bergantung kepada sumber dalil; (i) *al-Maqāṣid al-Qaṭ’iyah* yang terbina di atas dalil yang pasti (*qaṭ’ī*), (ii) *al-Maqāṣid al-Zanniyyah* yang terbina di atas dalil sangkaan (*zanni*) (iii) *al-Maqāṣid al-Wahmiyyah* yang terbina di atas dalil yang tidak pasti.
- b) *Maqāṣid* yang bergantung kepada tempat (*al-manāṭ*); (i) *al-Maqāṣid al-Kulliyyah*, (ii) *al-Maqāṣid al-Nau’iyah* dan (iii) *al-Maqāṣid al-Juz’iyah*.
- c) *Maqāṣid* yang bergantung kepada skop; (i) *al-Maqāṣid al-‘Āmmah* dan (ii) *al-Maqāṣid al-Khāṣṣah*.
- d) *Maqāṣid* yang bergantung kepada tahap; (i) *Maqāṣid al-Uṣūl* dan (ii) *Maqāṣid al-Wasā’il*.
- e) *Maqāṣid* yang bergantung kepada kekuatan *maslahah*, yang mempertimbangkan antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah*; (i) *al-Maqāṣid al-Darūriyyah*, (ii) *al-Maqāṣid al-Hājiyyah* dan *al-Maqāṣid al-Taḥṣīniyyah*.

Aplikasi penggunaan *maqāṣid* dalam pemutusan hukum biasanya merujuk kepada *maqasid* dari jenis kelima yang menggunakan pertimbangan *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dengan pembahagian kepada tiga tahap keperluan iaitu *darūriyyah*, *hājiyyah* dan *taḥṣīniyyah*. Perkara ini turut boleh dilihat dengan jelas dalam Jadual 5.40.

<sup>586</sup> Al-Najjār, ‘Abd al-Majīd, *Maqāṣid al-Sharī‘ah bi Ab‘ād Jadīdah* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2008), 36-58.

## BAB 6: PENUTUP

### 6.1 Pengenalan

Bab 6 akan menjadi penutup bagi kajian dengan membincangkan rumusan keseluruhan kajian ini. Rumusan kajian dibuat berpandukan tiga objektif kajian iaitu (i) menjelaskan konsep *taghyīr khalqillāh* menurut perspektif *mufassirīn*, *muḥaddithīn* dan fuqaha, (ii) mengenalpasti tafsiran *taghyīr khalqillāh* dalam resolusi dan fatwa semasa, dan (iii) menentukan kriteria *taghyīr khalqillāh* yang dibenarkan menurut perspektif Islam. Seterusnya, pengkaji akan mengemukakan cadangan berupa carta alir proses penentuan hukum keharusan *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah*. Cadangan ini boleh digunakan oleh pelbagai pihak seperti pentadbiran agama dan pejabat mufti, pengamal perubatan dan masyarakat umum. Akhir sekali, pengkaji akan mencadangkan beberapa perkara untuk kajian lanjut untuk diteruskan oleh pengkaji lain.

### 6.2 Rumusan Kajian

*Taghyīr khalqillāh* terbentuk dari gabungan dua perkataan iaitu *taghyīr* yang bermaksud pengubahan, *khalq* yang bermaksud susunan, ciptaan dan fitrah manakala Allah nama bagi Zat yang Maha Agung, Pencipta Alam Semesta<sup>587</sup>. Definisi *taghyīr* secara bahasa adalah satu proses pengubahan dari ‘asal’ ke ‘baru’, tidak kira pengubahan bentuk, tempat, benda, keadaan, bahasa dan perkataan. *Khalqillāh* pula adalah segala jenis makhluk ciptaan Allah SWT. Bagi kajian mengenai *taghyīr khalqillāh* ini, pengkaji berpendapat maksud *taghyīr* dalam istilah *taghyīr khalqillāh* adalah pengubahan bentuk.

---

<sup>587</sup> Mohammad Naqib bin Hamdan dan Mohd Anuar Ramli, “Konsep Mengubah Ciptaan Allah SWT: Analisis Hukum Pengkulturan Daging”, *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, vol. 5 (2015), 81-106.

Seterusnya, pengkaji berpandangan definisi *taghyīr khalqillāh* pada istilah pula adalah seperti berikut:

Pengubahan dari suatu bentuk asal kepada bentuk baharu, sama ada pengubahan fizikal atau maknawi, yang berpandukan kepada pertimbangan *maqāsid al-shari‘ah*.

Terdapat beberapa elemen penting dalam definisi ini iaitu; pertama, *taghyīr khalqillāh* mestilah melibatkan pengubahan kerana jika tiada pengubahan, maka ia tidak termasuk dalam *taghyīr khalqillāh*. Kedua, pengubahan tersebut mestilah dari bentuk asal kepada bentuk baharu. Ketiga, pengubahan pula melibatkan pengubahan fizikal seperti pembedahan dan pengubahan maknawi seperti mengubah hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Keempat, *taghyīr khalqillāh* yang dibuat pula berpandukan kepada pertimbangan *maqāsid* iaitu *taghyīr ḥarūrī*, *taghyīr hājī* atau *taghyīr taḥṣīnī*.

Asas utama pembentukan konsep *taghyīr khalqillāh* adalah ayat 119, surah al-Nisā’. Berdasarkan penelitian pada 12 *mufassirīn*, terdapat dua dalil dari al-Quran dan lima dalil dari hadis Nabi SAW yang digunakan oleh *mufassirīn* untuk menyokong penjelasan mengenai konsep *taghyīr khalqillāh*. Dua dalil al-Qur’ān tersebut adalah dari surah al-Rūm, ayat 30 dan surah Yūnus, ayat 59 manakala lima dalil dari hadis Nabi SAW pula adalah hadis berkaitan kelahiran setiap manusia dalam keadaan fitrah, peranan syaitan untuk menyesatkan manusia, perbuatan manusia mencacatkan telinga unta, larangan mengkasi haiwan ternakan dan larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*. Berdasarkan penelitian pengkaji pada semua dalil tersebut, pengkaji berpendapat dalil yang paling sesuai untuk dikembangkan adalah hadis mengenai larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*. Justeru, menerusi hadis ini, pengkaji penelitian dibuat terhadap perbincangan *muḥaddithīn* dan fuqaha yang menghuraikan hadis ini.

Seterusnya, *mufassirin* membahagikan *taghyīr khalqillāh* kepada *taghyīr hissī* dan *taghyīr ma‘nawī*. *Taghyīr hissī* pula dipecahkan kepada empat asas utama iaitu (i) bentuk pengubahan, sama ada kekal atau sementara, (ii) tujuan pengubahan seperti berhias untuk lelaki ajnabī (iii) pertimbangan *maqāsid* sesuatu pengubahan dan (iv) hasil fizikal pengubahan.

Konsep *taghyīr khalqillāh* dari perspektif *muḥaddithīn* dan fuqaha pula dilihat menerusi ‘illah larangan *al-waṣl*, *al-washm*, *al-namṣ* dan *al-tafalluj*. Hadis ini telah diriwayatkan oleh 7 orang perawi dari kalangan sahabat iaitu Abū Hurairah, Ibn ‘Abbās, Ibn Mas‘ūd, Ibn ‘Umar, Ma‘qil bin Yasār, Jābir bin ‘Abdullāh, Mu‘āwiyah bin Abū Sufyān dan 2 orang dari kalangan sahabah iaitu ‘Āishah binti Abū Bakr dan Asmā’ binti Abū Bakr. Semua riwayat ini boleh ditemui dalam beberapa buku utama hadis seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Muslim* oleh Muslim, *Sunan al-Tirmidhī* oleh al-Tirmidhi, *Sunan al-Nasā'ī* oleh al-Nasā'ī, *Sunan Abī Dāwūd* oleh Abū Dāwūd, *al-Muwaṭṭa* oleh Imam Mālik dan *al-Musnad* oleh Imam Ahmad.

Berdasarkan analisis pengkaji pada huraiyan *muḥaddithīn* dan fuqaha terhadap hadis ini, pengkaji menemui beberapa ‘illah larangan bagi setiap perbuatan ini. ‘Illah larangan *al-waṣl* adalah mengubah ciptaan Allah SWT, kecantikan, penipuan, larangan pada bahan yang digunakan, kesan *mafsadah* yang berhasil, menjaga *karāmah al-insān*, sumber rambut dari unsur najis atau ajnabi dan perbuatan menyambung itu sendiri. ‘Illah larangan *al-washm* pula adalah mengubah ciptaan Allah SWT, penipuan, membawa *mafsadah*, kawasan cacah tatu menjadi najis dan kesan tatu bersifat kekal. ‘Illah larangan *al-namṣ* pula adalah mengubah ciptaan Allah SWT, penipuan, membawa *mafsadah*, berlebih-lebihan, berhias untuk ajnabi, larangan ke atas wanita tertentu dan *tashabbuh* dengan pelacur. ‘Illah larangan *al-tafalluj* pula adalah mengubah ciptaan Allah SWT, penipuan, membawa *mafsadah*, berlebih-lebihan dan kecantikan.

Pengkaji mendapati ‘illah larangan tersebut menepati tiga asas yang telah dibincangkan oleh *mufassirin* iaitu (i) tujuan *taghyīr* seperti kecantikan atau rawatan, (ii) bentuk pengubahan sama ada kekal atau sementara dan (iii) pertimbangan *maqāṣid* seperti membawa kepada *mafsadah* berbanding memberi manfaat. Terdapat satu asas tambahan oleh *muḥaddithin* dan fuqaha iaitu sumber bahan yang digunakan semasa proses *taghyīr* sama ada sumber haiwan atau tubuh badan manusia sendiri.

Seterusnya, pengkaji menambah perbincangan dari beberapa hadis lain sebagai sokongan seperti hadis berkaitan amalan fitrah, hadis ‘Arfajah menggunakan hidung emas palsu dan hadis *al-Ladūd*, di samping perbincangan fuqaha mengenai izin pesakit. Berdasarkan perbincangan tersebut, pengkaji mencadangkan kriteria bagi *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah*. Pengkaji tidak mencadangkan kriteria bagi *taghyīr khalqillāh* pada peringkat *darūriyyah* dan *ḥājiyyah* kerana para ulama mengharuskannya secara umum pada batasan tertentu sekadar keperluan sahaja.

Antara kriteria dan panduan *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah* yang dibenarkan adalah (i) perbuatan tersebut tidak dilarang secara khusus melalui dalil al-Qur'an atau hadis Nabi SAW, (ii) perbuatan tersebut tidak bertentangan dengan kaedah umum dalam Islam seperti tiada *tashabbuh* dengan pelaku maksiat dan orang kafir, tidak membawa kepada keceluaran jantina, tiada unsur tipudaya, mengikut konsep kecantikan yang dibenarkan oleh Islam, tidak membawa mudarat yang lebih besar, menjaga hukum hakam aurat, dan (iii) perbuatan tersebut menepati ciri-ciri rawatan yang dibenarkan oleh Islam seperti peratus kejayaan yang tinggi, mendapat izin pesakit dan doktor yang terlibat memiliki kelayakan dan kemahiran yang mencukupi.

Berdasarkan konsep dan panduan *taghyīr khalqillāh* ini, pengkaji menganalisis teks resolusi dan fatwa sepuluh badan fatwa dunia dan mendapati mereka menilai keharusan prosedur rawatan berkaitan *taghyīr khalqillāh* bergantung kepada tahap

keperluan sesuatu rawatan, sama ada berada pada tahap *darūrah*, *ḥājah* atau *taḥṣīnah*. Selain itu, pertimbangan antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah* turut digunakan. *Taghyīr khalqillāh* yang berada pada tahap *darūrah* dan *ḥājah* dibenarkan manakala *taghyīr khalqillāh* yang berada pada tahap *taḥṣīnah* perlu kepada enam pertimbangan lain iaitu bentuk, sumber, teknik, kesan, tujuan dan lain-lain. Kadaan ini selari dengan konsep dan panduan *taghyīr khalqillāh* yang dicadangkan oleh pengkaji.


### 6.3 Cadangan

Perbincangan mengenai konsep *taghyīr khalqillāh* dan panduan *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah* yang dicadangkan dalam kajian ini tidak bermakna tanpa usaha menerapkannya dalam lapangan sama ada dalam bidang praktikal perubatan oleh para pengamal perubatan dan doktor, atau dalam lapangan kajian hukum oleh pihak berautoriti dalam bidang agama seperti pejabat mufti negeri dan pentadbiran agama. Justeru, pengkaji mencadangkan satu prosedur standard operasi (SOP – *Standard Operating Procedure*) bagi sebarang prosedur rawatan yang melibatkan *taghyīr khalqillāh taḥṣīniyyah*. Pengkaji juga mencadangkan beberapa perkara kepada pentadbiran agama dan pejabat mufti negeri, pengamal perubatan dan masyarakat umum:

- f) Isu-isu dalam bidang perubatan berkembang dengan sangat cepat dan memerlukan respons hukum dari pihak berautoriti. Justeru, SOP yang dicadangkan boleh digunakan sebagai panduan awal sebelum kajian lanjutan berkenaan sesuatu isu baru dalam bidang perubatan.
- g) Bagi pengamal perubatan, khususnya para doktor yang terlibat dengan prosedur pembedahan yang menyebabkan *taghyīr khalqillāh*, maka SOP yang dicadangkan boleh dijadikan sebagai panduan asas sebelum sebarang prosedur perubatan diteruskan.

- h) Masyarakat yang mahu melakukan sebarang prosedur yang menyebabkan pengubahan pada anggota mereka, maka mereka juga boleh menggunakan SOP ini sebelum berjumpa dengan doktor bagi meneruskan prosedur rawatan berkaitan.

Carta Alir 6.1: SOP *Taghyīr Khalqillah Taḥṣīniyyah*



#### **6.4 Saran Kajian Lanjut**

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, pengkaji mendapati terdapat keperluan kajian integrasi antara para ulama dengan pengamal perubatan. Hal ini penting supaya isu-isu yang dibincangkan selari dengan masalah yang timbul dalam bidang perubatan. Justeru, pengkaji ingin mencadangkan beberapa perkara yang memerlukan kepada kajian lanjut:

- i. Kajian mengenai tahap kefahaman pengamal perubatan terhadap prosedur rawatan yang membawa kepada *taghyīr khalqillāh*. Antara aspek kefahaman yang boleh dikaji adalah tahap kefahaman mereka terhadap larangan prosedur rawatan yang menyebabkan *taghyīr khalqillāh* jika ia sekadar bertujuan kecantikan dan *tabarruj* semata-mata.
- ii. Selain itu, tahap kefahaman dan pengetahuan masyarakat juga boleh diukur melalui persoalan yang sama.
- iii. Kajian mengenai kesesuaian pelaksanaan SOP yang dicadangkan pengkaji dalam lapangan perubatan. Sudah pasti kedapatan perkara yang perlu dinilai semula supaya ia boleh dipraktikkan berbanding menjadi teori semata-mata.
- iv. Menyenaraikan bentuk-bentuk prosedur rawatan yang melibatkan *taghyīr khalqillāh* berdasarkan tahap keperluan; *darūrah*, *ḥājah* dan *taḥsīnah*.

## RUJUKAN

### Buku

- ‘Abd al-‘Azīz et al. *Manāsik wa Fatāwā: al-Hajj wa al-‘Umrah*, dicetak bersama *al-Taḥqīq wa al-Īdāh li Kathīr min Masā’il al-Hajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*. Kaherah: Dār Ibn al-Haitham, 2005.
- ‘Abd al-Majīd Maḥmūd ‘Abd al-Majīd. *Muḥāḍarāt fī Tārikh al-Fiqh al-Islāmī wa al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dār al-Hidāyah, 2011.
- ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abdullah al-Jibrīn. *Manhaj al-Fatwā li al-Lajnah al-Dā’imah li al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ fī al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dirāsah Uṣūlliyyah Taṭbīqiyyah Mūjazah*. Riyad: al-Jam‘iyyah al-Fiqhiyyah al-Su‘ūdiyyah, t.t.
- ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī al-Tha‘labī. *Al-Ma‘ūmah ‘alā Madhhab ‘Ālim al-Madīnah*, ed. Ḥumaish ‘Abd al-Ḥaqq. Mekah al-Mukarramah: al-Maktabah al-Tijāriyyah Muṣṭafā Aḥmad al-Bāz, t.t.
- ‘Abd al-Wahhāb Khallāf. *Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Hadīth, 2003.
- ‘Abdullāh Nūmsūk. *Manhaj al-Imām al-Shawkānī fī al-‘Aqīdah*. Riyad: Maktabah Dār al-Qalam wa al-Kitāb, 1994.
- Al-‘Adawī, ‘Alī bin Aḥmad bin Mukram al-Sa‘idī. *Hāshiyah al-‘Adawī ‘alā Sharḥ Kifāyah al-Ṭālib al-Rabbānī*, ed. Yūsuf Muḥammad al-Biqā‘ī. Beirut: Dār al-Fikr, 1994.
- Al-‘Ainī, Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad. *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abdullāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar. *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī ‘Abdillāh Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-Qādir Shaibah al-Ḥamad. Riyad: Amir Sultān bin ‘Abd al-‘Aziz Alī Su‘ūd, 2001.
- \_\_\_\_\_. *Al-‘Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd dan ‘Alī Muḥammad Mu‘awwaḍ. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415H.
- ‘Illīsh, Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad. *Maṇḥ al-Jalīl Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, dicetak bersama *Ta‘līqāt min Tashīl Maṇḥ al-Jalīl*. Beirut: Dār al-Fikr, 1984.
- \_\_\_\_\_. *Minaḥ al-Jalīl Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*. Beirut: 1989, tp.

‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd al-Salām. *Al-Qawā‘id al-Kubrā* (*Qawā‘id al-Aḥkām fī Masālih al-Anām*), ed. Nazīh Kamāl Ḥammād dan ‘Uthmān Jum‘ah Damīriyyah. Damshik: Dār al-Qalām, 2000.

Ābādi, Abū al-Ṭayyib Muḥammad Shams al-Ḥaqq al-‘Aẓīm. *‘Awn al-Ma‘būd*, dicetak bersama al-Jawziyyah, al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Ibn Qayyim, *Ta‘līqāt Ibn Qayyim*, ed. ‘Iṣām al-Dīn al-Ṣabbabī. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2001.

\_\_\_\_\_. *‘Awn al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*; ed. al-Albānī dan al-Aṭharī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn dan Abū ‘Abdullāh al-Nu‘mānī. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2005.

Abri Brancken. *Altering God’s Design: A Very Existence of Humanity is Under Threat*. USA: Lulu Publication, 2015.

Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qurashī. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, ed. Sāmī bin Muḥammad al-Salamah. Riyad: Dār Ṭībah, 1999.

Abū Dāwūd, Sulaimān bin al-Ash‘ath al-Sijistānī al-Azdī. *Sunan Abī Dāwūd*, dicetak bersama al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan*, ed. ‘Izzat ‘Ubaid al-Da‘ās dan ‘Ādil al-Sayyid. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1997.

\_\_\_\_\_. *Sunan Abū Dāwūd*, ed. Muḥammad Muḥyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥāmid. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, t.t.

\_\_\_\_\_. *Al-Iḥsān fī Taqrīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, ed. Ibn Balbān dan al-Arnā’ūṭ. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1988.

Abū Muḥammad ‘Abd al-Ḥaqq bin Ghālib al-Andalūsī. *Al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Aẓīz*, ed. ‘Abd al-Salām ‘Abd al-Shāfi’ī Muḥammad. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.

Abū Shādī, Anas ‘Abd al-Fattāh. *Taghyīr Khalqillāh bayn al-Fiqh wa al-Tibb*. Kaherah: Penerbit Universiti al-Azhar, 2016.

Aḥmad, Abū ‘Abdullah Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal bin Hilāl bin Asad al-Shaibānī. *Musnad Aḥmad*, ed. Shu‘aib al-Arnā’ūṭ et al. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001.

Alī Faryān, ‘Abd al-Malik bin Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Rahmān. *Aṭhar Takhṣīṣ al-‘Illah fī al-Furū‘ al-Fiqhiyyah*. Riyad: Dār Kunūz Ishbīliyyā, 2012.

Al-Amānah al-‘Āmmah li Hai’ah Kibār al-‘Ulamā. *Abḥāth Hai’ah Kibār al-‘Ulamā bi al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah*. Riyad: HKU, 2014.

Al-Āmidī, Sayf al-Dīn, *al-Aḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*. Kaherah: Mu’assasah al-Ḥalabī, t.t.

Al-Anṣārī, ‘Abd al-‘Alī bin Muḥammad Niẓām al-Dīn. *Fawātīḥ al-Raḥamūt Sharḥ Musallam al-Thubūt*, dicetak bersama al-Bahārī, Muhibbullah bin ‘Abd al-Shukūr, *Musallam al-Thubūt*. Kaherah: Maṭba‘ah al-Amīriyyah, 1324H.

Al-Anṣārī, Zakariyyā al-Miṣrī. *Minḥah al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, ed. al-‘Azamī, Sulaymān bin Durai‘. Riyad: Maktabah al-Rushd, 2005.

Al-Ashqar, ‘Umar Sulaymān. *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*. Kuwait: Maktabah al-Falah, 1982.

Al-Baghawī, al-Ḥusain bin Mas‘ūd. *Sharḥ al-Sunnah*, ed. Shu‘aib al-Arnā’ut. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1983.

Al-Bahūtī, Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs. *Sharḥ Muntahā al-Irādat: Daqā’iq Uлī al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā*, ed. ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2000.

\_\_\_\_\_. *Kashshāf al-Qinā‘ an Matn al-Iqnā‘*. Beirut: Dār al-Fikr, 1982.

\_\_\_\_\_. *Daqā’iq Uli al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā (Sharḥ Muntahā al-Irādat)*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub, 1993.

Al-Baiḍāwī, *Minhāj al-Wuṣūl*, dicetak bersama al-Isnawī, *Nihāyah al-Sūl (Sharḥ al-Isnawī ‘alā al-Minhāj)* dan al-Badakhshī, *Minhāj al-‘Uqūl Sharḥ Minhāj al-Wuṣūl*. Kaherah: Maṭba‘ah ‘Ali Ṣubaih, t.t.

Al-Baihaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusain bin ‘Alī. *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.

Al-Bājī, Abū al-Walīd Sulaymān bin Khalaf bin Sa‘d bin Ayyūb. *Iḥkām al-Fuṣūl fī Aḥkām al-Uṣūl*, ed. ‘Abd al-Majīd Turkī. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmi, 1995.

\_\_\_\_\_. *Al-Muntaqā Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik*, ed. ‘Aṭā, Muḥammad ‘Abd al-Qādir Aḥmad. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.

Berney Glaser dan Anselm Strauss. *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. New Brunswick dan London: Aldine Transaction, 1967.

Al-Bukhārī, ‘Alā’ al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz bin Aḥmad. *Kashf al-Asrār*, dicetak bersama al-Bazdawī, Fakhr al-Islām ‘Alī bin Muḥammad, *Uṣūl al-Bazdawī*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1974.

Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl. *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūlillah SAW wa Sunani-hi wa Ayyāmi-hi*, ed. Muhibb al-Dīn al-Khatīb, Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī dan Quṣay Muhibb al-Dīn al-Khatīb. Kaherah: Maktabah al-Salafiyyah, 1979.

Carol Grbich, *Qualitative Data Analysis: An Introduction*. London: SAGE Publication, 2007.

Clive Hamilton. *Earthmasters: the Dawn of the Age of Climate Engineering*. Connecticut: Yale University Press, 2013.

Dār al-Fatwā wa al-Buhūth al-Islāmiyyah. *Mukhtārāt min Qarārāt Majlis al-Fatwā al-A‘lā*. Palestina: al-Sulṭah al-Waṭaniyyah al-Filastīniyyah, 2007, 2008, 2009, 2012 & 2015.

Al-Dārimī, ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Raḥmān bin al-Faḍl. *Sunan al-Dārimī*, ed. Fawwāz Zamarlī dan Khālid al-Sab‘. Kaherah dan Beirut: Dār al-Rayyān li al-Turāth dan Dār al-Kutub al-‘Arabī, 1987.

Al-Dasūqī, Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Arafah. *Hāshiyah al-Dasūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr*. Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.

Al-Dawīsh, Aḥmad bin ‘Abd al-Razzāq. *Fatāwā al-Lajnah al-Dā’imah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’*. Riyad: Dār al-Mu’ayyid, 1990, 1992, 1995, 1996, 1998, 2003.

Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān. *Siyar A‘lām al-Nubalā*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001.

Al-Dhahabī, Muḥammad dan Muṣṭafā. *Al-Tafsir wa al-Mufassirun*. Kaherah: Dār al-Hadīth, 2005 dan 2012.

DIF. *Mukhtārāt min Qarārāt Majlis al-Iftā’ al-A‘lā*. al-Quds: DIF, 2015.

Al-Duwasrī, Muḥammad bin Sālim. *Raf‘ al-Lā’imah ‘an Fatwā al-Lajnah al-Dā’imah*. Mekah: Dār al-‘Ālam al-Fawā’id, 2001.

Al-Fawzān, Ṣāliḥ bin Muḥammad bin Fawzān. *Al-Fatāwā al-Muta‘alliqah bi al-Tibb wa Aḥkām al-Marḍā*. Riyad: al-Ri’āsah al-‘Āmmah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, 2014.

\_\_\_\_\_. *al-Jirāḥah al-Tajmīliyyah: ‘Ard Tibbī wa Dirāsah Fiqhīyyah Mufaṣṣalah*. Riyad: Dār al-Tadmuriyyah, 2008.

Al-Futūḥī, Taqiy al-Dīn Abū al-Baqā’. *Mukhtaṣar al-Taḥrīr aw Mukhtaṣar al-Mubtakir fī Uṣūl al-Fiqh al-Ḥanabilah (Sharḥ al-Kawka'b al-Munir)*, ed. Muḥammad Ḥamīd al-Faqqī, al-Zuḥailī dan Ḥammād. Kaherah: Maktabah al-Sunnah al-Muhammadiyyah, 1953.

Ghanīm Ghālib Ghanīm. *Al-Majāmi‘ al-Fiqhīyyah wa Athar-ha fī al-Ijtihād al-Mu‘āṣir wa al-Taṭallu ‘āt li Majma‘ Fiqhī Manshūd*, ed. Muḥammad ‘Assāf, t.tp.

Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit UM, 2018.

Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, ed. Ḥamzah bin Zuhair Ḥāfiẓ. Madinah: Universiti Madinah, t.t.

\_\_\_\_\_. *Al-Wasīt fī al-Madhab*, ed. Muḥammad Muḥammad Tamīr. Kaherah: Dār al-Salām, 1417H.

Al-Haitamī, Aḥmad bin Muḥammad ibn Ḥajar. *Tuḥfah al-Muḥtaṭāj fī Sharḥ al-Minhāj*, dicetak bersama ḥāfiẓah ‘Abd al-Ḥamīd al-Sharwānī dan ḥāfiẓah al-‘Abbādī. Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1938.

Al-Ḥākim, Abū ‘Abdullāh al-Naisābūrī. *Al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥain*, dicetak bersama al-Wādi‘ī, Muqbil bin Hādī, *Tatabbu‘ Awhām al-Ḥākim allati Sakata ‘Alaihā al-Dhahabī*. Kaherah: Dār al-Ḥaramain, 1997.

Al-Hararī, Muḥammad al-Amīn bin ‘Abdullāh al-Urmī al-‘Alawī. *Al-Kawkab al-Wahhāj wa al-Rawḍ al-Bahhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*, ed. Mahdī, Hāshim Muḥammad ‘Alī. Jeddah dan Beirut: Dār al-Minhāj dan Dār Ṭawq al-Najāh, 2009.

Al-Ḥaṭṭāb al-Ru‘ainī, Muḥammad bin Muḥammad al-Ṭarablīsī. *Mawāhib al-Jalīl fī Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*. Beirut: Dar al-Fikr, 1992.

Husain Muḥammad Ḥalāwah. *Ta‘rīf Mūjiz bi al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā’ wa al-Buḥūth*, dalam MUIB, *al-Qarārāt wa al-Fatāwā*. Ireland: MUIB, 2013.

Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn bin ‘Umar. *Radd al-Muḥtar ‘alā al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992.

Ibn Abī Ḥātim, ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Idrīs bin al-Mundhir al-Tamīmī. *Al-‘Ilal*, ed. Sa‘d bin ‘Abdullāh al-Ḥumaid et al. Riyad: Maṭābi‘ al-Ḥumaidī, 2006.

Ibn al-‘Arabī, Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abdullah bin al-‘Arabī al-Mu‘āfirī. *Al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik*, ed. al-Sulaymānī, Muḥammad bin al-Ḥusain dan ‘Aishah binti al-Ḥusain. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2007.

Ibn al-‘Arabī, Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abdullah. *Aḥkām al-Qur’ān*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Atā. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.

Ibn al-‘Arabī, Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Muḥammad al-Ma‘āfirī. *Āridah al-Aḥwadhī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.

Ibn al-Qayyim, Muḥammad bin Abū Bakr. *I'lām al-Muwaqqi‘īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*. Kaherah: Ṭab‘ah al-Munīriyyah, 1969.

Ibn Baṭṭāl, ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Mālik. *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*, ed. Yāsir bin Ibrāhīm. Riyad: Maktabah al-Rushd, 2003.

Ibn Bāz et al. *Fatāwā li al-Musāfiřīn wa al-Mughtaribīn*. Al-Dammam: Kementerian Multimedia, 1992.

Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān bin Aḥmad bin Ḥibbān bin Mu‘ādh bin Ma‘bad al-Tamīmī. *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, ed. Shu‘aib al-Arnā’ūt. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1993.

Ibn Jawzī, ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī bin Muḥammad. *Talbīs Iblīs*. Beirut: Dār al-Fikr, 2001.

Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī. *Sunan Ibn Mājah*, ed. Shu‘aib al-Arnā’ūt et al. Beirut: Dār al-Risalah al-‘Ālamiyyah, 2009.

Ibn Manzūr, Muḥammad. *Lisān al-‘Arab*, ed. ‘Abdullāh al-Kabīr, Muḥammad Hasabullāh dan Hāshim al-Shadhūlī. Kaherah: Dār al-Ma‘arif, t.t.

Ibn Māzah, Maḥmūd bin Aḥmad bin ‘Abd al-‘Azīz. *Al-Muḥīṭ al-Burhānī fī al-Fiqh al-Nu‘mānī*, ed. al-Jundī, ‘Abd al-Karīm Sāmī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah 2004.

Ibn Mulaqqan, Sirāj al-Dīn ‘Umar bin ‘Alī bin Aḥmad. *Al-Mu‘īn ‘alā Tafahhum al-‘Arba‘īn*, ed. Daghsh bin Shubaib al-‘Ajamī. Kuwait: Maktabah Ahl al-Athar, 2012.

Ibn Nujaim, ‘Umar bin Ibrāhīm bin Nujaim. *Al-Naḥr al-Fā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*, ed. Aḥmad ‘Azwu ‘Ināyah. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002.

Ibn Nujaim, Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm bin Muḥammad. *Al-Ashbah wa al-Naẓā’ir ‘alā al-Madhab Abī Ḥanīfah al-Nu‘mān*, ed. Zakariyyā ‘Umayrāt. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.

Ibn Nujaim, Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm bin Muḥammad. *Al-Baḥr al-Rā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*, dicetak bersama al-Tūrī, Muḥammad bin al-Ḥusain, *Takmilah al-Baḥr al-Rā’iq* dan Ibn ‘Ābidīn, *Minḥāh al-Khāliq*. Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmi, t.t.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah. *Jāmi‘ al-Fiqh*, ed. Yusrī Sayyid Muḥammad. Mansurah: Dār al-Wafā’, 2000.

\_\_\_\_\_. *I‘lān al-Muwaqqi‘īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*, ed. Mashhūr bin Ḥasan dan Aḥmad ‘Abdullāh Aḥmad. Riyad: Dār Ibn al-Jauzī, 1423H.

Ibn Qudāmah, Muwaffaq al-Dīn ‘Abdullah bin Aḥmad bin Muḥammad al-Maqdisī. *Al-Sharḥ al-Kabīr*, dicetak bersama *al-Muqni‘* dan *al-Insāf*, ed. al-Turkī dan al-Ḥalw,

‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin dan ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad. Kaherah: Hajar li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 1995.

\_\_\_\_\_. *Al-Mughnī Sharḥ Mukhtaṣar al-Kharqī*, ed. ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī dan ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Ḥalw. Riyad: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1997.

Ibn Ṣalāḥ, ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahmān. *Adab al-Muftī wa al-Mustaqfī*, ed. ‘Abdullāh ‘Abd al-Qādir. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam, 2002.

Ibn Taimiyah, Taqiy al-Dīn Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin Taimiyah al-Harānī. *Majmū‘ al-Fatāwā*, ed. ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin Qāsim. Riyad: Majma‘ al-Malik Faḥd, 1995.

Al-Jaṣṣāṣ, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Ali al-Rāzī. *Aḥkām al-Qur’ān*, ed. Muḥammad al-Ṣādir Qamḥawī. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1992.

\_\_\_\_\_. *Uṣūl al-Jaṣṣāṣ al-Musammā al-Fuṣūl fī al-Uṣūl*, ed. Sa‘īd al-Qādī. Riyad: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1981.

Al-Jawharī, Ismā‘īl. *Al-Ṣīḥāḥ: Tāj al-Lughah wa Ṣīḥāḥ al-‘Arabiyyah*, ed. Aḥmad al-‘Aṭṭār. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1984.

Al-Jundī, Khalīl bin Ishaq bin Mūsā. *Mukhtaṣar al-‘Allāmah Khalīl*, ed. Aḥmad Jād. Kaherah: Dār al-Hadīth, 2005.

Al-Juwainī, ‘Abd al-Malik bin ‘Abdullāh bin Yūsuf. *Nihāyah al-Maṭlab fī Dirāyah al-Madhab*, ed. ‘Abd al-‘Azīz Maḥmūd al-Dīb. Riyad: Dār al-Minhāj, 2007.

Al-Juwainī, Muṣṭafā al-Ṣāwī. *Manhaj al-Zamakhsharī fī Tafsīr al-Qur’ān wa Bayān I‘jāz-hi*. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, cetakan kedua, t.t.

Al-Kāsānī, Abū Bakr bin Mas‘ūd bin Aḥmad. *Badā‘i al-Ṣanā‘ī fī Tartīb al-Sharā‘ī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1986.

Al-Kashmīrī, Muḥammad Anwār. *Fayḍ al-Bārī ‘alā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dicetak bersama al-Mayrtāhī, Muḥammad Badr ‘Ālam, *al-Badr al-Sārī ilā Fayḍ al-Bārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005.

Kathy Charmaz. *Constructing Grounded Theory: A Practical Guide Through Qualitative Analysis*. London: Sage Publications, 2006.

Al-Kharshī, Muḥammad bin ‘Abdullāh. *Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* dicetak bersama al-‘Adawī, *Hāshiyah al-‘Adawi*. Beirut: t.tp.

\_\_\_\_\_. *Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, dicetak bersama al-‘Adawī, ‘Alī bin Aḥmad bin Mukram al-Sa‘idī, *Hāshiyah al-‘Adawī*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Al-Khaṭṭābī, Ḥamd bin Muḥammad. *A’lām al-Hadīth*, ed. Muḥammad bin Sa‘īd Alī Su‘ūd. Mekah: Universiti Ummul Qurā, 1988.

Al-Kirmānī, Muḥammad bin Yūsuf bin ‘Alī bin Sa‘īd. *Al-Kawākib al-Darārī (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī bi Sharḥ al-Karmānī)*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1981.

Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. *Hai‘ah al-Fatwā al-Shar‘iyyah fī al-Kuwait*. 2003, t.p.

Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam. *Majmū‘ah al-Fatwā al-Shar‘iyyah*. Kuwait: *Qitā‘ al-Iftā‘ wa al-Buḥūth al-Shar‘iyyah*, 1977-2005.

Al-Laknawī, Muḥammad bin Nizām al-Dīn Muḥammad al-Sahāluwī al-Anṣārī. *Fawātiḥ al-Raḥmūt bi Sharḥ Musallam al-Thubūt*, ed. ‘Abdullah Maḥmūd Muḥammad ‘Umar. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002.

Lupa. *A Field Guide to Otherkin*. Megalithica Books: 2007. Al-Mardawī, ‘Alī bin Sulaimān bin Aḥmad. *Al-Inṣāffī Ma‘rifah al-Rājiḥ min al-Khilāf*, ed. Muḥammad Hāmid al-Faqqā. Kaherah: Maṭba‘ah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, 1956.

Maḥmūd ‘Abd al-Raḥmān ‘Abd al-Mun‘im. *Mu‘jam al-Muṣṭalaḥāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dār al-Faḍīlah, 1999.

Majma‘ al-Buḥūth al-Islāmiyyah. *Qarārāt wa Tawṣīyyāt al-Mū’tamarāt al-Sābiqah: Min al-Awwal ilā al-Tāsi‘*. Kaherah: Maṭba‘ah al-Azhar, 1985H.

*Majma‘ al-Fiqh al-Islām al-Hind: Ta‘rīf, Ahdāf, Nashātāt*. New Delhi: Universiti Nagar, 2017.

Mālik, Mālik bin Anas bin Mālik bin ‘Amīr al-Asbahī. *Al-Muwaṭṭa‘*, ed. Muḥammad Muṣṭafā al-A‘ẓamī. Abu Dhabi: Mu’assasah Zayd bin Sultān, 2004.

Mannā‘ al-Qaṭṭān. *Tārīkh al-Tashrī‘ al-Islāmī: al-Tashrī‘ wa al-Fiqh fī al-Islām, Tārikhan wa Manhajan*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2009.

\_\_\_\_\_. *Qarārāt al-Majma‘ al-Fiqhi al-Islāmi bi al-Makkah al-Mukarramah*. Mekah: MFI, t.t.

Al-Marghīnāni, ‘Alī bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Jalīl. *Al-Hidāyah fī Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī*, ed. Ṭalāl Yūsuf. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.

\_\_\_\_\_. *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī*, dicetak bersama al-Laknawī, *Sharḥ al-‘Allāmah ‘Abd al-Hayy al-Laknawī*, ed. Na‘īm Ashraf Nūr Aḥmad. Karachi: Idārah al-Qur’ān wa al-‘Ulūm al-Islāmiyyah, 1997.

Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb. *Al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhab al-Imām al-Shāfi‘ī*. Beirut: Dār al-Kuub al-‘Ilmiyyah, 1999.

MFI. *Al-Ta‘rīf bi al-Majma‘ al-Fiqhī al-Islāmī bi Makkah al-Mukarramah*. Mekah: MFI, 2006.

MFID. *Qarārāt wa Tauṣīyyat li Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Hind: al-Nadawāt 1-26, al-Qarārāt 1-114*. New Delhi: MFID, 2017.

\_\_\_\_\_. *Qarārāt wa Tauṣīyyat Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*. Damshiq: Dār al-Qalam, 1998.

MFIH. *Qarārāt wa Tauṣīyyat Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī bi al-Hind*. India: MFIH, 2012.

Mohammad Rahim Mohammed Abdul Rahman. *Persepsi guru terhadap buku teks Pendidikan Islam KBSR*. Universiti Malaya. Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, 2000.

Muḥammad Abū Zahrah. *Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1977.

Muḥammad al-Zuhailī. *Al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah wa Taṭbīqāt-hā fī al-Madhāhib al-Arbi‘ah*. Damshik: Dār al-Fikr, 2006.

Muḥammad bin Yūsuf. *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd dan ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993.

Muḥammad Rashīd Ridā. *Tafsīr al-Manār*, dicetak bersama Muḥammad ‘Abduh, *Tafsīr al-Qur’ān al-Ḥakīm*. Kaherah: Maṭba‘ah al-Manār, 1910.

Muḥammad Rawās Qa‘ājī dan Ḥāmid Ṣādiq Qunaibī. *Mu‘jam Lughah al-Fuqahā‘*. Beirut: Dār al-Nafā‘is, 1988.

MUIB. *Al-Qararat wa al-Fatawa al-Sadirah ‘an al-Majlis al-Urubbi li al-Ifta’ wa al-Buhuth*. Ireland: MUIB, 2013.

*Al-Mu‘jam al-‘Arabiyyah al-Asāsī*, cetakan pertama. Tunisia: *al-Munaẓẓamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm*, 1989.

Al-Murtadā, Aḥmad bin Yaḥyā. *Al-Maniyah wa al-Amal fī Sharḥ Kitab al-Milal wa al-Niḥāl*, ed. Thomas Arnold. Hyderabad: Maṭba‘ah Dā’irah al-Ma‘ārif al-Niẓāmiyyah, 1316H.

Mūsā Shāhin Lāshin. *Fatḥ al-Mun‘im Sharḥ Ṣahīḥ Muslim*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 2002.

Al-Mūṣīlī, ‘Abdullāh bin Maḥmūd bin Mawdūd. *Al-Ikhtiyār li Ta‘līl al-Mukhtār*, ed. Maḥmūd Abū Daqīqah. Kaherah: Maṭba‘ah Ḥalabī, 1937.

Al-Musnad, Muhammad bin ‘Abd al-‘Azīz. *Fatāwā al-Naẓar wa Khulwah wa al-Ikhtilāt*. Riyad: Dār al-Qaṣim, 1994.

Al-Muwāq, Muhammad bin Yūsuf al-‘Abdarī. *al-Tāj wa al-Iklīl li Mukhtaṣar Khalil*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.

Al-Nafrāwī, Aḥmad bin Ghanīm bin Sālim bin Mahnā al-Nafrāwī al-Azharī al-Mālikī. *Al-Fawā’ih al-Dawānī ‘alā Risālah ibn Abī Zaid al-Qayrawānī*. Beirut: Dār al-Fikr, 1995.

Al-Naisābūrī, Muslim bin a-Ḥajjāj al-Qushairī. *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min al-Sunan bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adl ilā Rasūlillah SAW (Ṣaḥīḥ Muslim)*, dicetak bersama al-Zabīdī, Muhammad bin Muhammad Murtadā, *Ghāyah al-Ibtihāj al-Muqtafī Asānīd Kitāb Muslim bin al-Ḥajjāj*, ed. Abū Qutaibah, Naṣr Muhammad al-Fāriyābī. Riyad: Dar Ṭibah, 2006.

Al-Najjar, ‘Abd al-Majīd, *Maqasid al-Shari‘ah bi Ab‘ad Jadīdah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamī, 2008.

Al-Nasā’ī, Abu ‘Abd al-Rahmān Aḥmad bin Shu‘aib bin ‘Alī al-Kurasānī. *Al-Sunan al-Kubrā*, ed. Ḥasan ‘Abd al-Mun‘im al-Shalabī. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001.

\_\_\_\_\_. *Sunan al-Nasā’ī*, dicetak bersama al-Suyūṭī, *Sharḥ al-Suyūṭī* dan al-Sindī, *Hāshiyah al-Sindī*, eds. Maktab Tahqīq al-Turāth al-Islāmī. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.

Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf. *Al-Majmu‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*, ed. Muhammad Najīb al-Muṭī‘ī. Riyad: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2006.

\_\_\_\_\_. *Al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj (Sharḥ al-Nawawī ‘alā Muslim)*, eds. Amman dan Riyad: Beit al-Afkār al-Duwaliyyah, 2000.

\_\_\_\_\_. *Rawḍah al-Tālibīn*, dicetak bersama al-Suyūṭī, al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn, *al-Minhāj al-Ṣāwī fī Tarjumah al-Imām al-Nawawī wa Muntaqā al-Yunbu‘ fī-mā Zāda ‘alā al-Rawḍah min al-Furū‘*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd dan ‘Ali Muhammad Mu‘awwad. Riyad: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2003.

\_\_\_\_\_. *Al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*, dicetak bersama al-Subkī dan al-Muṭī‘ī, *Takmilah al-Majmū‘*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Al-Qādī ‘Iyād, Abū al-Faḍl ‘Iyād bin Mūsā bin ‘Iyād al-Yaḥṣabī. *Ikmāl al-Mu‘lim bi Fawā’id Muslim*, ed. Yaḥyā Ismā‘īl. Mansurah: Dār al-Wafā’, 1998.

Al-Qanūjī, Ṣiddīq bin Ḥasan Khān al-Ḥusainī al-Bukhārī. *Al-Sirāj al-Wahhāj min Kashf Maṭālib Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. ‘Abd al-Tawwāb Haikal. Doha: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwāl Islam, 1994.

Al-Qarāfī, Aḥmad bin Idrīs. *Al-Iḥkām fī Tamyiz al-Fatāwa ‘an al-Aḥkām wa Taṣarrufāt al-Qāḍī wa al-Imām*, ed. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Beirut: Dār al-Bashā’ir, 1995.

\_\_\_\_\_. *Al-Dhakhīrah*, ed. Muḥammad Ḥajjī. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1994.

Al-Qastallānī, Aḥmad bin Muḥammad bin Abū Bakr al-Qutaybī. *Irshād al-Sārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dicetak bersama Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amīriyyah, 1888.

Al-Qayrawānī, Qāsim bin ‘Īsā bin Nājī al-Tanūkhī. *Sharḥ Ibn Nājī al-Tanūkhī ‘alā Matn al-Risālah li ibn Zayd al-Qayrawānī*, ed. Aḥmad Farīd al-Muzaidī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007.

Al-Qurṭubī, Abū ‘Abdillah Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr. *Al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān (Tafsīr al-Qurṭubī)*, ed. ‘Abdullah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī dan Muḥammad Rīḍwān ‘Araqsūsī. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2006.

Al-Qurṭubī, Aḥmad bin ‘Umar bin Ibrāhīm. *Al-Muḥim li-mā Ashkal min Talkhīṣ Kitāb Muslim*, eds. al-Sayyid dan Bazzāl, Aḥmad Muḥammad dan Maḥmud Ibrāhīm. Damshik: Dār Ibn Kathīr dan Dār al-Kalim al-Ṭayyib, 1996.

Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī al-Majma‘ al-Fiqhī al-Islāmī. *Qarārāt al-Majma‘ al-Fiqhī al-Islāmī bi Makkah al-Mukarramah*. Mekah: Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī, t.t.

\_\_\_\_\_. *Aal-Qarārāt al-Ṣādirah ‘an al-Dawrah al-Tāsi‘ah ‘Asharah*, Majallah al-Majma‘ al-Fiqhī al-Islāmī 23 (2010), 345-360.

\_\_\_\_\_. *Qarārāt al-Dawrah al-Thāniyah wa al-‘Ishrīn*, Majallah al-Majma‘ al-Fiqhī al-Islāmī 33 (2015), 265-281.

\_\_\_\_\_. *Qarārāt al-Majma‘ al-Fiqhī al-Islāmī bi Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī fī Dawratih al-‘Ishrīn*, Majallah al-Majma‘ al-Fiqhī al-Islāmī 26 (2011), 389-403.

\_\_\_\_\_. *Qarārāt al-Majma‘ al-Fiqhī al-Islāmī bi Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī fī Dawratih al-Hādiyah wa al-‘Ishrīn*, Majallah al-Majma‘ al-Fiqhī al-Islāmī 29 (2013), 383-414.

Al-Rāfi‘ī, ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad. *Fath al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz (al-Fath al-Kabīr)*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Rāghib al-Asfahānī, Abū al-Qāsim al-Ḥusain bin Muḥammad. *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur’ān*, ed. Ṣafwān ‘Adnān al-Dāwūdī. Damshiq dan Beirut: Dār al-Qalam dan Dār al-Shāmiyyah, 1991.

Al-Ramlī, Muḥammad bin Aḥmad bin Ḥamzah. *Nihāyah al-Muḥṭāj ilā Sharḥ al-Minhāj*, dicetak bersama al-Shibramlīsī, *Hāshiyah al-Shibramlīsī* dan al-Maghribī al-Rāshidī, *Hāshiyah Aḥmad bin ‘Abd al-Razzāq*. Beirut: Dār al-Fikr, 1984.

Al-Rāzī, Muḥammad Fakhr al-Dīn ibn ‘Umar. *Mafātiḥ al-Ghayb (Tafsīr al-Rāzī)*. Beirut: Dār al-Fikr, 1981.

Al-Ruḥāibānī, Muṣṭafa bin Sa‘ad bin ‘Abduh. *Maṭālib ‘Ulī al-Nuhā*. Beirut: al-Maktab al-Islāmi, 1994.

Ruth Chadwick. *Encyclopedia of Applied Ethics* (Edisi Kedua). London: Academic Press, 2012.

Al-Sā‘atī, Aḥmad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Bannā. *Fatḥ al-Rabbānī*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb Buḥairā. Amman: Beit al-Afkār al-Duwaliyyah, 2004.

\_\_\_\_\_. *Al-Fatḥ al-Rabbānī li Tartīb Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal al-Shaibānī dan Bulūgh al-Amānī min Asrār al-Fatḥ al-Rabbānī*, dicetak bersama Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Qawl al-Musaddad fī al-Dhab ‘an Musnad al-Imām Aḥmad*. Kaherah: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.

Al-Sarakhsī, Abū Bakr Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl. *Uṣūl al-Sarakhsī*, ed. Abū al-Wafā’ al-Afghanī. Hyderabad: Lajnah Ihyā’ al-Ma‘ārif al-Nu‘māniyyah, 1993.

Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad. *Irshād al-Fuhūl ilā Taḥqīq al-Ḥaqqa min ‘Ilm al-Uṣūl*, ed. Sāmī bin al-‘Arabī al-Atharī. Riyad: Dār al-Faḍilah, 2000.

\_\_\_\_\_. *Fatḥ al-Qādir al-Jāmi‘ bayn Fannai al-Riwayah wa al-Dirayah min ‘Ilm al-Tafsīr*, ed. Yūsuf al-Ghush. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2007.

\_\_\_\_\_. *Irshād al-Fuhūl ilā Taḥqīq al-Ḥaqqa min ‘Ilm al-Uṣūl*. Kaherah: Maṭba‘ah al-Ḥalabī, 1937.

Shaikh Zādah, ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Sulaimān. *Majma‘ al-Anhār fī Sharḥ Multaqā al-Abhār*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.

Al-Shīrāzī, Abū Iṣhāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Fayruz Ābādī. *Al-Muhaḍhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, dicetak bersama al-Rakbī, Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Baṭṭāl, *al-Nuẓum al-Musta‘dhab fī Sharḥ Ghariṣ al-Muhaḍhdhab*, ed. Zakariyyā ‘Umayrāt. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995.

Al-Shirbīnī, Muḥammad bin Aḥmad bin al-Khaṭīb. *Mughnī al-Muḥṭāj ilā Ma‘rifah Ma‘āni Alfāz al-Minhāj*, dicetak bersama al-Nawawī, *al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.

Al-Sindī, Nūr al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Hādī. *Hāshiyah Musnad al-Imām Aḥmad*, ed. Nūr al-Dīn Ṭālib. Qatar: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Qatar, 2008.

Al-Sudais, ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-‘Azīz. *Bid‘ al-Ṭirāz fī Ma‘ālim Manhaj al-Fatwā ‘inda al-Imām Ibn Bāz*. Damshik: Dār al-Nawādir, 2014.

Suhail bin Ḥasan ‘Abd al-Ghaffār. *Al-Sunan wa al-Āthār fī al-Nahy ‘an al-Tashabhuh bi al-Kuffār*. Riyad: Dār al-Salaf, 1995.

Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr. *Al-Ashbah wa al-Naẓā’ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983.

\_\_\_\_\_. *Al-Daibāj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, ed. al-Atharī, Abū Ishāq al-Ḥuwainī. Riyad: Dār Ibn ‘Affān, 1996.

Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr. *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āyī al-Qur’ān (Tafsīr al-Ṭabarī)*, ed. Maḥmūd Muḥammad Shākir dan Aḥmad Muḥammad Shākir. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, t.t.

Al-Ṭabrānī, Sulaimān bin Aḥmad. *Al-Mu‘jam al-Awsāṭ*, ed. Ṭāriq bin ‘Iwaḍullāh dan ‘Abd al-Muhsin bin Ibrāhīm. Kaherah: Dār al-Ḥaramain, 1995.

Al-Taftazānī. *Hāshiyah al-Taftazānī ‘alā al-‘Aḍad*, dicetak bersama al-Ījī, *Sharḥ al-‘Aḍad al-Millah wa al-Dīn* dan Ibn Ḥājib, *Mukhtaṣar al-Muntahā al-Uṣūlī*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyyāt al-Azhariyyah, 1973.

Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā bin Saurah. *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, 1996.

\_\_\_\_\_. *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākir, Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī dan Ibrāhīm ‘Aṭwah. Kaherah: Matba‘ah al-Ḥalabī, 1975.

Al-Ṭūfī, Sulaimān bin ‘Abd al-Qawī bin ‘Abd al-Karīm. *Al-Ta‘yīn fī Sharḥ al-Arba‘īn*, ed. Aḥmad Ḥāj Muhammad ‘Uthmān. Beirut: Mu’assasah al-Rayyān, 1998.

Al-Ubbī, Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Khalfah al-Wishtānī. *Ikmāl Ikmāl al-Mu‘lim*, dicetak bersama al-Sanūsī, Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Ḥusainī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.

Wahbah al-Zuhailī. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Damshik: Dār al-Fikr, 2008.

Zaidān, ‘Abd al-Karīm. *Al-Mufassal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1993.

Al-Zaila‘ī, ‘Uthmān bin ‘Alī bin Mahjān. *Tabyīn al-Ḥaqā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*, dicetak bersama al-Shilbī, Ahmad bin Muḥammad, *Hāshiyah al-Shilbī*. Kaherah: Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amīriyyah, 1313H.

Zakariyya al-Barri et al. (eds). *Al-Fatāwā al-Islāmiyyah*. Kaherah: Al-Majlis al-A‘lā li al-Shū‘ūn al-Islāmiyyah, 1980-1993.

Al-Zamakhsharī, Jārullah Abū al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar. *Al-Kashshāf ‘an Ḥaqā’iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl* (*Tafsīr al-Zamakhsharī*), ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad dan Fathī ‘Abd al-Rahmān Aḥmad Ḥijāzī. Riyad: Maktabah al-‘Ubaikān, cetakan pertama, 1998.

Al-Zarkashī, Badr al-Dīn Muḥammad bin Bahādir. *Al-Baḥr al-Muḥīṭ* ed. ‘Umar al-Ashqar, Muḥammad al-Ashqar, ‘Abdullāh al-‘Anī dan ‘Abd al-Sattār Abū Ghuddah. Kuwait: Kementerian Wakaf Kuwait, 1993.

\_\_\_\_\_. *Al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Usūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, no. manuskrip 101.

Al-Zarqānī. *Sharḥ al-Zarqānī ‘alā Mukhtaṣar Khalīl*, dicetak bersama al-Zarqānī, ‘Abd al-Bāqī bin Yūsuf, *al-Fatḥ al-Rabbānī fī-mā Dhahala ‘An-hu al-Zarqānī*, ed. ‘Abd al-Salām Muḥammad Amīn. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002.

Zarwātī Rābiḥ. *Taghyīr Khalqillāh: Mafhūmuḥu, Majālātuḥu, Dawābiṭuḥu wa Aḥkāmuḥu al-Shar‘iyyah*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2007.

## Tesis

‘Arif ‘Izz al-Dīn Ḥāmid. *Manāhij al-Ijtihād al-Fiqhī al-Mu‘āṣir*, seliaan oleh Muḥammad Ḥassān Abū Yaḥyā. Amman: Tesis Doktor Falsafah, 2005.

Abdul Hadi Md Rofiee. *Analisis Perbezaan Fatwa Mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) Di Malaysia*. Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2014.

Abdul Qayyum Aminuddin. *Analisis Fatwa-Fatwa Kepenggunaan Dari Tahun 2000 Hingga 2013 Di Negara Brunei Darussalam*. Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2015.

Ahmad Tarmizi bin Mahmud. *Pemakaian Sadd Al-Dharai‘ dalam Pengeluaran Fatwa Perubatan*. Bangi: UKM, Tesis Sarjana, 2011.

Azri Bhari. *Analisis Fatwa Zakat Di Malaysia Dari Perspektif Maqasid Syariah*. Kuala Lumpur: UM, Tesis PhD, 2016.

Cholil Nafis. *Fatwa Fiqh Muamalah Majelis Ulama Indonesia : Studi Analisis Ke Atas Pemikiran Hukum, Metode Istinbat Dan Penyerapannya Ke Dalam Peraturan Perundangan*. Kuala Lumpur: UM, Tesis PhD, 2010.

Darīd al-Zawāwī. *Manhajiyah al-Fatwā fī al-Madrasah al-Mālikiyah al-Andalūsiyyah: al-Imām al-Shāfi‘ī Namūdhaj-an*. Tesis Sarjana, 2008.

Francis Earle Barcus. *Communications Content: Analysis Of The Research 1900-1958 (A Content Analysis Of Content Analysis)*. University of Illinois, Urbana-Champaign: Tesis Doktor Falsafah, 1951.

Intan Zaleha binti Abdul Rahman. *Analisis Perubahan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2016.

Khālid ‘Alī Haṭbūl al-Farūkh. *Dawr al-Majāmi‘ al-Fiqhiyyah wa Majālis al-Iftā’ fī Dab‘ al-Fatwā*, seliaan oleh Khalūq Ḏayf Allāh Āghā. Gaza: Tesis Sarjana, 2017.

Mohamad Nabil Mohamad Shukri. *Fatwa Negeri Kelantan Dalam Ibadat : Satu Analisis*. Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2006.

Mohd Akram bin Dahaman @ Dahlan. *Pengaruh Perubahan Sosial Dalam Penetapan Fatwa Di Malaysia Dan Singapura : Kajian Terhadap Fatwa-Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) Dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)*. Kuala Lumpur: UM, Tesis PhD, 2012.

Naṣr Maḥmūd al-Karnaz. *Al-Ijtihād al-Jamā‘ī wa Taṭbīqātuhu al-Mu’āṣirah*, seliaan oleh Māhir Hāmid al-Ḥūlī. Gaza: Tesis sarjana, 2008.

Nik Amirul Adzim bin Nik Aman. *Analisis Fatwa Jawatankuasa Fatwa Selangor Terhadap Sisters In Islam*. Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2016.

Nor Fahimah Mohd Razif. *Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Mengenai Perubatan : Kajian Terhadap Fatwa-Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: UM, Latihan Ilmiah, 2008.

Nur Zulfah binti Md Abdul Salam. *Analisis Fatwa Istibdal Harta Wakaf Di Malaysia*. Kuala Lumpur: UM, Tesis Sarjana, 2016.

## Artikel dan Jurnal

Adam D. Barlow, “Kidney Transplantation”, *Surgery (Oxford)*, vol. 35(7) (Julai 2017), 378-384.

Afzal Aghaee, "Awareness Of Religious Leaders' Fatwa And Willingness To Donate Organ", *International Journal of Organ Transplantation Medicine*, vol.6 (4) (2015), 158-164.

Aḥmad al-Raisūnī. *Al-Ijtihād al-Jamā‘ī*.

Alper Biler et al., "A Rare Uterine Malformation: Asymmetric Septate Uterus", *Journal of Minimally Invasive Gynecology*, vol. 25(1) (Jan 2018), 28-29.

Andreas Bohm, "Theoretical Coding: Text Analysis in Grounded Theory", Flick, Kardorff dan Steinke (eds.), *A Companion to Qualitative Research*. London: Sage Publications, 2004.

Attilio Di Spiezio et al., "An Exceptional Case of Complete Septate Uterus With Unilateral Cervical Aplasia (Class U2bC3V0/ESHRE/ESGE Classification) and Isolated Mullerian Remnants: Combined Hysteroscopic and Laparoscopic Treatment", *Journal of Minimally Invasive Gynecology*, vol. 23(1) (Jan 2016), 16-17.

Basri Ibrahim et al., "Ijtihad In The Contemporary Fiqh Of Medicine From Malaysian Experiens", *Social Sciences (Pakistan)*, vol.11 (23) (2016), 5732-5742.

Boukerroucha, Halima dan Bouheraoua, *Manhaj al-Fatwā ‘inda al-Imām al-Shawkānī dalam Manhaj Pengeluaran Fatwa Dalam Fiqh Islam*. Nilai: USIM, 2008.

Brian Dovorany et al., "Results Of Chiropractic Scoliosis Rehabilitation Treatment At Two Years Post-Skeletal Maturity In Identical Female Twins", *Journal of Bodywork and Movement Therapies*, vol. 19(4) (Okt 2015), 592-596.

Charles A. Easley et al., "Gamete Derivation From Embryonic Stem Cells, Induced Pluripotent Stem Cells Or Somatic Cell Nuclear Transfer-Derived Embryonic Stem Cells: State Of The Art", *Reproduction, Fertility and Development* 27(1) 2014, 89-92.

Christos Lavazzo, Thalia Sardi dan Ioannis Gkekkes, "Female Genital Mutilation and Infection: A Systematic Review of the Clinical Evidence", *Gynecology and Obstetrics* (2013), vol. 287 (6), 1137-1149.

Christopher M. Earls dan Martin L. Lalumière, "A Case Study of Preferential Bestiality", *Archives of Sexual Behavior*, vol. 38(4) (Ogos 2009), 605–609.

David K. C. Cooper, "A Brief History Of Cross-Species Organ Transplantation" dalam *Proceedings (Baylor University Medical Center)*, vol. 25(1) (Jan 2012), 49–57.

Ehsan Gooshki dan Neda Allahbedashti, "The Process Of Justifying Assisted Reproductive Technologies In Iran", *Indian Journal Of Medical Ethics*, vol.12 (2) (2015), 57-96.

Elisabeth Edström et al., “Quality Of Life And Patient Satisfaction In Breast Cancer Patients After Immediate Breast Reconstruction: A Prospective Study”, *The Breast*, vol. 14 (2005), 201–208.

Emma Mohamad dan Wan Chooi Han, “Komunikasi Pemimpin Pendapat dalam Isu Pembedahan Plastik: Suatu Analisis Kandungan dalam Instagram Selebriti Media Sosial Terpilih”, *Jurnal Komunikasi* vol. 33, no. 1 (2017), 261-279.

Espeed Khoshbin dan John H.Dark, “Heart Transplantation”, *Surgery (Oxford)*, vol. 35(7) (Julai 2017), 360-364.

Fāḍil ‘Abbūd al-Tamīmī. *Al-Tajsīd fī al-Dars al-Balāghī wa al-Naqd ‘inda al-‘Arab* dalam *Majallah al-Fath*, bil. 29 (2007).

Franklin D. West et al., “In Vitro-Derived Gametes from Stem Cells”, *Seminars in Reproductive Medicine* 31(1) 2013, 33-38.

Giath Alahmad and Kris Dierickx, “What Do Islamic Institution Al Fatwas Say About Medical And Research Confidentiality And Breach Of Confidentiality?”, *Developing World Bioethics*, vol.12 (2) (2012), 104-112.

Għānim Ghālib Ghānim. *Al-Majāmi‘ al-Fiqhiyyah wa Atharuha fī al-Ijtihād al-Mu‘āşir wa al-Taṭallu ‘āti Majma‘ Fiqhi Manshūd*. t.tp.

Al-Ghazal et al, “The Psychological Impact Of Immediate Rather Than Delayed Breast Reconstruction”, *European Journal of Surgical Oncology*, vol. 26 (2000), 17–19.

Hiroshi Nagashima dan Hitomi Matsunari, “Growing Human Organs in Pigs—A Dream or Reality?”, *Theriogenology*, vol. 86(1) (Julai 2016), 422-426.

Hossam E. Fadel, “Development in Stem Cell Research and Therapeutic Cloning: Islamic Ethical Positions, A Review”, *Bioethics*, vol. 26(3) 2012, 128-135.

Hsiu-Fang Hsieh dan Sarah E. Shannon, “Three Approaches to Qualitative Content Analysis”, *Qualitative Health Research* 15 (2005), 1277-1288.

James McCarthy and G. Dean MacEwen, “Management of Leg Length Inequality”, *Journal of the South Orthopaedic Association*, vol. 10(2) (2001), [https://www.medscape.com/viewarticle/423194\\_5](https://www.medscape.com/viewarticle/423194_5).

Jasmine Abdulcadir et al., “Care of Women with Female Genital Mutilation/Cutting”, *Swiss Medical Weekly*, 140 (2011), 1-8.

John Weckert, “Playing God: What is the Problem?”, Steve Clarke et al., *The Ethics of Human Enhancement: Understanding the Debate*. United Kingdom: Oxford Press, 2016.

Al-Jubair, Hānī bin ‘Abdullāh bin Muḥammad, *al-Dawābiṭ al-Shar‘iyyah li al-‘Amaliyyāt al-Tajmīliyyah* dalam Proceeding Seminar *al-‘Amaliyyāt al-Tajmīliyyah bayn al-Shar‘ wa al-Tibb*. 1436H.

K. Aramesh, “Iran’s experience with surrogate motherhood: An Islamic View And Ethical Concerns”, *Journal Of Medical Ethics*, vol. 35 (5) (2009), 320-322.

Karl Erik Rosengren, “Advances In Scandinavia Content Analysis: An Introduction”, K. E. Rosengren (ed.), *Advances In Content Analysis*. Beverly Hills: Sage, 1981.

Lisa Wynn, “Like a Virgin’: Hymenoplasty and Secret Marriage in Egypt”, *Medical Anthropology: Cross Cultural Studies in Health and Illness*, vol. 35 (6) (2016), 547-559.

Mark W.Morningstar, “Outcomes For Adult Scoliosis Patients Receiving Chiropractic Rehabilitation: A 24-Month Retrospective Analysis”, *Journal of Chiropractic Medicine*, vol. 10(3) (Sept 2011), 179-184.

Masood S, Patel H, R, H, Himpson R, C, Palmer J, H, Mufti G, R, Sheriff M, K, M, “Penile Sensitivity and Sexual Satisfaction after Circumcision: Are We Informing Men Correctly?”, *Urologia International* (2005), vol.75, 62-66.

Matthew Whitaker, “The History Of 3D Printing In Healthcare”, *The Bulletin*, vol.96(7), July 2014, 228-229; <https://doi.org/10.1308/147363514X13990346756481>.

Michael Le Page, “Give Animal-Human Chimeras A Chance”, *New Scientist*, vol. 231, Isu 3087 (20 Ogos 2016), 19.

Ming-Hsin Yang, Chih-Wei Tsao, Sheng-Tang Wu, Feng-Ping Chuang, En Meng, Shou-Hung Tang, Guang-Huan Sun, Dah-Shyong Yu, Sun-Yran Chang, Tai-Lung Cha, “The Effect Of Circumcision On Young Adult Sexual Function”, *The Kaohsiung Journal of Medical Sciences* (2014), vol. 30 (6), 305-309.

Mohammad Naqib bin Hamdan dan Mohd Anuar Ramli, “Konsep Mengubah Ciptaan Allah SWT: Analisis Hukum Pengkulturan Daging”, *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, vol. 5 (2015), 81-106.

Moinifar, “Gamete Donation And The Role Of Religious Leaders In Iran”, *Hawwa*, vol.8 (3) (2010), 247-273.

Moraczewski, A.S., “The Human Genome Project And The Catholic Church”, *Journal International De Bioethique = International Journal Of Bioethics*, vol. 2 (4) (1991), 229-234.

Muhammad Ahmad Husain. *Dawr al-Majāmi‘ al-Fiqhiyyah fī Tarshīd Maṣīrah al-Mu’assasāt al-Māliyyah al-Islāniyyah: Āḥiyāt wa Siyagh*.

Muhammad Ghaly, “Milk Banks Through The Lens Of Muslim Scholars: One Text In Two Contexts”, *Bioethics*, vol. 26 (3) (2012), 117-127.

Mūsā, Muhammad Amīn bin Muḥammad, *Manhaj al-Fatwā wa al-‘Amal ‘inda Ibn al-Hājj Ibrāhīm: Qirā’ah fī Kitāb Tard al-Dawāl wa al-Ḥamāl ‘an al-Kurū‘ fī al-Hiyād Masā’il al-‘Amal* dalam *Dirāsat*, vol. 3(1) (2014), 21-44.

Nick Butler dan Giles J. Toogood, “Liver Transplantation”, *Surgery (Oxford)*, vol. 35(7) (Julai 2017), 371-377.

Nikzad dan Jorsaraei, “Brain Death In Islamic Jurisprudence”, *Journal of Babol University of Medical Sciences*, vol.18 (7) (2016), 68-77.

Noor Munirah Isa dan Muhammad Fakhruddin Hj Safian Shuri, “Ethical Concerns About Human Genetic Enhancement in the Malay Science Fiction Novels”, *Science and Engineering Ethics* vol. 24(1) (2017), 109-127.

Noor Munirah Isa, “Darurah (Necessity) and Its Application in Islamic Ethical Assessment of Medical Applications: A Review on Malaysian Fatwa”, *Science and Engineering Ethics*, vol. 22 (5) (2016), 1319-1332.

Peter Dabrock, “Playing God? Synthetic biology as a theological and ethical challenge”, *Systems and Synthetic Biology*, vol. 3, no. 1-4 (2009), 47-54.

Reisel dan Sarah Creighton, “Long Term Health Consequences of Female Genital Mutilation (FGM)”, *Maturitas* 80 (2015), 48-51.

Rincon dan Chacin, “Treatment of Septate Uterus with Bipolar Electrode”, *Journal of Minimally Invasive Gynecology*, vol. 20(6) (2013), S110.

Sean V Murphy and Anthony Atala, “3D Bioprinting of Tissues and Organs”, *Nature Biotechnology* vol. 32(8) 2014, 773-785.

Al-Sharafī, ‘Abd al-Majīd al-Sūsuwah, *al-Ijtihād al-Jamā‘ī fī al-Tashrī‘ al-Islāmī* dalam *Kitāb al-Ummah*, no. 62. Zulkaedah 1418H.

Sharon Kolb, “Grounded Theory and Constant Comparative Method: Valid Research Strategies for Educator”, *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies* 3(1), 83-86.

Simon Knight, Thomas Vogel dan Peter Friend, “Pancreas Transplantation”, *Surgery (Oxford)* (Julai 2017), vol. 35(7), 397-403.

Siti Syairah dan Ruzianisra, “Risiko Ancaman Akidah dalam Isu Penciptaan Sel Gamet Manusia”, *Global Journal al-Thaqafah* vol.2(1) 2012, 43-53.

Stefanie Luebberding dan Macrene Alexiades-Armenakas (2014), “New Tattoo Approaches in Dermatology”, *Dermatologic Clinics*, vol. 32(1), 91-96.

Wahbah Muṣṭafā al-Zuḥailī. *Al-Ijtihād al-Jamā‘i wa Ahammiyatuhu fī Muwājahah Mushkilāt al-‘Aṣr*.

William Grey, “Playing God”, dalam Ruth Chadwick, *Encyclopedia of Applied Ethics* (Edisi Kedua). London: Academic Press, 2012.

Yoshiaki Kasai et al., “Successful Follicular Unit Extraction Hair Transplant For Bald Area After Skin Graft”, *An International Open Access Journal of Surgical Reconstruction* (2017), vol. 13, 71-76.

Zaidah Zainal, “Case Study as a Research Method”, *Jurnal Kemanusiaan*, Bil. 7 (2007), 1-6.

Zakaria Syafei, “Tracing Maqaṣid al-Shari‘ah in the fatwas of Indonesian Council of Ulama (MUI)”, *Journal of Indonesian Islam*, vol.11(1) (2017), 99-124.

Zara Saeidzadeh, “Transsexuality in Contemporary Iran: Legal and Social Misrecognition”, *Feminist Legal Studies*, vol.24 (3) (2016), 249-272.

## **Temubual**

Temubual bersama Dr. Ghazali Darusalam di Fakulti Pendidikan pada 3 April 2018.

Temubual bersama Dr. Jamiah Manap di Fukulti Sains Sosial dan Kemanusiaan pada 5 April 2018.

Temubual bersama Prof. Madya Dr. Siti Arni binti Basir di Jabatan Siasah Syar‘iyyah pada 3 April 2018.

## **Laman Sesawang**

Al-‘Abbād, ‘Abd al-Muhsin. *Sharḥ al-Arba‘īn al-Nawawiyah*, rakaman audio ceramah beliau yang ditulis semula oleh laman sesawang [www.islamweb.net](http://www.islamweb.net).

‘Alī Jumu‘ah. “Hukum Memindahkan Organ” (الحكم الشرع في نقل الأعضاء) 22 Oktober 2003, no. fatwa 739, diakses pada 7 Disember 2017, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11823&LangID=1&MuftiType=0>

استعمال واسترداد صمام القلب (). “Menggunakan Injap Jantung Khinzir” (من أنسجة الخنزير), diakses pada 4 Disember 2017, <http://www.dar-alifta.org/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11808&LangID=1&MuftiType=0>

(عملية زرع النخاع والتبرع به), “Transplan Sel Otak dan Mendermanya” (الشخص في آخر), diakses pada 24 Disember 2017, <http://www.dar-alifta.org/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11497&LangID=1&MuftiType=0>

زرع الخصية من), “Transplan Testis Penderma kepada Penerima” (الشيخ أحمد إدريس عبده), diakses pada 2 Disember 2017, <http://www.dar-alifta.org/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11848&LangID=1&MuftiType=0>.

منهج الفتوى (Al-‘Ayd bin Zittah. “Metodologi Fatwa al-Shaikh Aḥmad Idrīs ‘Abduh”) (عند الشيخ أحمد إدريس عبده) dalam laman sesawang peribadi penulis bertarikh 7 April 2015, diakses pada 5 Mac 2018, [http://laidbenzetta.blogspot.my/2015/04/blog-post\\_7.html](http://laidbenzetta.blogspot.my/2015/04/blog-post_7.html)

Ahmad al-Buhairi. “Dar al-Ifta’: Khatan Kanak-kanak Perempuan adalah Haram menurut دار الإفتاء: «ختان الإناث» حرام شرعاً ويجب مواجهته” dalam laman sesawang rasmi al-Masry al-Youm, diakses pada 13 Februari 2018, <http://www.almasryalyoum.com/news/details/224771>.

منهج العلامة الدكتور (Ahmad al-Jibillī. “Metodologi Fatwa Dr. Muṣṭafā bin Ḥamzah”) (مصطفى بن حمزة في الفتوى) dalam laman sesawang rasmi OujdaCity bertarikh 8 Mac 2016, diakses pada 5 Mac 2018, <http://www.oujdacity.net/national-article-109094-ar.html>

اللجنة الدائمة للفتوى (Al-Amānah al-‘Āmmah. “Al-Lajnah al-Dā’imah li al-Fatwā”), diakses pada 15 November 2017, <http://www.ssa.gov.sa/>

. “Anggota HKU”, (أعضاء هيئة كبار العلماء) diakses pada 15 November 2017, <http://www.ssa.gov.sa/>

\_\_\_\_\_. “Anggota LDF” (أعضاء اللجنة الدائمة للفتوى)، diakses pada 15 November 2017, <http://www.ssa.gov.sa/> /أعضاء\_اللجنة\_الدائمة\_للفتوى/

\_\_\_\_\_. “Hai’ah Kibār al-‘Ulama” (هيئة كبار العلماء)، diakses pada 15 November 2017, <http://www.ssa.gov.sa/> /هيئة\_كبار\_العلماء/

Al-Batul Ayt Samlal. “Metodologi Fatwa Shaikh Tāhir bin ‘Āshūr” (المنهج العلمي في)، dalam laman sesawang rasmi *alukah.net* bertarikh 31 Ogos 2016, diakses pada 5 Mac 2018, <http://www.alukah.net/library/0/107248/>

ASAPS. “ISAPS International Study on Aesthetic/Cosmetic Procedures Performed in 2016”, laman sesawang ASAPS, diakses pada 7 Mac 2018, [www.isaps.org](http://www.isaps.org)

Daniel J Flynn, “Ooh Baby It’s a Wild World” dalam laman sesawang rasmi *The American Spectator* bertarikh 30 November 2012, diakses pada 5 Mac 2018, [https://spectator.org/34325\\_ooh-baby-its-wild-world/](https://spectator.org/34325_ooh-baby-its-wild-world/)

*Dār al-Iftā’ al-Filasṭīniyyah*. “Min Qarārāt Majlis al-Iftā’ al-A‘lā”, diakses pada 28 November 2017, <http://www.darifta.org/majles2014/index.php>

\_\_\_\_\_. “Muqaddimah: Man Naḥnu?”, diakses pada 27 November 2017, <http://www.darifta.org/aboutdar/intro.php>

\_\_\_\_\_. “Membuang Kecacatan” (إزالة عارض)، dalam laman sesawang rasmi DIF, <http://www.darifta.org/majles2014/showfile/show.php?id=47>, diakses pada 19 Februari 2018.

\_\_\_\_\_. “Mencukur Kening Perempuan untuk Menjalani Pembedahan Selepas Kemalangan” (الوشم مكان الحاجب لفتاة تعرضت لحادث منذ الصغر)، dalam laman sesawang rasmi DIF, <http://www.darifta.org/majles2014/showfile/show.php?id=185>, diakses pada 27 Mac 2018.

\_\_\_\_\_. “Haram Membuang Rahim Wanita OKU dan Tanggungjawab Masyarakat Terhadapnya” (حرمة إزالة أرحام الفتيات ذوات الإعاقة ومسؤولية المجتمع)، dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 16 Mac 2014, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=243>, diakses pada 14 Februari 2018.

- \_\_\_\_\_. “Hukum Derma Hati”, dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 9 September 2015, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=169>, diakses pada 29 Januari 2018.
- \_\_\_\_\_. “Hukum Menderma Buah Pinggang” (حُكْم التبرع بالكلى), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 23 Mac 2014, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=125>, diakses pada 25 Januari 2018.
- \_\_\_\_\_. “Hukum Menderma Buah Pinggang” (حُكْم التبرع بالكلى), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 2 November 2015, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=153>, diakses pada 25 Januari 2018.
- \_\_\_\_\_. “Hukum menderma kornea mata” (حُكْم التبرع بقرنية العين), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 2 November 2015, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=3>, diakses pada 25 Januari 2018.
- \_\_\_\_\_. “Hukum Persenyawaan Luar Rahim” (حكم الشريعة في التلقيح الصناعي), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 26 Mac 2014, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=6>, diakses pada 6 Februari 2018.
- \_\_\_\_\_. “Hukum Transplant Jantung dari Penderma Mati Otak kepada Penerima Hidup” (حُكْم نقل القلب من شخص ميت سريريا إلى شخص آخر), diakses pada 4 Disember 2017, <https://www.aliftaa.jo/DecisionPrint.aspx?DecisionId=167>
- \_\_\_\_\_. “Jenis Sel Tunjang dan Hukumnya” (أنواع الخلايا الجذعية وأحكامها), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 26 Mac 2014, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=237>, diakses pada 31 Januari 2018.
- \_\_\_\_\_. “Menguatkan Resolusi Lepas Berkaitan Mati Otak” (تأكيد قرار سابق), diakses pada 3 Disember 2017, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=529#.WiQ0RLT1WCQ>
- \_\_\_\_\_. “Metodologi Fatwa DIJ” (منهج الفتوى المعتمد), diakses pada 13 November 2017, <https://www.aliftaa.jo>ShowContent.aspx?Id=47#.WgIMwbCZ21s>.

\_\_\_\_\_. “Objektif Utama Penubuhan DIJ”, laman sesawang rasmi Dar al-Ifta’ al-Urduniyyah, diakses pada 25 Mac 2018, <https://www.aliftaa.jo>ShowContent.aspx?Id=165#.WrdXGZNuY1I>

\_\_\_\_\_. “Rawatan Pesakit Kecelaruan Jantina”, (علاج اضطراب الهوية الجنسية), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 3 Disember 2017, <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=545>, diakses pada 13 Februari 2018.

\_\_\_\_\_. “Syarat Keharusan Menderma Buah Pinggang” (شروط جواز التبرع ), dalam laman sesawang rasmi DIJ bertarikh 9 Julai 2015, (بالكلى), <http://aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=295>, diakses pada 25 Januari 2018.

\_\_\_\_\_. “Visi DIJ”, (رويتنا: الأهداف المؤسسية الرئيسية للدائرة), diakses pada 13 November 2017, <https://www.aliftaa.jo>ShowContent.aspx?Id=165#.WglMzbCZ21s>.

\_\_\_\_\_. *al-Haikal al-Tanzīmī*, diakses pada 13 November 2017, <https://www.aliftaa.jo>ShowContent.aspx?Id=40#.WglMvbCZ21s>.

\_\_\_\_\_. *Qarārāt Majlis al-Iftā'*, diakses pada 13 November 2017, <https://www.aliftaa.jo/Decisions.aspx>.

\_\_\_\_\_. *Tārīkh Dā'irah al-Iftā'*, diakses pada 13 November 2017, <https://www.aliftaa.jo>ShowContent.aspx?Id=39#.WglLxrCZ21s>.

DIM. “Hukum Memotong Jari Tambahan bagi Kanak-kanak” (حكم بتر الأصبع الزائدة ), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 22 Mei 1968, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 14 Februari 2018.

\_\_\_\_\_. “Hukum Memotong Jari Tambahan” (حكم قطع الأصبع), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 7 Februari 2006, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 14 Februari 2018.

\_\_\_\_\_. “Hukum Menggunakan Teknologi Sel Tunjang dalam Rawatan Perubatan” (الاستفادة من الخلايا الجذعية في الحيوان والإنسان), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 18 Ogos 2008, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewResearch.aspx?ID=245>, diakses pada 31 Januari 2018.

- \_\_\_\_\_. “Melakukan Pembedahan Menampal Selaput Dara (*Hymenoplasty*)” (اجراء عملية لإعادة غشاء البكارة), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 28 Disember 2003, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 16 Februari 2018.
- \_\_\_\_\_. “Melakukan Pembedahan Mengikat Tiub Fallopio Disebabkan *Darurah*” (إجراء عملية ربط المبيض للضرورة), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 12 Januari 200.
- \_\_\_\_\_. “Memakai Pendakap Gigi” (تقويم الأسنان), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 14 Mac 2004, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 20 Februari 2018.
- \_\_\_\_\_. “Membetulkan Hidung Bengkok” (علاج تقوس في عظمة الأنف), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 8 Jun 2016, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 19 Februari 2018.
- \_\_\_\_\_. “Mengambil Manfaat dari Sel Tunjang Manusia dan Haiwan” (الإخصاب الصناعي وأطفال الأنابيب وتأجير الأرحام), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 20 September 2015, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 6 Februari 2018.
- \_\_\_\_\_. “Mengambil Manfaat dari Sel Tunjang Manusia dan Haiwan” (حکم), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 20 September 2015, <http://www.dar-alifta.org/ar/ViewFatwa.aspx?ID=11343&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 31 Januari 2018.
- \_\_\_\_\_. “Mengikat Dua Tiub Fallopio Disebabkan Arahan Doktor” (ربط), dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 1 Mei 2007, <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11432&LangID=1&MuftiType=0>, diakses pada 16 Februari 2018.

\_\_\_\_\_ . “Mengikat Tiub Fallopio Disebabkan Keadaan *Darurat*” ربط (،

المبيض للضرورة الطبية)، dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 21 Jun 2005.

\_\_\_\_\_ . “Mengikat Tiub Fallopio Secara Kekal” (عملية الربط النهائي للرحم)، dalam laman sesawang rasmi DIM bertarikh 22 Mei 2005.

\_\_\_\_\_ . “*Al-Fatāwā: al-Tibb wa al-Tadāwī*”, diakses pada 1 November 2017, <http://www.dar-alifta.org/AR/ViewCategoryFatawa.aspx?MuftiType=0&ID=52>.

Don Hooser. “We Can’t Improve on God’s Creation”, dalam laman sesawang rasmi United Church of God bertarikh 9 Disember 2007, diakses pada 4 Mac 2018, <https://www.ucg.org/members/united-news/food-we-cant-improve-on-gods-creation>.

Al-Fawzān, Ṣāliḥ Muḥammad. “*Taghyīr Khalqillāh: Dawabiṭuhu wa Taṭbīqātuhu*” (تغيير خلق الله : ضوابطه وتطبيقاته) dalam laman sesawang *al-Multaqā al-Fiqhī* bertarikh 12 November 2009, diakses pada 19 Mac 2018, [http://fiqh.islammessage.com/NewsDetails.aspx?id=1267#\\_ftnref1](http://fiqh.islammessage.com/NewsDetails.aspx?id=1267#_ftnref1).

Al-Jazeera. “*Al-Shari‘ah wa al-Hayāh: al-Majlis al-Ūrubbī li al-Iftā’ wa al-Buḥūth*” (الشريعة والحياة: المجلس الأوروبي للإفتاء والبحوث)، dalam laman sesawang rasmi al-Jazeera, bertarikh 4 Jun 2004, diakses pada 25 Mac 2018, <http://www.aljazeera.net/programs/religionandlife/2004/6/3/> المجلس الأوروبي للإفتاء

FDA. “Risks of Breast Implants” dalam laman sesawang rasmi FDA, diakses pada 5 Mac 2018, <https://www.fda.gov/MedicalDevices/ProductsandMedicalProcedures/ImplantsandProsthetics/BreastImplants/ucm064106.htm#top>

Frank Swain. “The People with Animal Powers”, dalam laman sesawang BBC, 18 November 2014. Dicapai pada 12 Julai 2017, <http://www.bbc.com/future/story/20140407-the-people-with-animal-powers>.

Ḩamādī Nūr al-Dīn. “Metodologi Fatwa al-Shaikh ‘Aṭiyyah Mas‘ūdī” (منهج الشيخ عطيه) منهج الشيخ عطيه dalam laman sesawang *al-manhal*, diakses pada 5 Mac 2018, <https://platform.almanhal.com/Files/2/91977#>

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). “Sel Stem”, dalam laman sesawang *MyHealth* bertarikh 24 Jun 2015, <http://www.myhealth.gov.my/sel-stem/>, diakses pada 31 Januari 2018.

MBI. “*Nabdah Tārīkhīyyah ‘an Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah*”, diakses pada 15 Okt 2017, <http://www.azhar.eg/magmaa/details/>—نبذة—تاريخية—عن—مجمع—البحوث—

الإسلامي

MFID. “Kejuruteraan Genetik dan DNA menurut Perspektif Islam” (الهندسة الوراثية ) dalam laman sesawang rasmi MFID (والجينوم البشري الجيني من المنظور الإسلامي), bertarikh 18 September 2012, <http://www.iifa-aifi.org/2362.html>, diakses pada 30 Januari 2018.

\_\_\_\_\_. “Resolusi Berkaitan Pembedahan Plastik dan Hukumnya” (قرار بشأن ) (الجراحة التجميلية وأحكامها), dalam laman sesawang rasmi MFID bertarikh 14 Julai 2007, <http://www.iifa-aifi.org/2283.html>, diakses pada 19 Februari 2018.

\_\_\_\_\_. “Resolusi Berkaitan Transplant Organ Reproductive” (قرار بشأن زراعة ) (الأعضاء التناسلية), dalam laman sesawang rasmi MFID, bertarikh 20 Mac 1990, diakses pada 26 Mac 2018, <http://www.iifa-aifi.org/1803.html>

\_\_\_\_\_. “Sejarah Ringkas Penubuhan Majma‘” (نبذة عن المجمع: تأسيس) (المجمع), diakses pada 16 Oktober 2017, <http://www.iifa-aifi.org/iifa>.

\_\_\_\_\_. “Al-A‘dā’ al-Muntadibūn” (الأعضاء المنتدبون), diakses pada 17 Oktober 2017, <http://www.iifa-aifi.org/>—الأعضاء—المنتدون.

\_\_\_\_\_. “Al-Dawrāt” (الدورات), diakses pada 21 Oktober 2017, <http://www.iifa-aifi.org/cs>

\_\_\_\_\_. “Al-Duwāl al-A‘dā’” (الدول الأعضاء) (الدول الأعضاء), diakses pada 17 Oktober 2017, <http://www.iifa-aifi.org/states>.

MUIB. “Pembedahan Kosmetik” (الجراحة التجميلية), dalam laman sesawang rasmi MUIB bertarikh 17 Mei 2017, <https://www.e-cfr.org> العمليات التجميلية، diakses pada 19 Februari 2018.

\_\_\_\_\_ . “*Qarārāt al-Majlis*”, diakses pada 30 Oktober 2017, <https://www.e-cfr.org/category/>. قرارات المجلس.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). “International Day of Zero Tolerance for Female Genital Mutilation, 6 February” dalam laman sesawang rasmi PBB, diakses pada 13 Februari 2018, <http://www.un.org/en/events/femalegenitalmutilationday/>.

Robert Winston, “Playing God?” dalam laman sesawang *nature.com*, diakses pada 4 Mac 2018, <https://www.nature.com/articles/426603a>.

Şāliḥ bin ‘Abdullah bin Ḥumaid. “Metodologi Fatwa dan Kehakiman al-Shaikh ‘Abdullah bin Ḥumaid في الفتوى والقضاء” dalam ceramah yang disampaikan pada 21 Jamadil Awal 1439H di Universiti al-Imām Muḥammad bin Su‘ūd al-Islāmiyyah, <https://units.imamu.edu.sa/colleges/sharia/announcements/Pages/Ibnhomaid.aspx>

\_\_\_\_\_ . “*Al-Ijtihād al-Jamā‘ī wa Ahammiyatuhu fī Nawāzil al-‘Aṣr*”, laman sesawang almoslim.net, diakses pada 8 Oktober 2018, <http://almoslim.net/node/266821>.

Samantha Libreri. “Islamic Centre of Ireland Issues Fatwa Against FGM”, bertarikh 12 Februari 2018, dalam laman sesawang rasmi RTE News, diakses pada 13 Februari 2018, <https://www.rte.ie/news/2018/0212/940233-fgm/>.

Sarkar et al., Muḥammad Ma‘ṣūm dan Muḥammad Arshad al-Ḥasan. “*Aḍwā’ ‘alā Dirāsah al-Tafsīr al-Kabīr li al-Imām al-Rāzī: Ru’yah Manhajīyyah li Istikshāf Ma‘ālim al-Madrasah al-‘Aqliyyah fī al-Tafsīr*”, 6. <https://www.academia.edu/2565566/>  
أوضاع\_على\_دراسة\_التفسير\_الكبير\_للام\_الرازي\_رؤية\_منهجية\_لاستكشاف\_معاً\_المدرسة\_العقلية\_في\_التفسير

*Al-Sharq al-Awsāṭ*. “Kepelbagaian Mazhab dalam HKU: Satu Langkah ke Arah Keluasan Fiqh في هيئة كبار العلماء السعودية.. خطوة للاستفادة من سعة الفقهاء” التيسير (في)، diakses pada 14 November 2017,

<http://archive.aawsat.com/details.asp?section=17&issueno=11067&article=511267#.WgqSj7CZ21s>.

Shauqi ‘Allam. “Transplant Kornea dari Penderma yang Sudah Meninggal Dunia” (نقل القرنية من المتوفى)، diakses pada 3 Disember 2017, <http://www.daralifta.org/AR/ViewFatwa.aspx?ID=13256&LangID=1&MuftiType=0>

Tara Thiagarajan. “Australian Patient Gets Plastic Surgery in Malaysia, Dies in Less Than a Week”, dalam laman sesawang rasmi *World of Buzz* bertarikh 19 Disember 2017, diakses pada 5 Mac 2018, <http://www.worldofbuzz.com/australian-experts-warn-getting-plastic-surgery-malaysia-patients-death/>

What Clinic. “Plastic Surgery in Malaysia”, laman sesawang WhatClinic.com, diakses pada 7 Mac 2018, [www.whatclinic.com](http://www.whatclinic.com)